# Tradisi Persejarahan
# PAHANG
## DARUL MAKMUR
## 1800 – 1930

# Tradisi Persejarahan
# PAHANG
# DARUL MAKMUR
# 1800 - 1930

**MUHAMMAD YUSOFF HASHIM**
**ARUNA GOPINATH**

TEMPO PUBLISHING
(M) SDN BHD
( Kumpulan Delta Publishing )

*Pertama kali diterbitkan pada 1992 oleh*
**Tempo Publishing (M) Sdn. Bhd.**
*18 Jalan 51A/223*
*46100 Petaling Jaya*
*Selangor Darul Ehsan*
*Malaysia*

*© Muhammad Yusoff Hashim dan Aruna Gopinath, 1992*

*Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman, ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari Tempo Publishing (M) Sdn. Bhd.*

*Dicetak di Malaysia oleh*
*Baron Production Sdn. Bhd.*

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Mengkatalog-Dalam-Penerbitan

Muhammad Yusoff Hashim.
Tradisi persejarahan Pahang Darul Makmur 1800 – 1930/ Muhammad Yusoff Hashim, Aruna Gopinath.

Bibliografi: ms. 384
ISBN 983-888-016-7.
ISBN 983-888-015-9 (pbk.)
1. Pahang – History, Modern – 19th century.
2. Pahang – Politics and government.
I. Gopinath, Aruna
II. Judul.
959.5123032

590794

M
959.5123032
MYH

12 AUG. 1992
Perpustakaan Negara
Malaysia

## PENGHARGAAN

Sekalung budi penulis kepada pihak berikut;

Budayawan Dato' Haji Zakaria bin Hitam, Kuantan, Pahang
Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz, Profesor Emiritus
Prof. Dato' Dr. Khoo Kay Kim (Profesor Sejarah Malaysia)
Encik Mohamed Mokhtar bin Abu Bakar (Pengarah) dan seluruh kakitangan Muzium Sultan Abu Bakar Pekan, Pahang
Datin Zairon bte. Haji Othman (ITM)
Profesor Madya Ahmad Fawzi bin Mohd. Basri, Universiti Utara Malaysia
Allahyarham Encik Hamdan bin Abdul Rahman @ Rollins Bonney
Universiti Malaya, Kuala Lumpur
Kakitangan Arkib Negara, Kuala Lumpur
Bank Habib Perwira Malaysia Bhd
Kakitangan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
Penuntut Kursus AE 357, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya
dan semua pihak individu serta institusi yang turut membantu.....

## KATA PENGANTAR

PADA awal 1950-an, perbincangan dan perbahasan hebat berlaku tentang perlunya sejarah Asia (justeru itu Malaysia juga), ditulis kembali kerana, setakat itu, yang banyak menulis sejarah Asia ialah sarjana Barat. Persepsi mereka dikatakan bersifat Euro-centric (tertumpu kepada Barat). Suatu sejarah Asia lebih berautonomi dikehendaki. Lantaran itu para sejarawan diminta lebih banyak menggunakan sumber-sumber tempatan untuk mendapat perspektif baru.

Perkembangan ini bagaimanapun, tidak ditentang oleh sejarawan Barat. Jawapan mereka ialah sumber tempatan amat berkurangan. Tambahan pula, di Malaysia terutama sekali, sebilangan besar sumber tempatan adalah dalam bentuk cereka, oleh sebab itu, tidak boleh digunakan sebagai sumber yang tepat. Sejarah Melayu, sumber tempatan yang terkenal itu, juga menimbulkan masalah kerana terdapat mitos dan legenda dalam kandungannya.

Kekecualian sememangnya ada. **Tuhfat al-Nafis dan Misa Melayu**, adalah dua contoh sumber tempatan yang telah diberikan keutamaan kepada fakta oleh penulis-penulisnya; justeru penulisan-penulisan ini tidak jauh berbeza dengan penulisan sejarah di Barat.

Hikayat Pahang juga suatu sumber tempatan yang bernilai kerana pendekatan pengarangnya selaras dengan prinsip-prinsip penulisan sejarah zaman moden. Namun demikian, Hikayat Pahang juga mempunyai kelebihan lain. Di dalam kandungannya terdapat maklumat tentang alam budaya masyarakat Pahang, termasuk perjalanan sistem politiknya. Catatan ini akan dapat menolong sejarawan memahami perkembangan-perkembangan di Pahang dengan lebih mendalam. Walaupun Hikayat Pahang ini lebih banyak memperkatakan tentang Perang Saudara (1857 – 1863) dan kebangkitan awal 1890-an, namun karya ini perlu dibaca dengan perspektif yang lebih luas.

Penuntut-penuntut sejarah Malaysia sepatutnya digalakkan membaca sumber-sumber seperti Hikayat Pahang ini kerana

mereka bukan sahaja dikehendaki memahami hal-hal yang berlaku tetapi juga tentang alam sekitar satu-satu peristiwa yang berlaku. Analisis dalam sejarah adalah mustahil jika sekiranya penuntut sejarah tidak memahami alam sekitar budaya masyarakat yang sedang dikaji.

Manusia bertindak mengikut rasional yang selaras dengan persepsi dan fahaman mereka. Rasional itu boleh jadi tidak memberi makna kepada orang daripada masyarakat lain. Sejarawan harus menjadi penilai yang saksama. Jika sekiranya digunakan kriteria yang asing atau anakronistis maka sejarah akan diputarbelitkan.

Mudah-mudahan usaha penerbitan Hikayat Pahang ini akan disusuli dengan penerbitan sumber-sumber tempatan lain, hatta memberi kesempatan kepada sejarawan menulis sejarah Malaysia dengan perspektif yang lebih tepat dan saksama.

Dato' Profesor Khoo Kay Kim
*Profesor Sejarah Malaysia*
*Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*
*Mei 1991*

# KANDUNGAN

**Penghargaan** **v**
**Kata pengantar** **vii**
**Singkatan** **xii**
**Senarai gambar dan ilustrasi** **xiii**
**Prakata** **xv**

**BAHAGIAN SATU**
**PERSEJARAHAN PAHANG DARIPADA TEKS-TEKS SEJARAH MELAYU**

**BAB 1**

**TIGA NASKHAH SEJARAH MENGENAI PAHANG DARUL MAKMUR** **3**

Naskhah-naskhah berbentuk sejarah mengenai Pahang, *3* • Hikayat Pahang (HP),*6* • Ahli persejarahan HP, *10* • Komposisi dan fungsi, *15* • Pengarang dan semangat zamannya, *20* • Syair Tanah Melayu (STM) *24* • Hikayat Johor Serta Pahang (HJP), *28* • Kesimpulan, *32*

**BAB 2**

**SINOPSIS HIKAYAT PAHANG** **35**

Keberangkatan Bendahara Ali ke Lingga, *35* • Membuka Petempatan Baru, *35* • Kematian Bendahara Tun Ali dan Permulaan Persengketaan Engku Muda Mutahir dengan Engku Ahmad, *35* • Penglibatan Johor dan Terengganu, *36* • Penglibatan Kemaman di dalam persengketaan Pahang, *36* • Penggelaran Pembesar Pahang, *37* • Peperangan di Pahang dan Pengunduran di Kemaman, *37* • Kemenangan Engku Muda Wan Mutahir, *37* • Angkara Deraman, *37* • Sultan Mahmud Muzaffar Shah ke Siam, *37* • Serangan dan Hukuman, *38* • Peperangan berlanjutan, *38* • Serangan Balas, *38* • Berundur ke Terengganu dan Kelantan, *38* • Penglibatan Orang Rawa dan Mendeleng, *38* • Peperangan Berterusan, Kemunduran di pihak Wan Mutahir, *39* • Menjemput Wan Ahmad balik ke Pahang, *40* • Wan Ahmad kembali ke Pahang, *40* • Penglibatan

Orang-orang Bugis, *41* • Pertempuran di antara pihak Hulu dan Hilir, *41* • Pertempuran dan kemenangan di pihak Wan Ahmad, *42* • Raja melawat kubu peperangan, *43* • Pertempuran dan Kematian Bendahara Wan Mutahir, *43* • Wan Ahmad Menaiki Takhta, *43* • Serangan Semula, *44* • Pahang, Johor dan Selangor, *44* • Peperangan Selama Sembilan Bulan, *44* • Istiadat Bertindik, *44* • Pahang dan Perang Klang, *45* • Kemasukan Inggeris di Selangor, *45* • Pahang, Johor dan Terengganu, *46* • Berangkat ke Johor, *46* • Pertabalan, Perkhwinan dan Berkhatan, *46* • Perkahwinan Sultan Terengganu di Pahang, *46* • Triti Pahang – Inggeris, *47* • Pahang dan J.P. Rodger, *47* • Kebangkitan Semantan, *47* • Kebangkitan Berterusan, *48* • Menentang dan Membateras Kebangkitan, *48* • Perlantikan Tengku Besar dan Perkahwinannya, *49*

**BAB 3**

**HIKAYAT PAHANG** **51**

Keberangkatan Bendahara Ali ke Lingga, *51* • Membuka Petempatan Baru, *54* • Kematian Tun Ali dan Permulaan Persengketaan Engku Muda Mutahir dengan Engku Ahmad, *55* • Penglibatan Johor dan Terengganu, *57* • Penglibatan Kemaman di dalam persengketaan Pahang, *59* • Penggelaran Pembesar Pahang, *63* • Peperangan di Pahang dan pengunduran di Kemaman, *63* • Kemenangan Engku Muda Wan Mutahir, *65* • Angkara Deraman, *66* • Sultan Mahmud Muzaffar Shah ke Siam, *66* • Serangan dan hukuman, *66* • Peperangan Berlanjutan, *67* • Serangan Balas, *67* • Berundur ke Terengganu dan Kelantan, *68* • Penglibatan Orang Rawa dan Mendeleng, *68* • Peperangan Berterusan, Kemunduran di pihak Wan Mutahir, *70* • Menjemput Wan Ahmad balik ke Pahang, *72* • Wan Ahmad kembali ke Pahang, *73* • Penglibatan Orang-orang Bugis, *74* • Peperangan Berterusan, *75* • Pertempuran di antara pihak Hulu dan Hilir, *77* • Pertempuran dan kemenangan di pihak Wan Ahmad, *79* • Raja melawat kubu peperangan, *83* • Pertempuran dan Kematian Bendahara Wan Mutahir, *84* • Wan Ahmad Menaiki Takhta, *87* • Serangan Semula, *90* • Pahang, Johor dan Selangor, *93* • Peperangan Selama Sembilan Bulan, *96* • Istiadat Bertindik, *101* • Pahang dan Perang Klang, *107* • Kemasukan Inggeris di Selangor, *119* • Pahang, Johor dan Terengganu, *122* • Berangkat ke Johor, *125* • Pertabalan, Perkhwinan dan Berkhatan, *125* • Perkahwinan Sultan Terengganu di Pahang, *129* • Triti Pahang – Inggeris, *131* • Pahang dan J.P. Rodger, *136* • Kebangkitan Semantan, *136* • Kebangkitan Berterusan, *147* • Menentang dan Membateras kebangkitan, *153* • Perlantikan Tengku Besar dan Perkahwinannya, *160* •

**BAB 4**

**SYAIR TANAH MELAYU** **169**

BAB 5

**HIKAYAT JOHOR SERTA PAHANG** **248**

Mengenai Raja-Raja Johor, *248* • Mengenai Bendahara dan Sultan Pahang, *254* • Mengenai Adat Istiadat Raja-Raja Pahang dan Johor, *261*

**BAHAGIAN DUA**
**SEJARAH RINGKAS: DARI ZAMAN AWAL HINGGA 1930**

**BAB 6**

**PERKEMBANGAN SEJARAH PAHANG DARUL MAKMUR** **271**

Zaman Awal hingga Tahun 1880, *271* • Pemecahan Empayar Johor–Pahang–Riau–Lingga, *248* • Pemerintahan Bendahara Ali di Pahang, *287* • Perang Saudara di Pahang, *288* • Pemerintahan Bendahara Wan Ahmad, *293* • Permulaan Era Pergolakan di Pahang, *297* • Campurtangan British di Pahang, *303* • Perlaksanaan Sistem Residen di Pahang, *308* • Kebangkitan Pahang 1891–1895, *314* • Pahang Menyertai Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NMB), *325* • Pahang Darul Makmur – Sehingga Tahun 1930-an, *337*

**EPILOG** **366**

**Lampiran** **370**

**Bibliografi** **385**

**Indeks** **395**

## SINGKATAN

| | |
|---|---|
| A.R.K.D.O. | – Annual Report of Kuantan District Office |
| A.R.P. | – Annual Report of Pahang |
| B.R.O.F. | – British Resident's Office Files |
| C.O. | – Colonial Office |
| F.O.C.P. | – Further Correspondence Respecting the Affairs of Siam, Great Britain Foreign Office |
| G.B.W.O.I.D. | – Great Britain War Office Intelligence Division |
| H.C.O.D. | – High Commissioner's Office Despatches |
| H.C.O.F. | – High Commissioner's Office Files |
| J.I.A. | – Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia |
| J.M.B.R.A.S. | – Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society |
| J.S.B.R.A.S. | – Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society |
| J.S.E.A.H. | – Journal of Southeast Asian History |
| K.D.O.F. | – Kuantan District Office Files |
| P.G.G. | – Pahang Government Gazette |
| P.P. | – Parliamentary Papers |
| S.S.F. | – Selangor Secretariat Files |
| S.S.R. | – Straits Settlements Records (India Office) |
| T.D.O.F. | – Temerloh District Office Files |

## GAMBAR DAN ILUSTRASI


| | |
|---|---|
| Rajah 1 | Salasilah Ringkas Bendahara dan Sultan Pahang (1770 hingga 1991) |
| Gambar 1: | Sultan Ahmad al-Muazzam Shah ibni Bendahara Wan Ali, Bendahara Sri Wak Raja 1863 – 1882, Sultan Pahang 1882 – 1914. Diambil pada tahun 1880. |
| Gambar 2: | Faksimile Jawi Hikayat Pahang – hlm 1 |
| Gambar 3: | Faksimile Jawi Hikayat Pahang – hlm 16 |
| Gambar 4: | Teks Syair Tanah Melayu – hlm 1 dan 2 |
| Gambar 5: | Faksimile Syair Tanah Melayu – hlm akhir |
| Gambar 6: | Sir Cecil Clementi Smith C. G. M. G. Gabenor Negeri-negeri Selat 1887 – 1893 |
| Gambar 7: | Sultan Ahmad dan para penjawat di Pekan pada tahun 1885 |
| Gambar 8: | Mat Kilau bin Imam Rasul (Tuk Gajah). Dilahirkan di Pulau Tawar pada tahun 1847. Muncul semula pada 27 Disember 1969. |
| Gambar 9: | Perang Pahang 1891 – 1895. |
| Gambar 10: | Persidangan DURBAR yang pertama pada tahun 1897 di Istana Negara Kuala Kangsar Perak (14 – 17 Julai 1897). |
| Gambar 11: | Sultan Ahmad ibni Bendahara Ali (1914) |
| Gambar 12: | Tengku Mahmud ibni Sultan Ahmad, Tengku Besar Pahang. |
| Gambar 13: | Sultan Abdullah al-Mutassim Bilah ibni Sultan Ahmad, Sultan Pahang antara tahun 1917 – 1932. |
| Gambar 14: | Sultan Abu Bakar Pahang. Diambil pada tahun 1932. |
| Peta 1: | Negeri Pahang Darul Makmur dan Negeri-negeri tanah Melayu. |
| Peta 2: | Kepulauan Melayu Abad ke-14 |
| Peta 3: | Kepulauan Riau–Lingga |
| Peta 4: | Negeri-negeri Tanah Melayu 1888 |
| Peta 5: | Kawasan sempadan wilayah Pahang dan Johor yang menjadi punca perbalahan. |

## PRAKATA

SELEPAS tahun 1957, penulisan sejarah Malaysia yang berorientasi dan bersudutpandangan Malaysia kerap diperkatakan. Pengorientasian ini bukan muncul setakat teori saja, malah menjadi suatu wawasan dan impian bagi setiap warga Malaysia yang cintakan sejarah tanahairnya. Di kalangan penulis amatur dan profesional, wawasan dan impian ini dijelmakan di dalam hasil-hasil penulisan, yang mengambil berbagai-bagai aspek sejarah negara ini, sekiranya disedari dan difahami maksud sebenar yang terkandung di dalam hakikat dan matlamat wawasan serta impian itu.

Di dalam kecanggihan pengertian sejarah itu sendiri, wawasan tersebut bukan sahaja terdapat pada penulisan, malah sekiranya diterjuni ke dalam aspek yang lebih dasar, persejarahan meliputi soal yang paling hakikat, iaitu mengenai **sumber** sejarah (atau yang bukan sejarah coraknya, *per se*) yang digunakan bagi penulisan tadi. Penulisan hanya merupakan peringkat yang kedua selepas sumber-sumber dikutip dan diperolehi, dihayati, disaring dan digunakan. Penggunaan sumber yang terpilih kerap menjadi faktor pengimbang bagi menentukan corak penulisan sejarah yang dihasilkan. Apabila sumber dan corak penulisan digunakan dengan penuh sedar, barulah wawasan dan impian sejarah tadi tercapai.

Di kalangan para ilmiawan, hal ini dianggap amat serius dalam memberi arah bagi generasi Malaysia kini dan yang akan datang, memahami, mempelajari dan menghayati konteks sejarah negara ini. Andaian dan perlaksanaan sikap nasionalisme yang sempit sehingga berpendapat bahawa sumber-sumber dan rekod Barat mengenai sejarah yang digunakan untuk penulisan sejarah negara ini tidak signifikan, juga amat merugikan. Sebaliknya, terlampau taksub pula terhadap sumber tempatan sehingga tanpa bertolak ansur mengatakan mitos "Puteri Gunung Ledang" merupakan suatu fakta sejarah, juga tidak menguntungkan, malah membodohkan diri sendiri. Oleh itu, amat penting memahami

dan menggunakan kedua-dua sumber tempatan dan Eropah dengan bijak, kritis dan seimbang supaya maklumat yang diperolehi boleh menjadi wadah bagi memenuhi matlamat wawasan dan impian penulisan sejarah tadi. Dalam konteks Malaysia, sejak penghujung abad ke-18 hinggalah kini, sumber Eropah paling dominan ialah rekod-rekod kolonial, sementara sumber-sumber tempatan pula di dalam tradisi lisan dan hikayat-hikayat Melayu yang bercorak sejarah, menjadi salah satu *genre* sastranya.

Walaupun hikayat-hikayat tempatan ini menarik sebagai sumber *primary* penulisan sejarah tetapi sumber ini harus digunakan dengan prihatin dan penuh sedar. Pada abad ke-19, sewaktu Snouck Hurgronje menuliskan sejarah Acheh di dalam buku **De Achehnese**, beliau mendapati **Hikayat Acheh** memang kaya dengan butiran sejarah peribumi, tetapi butiran ini tersorok di bawah timbunan fantasi yang merupakan sebahagian daripada pemikiran sejarah dan *world-view* masyarakat Acheh zaman dahulu berhubung budaya politik sebuah kerajaan yang beraja. Butiran sejarah dan fantasi itu ada kaitannya dengan kebudayaan tempatan dan unsur perlambangan Melayu sehinggakan turut memainkan peranan membina kesejarahan **Hikayat Acheh** menjadi bentuk dan corak yang ada kini.

Bagi memperkukuhkan penggunaan **Hikayat Acheh**, Snouck juga merujuk sumber Belanda abad ke-17 dan sumber Portugis, **de Asia** karangan pengkelana de Barros. Penggunaan sumber tersebut membantu pemahaman dan penghayatan sejarah Acheh abad ke-17. Sejarah Acheh mempunyai perspektif yang lebih kukuh dan mantap. Kesan usaha Snouck begitu jelas. Sesiapa sahaja yang menulis sejarah awal raja-raja Acheh pasti akan merujuk hasil penulisan sarjana Belanda yang penting itu.

Di dalam pendekatan sejarah yang seperti itulah juga persejarahan Pahang seharusnya ditulis, iaitu penggemblingan kedua-dua sumber tempatan peribumi dan sumber Eropah. Bagi jangka masa di antara 1800 sehingga beberapa dekad awal abad ke-20, beberapa sumber yang berbentuk hikayat diselenggarakan dan ditampilkan di dalam buku ini. Sumber-sumber ini kami dahulukan dengan suatu pengenalan mengenai permasalahan asas penggunaan, corak dan etos kandungan, kelemahan dan kekuatannya.

Perkembangan sejarah politik Pahang yang dituliskan dengan merujuk sumber sejarah tempatan Pahang, berdasarkan tradisi

beberapa buah hikayat seperti yang diperlihatkan melalui Bahagian satu buku ini. Bahagian Dua pula merupakan sejarah ringkas Pahang berdasarkan sumber kolonial Inggeris daripada siri-siri fail Pejabat Tanah Jajahan (*Colonial Office*), Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, pewarkahan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan hasil penulisan para sejarawan Timur dan Barat yang merangkumi jangka masa daripada zaman awal hingga 1930-an.

Semoga usaha kecil ini dapat membekalkan kita pengetahuan mengenai sumber-sumber sejarah peribumi Pahang yang wujud di dalam bentuk tulisan, sambil menggabungkan secara kategori, sumber-sumber peribumi ini dengan sumber-sumber dan rekod-rekod rasmi luar sezaman yang bukan di dalam bahasa Melayu, untuk menulis dan menghasilkan sebuah karya sejarah mengenai Pahang yang lebih wajar dan seimbang mungkin.

Prof. Madya Dato' Dr. Muhammad Yusoff Hashim dan
Dr. Aruna Gopinath
*Jabatan Sejarah*
*Universiti Malaya*
*Kuala Lumpur*
*25 Mac 1991*

# BAHAGIAN SATU

## PERSEJARAHAN PAHANG DARIPADA TEKS-TEKS SEJARAH MELAYU

# BAB 1

## TIGA BUAH NASKHAH SEJARAH MENGENAI PAHANG DARUL MAKMUR

BAB ini merupakan bab pengenalan terhadap kajian hasil-hasil penulisan Melayu, bercorak sejarah berhubung dengan Pahang Darul Makmur. Analisa hasil-hasil penulisan ini, dibuat secara intrinsik sambil memberi perhatian utama kepada corak-corak fizikalnya. Kemudian, teks-teks sejarah yang menarik dinilai pula kandungannya kerana penulisan teks-teks sejarah ini, dilakukan di kalangan masyarakat peribumi tempatan dan biasanya ditulis mengikut peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku ketika itu. Teks-teks sejarah ini juga biasanya ditulis berdasarkan penglihatan dan penilaian penulis itu sendiri.

Tradisi persejarahan merangkumi cara masyarakat setempat menutur dan menulis sejarahnya mengikut peristiwa sejarah yang dialami dan dilihatnya, yang kemudiannya diberikan persepsi tersendiri. Seterusnya, segala penglihatan, pengalaman dan persepsian ini dirakamkan melalui tradisi *oral* ataupun tulisan. Justeru itu, pendekatan terhadap sumber-sumber ini dibuat menerusi *textual interpretation* yang sekaligus memperlihatkan corak kajian filologi yang amat ketara. Pada dasarnya, 'pengembalian' diri kepada corak dan semangat ketika penghasilan sumber-sumber ini amat penting kerana penerapan pelbagai ilmu sains sosial moden di dalam masyarakat hari ini, boleh menimbulkan pelbagai tanggapan yang mengelirukan. Oleh itu, pengetahuan yang mendalam tentang zaman lampau diperlukan terlebih dahulu.

### Naskhah-naskhah Bercorak Sejarah Mengenai Pahang

Sehingga tahun 1974, terdapat sejumlah 5000 naskhah Melayu daripada pelbagai genre, ditemui di pelbagai tempat di dunia. Daripada jumlah tersebut 800 buah daripadanya telah dapat diberi judul khusus dan dibahagikan. Selain itu, terdapat 47 buah naskhah daripadanya yang dianggap sebagai naskhah bercorak sejarah.[1] Kini setelah tujuh belas tahun berlalu, lebih banyak naskhah lain yang ditemui dan dikesani. Dengan ini, naskhah bercorak sejarah juga meningkat jumlahnya. Pengesanan ini adalah akibat langsung daripada usaha gigih yang

dijalankan, bertujuan untuk mengumpulkan semula khazanah warisan kesusasteraan dan kebudayaan Melayu yang besar nilainya, di Timur mahupun di Barat; di peringkat institusi atau organisasi mahupun di tahap orang perseorangan. Sekarang, naskhah-naskhah ini tersedia untuk tatapan para pengkaji dan ilmuan daripada pelbagai bidang seperti sejarah, kesusasteraan, filologi, antropologi, bahasa, undang-undang, agama dan beberapa cabang ilmuan metafizika, perubatan, perpawangan, kebudayaan dan sebagainya.

Seperti negeri-negeri lain di Malaysia , Pahang Darul Makmur kaya dengan sumber tradisi *oral* dan kesusasteraan rakyatnya. Khazanah hasil kesusasteraan bertulisnya berjaya dikumpulkan serta dikatalogkan pada hari ini, dalam bentuk manuskrip atau naskhah. Kendatipun demikian, pengetahuan mengenai hasil-hasil penulisan bercorak sejarah daripada naskhah yang sedemikian rupa bentuknya, amatlah terbatas. Buktinya cukup jelas. Sesiapa sahaja yang dapat menampilkan sebarang penulisan bercorak sejarah mengenai Pahang, dahulu atau sekarang, yang berbentuk 'popular' atau akademik dan turut memberikan empat atau lima judul naskhah Melayu, hasil penulisan tersebut akan dirujuk dan digunakan, di samping sumber dan rekod rasmi Barat yang 'bertimbun-timbun' itu, kita cukup beruntung.[2]

Pada tahun 1947, W. Linehan seorang pegawai tadbir Inggeris di Tanah Melayu, cuba mencari asal usul dan susur-galur penaskhahan **Sejarah Melayu** atau **Sulalatus-Salatin**. Menurut Linehan, proses transmisi dan perkembangan hikayat Melayu ini, berdasarkan sebuah naskhah **Sejarah Melayu** daripada versi Pahang (kerana kaitan istilah 'Goa', menjadi 'Gua di Pahang'). Sekiranya tepat andaian Linehan, di manakah teks yang dimaksudkan oleh Linehan itu?[3]

Beberapa tahun sebelum itu, iaitu pada tahun 1936, Linehan menulis sebuah rencana panjang mengenai sejarah Pahang.[4] Empat tahun sebelum itu, iaitu pada tahun 1932, tokoh *malaicus* Inggeris yang terkenal, R. O. Winstedt, telah menampilkan sebuah rencana mengenai pembesar-pembesar Pahang, Perak dan Acheh.[5] Kedua-dua rencana yang ditulis oleh pegawai tadbir-*cum*-penulis Inggeris ini, berbentuk naratif tetapi berdasarkan hanya sebuah naskhah tradisi hikayat yang dianggap bercorak sejarah. Tentunya, naskhah bercorak sejarah yang dikatakan itu adalah **Hikayat Pahang**, satu-satunya hasil penulisan peribumi di dalam bahasa Melayu mengenai persejarahan Pahang. **Hikayat Pahang** merupakan *magnum-opus* persejarahan bagi masyarakat peribumi Pahang, seperti juga ke*magnum-opus*an **Hikayat Merong Mahawangsa** bagi masyarakat Kedah, **Misa Melayu** bagi masyarakat Melayu Perak, **Hikayat Seri Kelantan** di kalangan masyarakat tempatan Kelantan, **Tuhfat al-Nafis** bagi sekalangan khusus masyarakat peribumi Johor dan lain-lain lagi. Setelah itu, **Hikayat Pahang** dirujuk sebagai sumber tunggal peribumi mengenai tradisi persejarahan Pahang, sebelum dan selepas periode kolonial, hinggalah ke hari ini.

Barangkali, tidak begitu ramai para pengkatalog dan para *malaicus* tempatan dan luar negeri mengetahui secara mendalam tentang teks ini. Di dalam beberapa senarai dan katalog naskhah-naskhah Melayu, yang terdapat di dunia ini (tercetak atau setakat stensilan), terdapat satu atau dua senarai atau katalog yang menyebutkan **Hikayat Pahang** berserta ciri dan kandungan umumnya. Pada tahun 1966, J. H. Howard menyebutkan **Hikayat Pahang** sebagai, *"Location of original manuscript unknown"*, bagi mikrofilem no. 204 untuk hikayat ini yang terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya.[6] Hal ini menunjukkan, betapa terbatasnya pengetahuan Howard mengenai teks ini.

Berbanding dengan beberapa buah hasil kesusasteraan yang sekerabat dengannya, **Hikayat Pahang** adalah sebuah penghasilan kreatif yang agak terkemudian dan terbaru. Sekiranya kita dapat menerima kenyataan bahawa penulisan naskhah asalnya tidak mungkin ditulis lebih awal daripada tahun 1883 dan naskhah salinan pula dikeluarkan selepas tahun 1930-an, justeru itu, buku-buku karangan R. O. Winstedt, iaitu, **A History of Classical Malay Literature** (1958) dan **A History of Malay Literature** (1939) serta **Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik** (1975), yang ditulis oleh Liaw Yock Fang, merupakan tiga buah penulisan 'persejarahan kesusasteraan Melayu klasik' paling intensif dapat diterima dan dirujuk. Walaupun begitu, ketiga-tiga buah penulisan tersebut tidak menyebutkan, walau sepatah pun, mengenai **Hikayat Pahang**, walhal, maklumat mengenainya telah pun ada pada Winstedt, berdasarkan dakwaan W. Linehan pada tahun 1910 yang menyebut keperihalan **Hikayat Pahang** dan mengatakan bahawa versi lengkap **Hikayat Pahang** berada di tangan Winstedt.[7] Hatta, di dalam konteks memperkatakan *'modern works'* di bawah tajuk besar *'Malay Histories'* di dalam buku tahun 1958 tadi, Winstedt tidak menyinggung sama sekali **Hikayat Pahang**, sedangkan beliau mengetahui tentang hasil kesusasteraan ini, yang katanya, terdapat dua buah di Johor, dua buah di Kedah dan dua buah di Kelantan.

Dari semasa ke semasa, lebih banyak sumber-sumber peribumi dalam bahasa Melayu, yang memperkatakan persejarahan Pahang, ditemui. Sumber-sumber tersebut selalunya memperkatakan tentang sesuatu tahap atau peringkat masa tertentu, memerikan secara penghikayatan mengenai sesuatu kalangan masyarakat di Pahang, menerangkan sesuatu keperihalan adat-istiadat tempatan, protokol keistanaan dan lain-lain lagi. Setakat ini, saya mendapati bahawa sekurang-kurangnya tiga buah penghasilan sastera yang bercorak sejarah bagi Pahang dapat diketengahkan. Oleh itu, sebagai hasil penulisan bercorak sejarah, ketiga-tiganya boleh memainkan fungsi pengmaklumatan sejarah abad ke-18 dan awal abad ke-19. Di samping itu, sekiranya ketiga-tiga buah naskhah ini dibincangkan di dalam lingkungan dan konteks kreativiti sastera Melayu, yang turut mengkategorikan sejarah sebagai salah satu genrenya, oleh itu, ketiga-

tiganya mempunyai keistimewaan-keistimewaan tersendiri, untuk pengungkapan yang lebih bermakna dan ilmiah. Ketiga-tiga naskhah tersebut ialah,

i. Hikayat Pahang, sepertimana yang disebutkan di atas.
ii. Sebuah penghasilan bercorak sejarah, yang diberi pelbagai judul seperti Syair Tanah Melayu (menurut versi litograf bertarikh 1900, di Singapura), Syair Sultan Abu Bakar, Syair Sultan Abu Bakar bin Sultan Ibrahim dan Syair Sultan Abu Bakar ibni Sultan Ibrahim, Johor.
iii. Hikayat Johor serta Pahang.

## Hikayat Pahang (HP)

Berdasarkan kajian, penulis pertama yang memberikan keperihalan mengenai HP ialah W. Linehan, bukan untuk senarai dan katalog, tetapi sebagai rujukan untuk sebuah naskhah peribumi yang mengandungi sejarah mengenai Pahang, di dalam sebuah rencana sejarahnya, bertajuk *'The Bendahara of Pahang'* (1926). Linehan menyebut HP sebagai, *"A typed document of over 200 sheets"*.[8] Apabila telah ditaip, bererti HP merupakan sebuah naskhah bertulisan rumi dan bukannya Jawi. Namun, sama ada HP berbentuk rumi, mahupun Jawi, HP tetap sebuah naskhah. Pada penghujung abad ke-18 dan sepanjang abad ke-19, terdapat berbagai-bagai naskhah Melayu, di dalam bentuk rumi, kerana langkah penyalinan semula daripada naskhah Jawi. Naskhah-naskhah tersebut disalin semula oleh pegawai-pegawai Belanda di pejabat pemerintah Belanda di Indonesia atau oleh penyalin peribumi yang menjadi jurutulis di pejabat-pejabat Kompeni Belanda. Salah sebuah daripadanya adalah naskhah **Sejarah Melayu** (dieja **Sidjara Melajou**) oleh penyalin tersebut. Di dalam hal ini, perpindahan berlaku hanya di dalam bentuk transmisi naskhah-naskhah tersebut, dari Jawi ke rumi. Maka kedua-dua corak ortografi Melayu ini berjalan seiring. Berikutnya, pada tahun 1932, R. O. Winstedt merujuk pula HP bagi menuliskan kisah mengenai pemerintah-pemerintah Melayu di Perak, Pahang dan Acheh, yang diterbitkan oleh *JMBRAS*, jilid 10, bilangan 1. Selepas W. Linehan dan R. O. Winstedt, HP pun dirujuklah seterusnya bagi penulisan sejarah tempatan. Di antara penulisan tersebut termasuklah **Pemberontakan Pahang 1891–1895** oleh Jang Aisjah Muttalib, **Sejarah Pahang** oleh Buyong Adil dan **Kerajaan: Malayan Political Culture on the Eve of Colonial Rule** oleh A. C. Milner.[9]

Setakat ini, tiga buah naskhah HP saja yang dapat dikesani, iaitu sebuah di Perpustakaan Universiti Malaya, sebuah di Arkib Negara Malaysia serta sebuah di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang. Di Universiti Malaya, naskhah ini dikodkan sebagai MS. 937 dan

bermikrofilem no. 204. Ukuran mikrofilem adalah 28 cm × 28 cm dan mempunyai sebanyak 71 halaman kesemuanya. Naskhah ini ditulis di dalam tulisan Jawi yang agak kecil dan cukup sukar dibaca. Tarikh terakhir yang tercatat di bahagian penghujung naskhah berkenaan adalah Jun 1932. Hal ini bererti bahawa salinan tersebut mungkin telah disalin daripada sebuah naskhah asal, tetapi dilakukan bukan lebih awal daripada 1932. Tiap-tiap baris mempunyai hitung panjang antara 14 hingga 16 patah perkataan. Oleh itu, setiap halaman mempunyai hitung panjang antara 32 hingga 34 baris kesemuanya. Barangkali inilah satu-satunya naskhah tunggal HP di dalam tulisan Jawi yang diketahui wujud sekarang. Naskhah berkenaan dimulai dengan ayat,

> "Alkisah cetera yang pertama: Kata sahibulhikayat pada suatu masa Datuk Bendahara Seri Maharaja Ali disilakan orang Yang Maha Mulia Sultan di Lingga, kerana hendak mengangkatkan gelaran puteranya...

dan ditamatkan dengan ayat,

> ...Tertulis pada 3hb. April 1909, bersamaan dengan 12 haribulan Rabiulawal 1328.

yang menunjukkan tarikh penyerahan kuasa kepada Tengku Besar Pahang oleh Sultan Ahmad Muazzam Syah. Berbanding dengan dua buah naskhah HP yang lain, naskhah ini disebut sebagai naskhah berversi pendek.

Sementara itu, naskhah-naskhah yang terdapat di Arkib Negara Malaysia dan di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, ditulis di dalam tulisan rumi dan bertaip. Kedua-dua naskhah ini berukuran, 18 cm x 25 cm dan mempunyai sejumlah 217 halaman kesemuanya. Oleh itu kedua-dua naskhah ini adalah naskhah salinan taip yang sama dan menunjukkan bahawa penyalinannya berdasarkan kepada sebuah naskhah asal yang barangkali serupa. Kedua-dua naskhah dimulai dengan kalimat,

> ...*Bismillahi'r-Rahmani'r-Rahim, A'lam,* ketahui olehmu, adalah kepada zaman dahulu kala dan pada masa yang telah lalu, kata yang empunya hikayat ini...

Dan diakhiri dengan kalimat,

> ...Telah selesai fakir mengarangkan hikayat ini, iaitu peranakan Pahang.

Siapakah nama sebenar 'peranakan Pahang' ini, *wallahualam.*

Naratif pada kedua-dua naskhah ini diakhirkan dengan lebih singkat lagi, iaitu, sehingga pertabalan Bendahara Wan Ahmad sebagai Sultan Ahmad, Pahang dan dicatatkan berlaku pada tahun 1302 Hijrah, bersamaan tahun 1883. Dengan ini, bermakna naskhah-naskhah ini disalin terlebih dahulu daripada naskhah bertulis Jawi tadi.

Sekarang terdapat dua kumpulan versi, iaitu versi Jawi dan versi-versi rumi. Timbul pula persoalan, adakah kedua-dua kumpulan versi salinan ini berpunca daripada versi asal dan naratif induk yang serupa, atau adakah versi Jawi tadi hanya merupakan versi yang disalin semula daripada versi salinan rumi? Setelah itu, adakah naratifnya diperpanjangkan sahaja hingga ke tahun 1932? Pokoknya, tidak terdapat perbezaan yang besar di antara kedua-dua kumpulan versi tersebut. Versi rumi (dinamakan A di Arkib Negara dan B di Muzium Pekan) didapati lebih panjang dan terperinci, bukan kandungan naratifnya, tetapi perpanjangan kalimat dan bahasa yang berbunga-bunga, disertai pula dengan suatu mukadimah mengenai kekeluargaan Bendahara Tun Koris dan Bendahara Tun Ali, yang didahului dengan senarai nama Bendahara-bendahara Pahang yang dimulakan oleh Tun Tahir (lihat Rajah 1). Sementara versi Jawi (dinamakan C, di Universiti Malaya), lebih panjang dan terperinci dari segi naratif, lalu melanjutkan kisahnya sehingga tahun 1932, iaitu melebihi 49 tahun lamanya. Walaupun begitu versi ini lebih singkat dan pendek di segi pemakaian bahasa dan penggunaan kalimat. Begitu ketara penyingkatan dan perpendekannya sehingga kerapkali pembacaannya janggal kerana kata-katanya seakan diungkapkan secara lisan, tetapi terakam dalam bentuk tulisan.

**Rajah 1:** SALASILAH RINGKAS BENDAHARA DAN SULTAN PAHANG (1770 HINGGA 1991)



Sebagai contoh, lihat perbezaan di antara kedua-dua kumpulan versi tersebut, di dalam suatu potongan ayat (dengan kalimat dan perkataan bergaris dari versi A dan B),

> "Alkisah tersebut cetera yang ketiga puluh, dengan takdir *Rabbulalamin*, kata di dalam Quran Ya *Mukallibul Qulub*, kata hamba yang dibalikkan, lepas tiga hari daripada pekerjaan, dengan sekonyong-konyong datanglah Sonit, perempuan Imam Perang Mat Ali, masuk ke dalam istana, menghadap...

Sekiranya C bukan berasal daripada penyalinan semula versi daripada naskhah-naskhah A dan B dan perpanjangan daripada versi tersebut, maka jelaslah penyalin telah mengambil jalan singkat, menyalin HP daripada naskhah asal dengan menggugurkan banyak perkataan dan kalimat yang difikirkannya tidak relevan dengan komposisi HP. Fenomena ini mengingatkan kita akan cara penyalinan salah sebuah naskhah salinan kitab **Bustanus-Salatin,** yang tidak menyalin semula nama-nama bunga dan buah-buahan yang terdapat di dalam taman Sultan Acheh, dengan alasan, "membuang masa saja... pembaca fahamlah sendiri... kertas terlalu mahal dan sukar didapati sekarang ini",[10] katanya.

Dengan demikian kedua-dua versi HP boleh dirajahkan seperti berikut,

KUMPULAN 1 - VERSI JAWI = C

KUMPULAN 2 - VERSI RUMI = A & B

Penyebaran ketiga-tiga naskhah dari kedua-dua versi HP mungkin dapat diperbina daripada stemma berikut,




(petunjuk: X = naskhah asal/naratif induk)

Kedudukan fizikal naskhah A juga agak jelas. Barangkali naskhah inilah yang dinyatakan oleh W. Linehan sebagai, "*A typed document of over 200 sheets.*" Beliau juga menyebut tentang kehilangan 50 halaman pertama naskhah tersebut. Naskhah ini dikatakan disimpan oleh Tengku Besar Pahang, manakala naskhah bertaip yang lebih lengkap pula dimiliki oleh R. O. Winstedt. Dengan itu, kedua-dua naskhah A dan B adalah sewajarnya 'naskhah lengkap' milik R. O. Winstedt, yang diperolehi oleh Arkib Negara. Salah satu salinannya diserahkan pula ke pihak Muzium Pekan. Naskhah A menerangkan bahawa penjilidannya dibuat oleh seorang yang bernama A. Savarimuthu pada

5 Julai 1963. Seterusnya naskhah disemak pula oleh K. Rasiah pada 12 Julai, tahun yang sama.[11] Naskhah C pula, melanjutkan pemaklumatan dan pembutiran sehingga tahun 1932. Oleh itu, dalam kajian filologi ketiga-tiga naskhah daripada kedua-dua kumpulan versi ini sama pentingnya.

Bagi tujuan persejarahan pula, berpegang kepada salah sebuah naskhah HP adalah memadai, sebab ketiga-tiganya seiras dan saling melengkapi dari segi pemaklumatan dan pembutiran. Ketiga-tiga naskhah juga mengungkapkan sudut pandangan, konsep komposisi dan tujuan kepengarangan yang serupa serta pendapat historis yang sejalan, malah barangkali ketiga-tiga pihak (pengarang asal, penyalin A dan B, penyalin C) mengongsi *world-view* penulisan yang sama dan berteduh di bawah limpahan payung tokoh pemerintah dan protagonis yang serupa. Oleh itu isu transmisi HP tidak menimbulkan sebarang persoalan filologi yang kompleks.

Baru-baru ini HP diselenggarakan pula oleh Kalthum Jeran.[12] Barangkali kerana ketidakkompleksnya HP itulah, penyelenggara ini mengambil kaedah 'mengkahwin' atau 'menggabungkan' kedua-dua versi, bagi mengrekonstruksi sebuah teks tersendiri. Penyelenggaraan ini menimbulkan kesan yang agak membingungkan juga. Pertama, tidak ada panduan atau sebarang arahan mengenai cara atau kaedah teksnya diselenggarakan. Apakah perbedaan di antara transkripsi tidak berkurung dengan yang berkurung? Saya saja yang mungkin mengerti hakikat ini, tetapi bagaimana pembaca lain yang tidak memahami persoalan teks HP? Katanya, penyelenggaraan teks berdasarkan versi Jawi, tetapi mengapa dicampurbaurkan sekaligus di antara versi Jawi dengan versi rumi? Perkara ini mengingatkan kita kepada penyelenggaraan Lode Brakel terhadap **Hikayat Muhammad Hanafiyyah** yang bukan saja ditentang hebat dan diselar oleh ahli filologi Barat ketika ini, malah bertentangan pula dengan prinsip, *"always do justice"* terhadap naskhah-naskhah individu daripada sesebuah teks yang dikaji. Tiap-tiap naskhah salinan mempunyai kekuatan dan *world-view* komposisi yang berlainan serta semangat kepenyalinan yang berlainan pula. Maka kaedah penggabungan bagi menyajikan sebuah teks (barangkali untuk *convenience* penerbitan semata-mata) sering mengelirukan pembaca. Penghayatan teks tersebut juga sering terganggu dan dasar filologi kerap dicemari! Hal ini memberi peluang kepada golongan anti-filologi pula, mengkritik penulisan teks tersebut.

## Nilai Persejarahan HP

HP mencakupi suatu periode sejarah Pahang yang amat panjang. HP dimulai dengan pengkisahan Bendahara Tun Ali, di tahap pertama abad

ke-19 sehingga tahun 1883 (versi rumi) dan kemudian ke tahun 1932 (versi Jawi). Penjangkauan masa sepanjang hampir seabad setengah ini melingkupi periode kebendaharaan Tun Ali, Tun Mutahir dan Kesultanan Tun Ahmad serta Sultan Abdullah ibnu Sultan Ahmad (1917–1932). Periodisasi persejarahan pula melingkupi periode sebelum kolonial dan periode selepas kolonial, iaitu setelah pengenalan sistem keresidenan di Pahang, lanjutan daripada pengenalan dan perlaksanaan sistem yang serupa di Selangor, Perak dan Negeri Sembilan.

Peristiwa sejarah penting yang terjadi di Pahang dan membentuk inti dasar yang mewadahi komposisi HP adalah sejarah peperangan saudara, untuk merebut takhta kerajaan dan pemerintahan Pahang, iaitu antara Tun (Wan) Mutahir yang digelar Engku Muda dan adindanya Tun (Wan) Ahmad. Para pembesar dan hulubalang serta rakyat Melayu Pahang pula terbahagi kepada dua puak, satu golongan berpihak kepada Wan Mutahir dan golongan yang lain pula menyebelahi Wan Ahmad. Suasana menjadi cukup kecoh. Perang saudara tamat dengan kemangkatan Tun (Wan) Mutahir, lalu memberikan kemenangan kepada pihak yang satu lagi, iaitu Wan Ahmad, yang kemudiannya ditabalkan sebagai Sultan Ahmad Shah ibnu Tun Ali. Di tengah-tengah konflik peperangan ini, muncul pula pihak ketiga, iaitu Johor, yang memihak kepada Wan Mutahir, bukan saja kerana jalinan kekeluargaan menerusi perkahwinan kalangan kerabat pemerintah, malah bagi mempertahankan nilai tradisi dan warisan temurun, bahawa yang tua selalunya lebih berhak. Tetapi di dalam politik tradisional, tidak timbul soal 'yang tua dengan yang muda'. Politik tidak mengenal saudara, kawan dan handai. Siapa yang bijak memanipulasi, petah berslogan, berkarismatik, kuat dan selalu menang dalam peperangan, dialah yang berjaya dan berkuasa. Begitulah tradisi politik lama Pahang seperti juga di Kedah, Perak dan Selangor.

Peristiwa sejarah yang kedua pula adalah berkenaan sejarah kebangkitan Pahang menentang pengenalan sistem Residen dan penjajahan Inggeris, antara tahun 1891 hingga 1895 iaitu setelah Tun Ahmad mengambil gelaran 'Sultan' pada tahun 1884. Kebangkitan ini bukan saja melibatkan pihak Melayu dan para penentang Inggeris dengan pihak Inggeris dan penyokongnya, malah Terengganu dan Selangor juga terheret sama, akibat faktor kejiranan, barangkali. Di dalam kedua-dua konflik politik inilah Sultan Ahmad menunjukkan kewiraannya, kewibawaan kepimpinannya, karismenya dan kebolehannya berpolitik, bukan saja ketika berhadapan dengan pihak lawannya, kakandanya sendiri, juga terhadap kuasa Inggeris yang harus ditentangnya atau dimanipulasinya. Peperangan ditamatkan dengan melenyapkan aktiviti kebangkitan dan tokoh wira serta para pembangkit Pahang. Seterusnya diperkenalkan sistem Residen dengan perlantikan seorang Residen Inggeris di Pahang, iaitu J. P. Roger. Sultan Ahmad pula memainkan peranan *expediency*nya[13] untuk menghadapi

tindak-tanduk politik Inggeris dan pada masa yang sama tidak menyentuh perasaan para pembangkit yang menentang Inggeris sambil baginda berjuang mempertahankan kedudukan dirajanya.

Di celah-celah episod kedua-dua sejarah yang besar inilah, diperbinakan pula berbagai-bagai naratif komposisi seperti siri-siri peperangan dan strategi peperangan, pembinaan adat istiadat, perkahwinan, kematian, soal *"who's who"* dalam episod adat pertabalan, soal perang di Selangor dan sebagainya. Kesemuanya semacam menjadi pepejal dan otot serta urat saraf bagi menyokong pembinaan tulang-temulang dua episod sejarah Pahang yang induk tadi, iaitu peperangan saudara (di antara 1857–1863) dan kebangkitan Pahang menentang Inggeris. Akhirnya terbentuklah sebuah hasil penulisan historis HP.

Untuk menghasilkan naskhah A, terdapat sebanyak 41 Bab atau Cetera kesemuanya. Naratif ini diakhiri dengan perihal kemangkatan Sultan Abdullah ibnu Sultan Ahmad pada bulan Jun 1932, bersamaan 22 haribulan.[14]

HP, seperti juga tradisi-tradisi penghikayatan bercorak sejarah Melayu lain, yang terdapat di rantau ini mengutamakan soal-soal mengenai peperangan, *court intrigue*, naratif mengenai adat istiadat, isu *interplay of personalities on the highest level*, yang merupakan minat dan inti utama pengarangnya. Isu-isu pokok yang berbangkit, sepertimana konvensi dan tradisi penciptaan penulisan yang sekerabat dengannya, bukanlah menjadi *complexity* persejarahan bagi sesebuah negeri atau kerajaan. Permasalahan masyarakat mengenai isu-isu semasa dalam soal politik, ekonomi dan sosial, yang berlandaskan *causal*, musabab dan akibat, bukanlah menjadi naratif utama mendasari *'complexity'* persejarahan itu. Hal-hal tentang siapa yang memerangi siapa, siapa yang menziarahi siapa, berapa banyak dan ramai tokoh-tokoh yang terlibat, siapa yang menang dan siapa yang kalah dalam peperangan, siapa yang lari dan siapa yang mengejar dalam episod peperangan, lebih diminati dan menjadi bahan dan rempah ratus penulisan HP.

Dengan demikian, HP mengandungi maklumat dan butiran mengenai episod-episod bersejarah tadi, sesuai dengan fungsinya sebagai dokumen pemaklumatan dan pembutiran, bukan falsafah mengenai persejarahan Pahang itu sendiri. Persembahan naratifnya yang diungkapkan secara *episodic* memudahkan kita mengikuti dan menangkap kisah naratif dari mula hingga ke akhir dan mencari matlamat serta konsepsi kepengarangan HP.

Satu sumber lisan mendakwa bahawa pengarang asal HP ialah Haji Muhammad Noor.[15] Di dalam HP, Haji Muhammad Nor diungkapkan secara implisit sebagai seorang yang gagah berani, protagonis yang mentaati Tun (Sultan) Ahmad dengan tidak berbelah bagi, bersedia menggadai nyawa demi mempertahankan kewibawaan dan kedaulatan baginda, baik pada masa meletusnya peperangan saudara, mahupun ketika menghadapi kebangkitan para penentang Inggeris di Pahang.

Sekiranya dakwaan ini benar, melalui pembacaan dan penangkapan etos dan konsep komposisi serta kepengarangan HP (tanpa mengetahui nama Haji Muhammad Noor), kita dapat mengungkapkan bahawa HP dikarang untuk menyokong dan mengabsahkan secara penulisan serta persuratan, kewibawaan Wan Ahmad. Apabila Wan Ahmad ini berjaya meningkatkan taraf peribadi di dalam konteks dan lingkungan perpolitikan Melayu Pahang, daripada seorang yang 'bukan kerabat' kepada seorang yang 'kerabat', lalu berjaya melantik dirinya menjadi dan menggunakan gelaran 'sultan', HP berperanan pula sebagai sebuah dokumen tertulis, "... *a device to prop up the charismatic position of the rulers and the nobality*".[16]

Wan Ahmad serta ketokohan beliau di dalam semua episod bersejarah yang berkaitan, menguasai hampir kesemua bahagian naratif HP. Malah mulai Bab ke-3 sampailah ke akhirnya, tokoh inilah yang menjadi protagonis induk mendasari hal-ehwal pertokohan di dalam HP. Pengarang cuba menerap dan mencari justifikasi sejarah serta kejayaan Wan Ahmad dalam peperangan dua beradik itu, (walaupun Johor membantu pihak yang ditentangnya), seterusnya memberinya hak sebagai pemerintah Pahang. Kemudian, dilihat pula keberkesanan peranan politik Wan Ahmad untuk tidak memusuhi Inggeris, bukan saja atas nasihat Sultan Johor, malah Perak, Selangor dan Negeri Sembilan yang telah menerima sistem pentadbiran kolonial. Baginda juga tidak memarahi para penentang Melayu Pahang yang membela dan mempertahankan kedudukannya daripada pencerobohan kuasa asing bukan Melayu.

Pengarang membuktikan, di dalam menghadapi cabaran dan mengharungi bencana serta gelombang politik daripada kedua-dua peristiwa sejarah yang besar itu, Wan Ahmad terus berdiri teguh, tidak luntur dan gugur. Semangatnya tidak patah dan enggan menyerah. Perjuangan politiknya tidak berhenti-henti. Justeru itu, bersesuaianlah Wan Ahmad mengisytiharkan dirinya sebagai pemerintah Pahang yang pertama mengguna dan mengambil gelaran Sultan, lalu membebaskan Pahang daripada ikatan politik Johor. Seterusnya, baginda mencipta autonomi politiknya sendiri, melaksanakan kuasa dan wibawanya di dalam sebuah kerajaan dan negeri Melayu yang berdaulat, mulai tahun 1884. Tiada siapa yang boleh mengungkit-ungkitkan perkara ini, sebab secara tradisi dan perpolitikan pentadbiran temurun Melayu, keluarga dan nenek moyangnyalah yang 'memegang dan mentadbir hal-ehwal Pahang', sejak era Empayar Johor–Riau–Lingga di abad ke-18 lagi. Kebebasan autonomi dan pentadbiran harus dikemuncakkan dengan hadirnya seorang pemerintah yang berwibawa dan berdaulat. Cuma dengan pemakaian gelaran 'raja' atau 'sultan' sajalah, kewibawaan dan kedaulatan ini boleh dan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Oleh itu, gelaran Wan Ahmad sebagai Raja Ahmad atau Sultan Ahmad sememangnya dapat mematuhi justifikasi sejarah dan keperluan politik

semasa dan setempat. Barangkali, di sinilah letak fungsionalnya HP sebagai sebuah penghasilan yang bercorak sejarah. Pengarang cuba membina mitos kepengarangan seperti juga percubaan para literator Melayu-Jawa yang menceburi bidang penulisan historis seperti pengarang **Sejarah Melayu, Hikayat Siak, Hikayat Banjar, Aturan Setia Bugis dengan Melayu,**[17] **Silsilah Raja-raja Melayu dan Bugis, Hikayat Patani**, serta hasil kesusasteraan pengarang Jawa yang lebih *extreme* coraknya seperti **Pararaton, Babad Ken Angrok, Babad Tanah Jawi, Babad Grisek** dan berbagai-bagai tradisi babad sejarah Jawa. Bagaimanapun, pengarang HP merujuk kepada realiti sejarah, sambil menggunakan episod-episod penting persejarahan Pahang supaya relevan dengan corak dan skima kepengarangan pembinaan mitosnya tadi. Dalam hal ini, jelaslah arah *political and compositional slant* yang diambil oleh pengarang, ke arah Wan Ahmad. Apabila elemen politik kolonial berjaya menembusi benteng politik dan pemerintahan peribumi Pahang, pengarang tidak menunjukkan sebarang reaksi, malah menerima saja elemen ini seperti yang dilakukan oleh pemilik dan kuasa politik Pahang yang teratas. Oleh itu, sikap pengarang HP lebih banyak 'dikemudikan' oleh pihak penaungnya, iaitu kalangan teratas istana Pahang.

Apakah HP masih mematuhi tradisi dan konvensi kepengarangan sebagai sebuah penghasilan yang bercorak sejarah? Hal ini sebenarnya suatu persoalan yang menarik. Nampaknya, sama ada sengaja atau tidak disedari, HP kelihatan 'menyimpang' daripada tradisi persejarahan Melayu, lantas tidak memenuhi skima komposisi seperti yang diwarisi. Kandungannya tidak mempunyai tradisi-tradisi mitos atau sebarang legenda tokoh berhubung dengan asal usul, kepahlawanan, pengembaraan, salasilah dan sebagainya, yang terdapat pada penghasilan teks seperti ini. Tidak wujud lagi soal kedewa-dewaan, pengasalusulan tokoh dari kayangan atau sebarang alam ghaib yang menyangkutinya. Sekiranya dapat kita mengatakan bahawa awal abad tersebut merupakan permulaan proses perubahan hasil-hasil karya Melayu yang bercorak sejarah, oleh itu HP sedang mengalami suatu tahap dalam proses transisional iaitu dari tahap tradisional ke suatu corak dan konsep penulisan sejarah seperti yang difahami hari ini.

Proses transisional tidak memerlukan suatu pengubahan atau penyimpangan daripada tradisi yang terjadi secara mendadak. Dengan demikian, ciri-ciri tradisional masih terus terungkap di dalam komposisi dan kaedah kepengarangan HP. Sudut pandangannya masih 'bertumpu' ke istana; hal-ehwal pertokohannya masih berlegar di sekitar masyarakat peringkat atasan. Kaedah naratifnya masih meneruskan tradisi 'pembeberan' peristiwa berdasarkan *matter of facts*, bukan penganalisisan atau perbahasan mengenai fakta-fakta tadi. Pengarang bertujuan menunjukkan *glorification* pihak penaung sambil mengekalkan konvensional penulisan genre ini iaitu bagi memuji dan menyanjung

Sultan Ahmad secara *consistant* di dalam penulisannya. Justeru itu, keraplah ditempelkan ke atas tokoh ini kalimat seperti 'adil', 'elok', 'gagah', 'perkasa', 'lemah-lembut' dan 'halus', bagi mencipta keunggulan pihak yang disanjung tadi, selari dengan perskimaan dan matlamat HP diciptakan.

Mencipta keunggulan seorang tokoh menerusi penulisan seperti ini jelas pada suatu paragraf yang menampilkan kewibawaan, kecerdikan politik dan karisma seseorang seperti Sultan Ahmad, iaitu,

> ...fasal raja-raja Pahang yang sudah hamba lihat. Tiadalah berjumpa seperti raja ini (Sultan Ahmad), berani dan tawakal, bijaksana, pandai mengikatkan peperangan, mengambil hati sekalian hulubalangnya, dan lemak manis tutur katanya kepada hamba sahayanya. Jikalau orang penakut, jadi berani; orang lemah, jadi kuat semuanya melawan musuh. Apatah lagi bagi hulubalang, panglima perang, tibalah selalu, akuan sama. Jadi diibaratkan orang, berhantu. Apakala dibakar, kemudian; datanglah selalu hantunya. Maka raja inilah kemenyannya, kepada bakar, hulubalang, panglima-panglima... (*hlm.* 20)

Kemudian disebut lagi,

> ...Encik Wan Ahmad...terlalu beraninya. Satu anak raja yang gagah perkasa lakunya, tiadalah sia-sia raja membela dari satu masa kepada satu masa, tiada kurang kepada orang. Maka zahirlah beraninya... (*hlm.* 22)

Walaupun demikian pernyataan ini mungkin merupakan suatu daya kreativiti, menjadi unsur komposisi pengarang HP atau benar-benar terjadi di dalam sejarah justeru kemenangan dan karisma Wan Ahmad serta kepimpinannya, membolehkannya menjawat jawatan Bendahara dan kemudiannya sultan, jelas ditunjukkan secara mitos dan mendapat restu ayahandanya, Tun Ali, yang hampir mangkat. HP menulis;

> ...Yang Maha Mulia Datuk Bendahara Seri Maharajà datanglah geringnya... Di dalam satu bulan lebih kurang, sangatlah ia hendak berjumpa paduka anakandanya, Engku Muda (Wan Mutahir) itu. Dijemput beberapa kali, tiadalah datang. Putera-puteranya semuanya hadir, dan ialah Engku Muda saja tiada. Maka pada masa gering itulah Datuk Bendahara memanggil puteranya, Tun Ahmad, serta dengan Bahaman, disuruh dekat. Kemudian sabdanya Datuk Bendahara kepada Tun Ahmad, "nganga mulut", lalu diludahkan ke dalam mulut anaknya... (*hlm.* 5)

Dengan ini, secara tidak langsung, peranan dan ketokohan Wan Mutahir diperkecilkan.

## Komposisi dan Fungsi

Di dalam konteks ini, kedudukan dan peranan pengarang HP semasa mengarang, menyerupai beberapa orang pengarang Melayu atau

**Gambar 1:** Sultan Ahmad al-Muazzam Shah ibni Bendahara Wan Ali, Bendahara Sri Wak Raja 1863–1882, Sultan Pahang 1882–1914. Gambar ini diambil pada tahun 1880.



**Sumber:** Arkib Negara Malaysia

'penghikayat' peribumi lain di Nusantara ini. Semasa menggerakkan penanya untuk mengarang HP, barangkali tersemat di dalam fikirannya bahawa dia mengarang bukan semata-mata untuk menaratif atau merakamtuliskan (sekiranya HP ini terus dituliskan, bukan dipindahkan daripada sesuatu yang bertradisikan lisan) pengalaman (sekiranyalah benar bahawa pengarang HP ialah Haji Muhammad Noor) serta pengetahuannya mengenai berbagai-bagai peristiwa politik dan kebudayaan yang terjadi di Pahang, malah lebih jauh dan lebih fungsional, untuk menerangkan secara implisit, peranan dan sumbangan besar yang dimainkan oleh penaungnya, iaitu Bendahara (Sultan) Wan Ahmad, di dalam kepimpinan dan *aura* kewibawaan, di dalam sejarah negeri Pahang, di sepanjang abad ke-19 itu.

Sultan Ahmad bukan saja mencorakkan warna sejarah Pahang, bahkan bertanggungjawab mengubah tradisi persejarahan negeri itu kepada sesuatu yang baru dan berlainan daripada tradisi persejarahan yang lalu. Pahang tidak lagi terikat kepada tradisi *polity* Johor-Riau, tetapi bebas dan tegak sebagai sebuah entiti politik, identiti berwibawa dan berdaulat. Pahang sebelum ini bertanggungjawab kepada penguasa politik induk di Johor dan sebelum tahun 1511 pula, tertakluk kepada penguasaan politik kesultanan Melaka.

Dekad-dekad pemerintahan Wan Ahmad adalah dekad kemelut politik Pahang. Kejayaan beliau untuk memulakan, menegakkan dan menanamkan wibawa serta pengaruh politiknya, bermula setelah beliau menafikan sistem pewarisan tradisi dan menentang kewibawaan abangnya, Wan Mutahir. Bukanlah semudah atau seremeh itu penafian ini dilaksanakan, malah dipenuhi dengan siri-siri peperangan di antara kedua-dua saudara ini dan di antara kelompok-kelompok kedua-dua pengikutnya. Ratusan nyawa turut terkorban.

Dekad tersebut juga dipenuhi dengan pergelutan dan pelbagai muslihat politik. Untuk bertindak, otak harus cekap berfikir dan merancang; mulut wajib bertutur dengan lincah dan petah; tindak-tanduk dan perbuatan mesti baik dan menarik; strategi peperangan hendaklah diatur dengan sempurna. Isu utama ialah isu perebutan kuasa politik. Soal hubungan adik-beradik, anak-beranak, mertua-taya, dan sebagainya diketepikan. Siapa yang lincah, bijak, petah dan cekap, dialah yang berjaya. Soal penghormatan atau pengiktirafan orang ramai adalah soal kedua. Pokoknya, jikalau sudah menang berperang, sekiranya berupaya menunjukkan peribadi dan kepimpinan yang baik dan memuaskan, seseorang pemimpin akan dihormati dan diiktiraf. Wan Ahmad akhirnya berjaya di dalam peperangan saudara ini.

Mulai tahun 1882, Bendahara Wan Ahmad memakai gelaran 'sultan', iaitu, Sultan Ahmad al-Muazzam Syah, yang menandakan bahawa bagindalah pemegang dan penguasa politik Pahang yang utama selepas Pahang membentuk entiti politiknya yang tersendiri. Kejayaan ini juga merupakan suatu kebolehan dan kejayaan politik secara peribadi dan

institusi, kerana baginda berjaya mengganti gelaran Bendahara Wan Ahmad kepada gelaran Sultan Ahmad. Di dalam sejarah dan perpolitikan Melayu di Malaysia, kerabat dari Terengganu juga berasal daripada Bendahara, kerabat Perlis (Raja) berasal daripada keluarga Sayyid dan kerabat Johor pula berasal daripada keluarga Temenggung.

Justeru itu, selepas berjaya menjadi sultan Pahang, Wan Ahmad masih menghadapi beberapa kemelut politik. Sekitar tahun 1880-an, baginda menghadapi ancaman politik daripada adindanya, Engku Muda Mansur. Menjelang dekad-dekad kemasukan kuasa Inggeris ke negeri-negeri Melayu, tokoh inilah yang didakwa sebagai menjadi 'anak kunci pembuka pintu' bagi Inggeris memasuki Pahang.[18] Seterusnya, Inggeris berjaya menempatkan seorang wakilnya di Pahang pada tahun 1887. Kemudiannya British melantik J. P. Rodger secara rasmi pada Oktober 1888 sebagai residen Inggeris yang pertama. Setelah itu Pahang berada di bawah sistem keresidenan Inggeris.

Episod dan perubahan sejarah bagi dekad-dekad 1880-an menyingkap pula suatu lagi babak sejarah di dalam politik dan kerajaan Pahang yang amat cemas dan membimbangkan, iaitu sejarah kebangkitan orang-orang Melayu Pahang menentang wibawa dan institusi pentadbiran kolonial. Institusi ini bukan lagi bercorak peribumi dan totok seratus peratus, malah 'dicemari' oleh kaedah pemerintahan dan pentadbiran asing dari Eropah. Pertemuan dan pertembungan dua budaya politik dan pentadbiran yang berlainan corak dan matlamat ini dapat dianggap, persis pertembungan antara udara panas dengan udara sejuk, yang meletuskan cahaya kilat dan ledakan petir. Bunyinya bising; bahangnya hangat membakar; mautlah bagi sesiapa yang tertimpa kilat dan ledakan itu. Perubahan-perubahan baru yang cuba dibawa dan diperkenalkan oleh Inggeris tidak diterima oleh sebilangan rakyat peribumi Pahang.

Mereka mula menentang secara fizikal, pemegang wibawa dan penguasa negeri. Sekali lagi Pahang terjerumus ke dalam kancah peperangan dan kekacauan, mulai tahun 1888 hinggalah 1890-an. Penentangan ini bukan sahaja merugikan ribuan nyawa, malahan memusnahkan banyak harta benda dan menelan belanja puluhan ribu ringgit. Kemelut politik yang berlaku dan peperangan demi peperangan yang silih berganti sejak Pahang membebaskan dirinya daripada penguasaan Johor-Riau serta tindak-tanduk politik yang meruncing lagi mencemaskan ketika berhadapan dengan kuasa kolonial Inggeris pada dekad-dekad 1880-an, walaupun begitu, terus memperlihatkan kewibawaan dan kekuasaan Bendahara (Sultan) Ahmad sebagai pemerintah unggul di Pahang. Keperihatinan, cabaran dan kemelut politik ini dihadapi dan dilaluinya sejak tahun 1857 lagi, sewaktu menentang kewibawaan abangnya, Wan Mutahir yang menjadi Bendahara Pahang, menggantikan ayahnya, Tun Ali. Walaupun begitu, Wan Mutahir didakwa sebagai, "tiada mengikut wasiat ayahnya".[19]

Oleh itu, tercetuslah apa yang disebut 'perang sama sendiri' di Pahang.

Selepas itu, Bendahara (Sultan) Ahmad berhadapan pula dengan masalah membina dan menegakkan daulatnya sebagai seorang 'sultan' dan menjadikan Pahang sebuah negeri yang berdaulat serta bebas daripada kedaulatan Johor-Riau. Baginda telah ditentang oleh adiknya Engku Mansur; menghadapi muslihat dan proses politik Inggeris, yang mulai mencampuri hal-ehwal politik dalam pemerintahan Pahang; kebangkitan dan penentangan Orang Kaya Setia Pahlawan Semantan dan konco-konconya serta beberapa peristiwa lain sejak tahun 1857 sehinggalah kemangkatannya pada tahun 1914. Kekuasaan dan kewibawaan pemerintahan yang dipegangnya itu mengalami pasang surut dan kerap pula tercabar.[20] Namun, sumbangan yang cukup besar dan bermakna di dalam persejarahan Pahang, terlihat dengan permulaan suatu tradisi sejarah kesultanan Pahang, yang beridentiti dan berwibawa. Beliau berjaya menanam dan mempertahankan kesinambungan tradisi persejarahan negeri ini sejak sebelum 1850-an sehinggalah sekarang.

Pengarang melihat episod-episod sejarah yang terjadi di sepanjang kira-kira lapan dekad ini sebagai episod-episod penting dan induk yang mewadahi sejarah dan tradisi persejarahan Pahang. Walaupun barangkali episod-episod yang dinaratifkan di dalam HP adalah elitis sifatnya kerana episod-episod ini menerangkan *interplay* anggota-anggota masyarakat di peringkat atasan, namun sejarah membuktikan bahawa golongan masyarakat inilah yang menjadi pewarna dan agen pencorak yang penting dalam mengubah dan menjuruskan arah serta corak tradisi persejarahan itu. Anggota masyarakat luar daripada golongan ini, bersama-sama mengalami dan merasai arus perubahan dan corak sejarah ini, *per se*. Tokoh unggul pewarna dan pencorak sejarah Pahang ini tidak lain daripada Bendahara atau Sultan Ahmad sendiri, yang disokong oleh para pengikutnya, pembesar dan rakyat Melayu Pahang.

Malah sifat dan corak elitis ini juga jelas terdapat di dalam sikap persejarahan **Syair Tanah Melayu** dan **Hikayat Johor serta Pahang**. Para tokoh dan protagonisnya pula daripada golongan elit dan bangsawan Melayu serta golongan yang rapat dengannya. Bahkan kisah atau naratif lisan mengenai hal-hal yang terjadi lebih awal daripada 1800 dan 1850-an, tentunya tidak pernah dilihat oleh pengarang atau penyalin ketiga-tiga buah teks kerana peristiwa itu berlaku di kalangan anggota kerabat, para pembesar atau para Orang-orang Kaya Melayu sahaja bukannya daripada para penanam sayur, penjual goreng pisang di tepi jalan atau perihal para gembala kerbau di denai dan *ngarai*.

Dengan matlamat sedemikian, secara tidak langsung pengarang telah membina suatu mitos di dalam komposisinya. Pengarang HP bukan setakat mengarang semata-mata, malah bermatlamat menyatakan secara ekspresif tetapi implisit, perihal kejayaan dan keunggulan seorang

anggota kerabat Pahang yang dapat mengatasi pelbagai masalah dan kemelut politik negeri itu, menerusi daya usaha dan kebolehan mental, fizikal dan kegigihan semangat. Pembinaan suatu mitos dengan menggunakan rangka-rangka dan episod-episod sejarah seperti ini barangkali tidak memerlukan suatu wadah realisme di dalam konsep dan pengertian sejarah kini. Malah rangka dan episod sejarah ini menjadi semacam mekanisme bagi membina mitosnya tadi.

Sehubungan ini, mitos juga tidak ada kaitan dengan kisah dan naratif, perihal hubungan manusia dengan makhluk-makhluk ghaib, seperti asal usul seseorang raja yang sering didakwa berasal daripada dewa-dewa, pari-pari dan mambang; atau darihal asal usul kemasukan sesuatu agama di kawasan ini, yang sering dihubungkaitkan dengan peristiwa-peristiwa ajaib. Mitos di dalam konteks pengarangan HP lebih mendekati matlamat dan cita-cita unggul pengarangnya, iaitu mengungkap sesuatu kejayaan dan keunggulan tersebut, sambil berikhtiar memperkukuhkan sesuatu institusi masyarakat atau kewibawaan tokoh tadi yang dibina berdasarkan kejayaan dan keunggulannya seperti yang disarankan oleh seorang penulis,

> ...An historical myth feeds upon a grand vision of the past; also in most cases... upon a grand vision of the future; and likewise upon a grand vision which its advocates have of themselves as sons of a nation, members of a people, subjects of a state, representative of 'their' race ... in short as individuals within milieus and cultures...[21]

## Pengarang dan Semangat Zamannya

Sekiranya benar bahawa HP dikarang oleh Haji Muhammad Noor, seorang anak jati Pahang, oleh itu, sifat dan sikapnya menulis HP juga adalah diwadahi oleh faktor kejatiannya ini. Dia sama-sama merasai, mengalami dan mengharungi segala 'pahit maung' sejarah yang dilalui oleh Pahang. Telah banyak asam garam peperangan dan kemelut politik yang disaksi dan dilibatinya sendiri. Di dalam mengharungi arus sejarah itu, dia secara konsistan dan tanpa berbelah bagi memihak kepada Bendahara atau Sultan Ahmad. Dia menunjukkan taat setianya kepada baginda tanpa persoalan, walaupun kadangkala nyawanya berada di hujung senjata musuh. Dia menjadi salah seorang protagonis dan penyokong utama baginda. Dia merakamkan secara tulisan di dalam HP tentang keunggulan dan kejayaan 'tuannya' untuk bacaan dan pengetahuan pada masa sekarang, tanpa menyedari bahawa dengan meneliti corak dan sifat penulisan HP, arah pemihakannya dapat diperhatikan. Barangkali, hal ini berlaku secara sengaja kerana Haji Muhammad Noor mahu menunjukkan, tanpa tolak ansur, arah kesetiaannya dituju dan dicurahkan.

Berwadahkan kedudukan dirinya iaitu di kalangan masyarakat yang

dia bertuankan, tokoh 'tuan' yang dikaguminya dan institusi wibawa atau kuasa yang disokong dan didokonginya, oleh itu, semuanya menjadi faktor dan latar belakang matlamat HP karangannya, iaitu, bukanlah semata-mata, *"to write for the sake of writing,"* tetapi, *"to write for the sake of something in mind."* Dia menulis untuk membina suatu mitos mengenai keunggulan dan kewibawaan seseorang tokoh serta berusaha membina suatu mitos mengenai konsep sejarah, iaitu cara dan gaya persejarahan Pahang yang harus dilihat, sekiranya HP dibaca dan dirujuk oleh generasi Pahang akan datang.

Haji Muhammad Noor seolah-olah menjadi 'pengacara' bagi menghebah dan mendakyahkan kepada umum bahawa Bendahara atau Sultan Ahmadlah yang menjadi 'sauh' bagi menentukan arah sejarah Pahang. Begitu condong sikapnya terhadap tokoh protagonisnya ini sehingga menaratifkan hal-ehwal politik Pahang daripada tahun 1800 sehingga ke tahun 1930-an dan tokoh inilah yang diletakkan menjadi 'paksi' bagi kerangka persejarahannya. Di sekitar paksi itulah segala naratif darihal titik bengik politik dan kebudayaan serta *anecdote* tentang individu Pahang (para anggota kerabat dan pembesar negeri itu) berkisar. Hal ini begitu terasa, ketika menulis naratif 'Cetera Enam Belas', iaitu, mengenai angkatan perang Bendahara Wan Mutahir yang dikatakan mulai lemah. Ketokohan Wan Mutahir dan para penyokongnya diletakkan di bahagian pinggiran naratif saja. Oleh itu, secara langsung, ketokohan dan 'watak' Wan Ahmad segera menyerlah.

Hal-hal ini menjadi *back-drop* dan unsur penting membina mitos di dalam tradisi penulisan dan persejarahan HP, sesuai dengan pengertian mitos yang ditampilkan oleh C. A. van Peursen,

> ...mitos mengatasi makna cerita dalam erti kata moden, isinya lebih padat daripada (semacam) rangkaian peristiwa yang menggetarkan atau menghiburkan saja, mitos tidak hanya terbatas pada semacam reportasi (laporan) mengenai peristiwa-peristiwa yang lebih dahulu terjadi, sebuah kisah mengenai dewa-dewa dan dunia ajaib. Bahkan, mitos itu memberi arah kepada kekuatan manusia, dan merupakan semacam pedoman untuk kebijaksanaan manusia. Lewat mitos itu manusia dapat turut serta mengambil bahagian dalam kejadian-kejadian sekitarnya, dapat menanggapi daya-daya kekuatan alam...[22]

Gagasan dan pembinaan mitos ini boleh dilihat daripada struktur penulisan HP. Teks ini dibina daripada dua 'Alkisah' yang merupakan *preamble* kepada seluruh naratif tentang 'Alkisah-alkisah' yang lain. Alkisah kedua misalnya, menceritakan keistimewaan kelahiran Tun Ahmad yang diikuti pula dengan naratif sebelum kemangkatan ayahandanya Bendahara Tun Ali dalam 'Alkisah' yang ketiga. Setelah itu, sehinggalah kepada 'Alkisah' yang keempat puluh satu, ketokohan Wan atau Tun Ahmad mulalah ditonjolkan, iaitu, setelah dia dewasa dan ura-uranya hendak merampas kuasa daripada abangnya, Tun Mutahir. Sebab dan musabab rampasan kuasa tidak diberikan, kerana

hal-hal seperti ini bukanlah matlamat penulis HP. Begitu juga, hal-hal kompleks mengenai permasalahan politik, sosial dan ekonomi Pahang tidak dinaratifkannya, tetapi naratif hal-hal remeh, *anecdote*, mengenai perbuatan seseorang, peristiwa-peristiwa peperangan, siapa yang menyerang siapa, siapa yang kalah dan siapa yang menang, itulah yang menjadi inti naratif HP di dalam membina ketokohan Wan Ahmad dan menonjolkan para *protege*nya.

Faktor ini bertambah nyata apabila disebut tentang kemangkatan Sultan Ahmad di dalam 'Alkisah' keempat puluh satu. 'Alkisah' tersebut menamatkan seluruh naratif HP. Sememangnya terdapat keadaan 'kelam-kabut' di dalam penyusunan 'Alkisah' dan di dalam pembentukan naratif HP ini; yang berlaku secara tidak disedari oleh penulisnya ataupun kerana kesilapan penyalin naskhah.[23]

Oleh itu, di samping membekalkan pembaca berbagai-bagai maklumat mengenai sejarah Pahang, HP juga memberikan idea tentang cara seorang peribumi Melayu di Pahang mempersepsikan sejarah Pahang yang terjadi di antara tahun 1800 sehinggalah tahun 1930-an. Persepsinya ini kemudian diterapkannya ke dalam penulisan HP, lalu pengarang secara tidak sedar dan tidak langsung, menggagaskan kepada pembaca landasan persepsi, penglihatan dan pemahaman sejarah negeri Pahang.

Memanglah terdapat unsur-unsur subjektif di sini, kerana penulisan HP dibendung oleh matlamat dan gagasan tersebut, iaitu subjektiviti pandangan dan pendapat pengarang. Pengarang menaratif dan membahaskan naratifnya berdasarkan pemahaman dan pandangan sejarahnya sendiri, iaitu dia terlibat di dalam peristiwa, penyaksi berbagai-bagai peristiwa sejarah dan menjadi penyokong 'penaungnya' yang menjadi 'paksi' seluruh naratif. Justeru itu pendapat peribadinya memainkan peranan penting dalam penulisan HP. Dengan perkataan lain, pengarang mempunyai *world-view*nya sendiri terhadap sejarah Pahang yang terjadi kira-kira satu suku abad itu. Apakala *world-view* ini diterapkan ke dalam penulisan HP, muncullah HP sebagai sebuah penulisan yang mempunyai erti dan makna tersendiri. Makna ini berkait rapat dengan matlamat dan gagasan kepengarangan HP.

Ahli-ahli sejarah *conventional* sekarang, barangkali melihat dan menerima HP sebagai sebuah hasil sejarah tempatan dengan *reservation*, kerana corak dan sikap penulisannya kuat didorong dan difaktor oleh latar belakang dan *world-view* tersebut. Di dalam hal ini, objektif sejarah seharusnya ditekankan. Objektiviti mungkin dapat dilihat menerusi cara orang lain memperkata dan mempersepsi sejarah Pahang dalam periode yang dijangkaunya itu. Pendekatan dalam konteks ini boleh dilakukan mengikut kaedah kajibanding iaitu melihat dan menggunakan sumber-sumber tertulis di antara tahun 1800 hingga 1930-an, sama ada yang berbahasa Melayu atau bukan Melayu. Bahagian sejarah Pahang yang berdasarkan rekod-rekod kolonial dalam periode berkenaan, disertakan

di dalam buku ini, bagi memenuhi kaedah seperti itu.

Tugas kita sebagai pembaca dan penyelidik sejarah Pahang untuk periode yang dimaksudkan adalah dengan membandingkan kedua-dua sumber ini, lalu membina tanggapan dan pertimbangan sendiri terhadap sejarah dan persejarahan Pahang. Tanggapan dan pertimbangan objektif-historis ini, boleh diperolehi seperti yang telah diteorikan oleh sejarawan E. H. Carr.[24] Bagaimanapun, seandainya kita amat *dogmatic* dan taksub terhadap teori dan cadangan E. H. Carr, dengan sendirinya persejarahan HP, seperti yang dilihat dan dipersepsikan di dalam konteks dan pengertian sejarah hari ini, menjadi tidak *significant*, bukan saja di segi HP sebagai sumber sejarah, malah sebagai sebuah penghasilan yang disebut *geschiedenis* itu.

Di antara HP, yang mengandungi pelbagai kisah mengenai sejarah Pahang antara tahun 1800 hingga 1930-an, dengan sumber-sumber sejarah awal mengenai Pahang di dalam bahasa Melayu mahupun Inggeris (laporan-laporan pejabat kolonial contohnya, juga catatan-catatan pengembara Inggeris tentang Pahang sepanjang beberapa dekad penghujung abad ke-19) terdapat suatu 'lorong' atau 'ruang' pemisah. Tugas ahli dan penulis sejarah untuk menemukan kedua-dua jenis dan kelompok sumber di pertengahan 'lorong' atau 'ruang' ini sememangnya *delicate*. Pada dasarnya, penulis sejarah wajib menghayati dan memahami *world-view* yang terdapat dan terterap di dalam kedua-dua kelompok sumber ini. *World-view* dan sikap penulisan HP tentunya bertumpu dan condong ke Pahang, sementara sikap sumber yang satu lagi itu, agak keinggerisan kerana sumber ini mempersepsi dan melihat sejarah Pahang daripada kaca mata dan matlamat pihak Inggeris untuk *advantage* ekonomi dan politik di Pahang, sekitar penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20.

Corak persejarahan tempatan seperti ini juga dapat dilihat dengan ketaranya di dalam **Syair Tanah Melayu** dan **Hikayat Johor serta Pahang**. Idea persejarahan yang diberikan oleh kedua-duanya menyerupai HP. Sebarang isu kompleks dan segala permasalahan falsafah mengenai sejarah Pahang tidak dinyatakan pada keseluruhannya, tetapi kedua-dua teks ini mengandungi naratif darihal peristiwa yang dialami oleh para *high society* Pahang di sepanjang hidup Bendahara Tun Mutahir dan Bendahara atau Sultan Ahmad.

Naratif-naratif ini mengambil bentuk hal-ehwal pelayaran ahli-ahli kerabat Pahang dan Johor, hubungan kekeluargaan Pahang, Johor dan Terengganu, perkahwinan, persengketaan adik-beradik, iaitu di antara Tun Mutahir dengan Tun Ahmad, orang-orang Bugis datang ke Johor, orang Inggeris memasuki Singapura, perihal adat-istiadat Johor dan Pahang dan sebagainya. Di dalam **Hikayat Johor serta Pahang**, pengarang menyebut dengan jelas bahawa dia memperolehi naratifnya daripada sumber *oral*, iaitu di pihak 'orang-orang tua', bukan sumber tertulis. Apabila sumber jenis *oral* diperolehi dan digunakan untuk

penulisannya, tentulah terdapat pelbagai varian naratif mengenai sesuatu isu. Contoh, wanita yang melahirkan Raja Kecil menurut teks ini bernama Cik Mik, walhal di dalam teks-teks sekerabat yang lain, wanita ini disebut sebagai bernama Cik Pong atau Cik Apong.[25]

Berbanding dengan naratif HP, kedua-dua teks ini tidak banyak menceritakan kerenah mengenai kejayaan-kejayaan Tun Ahmad menjadi Bendahara Pahang yang kemudiannya bergelar pula Sultan Ahmad al-Muazzam Shah. Naratifnya yang bercorak menerakan fakta-fakta *matter of facts* belaka yang menyebut,

> ...Mangkat Bendahara Ali, puteranya yang bernama Wan Ahmad menjadi Bendahara Pahang. Dalam masa ia menjadi Bendahara itu, diangkat namanya sendiri gelaran menjadi Sultan Ahmad al-Muazzam Shah, Pahang...

Keadaan ini dengan sendirinya mengangkat HP menjadi lebih menarik corak dan motif persejarahannya, berbanding dengan kedua-dua teks yang dinyatakan.

Kesimpulannya, HP merupakan sebuah hasil penulisan bercorak sejarah mengenai perkembangan sejarah Pahang, yang ditulis oleh orang tempatan dan dikomposisikan oleh seorang yang tahu selok-belok proses dan perkembangan sejarah Pahang sepanjang tahun 1800 hingga 1930-an. Episod-episod sejarah ini dirakamtuliskan secara kreatif, lalu menjadi sebuah 'hikayat' historis. Kesahihan perakaman episod-episod ini terletak kepada selera, citarasa dan matlamat HP ditulis dan dikaryakan. Kesahihan dan kebenaran fakta berada di dalam sikap HP yang dikreatifkan, lalu menjadi kebenaran yang subjektif. Bagaimanapun, untuk menguji kebenaran dan kesahihan ini, walau apapun 'jeratan' akademik yang mungkin timbul berhubung dengan kaedah kajibanding bahan seperti ini, sumber-sumber daripada rekod rasmi Inggeris mengenai Pahang pada jangkauan masa yang dimaksudkan, memang boleh membantu. Di antara sumber-sumber yang relevan ialah rekod *Colonial Office* dari siri 273, siri *Annual Report Pahang*, laporan-laporan rasmi *High Commissioner's Office Despatches* dan *High Commissioner's Office Files*, yang banyak terdapat pada hari ini.

## Syair Tanah Melayu (STM)

STM merupakan sebuah penghasilan sastera di dalam bentuk syair, mengungkap dan memerikan berbagai-bagai peristiwa bersejarah yang terjadi di Pahang dan Johor. Di beberapa ketika tertentu *'setting'*nya, dibawa pula ke Kuala Kangsar, Perak. Seperti HP, pengkisahan sejarahnya bercorak naratif dan bercerita, bukan memperkatakan permasalahan persejarahan Pahang itu sendiri. Hanya gaya penyampaiannya yang berirama, yang berbeza tetapi serupa dengan karya yang sekerabat dengannya seperti **Syair Kisahnya Ungku Puteri,**

**Syair Speelman, Syair Perang Johor** dan **Syair Sultan Maulana.** STM juga tidak menunjukkan sebarang pembaharuan dalam tradisi bersyair, baik dari segi pengolahan isi, mahupun pada bidang bahasa syair. STM setakat meneruskan konvensi dan tradisi bersyair dengan pengulangan semula istilah dan kalimat bersyair yang sedia popular, terpakai pada syair-syair sebelumnya. Di antara istilah-istilah yang menarik ialah 'gharib', 'bestari', 'bahena', 'nika', 'setala', 'syahda', 'seripada' dan lain-lain lagi. Kalimat yang sering ditemui pula seperti, 'agung ugahari', 'tiadalah leta', 'bunyi bahana', 'duli yang ghana', 'zaman bahari' dan 'bijak bestari'.

Terdapat dua versi STM di dalam tulisan Jawi, yang telah disatukan di dalam sebuah naskhah. Tidak terdapat sebarang perbezaan naratif dan kandungan, di antara kedua-dua versi tersebut. Oleh itu STM dianggap sebagai sebuah naskhah saja. Kemunculan dua versi, barangkali kerana sebuah naskhah di dalam bentuk litograf, manakala naskhah yang sebuah lagi, terdapat dalam bentuk ortografi tangan.[26]

Masalahnya, naskhah manakah yang terlebih dahulu dituliskan? Hal ini timbul kerana tidak terdapat sebarang petanda kolofon yang dapat mengesani tentang versi ortografi tangan yang disalin daripada versi litograf, ataupun di sebaliknya. Kedua-dua versi menyebut STM tamat dikarang pada 1317 Hijrah, bersamaan tahun 1899 Masihi. Setahun selepas itu, 1900, STM dilitografkan di Singapura oleh Percetakan Haji Muhammad Amin, Lorong Dalam, Kampung Kecil. Kedua-dua versi menyebut pengarangnya sebagai seorang 'peranakan Lingga' tetapi versi litograf juga menyebut bahawa Muhammad Hassan bin Haji Jan sebagai 'yang menulisnya'. Apakah maksud 'yang menulisnya' di sini? Adakah Muhammad Hassan sebagai *'composer'* STM atau setakat menulis di dalam bentuk litograf daripada sebuah naskhah komposisi asal STM yang berada di hadapannya?

*Title page* STM versi litograf menyebut dengan lengkap komposisi ini sebagai berikut,

> Bahawa ini Syair Tanah Melayu, iaitu Cerita Perang Pahang dengan Johor Baharu, yang telah dikarangkan oleh Peranakan Lingga, dan telah diregisterkan di dalam Negeri Singapura, kepada Tahun Masehi 1990...

Berdasarkan versi inilah, Yaakub Isa tampil mentranskripsikannya, bukan menyelenggarakannya, di dalam sebuah jurnal tempatan pada tahun 1982. Versi ortografi tangan berada di Perpustakaan Universiti Malaya dengan kod MS 10, berukuran 22 × 18 cm. Dari versi inilah pula, M. A. Ahmad Fawzi Basri mentransliterasi sambil menganotasinya di dalam sebuah monograf tempatan, juga pada tahun 1983. Kedua-dua versi mengandungi 1036 rangkap syair kesemuanya.[27]

STM bukanlah mengandungi naratif mengenai sejarah Pahang semata-mata. Sebahagian besarnya mengisahkan keperihalan Sultan

Abu Bakar, Johor serta tindak-tanduk politik dan kemajuan negeri Johor seluruhnya. Justeru itu, *setting* induknya adalah di Pahang dan Johor. Ini bukanlah suatu daya dan pengolahan komposisi, tetapi, realiti. Tradisi persejarahan Pahang dengan Johor amatlah rapat. Sehingga tahun 1880-an, kedua-dua negeri tersebut wujud di dalam entiti politik yang tunggal, kesan langsung daripada 'puing-puing' sejarah perpecahan Empayar Johor–Riau–Lingga. Bidang kuasa pentadbiran dan pengawasan Pahang sajalah, yang terletak di dalam 'pegangan' keluarga Bendahara. Keintiman hubungan Pahang–Johor bukan saja terletak kepada soal politik dan pemerintahan, malah lanjut ke tradisi kekeluargaan secara perkahwinan kerabat, salasilah, adat istiadat diraja, perprotokolan dan pernobatan. Pada tahap dan ketika tertentu, Johor juga turut terlibat dan campur tangan di dalam hal-ehwal politik Pahang, seperti konflik peperangan saudara di antara Wan Mutahir dengan Wan Ahmad serta percubaan dan usaha-usaha campur tangan Inggeris di Pahang. Pemerintah Pahang juga merujuk ke Johor dalam beberapa penyelesaian politik yang dihadapinya.

Bahagian syair mengenai Pahang terlihat di dalam rangkap-rangkap 201 hingga 657, iaitu naratif tentang:

a. Isu perang saudara di Pahang.
b. Hubungan Pahang–Johor dan penglibatan Johor di dalam perang saudara di atas.
c. Pengenalan sistem residen di Pahang.

Naratif yang sepanjang 456 rangkap ini cukup untuk memuatkan kisah-kisah di atas, penuh dengan penyebutan tokoh, nama-nama tempat dan peristiwa-peristiwa kecil yang mendasari ketiga-tiga pokok naratif daripada kisah-kisah ini. Naratif syair ini memberikan banyak maklumat baru yang dirakamkan daripada sudut tempatan iaitu pandangan seorang peribumi yang merupakan 'peranakan Lingga'. Rangkap bagi ketiga-tiga naratif di atas dimulai dengan bunyi,

> 201. Kisah nan tidak hamba panjangkan
> ceritanya banyak lagi disebutkan
> ini sekadar sahaya ringkaskan
> kisah berperang pula diceterakan.

Dan diakhirkan dengan bunyi,

> 657. Adalah pula aral yang datang
> sebab gering anakanda nan gerang
> baginda pun berangkat balik ke Pahang
> menantikan waktu masa yang senang.

Rangkaian rangkap ini kemudian diloncati ke rangkap 737 pula yang merupakan pemberitahuan ke Pahang tentang kemangkatan

Sultan Abu Bakar oleh pihak kerabat dari Johor,

> 737. Negeri Pahang juga demikian
> mana yang ada kerabat sekalian
> perihalnya itu semua dimaklumkan
> masanya itu pula ditentukan.

Kemudian, naratifnya dilanjutkan ke rangkap 795 hingga 1027 bagi mengisahkan beberapa hal, seperti keberangkatan Sultan Pahang ke Perak bagi menghadiri Persidangan Majlis Raja-raja Melayu, ziarah-menziarahi keluarga kerabat Pahang dengan Johor dan perkahwinan di antara Tengku Mahmud, Tengku Panglima Besar dengan Tengku Mariam, puteri Sultan Abu Bakar, Johor. Di dalam kesemua naratif ini, puji-memuji, sanjung-menyanjung, angkat-mengangkat, adalah pengkreatifan yang amat biasa dan lumrah. Kesemuanya digambarkan dengan ungkapan keindahan, keunggulan, kemeriahan istiadat, sesuai dengan keunggulan sebuah kerajaan Melayu yang mencapai dan menikmati autonomus kuasa serta kedaulatan sendiri mulai tahun 1884. Naratif dimulakan dengan rangkap berikut,

> 795. Berhenti perkataan sultan mengindera
> tersebut pula suatu cetera
> Sultan Ahmad raja perwira
> empunya perintah Pahang negara.

Lalu diakhiri dengan rangkap,

> 1027. Adapun putera paduka Sultan
> tiga orang tiada dizahirkan
> hanya seorang hamba nyatakan
> sudah bersuami ia nan tuan.

STM sememangnya penting sebagai sumber pembutiran sejarah Pahang dan hubungannya dengan negeri-negeri yang berjiran dengannya. Pemilihan kata dalam STM perlu untuk mencari *complimentary* dan unsur saling melengkapi di antaranya dengan maklumat yang diberi oleh HP, kerana kedua-dua teks tersebut menjangkaui suatu periode sejarah yang hampir sama dan memperkatakan pula isu-isu sejarah dan mauduk-mauduk politik dan kebudayaan yang serupa. Oleh itu, STM merupakan salah satu versi persejarahan Pahang, seperti juga HP, kerana penerapan tokoh dan protagonis politiknya yang sama, iaitu, Wan atau Sultan Ahmad dan kalangan kerabatnya. STM, masih juga bertumpu ke istana dan menitikberatkan golongan ini, sambil menyelitkan golongan-golongan bukan kerabat yang lain, tetapi amat rapat dan masih menduduki puak elit yang setaraf.

**Hikayat Johor serta Pahang (HJP)**

Tidak diketahui tempat sebenar naskhah ini (sama ada yang asal ataupun salinan) berada. Untuk kajian, HJP yang digunakan adalah salinan mikrofilem di Perpustakaan Universiti Malaya (mf 1436.1) dan sebuah salinan yang serupa di Perpustakaan Universiti Singapura (JQ mal. 3). Kedua-dua naskhah menunjukkan HJP diperolehi daripada sumber yang sama dan bertulisan rumi. Kemungkinan naskhah asal HJP ditulis di dalam tulisan Jawi, kemudian ditaip rumi oleh seorang kakitangan pegawai kerajaan di Johor. Tentunya penyalinan semula ke rumi ini dilakukan selepas tahun 1917, kerana tarikh akhir yang tercatat di dalam naskhah tersebut ialah 20 Jun 1917. Sayang sekali, naskhah versi Jawinya tidak dapat dikesan bagi meneliti penyimpangan dan variasi yang terjadi dalam proses penyalinan ke rumi.

Masalah ini berkait dengan fenomena filologi Melayu. Seperti yang terjadi ke atas HP versi rumi yang 'dipindahkan' daripada versi Jawi, naskhah-naskhah Melayu ditransmisikan bagi bacaan umum tetapi bukannya untuk segelintir *audience* tertentu saja. Proses transmisi ini menggunakan peralatan teknologi baru, iaitu mesin taip. Apabila peralatan terbaru diperkenalkan, seperti alat zerox, naskhah-naskhah penyalinannya tersebar lebih luas, walaupun *stereotype* saja coraknya. Mungkin terdapat puluhan naskhah salinan HP versi rumi atau Jawi yang bukan milik mutlak Arkib Negara, Muzium Pekan dan Perpustakaan Universiti Malaya. Oleh itu, naskhah-naskhah Melayu tidak lagi menggunakan ortografi tangan bertulisan rumi, seperti yang dilakukan sepanjang abad ke-18 dan 19.

Naskhah tunggal HJP mengandungi 30 halaman bertaip yang dimulakan dengan ayat,

> ...Sebermula, maka adalah telah dapat diketahui, mula-mula Mahmud menjadi Sultan di Johor Lama, Abdul Jalil Bendaharanya, dan seorang orang besar Sultan Mahmud, namanya Megat Seri Rama...

dan diakhiri dengan ayat,

> ...Bila dibalas surat utusan itu, diserahkan sahaja pada utusan itu, serta dikurniakan persalinan kepadanya...

Kandungannya terbahagi tiga, iaitu;

a) sejarah Johor sejak pemerintahan Sultan Mahmud II (keturunan Melaka yang mangkat dijulang) hingga kepada pemerintahan Sultan Abu Bakar serta kerabatnya (1862 – 1895),

b) sejarah Pahang, dimulakan dengan naratif mengenai kekeluargaan Bendahara Abdul Jamal, sehinggalah ke pemerintahan Sultan Abdullah (1917 – 1932),

c) naratif mengenai adat-istiadat dan perprotokolan diraja Pahang serta Johor. Secara struktural, naratifnya berkenaan sejarah Johor, sejarah Pahang dan adat istiadat Johor dan Pahang.

Struktur sebegini menyamai struktur naratif STM. Alasan dan kemunasabahan sejarah dan kebudayaanlah yang memfaktori pembentukan struktur naratif seperti ini. Sebelum tahun 1884, tradisi persejarahan Pahang berkembang bersama-sama tradisi persejarahan Johor, manakala Kepulauan Riau-Lingga dikaitkan sama ke dalam tradisi tersebut, khusus mengenai tradisi kesultanan dan kewibawaan pemerintah Melayu di dalam keluarga kerabat, Bendahara dan Temenggung. Hal ini terlihat di dalam berbagai-bagai hasil sastera daripada pelbagai genre Melayu yang jelas mengungkapkan tradisi, hubungan sejarah dan kebudayaan.

HJP berpindah secara rakamtulis daripada sumber dan tradisi *oral*, seperti katanya,

> ...kerana aturan ini bukannya didapat dengan tulisan, melainkan dapat diceritakan oleh orang tua-tua; mana-mana yang salah ataupun silap banyaklah hamba menerima kasih, dimintalah encik dan tuan-tuan yang membacanya, tolong betulkan...

Apabila *oral* corak sumber asalnya sebelum dituliskan, oleh itu, kesahihan faktanya harus diteliti dan dikendalikan dengan hati-hati. Melainkan jika dibuat rujukan kepada berbagai-bagai versi tertulis yang lain mengenai tradisi persejarahan Johor-Pahang sebelum 1884, yang dilahirkan oleh kalangan Melayu Johor-Pahang, seperti **Hikayat Johor** dan **Peringatan Sejarah Negeri Johor**, yang bukannya hasil penulisan Melayu-Bugis juga penulisan yang bercorak Melayu-Bugis seperti **Tuhfat al-Nafis** dan **Aturan Setia Bugis dengan Melayu** atau **Hikayat Raja-raja Riau** dan penulisan Melayu-Minangkabau seperti **Hikayat Siak** atau **Salasilah Raja-raja Melayu** oleh itu, HJP perlulah digunakan dengan penuh tanggungjawab akademik dan waspada.[28] Corak naratif HJP merupakan pembeberan *matter of facts* belaka. Sebagai sebuah penghasilan yang bercorak sejarah, nilai persejarahannya, barangkali lebih rendah sedikit daripada HP. Tidak menonjol unsur-unsur *typicality* seperti yang ditunjukkan oleh hasil-hasil karya bercorak sejarah Melayu sepertinya, yang sering menginduki naratif menerusi mitos-legenda mengenai asal usul. Hanya bahagian awal teks tersebut menjelaskan kisah *oral* popular, mengenai isteri Megat Seri Rama yang memakan seulas nangka lalu dibelah perutnya oleh Sultan Mahmud. Baginda dibunuh oleh Megat Seri Rama yang menuntut bela dan kisah Cik Mik yang mengandung zuriat keturunan Sultan Mahmud. (Lihat seluruh transliterasi teks).

Begitu berkesan sekali *oral* popular ini di kalangan masyarakat

tempatan Johor. Justeru itu, *oral* popular tersebut turut dituliskan sebagai penghasilan sejarah di dalam tradisi persejarahan Johor penghujung abad ke-17 dan awal abad ke-18. Sama ada peristiwa tersebut benar-benar terjadi di dalam sejarah, itu soal lain dan sama ada terdapat berbagai-bagai versi serta variasi mengenainya, juga adalah isu lain. Hal ini kerana versi dan variasi tersebut didasar dan dirujuk kepada naratif dan *oral* popular yang serupa; juga atas alasan siapa yang menuturkannya, adakah kalangan Bugis yang memusuhi Minangkabau itu? Adakah kalangan keluarga Minangkabau yang menjadi musuh keluarga Bugis pula? Atau adakah kalangan Melayu Johor yang tidak memihak ke mana-mana, seperti penerapan idea dan konsep sejarah Johor-Riau yang ditampil dan diterapkan oleh pengarang atau perawi Melayu di dalam tradisi **Hikayat Johor** serta tradisi **Peringatan Sejarah Negeri Johor**.

Butiran mengenai sejarah Pahang di dalam HJP hanya bermula di bahagian pertengahan teks, iaitu didahului dengan butiran tentang sejarah Johor yang diakhirkan mengenai kemangkatan Sultan Abu Bakar dan perlantikan Tengku Mahkota Ibrahim sebagai Sultan Johor (1895 – 1959); dirasmikan sebagai Tengku Mahkota pada 23 Mei 1891). Kisah Pahang dimulakan dengan ayat,

> ...Alkisah, maka diceritakan oleh orang yang empunya cerita ini, asal Raja Pahang yang memerintah daripada zaman dahulu hingga sekarang ini, yang telah dapat diceritakan separuh ataupun sesuku...

dan diakhirkan dengan ayat,

> ..Sultan Mahmud mangkat, meninggalkan seorang isteri, nâmanya Tengku Mariam, gelaran Tengku Ampuan Besar Pahang. Almarhum itu tiada zuriatnya. Tengku Ampuan Besar itu puteri Sultan Abu Bakar, Johor.

Gaya bahasanya yang agak *straight forward* akibat kaedah naratif yang diterapkan secara *matter of facts* menyebabkan kita mudah memahami proses perkembangan sejarah Pahang, dari awal hingga ke akhir naratif. Banyak maklumat baru mengenai sistem dan adat pembesar Pahang boleh diperolehi. Contohnya, *hint* atau *clue* seorang anak Bendahara atau anak Temenggung yang bakal menggantikan ayahnya, yang ditandai daripada tindak-tanduk raja di dalam sesuatu adat santap diraja. HJP menyebut begini,

> ...Adalah adat raja-raja zaman dahulu, jikalau ia santap, maka anak Bendahara yang diajaknya santap sehidang dengannya, ialah akan menjadi bakal Bendahara; demikian juga anak Temenggung, itulah akan menjadi bakal Temenggung...

Daripada HJP, kita mengetahui salasilah dan kekeluargaan beberapa orang Bendahara terawal yang 'memegang' Pahang. Kekeluargaan Bendahara Tun Muhammad bin Abdul Majid contohnya, disebutkan;

> ...Anak Bendahara Tun Muhammad seorang, bernamanya Tun Abdul Kadir. Anak Tun Abdul Kadir empat orang, iaitu Wan Dagang Kelembak, Wan Aki, Wan Cik dan Wan Su.
>
> Anak Wan Dagang itu tiga orang, Wan Mahmud, Wan Ali dan Wan Andak. Anak Wan Aki empat orang, Wan Sulung, Wan Endut, Wan Hitam dan Wan Kadir.
>
> Anak Wan Cik, Wan Andak (Penghulu Kuantan)
>
> Anak Wan Su, Wan Lingga...

Keterangan sejarah Pahang dimulakan dengan menyebut nama Bendahara Abdul Jamal bin Tun Habib Abdul Majid (Bendahara Padang Saujana), adinda Tun Abdul Jalil (Sultan Abdul Jalil IV), dinyata sebagai 'Raja Pahang'. Sekiranya diambil tahap bermulanya Tun Abdul Jamal menjawat Bendahara menggantikan Tun Abdullah, bererti naratif HJP mengenai Pahang bermula pada tahun 1717. Sehingga ke tahun 1917, disebutkan pula kemangkatan Sultan Mahmud Syah, yang menandakan naratif HJP menjangkau suatu periode yang cukup panjang, kira-kira dua abad lamanya, walaupun naskhah HJP sendiri tidak sepanjang masa tersebut.

Sebagai menunjukkan beberapa sifat dan kandungan historis yang saling melengkapi dengan HP dan STM, HJP juga menyebutkan secara ringkas saja tentang Bendahara Wan Ahmad,

> ...Mangkat Bendahara Ali, puteranya yang bernama Wan Ahmad menjadi Bendahara Pahang. Dalam masa ia menjadi Bendahara itu diangkat namanya sendiri gelaran menjadi Sultan Ahmad al-Muadzam Shah, Pahang ... Lebih kurang 25 tahun lalu Sultan Ahmad telah melantik dua orang puteranya, Tengku Mahmud, gelar Tengku Bendahara; Tengku Muda. Pada masa itu British Residen sudah ada di dalam Pahang...

Pahang juga disebut sebagai mengamalkan sistem pembesar 'empat lipatan', menunjukkan warisan langsung daripada tradisi pembesar Melaka. Gelaran Pembesar Empat yang pertama ialah,

1. Orang Kaya Indera Syahbandar,
2. Orang Kaya Indera Pahlawan.
3. Orang Kaya Indera Segara,
4. Maharaja Jelai.

Nama peribadi para pembesar ini juga disebutkan dengan terang. Pembesar yang pertama contohnya dinyatakan sebagai Ali bin Hussain bin Challidin bin Zainal. Pembesar yang kedua ialah Hussain bin Kuin

bin Adam bin Hassan. Pembesar yang ketiga pula, Tahir Ahmad bin Hassan bin Aji bin Muhammad dan pembesar yang keempat adalah Muhammad bin Idris bin Muhammad bin Ismail. Pendek kata, HJP memberikan maklumat menarik tentang *who's who* mengenai tokoh-tokoh politik dan pentadbir Pahang sebelum 1917. Kadangkala, salasilah kekeluargaan tokoh-tokoh ini juga disertakan.

## Kesimpulan

Ketiga-tiga buah penghasilan yang bercorak sejarah di atas mempunyai keistimewaan, kekuatan dan kelemahannya tersendiri. Walaupun kaedah penulisan sejarah menurut pandangan, citarasa dan konsepsi sejarah peribumi yang berpegangkan kepada landasan-landasan tradisi dan konvensi diteruskan, namun HP dan HJP didapati menunjukkan beberapa ciri penyimpangan daripada tradisi dan konvensi tadi. HP begitu istimewa barangkali di dalam menggali dan meneliti konsep, falsafah dan budaya politik di dalam sebuah kerajaan Melayu sehingga menjelang kemasukan pemerintahan kolonial di Malaysia. Sarjana asing, A. C. Milner meyakini teks ini lalu merujuk dan mendasarinya sebagai teks tunggal yang induk dan dianggapnya cukup *representative* bagi memenuhi matlamat kajiannya

Apabila ketiga-tiga buah teks ini diletakkan bersama dalam satu barisan, untuk melihat dan mempasti proses dan perkembangan sejarah Pahang daripada tahun 1717 hingga tahun 1917 di dalam suatu perspektif, ketiga-tiganya dapat berdiri sendiri bagi membekalkan maklumat dan butiran berbagai-bagai fakta historis. Untuk zaman-zaman awal sebelum 1800 dan bagi memperkukuhkan persejarahan HJP, sumber-sumber luar seperti sumber Belanda iaitu siri laporan-laporan rasmi *Koloniaal Archief*, *Koloniaal Tijdschrift* dan *Dagh-Register* dapat membantu. Ketiga-tiga sumber Melayu tempatan ini boleh menjadi wadah dan asas penulisan. Dengan nilai-nilai ketotokan historis dan sifat butirannya yang cukup keperibumian serta fakta dan naratif yang dirakamkan secara bertulis oleh pihak yang merasai, mengharungi dan sama-sama terlibat di dalam arus perkembangan sejarah lokal itu sendiri, seharusnyalah tradisi penulisan sejarah Malaysia (seperti Pahang), bermula dan bergerak dari asas dan wadah ini. Kemudian baharulah bergerak ke tradisi dan sumber luar; bukanlah sebaliknya seperti yang telah berlaku dan sedang terjadi sekarang!

## Nota

1 Prof. Ismail Hussein, *The Study of Traditional Malay Literature With A Selected Bibliography*, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 12.
2 Kajian terkemudian di Malaysia mengenai sejarah Pahang terdapat di dalam sebuah Tesis Kesarjanaan Sastera di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, oleh Aruna Gopinath bertajuk, *Pahang 1896–1914: Sultan Ahmad's Struggle and Failure in his Quest for Power and Political Survival*, 1977.
3 W. Linehan, The Sources of the Shellabear Text of the Malay Annals, *JMBRAS* 20, ii, 1947. hlm. 105–106. "Notes on the Text of the Malay Annals", *JMBRAS* 20, ii, 1947, hlm. 107–116. *Corrigenda*, 21, i, hlm. 157.
4 W. Linehan, "A History of Pahang", *JMBRAS* 14, ii, 1936. Rencana-rencana Linehan yang berkaitan dengan Pahang juga ialah "Marhum Muda Pahang", *JMBRAS*, 12, ii, 1934; "The Chronology of Pahang's Bendaharas", *JMBRAS* 12, ii dan iii, 1934; "The Bendahara of Pahang", *JMBRAS* 4, iii, 1926.
5 R. O. Winstedt, "The Early Rulers of Perak, Pahang and Acheh", *JMBRAS* 10, i, 1932, hlm. 32–43. Rencana Winstedt yang berkaitan ialah "The Bendaharas and Temenggongs", *JMBRAS*, 10, i, 1932; "A Malay History of Riau and Johore", *JMBRAS* 10, ii, 1932, hlm. 302-320.
6 Joseph H. Howard, *Malay Manuscripts: A Bibliographical Guide*, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 28.
7 W. Linehan, "The Bendahara of Pahang", *op. cit.*
8 *Ibid.*
9 Jang Aisjah Muttalib, *Pemberontakan Pahang, 1891–1895*, Kelantan, 1972; Haji Buyong bin Adil, *Sejarah Pahang*, Kuala Lumpur, 1972; A. C. Milner, *Kerajaan: Malayan Political Culture on the Eve of Colonial Rule*, Arizona, 1982.
10 T. Iskandar, "Some Aspects Concerning the Works of Copyists of Malay Historical Writings", *Peninjau Sejarah*, jilid 3, no. 2, 1968, hlm. 3.
11 Versi rumi **Hikayat Pahang** di Arkib Negara Malaysia mengandungi 217 halaman, berukuran 18 cm × 25 cm, dengan hitung panjang di antara 26 hingga 30 baris bagi tiap-tiap halaman bertaip.
12 Kalthum Jeran, *ed*, *Hikayat Pahang*, Kuala Lumpur, 1986.
13 Barangkali dasar inilah juga yang dipegang oleh Sultan Ahmad Tajuddin II, Kedah pada awal abad ke-19, tahap pertama dan kedua, sewaktu menghadapi tekanan politik daripada kuasa-kuasa Siam dan Inggeris. Muhammad Yusoff Hashim, *ed*, *Syair Sultan Maulana: Kajian Persejarahan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 71–89; Mengenai Pahang, lihat Aruna Gopintah, *Pahang 1896–1914: Sultan Ahmad's Struggle and Failure in his Quest for Power and Political Survival*, (Kertas Takberkala), Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1, 1985, hlm. 5.
14 Rujuk Bab 2, sinopsis bagi **Hikayat Pahang**.
15 Temubual dengan budayawan Dato' Haji Zakaria bin Hitam, bertarikh 16 Jun 1986, di Teluk Cempedak, Pahang.
16 Mohd Taib Osman, "Mythic Elements in Malay Historiography", *Tenggara*, jilid 2, 1968, hlm. 87.
17 Teks ini lebih dikenali dengan nama *Hikayat Raja-raja Riau*, Cod. Or. 1724(ii), sedang diselenggarakan oleh penulis.
18 Haji Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, hlm. 194.
19 *Ibid*, hlm. 119.
20 Rujuk bab 6 yang ditulis oleh Dr. Aruna Gopinath di dalam buku ini.
21 G. J. Resink, *Indonesia's History Between the Myths : Essays in Legal and Historical Theory*, The Hague, 1968, hlm. 15.
22 Dick Hartoko, (terjemahan oleh C. A. van Peursen), *Strategi Kebudayaan*,

Kanisius, Yogyakarta, 1979, hlm. 37.

23 Kalthum Jeran, *ed, op. cit.*, hlm. 3–5.

24 E. H. Carr, *What is History*, Middlesex, England, 1965.

25 Virginia Matheson, *ed*, *Tuhfat Al-Nafis*, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 54–58; *Naskhah Hikayat Siak, hlm.* 5–7.

26 Versi ortografi tangan di Perpustakaan Universiti Malaya diberikan kod sebagai Manuskrip 10. Lihat beberapa contoh feksimile daripada naskhah ini di dalam Bab 4 buku ini. Rujuk juga Joseph H. Howard, *op. cit*, hlm. 47.

27 M. A. Fawzi Basri, *ed*, *Warisan Sejarah Johor*, Kuala Lumpur, 1983, hlm. 4. Yaakub Isa, "Syair Tanah Melayu...", *Pahang dalam Sejarah*, bil. 1, 1982, hlm. 43–139.

28 Ismail Hussein, *Hikayat Negeri Johor*, Tesis Kesarjanaan, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1962; Ernst Ulrich Kratz, *Peringatan Sejarah Negeri Johor*, Wiesbaden, 1973. Penelitian umum kedua-dua sumber peribumi ini dibuat oleh L. Y. Andaya di dalam bukunya, *The Kingdom of Johor 1641–1728, Economic and Political Developments*, Kuala Lumpur, 1975 hlm. 8–12.

## BAB 2

## SINOPSIS HIKAYAT PAHANG

### Keberangkatan Bendahara Ali ke Lingga

*Cetera pertama:*
Datuk Bendahara Seri Maharaja Ali berangkat ke Lingga untuk menghadiri suatu majlis penggelaran putera Sultan. Sesampainya di sana Yang di-Pertuan pun menyerahkan pemerintahan Lingga kepadanya. Majlis keramaian pula diadakan. Akibatnya, orang Pahang dan Datuk Bendahara jatuh miskin kerana berjudi. Hal ini menyebabkan dua orang hulubalang Pahang iaitu Tuk Tangguk Bingkal Tembaga dan Tuk Parit pergi merompak, walaupun tidak mendapat izin daripada Datuk Bendahara. Walaupun begitu, kedua-dua hulubalang tersebut berjaya kembali ke Daik bersama harta rampasan yang banyak.

Setelah itu, majlis pertabalan Sultan Mahmud Muzaffar Shah pun diadakan. Tun Mutahir, putera Datuk Bendahara pula diberikan gelaran Engku Muda. Beliau dikahwinkan dengan Tengku Chik, puteri Yang di-Pertuan.

### Membuka Petempatan Baru

*Cetera kedua:*
Datuk Bendahara balik ke Pahang bersama Sultan Mahmud Muzaffar Syah. Kemudiannya, Datuk Bendahara membuka satu penempatan baru bernama Lamir, selepas mendapat seorang putera yang diberi nama Tun Ahmad. Engku Muda pada mulanya bersemayam di istana lama tetapi kemudiannya membuka penempatan baru di Ganchung. Negeri Pahang pada ketika ini berada dalam suasana aman dan makmur kerana pemerintahan yang adil.

### Kematian Bendahara Tun Ali dan Permulaan Persengketaan Engku Muda Mutahir dengan Engku Ahmad

*Cetera ketiga:*
Engku Sayyid merasa bimbang akan kedudukannya dan kedudukan

anaknya yang tergugat, menyebabkan dia menabur fitnah terhadap Engku Muda. Engku Sayyid dan Temenggong memfitnah mengatakan bahawa Tun Ahmad hendak merampas takhta kerajaan Pahang. Hal ini menyebabkan Engku Muda murka terhadap adindanya itu. Ayahandanya, Bendahara Tun Ali, cuba memberi nasihat, tetapi tidak dipedulikannya. Apabila Yang Maha Mulia Bendahara Seri Maharaja mangkat, hubungan di antara kedua-dua adik-beradik ini bertambah renggang dan runcing. Oleh itu, Engku Ahmad bermuafakat untuk berangkat ke Singapura.

## Penglibatan Johor dan Terengganu

*Cetera keempat:*
Pemergian Engku Ahmad menghadap Tengku Abdul Jalil di Singapura memurkakan lagi kakandanya. Oleh itu, atas nasihat Sultan Ali dan Tengku Abdul Jalil, Engku Ahmad pergi ke Terengganu untuk meminta pertolongan daripada Baginda Omar. Engku Ahmad membawa bersamanya surat cap daripada Baginda Omar, menemui Encik Buruk, Penghulu Kemaman untuk meminta bantuan melanggar Pahang. Rancangan ini tidak diketahui oleh Raja Pahang yang kebetulan berangkat ke Singapura untuk melangsungkan perkahwinannya dengan Cik Engku Besar, anak Temenggong Brahim di Teluk Belanga.

## Penglibatan Kemaman di dalam Persengketaan Pahang

*Cetera kelima:*
Engku Ahmad sampai ke Kuala Pahang dan singgah di Kampung Marhum. Kemudiannya, Pulau Jawa ditawan. Peperangan pun meletus dengan Engku Sayyid yang mendapat pertolongan daripada raja di Ganchung. Walau bagaimanapun, Engku Sayyid mengalami kekalahan. Ekoran itu, Ketapang jatuh ke tangan orang-orang Kemaman. Engku Sayyid dan anaknya melarikan diri ke Singapura.

Dengan kemenangan ini, Engku Ahmad dilantik sebagai Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad. Kemudian, mereka melanggar Ganchung. Datuk Bendahara Siwa Raja diminta balik ke Pekan. Tuan Haji Hassan pula berbincang dengan Sayyid Idris dan orang-orangnya, dalam usaha menyelesaikan persengketaan antara dua orang raja yang bersaudara ini. Oleh itu, Panglima Besar dan Maharaja Perba Wan Deris pergi ke Teluk Belanga untuk menjemput Engku Muda dan orang-orangnya supaya segera balik ke Pahang.

**Penggelaran Pembesar Pahang**

***Cetera keenam:***
Angkatan Engku Muda dan saudara-saudaranya menghadap ayahandanya. Jamuan besar juga diadakan sempena majlis bergelar dan mengangkat sumpah itu.

**Peperangan di Pahang dan Pengunduran ke Kemaman**

***Cetera ketujuh:***
Apabila Datuk Bendahara Siwa Raja ke hilir, Sayyid Idrus dan Encik Lambak datang menghadap. Dengan itu, mereka membuat persiapan untuk berperang. Peperangan berlaku di antara Wan Embong di hulu dan Sayyid Idrus di hilir. Peperangan juga berlaku di Tanjung Rengas, Tanjung Medang dan Langgar, selama empat bulan. Pihak sebelah hilir mengalami kekalahan. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak ramai yang cedera dan terkorban. Akhirnya peperangan tamat tetapi tidak lama kemudian kubu di Tanjung Langgar telah diserang. Oleh itu, bonda raja berserta yang lain menyelamatkan diri ke hilir. Akhirnya raja berundur ke Kemaman.

**Kemenangan Engku Muda Wan Mutahir**

***Cetera kelapan:***
Raja Pahang menang dalam peperangan. Engku Sayyid belayar ke Singapura dengan anak Tuan Embong.

**Angkara Deraman**

***Cetera kesembilan:***
Sultan Mahmud Muzaffar Syah berangkat ke Pahang untuk melangsungkan perkahwinannya. Manakala Encik Wan Abu Bakar mengahwini Cik Engku Chik, Puteri Bendahara Seri Maharaja. Dengan ini, Pahang menjadi bertambah kuat. Deraman, seorang budak suruhan Sultan Mahmud, telah membunuh Tuan Embong, yang dikatakan menderhaka. Deraman dihukum bunuh.

**Sultan Mahmud Muzaffar Syah ke Siam**

***Cetera kesepuluh:***
Yang Maha Mulia Sultan Mahmud Muzaffar Syah berangkat ke Siam. Adindanya, Tengku Safiah ikut serta.

### Serangan dan Hukuman

***Cetera kesebelas:***
Wan Buang dan Encik Lambak, menyerang kawasan di Hulu Tembeling, setelah mendapat kebenaran Datuk Bendahara Siwa Raja. Sebahagian kawasan yang diserang habis binasa. Mereka juga mengenakan denda kepada beberapa orang tertentu, sebelum pulang ke Kemaman.

### Peperangan Berlanjutan

***Cetera kedua belas:***
Di Kampung Teh, berlaku pergaduhan di antara Panglima Perang Kiri dengan Raja Mat Ali. Berita pergaduhan ini disampaikan kepada Encik Engku Aman oleh Panglima Dalam dan Mat Soh. Engku Muda dan Talib balik ke Pekan.

### Serangan Balas

***Cetera ketiga belas:***
Datuk Maharaja Siwa Raja bermuafakat dengan Tuk Raja untuk melanggar Pahang. Sesampainya di Kuala Sungai Miang, rancangan menawan Pahang itu tidak dapat dilakukan. Justeru itu, mereka ke Endau dan peperangan berlaku selama sebulan. Datuk Bendahara Siwa Raja disuruh duduk di dalam kubu sahaja.

### Berundur ke Terengganu dan ke Kelantan

***Cetera keempat belas:***
Haji Muhammad Nor belayar dari Endau ke Kuantan dan berlabuh di Tanjung Tembeling. Beliau berperang dengan Panglima Mansu. Kapal Encik Wan Abu Bakar tiba untuk mengambil gundik. Raja bersemayam di Terengganu, sementara bondanya dan Cik Isteri tinggal di Kemaman.

Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad bertolak ke Kelantan bertemu dengan Raja Senik Mulut Merah. Para pengikut terus mengawasi Bendahara, kerana takut diserang oleh anak-anak kapal.

### Penglibatan Orang Rawa dan Mendeleng

***Cetera kelima belas:***
Wan Daud dan Khatib Rasu bergabung dengan suku orang Mendeleng dan Rawa, untuk menyerang Encik Engku Aman, kerana membela kematian saudara sepupunya, Wan Embong.

Di Kuala Tembeling, Khatib Rasu, yang bergelar Imam Perang Rasu, berkelahi dengan Panglima Raja Mat Ali, di Tir. Tuk Kaya belayar ke hilir bersama-sama Wan Daud dan tiga puluh orang lain, lalu bertemu dengan anak Panglima Mansu serta angkatannya.

Panglima Muda berkubu di Tanjung Batu. Pada pukul sembilan pagi, pihak musuh telah membuat serangan. Orang Rawa bersiap-sedia melancarkan serangan. Panglima Mansu luka parah. Anaknya, Panglima Muda ditawan.

Waktu menghilir ke Chenor, Panglima Mansu meninggal dunia, lalu angkatannya singgah di rumah Tuk Kaya Temerloh. Kemudian, semuanya naik ke selasar. Tuk Kaya hendak masuk ke dalam, tetapi orang-orang perempuan tidak membenarkannya, kerana seramai empat puluh orang yang berkeris menunggunya. Angkatan Tuk Kaya bersiap sedia dan orang-orang Rawa pun berlabuh di Rengka, menunggukan saat untuk Tuk Kaya bertindak.

Dengan helah Tuk Imam Latiff, Haji Mat Ali telah ditembak. Kemudian Wan Daud ditangkap oleh Pak Daud dan Tuk Imam Latiff lalu dibawa ke perahu. Peperangan besar bermula dan pihak Wan Daud tewas. Mereka berundur ke Kuala Semantan. Encik Yahya tiba dari Tembeling dan terus menyerang Wan Daud.

Pada waktu malam, Wan Daud serta semua orang Rawa berundur mengikut jalan darat dan tiba di Raub. Imam Perang Rasu dan Wan Daud bergabung dengan orang-orang Rawa-Mendeleng.

**Peperangan Berterusan, Kemunduran di pihak Wan Mutahir**

***Cetera keenam belas:***
Angkatan Encik Engku Aman tiba dari Pekan. Mereka menetap di Kuala Tembeling, sementara yang lainnya berkubu di Jelai dan di Lipis. Pihak Wan Daud dan Imam Perang Rasu serta orang Rawa belayar ke Raub untuk menyerang Tuk Kaya Lipis bersama dengan Encik Yahya. Ramai yang menjadi mangsa peperangan.

Peperangan berterusan beberapa bulan tanpa ada pihak yang kalah atau menang. Pada masa itu, Wan Daudlah yang menjadi ketua dan Imam Perang Rasu pula adalah hulubalang perang. Peperangan berterusan selama 8 bulan. Justeru itu, Encik Engku Aman menghantar belanja peperangan dari Pekan.

Wan Daud bermuafakat, untuk menyuruh mengambil Tuk Raja di Kelantan. Tuk Raja menghadap Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad. Orang-orang Jelai pula tiba di Kuala Tanum dan disambut dengan baik.

Pada keesokan paginya, Imam Perang melanggar Kuala Tui, yang juga kubu Tuk Husin, seorang pahlawan yang gagah dan berani. Tetapi kubu Tuk Husin telah dirobohkan oleh orang Jelai yang gigih berperang. Tuk Husin mati ditembak. Kemudian, Panglima Perang

menghantar orang Jelai berkubu di Sungai Jelai. Pada waktu malam, Encik Nyak dan Encik Deraman, belayar ke hilir.

Imam Perang Mat Zain dan Maulud juga turut serta tetapi apabila tiba di Batu Sawar mereka diserang. Encik Deraman tercedera manakala perahu Panglima Gagah Ishak ditembak.

Kemudian, pelayaran tersebut diteruskan ke Kuala Tembeling, untuk bertemu dengan Encik Engku Aman. Mereka seterusnya belayar ke hilir dan sekali lagi diserang, yang menyebabkan ramai terkorban. Panglima Perang berjaya menyekat serangan tersebut lalu Encik Nyak dan Encik Deraman berundur, tetapi Encik Yahya telah terbunuh.

## Menjemput Wan Ahmad Balik ke Pahang

***Cetera ke tujuh belas:***
Tuan Haji Husin berpakat dengan Tuk Tunggal, Tuk Syahbandar Jidin, untuk pergi ke Pekan menghadap Datuk Bendahara Seri Maharaja. Datuk Bandar memberitahu Bendahara tentang kerosakan harta benda dan kematian orang-orang di Kuala Tembeling. Beliau juga meminta Datuk Bandar melepaskan Orang Kaya Chenor dan Tuk Kaya Temerloh.

Haji Husin pula pergi menghadap Engku Muda dan memberitahunya akan hal yang sama. Engku Muda mengatakan bahawa beliau akan menurut sahaja keputusan Engku Panglima Besar. Setelah itu, ketiga-tiga pembesar itu bertemu Engku Panglima Besar yang telah menulis surat dan mengurniakan 30 peti berisi senjata. Kemudian ketiga-tiga pembesar tersebut pulang dan membina kubu di Kangsa, bersama pembesar-pembesar yang lain seperti Encik Embok dan Encik Bit.

Haji Muhammad dan Yaakub disuruh menghadap Datuk Bendahara Siwa Raja dan kepulangan mereka amat dinantikan oleh rakyat Pahang.

## Wan Ahmad Kembali ke Pahang

***Cetera kelapan belas:***
Panglima Kakap Bahaman dan Orang Kaya Muda pergi menghadap Wan Ahmad di Kelantan. Kemudian, Wan Ahmad dan para pembesar tersebut bertolak ke Terengganu, Kemaman dan Hulu Dungun. Apabila tiba di Bukit Busut rombongan tersebut memakan durian yang digelarkan sebagai 'Durian Raja'. Kemudian rombongan tersebut pergi ke Kuala Tembeling.

Pembesar-pembesar Pahang bersumpah akan setia kepada Wan Ahmad. Angkatan tersebut disambut di Temerloh oleh ketua-ketua penghulu seperti Tuk Bangau dan Tuan Chik Jenerak.

**Penglibatan Orang-orang Bugis**

***Cetera kesembilan belas:***
Angkatan Engku Muda, Encik Engku Aman, Encik Engku Da dan Engku Sayyid tiba di Chenor. Satu angkatan perang yang dihantar oleh Engku Temenggung Teluk Belanga dari Johor, yang terdiri daripada askar-askar Bugis tiba di Chenor. Mereka membawa bekalan senjata yang banyak. Angkatan perang Bugis diketuai oleh Suliwatang.

Kemudian, Tuan Haji Husin dan Tuk Tunggal menghadap Encik Engku Muda manakala angkatan Bugis belayar menuju Pulau Lebak. Orang Singapura, orang Pahang, Tuk Syahbandar, Encik Embok, Encik Uda dan Encik Nit berkubu di sebuah tanjung, sementara orang Bugis pula berkubu di Pulau Lebak. Engku Muda bertolak ke Pekan dan tempatnya digantikan oleh Encik Engku Aman.

**Peperangan Berterusan**

***Cetera kedua puluh:***
Pada keesokan harinya, peperangan bermula. Di sebelah kanan, Panglima Perang mengetuai angkatan bersama Imam Perang Raja dan Panglima Dalam. Angkatan perang di sebelah kiri pula diketuai oleh Wan Daud, Tuk Kaya Lipis dan Imam Perang Rasu. Peperangan hanya berhenti apabila hari malam.

Esoknya, Encik Mat Akil, Khatib Bahrain, Pak Hitam dan Encik Embok berperang berhampiran dengan Makam Tuan Sentang. Tiba-tiba, hujan ribut berlaku tetapi peperangan diteruskan.

Orang Bukit Segumpal pula melanggar kubu Panglima Haron, di Chenor, keesokan harinya. Kubu Panglima Haron hampir musnah sebelum dapat diselamatkan oleh Encik Mat Akil. Justeru itu, para pembesar yang setia kepada Encik Engku Aman telah berundur tetapi dihalang oleh Orang Bukit Segumpal di Batu Gajah. Walaupun demikian perjalanan tersebut diteruskan juga ke Pekan. Ketika di Pulau Lebak ramai orang Bugis terkorban.

Akhirnya, rombongan Encik Engku Aman tiba di Chenor. Orang-orang Chenor telah bersumpah akan taat setia kepadanya. Tuk Kaya Temerloh pula pergi ke Sungai Duri.

**Pertempuran di antara pihak Hulu dan Hilir**

***Cetera kedua puluh satu:***
Angkatan perang menghilir untuk menawan Pulau Pelak. Peperangan berlaku selama tiga bulan di Pulau Kepayang dan Pulau Pelak. Angkatan di sebelah hilir berundur ke Pulau Rumput, tetapi pihak angkatan hulu berkubu di Pulau Kepayang. Peperangan terus berlaku

dan semakin hebat apabila kapal bermeriam yang baru tiba dari Pekan terus mengasak angkatan di hilir. Oleh itu, angkatan di hilir terpaksa berundur semula ke Pulau Rumput.

Angkatan di hulu pula memintas jalan dan berkubu di Pulau Manis. Oleh itu angkatan di hilir tidak dapat menyerang lalu menghantar kapal ke tengah sungai lalu menembak Pulau Manis. Peperangan berterusan. Ramai orang cedera dan mati termasuklah Panglima Garang Ali dan para pengikutnya yang dikasihi raja. Justeru itu, angkatan sebelah hilir berundur ke Pulau Jawi dan angkatan di hulu pula ke Pulau Manis.

Keesokan harinya, peperangan berlaku di Pulau Temai. Peperangan semakin hebat. Angkatan hilir diketuai oleh Khatib Bahrain. Tuan Haji Hassan Budu mati ditembak.

## Pertempuran dan Kemenangan di pihak Wan Ahmad

***Cetera kedua puluh dua:***
Angkatan dari Teluk Belanga dan Johor bertolak melalui Bera dan Serting, di bawah pimpinan Syeikh Muhammad Taib.

Raja berangkat mudik, bersama para pembesar dan hulubalangnya. Tiba di Chenor, angkatan tersebut pergi ke rumah Haji Husin yang memberitahu Wan Ahmad tentang kegagalan utusan ke Rembau. Hal ini membimbangkan Wan Ahmad. Walaupun begitu, orang-orang Chenor dan Bukit Segumpal pergi juga berperang.

Keesokan harinya, Encik Husin turun dari Bukit Segumpal bersama dengan kelengkapan perangnya. Encik Husin memberitahu raja, yang beliau hendak bertempur habis-habisan, tetapi Encik Deraman menyuruhnya mudik ke hilir dan raja berangkat mudik ke Kuala Bera.

Haji Muhammad Nor bin Haji Abdul Hamid memberikan 3 tong ubat bedil yang diperolehinya di Pulau Rumput. Pihak raja di sebelah hilir bertemu dengan Panglima Perang dan Tuk Tunggal, lalu disembahkan kepada Datuk Bendahara Siwa Raja. Dengan kerjasama Haji Husin, Haji Abdul Rahman, Haji Muhammad Nor serta Tuk Kaya dibawa ke hilir. Sementara itu, Haji Abdul Hamid dan Tuk Abu Bakar bermuafakat menyerang musuh pada waktu malam, di Kuala Lui. Rancangan ini menggembirakan raja, lalu baginda menghantar utusan kepada Sultan Ali dan Tun Abdul Jalil, di Singapura.

Peperangan berlaku dengan hebatnya. Haji Muhammad serta semua haji, imam dan khatib menyerang musuh dengan sepenuh hati, kerana ketaatan kepada raja. Peperangan berlaku sepanjang hari dan musuh berkubu di kedua-dua belah Sungai Bera.

Tuan Hitam al-Habsyi tinggal, menjadi wakil raja kerana keberaniannya. Dia disukai oleh para pembesar. Begitu juga halnya dengan Sayyid Yasin yang menjadi timbalan wakil raja.

Musuh merasa gentar apabila kapal berapi melanggar kubu-kubu

mereka di kedua-dua tebing Sungai Bera. Peperangan berterusan selama lapan hari, lapan malam. Akhirnya musuh mengundurkan diri. Ramai yang menjadi mangsa peperangan sengit itu.

Engku Temenggong Teluk Belanga berasa sedih apabila mendengar berita angkatannya yang terpaksa berundur.

Tuan Haji Husin meninggal dunia. Haji Abdul Hamid mudik ke hilir bersama membawa surat mengenai kemenangan peperangan. Berita kematian Haji Husin juga disampaikan kepada Yang Mulia Datuk Bendahara Siwa Raja. Datuk Bendahara begitu berbangga dengan kejayaan mereka tetapi turut bersedih dengan kematian pembesarnya, Tuan Haji Husin.

## Raja Melawat Kubu Peperangan

*Cetera kedua puluh tiga:*
Dalam peperangan di Pulau Temai, tiga bulan selepas Khatib Bahrain, Imam Perang Mat Akil dan Sayyid Deraman menggali kubu, tercetuslah peperangan dengan Awang Din.

Khatib Bahrain dan Imam Perang Mat Akil memenuhi kubu tersebut dengan ubat bedil, kayu, batu dan tembikar. Khatib Bahrain kemudiannya, membakar lubang tersebut. Awang Din hampir mati dan kebanyakan orang-orangnya terkorban. Imam Perang Raja, Panglima Raja dan Panglima Dalam terus berjuang menentang musuh.

Selepas itu, Datuk Bendahara Siwa Raja yang berpakaian hulubalang berangkat dengan angkatannya. Kubu pertahanan diperbaiki. Musuh berasa hairan melihat kubu tersebut dibina semula dengan segera.

Kemudian, dikisahkan keistimewaan Raja Pahang yang sungguh berani, bijaksana dan pandai mengambil hati sekalian hulubalang.

## Pertempuran dan Kematian Bendahara Wan Mutahir

*Cetera kedua puluh empat:*
Perang saudara terus berlaku. Wan Mutahir dan putera-puteranya mati di dalam perjalanan ke Singapura, lalu dimakamkan di Tanjung Puteri.

## Wan Ahmad Menaiki Takhta

*Cetera kedua puluh lima:*
Wan Ahmad menetapkan 'adat' pemerintahan; menggelar pembesar-pembesar kemudian berkahwin dengan Tun Besar yang digelar Cik Puan Bongsu. Tun Fatimah pula digelar sebagai Cik Puan Tengah. Cik Puan Bongsu melahirkan seorang putera, bernama Tun Long.

### Serangan Semula

***Cetera kedua puluh enam:***
Pahang disebut sebagai bertambah makmur. Ramai pedagang tiba untuk berniaga. Sultan Ali dari Singapura dan Sultan Mahmud Muzaffar Syah berangkat ke Pahang lalu meminta bergundik dan dinobatkan. Baginda mangkat di Pahang.

Sementara itu serangan daripada para pengikut Wan Mutahir masih diteruskan, tetapi gagal.

### Pahang, Johor dan Selangor

***Cetera kedua puluh tujuh:***
Disebut lagi bahawa Pahang makin bertambah makmur. Putera-putera Wan Mutahir terus menyerang Pahang, yang mendapat bantuan dari Johor kerana Wan Mutahir adalah bapa mertua Sultan Johor. Kemudian dikisahkan tragedi sebuah kapal Johor yang meletup. Sultan Johor merasa insaf dan berazam untuk tidak memusuhi Pahang lagi. Selepas itu anak-anak Wan Mutahir pergi ke Selangor, berjumpa Raja Mahadi untuk meminta pertolongannya menyerang Pahang selepas menolong Raja Mahadi menentang Raja Abdullah.

### Peperangan Selama Sembilan Bulan

***Cetera kedua puluh lapan:***
Perang saudara berterusan. Kali ini peperangan berlaku selama sembilan bulan. Selepas itu Sultan Johor dan Gabenor Singapura pergi ke Pahang untuk meminta kawasan Endau diserahkan kepada Johor. Pada mulanya permohonan ini ditentang tetapi akhirnya Pahang bersetuju. Perang saudara terus berlaku menyebabkan rakyat mengalami kesusahan, makanan tidak mencukupi dan semua aktiviti ekonomi terbantut. Pihak Wan Ahmad mendapat kemenangan. Encik Engku Aman dan angkatannya terpaksa berundur. Pada masa inilah Tun Mahmud dilahirkan.

### Istiadat Bertindik

***Cetera kedua puluh sembilan:***
Wan Ahmad melawat Chenor bersama-sama rombongannya sambil menziarahi Tuk Kaya Husin Chenor yang baru dilantik sebagai pentadbir di situ. Cik Puan Bongsu melahirkan Tun Selamah, tetapi meninggal dunia semasa di Chenor. Kemudian rombongan tersebut singgah pula di Semantan dan kemudian ke Sanggang.

Imam Perang Rasu pula dititahkan menyiasat tentang cerita pelik di Hulu Tekam. Tetapi cerita tersebut rupanya khabar angin saja.

Wan Ahmad mengadakan istiadat bertindik untuk Tun Long dan istiadat berkhatan untuk Tun Mansur, majlis tersebut diadakan secara besar-besaran dengan berbagai-bagai permainan, adat tradisi, joget, tarian dan judi. Upacara sambutannya diadakan selama 11 bulan.

## Pahang dan Perang Klang

*Cetera ketiga puluh:*

Tengku Kudin (Diauddin) dari Selangor mengutus surat ke Pahang sebelum datang ke Pahang, meminta bantuan bagi pihak Sultan Abdul Samad untuk memerangi Syariff Masyhur di Selangor. Setelah dirujuk kepada kerajaan Inggeris di Singapura, permintaan tersebut telah dipersetujui. Wakil Tengku Kudin, anak Wan Mutahir, Engku Da datang ke Pahang meminta bantuan Wan Ahmad kerana Encik Engku Aman telah ditawan oleh Syariff Masyhur. Pahang bersedia membantu Tengku Kudin menyerang musuh di Hulu Selangor.

Satu angkatan perang yang diketuai oleh Imam Perang Indera Gajah Pahang (gelaran baru bagi Imam Perang Rasu) dihantar ke Selangor. Pertempuran meletus. Pihak Pahang meminta bantuan orang Cina dan Yap Ah Loy dari Selangor untuk menyerang pasukan Syariff Masyhur yang dibantu oleh orang-orang Rawa dan Mendeleng. Tetapi ketuanya, Sultan Bangkahulu mati akibat diserang hendap. Pihak Pahang menang. Pada masa itu lahirlah Tun Dalam oleh Cik Puan Besar dan Tun Ali oleh Cik Sokma.

## Kemasukan Inggeris di Selangor

*Cetera ketiga puluh satu:*

Tengku Kudin telah diancam oleh musuhnya. Baginda meminta bantuan Pahang, tetapi Pahang enggan. Pahang mencadangkan Selangor meminta bantuan Inggeris dan melantik seorang Residen. Tengku Kudin bersetuju dan Tuan Davidson menjadi Residen Selangor yang pertama.

Orang Kaya Jelai bergaduh dengan Wan Daud dan Wan Lingga kerana berebutkan pangkat. Bendahara Pahang secara sulit berpihak kepada Wan Lingga. Beliau menghantar Imam Perang Indera Gajah Pahang membantu Wan Lingga. Persengketaan dapat diselesaikan akhirnya. Pemerintahan Pahang diserahkan kepada adik Wan Ahmad, Tun Mansur yang bergelar Engku Muda. Haji Muhammad Noor dan Encik Gaduh dilantik menjadi kerani oleh Sultan Ahmad. Selepas itu Engku Muda berangkat lalu menetap di Johor.

## Pahang, Johor dan Terengganu

***Cetera ketiga puluh dua:***
Rombongan diraja Pahang melawat Johor. Maharaja Johor kemudian membalas lawatan ini dan berjanji tidak akan bermusuh dan memerangi Pahang lagi. Mereka berbaik-baik.

Kemudian diceritakan tentang persediaan perkahwinan Sultan Zainal Abidin III (Terengganu) dengan puteri Bendahara Siwa Raja Pahang sebagai memenuhi wasiat almarhum Sultan Terengganu, Sultan Baginda Omar.

Bendahara Pahang dikatakan melawat Pulau Tawar dan bersuka ria di situ. Beliau berbaik-baik semula dengan Orang Kaya Jelai dan Tuk Kaya Lipis. Istiadat menuba ikan di Sungai Pahang diadakan.

## Berangkat ke Johor

***Cetera ketiga puluh tiga:***
Raja Pahang dan rombongannya melawat Singapura dan Johor.

## Pertabalan, Perkahwinan dan Berkhatan

***Cetera ketiga puluh empat:***
Bendahara Siwa Raja Ahmad diangkat dan seterusnya ditabalkan oleh pembesar-pembesar Pahang sebagai Sultan Ahmad al-Muazzam Syah. Isterinya, Cik Puan Bongsu digelar Tengku Ampuan Pahang. Perkahwinan Tun Dalam dan Tun Ali juga dilangsungkan. Begitu juga istiadat berkhatan anaknya, Tun Mahmud. Diadakan juga istiadat joget dan menggebeng.

## Perkahwinan Sultan Terengganu di Pahang

***Cetera ketiga puluh lima:***
Istiadat perkahwinan di antara Yang di-Pertuan Terengganu dengan puteri Sultan Pahang, Tun Long. Istiadat ini diadakan secara besar-besaran, tetapi malangnya Pahang dilanda wabak cacar.

Sebelum itu Sultan Ahmad menikahi Tengku Besar Terengganu, janda almarhum Sultan Terengganu setelah mendapat izin isterinya, Tengku Ampuan Pahang. Selepas upacara perkahwinan tersebut, Sultan Zainal Abidin kembali ke Terengganu. Haji Muhammad Nor dititahkan oleh Sultan Pahang membawa dan menyerahkan Tengku Mahmud kepada Maharaja Johor. Hal ini menyebabkan Maharaja Johor bercadang berangkat ke Pahang.

## Triti Pahang–Inggeris

***Cetera ketiga puluh enam:***
Frank Swettenham dikatakan pergi ke Pahang bersama angkatannya, berjumpa Sultan untuk membuat perjanjian. Sultan meminta penangguhan. Engku Muda dan konco-konconya (Engku Empeh dan Raja Ismail), dihasut oleh kerabat diraja Singapura dan Johor, untuk berkomplot dan membuat huru-hara di Pahang. Tetapi dengan jasa Gabenor Singapura komplot ini dapat dihapuskan. Gabenor Singapura datang ke Pahang untuk membuat perjanjian dan menerima seorang Penasihat Inggeris. Mesyuarat diadakan dan akhirnya Sultan bersetuju melantik Penasihat Inggeris yang pertama di Pahang, iaitu, H. Clifford.

Pembukaan beberapa kompeni perlombongan di Pahang dengan kebenaran Sultan Pahang.

Seorang Cina, bernama You Hui, seorang rakyat Inggeris telah dibunuh. Pihak Inggeris mendakwa Pahang. Gabenor Inggeris datang ke Pahang untuk membuat perjanjian iaitu, sama ada Pahang mencari pembunuh You Hui atau melantik seorang Residen Inggeris. Maharaja Johor turut campur tangan dalam hal ini dan menasihatkan Pahang menerima seorang Residen Inggeris. Mesyuarat demi mesyuarat diadakan. Akhirnya para pembesar bersetuju menerima cadangan pihak Inggeris, tetapi Sultan Pahang menentangnya. Sepucuk surat ditulis dan diutus ke Singapura.

## Pahang dan J. P. Rodger

***Cetera ketiga puluh tujuh:***
Maharaja Johor berangkat pulang ke Johor. Kemudian J. P. Rodger dan angkatan perangnya tiba di Pahang, sebagai Residen Inggeris yang pertama di situ. Peraturan-peraturan baru diperkenalkan seperti penubuhan pasukan polis, undang-undang, mahkamah, askar dan lain-lain lagi. Pembantu Residen adalah Tengku Mahmud.

Sultan Pahang menjerat seladang.

Projek agihan pemakanan, disusun oleh Engku Bakar, Penghulu Balai. Malangnya projek ini gagal kerana terjadi pilih kasih.

Pada masa ini Cik Zabedah melahirkan Tengku Omar. Tun Ali pula berkahwin dengan anak Engku Muda. Istiadat perkahwinan diadakan secara besar-besaran.

## Kebangkitan Semantan

***Cetera ketiga puluh lapan:***
Hugh Clifford menggantikan J. P. Rodger sebagai Residen Pahang. Orang Kaya Semantan (Tuk Bahaman) tidak puas hati dengan jumlah

wang sara hidupnya iaitu $50/- sahaja, walhal dia meminta sebanyak $500/- sebulan. Tindakannya mengambil dan mengumpul rotan tanpa '*pass*' telah menimbulkan kemarahan Majistret Desbara. Pertelingkahan terjadi di Kuala Semantan. Kebangkitan menentang Inggeris pun meletus. Pegawai-pegawai Inggeris menghantar askar-askar Sikh untuk mengawal keadaan. Angkatan Sultan Pahang dan para pembesar Pahang yang pro-Sultan Pahang bersama-sama pegawai Inggeris bertindak menentang Tuk Bahaman dan Mat Kilau. Mereka menghantar utusan ke Singapura memberitahu gabenor. Utusan Pahang terdiri daripada Encik Gaduh dan Haji Muhammad Noor.

## Kebangkitan Berterusan

***Cetera ketiga puluh sembilan:***
Kebangkitan berterusan. Imam Perang Tuk Gajah nampaknya menentang kerajaan. Tuk Gajah berpihak kepada Tuk Bahaman. Utusan Pahang kembali dari Singapura. Peperangan meletus di Batu Hampar. Hugh Clifford dan Walker menyerang Mat Kilau. Gabenor Singapura dan Sultan Johor tiba di Pahang.

## Menentang dan Memberantas Kebangkitan

***Cetera keempat puluh:***
Sultan Pahang dan para pembesar mengisytiharkan pengampunan beramai-ramai kepada para 'penderhaka'. Datuk Bendahara dan Datuk Syahbandar dipecat. Sultan Johor turut bekerjasama di dalam rancangan pengampunan beramai-ramai ini. J. P. Rodger dan Tengku Mahmud mengesyaki bahawa langkah ini memberi faedah kepada Johor. J. P. Rodger kemudiannya digantikan oleh Egerton sebagai Residen Pahang (sebagai Pemangku sahaja).

Diceritakan juga tentang majlis perkahwinan di antara Tengku Mahmud dengan Tengku Mariam Johor yang kemudiannya ditangguhkan kerana Tengku Mahmud gering.

Mat Kilau masih bebas di Kuala Tembeling. Operasi besar-besaran dijalankan oleh kerajaan Pahang untuk menangkap para 'penderhaka'. Pegawai-pegawai Inggeris, seperti Egerton, Walker, Wise dan Duff bersama-sama membantu usaha-usaha penangkapan 'penderhaka'. Hugh Clifford kemudiannya diarahkan oleh Gabenor supaya turut serta. Para 'penderhaka' ini dikejar sehingga tiba ke kawasan sempadan Kelantan dan Terengganu, justeru itu Kerajaan Siam diminta membantu. Ketua-ketua 'penderhaka' terus bersembunyi.

Kebangkitan dapat dilenyapkan. Pembesar-pembesar Pahang diberi kenaikan pangkat. Hugh Clifford pula dilantik sebagai Residen Pahang.

**Perlantikan Tengku Besar dan Perkahwinannya**

***Cetera keempat puluh satu:***
Istiadat perkahwinan Tengku Mahmud dengan Tengku Mariam, Johor diadakan. Sebelum itu Tengku Mahmud dilantik dan digelar Yang di-Pertuan Muda Tengku Besar dengan persetujuan Sultan, Gabenor dan pembesar-pembesar Pahang. Istiadat ini diadakan secara besar-besaran.

Sultan, Tengku Besar dan ahli-ahli mesyuarat Pahang menghadiri Mesyuarat Raja-raja Melayu di Perak atas jemputan Gabenor Mitchell. Tengku Mariam Johor digelar Tengku Puan Besar. Beliau disebut sebagai seorang yang bijaksana.

Seterusnya diterangkan istiadat berkhatan putera Sultan Ahmad, Tengku Sulaiman, Tengku Yusoff dan Tengku Omar, yang mendapat biayaan kewangan daripada Gabenor, *High Commissioner* dan Residen Jeneral Inggeris. Sultan Ahmad menerima bintang K. C. M. G dari Queen Inggeris, yang disampaikan oleh Residen Jeneral, W. Treacher. Istiadat penganugerahan ini tidak memuaskan hati sultan namun baginda tidak mahu mengecilkan hati Residen Jeneral.

Selain itu dicatatkan juga tarikh kelahiran Sultan Ahmad, kenaikannya ke atas takhta kerajaan, pertabalan dan kemangkatannya. Baginda digantikan oleh Tengku Besar Mahmud, yang digantikan pula oleh Tengku Abdullah. Oleh itu, Tengku Sulaiman dilantik pula sebagai Tengku Besar Pahang.

Terdapat juga senarai nama anak-anak raja Pahang yang menerima bintang kebesaran daripada kerajaan Inggeris. Disertakan juga watikah perlantikan Tengku Besar oleh Sultan Ahmad yang turut mencatatkan hak dan kuasa tertentu.

**Gambar 2:** Feksimile Jawi Hikayat Pahang – hlm. 1



**Sumber:** Perpustakaan Universiti Malaya Kuala Lumpur

# BAB 3

## HIKAYAT PAHANG

### Keberangkatan Bendahara Ali ke Lingga

*Alkisah cetera yang pertama,* kata sahibulhikayat, pada suatu masa Datuk Bendahara Seri Maharaja Ali disilakan orang Yang Maha Mulia Sultan di Lingga, kerana hendak mengangkatkan gelaran puteranya. Maka Yang Maha Mulia Datuk Bendahara Seri Maharaja pun bersiaplah memanggil sekalian orang besar-besarnya, Datuk Perdana Menteri, kerana bermesyuarat hendak berangkat ke Lingga. Maka sembahan Datuk Perdana Menteri, "silakan tuanku berangkat."

Maka sekalian orang besar-besarnya pun bersiaplah dengan segeranya akan kenaikan perahu perangkatan itu. Dan berkerahlah segala rakyat negeri dan membawa hulubalang yang handal, gagah lagi perkasa; dua orang yang masyhur pada ketika itu, tiadalah bandingannya, masyhur gagah perkasanya, namanya Datuk Parit dan Datuk Tangguk Bingkal Tembaga. Dan banyaklah lain-lain hulubalang yang dibawanya.

Sudah lengkap sekaliannya, maka berangkatlah. Sampai di Kuala Pahang, di Tanjung Teja, berhimpunlah sekalian perahu datuk hulubalang, Perdana Menteri empat puluh buah perahu, penjajap, cukup dengan alat senjata, meriam, lela, menghampiri kenaikan, menanti paksa angin yang baik. Maka membaca doalah lebai dan haji melangkahkan kenaikan, berangkat belayar.

Tiga hari akan keempat, sampailah dengan selamatnya ke Riau. Tiada apa-apa merbahayanya di laut dengan daulat.

Maka singgahlah di Riau menghadap Yang di-Pertuan Muda. Dua hari bersuka, berangkat ke darat; disambut oleh Yang di-Pertuan Muda dengan hormatnya.

Kemudian daripada itu, berangkatlah belayar ke Lingga, kerana titah Yang di-Pertuan Muda, apakala sampai Datuk Bendahara Seri Maharaja, segeralah Yang Maha Mulia itu mengikat pekerjaan kerana sekalian Datuk, Temenggung, rakyat negeri yang di bawah takluk semua sudah hadir menanti. Sampai angkatan Datuk Bendahara Seri Maharaja di Pahang, tiadalah upaya Yang di-Pertuan itu hendak membuat pekerjaan, sebab semuanya adat-istiadat itu di Pahang. Dan Yang

di-Pertuan Muda Riau pun berangkatlah ke Lingga dengan segeranya.

Dua hari dua malam, angkatan Datuk Bendahara pun sampai ke Lingga, masuk dengan bebasnya. Sekaliannya memukul gong gendang. Maka kenaikan pun dilabuh sauh. Maka dengan segeranya Datuk Bendahara berangkat naik ke darat diiringkan orang besar-besar, Perdana Menteri, menghadap Yang Maha Mulia ke balairong, bersemayam di hadapan keraton; hadir sekalian orang besar-besar, pegawai, Bentara Kanan, Bentara Kiri, Datuk Temenggung, Laksamana.

Melihatkan Datuk Bendahara menghadap Yang di-Pertuan dengan takzimnya, tawaduk tiada seorang bandingnya, daripada tingkah lakunya, elok, manis, bersabda dengan lemah-lembut perkataan, tiadalah boleh disifatkan. Hairanlah sekalian mendengar sebab segala mengerja itu ada semuanya dibawa hukum syarak, adat-istiadat di dalam kanun. Semua kalimah itu dibawa di dalam bersabda. Apatah lagi faham dan resam.

Maka Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan dengan hormatnya bertentang, halus, manis durjanya; dengan lazat mendengarkan sembahan Datuk Bendahara Ali itu. Maka Yang di-Pertuan pun bertitah, menyerahkan negeri Lingga itu sekalian pemerintahan, kerana begitu istiadatnya; apakala Datuk Bendahara datang dari Pahang, Yang di-Pertuan menyerahkanlah negerinya sekalian hukum.

Kemudian daripada itu, menyerahkanlah pekerjaan yang akan diperbuat itu. Maka orang-orang pun mengangkatlah zuadah yang lazat-lazat bagi santapan Datuk Bendahara dari dalam (dan) elok, tiadalah boleh diperikan. Maka Yang di-Pertuan pun berangkat masuk ke dalam istana.

Maka Datuk Bendahara selesai daripada santapan, bersabdalah di dalam keraton Yang di-Pertuan Muda. Datuk Temenggung, Laksamana, Bentara Kanan dan Bentara Kiri dan sekalian pegawai-pegawai menetapkan pekerjaan, hari bulan yang akan dimulakan meletakkan kerja (Yang di-Pertuan) dan undang-undang adat yang ditetapkan dalam istana, pakaian sekalian.

Kemudian daripada itu, dengan segeralah mengangkat kerja besarnya, siang malam, tiadalah boleh hendak diperikan. Sekalian jenis permainan siang malam. Bendera tidak diturunkan. (*hlm. 1*) Judi, sabung tiada berhingga. Empat bulan yang telah tetap sudah, segala orang Pahang pun habislah segala hartanya, jadi miskin, kerana judi.

Kemudian, tersebutlah kisah dua orang hulubalang Tuk Tangguk Bingkal Tembaga dan Tuk Parit. Keduanya menghadap Datuk Bendahara, memohon hendak pergi merompak ke laut. Maka jawabnya, "jangan engkau pergi." Kemudian daripada itu, ia memohon juga, kerana sesak. Maka raja pun diam. Di dalam hal itu ia pun kembalilah ke rumah, berfikir-fikir.

Di dalam antara itu, ia pun bertawakallah mencuba pergi dengan perahunya bernama lancang; kawannya lima belas orang, cukuplah

dengan alat senjatanya, meriam dan lela. Maka ia pun belayarlah menuju di mana-mana perahu orang, hendak dirompak.

Tujuh hari tujuh malam, dengan takdir Allah *subhanahu wa taala* angin pun mati; perahu pun mengatung-ngatung. Orangnya habis tidur semuanya. Datang perompak tujuh buah perahu. Maka dirompaknyalah, habis; maklumlah orang tengah tidur. Sekalian senjata habislah dirompaknya. Orang-orangnya hendak dibunuh, minta nyawa, mengikutlah apa-apa kata. Perompak itu naik ke dalam perahu. Rupanya perompak itu baharu lepas merompak sebuah wangkang besar. Maka Datuk Tangguk duduk di haluan perahu perompak yang besar sekali; dan Datuk Parit di belakang. Keduanya itu kena rantai. Maka perompak pun belayarlah dan lancang ditariknya.

Ada sejurus, datanglah gembiranya Datuk Tangguk dan Datuk Parit, habis putus rantai. Bergoncang perahu perompak itu, bagaikan pecah. Dan segala panglima perompak orang-orangnya pun habis lekat punggungnya, tidak boleh bangun. Habis semua perahu yang ketujuh itu, lekat semuanya. Dan Datuk Tangguk pun berjalanlah ke haluan dan di belakang, bertanya kepada segala perompak itu, "hendak hidupkah engkau atau hendak mati?" Maka jawab segala perompak itu, "hendak hidup Datuk; dan minta ampunlah Datuk; dan Datuk ambillah segala harta sahaya ini".

Dan Datuk Tangguk lalu ditamparnya kepala mereka itu sekaliannya. Maka dilepaskanlah semuanya. Dan dihukum oleh Datuk Tangguk itu memunggah segala harta yang ia berkenan, disuruh muatkan di dalam lancangnya; ringgit-ringgit, kain dan jenis makan-makanan, hingga saratlah lancang itu. Maka ia pun baliklah belayar ke Daik. Dan perompak itu dilepaskan semuanya. Maka ia pun sampailah ke Daik. Dan orang-orang hairanlah melihatkan.

Di dalam itu, pekerjaan Yang Maha Mulia hampirkan sudah. Pada hari yang besar mengangkat gelaran puteranya. Yang Maha Mulia itu ialah dilantik, ditabalkan Sultan Mahmud Muzaffar Syah; ketika itu diriba oleh Seri Paduka ayahandanya dengan berhias mahkota. Maka telah selesai gelaran. Yang Maha Mulia itu disilakan oleh Datuk Bendahara Seri Maharaja, "silalah Duli Yang Maha Mulia berangkat masuk ke dalam istana, patik hendak menyembah." Seri Paduka anakanda dengan segeranya berangkat. Datuk Bendahara pun menyembahlah dengan membawa tertib langkah serong dengan takzimnya, tawaduk, tiadalah sepertinya. Kemudian, menjunjung dulilah Datuk Temenggung Paduka Raja Abdul Rahman. Kemudian daripada itu, orang-orang besar-besar yang patut-patut.

Kemudian, tersebutlah kisah Yang Mulia Yang di-Pertuan menggelar putera Datuk Bendahara Seri Maharaja yang bernama Tun Tahir, digelar Engku Muda, akan menerima bakal Datuk Bendahara Seri Maharaja Pahang.

Kemudian daripada itu, dengan sangat-sangat suka Duli Yang Maha

Mulia akan kebaktian Datuk Bendahara Seri Maharaja, dikahwinkan pula Engku Muda dengan puteranya yang bernama Tengku Chik.

Habislah pekerjaan, bendera kerja pun diturunkanlah. Selamat sempurnalah, tiada apa-apa cacat-celanya, hanya bersuka-sukaan siang dan malam, enam bulan genap. (*hlm.* 2)

**Membuka Petempatan Baru**

***Alkisah cetera yang kedua,*** Datuk Bendahara Seri Maharaja pun bermohonlah balik ke Pahang, semuanya sekali. Diizinkan oleh Duli Yang Maha Mulia itu dengan dukacita hatinya, sebab ia sudah tua. Dan ia pun bertitahlah menyerahkan puteranya Sultan Mahmud Muzaffar Syah dengan setianya di antara keduanya.

Datuk Bendahara Seri Maharaja Ali pun menyembah, turun, terus belayar; berhenti di Riau sedikit hari dan Singapura sedikit hari, langsunglah balik ke Pahang dengan sejahteranya. Dan sekalian orang besar-besar hadir menanti, menyambut bagaimana adat raja yang besar, dari Kuala Pahang hingga sampai ke dalam kota istana; berhias sekalian rakyat negeri menzahirkan ia.

Sekalian isi negeri menyerahkan sekalian pemerintahan di dalam negeri dengan takluk daerahnya dan menterinya yang besar iaitu menantunya Sayyid Omar, yang dinamakan Engku Sayyid. Isterinya digelar Cik Puan Engku Sayyid.

Syahadan, adapun masa itu, Datuk Bendahara berangkat ke Lingga itu, isterinya yang dikasihinya, Cik Long namanya, dalam bersemayam di Lingga itu, hamillah. Balik ke Pahang, sekalian isi negeri menggelar Cik Lingga. Sampai sepuluh bulan genap, masuk bulān sebelas, bersalinlah. Ketika itu kebetulan Habib Abdullah ibnu Omar al-Attas, yang keramat besar, ialah yang menyambut dan bang, teruslah dinamakan Tun Ahmad. Maka ia pun berdatang menyembah pada raja iaitu, "ya maulana, anak maulana ini banyak baik, yakni besar suhudnya, bertuah lebih daulatnya kelak." Maka ia pun baliklah. Tiada berapa lama, keluar dari Pahang balik ke Arab.

Di dalam beberapa lama, Datuk Bendahara pun membuat satu tempat yang baharu, bernama Lamir. Maka tempat itu sangatlah indahnya, menasabah tempat raja-raja. Diperbuatlah istana besar dan balai penghadapan. Yang Mulia Engku Muda bersemayam di istana lama di dalam takhta kerajaan.

Maka dalam hal itu, Engku Muda berangkat mudik ke Pulau Ganchung. Maka dilihatnya pulau itu sangatlah cantik; dusun baharu naik yang dibuat oleh Tuk Ganchung. Maka Engku Muda pun minta. Dan Tuk Ganchung pun menyembahkan pulau itu dengan segeranya. Engku Muda pun berkerahlah membuat kota istana, teruslah ia pindah bersemayam di situ.

Masa itu sangatlah makmurnya negeri Pahang itu. Sekalian perintahnya adil. Datuk Bendahara Seri Maharaja, dua mufti dan kadi yang besar-besar iaitu Tuan al-Haji Abdul Syukur dan Tuan Sanggang dan beberapa yang di bawahnya, hari-hari menghadap raja menyembahkan hukum syarak. Dan raja pun mengaji kitab bagi hukum-hukum sembahyang lima waktu, tiadalah khali. Istimewa pula dengan orang besar-besar, pegawai negeri, bermesyuaratkan sekalian hukum-hukum dan adat hingga tiada khali.

Orang besar-besar menghadap ke Ganchung dan menghadap ke Lamir dan menghadap ke Kota Lama. Ketika itu sangatlah aman dan makmurnya, hingga dua puluh lima gantang beras satu ringgit. Demikianlah barang-barang lain, jenis makan-makanan. Dan banyaklah isi negeri kaya-kaya, dari Kuala Pahang, hingga penghabisan hulu. Jikalau hendak membeli emas dengan sebentar dapat beberapa puluh ribu ringgit. Dan orang berniaga, masuk keluar, tiada apa-apa kena cukai. Maklumlah raja yang adil lagi murah; hanyalah satu, Sungai Kuantan, itulah tempat santapannya.

Masyhurlah pada segala negeri raja bersemayam di atas takhta kerajaan dengan keadilan.

Maka puteranya yang bernama Tun Buang, tersebut di dalam fasal yang pertama, digelarkan Engku Panglima Besar, hulubalang Yang di-Pertuan Lingga. Maka sangatlah hebat rajinnya, tegap tegun. Dan Tuan Long digelar Panglima Perang Yang di-Pertuan dan Tuan Aman Kampung Masjid, Menteri, dan Encik Sulaiman, suami Cik Engku Teh, yang tersebut di dalam fasal yang pertama itu pun, tara Menteri juga. (*hlm.* 3)

## Kematian Bendahara Tun Ali dan Permulaan Persengketaan Engku Muda Mutahir dengan Engku Ahmad

***Alkisah cetera yang ketiga,*** putera Engku Sayyid dengan Cik Puan, dua laki-laki keduanya. Seorang nama Tuan Embong dan yang seorang Tuan Ngah. Baginda itu sangatlah kasih akan cunda yang pertama.

Syahadan, tersebutlah putera Engku Muda, yang laki-laki, enam orang: Encik Engku Long, Encik Engku Aman, Encik Engku Da, Encik Engku Abdullah, Encik Engku Muhammad, Encik Engku Chik. Ketiganya itu sangatlah elok paras. Adapun Engku Panglima Besar, puteranya laki-laki dua orang: Encik Engku Mahmud, Encik Engku Ali. Perempuan seorang, bernama Cik Engku Nik.

Maka di dalam hal itu, baginda pun berkasih-kasihlah dengan segala cucundanya; selalulah berangkat ke Pulau Ganchung melihat segala cunda-cunda bersemayam di atas takhta dengan kesukaan, aman dan makmur. Jenis permainan ada semuanya. Maka di dalam hal itu, cunda yang tua, putera Engku Muda yang bernama Encik Engku Long,

sangatlah elok tingkah lakunya. Nenda, ayahandanya sangatlah kasih sayang, diumang-umangkan, "inilah akan digelarkan jadi raja kelak."

Syahadan lagi, tersebutlah Tun Ahmad, putera Datuk Bendahara Seri Maharaja, yang tersebut di dalam fasal yang kedua itu pun, sudah besar. Sangatlah baik, manis tingkah lakunya kepada segala hamba sahayanya; dan ayahanda dan bondanya sangatlah kasih sayangnya. Tambahan pandai membela orang, mengambil hati juak-juak. Sekalian sehari makin ramailah orangnya. Ia pun sudah cukup umur, lima belas, kesukaan hendak berniaga. Maka bermohonlah pada Seri Paduka ayahanda bondanya. Dan diizinkanlah maksudnya. Dan ia pun berangkat mudik ke Hulu Pahang, berniaga dengan orang-orang, kepala yang di bawahnya. Tiga empat puluh buah perahu sekali mudik.

Di dalam hal itu, sangatlah taatnya kepada Seri Paduka ayahanda dan paduka kakandanya Engku Ganchung dan paduka anakanda-anakandanya, laki-laki dan perempuan; tiadalah khali berkasih-kasihan, budi bahasa. Mudik dan hilir, selalu mempersembahkan emas kepada paduka kakanda dan kepada paduka anakanda yang patut, oleh kerana takut dan harap kepada saudaranya yang sudah jadi raja; menumpangkan diri kerana paduka ayahanda sudah tua.

Di dalam hal itu, tersebutlah ihsan daripada Engku Sayyid, iparnya, berserta pula dengan Datuk Temenggung Ibrahim. Hasutan itu kepada Engku Muda. Bermacam-macam fitnah didatangkan, dari satu masa kepada satu masa. Nampaklah fikiran Engku Sayyid itu. Jikalau tidak dibuat demikian, lemahlah ia dan anaknya Tuan Embong daripada menterinya sebab Engku Muda sangat kasih akan paduka adindanya.

Demikianlah putera-puteranya, ialah dalam kasih-kasihan. Kerana didatangkan fitnah yang demikian, maka Engku Muda pun murkalah akan paduka adinda. Akan halnya, tidak sekali-kali fitnah itu, hanyalah aniaya Engku Sayyid dan Engku Temenggung sahaja: dikatakan hendak mengambil kerajaan Pahang. Sebab itulah sangat-sangat murkanya. Seri Paduka ayahanda sudah tua, dinasihatkan kepada paduka anakandanya, Engku Muda, "jangan bercerai adik-beradik, bermuafakat baik-baik. Ambil Ahmad ini, bela, suruh apa-apa yang patut. Jadikan pegawai di bawah anakanda," bersabda sendiri dan menyuruh orang besar-besar memberi nasihat pada Engku Muda itu. Tiada terpakai nasihat itu kerana dia yakin akan persembahan Engku Sayyid dan Engku Temenggung.

Dengan takdir Allah, peredaran dunia, negeri pun hendak rosak, Yang Maha Mulia Datuk Bendahara Seri Maharaja datanglah geringnya. Di dalam satu bulan lebih kurang, sangatlah ia hendak berjumpa dengan paduka anakandanya, Engku Muda itu. Dijemput beberapa kali, tiadalah datang. Putera-puteranya semuanya hadir, dan ialah Engku Muda sahaja tiada. Maka pada masa gering itulah Datuk Bendahara memanggil puteranya Tun Ahmad serta dengan Bahaman, disuruh dekat. Kemudian sabdanya Datuk Bendahara kepada Tun Ahmad,

"nganga mulut," lalu diludahkan ke dalam (mulut) anakandanya. Kemudian, sabdanya pada Bahaman, "nganga mulut engkau," kemudian, diludah pula. Kemudian sabdanya, "janganlah engkau bercerai dengan Tun Ahmad. Hendaklah bersama-sama ke mana." Kemudian, berlakulah kudrat iradat Tuhan; kembalilah ke *rahmatullahi taala*. Demikianlah cetera yang empunya naskhah, adanya. (*hlm*. 4)

Maka segala puteranya serta cucunda sekaliannya tersangatlah riuh rendah dengan tangis ratap masing-masing, serta dengan orang-orang besarnya dan sekalian rakyat isi negeri itu dihukumkan suruh bersugul. Dijalankan di dalam negeri memakai pakaian putih di kepala pada kupiahnya atau sapu tangan tiada lebih daripada dua inci, selama empat puluh hari, serta diturunkan bendera setengah tiang, menunjukkan negeri kesugulan. Adapun kain putih itu dililit pada songkok di kepalanya.

Kemudian, berhimpunlah semuanya, membuat istiadat bagaimana raja-raja yang besar-besar mangkat hendak dimakamkan. Maka sekalian raja-raja dan orang besar-besar yang datang berhimpun itu dengan kesiapan bagai kelakuan orang yang hendak berperang, takut dan ngerilah sekalian yang melihatnya. Maka dengan daulat, tiada apa-apa pergaduhannya. Dengan selamat sempurnalah dimakamkan almarhum itu dengan tertibnya, bagaimana adat raja yang besar-besar, sehingga sampai membuat kenduri arwah tujuh hari.

Kemudian daripada itu, akan berlakulah kesusahan di antara Encik Engku Ahmad dengan paduka kakandanya, Datuk Bendahara Seri Maharaja, oleh kerana hasutan orang. Dicuba juga oleh Encik Engku Ahmad hendak mudik menghadap paduka kakanda di Ganchung; harapkan dibela pelihara dan mengaku taat mengerjakan titah perintahnya. Maka tiada diterima menghadap, dan dijaga oleh orang. Tiadalah dapat lagi jalan kebajikan itu. Makin sehari makin bertambah kejahatan yang disembahkan orang pada raja. Maka tiadalah daya upaya lagi hendak mencari jalan.

Maka Encik Engku Ahmad pun muafakatlah dengan segala kawan-kawannya yang bersetia, "tetaplah kita ini, akan dibinasakan orang. Maka sebaik-baik kita keluar dari Pahang ini, mudah-mudahan sampai di Singapura, datanglah kasihan dan kenang paduka kakanda itu, dipanggil balik. Taatlah kita menghadap, kerana tiada mencita-cita hendak menderhaka." Maka bondanya ditinggalkan di Pahang. Di dalam hal itu, tetaplah muafakatnya.

## Penglibatan Johor dan Terengganu

***Alkisah cetera yang keempat,*** bersiaplah perahu kenaikan tujuh buah. Serta lengkap dipunggahlah sekalian harta-harta, terus hilir Kuala Pahang, langsung keluar belayar.

Sampai di Singapura menghadap Sultan Ali, disilakan naik ke darat, diberi bersemayam di rumah Tengku Abdul Jalil dan segala orang-orang yang banyak itu diberi duduk di Tekong. Dan Tengku Abdul Jalil pun menolong mencarikan. Bermacam-macamlah orang-orang mengiring Encik Engku Ahmad itu mencari kehidupannya. Maka seperti Bahaman itu, tersangatlah pandai ia berburu rusa. Dan hari-hari dia mendapat rusa, dijualkan pada orang-orang Melayu, Cina. Maka adapun Bahaman itu masa di dalam Pahang, dialah selalu mengikut perana-perana rusa yang besar-besar.

Kemudian, daripada sehari ke sehari, menantikan *syafaat* daripada paduka kakanda di Pahang. Maka jangankan *syafaat*, bertambah-tambah murkanya. Tiap-tiap bulan didatangkan perkara dan dakwa dari Pahang yang telah lalu. Maka Encik Engku Ahmad itu membeli seekor kuda hitam, dipakai tunggang. Sangatlah elok kuda itu, sukarlah yang datangnya pada masa itu. Maka inilah permainan ia hari-hari, membuangkan susah hatinya. Maka di dalam hal itu pun beberapa kesusahan juga didatangkan oleh Encik Wan Abu Bakar Johor.

Ada pada suatu hari, dicubanya bawa merinyu dengan mata-mata enam orang dan orang Encik Wan Abu Bakar ada empat, lima orang. Maka bersalahan datangnya. Maka orang-orang Encik Engku Ahmad ada bersiap lapan orang, dengan keris bercabut di dalam kain. Maka Tengku Abdul Jalil pun sangatlah susahnya terpandang oleh merinyu dan Encik Wan Abu Bakar. Maka ia pun balik. Kemudian daripada itu, Sultan Ali dan Tengku Abdul Jalil pun bermesyuaratlah, "fikiran sahaya, patutlah Encik Engku Ahmad belayar ke Terengganu. Tiada kebajikan duduk di sini dan baiklah minta pertolongan kepada Baginda Omar di Terengganu."

Maka dengan kebetulannya, bersiaplah dan memanggil segala orang-orang yang di Tekong. Kemudian, belayarlah Encik Engku Ahmad dari Singapura ke Terengganu. Dan bila sampai di Kuala Endau dapatlah dikejar oleh orang-orang Johor yang disuruh oleh Encik Wan Abu Bakar mengikut, hendak ditunggunya. Kemudian, berangkatlah di situ, waktu pun petang. Masing-masing tiada berani dekat.

Kemudian, bila malam, belayar, selalu Encik Ahmad masuk Kemaman. Dan orang Johor baliklah ke Johor. Kemudian, Encik Engku Ahmad berhentilah di dalam Kemaman. Kemudian, pergilah Encik Engku Ahmad ke Terengganu, menghadap (*hlm. 5*) Yang Maha Mulia Baginda Omar, menyerahkan diri dengan takzimnya.

Maka baginda pun sangatlah kasihan memandangkan anak raja teraniaya, meninggalkan negeri.

Maka, dari masa itu kehadapan, taatlah menghadap. Tiap-tiap masa pergi balik Kemaman ke Terengganu. Dan baginda pun bertambah-tambahlah kasih sayangnya kerana sangat elok tingkah lakunya, halus manis berkata-kata di majlis, dengan lemah-lembut perangainya; tambahan budi dan bahasanya. Bersetujulah dengan segala orang besar-

besar dan anak raja-raja waris negeri. Banyaklah yang mendatang sembah pada Yang Maha Mulia Baginda Omar. Maka bertambah-tambah kasihnya.

Di dalam pada itu, berdatang sembahlah dia, minta pertolongan hendak balik ke Pahang kerana mengambil benarnya. Maka dengan segeranya baginda menjawab, "bolehlah Encik Engku Ahmad bermuafakat dengan Encik Buruk Penghulu Kemaman. Katakan, dengan titah beta, dibenarkan Encik Buruk Kemaman menolong Encik Engku Ahmad balik, melanggar Pahang.

Kemudian, Encik Engku Ahmad pun menyembah mengangkat tangan, serta mengucap menerima kurnia pertolongan itu; tiadalah dapat dihargakan.

Maka ia pun baliklah di Kemaman serta bersama-sama dengan orang-orang yang disuruh oleh baginda, membawa surat cap pada Encik Buruk, menitahkan menolong Encik Engku Ahmad melanggar Pahang. Kemudian, bila sampai di Kemaman, Encik Buruk pun telah menerima cap itu, lalulah berkerah sekalian orang-orang Kemaman serta bersiap alat senjata, mana-mana yang kurang, dicari. Muafakatlah satu pakatan dengan kepala-kepala anak hulubalang dan anak raja-raja di dalam Kemaman.

Maka hal itu tiada tahu oleh Raja Pahang. Berbetulan masa itulah Datuk Bendahara Seri Maharaja Pahang menyuruhkan sekalian orang-orang besar: Tuk Kaya Chenor, Tuk Lela, Tuk Bangau dan Tuk Kaya Temerloh membawa puteranya Engku Muda ke Singapura, di Teluk Belanga, berkahwin dengan putera Temenggung Ibrahim, yang bernama Cik Engku Besar. Maka dibawa dari Pahang dua saudara iaitu Encik Engku Aman dan Encik Engku Da serta pengiring-pengiringnya. Maka bila sampai di Teluk Belanga, mulai bekerjalah bagi perkahwinan itu. Dua puluh satu hari kerjanya. Sangatlah elok peraturannya, sebagaimananya istiadat kerja raja-raja yang besar-besar. Maklumlah Engku Temenggung Ibrahim itu seorang raja yang kaya. Sekalian alatan dandan itu semuanya cantik perbuatannya, peraturan menteri yang bijaksana.

Selamatlah Engku Muda bersemayam di dalam pe(r)laminan dengan kesukaan serta berkasih-kasihan laki isteri. Dan paduka ayahanda bonda tersangatlah keriangan hatinya melihatkan puteranya berkasih-kasihan itu.

Maka Encik Engku Aman dan Encik Engku Da hari-hari bermain-mainan kuda kereta bersuka-sukaannya dan sekalian hamba sahayanya, berjalan ke rumah sahabat-sahabat China, Belanda. Itulah kerjanya.

### Penglibatan Kemaman di Dalam Persengketaan Pahang

*Alkisah tersebutlah cetera yang kelima,* Encik Engku Ahmad sudah

siap angkatan hendak melanggar Pahang. Cukuplah dengan hulubalang panglimanya. Pihak orang-orang raja: Encik Komeng digelar Panglima Komeng, Encik Endut digelar Panglima Kakap Cik Endut, Encik Talib Panglima Laut, Encik Hitam Pengasuh digelar Panglima Dalam, Encik Bahaman digelar Kakap Panglima Tunggal, Panglima Hitam, Panglima Muda. Dan pihak kepala orang Kemaman: Sayyid Idrus, Raja Muda, Wan Dagang. Maka sekalian yang tersebut itu hulubalang terlalu berani, gagah perkasa dan setia dengan rajanya.

Maka siaplah dengan perahu kenaikan. Dan perahu segala hulubalang cukup dengan alat senjatanya serta ditarik bendera, belayar; teruslah berlangkah. Sekalian itu berserulah akan daulat.

Maka angin utara serta turun. Dengan pertolongan Tuhan, daulat raja, sangat teduh di laut. Satu hari satu malam, sampailah di Kuala Pahang, masuk singgah di Kampung Marhum.

Penghulu kuala, sekalian mereka itu pun semuanya menurut. Dengan begitu juga, segeranya dibawa mudik, ambil Pulau Jawa, naik ke darat, membuat benteng kubu dengan segeranya; sudahlah (lalu) dinaikkan lela meriam. Maka dimulakan perang. Kemudian Engku Sayyid pun gopoh-gapahlah berdua dengan Tuan Embong membuat kubu, dikerjakan orang. Maka ia pun memberi hukum suruh balas tembak. Maka berperanglah, tiada berhenti. Bunyi meriam lela antara kedua pihak dan pelurunya pun sabung-menyabung sahaja. Dan Engku Sayyid pun menyuruh ke Ganchung, minta pertolongan. Dan orang-orang (*hlm. 6*) Ganchung pun gopoh-gapah membuat kubu, bersiapkan; menyerahkan orang hilir menindih dan membantu Engku Sayyid.

Maka raja pun beberapa peti mengeluarkan kain-kain baju, seluar sampak, jong sarat, tali batung, ikat pinggang cindai, menyalinkan segala hulubalang pahlawan, akan bertahan melawan di Ganchung dan menyuruh membantu Engku Sayyid.

Beberapa orang yang hilir tiada sampai, mendengarkan bunyi meriam tiada berhenti; hanyalah Datuk Mata-mata sahaja sebuah perahu. Itu pun, singgah Pulau Keladi, sudah nampak asap meriam. Dan Engku Panglima Besar dan Maharaja Perba Wan Deris dan Tengku Ismail dan Tengku Uda di dalam kota hilir itu pun tiada membantu Engku Sayyid, orang-orang banyak di dalam kota itu.

Maka Engku Sayyid pun dukacitalah berdua beranak dengan Tuan Embong, memikirkan demikian itu. Keesokannya, orang Kemaman pun menyeberanglah mengambil Ketapang, dibakarnya. Dari Ketapang, hilir sampailah akan di hulu. Habis lima hari lima malam perang, dapatlah Kampung Cina. Engku Sayyid pun angkatlah bendera, tanda tunduk.

Maka malam itu, lebih kurang pukul sepuluh, dia berdua beranak dengan Tuan Embong, tujuh orang kawannya, undurlah menyeberang ke Ketapang, naik ke Paya Palas, Sungai Miang, berjalan kaki ke Singapura. Dua belas hari, sampailah khabar kepada Engku Muda dan Encik Engku Aman dan Encik Engku Da.

Kemudian, tersebutlah orang Kemaman yang menang. Bebaslah ia boleh merampas. Beberapa banyak dapat harta, tujuh hari. Maklumlah orang Pahang zaman berzaman tiada pernah rosak; baharu inilah sekali. Maka tiadalah boleh diperikan banyaknya harta. Demikianlah, raja pun banyak dapat harta.

Maka di dalam tujuh hari itu, bersiap perahu akan melanggar mudik ke Ganchung. Di dalam itu juga, dengan kedapatan muafakat segala orang besar-besar, hulubalang, diangkat gelar Panglima Encik Engku Ahmad itu gelar Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad, bagaimana istiadat dan gelaran raja-raja di atas balairong seri, cukup dengan tertib. Maka sekalian isi pekan, itu ketika, (itu) berdoalah kepada Allah *subhanahu wa taala* minta jugalah menang peperangan itu; haraplah raja ini juga memerintahkan negeri Pahang ini.

Kemudian daripada itu, mudiklah melanggar ke Ganchung. Dan orang-orang di Ganchung, dahulu satu hari sudah undur, kerana putera-putera raja yang perempuan itu sangatlah takut(nya); dengan tangis ratapnya mengajak undur. Kerana itu, tiada upaya hendak melawan. Maka undurlah dengan gopoh-gapahnya. Banyak harta yang tinggal. Ada sebuah perahu kenaikan yang bernama Singa Garuda, besar perahunya, sudah penuh dengan muatan sekalian harta emas perak.

Maka turunlah orang gagah diuraikan tali, digalahnya, tiada lagi laju. Kononnya kedengaranlah orang-orang bersorak-sorak di sebelah hilir. Maka dikatanya orang Kemaman. Maka dicampakkan galahnya, katanya, "lari kita, perahu ini dipegang hantu air. Perahu orang habis mudik." Ia pun (terjunlah) lalu lari dan Engku Panglima Besar dan Tengku Ismail dan sekalian orang undur malam itu juga, berjalan darat ke Ganchung. Yang Mulia Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad pun masuklah di dalam kota, bersemayam di istana dengan sekalian menteri hulubalangnya.

Rupanya perahu itu bertambat di belakangnya, habislah ditinggal, orang-orang mudik semuanya, tiada berketahuan. Setengah ada yang berjalan dan hingga raja sehari semalam tiada santap.

Maka keesokan, dapatlah nasi sejuk di perahu al-Haji Husin. Maka mudik siang malam, tiga hari sampailah ke Chenor. Maka bertahanlah di situ. Segala orang-orang besar dan Tuan Haji Husin pun bertahan semuanya. Maka nafsu raja hendak mudik lagi masuk Bera tidak dibenarkan.

Maka tersebutlah Datuk Bendahara Siwa Raja di sebelah hilir. Sampai ke Ganchung, dapatlah sekalian harta. Dan orang-orang Kemaman pun tersangatlah suka mendapat banyak rampasan. Di dalam beberapa hari di Ganchung, dengan muafakat, maka disilakan rajanya hilir balik ke Pekan di dalam kota, meneguhkan segenap perkara dengan isi negeri Pekan dan orang besar-besar. Maka disabdakan (*hlm. 7*) pada Sayyid Idrus, Wan Dagang Kemaman dan Encik Lambak

Benta mudik. Lebih kurang empat ratus orang mudik. Maka apabila sampai di Kuala Luit, rumah Encik Wan Cik, dan orang-orang pun ramai di situ, satu perbandaran, berhentilah di situ kerana hendak muafakat dengan Encik Wan Cik anak-beranak.

Di dalam hal itu, Tuan Haji Husin pun hilirlah dari Chenor dengan orang-orang besar, hendak mencari pakatan yang kebajikan serta hendak minta kepadanya, janganlah di turut lagi mudik. Maka bila dia nampak akan Sayyid Idrus, singgahlah Haji Husin di situ.

Maka lalulah Tuan Haji Husin bercakap dengan Tuan Sayyid Idrus, katanya, "sabarlah dahulu, janganlah mudik kerana anak-anak raja perempuan di sebelah hulu itu tersangatlah takutnya. Oleh itu pada fikiran saya, baiklah kita sama-sama mencari jalan kebajikan di antara raja kita adik-beradik, anak-beranak; itu sama-sama putera almarhum. Mudah-mudahan berbahagialah memerintahkan negeri Pahang. Janganlah kiranya kita mendapatkan bahaya kepadanya." Maka jawab Sayyid Idrus dan Encik Lambak, "itulah sehabis-habis moleknya dunia akhirat." Maka kata Haji Husin, "jikalau demikian, saya harap segeralah Encik Lambak serta Habib menghadap ke Pekan, memberi nasihat yang kebajikan itu. Jangan tempakan lagi angkatan perkelahian. Maka pihak di sebelah hulu, di atas sayalah mengaku dapat kebajikan itu."

Maka dengan begitu juga, Encik Lambak serta Habib Derus dan Encik Wan Dagang hilirlah menghadap. Dan Haji Husin pun balik mudik serta berkerah orang sekaliannya, dari Kuala Luit sampai penghabisan Hulu Pahang.

Maka kepalanya bersama-sama berkerah itu, di Chenor, Engku Panglima Besar dan Maharaja Perba Wan Deris; serta menyuruh ke Singapura, di Teluk Belanga kepada Engku Muda dan Engku Temenggung Ibrahim, Encik Engku Aman, Encik Engku Da; minta segera balik ke Pahang, cari alat senjata, ubat peluru kerana negeri Pahang sekerat sudah dapat oleh orang. Maka dari Kuala Luit, Batu Sarling, seberang-menyeberang semuanya dibuat kubu hingga sampai ke Batu Gajah. Kiri kanan tiap-tiap tanjung, tempat yang baik, semuanya itu kubu belaka. Panglima Mansu, kepala yang besar, hulubalangnya.

Maka lebih kurang enam hari, Wan Embong dan Wan Muhammad pun sampailah dari Jelai dengan angkatan dan serta dengan gong, gendang hilirnya itu, terus berhenti di Kemancang Gelap, di sebelah hilir raja. Maka ia berbalik berjalan darat menghadap raja. Empat puluh orang sebaya dibawanya. Orang pertikaman belaka.

Maka ianya dua beradik. Dan Wan Embong itu, lima senjatanya, keris panjang, keris pendek, sundang. Di atas kepalanya lawi ayam namanya, tumbuk lada. Maka langsung turun menghadap raja ke kenaikan. Maka raja pun hadir sedia menanti.

Adapun yang ada bersama ketika itu: Engku Panglima Besar, Tuk Raja ayahnya pada Wan Embong dan Haji Husin, Tuk Tunggal

Bukit Segumpal. Akan halnya Engku Panglima Besar dengan Wan Embong itu tiada baik, selalu bersengketa.

Maka Wan Embong, Wan Muhammad pun duduk menyembah. Maka raja pun bertanya, "bila sampai Wan Embong?"

(Jawab Wan Embong), "apa boleh buat, hamba tengku tiada. Adapun yang ada bersama ke bawah kaus itu semuanya perempuan. Tiada patut sekali-kali raja jatuh kerajaan, hulubalang seorang pun tiada mati jikalau ada Wan Embong ini."*(hlm. 8)*

**Penggelaran Pembesar Pahang**

***Alkisah cetera yang keenam***, angkatan Engku Muda, Encik Engku Aman, Encik Engku Da dari Teluk Belanga ikut Serting, Sungai Bera menghadap ayahandanya.

Kemudian, berjamu besar kerana hendak bergelar, sumpah setia. Sekalian orang besar-besar, tua muda, kecil besar daripada keturunan Datuk semuanya, bersumpah setia dengan Engku Muda dan saudara-bersaudara semuanya. Digelar Wan Embong Panglima Perang Kiri di atas paseban Chenor. Bergelar Wan Muhammad Orang Kaya Muda. Tengku Acheh digelar Imam Perang. Encik Buman anak Tuk Tunggal digelar Panglima Perang Kanan dan adiknya digelar Panglima Bebas. Dan banyaklah lagi panglima-panglima yang digelar. Dan Mansu digelar Panglima Kota Berjalan. Dan seorang bernama Bajin, sangatlah besar cakapnya, satu daripada kepala juga.

Sudah lengkaplah, sekalian menjunjung duli, menerima persalinan dari Raja di atas kadar taraf masing-masing. Balik bersiaplah Tuk Kaya Tuit Chenor dan Orang Kaya Indera Segara Temerloh, Tuk Kaya Hassan Lipis dan Penghulu Raja Tembeling, Tuk Bangau dan Tuk Penghulu Bentong, Tuk Kaya Rambai Sebunga.

**Peperangan di Pahang dan Pengunduran ke Kemaman**

***Alkisah cetera yang ketujuh***, cetera Datuk Bendahara Siwa Raja, bila hilir, Sayyid Idrus dan Encik Lambak itu menghadap. Tetapi adapun Datuk Bendahara Siwa Raja ini raja yang bijaksana dan terus pandangannya, "ini tentulah tipu Haji Husin sahaja."

Maka datanglah segala hatinya kepada Encik Lambak itu. Difikirkan, "itu tentulah tolong melapangkan pihak di sebelah hulu. Sayyid Idrus dan Wan Dagang orang lurus. Oleh yang demikian hendaklah dengan seberapa segeranya kita bersiap, ditambah ubat peluru senjatanya dan kukuhkan sekalian kubu dan kota, serta bermuafakat dengan sekalian hulubalang, orang besar-besar."

Tiap-tiap hari bersiap akan perahu jalak dan perahu pergalahan, berapit haluannya seperti benteng kubu, cukup dengan senjata. Sudah

siap, berlangkahlah mudik, melanggar.

Ketika itu bolehlah dikatakan raja sendiri menjadi Imam Perang; memakai pedang, senapang, berhias seluar sampak, baju pokok Bulang Hulu atau tarbus, dan hebat dipandang, tiada bandingnya. Tambahan berani dan tawakal di dalam peperangan yang tiada bandingnya, iaitu pandai mengambil hati, manis bersabda pada segala hamba pengiringnya. Kerana itulah sekalian yang mengerjakan itu redalah hati, tiada hingga lagi.

Maka mudiklah dengan sekalian hulubalang, panglimanya dengan gong, gendang, tempik soraknya, mengarus awan bunyinya. Dan Sayyid Idrus itulah hulubalang besar lagi sangat berani; berpatutlah dengan cakapnya, tegap, tegun, rupanya hebat lagi bengis, matanya merah; sangatlah seram kita menentang. Munasabahlah hulubalang raja yang besar-besar.

Demikianlah sekalian hulubalang yang lain-lain itu, sangatlah gagah berani. Dan Tuan Long Panglima, ia suatu kepala besar juga, tetapi tiadalah berapa sedap dan harap kepadanya sebab katanya jikalau berkelahi sama negeri Pahang tiadalah ia menunjukkan kehandalannya. Dan yang diharap kepada hati ialah pihak orang tuan-tuan Sayyid Kampung Masjid, Tuan Hitam kepalanya dan Tuan Empuk, cukuplah zahir batin ikhlasnya di dalam pekerjaan.

Di Parit, Tuan Kecut, Tuan Tahak demikian juga, bersama mudik sampai ke Temai, berhentikan setengah. Dan Sayyid Muhammad Idrus langsung ke Pulau Manis. Dan orang-orang Kemaman banyak yang mudik di dalam jalak, belayar sampai (ke) Ganchung Pulau Manis, di sebelah kanan; nampak sebuah perahu hilir sudah dekat, disuruh Sayyid Idrus tembak. Maka ditembaklah oleh orangnya. Maka dibalasnya. Di dalam antara itu tewaslah di sebelah hulu, habis terjun lari. Maka perahunya diambil oleh Sayyid Idrus. Apabila sudah kedengaran bunyi meriam, pihak sebelah hilir mudik, singgah di Pulau Manis (*hlm. 9*) kiri-kanan.

Pihak di sebelah hulu, Wan Embong singgah di Tanjung Pulau; di sebelah hilir. Dan Panglima Perang Kanan hilir berjalan. Dan Panglima Perang Kiri, dekat hendak berjalan, diambil satu bedil yang bernama Jala Rembang, dipikulnya, suruh orang mencucuh. Maka kata orang, "jangan datuk cucuh." Maka kata dia, "Engku belum tahu, bukankah bumi alam ini?" Maka dicucuhlah orangnya itu. Bedil pun meletuplah. Ia pun naiklah ke darat dengan Orang Kaya Muda serta dengan segala panglima-panglima.

Demikian di sebelah hilir, berjalan sampai ke Pulau Manis, Sayyid Idrus pun menyunsung; serta bertentanglah kedua pihak, lalu berperanglah sebelah menyebelah, kiri kanan hilir. Bunyi senapang meriam seperti garam direndang. Apatah lagi tempik sorak sebelah menyebelah, mengawan bunyi; kelam kabut sekali.

Kemudian, perang di Tanjung Rengas, Tanjung Medang dan

Langgar; perang besarlah di situ, empat bulan lamanya. Berapa kali keluar bertikam. Dan Panglima Mansu Kota Berjalan siang malam berkubu. Demikian juga di sebelah hilir, kepada suatu masa keluar bertikam, sangat lamanya. Pihak sebelah hulu Panglima Perang Kiri kepalanya dan lain-lain; dan pihak sebelah hilir Panglima Kakap Cik Endut kepalanya dan Hitam Panglima Dalam.

Dengan kelamaan, tewas di sebelah hilir. Mati seorang, Tuan Kecik; dan Cik Awang, anak Tukang Besar, ipar kepada raja, mati. Keduanya itu sangat berani. Undurlah sebelah hilir.

Kemudian didatangkan semula oleh raja. Maka pihak Cik Hitam tiada patut memberi bekas, mara semula Panglima Dalam. Hingga malam, dapat mayat balik, seorang; yang seorang, mayat Tuan Kecil, diambil oleh warisnya di sebelah hulu.

Banyaklah luka mati di sebelah-menyebelah, berhentilah. Dengan kelamaan, dipintas oleh pihak di sebelah hulu, kepalanya, disuruh oleh Panglima Perang Kiri Khatib Rasu, bergelar Sutan Garang. Dan ketuanya yang lain-lain ada memberi orangnya. Tengah hari dikakapnya kubu bertiung. Orang Kemaman banyak yang tidur, diamuknya, terjun ke dalam air, habis mati. Semuanya orang Kemaman empat puluh. Sebab itulah kubu raja di Tanjung Langgar tiada tahan, disuruh lepas di sebelah hilir, tiada boleh membawa makanan. Maka pecahlah kubu Tanjung Langgar. undurlah, berhenti di kota.

Dengan seketika berpunggahlah harta ke perahu. Dan bonda raja dan gundiknya, habis semuanya turun ke perahu, terus hilir ke kuala. Maka mana-mana yang setia mengiringkan semuanya.

Adalah seorang kerabat pada raja, Cik Hitam Ranggung namanya, tiada sempat hendak hilir kerana air surut. Maka ditangkap. Dan harta dirampas oleh pihak di sebelah hulu. Dan orang Kemaman datanglah takut akan orang Pahang. Di hulu, dia lari daripada raja.

Semuanya pucat mukanya; sampailah sekarang takut ia kepada orang Pahang. Maka keluarlah raja belayar dengan dukacita, sayangkan Cik Hitam Ranggung kena bunuh. Maka masa keluar itu gerhana matahari, bersuaralah raja, "hei sekalian orang-orang, [tinggallah] baik-baik, nanti selagi ada umur Ahmad ini sekali-kali tiada boleh senang Pahang, bersarang tupai atas kepala!"

Dan angin barat pun bertiup, belayarlah haluan, terus masuk ke Kemaman.

### Kemenangan Engku Muda Wan Mutahir

***Alkisah cetera yang ke lapan,*** Raja Pahang menang peperangannya. Engku Sayyid belayar ke Singapura dengan anak Tuan Embong, harta dipulangkan.

## Angkara Deraman

***Alkisah cetera ke sembilan***, Raja, Sultan Mahmud Muzaffar Syah berangkat ke Pahang berkahwin, diangkat Engku Puan. Kemudian dititahkan mengambil bondanya di Teluk Belanga serta sekalian saudara. Adik Sultan, nama Tengku Hamidah, kahwin dengan Encik Engku Aman.

Kemudian, tiada berapa lama, kahwin Encik Wan Abu Bakar dengan Cik Engku Chik, putera Datuk Bendahara Seri Maharaja. Maka pada akhirnya negeri Pahang itu bertambah-tambah kuatnya.

Dengan takdir Allah, adalah seorang nama Deraman, budak, dibela, diharap oleh Tuan Embong, anak Engku Sayyid, cucu kepada almarhum Ali. Tambahan Tuan Embong sangat kasih kepada Deraman itu. *(hlm. 10)*

Ada satu malam, Tuan Embong balik ke rumah gundiknya, sampai tempoh giliran. Setelah sampai ke rumah itu, maka Tuan Embong pun masuk ke tempat peraduannya kerana jauh malam. Dan gundiknya tiada di situ masa itu, di luar. Maka rupanya Deraman sudah sedia di dalam kelambu. Tuan Embong cuba baring. Maka Deraman pun menikam. Tiada sempat Tuan Embong hendak membuangkan tikam itu, kena, parah. Akan hal Tuan Embong itu sangat pendekarnya dan gagah, anak murid pendekar besar termasyhur. Tetapi Tuan Embong itu ada berniat derhaka kepada bapanya.

Deraman pun terjun lari, tertempuh kepada dasar batu, kena kakinya. Dia terus menyeberang. Orang-orang mencari, tiada berjumpa. Dan beribu-ribu orang mencarinya. Dan ibu bapa Deraman ditangkap malam itu juga. Tetapi *umanat* Tuan Embong, jangan dibunuh ibu bapa Deraman itu. Dan Tuan Embong pun wafatlah. Kemudian dapatlah Deraman itu. Maka diperbuat macam-macam, serta dibunuh, kerana derhaka.

## Sultan Mahmud Muzaffar Syah ke Siam

***Alkisah cetera sepuluh***, Yang Maha Mulia Sultan Mahmud Muzaffar Syah berangkat ke Hulu Pahang, kemudian hilir terus ke Siam, membawa adiknya, Tengku Safiah.

## Serangan dan Hukuman

***Alkisah cetera sebelas***, Wan Buang dengan Encik Lambak melanggar ikut Hulu Tembeling dengan kebenaran Datuk Bendahara Siwa Raja. Dapatlah sekerat, Sangkat Ruil, kampung Penghulu Raja. Ianya tiada, ada di Pulau Tawar bersama raja. Tinggal bininya nama Mik Rakun; berkubu di seberang-menyeberang, di langgar.

Dari Pulau Tawar pun tibalah Panglima Perang Kiri Encik Yahya, Encik Embok, Encik Uda, Encik Mat Sira dan lain-lain. Keraslah langgarnya. Tiga hari, undurlah Wan Embong dan Encik Lambak. Sekalian orang Tembeling yang tinggal habis binasa. Penghulu Raja didenda, dipunggah, dipecat. Khatib Bahrain dipasung dan dipunggah anak-beranak. Dan Encik Wan Sim anak-beranak didenda. Maka Encik Lambak, Wan Buang baliklah ke Kemaman. Inilah orang yang bersetia mengerjakan raja.

## Peperangan Berlanjutan

***Alkisah cetera dua belas,*** Panglima Perang Kiri bangkit pergaduhan dengan Panglima Raja Mat Ali di Kampung Teh, fasal pegangan orang-orang, dia hendak menderhaka.

Kemudian, mudik ke Bukit Bentong, ditembak oleh Mat Soh. Orang Panglima Dalam Usoh kemudian sedikit, tiada sempat menembak. Maka Panglima Dalam kata, "biarlah, katakan aku, nanti saya bagi $100."

Kemudian, datang Tuk Talib Kuala Cheka, dikerat kepalanya, dibawa balik hilir, menghadap Encik Engku Aman di Kuala Lipis, disuruh gantung di bawah bancung perahunya. Maka Panglima Dalam pun masuk menghadap Encik Engku Aman bersama-sama dengan Mat Soh, menyembahkan perihal berkelahi dengan Panglima Perang, dengan besar cakapnya. Maka raja pun memberi persalinan.

Kemudian, baliklah Talib dan Engku Muda di Pekan, berdiam diri.

## Serangan Balas

***Alkisah cetera tiga belas,*** Datuk Bendahara Siwa Raja muafakat hendak melanggar Pahang dengan Tuk Raja. Kemudian, sampai di Kuala Sungai Miang, hendak mengambil Pekan. Tiga hari tiada dapat jalan, terus belayar (ke) Endau.

Kemudian, Perang Endau, ada sebulan, muafakat kepalanya: Panglima Perang Wan Muhammad dan Encik Komeng Imam Perang, Encik Endut, Panglima Raja Bahaman, Panglima Kakap, Encik Talib Panglima Laut, Panglima Tunggal, Panglima Dalam, Panglima Muda, Panglima Hitam, muafakat, "baiklah kita mengamuk pada hal yang demikian. Raja kita sudah buat kerapatan." (Mereka) menghadap raja, mohon hendak mengamuk. Raja hendak bersama, (tetapi) tiada dibenar oleh Panglima Perang, Panglima Dalam dan Panglima Kakap. "Tuanku jangan, sila bersemayam di dalam kubu." *(hlm. 11)*

### Berundur ke Terengganu dan Kelantan

***Alkisah cetera yang keempat belas,*** belayar dari Endau terus di Kuantan, (masuk) berlabuh di Tanjung Lumpur, Tanjung Tembeling, kemudian berperang dengan Panglima Mansu, lebih kurang tiga bulan. Kemudian, undur masuk Kemaman. Dua malam kemudian, belayar ke Paka, berhentilah di Paka. Kata Haji Muhammad Nor, berhenti di Kemaman. Kemudian kapal Encik Wan Abu Bakar datang hendak mengambil gundik.

Harta pun habis, apa upaya. Setengah orang duduk di Paka dan Dungun. Dan Raja bersemayam di dalam Terengganu. Bondanya dan Cik isteri tinggal di Kemaman, datanglah sesaknya. Orang-orang Terengganu pun kurang menghampiri. Dan baginda pun nampaknya ada sedikit berubah.

Maka Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad pun berangkat ke Kelantan, berjumpa dengan Raja Senik Mulut Merah. Maka masa itulah Encik Wan Abu Bakar hendak mengambil gundiknya; tetapi oleh setianya, tiada mahu. Penunggunya itu: Panglima Dalam, Panglima Kakap, Panglima Raja dan Daing Muhammad Bugis, menjaga hendak mengamuk jikalau naik orang kapal. Demikianlah.

### Penglibatan Orang Rawa dan Mendeleng

***Alkisah cetera lima belas,*** Wan Daud dan Khatib Rasu membuat suatu pakatan dengan suku orang Mendeleng Rawa, hendak membangkitkan perkelahian besar di dalam Pahang. Niat, hendak mengambil bela kematian Wan Embong, Panglima Perang Kiri yang tersebut pada fasal dua belas, saudara sepupunya. Ia hendak membalas Encik Engku Aman melakukan di atasnya dan di atas Khatib Rasu Sutan Garang denda hukum yang tiada patut, hendak dibunuh tiada dengan kesalahannya, dengan zalim semata-mata.

Lebih kurang empat ratus orang dapat, orang-orang dagang. Kemudian, hilir Kuala Tembeling. Dan Encik Busu Dolah, anak Tuk Kaya Temerloh, berjumpa di Lipis, dipegangnya, dibawa hilir bersama-sama. Dan ia pun baik sangat dengan Encik Busu Dolah itu. Dan Tuk Kaya Temerloh kemudian pun susah hati melihatkan anaknya. Dan Wan Daud itu, anak tiri kepada Tuk Kaya Temerloh.

Kemudian, di Kuala Tembeling, Khatib Rasu Sutan Garang digelarnya Imam Perang Rasu dan banyaklah panglima-panglima bergelar. Hilirlah, mula berkelahi di Tir dengan Panglima Raja Mat Ali dan Haji Mat Tahir. Dan Mat Soh digelarnya. Dua jam, ditetas tali perahu, hilir dengan gopoh-gapah. Banyak yang berketinggalan; berhenti di Pendah, muafakat dengan Encik Wan Muhammad. Telah digelar dilanggar oleh Imam Perang Rasu, pecah sebuah kubu lain-lain daripada itu. Ada dua hari habislah undur, pecah kubunya

semuanya pada Kangsa, Tebing Tinggi; lari hilir hingga sampai ke Chenor, berhenti. Dan Tuk Kaya Temerloh menyuruh hilir bersiap kubu, mengukuhkan siang malam. Dan Tuk Kayanya itu hilir bersama-sama dengan (Wan) Daud sekali, tiada boleh berenggang. Hilir sampai di Kuala Tekai, bersungsang dengan orang Encik Engku Aman (yang) datang di sebelah hilir.

Panglima Mansu belum tiba lagi di sebelah hulu; di langgar, langsung diamuknya oleh Imam Perang Rasu, pecah kubu. Orangnya terjun ke dalam air, habis. Kepalanya, Encik Buruk.

Tiga puluh orang lari hilir berjumpa dengan anak Panglima Mansu serta dengan orang-orangnya angkatan.

Maka Panglima Muda pun membuat kubu di Tanjung Batu, kedua di seberang-menyeberang, kiri kanan. Sekalian orang yang lari dari Tekai semuanya tertahan di situ. Siaplah kubunya. Maka Panglima Mansu Pulau Pasir, turun. Pagi-pagi, lebih kurang pukul sembilan, sampailah musuh, dilanggar, lalu dilingkungnya kubu Panglima Muda. Setengahnya memintas ke hilir, beratur di tepi Sungai Pahang di balik kayu dan di balik batu. Maka Panglima Muda pun luka, kena peluru cuping telinganya; memberitahu ayahnya, minta bantu.

Maka Panglima Mansu pun datanglah gembiranya, memudikkan (*hlm. 12*) perahu panjang. Di dalam, empat bininya. Kata orang-orang di bawah, "singgah kita Datuk; berjalan kaki senang; kita sama-sama setanah." Maka tiadalah dipakainya; mudik juga menuju kepada kubu anaknya, di Tanjung Batu.

Maka orang Rawa sudah menanti dengan senapang di balik batu. Bila sampai, perahu di tembak. Panglima Mansu pun melompat ke darat dengan membangkitkan dirinya, "inilah panglima yang besar di dalam Pahang, belum tahu lagi." Dan orang-orangnya pun sama-sama naik. Maka ditembak oleh Rawa. Dan Panglima Mansu pun kena parah. Dan untunglah orang-orangnya banyak yang berani melawan perang. Undurlah Rawa sedikit. Bolehlah dibawa Panglima Mansu itu balik ke perahu. Dan anaknya pun, Panglima Muda, diambil orang. Undurlah hilir, lari ke kota. Orang dengan dukacita balik. Panglima besar sudah rosak, pengsan.

Panglima Mansu bininya empat, kiri kanan. Bila dia sedar, terpandang pada bininya. "Aku ini mati sekarang dan engkau jangan berlaki." Jawab bininya, "baiklah Datuk," balik pengsan. Tiap-tiap sedar inilah katanya.

Hilir sampai ke Chenor, berjumpa dengan Encik Engku Aman; singgah sebentar, orang-orangnya menghadap. Demikian, hulu hilir ke Kuala Jempul. Di tengah hilir, mati Panglima Mansu itu.

Maka Encik Engku Aman pun dukacitalah, melepaskan orang-orangnya mudik melalui Temerloh. Panglima Dalam, Panglima Besar, Panglima Perang Kanan, Panglima Kiri Buruk dan lain-lain hulubalang, Encik Bulang, Pahlawan Gendut, Mat Petah, terdahulu mudik, masuk

di dalam rumah Tuk Kaya Temerloh. Ini(lah) orang yang tersebut masyhurlah beraninya. Tuk Kaya Temerloh, Wan Daud, Busu Dolah, Imam Perang Rasu, Tuk Imam Latif Budu, Pak Daud, Tuk Muda Teh, sekalian itu apit di samping; Wan Daud dan Imam Perang Rasulah kepala orang-orang Rawa. Semuanya itu naik bersama-sama dengan Tuk Kaya ke selasar. Dan Wan Daud tiada berenggang dengan Busu Dolah. Dan Tuk Kaya hendak masuk ke dalam, orang-orang perempuan tidak memberi kerana orang pertikaman empat puluh ada di dalam rumah Tuk Kaya Temerloh. Sekaliannya berkemas keris di pinggang.

Itulah masa orang-orang melihat keberanian Tuk Kaya Temerloh; marah, mukanya merah sehari semalam. Sekalian anak-anaknya dan cucunya semua berhimpun belaka dengan kesiapan. Sekalian orang-orang Rawa dan perahunya berlabuh di Dengka, sirat-menyirat. Dan angkatan sebelah hilir, segala hulubalang di kepala Pulau Temerloh seberang-menyeberang, menantikan perbuatan Tuk Kaya sahaja.

Keesokan hari, dibuatlah oleh Tuk Imam Latif suatu muslihat. Dijemputnya Wan Daud ke pintu kubu; dan Tuk Kaya, Busu Dolah bersama-sama, pura-pura hendak keluar belaka. Kemudian dikelicik. Wan Daud keluar pintu sedikit. Orang-orang lainnya sudah dahulu sedikit. Melompat Busu Dolah dengan Tuk Kaya. Dan pintu pun ditudung.

Orang Rawa pun menembak, kena Haji Mat Ali, menantu Tuk Kaya, tumbang, mati. Maka bertembak-tembaklah. Wan Daud ditangkap oleh Pak Daud dan Tuk Imam Latif, dibawa turun ke perahu.

Maka perang besarlah, gegak sekali bunyi senapang. Dan tewaslah di sebelah Wan Daud; undur ke Kuala Semantan, berperang hingga malam. Encik Yahya pun tiba dari Tembeling dengan angkatan, berhenti di Pasir Bangau, akan melingkung Wan Daud.

Maka itu malam, undurlah Wan Daud serta sekalian orang Rawa, berjalan darat. Perahu ditinggal. Dan sekalian harta yang berat ditinggalkan; jalan ikut Buluk, terus Bentong, Raub. Sekalian Rawa balik ke Raub. Di dalam begitu juga, segera Imam Perang Rasu dan Wan Daud muafakat dengan orang-orang Rawa Mendeleng.

## Peperangan Berterusan, Kemunduran di pihak Wan Mutahir

***Alkisah cetera enam belas***, angkatan Encik Engku Aman datang dari Pekan dengan sekalian anak raja-raja, orang besar-besar, sekalian hulubalang, anak baik-baik, mudik. Bila sampai, hendak membuang orang yang derhaka. Bukan sedikit angkatan: berkocak air Pahang, mudik. Encik Engku Aman bersemayam di Kuala Tembeling dan segala orang-orang mudik ke Jelai dan Lipis. Sekalian orang Jelai berkubu di Tanjung Bentung hingga ke hulunya.

Pihak Wan Daud dan Imam Perang Rasu, orang Rawa, di dalam Lipis, Tanjung Kabung, Kampung Jat di dalam Budu dan di atas jeram hingga ke Raub, berlawan dengan Tuk Kaya Lipis. Dan yang membantu dari Tembeling, Encik Yahya. Encik Yahya, Khatib Bahrain berperang di Tanjung Kabung dan Lecok. Sangatlah besar perkelahian, berhadapan dengan Imam Perang Rasu sendiri, dengan Tuk Kaya dan Khatib dan Encik Yahya. Banyaklah luka, mati di sebelah-menyebelah.

Di dalam beberapa bulan lamanya, tiada bertewasan, sama-sama kuat. Dan pihak di sebelah (*hlm. 13*) Jelai, orang raja yang datang di Pekan, atau Tuan Haji Husin Chenor di Tanjung Betung, berhadapan dengan orang-orang Jelai: Panglima Kiri Tahir, Panglima Dalam, Panglima Kanan, Panglima Kakap.

Maka masa itu, Wan Daudlah raja dan Imam Perang Rasu hulubalang yang besar sekali. Lapan bulan lebih sudah perangnya. Kemudian, Encik Engku Aman menghantar belanja dari Pekan, beberapa ratus perahu hilir mudik, jenis makan makanan, alat senjata, tiada kurang.

Di dalam itu, Wan Daud muafakat, disuruh mengambil Tuk Raja di Kelantan. Sampai, Tuk Raja pun menghadap Tuk Bendahara Siwa Raja Ahmad. Dibenarkanlah; segeralah dengan syarat sumpah setia dan ikrarnya. Panglima Kakap Bahaman dan Imam Perang Raja dan Panglima Tapak dan Panglima Muda bersama-sama dengan Tuk Raja, Panglima Perang, balik ke Pahang. Dan orang-orang Jelai, sampai Kuala Tanum, Bukit Bentung, sambutlah dengan mulianya dengan berapa kesukaan seperti mendapat gunung emas, gunung intan.

Pagi-pagi, Imam Perang yang tersebut itu hilir melanggar Kuala Tui, kubu Tuk Husin, ketuaan Bera. Tuk Husin itu sangatlah baik dan berani. Dipukul musuh sekeliling hingga tiada dapat orang di sebelah hilir hendak membantu. Hairanlah orang mendengarnya. Belum pernah lagi begini keras perbuatan orang Jelai. Gentarlah hati-hati orang di dalam kubu itu, "tentulah Tuk Raja, Panglima Perang melanggarnya ini." Kubu Tuk Husin pun pecah. Ia pun mati di pintu kubu, kena tembak. Panglima Perang, Imam Perang Raja, Panglima Kakap Bahaman pun menzahirkan diri.

Orang-orang pun banyaklah undur hilir. Panglima Perang pun menghantar orang dan mengadang orang yang di hilir di mana tempat. Batu Sawar, Batu Buruk semua ada dititahnya: kayu-kayu dilintangkan di dalam Sungai Jelai itu. Dan sekalian orang-orang menjaga sepanjang-panjang tebing dengan senapang. Dan, ia memberitahu kepada sekalian orang, dibenarkan hilir balik. Sekalian senjata disuruh tinggalkan. Dan perahu besar pun ditinggalkan juga. Dan siapa-siapa yang berani akan orang Jelai disuruh tinggal. Dibenarkan sebuah perahu Encik Nyak dan Encik Deraman, bolehlah membawa senjata dan boleh membawa emak tiri Tuk Betung, iaitu perempuan Haji Husin, masa ia memerintah Jelai sedikit hari dahulu.

Maka dijanjikan dengan Panglima Perang, "sekalian orang hilir ini dilepaskan," tiadalah ditembak, sekalian muafakat itu.

Hari malam, Encik Nyak, Encik Deraman pun bertolak hilir. Sekalian orang-orang semuanya mengikut; yang menolak di haluan perahunya memegang galah.

Maka Imam Perang Mat Zain dan Maulud berdiri di atas kajang; memegang senapang, Tuk Ismail dan Bakar dan Tuk Embong, Mat Amin. Perahu pun hilir. Ditembak oleh orang di sebelah darat, kiri kanan sampai perahu ke Batu Sawar. Di situlah perahu berlapis-lapis tinggal dan orang-orangnya habis terjun ke dalam air. Bahaman yang jadi kepala menunggu di Batu Sawar itu. Hanyalah yang lepas perahu Encik Nyak dan perahu Panglima Garang Ishak. Tetapi Encik Nyak itu luka betis. Hilir sampai di Batu Buruk, lekat pula, kerana banyak kayu-kayu di-lintangkan; dikait pulang kajang.

Maka dikerat oleh Tuk Ismail, lepas. Imam Perang Mat Zain patah tangan kena peluru, digantikan oleh Maulud, perahu pun lepas hilir. Encik Deraman luka peha kedua, lepaslah. Dan perahu Panglima Gagah Ishak hilir itu, ditembak juga.

Maka kemudian, sampailah di Kuala Tembeling, dipanggil oleh Encik Engku Aman. Dekatlah perahu Encik Deraman dengan kenaikan. Encik Engku Aman pun melihat Encik Nyak dan Encik Deraman. Orang-orang berjelampah, luka, darah bersemburan di dalam perahu. Maka dinding perahu seperti raga berlubang sahaja. (*hlm. 14*) Maka berubah muka Encik Engku Aman.

Maka segeralah ia menyuruh hilir. Dan Encik Engku Aman, serta hari pun petang sedikit, ia pun berangkatlah hilir. Habislah sekaliannya hilir dan banyaklah orang luka, mati tenggelam. Panglima Tapak mati tenggelam juga. Encik Yahya tinggal di dalam Tembeling. Panglima Perang sekalian orang Rawa mengambil Kuala Tembeling. Mudik sekalian Rawa menipu Encik Yahya; dibunuhnya, mati. Bininya lari, diikut, ditangkap, dapat balik; dan sekalian hartanya dirampas, diambil oleh Panglima Perang, dibuat bini. Dan Khatib Bahrain anak-beranak lari hilir mendapatkan raja. Encik Nyak dan Encik Deraman sampai ke Chenor. Dukacita sekalian ibu bapanya, Haji Husin, memandangkan anaknya yang diharap, sudah patah.

## Menjemput Wan Ahmad Balik ke Pahang

***Alkisah cetera tujuh belas***, Tuan Haji Husin pun muafakatlah dengan Tuk Tunggal, Tuk Syahbandar Jidin, hilir ke Pekan, menghadap Datuk Bendahara Seri Maharaja.

Sembahnya, "tanggung hamba tengku menghadap ke bawah kaus ini. Apalah sudahnya negeri ke bawah kaus ini, habis hancur dari ombak memecah sampai ke air melilih, terbakar semuanya. Jika

dibiarkan paduka-paduka anakanda yang muda-muda itu, tiadalah merasa aman sepanjang masa ke bawah kaus bersemayam menjadi raja. Haruslah paduka adinda memilik negeri ini kelak, kerana isi negeri ini tiada tertanggung lagi azabnya. Dan jikalau kaus hendak bersemayam di dalam takhta kesenangan, pulangkanlah kepada hamba tengku bertiga beradik; hamba tua, Tuk Kaya Chenor dan hamba tua Tuk Kaya Temerloh. Maka di atas hamba tengku bertigalah. Mustahillah tiada terlawan hamba tua Tuk Raja seorang dan paduka adinda. Hamba tengku bertiga dengan begini banyak rakyat hulubalang." Jawab Datuk Bendahara Seri Maharaja, "baiklah."

Kemudian, pergilah Haji Husin menghadap Engku Muda. Maka sembahnya seperti yang dikatakan oleh Datuk Syahbandar itu. Maka sabda Engku Muda, "apa-apa sabda Engku Panglima Besar itulah, saya menurut."

Maka menghadaplah Engku Panglima Besar. Lalulah dibuat surat, ditekap. Dikurniakan senapang tiga puluh peti. Belanja lain tidak. Semuanya di atas orang besar-besar. Haji Husin pun memohon mudik. Tuk Bandar, Tuk Kaya Temerloh berkerah mudik. Sampai ke Kangsa, membuat kubu besar serta teguhnya. Encik Embok, Encik Nit, demikianlah juga orang besar-besar, hilir mudik tiada berhenti, berkerah menunggu kubu di Kangsa. Siang malam jaganya.

Di dalam hal begitu, ia bermesyuarat dan muafakat. Haji Muhammad, menantunya dan Yaakub, anaknya, menyuruh menghadap Datuk Bendahara Siwa Raja di Terengganu atau di Kelantan. Dengan rahsia perginya itu, mengaku setia yang teguh. "Sekian isi Pahang terlalu suka, menanti sekalian. Silalah berangkat balik ke Pahang. Sekalian hamba rakyat persilakan balik."

## Wan Ahmad Kembali ke Pahang

*Alkisah cetera lapan belas,* Maharaja Perba dengan Tuk Kaya Idris, hendak mengambil raja di Kelantan. Yang pergi, Panglima Kakap Bahaman dengan Orang Kaya Muda. Bila sampai di Kelantan, menghadap raja. Kemudian, raja pun berangkatlah masuk Terengganu, kemudian Kemaman. Dibawa balik bondanya ke Paka, ditinggal di Paka bondanya.

Kemudian, berangkat ikut Hulu Dungun. Bila sampai di Bukit Busut di sempadan, santap durian, ditanam bijik sekawik, berbuah; dipanggil orang Durian Raja. Kemudian, sampai di Kuala Tembeling, duduk di dalam sepuluh hari.

Maka masa di Pasir Tambang inilah sekalian orang besar-besar bersumpah setia, mengaku taat pada raja. Dan raja pun bersabda pada sekalian orang besar-besar, dengan menunjukkan tulus ikhlas, menerima kasih, dengan suara yang lemah lembut serta dengan manisnya.

Demikianlah sabdanya, "apakala selamat sempurna, jangan apa-apa mara bahayanya; kenyataan saya, jadi Raja Pahang, *insya Allah taala*, saya akan balas kebaktian sekalian datuk-datuk. Dan saya harap datuk-datuk sekaliannya selamat sempurna. Jangan apa-apa merbahaya tubuh badan semuanya. Dengan daulat almarhum-almarhum, maka ketika masa inilah langkah yang baik."

Maka berkafilah; berselawat haji dan lebai, tiga kali. Dijawab oleh sekalian tenteranya. Maka suaranya ke atas udara bunyinya. (*hlm. 15*)

Maka perahu pun ditolak oleh Imam-imam Perang. Dengan langkah dan petua yang putus, hilirlah. Berperang sehingga sampai di Lubuk Pelang. Dan singgahlah raja di makam almarhum. Sekalian naik bertahlil semuanya. Kemudian, baharu hilir. Maka banyaklah segala mereka penghulu-penghulu ketuaan datang menyambut, iaitu Tuk Bangau, Tuan Chik Jenerak dan lain-lain penghulu; bersatu hilir sampailah di Temerloh.

## Penglibatan Orang-orang Bugis

***Alkisah cetera sembilan belas***, sampailah angkatan dari Pekan ke Chenor. Maka yang pertama Engku Muda dan Encik Engku Aman dan Encik Engku Da, Engku Sayyid. Sekalian anak raja-raja, hulubalang semuanya berhimpun di Chenor. Maka perahu besar, kecil dan (perahu) laut dibawa mudik semuanya angkatan itu, tiada terbilang banyaknya.

Syahdan lagi, tersebutlah angkatan pertolongan daripada Engku Temenggung Teluk Belanga dan Johor, dengan ubat peluru beratus koyan, dan askarnya daripada bangsa orang-orang Bugis dan segala anak-anak raja Teluk Belanga. Senjatanya senapang, berjenis-jenis rupa, meriam besi, meriam tembaga; pelurunya bertimbun-timbun banyaknya. Kepala perang Bugis namanya Suliwatang, sangatlah bengis rupa orangnya. Sampai ia ke Chenor, naik ke darat. Ia minta mengaruk kepada raja, maka dibenarkan oleh raja.

Maka mengaruklah dia dengan dua belas pasukan, dua petang berturut-turut. Maka ngerilah orang-orang melihatnya. Berbagai-bagai bunyi bangkitnya dekat hendak ia mengaruk itu; dilepaskan rambut panjang, mencabut keris, "ceh! Inilah orang yang mati mengerjakan raja keturunannya, teguh setianya zaman-berzaman. Raja malu, akulah mati." Mengaruklah hingga kelam-kabut. Sangatlah elok nampaknya.

Raja pun sedaplah hatinya. Pada fikiran tentulah tiada siapa boleh melawan orang Pahang akan ini Bugis, keberaniannya. Tentulah menang perang ini. Berangkat balik raja ke kenaikan.

Tuan Haji Husin dan Tuk Tunggal turunlah menghadap Engku Muda. Kemudian Engku Muda bersabda pada Haji Husin dan Tuk Tunggal, "kita orang Pahang sekarang semuanya perempuan. Jikalau tiada menumpang jantan orang-orang Teluk Belanga, haruslah segala

bininya dibini oleh orang Rawa. Lagi sekarang segala orang besar-besar semuanya pembohong, tiada boleh diharap. Ini sekarang, Haji Husin, Tuk Tunggal, siap perahu, kerah orang hilir ke Pekan mengambil beras. Itulah kerja awak semuanya, belanja orang Bugis berperang." Maka berubah hitam muka Haji Husin mendengarkan sabda raja demikian. Tetapi jawabnya, "mana-mana sabdalah." Di dalam hatinya Allah yang tahu panasnya. Dibalas juga raja yang demikian itu, lalu menyembah, balik menyuruh orang mengambil beras dan lain-lain ke Pekan.

Kemudian, angkatan askar pun mudik pergi menolong kubu di Pulau Lebak. Orang-orang Chenor, Kertau di sebelah kiri, mudik. Di sebelah kanan, pihak orang-orang raja. Mudiklah.

Orang Singapura, orang Pahang: Tuk Syahbandar, Encik Embok, Encik Uda, Encik Nit, berkubulah sekalian mereka (di) sebatang tanjung. Dan sekalian Bugis di Pulau Lebak berkubu kepala pulau. Dan raja-raja semuanya di Chenor. Engku Muda berangkat hilir, ke Pekan. Encik Engku Aman gantinya dan Engku Sayyid dengan kepala-kepalanya sekalian.

## Peperangan Berterusan

***Alkisah cetera dua puluh,*** angkatan di sebelah hulu, maka berlangkahlah dari Temerloh ke Pulau Lebak, dengan raja sekali berangkat hilir. Di sebelah kanan, Panglima Perang kepalanya, melanggar dan Imam Perang Raja, Panglima Dalam serta panglima-panglima sekalian. Di sebelah kiri, hilir Wan Daud, Tuk Kaya Lipis, Imam Perang Rasu kepala, melanggar. Pukul sembilan pagi, maka berperanglah; tersangatlah keras langgarnya. Seberang-menyeberang berlawanlah.

Maka banyaklah meriam bertembak-tembak hingga tiadalah apa kedengaran.

Maka hari itu, pihak di sebelah Panglima Perang di sebelah kanan, dua orang mati kerabatnya yang disayang, di tepi pagar anak kubu musuh. Maka sukarlah hendak mengambilnya; tiada berhenti ditembak oleh musuh. Dan panglima Perang sendiri hendak mengambil, tiada dibenarkan. Dipanggil Imam Perang Rasu. Dengan keberaniannya diambil mayat mereka yang kedua itu. Menerima kasih Panglima Perang. Dua tiga hari dipintas (*hlm. 16*) musuh, hilir ke Chenor. Maka di sebelah hulu, menurunlah hilir. Malam itu berhenti di Batu Bohor dan setengah di Pulau Kening.

Kemudian, turunlah sekalian anak-beranak Tuk Tunggal Bukit Segumpal, Encik Husin kepalanya, menghadap raja, menyembahkan pengakuan taatlah akan menjadi hamba. Maka raja menerima dengan manisnya serta dikurnia persalinan. Kemudian, datang penyuruh Haji Husin anak beranak, demikian juga sabdanya.

**Gambar 3:** Feksimile Jawi Hikayat Pahang – hlm. 16



**Sumber:** Perpustakaan Universiti Malaya Kuala Lumpur

Kemudian, pagi-pagi Encik Mat Akil, Khatib Bahrain, Pak Hitam Latif dan Encik Embok mudik berhadapan. Di Sentang, naik ke darat, berperang dengan pihak di sebelah hulu, tempat Makam Tuan Sentang yang keramat. Ada sejurus perangnya, ribut besar turun dengan hujan sangat lebatnya.

Maka berperanglah antara keduanya. Khatib Bahrain berkubu di Kampung Nyak, Encik Embok di Tanjung, Encik Mat Akil dipanggil balik ke Chenor.

Maka keesokan hari, orang Bukit Segumpal pun melanggarlah kubu Panglima Harun di seberang Chenor. Maka pelurunya sampai ke kenaikan Encik Engku Aman, Engku Sayyid, seperti layang-layang mandi. Maka gentarlah dan berdebarlah sekalian hati. Orang besar-besar sudah belot dan kubu Panglima Harun hampirlah pecah, tiada seorang membantunya.

Maka Encik Mat Akil pun menyeberang, menindih, sembilan orang. Masa itulah zahirlah beraninya dipandang oleh sekalian orang tiada berhingga; ditembak oleh musuh, tiada diindahkan. Sampailah ia di sebelah hilir kubu. Ia menerkam ke hulu dengan pedang. Maka undurlah pihak yang melanggar sedikit. Ia pun masuk kubu, hari pun malam.

Maka sekalian kepala-kepala pun berkiralah mengundurkan raja. Dengan seketika, habislah semuanya hilir. Orang Bukit Segumpal mengadang di Batu Gajah masa Encik Engku Aman hilir. Maka berteriaklah mereka itu akan Encik Engku Aman, "Encik Engku Aman raja yang jahat, zalim. Engku Sayyid yang dengki khianat kepada orang-orang. Ambillah bekas tangan anak Bukit Segumpal ini!"

Ia pun menembaklah dengan ramainya. Tetapi tiada yang cederanya. Teruslah ke Pekan. Masa di Pulau Lebak itu, Bugis sahaja yang mati.

Maka pihak hulu pun sampailah ke Chenor. Maka bersemayam raja di Chenor. Maka sekalian orang-orang Chenor semuanya tunduk dan Tuk Kaya Temerloh lari ke dalam Sungai Bera kerana bersetia teguh dengan raja di sebelah hilir itu. Kemudian, hilir, berhenti di Sungai Duri. Kepala Tuk Yahya, Sayyid Husin Tanjung Cempaka sedia menanti dengan kubunya akan raja.

## Pertempuran di Antara Pihak Hulu dan Hilir

***Alkisah cetera dua puluh satu,*** angkatan di sebelah hilir mudik mengambil Pulau Pelak. Imam Perang, Encik Gendut, Encik Wan Ahmad Teluk Belanga, Encik Hamid Batu Pahat serta dengan sekalian orangnya. Encik Mat Akil, Khatib Bahrain, Pak Hitam Latiff, di sebelah kanan; mudik di sebelah kiri Datuk Syahbandar.

Maka dilanggar di sebelah hulu sehingga sampai di kepala Pulau Kepayang. Lebih kurang tiga bulan lamanya perang di situ. Demikian

juga di Pulau Pelak, gusarlah, kerana orang-orang di sebelah hilir tiada boleh mudik.

Maka undurlah bertahan di Pulau Rumput. Kubu kiri kanan. Pihak di sebelah hulu berkubu di buntut Pulau Kepayang.

Maka tongkang besar dari Pekan dihampir, buat kubu. Di dalamnya meriam bernama Tuk Kempik, di haluannya, mudik melanggar ke buntut Pulau Kepayang; dilayarkan oleh Encik Wan Ahmad. Encik Hamid Singapura jadi kepalanya; dan Encik Embok sebuah tongkang.

Maka berperanglah lebih kurang empat jam. Tiada upaya lagi hendak mara, kerana kuat tembakan di sebelah Pulau Kepayang; dan hilir balik ke Pulau Rumput.

Maka pihak hulu pun pintas ke sebelah hilir iaitu Pulau Manis, seberang-menyeberang beratur kubunya. Maka susahlah orang di Pulau Rumput hendak hilir perahu kecil, besar; bimbang melalui Pulau Manis. Maka hilir sekaliannya. Pagi-pagi pukul tujuh, sampai Pulau Manis; dilabuh tongkang di tengah sungai. Ia menembak kiri kanan dengan peluru gerib, singgah batang tebu dan kabung, tembus, tiada boleh tempat berlindung.

Masa bertolak di pulau tadi, Encik Mat Akil berjalan dan dengan dua ratus orangnya. Pihak di sebelah hulu: Panglima Perang, Imam Perang Raja, Panglima Raja, Panglima Tunggal, Panglima Dalam Ali, Panglima Garang; berjalan darat. Pada masa tongkang berlabuh itu, bertentang dengan Encik Mat Akil, Khatib Bahrain. Di darat, perang berdampar seberang-menyeberang.

Maka bimbanglah hati raja, pihak di sebelah hulu, akan hulubalangnya, mendengarkan bunyi meriam seperti petir di langit. Maka apatah lagi sorak tempiknya.

Maka berangkatlah raja hendak pergi (*hlm. 17*) menolong sendiri, ditahan oleh Tuk Raja Tua; tiadalah dipakainya. "Janganlah Tuk gaduh!, matahari tiada masuk pagi, ia masuk petang. Ayam bertuah tiada disambar jelang."

Lalu berangkatlah. Tersangatlah hebat mata memandang akan kelengkapan pakaiannya. Maka tengah berjalan itu, berjumpa dengan orang membawa orang luka; dihampirinya mereka itu, ditawar tiup, "apa khabar awak?" Jawab mereka itu, "dengan daulat, boleh lagi bekerja." Akan tuanku, sabdanya, "terima kasih, bawa segera balik."

Kemudian, berjumpa pula membawa orang mati, pecah kepalanya. Panglima Kakap Tuk Kaya Lipis dihampirinya; dipandang lukanya, "sangat sayang pada panglima ini." Sabda, "menerima kasih kami kepadanya, tiada dapat dihargakan. Cepat bawa pulang. Ambil kain kapan dan ringgit pada nakhoda. Tanam baik-baik." Kemudian, berjumpa lagi orang bawa orang luka dan mati. Demikianlah kelakuan raja dan sabdanya. Berjalan juga.

Kemudian, sampailah di tempat peperangan itu; pada peluru yang seperti hujan lebat bertentangan dengan tongkang di sungai, tiadalah

dapat dikhabarkan banyak peluru yang datang itu. Lalulah datang orang membawa Panglima Garang Ali, luka kepala; orang yang dikasihinya. Raja pun dekat, menawar. Sembah Panglima Garang, "boleh lagi bekerja." Tetapi darah kepalanya mandi; disuruh bawa balik dengan segeranya.

Kemudian, tidak berapa lama, hilirlah tongkang. Dan Khatib Bahrain pun undurlah ke hilir. Maka hari itu banyaklah di sebelah-menyebelah mati, luka. Maka pihak di sebelah hilir berhenti di kepala Pulau Jawi semuanya, di sebelah hulu di Pulau Manis.

Kemudian, keesokan hari, hilirlah di kepala Pulau Temai dan raja bersemayam di Pulau Manis. Kemudian, membuat kubulah masing-masing dengan teguh dan kukuh, berkota tanah.

Maka di situ terlalu lama peperangan di buntut Pulau Temai itu. Dengan kelamaan, harga garam $1 satu ling dan tembakau $1 setahil dan apiun $100 satu buku; itu pun payah dapat. Kain-kain payah dicari. Inilah seksa pihak di sebelah hulu, yang ditanggung oleh orang besar sekaliannya.

Kemudian, peperangan itu tersangatlah kuatnya; jadi telah berhimpit-himpitan kubunya masing-masing, siang malam, hingga dekat, masing-masing berdampar. Pihak hilir ialah Khatib Bahrain; dibuat kubu, berjalan melanggar. Tiada pecah juga pihak di sebelah hulu. Masa itulah penyakit orang baik kena Wan Daud. Tuan Haji Hassan Budu mati, kena peluru.

## Pertempuran dan Kemenangan di Pihak Wan Ahmad

*Alkisah cetera dua puluh dua*, angkatan dari Teluk Belanga dan Johor ikut Bera, Serting; kepalanya Syeikh Muhammad Taib, orang Minangkabau, Haji Abu Bakar, Panglima Raja Mat Ali, Panglima Garang Ishak; enam ratus askarnya.

Raja berangkat mudik dan ganti raja, Tuan Mandak dua beradik dengan Tuan Embong dan hulubalangnya: Imam Perang Raja, Panglima Raja, Panglima Dalam, Tengku Jenal Panglima dan panglima yang lain-lain dan Imam Perang Rasu, Wan Daud, Tuk Kaya Lipis, Tuk Teh. Dan pihak orang Rawa: Imam Perang Jembang, Panglima Perang, kepalanya yang besar sekali, tuan-tuan Sayyid, Tuan Besar Kecut, Sayyid Husin Tanjung Cempaka. Tuan Cik Jenerak Tuk Bangau. Sekalian itu wakil yang teguh setianya.

Maka raja pun berangkat mudik, yang dibawa orang besarnya: Tuk Raja, Tuk Hitam al-Habsyi dan Sayyid Yasin al-Haji Abdul Rahman Kacu. Siang malam mudiknya. Sampai ke Chenor, berangkat naik ke rumah Haji Husin. Ia pun berdatang sembah, "fasal askar kita, askar kita tiada kudrat, hanyalah ubat bedil kita ini yang tiada. Tetapi sudah dikhabar, tengku menyuruh dua buah perahu harapan pergi ke

Rembau, membawa lima ratus ringgit, membeli ubat bedil, iaitu Haji Abdul Hamid dan Pak Abu Bakar. Maka inilah yang bimbang hamba tengku. Mereka itu sudah lepas di dalam musuh, tumpas."

Maka raja pun musykil mendengarkan.

Kemudian, turun balik ke kenaikan. Encik Nyak, Encik Deraman mengiring ke Pangkalan Balai, panggil Encik Husin. Raja pun beradu, kerana susah fikirannya. Tetapi sekalian orang daerah Chenor, Bukit Segumpal habis mudik akan melawan musuh. Maka keesokan, Encik Husin pun turun dari Bukit Segumpal dengan kesiapannya. Raja pun jaga daripada beradu, maka lalu menghadap; Encik Nyak, Encik Deraman menanti di dalam kenaikan. Raja pun bersabda kepada Encik Husin, "apa fikiran Encik Husin, musuh sudah akan sampai."

Sembah Encik Husin, "berkelahilah. Dipohonkan ke bawah kaus dua hari melihatkan hamba Tengku berkelahi; (*hlm. 18*) kemudian berangkatlah hilir." Dengan memengkis, jawab Encik Deraman, ditepuknya peha Encik Husin, "tidaklah begitu adik Husin! Saya menanti awak ini, apakala bulat Chenor dengan Bukit Segumpal. Pahitlah Syeikh Muhammad Taib dan Raja Abu Bakar hendak minum air Pahang ini. Saya kehendakkan Engku biar berangkat hilir." Jawab Encik Husin, "baiklah, saya menurut." Di dalam begitu, sabda raja, "saya boleh mudik sebentar ke Kuala Bera."

Berangkatlah dengan segeranya. Sampailah sekaliannya mengiring segala mereka. Kubu sudah siap di dalam Bera seberang-menyeberang. Dengan segera suruh raja bersemayam di Tanjung Kuala Bera; dibuat balai. Dengan daulat raja, Haji Muhammad Nor bin Haji Abdul Hamid menyembahkan tiga tong ubat bedil, satu laksa kip, setengah keranjang tembakau Jawa. Ia dapat di Pulau Rumput. Pihak raja di sebelah hilir. Maka mula berjumpa dengan Panglima Perang dan Tuk Tunggal. Maka disembahkan pada Datuk Bendahara Siwa Raja. Maka diterimalah oleh raja.

Kemudian, raja suruh Haji Muhammad Nor bersama-sama dengan Haji Husin dan Haji Abdul Rahman, disuruh membetulkan Tuk Kaya Temerloh dengan kerapatan, tiada boleh tinggal di dalam Bera; dibawa hilir ke Temai, kerana Tuk Kaya itu tiada bulat hatinya. Orang-orangnya tinggal di Bera, Tuk Muda Don kepalanya. Tuk Kaya Temerloh sangat beringkar mulanya mengerasi, tiada mahu hilir. Dengan bijaksana Haji Husin, Haji Abdul Rahman dan Haji Muhammad Nor, maka menurutlah Tuk Kaya. Dibawalah hilir perahunya dekat dengan kenaikan.

Maka dengan daulat tuah raja, Haji Abdul Hamid dan Tuk Abu Bakar selamatlah sampai, membawa ubat bedil dua puluh lima tong. Ia bertawakal *alallah* di dalam menempuh musuh waktu malam di Kuala Lui. Raja banyak suka, menerima kasih dan suka hatinya. Dan raja ada juga menyuruh utusan kepada Sultan Ali dan Tengku Abdul Jalil Singapura, Kampung Gelam.

Maka di dalam hal yang demikian, siaplah sekalian kebulatan; ubat bedil separuh ditinggal, separuh dibawa hilir ke Temai.

Maka raja pun akan berangkat hilir. Tuan Hitam tinggal wakil raja. Kapitnya Sayyid Yasin.

Maka berlangkahlah raja berangkat hilir. Tuk Kaya Temerloh dibawa sama, dihantar oleh sekalian orang besar-besar. Berhenti di Tanjung Surau, Haji Mohd. Ali sembahyang hajat dengan seruan nazar empat fasal. Kemudian bersedekah; turun berangkat hilir dihantar oleh orang besar-besar, Tuk Kaya Tuit, hingga ke Chenor. Raja pun terus hilir, selalu sembahan orang besar-besar ketika bercerai, berbalas-balas bunyinya, dengan setianya.

Demikianlah sabda raja berangkat hilir. Orang besar-besar balik mudik, langsung ke Bera. Musuh pun sampai melanggar.

Maka berperanglah dengan kerasnya, sabil. Haji Muhammad, satu orang alim besar, menantu Haji Husin, mengapil sebuah perahu di dalam Bera, melawan, melanggar sekalian musuh-musuh yang tersebut itu. Askarnya segala haji-haji di dalam daerah Chenor: Haji Idris dan Haji Muhammad Nor, serta lain-lainnya haji, imam dan khatib, "kerana wajib melawan orang yang membinasakan negeri kita." Garangnya Haji Muhammad Nor itu pada masa itu. Sekalian haji-haji yang mengiring pun demikian juga, membuat bakti kepada raja dengan suka reda hati, bercerai jiwa di badan. Sekalian itu kerana taat kepada raja.

Maka mudiklah, rapat, perahu yang berapil-apil itu berhadapan dengan musuh. Maka musuh itu sudah membuat kubu kiri kanan Sungai Bera itu; serta dengan gegak-gempita bunyinya gong, gendang musuh itu dengan sorak tempiknya, malam siang tiada berhenti.

Maka Encik Nyak dan Encik Deraman dengan Imam Perang dan hulubalangnya melanggar musuh itu; berperanglah dilanggar dengan kerasnya, tiada boleh disifatkan. Tambahan Encik Nyak, Encik Deraman anak Tuan Haji Husin itu orang yang sangat berani, tampan rupa parasnya, berkata-kata manis, bijaksana, bertambah hebat pada masa di dalam peperangan itu; memakai seperti hulubalang panglima. Demikianlah (juga) Encik Husin Panglima Bebas, anak Tuk Tunggal Bukit Segumpal; sekalian adik-beradik orang yang telah masyhur beraninya zaman berzaman; cucu Tuk Parit yang tersebut di dalam kisah yang pertama. Tiadalah boleh diperikan mereka itu keberaniannya masa melanggar kubu musuh itu.

Tuan Hitam al-Habsyi, anak Tuan Muda, tinggal menjadi wakil raja, sangatlah beraninya. Tambahan orangnya cantik, panjang lampai, putih kuning, halus manis berkata-kata. Sangat suka sekalian orang besar-besar kelak; patutlah ia menjadi menteri raja. Sayyid Yasin, iparnya, jadi timbalannya; sangat kuat beramal isim, berkata-kata, keras lakunya, bengis, hatinya berani. Pakai seperti hulubalang; hari-hari berperang melanggar bersama-sama dengan Tuan Hitam. Tuk Muda Don,

(*hlm. 19*) ganti Tuk Kaya Temerloh; sangat bernafsu kerjanya, tiada kurang dengan orang Haji Muhammad Nor.

Perahu yang berapil melanggar,.rapat kepada kubu musuh di tepi Sungai Bera itu. Maka gentarlah hati musuh itu. Sekalian askar, di dalam perahu itu, rupanya hendak naik mengamuk; berperanglah siang malam, lapan hari lapan malam.

Sekalian hulubalang ada memintas di sebelah hulu. Musuh diatur orang kepada tempat-tempat yang susah, lalu dinantinya dengan senapang. Yang memintas itu, kepalanya Encik Saik, anak Tuk Tunggal dan Tuk Muda Embong, harapan Encik Deraman dan Zabidi bin Haji Mohidin, Haji Muhammad Nor. Orangnya, seratus orang semuanya.

Tiada berapa lama, maka musuh pun undurlah. Apakala menempuh di situ, ditembak; habis terjun ke dalam air. Banyaklah yang luka, matinya. Mana-mana yang tiada kena peluru, lepaslah lari, masuk di dalam danau, Tasik Bera. Kasihan akan hamba Allah taala. Ada dengan sebulan, ada dengan lima belas hari tiada makan, melainkan taruk kayu sahaja.

Maka Engku Temenggung Teluk Belanga dukacitalah mendengarkan angkatan yang demikian. Syeikh Muhammad Taib, satu orang tua yang baik. Kasihan kepadanya; orang alim lagi gagah perkasa; ditembak tiada lut. Maka undurlah, kerana tewas. Tetapi ia berjalan dengan selesanya, lepaslah azab ia di dalam hutan. Maka sekalian mereka balik hilir.

Ada seorang panglima Tuk Kaya Temerloh, nama Panglima Perang Mamat. Dengan hukuman Tuk Tuit, Tuk Kayu dan hulubalang-hulubalang, hendak dibunuh Panglima Mamat, lalulah dibunuhnya. Maka sekaliannya balik hilir ke kampung dengan kesukaan, menang perang.

Maka dengan takdir Allah taala, di dalam dua hari lamanya, sampailah ajal Tuan Haji Husin dengan tiada sakit. Lepas makan nasi, bercakap-cakapkan hal negeri; masuk ke dalam, lalu mati. Maka berhimpunlah sekalian anak-anaknya dan sekalian orang-orang dengan dukacita dan sugul masghulnya. Maka dikuburkanlah seperti adat-istiadat orang besar-besar.

Maka Haji Abdul Hamid disuruh hilir, membawa surat, menyembahkan. "Peperangan sudah kemenangan. Dan tuan kematian Tuan Haji Husin," kepada Yang Mulia Datuk Bendahara Siwa. Mendengarkan sembahan Haji Abdul Hamid itu, sangatlah manis durja, mendengarkan keselamatan, menang peperangan dan kehebatan keberaniannya sekalian hulubalang. Tiadalah bandingnya kesukaan itu, melainkan dengan banyak menerima kasih. Tetapi, ada juga dukacitanya sedikit, sebab orang besarnya mati. Tambahan Tuan Haji Husin itu orang yang sangat bijaksana, payah bandingnya masa itu, adanya.

**Raja Melawat Kubu Peperangan**

***Alkisah cetera dua puluh tiga,*** peperangan di Pulau Temai; dengan kelamaan bertanding kubu sebelah menyebelah. Berlakulah perbuatan Khatib Bahrain, Imam Perang Mat Akil, dan Sayyid Deraman, dengan usahanya kononnya menggali di dalam tanah dengan beberapa jauhnya. Tiga bulan lamanya ia berusaha itu, sampailah bertentangan dengan kubu Awang Din, orang Bukit Segumpal, sangat beraninya, dan tetap hatinya. Jika panjang umurnya harus juga dapat pangkat yang besar, kerana raja kasih padanya.

Maka lubang itu ditaruh oleh Khatib Bahrain (dan) Imam Perang Mat Akil ubat bedil, kayu, batu, tembikar. Siap sekalian tongkang di tengah sungai, seberang-menyeberang, dilanggarnya dengan sehabis-habis keras langgarnya. Ada sejurus berperang, sekalian orang pihak di sebelah hulu semuanya menolong sekalian kubu-kubu, dihantar orang melawan langgar musuh itu.

Di dalam hal demikian itu, Khatib Bahrain pun bakar lubang itu. Tiada dapat diperikan bunyinya, seperti halalintar di langit. Kubu Awang Din pun terbanglah, gelap gulita sekaliannya memandang dunia. Satu sama lain tiada nampak; langgar pun bertambah keras. Awang Din pun rosak, hampirkan mati. Dan lain-lain orang pun banyak rosak, tetapi kubu itu ada sebelah tinggal. Sekalian mereka selamat duduk sebalik kubu yang sebelah, melawan juga dengan beraninya. Imam Perang Raja, Panglima Raja, Panglima Dalam sekalian ditindihnya juga kubu itu, tiada gusar sekali-kali, dilanggarnya musuh itu.

Maka Tuk Bendahara Siwa Raja pun tiadalah sabar lagi mendengarkan hal yang demikian itu, disembahkan oleh orang besar-besarnya, tiada dipakainya; berangkat juga. Tiada upayanya orang besar-besar, melainkan diiringkanlah dengan angkatan beberapa banyak askar di hadapan, kiri, kanan dan belakang. Dan raja memakai pakaian hulubalang, sangatlah hebatnya; berseluar sampak, (*hlm. 20*) baju pokok, tarbus merah perhiasan ulunya, bersandang pedang. Dipikul senapang yang bernama Kotak Tembaga, senapangnya yang sangat-sangat bertuah. Tiap-tiap ditembakkan, berpayunglah asapnya. Dilihat oleh musuh di dalam tongkang angkatan raja.

Maka sangatlah kencang tembaknya; berjenis-jenis peluru gerib dan peluru berantai. Maka tiada diindahkan oleh raja; berjumpa dengan orang menghantar Awang Din balik. Berhenti raja melihat dan menerima kasih kepada Awang Din, hamba yang berbakti kepada rajanya. Dan orang lain pun ngerilah melihat luka Awang Din itu, tambahan di dalam peluru. Raja tiada gusar sekali-kali, hatinya berani, sabdanya suruh balik segera.

Kemudian, terus berangkat sampai kepada kubu yang terbongkar. Kemudian, masuk sekalian kubu hulubalang, memeriksa lagi; memberi

kesukaan sekaliannya dan kembang hati sekalian mereka apabila raja datang melihat sendiri segala pekerjaan hamba sekalian. Dan kubu Awang Din dengan segera dibetulkan balik. Di dalam peluru, sekalian mereka bekerja. Hairan musuh melihatnya.

Maka sekalian orang besar-besar dan hulubalang berdatang sembah, menyilakan raja balik. Sembahnya, "janganlah bimbang akan kubu-kubu ini, taatlah hamba tengku di sini." Raja mendengar sembah orang besar-besar demikian. Maka raja pun berangkatlah balik. Hari pun malam, musuh pun berhentilah melanggar.

Inilah hamba maklumkan di dalam hikayat cetera yang kedua puluh tiga ini: fasal Raja-raja Pahang yang sudah hamba lihat. Tiadalah berjumpa seperti raja ini; berani dan tawakal, bijaksana, pandai mengikatkan peperangan; mengambil hati sekalian hulubalang, dan lemak manis tutur katanya kepada hamba sahayanya. Jikalau orang penakut jadi berani; orang lemah jadi kuat semuanya melawan musuh. Apatah lagi bagi hulubalang, panglima perang tibalah selalu akuan sama. Jadi diibaratkan orang, berhantu. Apakah dibakar kemudian datanglah selalu hantunya. Maka raja inilah kemenyannya kepada bakar hulubalang, panglima-panglima.

**Pertempuran dan Kematian Bendahara Wan Mutahir**

***Alkisah cetera dua puluh empat,*** segala hulubalang menghadap, memohon hendak memintas ke Pekan; dibenarkanlah. Bersiaplah sekalian; separuh hulubalang tinggal di Temai, melawan musuh-musuh, dan separuh berjalan.

Maka hulubalang yang berjalan itu: Imam Perang Encik Endut, Imam Perang Rasu, Panglima Raja, Panglima Kakap Bahaman dan panglima-panglima pihak Panglima Perang Jelai dan panglima pihak orang Rawa dan Tuan Embong adik Tuan Mandak serta segala panglima-panglima. Tiap-tiap ketuaan enam ratus orang semuanya.

Tiga hari dari Temai, di dalam air danau, paya-paya danau, paya-paya besar, sampailah ke Permatang Pauh, bertanak, makan minum, menantikan malam.

Sekalian hulubalang menyatukan pakatan hendak mengamuk. Tiga saf dibuat: Imam perang Encik Endut, Panglima Raja, Panglima Kakap Bahaman, Panglima Hitam, Panglima Muda, Panglima Mamat, mengamuk di Tanjung Parit, kubu Panglima Besar. Imam Perang Rasu dengan orangnya mengamuk kubu Kampung Masjid. Panglima-panglima pihak Tuk Raja mengamuk kubu Kampung Baharu. Tuan Embong ke dalam Parit, ke rumah ayahandanya.

Sudah dikakap iaitu sekalian tempat-tempat itu, turunlah masing-masing kepala, menuju tempat yang ditentukan janjinya, padannya waktu subuh itu hendak diamuknya. Kubu masjid itu sangat teguhnya; empat lapis pagar onak, penuh dengan ranjau di dalamnya. Segala

Bugis menjaganya. Dari satu kepada satu, pecahkan pagar onak sekaliannya itu, rapat ke tembok masjid, di sebelah darat.

Hari pun subuh. Bugis keluar mengambil air sembahyang. Balik, naik, bang. Pintu terbuka, sebut katanya, "*Assalatu khairum minannaum.*"

Maka Imam Perang Rasu melompat masuk dan orang-orangnya dengan pantasnya. Teh Muhammad Sanggang dan Haji Muhammad Nor, ditembak dengan pemuras empat laras. Imam Perang Rasu pun melompat balik ke pintu. Bugis di dalam berkacau, tiada berketahuan; ada yang melawan, ada yang lari terjun ke tanah, terjun ke dalam air. Ditembaklah akan Bugis itu, enam puluh orang matinya; tiada berapa yang tinggal. Dan pihak Imam Perang Raja Tanjung Parit dan pihak Kampung Baharu sedikit sahaja berkelahi; sekaliannya menyerahkan kubu. Hari pun teranglah, pecah sekalian itu.

Pada hari Isnin, 15 Zulhijah, setengah 1279, maka betul *(hlm. 21)* pukul tujuh pagi, sekalian kubu dapatlah semuanya, darat Kampung Cina. Sekalian Cina menghadap segala hulubalang dan Imam Perang, menyembahkan sekalian jenis kain dan makan-makanan dengan ketakutan, seperti dia menyembah tok pekong, "tolong latuk, jangan bunuhlah saya. Ikut latuklah!" Maka jawab sekalian, "baiklah." Tiadalah dirampas, diampunkanlah sekalian Cina-cina.

Ada sejurus, Khatib Bahrain pun menembak dengan meriam dari seberang kota; tiada berhenti. Masing-masing membuat kubu. Keesokannya, sekalian kubu di Temai habislah pecah. Hilir sekaliannya. Lamanya peperangan di Temai, lima bulan. Sekalian tongkang hilir dari Temai, berlabuh di Tanjung Tuk Temenggung. Di darat, dibaikkannya kubu raja; hilir berlabuh di Kampung Tuk Syahbandar Hamid. Setengah perahu orang-orangnya ada yang langsung ke Kampung Cina.

Ada kepada suatu hari, berangkatlah raja ke Kampung Cina. Imam Perang Encik Endut, Panglima Tapak, Panglima Perang, Imam Perang Rasu dengan orang-orangnya, dilanggarnya kubu Tanjung. Imam Perang Rasu di sebelah darat, Panglima Perang di tengah, Imam Perang Encik Endut di tepi sungai. Tengah berperang, musuh dibuatnya pura-pura undur; dan pihak sebelah hulu menghambat. Musuh undur juga.

Ada satu tempat, berlorong, dibuatnya pagar. Masuk Imam Perang Encik Endut di lorong itu. Ditembaknya. Imam Perang Encik Endut pun luka, dibawa undur. Musuh pun menerkam dengan ramainya. Pihak Imam Perang Rasu dan pihak Panglima Perang pun demikian juga.

Kemudian Panglima Tapak, timbalan Imam Perang, jadi tewas, undurlah. Encik Dolah Pedah memimpinnya Imam Perang Encik Endut itu. Datang musuh dari belakang, ditikam dengan sungguh-sungguh sehingga parah. Maka berlawanlah dengan orang-orang, sambil undur, baliklah ke perahu. Panglima Perang dan Imam Rasu tinggal di dalam hutan; hilir, menyuruh menghadap raja, menyembahkan Imam Perang

Encik Endut dan Panglima Tapak sudah luka.

Maka raja pun segeralah berangkat balik ke Jambu, dengan murkanya kepada segala panglima-panglima perang membuat gopoh-gapah. "Dicapakkan perbuatan orang, inilah jadinya," sabdanya, "minta belakan juga ini petang." Jadi, segala kepala-kepala langgar semula, habis bulat sekalian orang pergi. Tiada boleh diperikan perbuatan hulubalang yang melanggar itu.

Masa itulah bunyi meriam dan senapang tiada berhenti; tiada apa kedengarannya yang lain. Berhadapan Imam Perang Mat Akil, Khatib Bahrain, Sayyid Deraman dengan Panglima Perang, Imam Perang Rasu, Panglima Raja, Panglima Bebas, Panglima Kanan, Panglima Kakap Bahaman dan lain-lain; bertempur di padang. Kedua pihak itu mendirikan keberaniannya, berperang hingga sampai malam, pukul satu. Maka tewaslah di sebelah hilir. Sekaliannya habis turun ke perahu dan tongkang.

Maka pagi-pagi air pasang, surut, ia pun hilir.

Encik Wan Ahmad, anak Wan Aki Kechil, terlalu beraninya. Satu anak raja yang gagah perkasa lakunya, tiadalah sia-sia raja membela dari satu masa kepada satu masa, tiada kurang kepada orang. Maka zahirlah beraninya. Encik Dolah, anak Encik Kanchil pun demikian juga. Tengku Jenal bernama Tengku Panglima, beraninya kebanyakan orang, tetapi nafsunya besar. Sekalian pada perbuatan orang, melainkan bersama-samalah.

Tuan Kechut, Tuan Sayyid yang lama bersama-sama dengan raja, nafsunya kurang. Sebab itu tiada dapat kemegahan hatinya, seperti orang-orang juga. Encik Endut Panglima Raja, orangnya sangat berani, halus bahasa, lemah-lembut lakunya. Raja sangat kasih kepadanya, malah digelar Imam Perang Encik Endut, ganti Imam Perang yang meninggal.

Sekalian pihak raja di sebelah hilir semuanya berhimpun di Kuala Pahang, Tanjung Teja; seberang-menyeberang Tanjung Pak Kera. (Di) Tanjung Taik berkubu sekaliannya. Makanan, jenis sekalian belanja, ubat peluru, tiada kurang dihantar oleh Engku Temenggung Teluk Belanga. Tetapi orang-orang Teluk Belanga ada membawa perangai yang tiada baik. Orang-orang Pahang bertunggu kubu siang malam, orang-orang Teluk Belanga tinggal mengambil bininya. Itulah kerja yang sehabis-habis tiada baik.

Tiadalah dipanjangkan kisah perang di kuala.

Di dalam beberapa kali berundur, mara sebelah-menyebelah, perang Beruas dan perang di Makam, perang di perahu; beberapa yang luka, matinya sebelah-menyebelah. Dan Imam Perang Mat Akil, Khatib Bahrain dan Sayyid Deraman, zahirlah gagah perkasa dan beraninya, rajin usahanya. Tiadalah salah lagi kepadanya. Hanyalah tuah raja sudah habis. Datang qada Allah taala kepadanya.

Datuk Bendahara Seri Maharaja telah lama geringnya. Dengan

kerapatan, dihantar ke Singapura, Johor; di laut Sedili mangkatnya, dimakamkan di Tanjung Puteri seperti adat raja-raja.

Engku Muda, puteranya, telah lama gering di Kuala Pahang; mangkat, dihantar orang ke Tanjung Puteri, dimakamkan. Encik Engku Aman, digelar dengan kerapatan, (*hlm. 22*) Datuk Bendahara Seri Maharaja. Datuk Syahbandar berseru akan gelaran itu. Maka jawab sekalian mereka, "suka!" tiga kali. Akan halnya, di dalam hatinya sangat benci kepada raja itu.

Dua hari, ketiga, diperbuat oleh Engku Sayyid satu gemparan; ia pun keluar. Dilihat oleh sekalian Engku Sayyid demikian, habis semuanya keluar; kecil, besar, lebih seribu perahu. Ada yang ke timur, ada yang ke barat. Layarnya berjenis-jenis; ada yang tikar, ada yang kain kajang. Macam-macam.

Belas hamba memandang iradat Tuhan kepada hamba-Nya. Dipanggil, berteriak orang-orang di darat, katanya, "baliklah, jangan keluar pergi!" Maka tiadalah dipedulikannya mereka yang lari itu. Sangatlah belas dan kasihan hatinya memandang kepadanya dan putera-puteranya; berhamburanlah dengan air mata. Sudah ditakdirkan oleh *Rabbul Alamin*, adanya.

## Wan Ahmad Menaiki Takhta

*Alkisah cetera dua puluh lima*, Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad pun memanggillah datuk-datuk, orang besar-besar, menetapkan sekalian adat-adat di dalam negeri; digantung pelekat segenap tempat. Lepas tiga hari, sekali-kali tiada boleh merampas dan menyamun. Siapa-siapa membuat salah, sekalian mereka yang undur lari, laut dan darat, boleh balik. Tiada apa-apa hukuman menanggungnya.

Maka raja pun bersemayam di dalam takhta, kesukaan dengan segala orang besar-besar, hulubalang, isi negeri; maklumlah kesukaan menang peperangan, tiada bandingnya di atas dunia ini.

Maka orang besar-besar pun membuatlah kota; serta siap sekalian, berangkat pindahlah, bersemayam di istana dengan paseban balairung serinya. Sekalian orang besar-besar, menteri, hulubalang, hari-hari datang menghadap dengan harapan. Raja hadir di balai; sangatlah elok peraturannya. Tetaplah adat-istiadat raja yang besar-besar. Tiap-tiap masa berjamu-jamu jenis penganan, zuadah yang lazat-lazat kepada orang besar-besar; diberi makan, tiadalah dapat diperikan.

Dengan kelamaan, orang besar-besar pun bermohonlah balik. Masing-masing mudik, diizinkan oleh raja. Tetapi, sabdanya hendak menggelar dahulu. Bersiaplah raja. Digelarlah Wan Daud itu Orang Kaya Setia Raja. Orang Kaya Muda Panglima Perang Wan Muhammad digelar Panglima Perang Kiri Setia Raja. Dan banyaklah lain-lain dikurniakan gelar nama. Kemudian, dilepaskan balik Orang Kaya

Setia Raja. Dan sekalian adat-adat di dalam jajahan negeri ditetapkan. Dihantar kepala sekalian daerah jajahan.

Maka di dalam hal itu, Tuk Syahbandar dan Encik Lambak dan serta sekalian orang-orangnya balik daripada lari, menyerahkan diri, seperti benang putih. Raja pun terimalah dengan ikhlasnya. Baliklah sekalian mereka itu di kampung halaman yang telah sudah; kasih oleh raja terlebih kepada lama. Demikian juga Imam Perang Encik Gendut.

Di dalam antara itu, dapatlah khabar Encik Engku Ngah dan Engku Cik, adik-beradik, laki-laki, perempuan, berbalik dari Tanjung Puteri, masuk Endau. Maka raja pun bersiaplah, memanggil segala orang besar-besar menyuruh mengambil, bawa balik ke Pahang.

Maka disabdakanlah kepada Imam Perang Raja Encik Gendut dan Datuk Syahbandar pergi dengan angkatan kesiapan serta dengan surat. Sampai ke Endau, menghadap Datuk yang tersebut itu; dijunjungkan surat dengan sabda. Disambutnya surat, langsung dibaca,

> "Salam daripada paduka kakanda Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad yang empunya kerajaan negeri Pahang, datang ke hadapan majlis paduka adinda laki isteri dan sekalian paduka adinda, dengan selamatnya; sampai surat dan orang besar-besar yang disuruh ini. Haraplah paduka adinda itu balik dengan segera."

Berkerah sekalian orang Endau. Segeralah datang ketuaannya membawa anak buahnya, kudrat membawa barang-barang berjalan darat musim angin utara.

Sudah siap dengan alatan, membawa tuan-tuan puteri, maka berangkatlah dengan angkatan raja-raja segeranya. Sampai di Kuala Pahang, sedia perahu kenaikan menanti dengan orang besar-besar menyambut, bawa mudik ke Pekan. Sampai di rumah dan istana, sudah siap cukup sedia alatan perkakas santapan. Semuanya hadir. Bersemayamlah di dalam istana; terus menghadap paduka kakanda laki dan isteri dengan takzim dan tawaduknya berhadapan; menyembah dengan persembahan menyerahkan diri, tulus ikhlasnya.

Di dalam bersemayam dengan kesukaan, berdatang sembahlah sekalian orang besar-besar, Datuk menteri kepada Yang Mulia Datuk Bendahara Siwa Raja, "harapkan ampun beribu-ribu ampun, sembah hamba tengku ini, rendah gunung tinggi harap ke bawah kaus, (*hlm. 23*) kabulkan persembahan yang termaklum ini. Adapun ke bawah kaus dengan paduka adinda Tun Besarlah ditunangkan oleh paduka ayahanda almarhum. Ke bawah kaus pada masa itu pun tiada sangat mengetahui; ialah hamba tengku semuanya yang ingat. Maka ini, sampailah masa dan ketikanya, daulat paduka ayahanda almarhum dan daulat ke bawah kaus, dengan selama ini beberapa kesusahan, gaduh-gaduh negeri semuanya, selamat terpeliharalah oleh paduka adinda Tun Abdul Rahman. Dan, beberapa raja-raja meminang paduka adinda itu, semuanya ditolak oleh paduka adindanya Tun Abdul Rahman kerana

taatkan wasiat almarhum dan setia hatinya dengan ke bawah kaus."

Maka Datuk Bendahara Siwa Raja pun, mendengar sembah orang besar-besar, Datuk menteri demikian, dikabulkanlah.

Maka Datuk sekalian suka, kembang hatinya seperti payung. Segeralah menetapkan membuat istana, jenis alatan istiadat raja-raja besar berkahwin. Maka bekerjalah. Dengan sedikit masa kerja kenduri berkahwin itu, tetapi kerenah pekerjaan itu, cukup tertib, seperti adat kerja yang besar-besar juga. Tujuh hari tujuh malam, selamat hari bersiram itu; di dalam takhta bersuka-sukaan. Sekalian orang besar-besar dan pegawai, laki-laki dan perempuan, semuanya berbasahan pakaian yang indah-indah.

Selesai daripada itu, sekalian Datuk-datuk, pegawai, menteri dikurniakan pakaian yang terlebih indah daripada tadi; cukuplah lengkap persalinan masing-masing itu dengan tarafnya.

Kemudian daripada itu, berangkatlah di atas balairung seri, berjamu-jamu. Berjamu segala anak raja-raja, Datuk-datuk dan orang besar-besar segala zuadah yang lazat-lazat. Maka selesai daripada itu, lebai dan haji pun membaca doa; selamatlah kerjanya.

Maka tiadalah hamba panjangkan kisah pekerjaan yang termaklum itu. Sungguhpun sedikit masanya, cukup tertib adat-istiadat, bagaimana kerja yang besar-besar, kerana pada masa itu cukup pegawai laki-laki perempuan yang bijaksana. Semuanya yang dikeluarkan itu tiada lagi gamam; patut dan padan, memberi indah pada pandangan segala orang, tiada dapat disalahkan lagi.

Maka Yang Mulia pun bersemayam di dalam takhta berkasih-kasihan, tiada boleh diperikan. Dan sekalian orang besar-besar pun berdatang sembah pula, hendak menggelar. Diangkat gelaran Yang Mulia paduka adinda yang kedua. Maka diizinkanlah.

Maka dengan begitu, segeranya sekalian orang besar-besar, Datuk Syahbandar pun hadirlah, bekerja bagaimana istiadat bergelar raja perempuan. Maka emak Datuk Syahbandar pun berserulah, melafazkan gelaran nama Yang Mulia Tun Fatimah itu Cik Puan Tengah; isteri daripada Tun Abdul Rahman. Kemudian berserulah lagi emak Datuk Syahbandar, melafazkan gelaran nama Yang Mulia Tun Besar itu Cik Puan Bongsu, isteri Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad. Dan gundiknya yang pertama, iaitu yang atur, diangkatkan gelaran Cik Besar. Maka menyahutlah sekalian mereka yang hadir di dalam istana, mengatakan suka.

Syahadan, maka yang dituakan iaitu emak Datuk Syahbandar, menyusun jari sepuluh, mengangkat tangan ke dahi tujuh kali berturut-turut, serta dengan hormatnya dan takzim, menyembah menjunjung duli Cik Puan. Kemudian, baharulah sekalian perempuan Datuk-datuk yang patut.

Hatta, maka pada ketika itu berkembanganlah hati sekalian oleh memandang temasya dan keadaan yang sangat menasabah di antara

raja dengan hambanya. Demikianlah. Duli Yang Mulia Cik Puan Bongsu bersemayam di atas singgahsana kerajaan, membawa liuk-lambai dan tertib bagi raja-raja; berpatutanlah dengan rupa paras wajahnya, putih bersih dan lumat halus, serta berpatutanlah pula dengan suaminya, laksana pinang dibelah dua. Maka pada zaman itu tiadalah bandingnya kedua suami isteri.

Maka bersemayamlah di dalam takhta kerajaan. Dan bertambah-tambah daulat dan tuahnya; masuk sekalian dagang senteri berniagaan, dengan beberapa banyaklah hasil negeri daripada emas dan perak. Sekalian jenis harta tiadalah boleh diperikan banyaknya.

Maka di dalam hal bersukaan, dengan kurnia Tuhan, hamillah Yang Mulia Cik Puan Bongsu. Maka bertambah-tambah kasih sayang, mesra, sedaging-darah suami isteri, sebab dahulu daripada ini, beberapa gundik tiada mengadakan putera. Inilah baharu, menanti isteri yang gahara.

Maka dengan kelamaan, sampailah musim dan genaplah bulannya, bersalinlah Cik Puan Bongsu seorang putera perempuan, digelar nama Tun Long. Sangatlah kasih sayang paduka ayahanda dan bondanya; maklumlah, mula-mula dapat putera. Maka sekalian isi negeri bertambah-tambah pula kasih sayangnya.

Demikianlah, harta benda bertambah-tambah, bertimbun-timbun; makmur sekalian isi istana, adanya. (*hlm.* 24)

**Serangan Semula**

***Alkisah cetera dua puluh enam,*** pemerintahan kerajaan Pahang pada zaman itu sangatlah adilnya dan murah. Maka sekalian jenis perniagaan keluar masuk dalam negeri Pahang serta daerahnya, sekali-kali raja tiada mengambil cukai dan bia, *free*. Hatta apiun sekalipun, lepas, *free*. Menderheka sekalian orang-orang berniaga sekalian bangsa, dikecualikan, sebuah Sungai Kuantan sahaja tempat santapan raja. Maka diambillah hasilnya. Di dalam Pahang keluar getah, kayu gaharu, rotan, damar dan teh serta emas, tiada terhingga banyaknya.

Maka masyhurlah khabar pada sekalian negeri, makmurlah. Segala orang berniaga sampai tahun genap, dibebaskan, tiada bercukai. Dan hukum denda pun tidak. Ialah mendirikan agama sembahyang Jumaat dan sembahyang lima waktu.

Lepas peperangan, sekalian orang-orang hulu dua tahun lapar besar, tiada dapat perhumaan; setahun dimakan tikus, setahun panas. Maka raja pun mengurniakan bantuan beras berpuluh-puluh laksa banyaknya. Ialah sekalian keadilannya itu membalas kebaktian isi negeri.

Di dalam hal itu, datang Sultan Ali Kampung Gelam, Singapura, jalan Muar, Hulu Serting, musim utara, dengan angkatan. Banyak orangnya dan menteri yang bijaksana, namanya Encik Bujal. Sampai

ke Pekan, disambutlah dengan beberapa kemuliaan. Datuk Bendahara Siwa Raja berangkat turun, diiringkan oleh menteri dan orang besar-besar ke kenaikan, menghadap dengan hormatnya.

Kemudian, disiapkan sebuah istana, disilakan bersemayam ke darat. Niatnya datang itu, hendak menggelar; yang keduanya, minta gelar. Maka termaklumlah niat yang kedua itu, tetapi tiadalah dilayankan sangat oleh orang-orang besar.

Dengan kelamaan ia bersemayam, minta hendak bergundik, disembahkan dengan segeranya, kerana membalas budinya seperti yang tersebut dalam cetera yang keempat. Tetapi maksud yang termaklum itu sangatlah beratnya; seperti minta ditabalkan, tiada upayanya. Dengan kelamaan, berangkat balik ke Singapura.

Di dalam hal begitu, tiada berapa antaranya, berangkat Yang Maha Mulia Sultan Mahmud Muzaffar Syah, jalan Muar, Hulu Serting juga; datang dengan kesusahan dari Siam; diharu oleh orang Belanda, bersemayam di dalam Singapura dengan bersembunyi. Sampai ke Pekan, disambut dengan mulia. Sekalian orang besar-besar dibenarkan. Demikianlah anak raja-raja hendak bergundik, disembahkan dengan segeranya.

Dengan kelamaan, keluarlah maksudnya, titah minta langgarkan Lingga yang telah diambil oleh Belanda. Jawab Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad, "minta ampunlah. Jikalau bangsa orang putih tiadalah upayanya. Jikalau sama kulit hitam bertongkanglah patik."

Maka apakala dengar sembah yang demikian, kecil hatinya, merajuk ke baluk. Dengan kelamaan, geringlah; disilakan ke Pahang, bersemayamkan di rumah Panglima Lawang. Berubatlah bagaimana istiadat raja-raja yang besar-besar. Berjaga-jaga siang dan malam sekalian orang-orang. Makin lama, makin kuat geringnya.

Maka kepada 20 haribulan Safar, malam *arbaa*, Hijrah (1281), berlakulah iradat Tuhan, *innalillahi wa inna ilaihi rajiun*. Maka dimakamkanlah dengan istiadat raja-raja yang besar-besar serta bersegeralah berkabungan. Dimakamkan dengan tertibnya di Kuala Pahang, ialah menyempurnakan setia almarhum.

Di dalam hal yang demikian, kedengaranlah Encik Engku Aman dan Engku Da dan Engku Abdullah adik-beradik, hendak melanggar Pahang, jalan Rembau, ikut Hulu Teriang dengan pahlawan hulubalang Imam Perang Mat Akil. Maka yang bercakap hendak melawan musuh-musuh yang datang itu, Haji Mat Tahir Tir. Ia membuat kubu di Jerang, Hulu Teriang. Dan hilir, menghadap ke Pekan, dikurniakan senapang, ubat peluru. Balik mudik, musuh pun sampai.

Dengan kelamaan, dimasuk Imam Perang Mat Akil ke dalam kubu, ditindihnya riba Haji Mat Tahir oleh Imam Perang Mat Akil. Haji Mat Tahir minta nyawa. Sekalian senapang habis dirampas. Haji Mat Tahir dilepaskan lari.

Maka Tuk Kaya Temerloh dan Tuk Kaya Chenor, Datuk Tuit,

dengan panglima hulubalangnya dan Haji Muhammad Nor, mudiklah dengan segeranya, dengan alat senjatanya, melawan musuh yang datang itu, iaitu membuat kubu di darat Mengkarak, menghadang Selampit, berlawan dengan sekalian musuh yang datang itu. Maka berperanglah. Siang malam tiada berhingga bunyi senapang serta dengan gendang, gong, serunainya, memberi garang sekalian hati hulubalang. Dan Tuk Kaya Temerloh dengan orangnya sangat garang perang, kerana menunjukkan tulus ikhlasnya, sebab perang yang dahulu ia tiada sempat bekerja. Inilah berbalas. Dan Tuan Mandak disabdakan mudik, (*hlm.* 25) melihat segala orang besar-besar perang, macam satu saksi. Maka itu, bertambah-tambah garang sekalian hulubalang melanggar musuh.

Ada kepada suatu hari, Encik Husin anak Tuk Tunggal dengan orang-orangnya Bukit Segumpal keluar perang, bertempur dengan Imam Mat Akil di Padang Selampit. Pihak Encik Husin jadi tubuh, melanggar; dan pihak Tuk Kaya Temerloh jadi sayap kanan; dan Imam Perang Kadam kepalanya; dan Tuk Muda Don. Pihak Tuk Kaya Chenor, sayap kiri. Kepalanya Haji Abdul Hamid dan Panglima Kakap Husin Tanjung Batu dan Bakar. Maka bertewas-tewaslah tiga pasukan itu berkelahi.

Pada hari itu, tewas sedikit orang Bukit Segumpal perkelahiannya. Orangnya mati bernama Awang Pandak, dan lain-lain luka. Pada hari itu zahirlah keberanian orang-orang Temerloh dan keberanian orang-orang Chenor.

Di dalam berperang bertewas-tewas itu, lebih kurang sebulan, maka musuh pun undurlah, di dalam kesusahan, huru-hara. Encik Engku Aman lari, diturut sehingga sampai ke sempadan. Banyak barang-barang Encik Engku Aman tertinggal, dapat oleh sekalian orang-orang Pahang.

Maka sekalian hulubalang pun baliklah hilir, menghadap raja ke Pekan.

Maka menerima kasihlah raja kepada sekalian hulubalang. Dikurniakanlah persalinan dengan taraf masing-masing. Dan Tuk Kaya Temerloh, raja pun menerima kasih kerana kebaktiannya. Maka bersabdalah Yang Mulia akan menggelar anaknya, kerana datuk itu sudah tua.

Syahadan, Yang Mulia bertambah-tambah kasih kepada Tuk Kaya Tuit Chenor. Sekalian kehendaknya berlakulah. Dan Yang Mulia berkenan kepada Haji Muhammad Nor; akan diambil, dimasukkan di dalam jawatan negeri, menjadi kerani. Dan Tuan Haji Husin Chenor anak-beranak habis mati, berturut-turut bulan dan berturut-turut tahun. Ada yang tinggal seorang, itu pun tiada sempurna.

Hatta, Haji Meriam, seorang kerani, duduk di Mekah al-*Musyarafah*, orang yang bersumpah, mungkir setianya dengan raja-raja yang berasal-usul. Akhirnya, anak cucu Tuk Tunggal Bukit Segumpal demikian juga.

Maka di dalam hal itu, Tuk Kaya Tuit pun bangkitlah senang-lenang memerintah. Berlaku sekaliannya, sebab anak Haji Husin sudah habis mati. Anak saudaranya, diambil, bernama Tuk Muda Husin, memangku pekerjaan. Dan Haji Muhammad Nor itu seperti kerani sahaja. Dan Tuk Kaya Chenor bersamalah dengan Tuk Muda Husin, kerja tiap-tiap yang kena kepada kerajaan. Dan Tuk Abu Bakar Sentang, menteri kepada Tuk Kaya, adanya.

## Pahang, Johor dan Selangor

***Alkisah cetera dua puluh tujuh,*** kata sahibulhikayat, aman dan makmurlah negeri Pahang. Sekalian jenis makan-makanan semuanya murah. Orang-orang di dalam negeri banyaklah kaya; bertambah-tambah hamba dan sahayanya, duduk di dalam bersuka-suka. Beras dua puluh lima gantang seringgit; dan padi dua ringgit seratus gantang. Sekalian jenis buah-buahan tiap-tiap tahun menjadi sebab pemerintahan adil dan murah.

Maka makmurlah sekalian isi negeri. Yang Amat Mulia Puan Bongsu pun zahirlah seorang putera laki-laki, sangatlah cantik parasnya, dinamakan Tun Muda Besar. Siang malam paduka ayahanda bonda tersangatlah kasih sayang, tiadalah dapat disifatkan.

Maka bertambah-tambah di dalam berkasih-kasihan suami isteri, membuat segala jenis pakaian kerajaan, emas, perak tiadalah dapat diperikan. Sekalian tukang-tukang emas semuanya tiada putusan dengan kerja raja. Tambahan, Yang Mulia Cik Puan Bongsu itu raja yang sangat-sangat bijaksana, maha arif bestari. Apatah lagi adat-adat istiadat raja-raja Melayu, semuanya mengetahui ia; tiada khali sekali (kali) menyuruh orang-orang membaca ***Sejarah Melayu*** dan kanun zaman dahulu. Dan ingatan pun baik, nafsunya besar; patutlah dengan suami, sangat pandai mengambil hati hamba sahayanya, laki-laki, perempuan dengan budi bahasa. Apatah lagi kepada segala kaum kerabatnya. Sekaliannya tiada puas jamuan. Sekalian yang datang membawa persembahan dengan tarafnya.

Syahadan, di belakang, satu tahun, dapatlah khabar Encik Engku Aman, Encik Engku Da hendak melanggar Pahang, jalan hulu ikut Raub, dengan segala panglima hulubalangnya. Kepalanya, Sayyid Deraman, Imam Perang Mat Akil, Imam Perang Mat Ariff dan Tuan Kechut, dengan segala orang Rawa Mendeleng. Maka sekalian angkatan itu sampai ke Raub. Maka Tuk Kaya Lipis pun bersiap dan ketika itu Haji Muhammad Nor, di Tembeling. Dan Imam Perang Rasu menulis surat kepadanya, meminta datang dengan segeranya, kerana musuh akan tiba, "kita membantu Tuk Kaya." Yang Mulia akan jadi *(hlm. 26)* askar, siap dengan alatan senjatanya.

Maka ia pun mudik sampai ke Batu Gajah. Maka Imam Perang Rasu

sudah siap menanti dengan orang, terus mudik bersama-sama. Sampai ke Penjom, naik bersama-sama, berjumpa dengan Tuk Kaya Lipis. Maka Tuk Kaya Lipis pun menyerahkanlah pekerjaan perang itu kepada Imam Perang Rasu dan Haji Muhammad Nor.

Maka segeralah mudik Imam Perang, menolong Tuk Kali di Sega dan Tuk Mamat Budu. Tetapi Tuk Kali belum berkelahi lagi; dilayannya musuh masuk keluar. Musuh mengajak melanggar ke hilir, disanggupnya; menanti bantu dari hilir. Maka Imam Perang Rasu pun sampai ke Budu. Dengan kerapatan, malam itu juga turun ke Sega kepada Tuk Kali; dua ratus orang askarnya. Sampai, dilanggar selalu. Maka Imam Perang Rasu tinggal di Budu, bicara dengan Tuk Lubuk yang belot, itu, mengambil musuh.

Maka pukul lima, Haji Muhammad Nor masuk kubu Tuk Kali. Sejurus muafakat, pukul enam setengah, dilanggar oleh Haji Muhammad Nor dengan orang-orang Tuk Kali.

Ada tiga jam lebih kurang berperang berhadapan dengan musuh. Dua kubu airnya, pecah.

Maka peranglah. Imam Perang Rasu menghantar seratus; minta Haji Muhammad Nor balik ke Budu dahulu, tinggalkan kepala-kepalanya, kerana di Budu Tuk Lubuk harus menjadi musuh besar. Tujuh hari lamanya sudah berperang, Panglima Perang Jelai pun datanglah membantu, jalan Hulu Talang, membawa askar.

Lima hari Tuk Raja, Panglima Perang di Sega, Encik Engku Da pun undurlah; diturut sampai ke sempadan dan Selangor. Sekalian Rawa tiada undur, mengaku kesalahan. Maka diampunkanlah. Demikian juga Tuk Lubuk. Tetapi dibunuh tiga orang kepala-kepala yang dibawahnya.

Sudah selesai, hilirlah Imam Perang Rasu dan Haji Muhammad Nor. Panglima Perang tinggal bermain-main di atas jeram; hilir, singgah kepada Tuk Kaya Lipis; banyak menerima kasih kepada Imam Rasu berdua Haji Muhammad Nor. Maka teruslah balik ke rumahnya masing-masing. Kemudian Imam Perang Rasu hilir ke Pekan, menghadap raja Tuk Bendahara Siwa Raja, menyembahkan keselamatan peperangan.

Akan hal sekalian itu kudrat iradat Tuhan, semuanya datang daripada Maharaja Johor, Temenggung Abu Bakar. Berapa ratus ribu wang yang habis, ia mengaku hendak tolong juga. Tetapi sekalian orang Pahang yang lari dari Pahang dihimpunkannya di Tanjung Puteri hingga sampai ke Sedili, dan lebih dua puluh ribu. Teranglah pandangannya. Akhirnya menjadi keuntungan kepada(nya). Dan Maharaja Johor cuba membuat kapal api sebuah di Eropah, cukup kuat. Niatnya, kapal itu hendak melanggar Pahang. Sudah, segera bawa balik ke Singapura. Sampai, dicuba, tersangatlah lajunya.

Maka pukul sepuluh, turun Maharaja; singgah di Gobermen' Haus, mengambil Tuan Gabenur. Sekalian orang besar-besarnya sudah hadir menanti di dalam kapal dengan *dress*nya. Sampai jam, dilihat Maharaja

dan Tuan Gabenur tiada, tetapi anjinir kapal itu sangatlah gaduh. Dibawa datang anjinir kapal lain, dua tiga, menolong. Akan hal Datuk-datuk, tiada mengambil tahu kerjanya. Kononnya, Maharaja hendak turun, ditahan oleh isterinya. Penat Tuan Gabenur menanti di rumah.

Dengan takdir Allah Taala, Tuk Bentara Jaafar dekat ke pintu pelahnya; dilihat ke bawah, apakah kerjanya dibuat oleh segala anjinir-anjinir di bawah itu. Maka kapal pun meletup, lebih kurang kepada halilintar bunyinya. Segala Datuk-datuk di atas habis diterbangkan oleh kapal itu. Dan anjinir dan segala orang-orang di bawah, habis mati. Orang yang di atas, mana-mana yang kena air panas, habis mati, bergelimpangan di tepi pantai. Tiga orang hilang sekali, tiada tahu ke mana-mananya. Dan Tuk Bentara untunglah selamat, luka sedikit hidungnya.

Maka Maharaja pun sampai dengan Tuan Gabenur, dukacitalah melihat kapal yang demikian. Maka banalah tangis anak laki-laki, perempuan orang-orang Teluk Belanga. Setengah bilang-bilang kepada rajanya, "janganlah tuanku berniat lagi menderhaka kepada paduka ayahanda yang di Pahang itu. Pangkatnya, tuahnya tinggi. Inilah kita dipertakdirkan qada Allah Taala; zahirlah daulatnya." Maka Maharaja pun tafakurlah, sugul, masghul. Demikianlah akhirnya. Sembahan Bentara yang bijaksana, "sudahlah, dengan sudah paduka ayahanda di Pahang, mencita-cita yang kejahatan, baik sebaiklah dicari jalan yang kebajikan. Di atas patiklah menjalankan kira bicaranya."

Maka Maharaja pun tersenyumlah mendengarkan persembahan orang besar-besarnya yang bijaksana. Dan Maharaja pun bertambah-tambah kasihnya kepada isterinya. Zahirlah tuahnya yang sehabis-habis besar. Maka disebabkan Allah, dialah menahannya Maharaja tiada berangkat itu. Masyhurlah kepada sekalian negeri.

Kemudian daripada itu, dicuba oleh Maharaja Johor menulis surat ke Pahang, mengutus meminta hendak berbaik-baik. Apa-apa yang telah sudah minta ampun, maaf. Di dalam beberapa kali, kedatangannya tiada (*hlm. 27*) diterima oleh orang besar-besar Pahang. Tambahan pesan baginda Terengganu, jangan sekali berbaik-baik dengan Maharaja Johor. Di Terengganu, dihantarnya dua buah kapal perang. Masa tengah perang, ditembaknya dua puluh empat dozen, tiada dengan kesalahan, ialah dengan sangka-sangkanya saja. Berkat keramat Terengganu...

Dan Encik Engku Da dan sekalian anak raja-raja dan orang besar-besarnya pindah ke Kelang menolong Raja Dolah perang dengan Raja Mahadi; dengan beberapa lamanya, berselisih kiranya dengan Raja Dolah. Muafakat dengan Raja Mahadi, janjinya, apakala menang, Raja Mahadi mengaku akan menolong Encik Engku Aman hendak melanggar Pahang, "tetaplah Encik Engku Aman."

Imam Perang Mat Akil pun bekerjalah di sebelah Raja Mahadi. Segeralah menang. Raja Mahadi menjadi Raja Kelang, meminta tempoh

kepada Encik Engku Aman setahun, mengimpunkan ringgit, boleh ditolong melanggar Pahang. Maka sekalian orang Pahang pun menantilah dengan suka ria hatinya; cakap pun besar, kononnya, Maharaja Johor tiada mahu menolong lagi.

**Peperangan Selama Sembilan Bulan**

***Alkisah cetera dua puluh lapan,*** Maharaja Johor pun membuat satu pengaduan kepada Tuan Gabenur. Di dalam pengaduannya, Sungai Endau itu Maharaja Johor yang punya. Dia dapat pemberian mentuanya iaitu Datuk Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir almarhum dengan surat cap, saksinya. Maka Tuan Gabenur pun menulis surat kepada Yang Mulia Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad, empunya kerajaan negeri Pahang, tersebut dakwa Sungai Endau ia punya, dengan syarat, dituliskan. Maka dengan segera dijawab oleh Datuk Bendahara Siwa Raja, "bukan sekali-kali; tiada kena-mengena dengan Maharaja Johor." Dengan kenyataan, diberi mafhum kepada Tuan Gabenur.

Kemudian daripada itu, Tuan Gabenur menulis surat lagi. Di dalam beberapa banyak bertulis-tulisan dan berjawab-jawab dengan Tuan Gabenur. Maka nampaknya Tuan Gabenur sangat-sangat menolong kepada Maharaja Johor.

Kemudian daripada itu, Gabenur datang sendiri ke Pahang; dibawanya bersama-sama Maharaja Johor dengan sekalian orang besar-besar dan orang-orang Pahang seperti Engku Sayyid dan lain-lainnya, akan jadi saksinya. Kononnya, Gabenur berjanji dengan Maharaja Johor, sampai ke Pahang, jikalau raja Pahang marah, jangan Maharaja panas hati.

Maka sampai ke Pahang. Maka penghulu Kuala Pahang memberitahu kepada raja, mengatakan Tuan Gabenur sampai. Maka sabda raja suruh sambut dan tembak meriam tiga kali. Sekalian isi negeri berhimpun segera membawa kesiapan

Maka balairung seri dan paseban istana dihiaskan dengan selengkapnya kerana menyambut Tuan Gabenur.

Maka sampailah Tuan Gabenur ke jambatan. Maka disambutlah oleh orang besar-besar dan raja dengan beberapa kemuliaan dan kehormatan. Maharaja Johor ada bersama-sama, naik ke paseban dengan Tuan Gabenur, bersemayam sejurus. Maka Tuan Gabenur pun bercakaplah dengan lemah-lembut kepada Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad. Katanya, "saya datang ini kepada Tuan Raja, dengan seberapa harap, Tuan Raja mendengar nasihat saya. Adapun saya sekarang, laksana dua anak, sudah berbalah, keduanya sayang. Fasal Sungai Endau, harap Tuan Raja beri kepada Maharaja Johor, sebab ia sudah menerima pemberian Datuk Bendahara Seri Maharaja Tun Tahir."

Maka jawab Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad, "tidak sekali-kali saya mahu memberi kepada Encik Abu Bakar ini," ditunjukkan dalam

kalam kiri, "tiada kena-mengena dengan saya pemberian Datuk Bendahara Tun Tahir. Ini negeri saya ambil dengan ubat peluru. Saya punya abang itu sudah kalah. Dan Encik Wan Abu Bakar semua yang ada ini, meninggalkan Pahang dengan lari. Di mana ada kuasa lagi di Pahang? Jikalau tiada puas hati, boleh perang lagi dengan saya, tetapi jangan masuk dengan pihak gobermen Inggeris. Tiadalah upaya saya, tidaklah saya mencita-cita akan berlawan dengan Inggeris."

Maka Maharaja dan segala yang ada semuanya tunduk, lalu dijawab oleh Tuan Gabenur dengan halus manis. "Dan lagi, saya menyatakan kepada tuan, adapun sempadan Pahang dengan Johor itu dekat tanjung Leban. Maka sekarang dikehendakkan Endau; bukan sedikit daerah saya yang dikehendakkan itu. Kerana itulah saya dukacita."

Maka Tuan Gabenur pun berulang-ulang dengan halus permintaannya itu, "haraplah juga kepada Tuan Raja, kabulkan." Maka Datuk Bendahara Siwa Raja pada bersilip dengan panas hatinya, diturunkanlah. Maka itulah sebabnya Endau di sebelah kiri dapat kepada kerajaan Johor.

Maka Tuan Gabenur pun balik, serta sekalian. Maka Maharaja Johor pun puaslah hatinya oleh (*hlm. 28*) kerana pertolongan Tuan Gabenur, tetapi menerimalah perkataan yang cemar, kerana menurut hawa dan nafsu. Sekalian mereka yang berhimpun, anak raja-raja dan tuan-tuan, memohonlah balik masing-masing.

Maka lama dengan kelamaan, mendapatlah khabar, katanya Encik Engku Aman, Encik Engku Da akan melanggar Pahang, membawa angkatan yang besar, pertolongan Raja Mahadi, ikut jalan Hulu Selangor. Maka sekalian Rawa yang di dalam Raub, bulatlah mengambil[nya] hulubalangnya: Sayyid Deraman, Imam Perang Mat Ariff, Encik Embok, Tuan Kechut, Panglima Tujuh Lapis dan segala Imam Perang Rawa, lebih seribu orangnya. Encik Engku Aman sendiri menjadi Imam Perang.

Kedengaranlah kepada Tuk Kaya Lipis, (ia) pun bersiaplah, melawan musuh akan datang itu. Dan anaknya Tuk Muda Sentul menja(di) pahlawan sendiri, membawa sekalian hulubalang, berkubu tiap-tiap tempat, menanti. Habislah sekalian daerah dikerah melawan dengan sungguh-sungguh hatinya. Imam Perang Rasu pun menyuruh menyembahkan kepada raja ke Pekan, memaklumkan hal musuh yang demikian. Maka segeralah raja melepaskan mereka itu balik; dikurniakan ubat peluru, senapang kepada Imam Perang Rasu dan kepada Tuk Kaya Lipis.

Maka langgaran musuh pun sampailah, terlalu kencang perangnya. Maklumlah, Sayyid Deraman, Imam Perang Mat, orang yang sangat berani. Dilanggarnya Kuala Pa dekat Tema.

Di dalam tiga hari, lapan kubu pecah dilanggarnya. Imam Perang Rasu belum sampai lagi. Dukacitalah Tuk Kaya Lipis; minta pertolongan pada pihak Panglima Perang Jelai. Ia berdiam diri, bersiap

kampung sendiri; tiada mahu dicampur lagi pekerjaan Tuk Kaya itu.

Di dalam pada itu, Imam Perang Rasu pun sampai, tetapi orangnya tiada berapa banyak dibawanya, kerana tengah berkerah. Maka Tuk Kaya pun menyuruh kepada Khatib Bakar empat orang, membawa surat dan sapu tangan pada Haji Muhammad Nor, "jikalau ada muafakat, sampai surat ini, minta anakanda datang dengan segeranya ke Lipis, Kampung Tema."

Masa itu, Encik Lambak Benta ada di dalam Tembeling, membeli getah taban dan kerip bersama-sama dengan Haji Muhammad Nor. Sampai surat itu, dengan segera dibawa kepada Encik Lambak, maka dimesyuaratkan. Dengan fikiran Encik Lambak, hilir, menghadap raja, "banyak kebajikan, kerana kita hendak berperang."

Maka hilirlah dengan segeranya menghadap Yang mulia, disembahkanlah keadaan yang telah berlaku. Yang Mulia pun segeralah bersabda kepada Haji Muhammad Nor, suruh mudik segera. Dikurniakanlah ubat bedil, peluru, senapang dengan secukupnya bagi alatan Haji Muhammad Nor. Dan dikurniakan lagi ubat peluru, senapang, dikirim kepada Tuk Kaya Lipis dan Imam Perang Rasu, Tuan Chik Jenerak.

Maka saratlah perahu Haji Muhammad Nor, dikurniakan segala jenis alat senjata. Dan dikurniakan orang sekalian Tembeling akan jadi askarnya, serta dititahkan sangkat Sanggang Teh Muhammad ke hulunya; kerah sekalian mereka. Segala ketua-ketuanya boleh dibawa mudik mereka-mereka sekalian.

Maka Haji Muhammad Nor pun rapatlah itu kepada segala ketuaan; semuanya menurut, mengikut mudik masuk Tembeling. Berkerah sekalian mereka; siap sekalian perahu.

Maka melangkahlah Encik Lambak Benta; banyak sukacita melihat angkatan Haji Muhammad Nor berlengkap pergi perang, disabdakan oleh Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad membantu Tuk Kaya Lipis, seperti angkatan hulubalang yang besar-besar dan pandai menyatukan ikatan dengan segala ketuaan menurut ia. Dengan segeranya sampai ke Lipis, Pengkalan Benta. Segala perahu ditinggalkan; berjalan kaki dengan segala ketuaan, bersama-sama dengan alatan perang. Dengan segeranya sampai kepada Tuk Kaya Lipis dan Imam Perang Rasu. Maka Tuk Kaya Lipis banyak sukacita hatinya menerima kedatangan Tuan Haji Muhammad Nor, menyempurnakan janji.

Demikianlah Imam Perang Rasu, Tuan Haji Muhammad Norlah akan timbalannya. Masa itu, pihak kepala yang datang daripada raja, berkuat-kuasa kudratnya. Imam Perang Rasu dan Tuk Muda Sentul, anak Tuk Kaya, sangatlah sukanya dapat timbalan yang baik. Katanya, "kita hendak menang perang."

Syahadan, ada seorang yang bernama Imam Perang Usoh, timbalannya Panglima Sutan. Maka sangat beraninya dan hebat, tokoh hulubalang pada masa itu. Ialah Imam Perang yang besar di bawah

Tuk Kaya Lipis, pandai mengikat(k)an perang dan tetap perlawanan(nya). Ketuaannya, Tengku Abdul Samad dan Tuk Muda Utih di Kali. Maka sangatlah berbaik-baik dengan Haji Muhammad Nor sekaliannya itu, seperti orang adik-beradik; bertolong-tolong di dalam kesusahan berperang, oleh kerana budi dan bahasa Tuan Haji Muhammad Nor, pandai mengambil hati sahabat.

Maka Haji Muhammad Nor pun membuat kubu besar, tempat duduknya. Dan membuat kubu panas (?), empat buah, berhadapan dengan musuh. Masa membuat itu, kubu dilanggar oleh musuh. (*hlm. 29*) Maka dilawan oleh Haji Muhammad Nor, berperanglah. Maka dengan kelamaan siaplah kubu. Musuh undur.

Di dalam tiga hari, muafakat Imam Perang Rasu, Tuan Haji Muhammad Nor dan segala Imam Perang yang di bawah Tuk Kaya Lipis; dipukul dengan keras, dapat lapan kubu-kubu musuh. Maka banyaklah luka, mati di sebelah pihak musuh. Maka undurlah musuh, berkubu di kali; rajanya di Bukit Gelanggang, kubu besar.

Ada kepada suatu hari, maka Imam Perang Rasu berperang besar di padang dari pagi hingga sampai malam. Sekalian hulubalang menunjukkan keberanian sebelah-menyebelah. Maka berdamparlah Imam Perang Rasu dengan Tuan Haji Muhammad Nor di tepi Sungai Kali dengan musuh; ditembak oleh Imam Perang Rasu, kena satu kepalanya yang bernama Raja Ibrahim, tumbang. Maka mara kawannya ke hadapan, ditembak oleh Tuan Haji Muhammad Nor, tumbang juga. Maka berkelahilah, tindih segala kepala-kepala di sebelah -menyebelah. Musuh pun tiada berhingga menahankan mayat itu. Hari pun malam. Masing-masing balik ke kubunya. Banyak luka, mati di sebelah menyebelah.

Di belakang, dua hari, dibalas oleh musuh. Tuan Haji Muhammad Nor turun kepada Tuk Kaya di Tema, mengambil makanan-makanan. Askar yang membawa senapang empat puluh orang, lain daripada kuli. Maka diadang oleh musuh dijalan, tempat Bukit Berapit. Tuan Haji Muhammad Nor balik membawa barang-barang. Musuh pun menembak dengan banyak sekali; dan banyak kuli kena pada sekali tembak itu. Maka berlawanlah dengan Haji Muhammad Nor.

Dengan kelamaan, musuh pun undur kerana diserang oleh Imam Perang Rasu, di sebelah kiri. Maka hari pun petang, balik; banyak luka, mati.

Maka keesokannya, sampailah Imam Perang Encik Endut dari Pekan, membawa sabda, dengan angkatan, suruh melihat perkelahian Datuk Imam Perang.

Pada hari itu juga musuh melanggar dengan kuatnya, kena seorang, Baginda Musin, orang Rawa. "Pihak kita sudah berlingkung oleh musuh", orang memberitahu kepada Imam Perang Rasu, "minta tolong." Maka segeralah Imam Perang Rasu menolongnya. Maka tengah menyeberang paya, musuh menanti di kiri kanan. Maka tiadalah

dipedulikan, datang membantu juga. Maka sampailah ia ke tempat orang berperang itu. Musuh melingkung. Dipintas oleh Imam Perang Rasu di sebelah kanan. Ada sejurus berperang, maka musuh pun undurlah.

Maka dapatlah Imam Perang Rasu mengambil orang luka dan mati itu. Kemudian, Imam Perang Encik Endut sudah melihat sekalian kubu-kubu; empat hari lamanya. Ia pun balik hilir ke Pekan.

Sampai tujuh bulan lamanya peperangan, sangatlah azabnya sekalian orang-orang, kerana makanan kurang. Tetapi padi ada banyak jadi. Tetapi kesusahan sangat, kerana tiada berhenti peperangannya malam siang, berkelahi, tiada boleh mencari apa-apa berjalan jauh sebab perbuatan orang Rawa Mendeling, berpintas-pintas. Itulah kerjanya.

Syahadan, masuk delapan bulan, Imam Perang Rasu pun muafakatlah dengan segala panglima yang lain-lain, hendak melanggar Raub, satu pakatan.

Maka bersiaplah Imam Perang Rasu dan Tuk Kaya Lipis dan Imam Perang Usoh, Imam Perang Abu Bakar dan Panglima Garang Seman dan Encik Perang, dua ratus orang askarnya Maka berjalanlah. Malam yang mula-mula itu tiada lepas, kerana hujan besar. Tenggelam jalan-jalan; balik ke Hulu Kali, berhenti dua hari. Berjalan semula. Pukul tiga malam, sampai ke Raub. Maka Imam Perang Rasu pun mengaturkan sekalian askarnya. Setengah melanggar kubu Sempalit. Pukul lima pagi, dipukullah. Sekalian kedai di dalam Raub itu dibakar, habis semuanya. Maka kubu Selampit pun pecah. Banyak orang-orang mati dibunuh, setengah ditangkap. Datang tindih daripada Encik Engku Aman, berlawanlah.

Di dalam begitu juga, Encik Engku Aman dan Encik Engku Da pun susah hati. Tambahan, pihak Orang Kaya Bahaman Semantan menutup segala jalan-jalannya. Maka di dalam antara itu, Encik Engku Aman pun menyuruh membawa istiadat perang, hendak tunduk. Maka oleh itu, diterima oleh Imam Perang Rasu dengan Tuk Kaya Lipis permintaan Encik Engku Aman itu, minta jalan hendak undur. Sekalian orang-orang yang menjaga jalan, minta ambil balik. Maka dengan timbangan, anak saudara raja, diluluskan. Tiadalah patut dibinasakan tubuh badannya; diberilah jalan sekalian.

Maka Engku Aman pun undurlah dengan selamat sempurnanya. Maka dihantar oleh Imam Perang Rasu sampai di sempadan Pahang.

Maka peperangan itu sembilan bulan genap. Sekalian habislah balik dengan kesukaan, menang perang. Maka Imam Perang Rasu terus hilir, menghadap ke Pekan, menyembahkan peperangan telah menang. Raja pun tersangatlah suka, menerima kasih serta kurniakan persalinan, adanya.

Syahadan, maka Yang Amat Mulia Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad zahirlah seorang putera laki-laki. Bondanya Cik Pah, disebut namanya Tun Mahmud. (*hlm. 30*)

**Istiadat Bertindik**

***Alkisah cetera dua puluh sembilan.*** Yang Mulia Datuk Bendahara Siwa Raja berangkat mudik ke Chenor laki isteri serta orang besar-besar, hulubalang, menteri. Angkatan perahunya berpuluh-puluh buah, melihat negeri, bersuka-suka, bermain-main. Tambahan Tuk Kaya Husin Chenor baharu digelar, hendak melihat pemerintahan. Maka sampai Yang Mulia ke Chenor. Tuk Kaya pun sambutlah dengan mulianya serta disediakan kota istana, bersemayam Yang Mulia itu di Chenor.

Tidak berapa lamanya, Yang Mulia Cik Puan Bongsu pun bersalin. Maka beristiadatlah raja yang besar-besar. Puteranya perempuan, dinamanya Tun Selamah. Tiada berapa lama, mangkat.

Maka Yang Mulia berangkatlah mudik hingga masuk ke dalam Semantan. Dan lepas itu langsunglah ke Sanggang, bermain-main. Tiap-tiap ketuaan sambut dan menyambut dengan hormatnya, bersedia dengan balai, tiap-tiap tempat. Disembelihkan kerbau, lembu serta sekalian jenis pesembahan oleh kerana sangat-sangat suka; kembang hatinya memandang junjungan mahkota berangkat. Sekaliannya tiada puas dan jemu menghadap oleh kerana tegur sapanya dan tulus ikhlas mesranya. Teh Muhammad Sanggang terlebih kepada ketuaan yang lain; mengadakan persembahan dan permainan, kerbau sabung dan biri-biri sabung. Maka raja pun kasih kepadanya.

Kemudian daripada itu, berangkatlah hilir, balik di Kampung Sentang, bersemayam satu malam, bermain-main. Kemudian hilir, terus ke Chenor setelah diiringkan sekalian hulubalang.

Maka adapun rumah yang dihiasi oleh Tuk Kaya dijadikan istana, iaitu rumah Tun Mahmud bin Tun Buang, anakanda saudara kepada raja. Maka pada masa itu, banyaklah dianugerahi kepada Tun Mahmud jenis harta, emas, perak, kain baju yang baik-baik.

Setelah beberapa lama bersemayam, hendak berangkat hilir, balik ke Pekan. Maka dapatlah suatu khabar yang indah. Hulu Tekam banyaklah pelik-pelik dan elok dan rumahnya cantik; khabarnya dayang-dayang zaman Almarhum Lubuk Pelang. Akan hal tempat itu, seorang pun tiada berani pergi, takut akan rakyat besar, panjang. Tapak kakinya tiga jengkal kononnya, lebarnya dua jengkal. Maka Datuk Bendahara Siwa Raja dipanggilnya Imam Perang Rasu, dititahkan suruh cari, langgar, jikalau ada; dilawan sekalian Sakai di dalam Tekam itu. Maka sembah Perang Rasu, "taatlah patik mengerjakan titah."

Kemudian, raja pun berangkat hilir, ke Pekan. Maka Imam Perang Rasu pun mudiklah, berkerah sekalian anak buah pengangannya, beratus-ratus; diajak masuk Sungai Tekam dengan alat senjatanya, seperti hendak berperang. Maka ratalah dicarinya di dalam Tekam itu, tiadalah ia berjumpa dengan Sakai-sakai. Yang lain hanyalah ada dua tiga belas kelamin sahaja yang selalu turun di Kampung Kuala dan

Pulau Tawar, membawa damar dan rotan.

Kemudian, balik hilirlah Imam Perang Rasu, keluar ke Sungai Pahang dengan terus hilir ke Pekan, menghadap raja, persembahkan, tiada; dan ialah bohong orang-orang sahaja. Maka raja menerima kasih di atas kepenatan itu.

Syahadan, Yang Amat Mulia pun bersabdalah kepada Imam Perang Rasu. Sabdanya, hendak bekerja akan puteranya bertindik, Tun Long. Kemudian, lalu disuruhnya kepada Haji Muhammad Nor, membawakan cap kepada sekalian orang besar-besar semuanya di sebelah Hulu Pahang, kerana Yang Amat Mulia raja hendak bekerja.

Maka apakala sampai sahaja surat cap yang dibawa oleh Haji Muhammad Nor itu kepada sekalian orang besar-besar, maka dengan serta-merta membawa persembahan dengan beberapa barang, tiadalah dikirakan; dengan berpuluh ribu gantang beras dan ratus ekor kerbau-lembu, kambing biri-biri dan ayam, ribu, puluh ribu telur. Dititahkan Tuan Mandak membuat paseban yang agung; Datuk Syahbandar membuat balairung seri lima ruang dan Tuan Besar Pulau Manis membuat istana baharu, timbalan istana lama; Datuk Dalam membuat kelengkapan sekalian jenis di dalam istana; Tengku Panglima membuat pintu gerbang sebelah hilir; Tuan-tuan Kampung Masjid membuat pintu gerbang sebelah hulu; Imam Perang Raja membuat pintu gerbang yang besar di hadapan istana; Tuk Muda Yahya membuat istana di pantai.

Kemudian itu, masing-masing dengan alatan pekerjaan, sekalian kelengkapan, berjenis-jenis bangsal bermasak, bangsal makyong, mendora, panggung judi, jambatan ke laut. Sekaliannya sudah dengan segeranya. Dan penyuruhnya ke Singapura pun balik, membawa sekalian jenis macam alatan-alatan; lampu, kandil dan setiram dan jenis hamparan yang besar-besar semuanya. Sudah siap, menanti masa dan ketika yang baik.

Syahadan, setelah siap, sekalian datuk-datuk di sebelah Hulu Pahang, daerah jajahan (*hlm. 31*) Pahang yang di sebelah pantai laut, semuanya datang, membawa persembahan bermacam-macam anika. Yang pertama, Orang Kaya Indera Pahlawan Chenor; kedua, Orang Kaya Indera Segara Temerloh; ketiga, Maharaja Perba Jelai; keempat, Orang Kaya pahlawan Semantan; kelima, Tuk Kaya Setia Wangsa Lipis; keenam, Tuk Kaya Setia Muda Bangau; ketujuh, Datuk-datuk sekalian.

Maka sudahlah siap balai gambang yang telah diperbuatnya. Dan jenis persembahan cukup lengkap, dengan kerbau, kambing. Sekalian kelengkapan persembahan itu dengan tarafnya. Maka balai gambang itu dengan tiang benderanya. Kata sahibulhikayat, jikalau kepada zaman itu, sebuah balai gambang itu tiada cukup belanjanya $3000, kerana sangat-sangat elok perbuatannya dan serta besar, lagi panjang.

Itulah yang dipersembahkan oleh orang besar-besar kepada rajanya, akan bertolak hilir.

Maka setelah siap, genap kelengkapannya, siaplah pula Datuk Orang

Kaya Syahbandar, meletakkan undang-undang, adat-istiadat raja-raja bekerja, larangan yang tiada boleh dipakai di dalam istana bagi perempuan, laki-laki, di atas balairung seri.

Kepada masa hari yang baik, maka berhimpunlah orang besar-besar. Dimulai menggantung di dalam istana, kemudian, di atas balairung seri. Sampai ketujuh hari, diangkatlah bendera kerja, bagaimana istiadat orang menarik bendera itu, berselawat tiga kali berturut-turut. Maka menyahutlah sekalian orang. Bendera pun ditarik, meriam dipasang; dari tarikh itu, sampai sesudah kerja, pagi petang, tiada khali. Bendera, siang malam tiada diturunkan. Dimulailah menyembelih kerbau, lembu, kambing biri-biri, berjamu sekalian orang besar-besar. Lebai haji membaca doa selamat.

Maka Datuk Pertanda pun bercananglah, menyatakan kepada sekalian isi negeri akan larangan yang tiada boleh diperbuat. Maka bekerjalah raja siang malam.

Di dalam itu, sekalian orang besar-besar pun sampailah pula, membawa persembahan serta balai gambang. Tiap-tiap orang besar hilir itu, berhenti di kampung Orang Kaya Indera Syahbandar; dan dialah membawa hilir. Maka disambutlah oleh orang raja sambutan kerajaan dengan kemuliaannya, di darat dan di sungai; dengan darat ditembak meriam, berdampar sebelah-menyebelah, seperti kelakuan peperangan yang besar. Bunyi suara manusia, ke atas udara tempik soraknya. Sampai di balai gambang ke pangkalan, dilabuhkan. Naiklah sekalian mereka, membawa jenis persembahan ke dalam kota. Maka Datuk penghulu istana menerimalah persembahan itu dengan hormatnya. Ditentukan nama masing persembahan itu, supaya tarikh persembahannya di dalam satu lis daftarnya.

Maka inilah peraturan sekalian persembahan yang datang itu semuanya.

Kemudian daripada itu, sekalian anak merdeheka, yang suka, membawa persembahan sendiri, kadar tarafnya; diterima oleh raja, dimasukkan di dalam daftarnya. Maka sekalian permainan, makyong, joget, mendora dan judi, tiadalah berhenti siang malam. Sabung tiap-tiap petang. Segala pendekar bersilat. Maka sekalian permainan itu tiadalah dapat diperikan. Tiap-tiap tiga hari, sekali jamuan besar. Dan tujuh hari sekali, jamuan yang terlebih besarnya.

Maka adalah Yang Amat Mulia Cik Puan Bongsu membela joget empat orang, sangatlah cantik rupa parasnya dan pasangan empat orang itu sebaya, tiada beda. Apatah lagi permainan tarinya, oleh kepandaiannya, masuk ajaran; Cik Puan Bongsu sendiri melatihnya.

Kata sahibulhikayat itu, dahulu kala pun sukar mencarinya, apatah lagi zaman ini. Pada masa ia bermain, dikeluarkan di balairung seri, sekalian mereka semuanya gila [semua] melihat tari dan parasnya, tiada jemu dan puas pada pandangan. Jikalau hari hujan, tiada disedarkan basah kainnya; jikalau belum makan, tiada lapar rasa perutnya, hingga

ternganga memandangkan joget bermain. Sehingga berhenti baharulah ingatkan apa-apa yang ditanggungkan pada badannya. Demikian juga Cik Besar, empat orang jogetnya; serupa juga parasnya, tetapi kurang sedikit. Itu pun banyak juga orang gila berahi melihatkan permainan tarian itu.

Maka di dalam pekerjaan itu, membuat usungan berarak, Engku Sayyid, Tun Abdul Rahman; Tuan Mandak mengadakan usungan nasi; Tuan Hitam Menteri Kampung Masjid mengadakan sekalian jenis kelengkapan hinai. Dan segala kepala raja-raja yang lain-lain yang tersebut di bawah ini bersiapkan perahu; berarak di dalam sungai, bercap putih, hijau, kuning, merah, tertulis Kajang Rahmat. Disediakan bom tempat lela meriam. Bukan kepalang indah diperbuatnya oleh kepala-kepala. Inilah disebutkan orangnya: Tuk Kaya Chenor, Tuk Kaya Temerloh, Maharaja Perba Jelai, Tuk Syahbandar *(hlm. 32)* Wan Chik Pulau Manis, Orang Kaya Pahlawan, Tuk Muda Yahya, Tuk Muda Jibik, Tuk Dalam dan lain-lain. Datuk-datuk sekalian itu membuat bertewas-tewasan perahunya itu, berjenis rupa yang cantik-cantik; tiadalah dapat dibandingkan masa itu.

Maka sekalian balai gambang berlabuh di dalam sungai, sangatlah banyaknya, puluh-puluh, bersusun, rupanya seperti janjaran kapal-kapal laut. Tiap-tiap malam dengan beribu-ribu api dipandang dari darat. Maka sekalian adat-istiadat semuanya kepada Tuk Syahbandar. Tambahan, pada masa itu, Encik Lambak, abangnya, tengah muda, masa orangnya sangat bijaksana, hebat. Tiada puas kita mendengari percakapannya.

Maka sekalian hidangan berangkat di atas balairung seri dengan peraturan perangkatannya. Semuanya anak buah Tuk Syahbandar, tiada boleh orang lain-lain. Jika dicampur lain orang, salah kepada adat peraturan, kerana sudah diadatkan selama-lamanya. Maka telah siaplah, baharu diangkat. Maka masaklah. Lama bekerja, siang malam. Sekalian peralatan perarakan sudahlah siap. Di dalam itu, Engku Sayyid pun mangkat, digantikan Tuan Hitam pekerjaan Encik Engku Sayyid itu, serta dengan orang-orangnya, dipulangkan kepadanya.

Maka di dalam itu, sampai masa, berarakiah. Mula-mula berarak hinai, berturut-turut tiga kali, tiga hari. Kemudian, berarak perahu dan darat, tiada dapat diperikan besar arakannya. Mula-mula berlepas, dilumbakan sekalian perahu besar-besar; kecil-kecil sama-sama kecil; berdayung sama berdayung, berkayuh sama-sama berkayuh; bertaruhkan ringgit beribu-ribu sekalian Datuk-datuk. Kemudian baharulah berarak betul. Diambil mendora, makyong bawa berarak ke dalam perahu, dengan gong-gondangnya, meriam dan lela, senapang pada sekalian perahu, dimasukkan.

Maka bunyinya mengarus. Dan demikianlah bunyi manusia di sungai dan darat; tiadalah apa lagi kedengarannya dengan sorak tempik bunyinya.

Sudah selesai berarak perahu, maka naiklah berarak ke darat, masuk ke dalam kota. Maka mengaruklah sekalian anak raja-raja, orang besar-besar dan segala juak-juak, berpasuk-pasukan, hingga kelam-kabutlah. Sampai ke udara bunyi suara selawat. Kemudian masuk ke dalam kota; disambutlah dengan segala bunyi-bunyian di dalam istana dengan dikirnya. Berdampar kedua itu. Tiadalah dapat hendak dikatakan. *Rabbul-Alamin* yang ketahuinya.

Di dalam hal itu, berbunyilah gong besar, dan berdiri cogan alamat oleh Tuk Bentara. Maka sekalian mereka pun senyap-sunyilah, duduk semuanya, tiada bersuara lagi. Hanyalah yang tinggal sekalian pegawai yang memerintahkan ke sana sini. Maka hari pun malamlah.

Demikianlah arakan-arakan yang lain-lain. Maka arakan yang sudah menghadap Tuan Puteri itu pun diarakkan di dalam sungai mulanya, langsung Encik Muda mengisi meriam yang bernama Situnggal, (di) gusurnya dengan air. Maka meletup Situnggal. Dan cacat tangan Encik Muda, dihantar balik. Orang berarak juga. Itulah arakan yang terlebih besar. Makyong, orang berdikir, dibawa di atas usungannya. Dan joget, dibawa dengan gamalannya.

Maka sekalian mereka pun tidak berapa sedarkan dirinya melihatkan joget bertari itu. Beraraklah keliling kota tujuh kali, balik masuk ke dalam kota. Joget Cik Besar menyambut, bertari di balairung. Maka berdamparlah tari yang kedua itu. Demikianlah bunyinya. Maka menusuplah permainan yang lain.

Maka turunlah Tuan Puteri di dalam istana dengan pengiringnya. Dan yang membawa, datin-datin perempuan, Datuk-datuk semuanya, serta dengan istiadat, menyambut Tuan Puteri yang berarak, membawa puan. Tertibnya tiadalah dapat diperikan, eloknya dan mulia. Disambut ambillah Tuan Puteri itu dengan takzimnya, dibawa masuk ke istana. Telah menanti tuan-tuan puteri dengan bersama-sama mengatur di pintu paseban, dengan dihambur emas, perak serta beras kunyit. Permaidani jalan sudah berbentang, dari jalan hingga ke dalam istana. Joget bermain bertalu-talu lagu yang cantik; dibawalah masuk ke dalam istana, bersemayam di atas takhta singgahsana, dihadap oleh sekalian jawatan bagaimana istiadat; santap nasi tabak bersetakona tujuh tingkat, batangnya perak, daunnya emas. Sangatlah cantik di majlis. Sekalian khalayak memandang tiadalah bandingnya seperti itu. Dan anak teruna bersemayamkan di balairung seri takhta rawana singgahsana, iaitu Tun Mansur, yang telah dikerjakan itu.

Itulah khatan. Cukuplah bagaimana istiadat diperbuat oleh paduka kakanda. Tiadalah diperbezakan dengan puteranya.

Dengan kelamaan, sepuluh bulan genap menghabiskan pekerjaan, berjamu besar. Beberapa kerbau, lembu, kambing biri-biri yang disembelihkan. Sekalian orang besar-besar, datuk-datuk menteri dan pegawai, anak (*hlm.* 33) menderheka yang patut, dipanggillah. Hadir semuanya.

Maka dijamulah sekalian mereka itu makan nasi gulai; kemudian penganan zuadah yang lazat-lazat. Maka berangkat jamuan itu dua belas kali. Tiap-tiap kali dengan istiadatnya, membawa tertib, dari pukul tujuh malam sampai pukul enam pagi. Dan sekalian yang berangkatkan makanan itu semuanya disuruh (bawa) balik. Dikurniakan kain pemungkusnya dengan tarafnya masing-masing: ada yang kain sutera, ada yang kain Bugis, dikecualikan anak raja-raja kerabat dan Orang Besar Yang Berempat yang telah dikurniakan tabak, daunnya emas, batangnya perak. Pada masa berjamu Maulud Nabi yang besar, yang pertama, dikurniakanlah kain yang terlebih daripada yang tersebut itu.

Maka kemudian daripada itu, bersiramlah siraman selamat. Tiadalah dapat hendak diperikan besarnya permainan-permainan; dibebaskan dari istana sampai ke tanah, bersimbahan laki-laki perempuan, beratus-ratus koyan airnya. Habislah basah sekalian anak baik-baik dengan pakaian yang cantik, kain baju yang mahal-mahal harganya; tiadalah diindahkan oleh sekaliannya, kerana membesarkan (pe)kerjaan raja. Kemudian, dikurniakan persalinan masing-masing itu dengan tarafnya. Selesai daripada itu, berangkat zuadah yang lazat di atas balairung seri. Berjamulah sekaliannya. Dan segala lebai dan haji membaca doa selamat.

Syahadan, di belakang, tiga hari, dikeluarkan joget, bermain-main di paseban dan balairung, berturut-turut tiga malam. Dan dibebaskan sekalian mereka, boleh datang melihat laki-laki, perempuan.

Maka malam yang keempat, baharulah maulud.

Sekalian anak raja-raja, orang baik-baik dan datuk-datuk, naik, menggebeng joget Yang Mulia Cik Puan Bongsu, di atas paseban yang agung. Pada malam itu, pakaian joget terlalu cantik dan lebih kepada lain-lain malam. Sekalian jenis pakaian dikurniakan pakai bintang bertatah intan berlian, pending permata, intan, mutiara, zamrud yang besar-besar. Apatah lagi kain bajunya. Hairanlah sekalian khalayak memandangnya. Dan tarinya itu pun terlebih cantik (dari) pada lain malam. Maka berpatutanlah dengan rupa joget yang cantik itu. Lalailah sekalian orang memandangnya, tiada sedarkan diri.

Adapun menggebeng itu bertewas-tewas, tetapi dengan ikhlas tarafnya juga. Anak raja-raja dan orang besar-besar, dari seratus ke bawah hingga empat puluh seorang. Anak merdeheka dan ketua yang kecil-kecil, dari tiga puluh sampai lapan puluh ringgit. Maka menggebeng itu, naik, dari balai lintang ke atas seri balai, berjalan mendapatkan joget; dibebaskan jalan berlenggang, membawa lagu, pakaian dengan tarafnya masing-masing. Sampai berdekat dengan joget, dengan tamaninahnya, sirih sekapur, bunga sekaki, diambil di dalam batil emas di tangan joget. Tengah menari, kemudian, baharulah diletakkan ringgit di dalam batil. Tiap-tiap seorang sampai keempat orang joget itu, beratus-ratus. Dua malam,

baharulah habis segala mereka menggebeng.

Kemudian, baharulah keluar joget Cik Besar, bermain di atas balairung seri. Demikianlah karenahnya sekalian mereka menggebeng, ditegak-tegunnya. Dimulai bermain pukul 8 malam hingga pukul 5 pagi. Dua pasukan joget bertari, puluh ribu kedapatan wang.

Kemudian daripada itu, sekalian mereka yang menggebeng itu keluarkan balasannya, buah minyak emas, sapu tangan bertabur, dengan tarafnya; besar dan kecil buah minyak itu. Dan setengahnya, balasannya, buah minyak gigi gading dan kuning tampuknya, emas. Itu pun dengan tarafnya masing-masing dikurniakan. Sekaliannya itu menjunjung kurnia dengan takzimnya serta suka hatinya, dijadikan satu zaman di belakang hari.

Tujuh hari, diturunkanlah bendera bekerja, genap sebelas bulan, adanya. (*hlm. 34*)

## Pahang dan Perang Klang

***Alkisah cetera tiga puluh***, lepas tiga hari daripada pekerjaan, dengan sekonyong-konyong datanglah Sonit, perempuan Imam Perang Mat Akil, masuk ke dalam istana, menghadap. Akan halnya, mereka itu semuanya musuh selama-lamanya. Maka terkejutlah raja, berangkat keluar dan periksa orang besar-besar, "siapakah datuk lihat seorang yang masuk ke dalam istana?" Sembahnya orang besar-besar, "tiada terpandang." Maka sabda raja, "jikalau orang mengamuk, dijauhkan Allah! Tentulah binasa betul."

Maka Sonit itu satu perempuan yang tawakal, berangkat masuk.

Maka Sonit pun menjunjung duli, berdatang sembah, "harapkan diampun beribu-ribu ampun, sembah hamba tengku, limpah kurnia, membawa paduka anakanda Encik Engku Da, ditinggalkan di Pulau Tambang, kawannya dua belas orang, undur di Selangor. Dan paduka anakanda Encik Engku Aman sudah tertawanlah oleh Sayyid Masyhur; dan paduka anakanda itu menyerahkan diri, laksana benang putih. Apa-apa warna ditanggunglah. Tetapi dia ada membawa sepucuk surat daripada anakanda Tengku Diauddin."

Maka sabda raja kepada Sonit, "baiklah, kalau sebarang-barang pun esoklah." Mengangkat tangan, Sonit memohon balik. Dan raja berangkat ke paseban, mesyuarat dengan orang besar-besar. Maka sembah orang besar-besar, "sebaik-baiklah kita terima paduka anakanda itu."

"Maka sabdakanlah Tengku Panglima dan Datuk di dalam dengan orang-orang lain, mengambil Encik Engku Da ke Pulau Tambang." Sampai, dijunjungkan sabda, "paduka ayahanda jemput hilir ke Pekan." Maka jawab ini, "taatlah menghadap."

Kemudian, hilirlah, sampai ke pangkalan istana. Disembahkanlah oleh Tengku Panglima, "sabda suruh naik." Yang Amat (Mulia) sedia

menanti bersemayam di paseban agung dengan sekalian orang besar-besar hadir di penghadapan.

Maka Encik Engku Da pun naiklah, diiringkan sekalian pegawainya; dan Encik Engku Da berpakaian putih.

Sampai ke hadapan Yang Mulia, membuang senjata, menyembah menjunjung duli dengan takzimnya. Mara tiga langkah, undur tiga langkah, membawa tertib; menyembah lagi, merapakkan sembah, menyerahkan diri laksana benang putih, tunduk hormat dengan tangisnya. Maka paduka ayahanda tafakur sejurus. Kemudian, baharulah disembahkan surat Tengku Diauddin serta dipersembahkan oleh Encik Engku Da hal yang termaklum. Surat disambut oleh Encik Abdullah kerani, dibuka, terus dibaca dengan fasih bacaannya,

> Surat daripada paduka anakanda Tengku Diauddin ibni almarhum Sultan Zainal Rasyid, yang telah menjadi wakil mutlak Sultan Abdul Samad, memerintahkan negeri Selangor dengan daerahnya. Disampaikan Allah menghadap ke bawah hadrat seri paduka ayahanda Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad yang empunya kerajaan negeri Pahang dengan takluk daerahnya, bersemayam dengan sejahteranya. Anakanda menyuruhkan paduka anakanda Encik Engku Da menghadap, memohonkan pertolongan, hendak melanggar Sayyid Masyhur dan kepada isi derhaka daerah Selangor. Ya Allah! Diharaplah akan pertolongan seri paduka ayahanda. Apa-apa perjanjian kelak, tersangguplah anakanda, adanya.

Dengan begitu juga, sabdanya kepada Encik Engku Da, "bolehlah juga ditolong tetapi jikalau dibenarkan oleh gobermen Inggeris."

Kemudian, raja memanggil orang besar-besar negeri, bermesyuarat; bersetujulah membuat sepucuk surat, dikirim balas kepada Tengku Diauddin dan serta hendak memberi surat kepada Tuan Gabenur.

Kemudian, kerani pun menulis kedua surat. Apakala sudah dibaca, dimeteraikan cap raja. Kemudian, titah raja kepada Encik Engku Da dan Encik Gaduh, "pergilah balik Selangor membawa surat cap itu berserta dengan sepuluh orang kawannya."

Maka mudiklah Encik Gaduh bersama dengan Encik Engku Da, teruslah ke Selangor. Didapati Tengku Diauddin sudah belayar ke Singapura. Kemudian bila sampai di Singapura, berjumpa dengan Tengku Diauddin. Masa itulah berjumpa dengan Imam Perang Mat Akil dan Muhammad Saman, menetapkan pakatan dengan Encik Gaduh; balik, berhenti di Klang, berjumpa dengan Raja Asal, kepala orang Mendeleng. Ianya tiada [di] ketahui (bahawa) Raja Pahang hendak menolong Tengku Kudin. Permintaannya, apakala dia berperang dengan Tengku Kudin, boleh dibenarkan dia membeli beras dan ubat peluru ke Pahang, jikalau boleh. Dan sebagaimana itu, dia mengaku bayar tiga puluh ribu kepada Raja Pahang apakala sudah menang kelak; dan tiap-tiap bulan $10,000, selama-lamanya.

Maka berjanjilah Encik Gaduh dengan Raja Asal itu.

Maka lepas itu belayar ke Singapura. Bila menghadap, lalulah disembahkan sekalian yang termaklum itu. Sayyid Zain menteri dan Tuan Davidson bersama-sama masa itu. Encik Gaduh maklumkan fasal janji dengan *(hlm. 35)* Raja Asal dan sekalian orang Mendeleng. "Dan anak-anak Selangor akan menyerang Pengkalan Batu. Dan patik itu sudah menghadap tuan patik. Dan sampai surat Tuan Gabenur, minta balik jalan Klang, kerana hendak menerima ringgit kepada Raja Asal $30,000." Jawab Tengku Kudin, "dengan permintaan saya, janganlah pandang yang sedikit. Apakala menang kelak, dapat ratus ribu. Saya boleh hantar jalan laut."

Dengan begitu juga, dibawalah oleh Tengku Kudin dan Tuan Davidson menghadap Tuan Gabenur Sir Harry Ord. Surat diserahkan oleh Encik Gaduh, langsung dibaca oleh kerani, Encik Muhammad Said. Tersebut di dalamnya:

> "Encik Gaduh ini wakil permakluman saya kepada Seri Paduka sahabat beta. Seperti maksud paduka anakanda beta Tengku Kudin yang tersebut di dalam suratnya itu, inilah beta menyuruhkan Encik Gaduh, wakil beta, maklumkan pada Seri Paduka sahabat beta, sekalian yang termaklum padanya."

Maka Tuan Gabenur pun bertanya pada Encik Gaduh, di hadapan Tengku Kudin, di dalam ofis Gobermen Haus, "apa maksud Encik Gaduh Tuan Raja Pahang boleh maklumkan kepada saya?"

Maka Encik Gaduh pun berkata, "fasal saya membawa dua surat, satu pada Tengku Kudin, menjawab suratnya, minta tolong perang pada Raja Pahang. Maka inilah saya disuruhnya maklumkan kepada tuan di dalam perkara ini. Empat fasal maksud yang dimaklumkan: yang pertama, ia sudah mendapat malu Encik Engku Aman sudah kena, dilakukan oleh Sayyid Masyhur di Hulu Selangor; keduanya, segala orang-orang Rawa Mendeleng yang telah menderhaka di Pahang, dihalaukan sekalian mereka itu duduk (di Selangor), selalu datang ke Pahang, membuat kacau dan rosak, kemudian, lari balik ke Selangor. Maka fasal itu, tiada dapat aman Pahang. Ketiga, Tengku Kudin sangat-sangat harap ia minta tolong peperangan; keempat, hal yang termaklum ini, jikalau tiada mendapat kebenaran tuan, tidaklah berani sekali-kali saya punya raja menolong peperangannya itu. Maka inilah sahaja."

Maka jawab Tuan Gabenur, "boleh Raja Pahang sekalian orang-orang membuat rusuh kepada negeri dan halau kepadanya. Tetapi di dalam perkara lain-lain, Encik Gaduh segera balik ke Pahang, sembahkan kepada raja. Di belakang, lima hari, saya sampai ke Pahang, berjumpa dengan raja, menghabiskan pe(r)kara ini."

Maka kemudian, baliklah Encik Gaduh dengan Tengku Kudin ke rumah Tuan Davidson loyar, bermuafakat. Kemudian, Sayyid Zain menteri, sewa sebuah kapal api kecil, menghantar Encik Gaduh balik ke Pahang dengan surat bingkisan. Bila sampai, menghadap raja,

membawa surat serta bingkisan, dipersembahkan sekalian itu.

Maka raja pun segeralah memberi hukum kepada Datuk Dalam, membuat sambutan Tuan Gabenur akan sampai itu. Kemudian, raja bertanya kepada Encik Gaduh apa-apa pandangan dan pendengaran di dalam perjalanan di Klang dan Singapura. Maka lalulah disembahkan sekaliannya, awal akhirnya.

Syahadan, Tuan Gabenur pun sampai; disambut dengan hormatnya; dibawa naik ke atas balairung seri. Hadir sekalian orang besar-besar. Maka bercakap panjanglah Tuan Gabenur sekalian hal negeri.

Kemudian, lalu serta bercakap fasal negeri Selangor, hal Tengku Kudin itu minta tolong perang. "Telah saya benarkan Tuan Raja menolong Tengku Kudin, sebab dia telah mendapat wakil mutlak daripada Sultan Abdul Samad Selangor. Maka sekalian mereka yang ingkar, tentulah derhaka kepada Yang Dipertuan Selangor. Tambahan, mereka ada membuat rusuh akan negeri Pahang ini. Ia melindungkan diri di dalam Selangor. Kerana itu, bertambah harus Tuan Raja menolongnya. Maka pihak Gobermen Inggeris jangan sekali-kali Tuan Raja gaduh dan bimbang. Telah saya benarkan dengan sebenarnya."

Jawab Yang Mulia Datuk Bendahara Siwa Raja, "jika demikian, bekerjalah saya. Inikan pula Selangor dengan daerahnya cuba tuan kata, dua negeri Melayu lagi boleh diserang, dilanggar, dikecualikan bangsa orang putih Eropah, tiadalah daya upaya saya. Jikalau sama-sama kulit hitam itu, tidaklah saya mengambil kesusahan."

Maka Tuan Gabenur mendengar sabda raja yang demikian, tersenyum, katanya, "saya banyak terima kasih kepada Tuan Raja. Adapun Gabenur Sir Harry Ord itu warna orang yang bijaksana, terus pandangannya di dalam hal pekerjaan itu, laksana orang berburu rusa masuk ke dalam lapang Tuk Perana melepaskan anjing yang bertuah, dengan serunya. Anjing pun menyalak menuju siding sejurus, sejenang panjang, berbelit-belit rusa dalam lapang. Dua tiga perananya menapak, rusa itu berpusing-pusing juga di dalam lapang, hingga puas dan jemulah Tuk Perana, hingga tiada daya upaya Tuk Perana itu. Di dalam hal rusa itu, baliklah kita ambil satu singa yang sangat-sangat pandai. Ia boleh menangkap rusa dan pandai menjinakkan sekalian *(hlm. 36)* binatang yang liar, supaya aman sekalian binatang." Inilah pandangan Tuan Gabenur yang menarik, tersenyum; dan tambahan Tuan Gabenur itu orangnya hebat, besar, panjang, tegap-tegun, kena sangat kasih mesra dengan raja-raja Melayu.

Kemudian daripada itu, diangkat makan. Telah selesai minum teh, makan zuadah, masuk ke dalam istana keduanya. Dan memnya juga berseken tangan dengan Yang Mulia Cik Puan Bongsu di dalam istana. Kemudian, keluar; turun balik, diiringkan sekalian orang besar-besar, hilir, terus belayar.

Syahadan, kemudian raja pun memanggil sekalian Datuk-datuk, orang besar-besar, bermesyuarat bagaimana pakatan hendak melanggar

negeri Selangor itu. Di dalam mesyuarat itulah telah bersalin Yang Amat Mulia Cik Puan Bongsu. Berputera seorang perempuan, disambut, dinamakan timang-timangan Tun Dalam. Tersangatlah suka seri paduka ayahanda bondanya.

Kemudian, tersebutlah kisah Tengku Kudin hendak dilanggar oleh Raja Asal dan Rawa Mendeleng. Maka dia pun terus berjalan kaki mengikut Kuala Kubu dan Raub, lalulah ke Pulau Tawar, berjumpa dengan Imam Perang Rasu. Maka dengan beberapa hormatnya, disambut oleh Imam Perang Rasu akan Tengku Kudin itu. Dua malam di Pulau Tawar, kemudian, hilirlah bersama dengan Imam Perang Rasu ke Pekan, menghadap Datuk Bendahara Siwa Raja.

Bila sampai, lalu menghadap, serta dengannya Sayyid Zain menteri, yang membawa Imam Perang Rasu dan Raja Ismail bin Raja Abdullah Selangor; disambut dengan mulianya, bersemayam di balairung seri.

Tengku Kudin menghadap dengan takzim tawaduk, serta mengangkat tangan, rendah kepada diri, "ampun paduka ayahanda, rendah gunung tinggi harap anakanda kepada memohonkan pertolongan ayahanda pada sekali ini. Jikalau tidak ayahanda menolong, tentulah tiada tahan anakanda, kerana dia orang tersangat kuat. Sekalian orang-orang Mendeleng dan Selangor satu pakatan. Inilah anakanda datang menghadap ayahanda sendiri serta berkenal-kenalan."

Maka jawab Raja Pahang, "kedatangan anakanda ini tersangatlah ayahanda suka hati, kerana di antara kita berdua belum pernah berjumpa. Dan lagi, hal itu sekalian terlebih kita berikrar melafazkan sendiri. Maka sekarang fasal pertolongan, tiadalah pada ayahanda ini, semata-mata dengan tulus ikhlas hati ayahanda. Tetapi ayahanda ini raja sahaja di dalam negeri Pahang ini. Maka yang empunya kudrat kuasa ayahanda, inilah Datuk Imam Perang yang diharapkan dan serta dengan lain-lain Datuk juga. Maka bolehlah anakanda muafakat dengan Datuk Imam Perang Indera Gajah ini. Jikalau dia reda, ikhlas menolong anakanda, tersangatlah ayahanda suka. Dan seperti belanja sekalian dengan askar maka bolehlah ayahanda muafakat dengan lain-lain Datuk, jikalau Imam Perang Rasu Indera Gajah Pahang bersetuju." Maka apakala Tengku Kudin mendengarkan titah yang demikian itu, dia pun memandang Datuk Imam Perang Rasu katanya, "saya harap kepada Datuk menolong saya dengan ikhlas hati."

Dan bila Imam Perang Rasu mendengarkan titah raja serta pula Tengku Kudin bertanya begitu, maka Imam Perang Rasu pun mengangkat tangan, menyembah Datuk Bendahara, "ampun ke bawah kaus, ribu ampun. Jikalau dengan titah perintah, dijunjungkan di atas jemala hamba tengku. Maka seboleh-bolehnya hamba tengku kerjakan sehingga akhir kalam hamba tengku, kerana hamba tengku ini sangat-sangat hendak mencari jasa dan nama pada ke bawah kaus; hendak menjadi hamba sampai mati, dengan taat mengerjakan ke bawah duli. Mudah-mudahan, dapatlah nama dan masyhurlah perkhabaran ke

bawah duli pada sekalian negeri. Harap diampuni, terlebih maklum, hamba tengku berbapakan orang dagang, semata-mata hendak bergantung ke bawah kaus sahaja." Maka titah raja, "jikalau begitu," sabda pada Tengku Kudin, "dapatlah anakanda pertolongan daripada ayahanda kerana Imam mengaku hendak menolong."

Syahadan lagi, Tengku Kudin pun mengakulah kepada Datuk Bendahara, "bila selamat menang peperangan anakanda ini, wajiblah menyembahkan hasil negeri kepada ayahanda, bulan, iaitu hasil Selangor, dengan tiada mungkin sekali-kali, serta bersetialah anakanda kepada ayahanda selama-lamanya. Syahadan lagi, anakanda masa ini ada kurang, itu pun harapkan pertolongan ayahanda." Maka jawab Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad, "insya-Allah, boleh ditolong. Sekalian belanja, alat senjata, orang-orang semuanya di atas ayahanda."

Kemudian, santapan diangkat, lalulah santap Datuk Bendahara bersama-sama Tengku Kudin. Lepas itu, Tengku Kudin bermohonlah berangkat balik ke Klang. Sekalian hulubalang Tengku Kudin yang di Kuala Lumpur: Imam Perang Mat Akil, Encik Engku Da, Imam-imam Perang semuanya, dilingkungkan oleh musuh sekeliling dengan kubunya; dan dua orang ofisar bangsa Inggeris, tiga ratus sojarnya, makan gaji (dengan) Tengku Kudin. Itu pun kena lingkung juga di atas Bukit Nenas, menantikan pertolongan (*hlm.* 37) dari Pahang.

Sekalian angkatan Pahang setelah berlangkahlah Imam Perang Rasu, kepala yang besarnya, serta sekalian datuk, setelah melanggar, panglima-panglima Imam Perang semuanya sudah berhimpun ke Bentong. Dan Datuk Syahbandar mudik dari Pekan dengan sekalian hulubalangnya. Maka Tuk Raja Jelai dan Tuk Kaya Lipis, keduanya itu tiada pergi. Dan kemudian, Haji Muhammad Nor membawa sekalian orang-orang Chenor, iaitu wakil Tuk Kaya Chenor.

Maka apakala siap sekalian dan Tengku Panglima dengan hulubalangnya, serta Tun Mahmud bin Engku Panglima Besar dengan hulubalangnya, serta Datuk-datuk sekalian, mudiklah, berlangkah dari Bentong ke Hulu Klang, cukup dengan alatan senjatanya. Tetapi pada masa itu, sekalian orang Mendeleng dibebaskan pergi mari, membeli beras ke Bentong, beratus orang.

Maka sampai ke Hulu Klang, di Batu Tajor, sekalian angkatan berhenti di situ. Imam Perang Rasu balik ke belakang, mengamuk kubu Raja Asal yang bernama "Permulas". Maka dengan gopoh-gapah Imam Perang Rasu, tiada dengan muafakat. Banyak segala kepala musykil. Kubu itu dirampas. Bini Raja Asal diambil oleh Imam Perang Rasu. Orang-orangnya dibunuh. Setengah lepas lari, memberitahu Raja Asal ke Hulu Kelang bencana yang besar. Inilah cacatnya pekerjaan.

Setelah dimuafakatkan, terus ke Hulu Klang, bandar besar. Setengah langsung ke Kuala Lumpur, sebab askar cukup, lebih seribu orang. Di belakang, tiga empat ribu lagi. Oleh yang demikian, membuat kubu lagi di Batu Tajor. Musuh bertahanlah di situ dengan kubunya. Imam

Perang Raja ada di Bentong, beribu-ribu orang dengan sekalian Datuk-datuk, serba salah, sebab perbuatan Imam Perang Rasu telah tersilap itu. Maka tentulah susah mendapat belanja makan.

Syahadan, Yang Mulia Datuk Bendahara Siwa Raja pun bersiap hendak berangkat mudik dengan segala hulubalangnya. Dan menyuruh nakhoda mereka ke Singapura membeli barang; membawa wang puluh ribu membeli senapang, ubat peluru.

Maka kemudian, zahirlah seorang putera Yang Teramat Mulia, laki-laki. Bondanya, Encik Sokma, dinamakan Tun Ali. Sangatlah kasih Yang Amat (Mulia) akan puteranya.

Maka lepas itu, berlangkahlah mudik Datuk Bendahara dengan beratus-ratus perahu angkatan, berjenis-jenis bendera dengan tarafnya masing-masing, gong, gendang, serunai, tiadalah berhenti malam siang, mudik masuk Semantan; berhenti di bawah Jeram Bentong. Maka oleh kebanyak(an) askar, tiada dapatlah diminum air, kerana kotor.

Kemudian, raja pun hari-hari mengurniakan sekalian mereka kepala-kepala persalinan jenis pakaian, alat senjata; disuruh segera ke Klang menolong peperangan itu. Maka dengan kelamaan, lebih kurang lima belas hari, Raja Asal di Klang memintas, mengadang orang-orang membawa makanan di jalan. Maka sekalian orang-orang dari Pahang, lama tiada sampai. Makanan sudah habis.

Ada kepada satu masa, Imam Perang Rasu cuba pergi *round*, empat puluh orang askarnya, hendak melihat musuh itu. Sampai ke tengah jalan, di Bukit Berapit, maka Imam Perang Rasu tengah berjalan, musuh pun menembak. Banyaklah orang luka, mati harapan Imam Perang Rasu. Lebih kurang tiga jam berperang di situ, musuh pun undur. Dan orang-orang berkubu pun menolong Imam Perang Rasu. Balik, banyak membawa orang luka.

Kemudian, musuh pun bertambah banyak menghantarkan orang mengadang di jalan. Dan banyak orang-orang disamun membawa makanan. Dan banyak terbunuh. Sekalian orang-orang tiada berani lalu di situ kerana musuh di kiri kanan bukit itu; dibuat kubu.

Ada seorang nama Bengkok, sangat cantik suaranya dan wajah. Tersangat sayang, mati disamun oleh musuh masa melalui di celah bukit itu. Adapun kubu di Bukit Tajor itu sudah habis beras, makan batang pisang; dilawan berperang juga.

Di dalam hal itu, Yang (Mulia) Datuk Bendahara pun gering di Bentong, lalu dibawa hilir oleh orang besar-besar, balik ke Pekan. Sampai ke Pekan, berubat. Kemudian baiklah.

Tersebut kubu Batu Tajor, keputusan beras itu lebih kurang sebulan, tiada merasai nasi. Dan untunglah garam ada sedikit lagi, boleh direbus sekalian umbut-umbut.

Maka muafakat Imam Perang Rasu balik ke Bentong, berhenti di dalam hutan dekat Bentong, membuat kubu. Dan Haji Muhammad Nor dengan Tuk Kaya Chenor berhenti di kampung. Sekalian orangnya

kemudian berperang dengan Raja Asal, 200 orang askarnya. Dia menampakkan beraninya. Maka kalah ia; undur, membuat kubu. Kemudian, besok, dilanggar lagi, serta keluar, kubu; masing-masing berperang. Encik Mat bin Tuk Mata-mata pun datang menolong dan Encik Sulaiman Pulau Keladi. Keduanya itu sangat berani dan garang perangnya.

Maka musuh pun undurlah, diikut sampai ke kubunya. Hari malam. Pagi besok, Imam Perang Rasu sampai (*hlm. 38*) dan Tuk Syahbandar, Tuk Muda Andak, dan Haji Muhammad Nor. Dipukul dengan keras kubu Raja Asal, pecah, lalu lari balik ke Klang.

Maka di dalam yang demikian, balik sekalian orang hilir, balik berubat. Kedapatan Imam Perang Rasu balik hilir ke Pekan. Diperintahkan ikut jalan laut sekalian angkatan dengan perahu, dengan segala pihak jajahan Pekan. Imam Perang Rasu dengan segala orang besar-besar hulu, jalan, ikut Bentong, Hulu Klang.

Dengan kelamaan, Kuala Lumpur pun dipecahkan. Ada undur pihak Tengku Kudin ke Pengkalan Batu. Ofisar Orang Putih dua orang, dengan askarnya, undur; tiada mahu mengikut orang. Ia buat pandai sendiri. Katanya ia hendak pergi ke Langat; berpusing-pusing di dalam hutan, tiada dapat jalan balik ke dalam kubunya dengan askar. Maka musuh sudah menanti di dalam kubu, ditembaknya, mati dengan askarnya. Setengah lepas lari. Orang Putih yang seorang ditangkapnya, diseksanya apa-apa ia punya suka.

Maka Imam Perang Rasu menyuruh kepada Imam Perang Mat Akil di Pengkalan Batu, menentukan harinya angkatan dari Pahang datang semula jalan laut dan jalan darat. Maka Imam Perang Mat Akil pun dapat surat yang demikian; menghadap Tengku Kudin, serta muafakat dengan segala hulubalang. Mudik, mengambil Petaling. Esoknya ambil Kuala Lumpur, Bukit Arang. Musuh pun melanggar. Maka berperanglah, beratur kubu di sebelah-menyebelah.

Di dalam hal yang demikian, angkatan dari Pahang pun sampai, jalan laut dan jalan darat, serentak tibanya dengan segala kepala hulubalang-hulubalang sekaliannya.

Maka bersatulah pakatan ketiga pihak itu, dilingkung musuh dengan kubu. Tengah-tengah orang membuat kubu, dicubanya langgar oleh Mendeleng. Sejurus berperang, luka Imam Perang Raja, kena peluru pehanya; Panglima Garang Ishak kena betis; Encik Dolah Bera kena pahanya, tiada besar lukanya.

Maka sekalian orang pun menerkam. Musuh pun lari. Maklumlah, perang bertewas-tewasan. Maka gentarlah sekalian hati musuh. Esokan malam, undurlah, habis lari. Banyak yang terbunuh kena kerat oleh Imam-imam perang kerana ia tiada sempat lari. Banyaklah mereka dapat merampas dan tawanan.

Selesai daripada itu, Imam Perang Rasu pun balik bawa tawanan ke Pahang. Dan Imam Perang Raja balik juga. Dan Orang Kaya

Pahlawan tinggal dahulu di Klang dengan orang-orangnya.

Maka Imam Perang Rasu hilir. Setelah diberhentikan di Pulau Keladi, mudiklah angkatan dari Pekan, disambut dengan mulianya, dibawa hilir, diarak dengan gong, gendang; disediakan dengan persalinan berjenis-jenis pakaian yang indah-indah dan ringgit tunai dan emas perak. Beribu-ribu dikurniakan. Raja pun berangkatlah keluar, bersabda dengan halus manisnya, durja yang berseri-seri kepada Imam Perang Rasu. Maka Imam Perang Rasu pun mengangkat tangan, menyembah dengan kehebatan, maklumlah fasal kemenangan peperangannya. Tiadalah dapat dikatakan lagi. Raja berangkat masuk.

Sekalian kelengkapan sudah siap. Orang besar-besar, pegawai sudah hadir, langsunglah bergelar-gelar Yang Mulia. Berteriaklah Encik Lambak dengan kehebatan, laku yang manis, dan lepas suara yang nyaring, menyatakan, "kepada sekalian encik-encik dan tuan-tuan, sabda Yang Mulia di bawah kaus Datuk Bendahara Siwa Raja, dikurniakan nama Yang Mulia Imam Perang Rasu ini, digelar Imam Perang Indera Gajah Pahang." Maka menyahutlah sekalian mereka, "suka!" Kemudian, menyembah menjunjung duli Imam Perang dengan takzim tawaduknya.

Kemudian daripada itu, kedapatan Imam Perang Raja, disambut seperti itu juga. Telah diangkat gelaran Imam Perang Indera Mahkota dan Encik Husin adiknya digelar Panglima Perang Johan Perkasa. Dan seorang kerabat daripadanya, tetapi orang Jambi, kononnya sangat berani, digelar Imam Perang Jambi. Sekalian tertib mengikut yang tersebut di atas.

Dengan kelamaan, bersiaplah semula akan menyerang musuh itu kerana ia undur tiada jauh di sebelah hulu. Ia berkukuh di Bandar Kancing, di sebelah laut di Kuala Selangor. Kemudian, berlengkaplah sekalian, bersatu di Klang, Pengkalan Batu. Sekalian orang-orang pihak anak raja-raja, orang besar-besar, diiringkan Imam Perang Indera Mahkota, kepala yang besar. Timbalannya, Panglima Perang Johan Perkasa dan Encik Abdullah Kuala Bera. Dan pihak Tengku Kudin, Imam Perang Mat Akil, kepala yang besarnya. Dan Khatib Bahrain dan pihak sebelah hulu Pahang, Imam Perang Indera Gajah Pahang kepala yang besar dan Datuk Pahlawan Semantan. Timbalannya, Haji Muhammad Nor. Lain-lain semuanya menurut.

Sudah siap sekalian, telah dikurniakan oleh Tengku Kudin sekalian belanja, senapang yang baharu, maka berlangkahlah berhimpun di Kuala Batu. Di situ dua hari; menggelar segala orang. 21 orang panglima (*hlm. 39*) yang digelar oleh segala Datuk, orang besar-besar. Demikian juga pihak Imam Perang Indera Mahkota dan Imam Perang Mat Akil. Setelah siap, pihak Imam Perang Indera Gajah Pahang dan Haji Muhammad Nor berlangkahlah. Kepada hari Jumaat, pagi-pagi pukul lima, bertolak dari Batu, berhenti di kaki bukit Genting Klang.

Musuh berkubu di atas bukit, beratur kiri kanan. Pagi-pagi, dipukul

dengan keras. Ada tiga jam, pecah lima kubu di atas bukit itu. Dan banyak orang-orang mati; lebih tiga puluh luka. Di sebelah kanan, Imam Perang Indera Gajah Pahang; di sebelah kiri, Haji Muhammad Nor. Sampai petang dilingkung musuh kubunya, pecah; luka, mati di sebelah musuh. Hari pun malam.

Pagi-pagi turun melanggar. Musuh menanti di kaki bukit di sebelah. Ia sudah mengatur kubu segenap jalan. Maka bertanding kubu di dalam lima hari. Dengan kerapatan, berpecah Imam Perang Indera Gajah Pahang dan Tun Mahmud, anak rajanya. Serta sekalian anak raja-raja dan tuan-tuan melingkung kubu di sebelah kanan. Kepalanya bersama-sama: Orang Kaya Pahlawan, Imam Perang Haji Husin, Panglima Raja Yaakub. Imam Perang Husin Bukit Segumpal dan Haji Muhammad Nor memintas pihak di sebelah kiri dengan segala orang besar-besar, Tuk Kaya Chenor, Tuk Kaya Temerloh, Tuk Bangau, Teh Muhammad Sanggang, Tuk Lela, anak-anak Haji Tembeling, Wan Cik dan Husin, kepalanya. Maka berperanglah, pintas dan melingkung musuh-musuh itu. Haji Muhammad Norlah Imam Perang pihak orang besar-besar yang tersebut.

Syahadan, tersebut Imam Perang Indera Mahkota dan Panglima Perang Johan Perkasa dan pihak Imam Perang Mat Akil dan Khatib Bahrain yang menyerang ikut Kuala Selangor. Adapun Khatib Bahrain dan Imam Perang Mat Akil itu orangnya sangat berani. Telah masyhurlah gagah perkasanya, kehandalannya di dalam peperangan, kelebihanlah sekalian perbuatannya. Payahlah hulubalang yang dapat menentangnya. Perangainya seperti sewah. Maka dengan segala hulubalang Pahang yang tersebut itu, semuanya bermusuh dengan dia.

Maka dengan kuasa Tuhan *Rabbul Alamin*, daulat raja-raja masa itu, berkawanlah, satu muafakat dengan tulus ikhlas, berbaik-baik. Maka berlangkahlah dari Klang ke Selangor, naik di Tanjung Karang, ikut jalan Hujung Permatang. Askarnya dengan sekalian hulubalang lebih 1000; dipukul dengan keras oleh hulubalang, bertewas-tewasan. Berpuluh kubu-kubu, benteng yang pecah, hingga dapat ke Pasir Gayang, Pangkal Permatang.

Maka hari pun petang. Muafakat sekalian, berhentilah, membuat kubu. Imam Perang Mat Akil pun berhenti.

Maka Panglima Perang Johan Perkasa melanggar juga ke kubu Masjid, menyuruh minta tindih. Maka Imam Perang Mat Akil pun pergi dengan perkasa, rapat dengan kubu musuh, menembak. Dengan takdir Allah, sampailah ajal Imam Perang Mat Akil. Hari pun malam, membuat kubu. Musuh pun dengan seberapa segera membuat kubu, dengan meriam dibawanya itu malam juga. Pagi-pagi, dipukulnya dengan meriam. Maka bertanding kubulah siang malam kedua pihak. Berperang besarlah. Sekalian hulubalang melanggar siang malam.

Seorang (di)namakan Ibrahim anak saudara (Bendahara Siwa Raja) Pahang, anak raja, sangat baik. Ialah kepala membawa orang. Timbalan

orang tuanya Encik Gaduh dan Encik Osman. Dan saudaranya bersama-sama ada di dalam perang itu, Encik Engku Aman, Encik Engku Da. Maka di dalam peperangan itu gering, langsung mangkat. Sangat sayang sekalian orang. Dan Engku Panglima pun gering, langsung mangkat. Dan Imam Perang Indera Mahkota, masa perang di Permatang, tiada sihat badannya.

Maka Panglima Perang Johan Perkasa dan Encik Abdullah Bera, kedua Encik itu terlalu berani. Pada masa itu, lain toloknya; bermacam-macam peperangan, melanggar Hujung Permatang, menolong kubu Encik Osman (yang) dilanggar musuh. Tiap-tiap ia perang banyaklah musuh luka, mati.

Ada kepada satu hari berkelahi di Pangkal Matang berhadapan dengan musuh. Encik Abdul Samad pun luka parah; untung ada Khatib Bahrain, mara ke hadapan, bertahan. Datang Panglima Perang Johan Perkasa sejurus, luka paha keduanya. Maka dibawa balik hari itu. Sangat banyak luka, mati.

Maka bertahanlah perkelahian, tiada laju. Di dalam hal itu, Imam Perang Indera Mahkota minta hendak berubat ke Melaka, Panglima Perang dan Encik Abdullah. Maka dibenarkan oleh Tengku Kudin. Dan Tuan Hitam kerani, dilepaskan balik ke Pahang dengan orangnya. Maka tinggal Khatib Bahrain. Ia pun berdirilah. Orang-orang pun banyak suka; ia orang tua, lagipun baik. Kemudian, yang ketiga segala kepala-kepala mengapit tongkang, hendak masuk Kuala Selangor.

Syahadan, pihak Imam Perang Indera Gajah Pahang dan Haji Muhammad Nor perang di Kanching itu. Ada kepada suatu hari, (*hlm. 40*) Imam Perang Indera Gajah Pahang mencacak kubu, di sebelah kiri jalan Kanching Serampang. Kubu belum sudah, kedua pihak musuh pun melanggar.

Kedua pihak, bangsa Cina, orang-orang Mendeleng dan anak-anak Selangor, terlalu keras pukulnya. Hari itu kubu Imam Perang putus silap, dilingkung musuh. Tiada boleh orang-orang datang membantu kubu Imam Perang itu. Hanyalah yang sampai, Panglima Raja Yaakub dan Imam Perang Tun Mahmud, iaitu Haji Husin. Sangat banyak luka, mati di dalam kubu itu. Maka sangatlah sesaknya.

Di dalam hal itu, setelah muafakat Haji Muhammad Nor dengan kepala-kepala, iaitu Teh Muhammad Sanggang dan Panglima Bebas Zabidi, Panglima Kanan Chenor, Imam Perang Kadam, Tuk Kaya Temerloh, Tuk Umbi, dipukul keras. Dua jam perang, pecah tiga kubu musuh. Tetapi banyak luka, mati kepala-kepala kubu. Imam Perang Indera Gajah Pahang pun lapanglah. Musuh pun undur. Hari malam.

Kemudian daripada itu, dengan kelamaan, diminta kepada Kapitan Ah Loy, Cina-cina yang pandai menembak sumpitan api. Diberilah oleh Kapitan tujuh puluh orang. Dengan bersama-sama Orang Kaya Pahlawan, Panglima Bebas, Panglima Kanan, Panglima Raja, Encik Bakar Penghulu Balai, maka dibawa Cina-cina itu, dilanggar. Maka

rumah-rumah musuh pun dibakar. Orang-orang masuk mengamuk. Tiga jam, habis kalah semuanya. Lebih tiga ratus.....

Selangor minta tolong. Dengan titah Tengku Kudin, dengan segeranya Orang Kaya Pahlawan dibenarkan dan Tuk Kaya Temerloh pergi ke Kuala Selangor.

Kemudian, Imam Perang Indera Gajah Pahang dan Haji Muhammad Nor, dengan kepala-kepala yang ada, berjalan melanggar Hulu Selangor, mengambil Kuala Kubu dan Buluh Telor. Sampai tengah jalan Hulu Yam, berkelahi dengan Raja Asal dan Raja Bintang. Ada tiga jam, dia pun lari, teruslah masuk Hulu Selangor. Sekalian orang-orang Cina, Melayu semuanya tunduk, diperintahkanlah. Kemudian, penyakit orang baik pun datang dan Imam Perang Indera Gajah Pahang sangat takut. Ia hendak balik ke Pahang. Sekalian kuasa peperangan telah dikuasakan pada Haji Muhammad Nor. Pada masa itu, Haji Muhammad Norlah kepala yang besar. Ketuanya Tuk Kaya Chenor. Dan penyakit pun hilang. Maka Imam Perang Indera Gajah Pahang baliklah ke Pahang. Tetapi tiada menghadap raja kerana musim penyakit.

Tersebutlah kisah, Kuala Selangor pun pecahlah kubu-kubu musuh semuanya. Diperintahkanlah oleh segala orang besar-besar Pahang sekalian mereka di Selangor. Dan Sayyid Masyhur undur ikut Batang Berjuntai, niatnya hendak pergi lagi. Ia [sudah] mudikkan beras di Hulu Bernam dua puluh koyan dengan sekalian jenis makanan ke dalam jajahan Perak [alatan senjata].

Syahadan, [orang] Rawa dan Mendeleng yang tinggal itu kepalanya Sutan Bangkahulu, dengan orang-orangnya ada lima ratus orang, dibawanya menyerahkan diri, minta lepaskan bahaya. Kemudian, lebih kurang dua puluh hari, [lamanya menetapkan sekalian mereka-mereka yang di dalam Ulu Bernam dan Ulu Selangor, [Tuan] Haji Muhammad Nor pergi [pun hilir] menghadap Tengku Kudin [di Klang]. Dan Tuk Kaya [Chenor] Temerloh menunggu di Hulu Selangor. Maka masa itulah Orang Kaya Jelai sampai dari Pahang, membawa wakil Raja Pahang.

Maka pada suatu hari, mesyuarat di bukit Tengku Kudin iaitu Encik Engku Da, Sayyid Muhammad Taib, Orang Kaya Jelai, Encik Embok, hendak membunuh Sutan Bangkahulu itu. Jikalau tidak, tentu jadi peperangan lagi kemudian hari, kerana derhaka dari Pahang sampai ke sini.

Maka tetaplah hendak dibunuhnya. Maka lepas mesyuarat itu, Orang Kaya Jelai pun berjalan ke Selangor dengan orang besar-besar. Panglima Garang Usop dilepaskan balik, kerana ia sudah lama, tetapi tiada banyak orang di bawahnya kerana menanti Orang Kaya Muda.

Kemudian, bila Orang Kaya Jelai sampai ke Selangor dan segala kubu-kubu, orang Selangor didendanya mengikut daerah air pasang, lebih $15,000. Sekalian mereka membayar denda. Ia pun berbini dan lain-lain orang banyak. Sekalian perempuan dihimpunkannya.

Di dalam hal demikian itu, sampai ke Hulu Selangor. Tuk Kaya Chenor dan Haji Muhammad Nor sedia menanti. Sutan Bangkahulu sudah dipanggil, dihimpunkan di Hulu Selangor, di Padang Kebun. Maka Tuk Muda Sentul, anak Tuk Kaya Lipis, sampai dari Pahang dengan angkatan.

Telah dapatlah muafakat. Kepada suatu hari, dipanggil Sutan Bangkahulu ke Kuala Kubu. Orang Kaya Jelai menanti, kerana hendak menyabung ayam. Kepala yang menanti di jalan akan diperintahkan Sutan Bangkahulu itu. Pihak Tuk Kaya, pertama-tama, Haji Muhammad Nor dengan askarnya; kedua, Panglima Bebas. Dan pihak Orang Kaya Jelai: Tuk Subuh Haji, Panglima Kiri, Panglima Raja Mat Asin dan Panglima Besar serta lain-lain orang, ada seratus semuanya. Pihak Tuk Muda Sentul membunuh orang-orang Sutan Bangkahulu yang tinggal.

Maka Sutan Bangkahulu pun berjalanlah, tiga puluh orang, (*hlm. 41*) sekali dengan Imam-imam Perangnya. Maka sekalian orang-orang serta Datuk-datuk menanti di jalan. Maka tempat itu lebih kurang seribu kaki jauhnya dengan Kuala Kubu. Maka bila sampai di situ, lalulah ditembak. Dan Panglima Bebas Zabidi menikam Sutan Bangkahulu. Habis semuanya mati.

Maka Tuk Muda Sentul merampas harta benda dan menangkap perempuan-perempuan, jantan. Ada yang dibunuhnya. Selesai daripada itu, segala kubu-kubu Hulu Selangor Orang Kaya hendak denda. Ditahan oleh Tuk Kaya Chenor; cemas, akan berkelahi. Siap kedua pihak. Salah rasanya, Orang Kaya Jelai hilir balik, menghadap Tengku Kudin. Tiada diterima pengaduannya. Kemudian, terus balik ke Pahang, membawa sekalian harta dan wang denda dan perempuan-perempuan Selangor. Dan Orang Kaya Pahlawan tinggal menjaga Hulu Selangor dan Hulu Klang. Encik Mat Saman menjaga di Batu. Syeikh Muhammad Taib, Encik Embok menjaga di bandar Kanching dan Tuk Dagang menjaga di Kuala Lumpur; Syeikh Mat Ali di Petaling.

Maka sekalian orang-orang Pahang habislah balik. Dua belas bulan genap, dari mula angkatan, hingga akhir selesai peperangan itu.

## Kemasukan Inggeris di Selangor

***Alkisah cetera tiga puluh satu,*** maka tiada berapa lama, segala orang Pahang balik. Di dalam tahun itu juga sekalian anak-anak raja Selangor dan segala orang Mendeleng semuanya akan membangkitkan peperangan, melanggar Tengku Kudin Hulu Selangor. Pertama akan ditunggu, ditambahi lagi Panglima Garang Encik Ishak dan segenap tempat ketuaan berjaga. Maka Tengku Kudin pun menulis surat ke Pahang minta tolong pada tiap-tiap tempat. Maka jawab Raja Pahang, "tiada upaya hendak menghantar orang lagi."

Maka susah hatilah Tengku Kudin mendengarkan demikian

jawapan. Kemudian, dia menyuruh Haji Muhammad Nor ke Pahang menghadap raja, maklumkan hal yang telah berlaku itu. Dan bila sampai di Pekan, menghadaplah Haji Muhammad Nor. Maka titah raja, "di dalam perkara Selangor itu, lebih baik kita mengambil Gobermen Inggeris supaya aman."

Kemudian, Haji Muhammad Nor pun balik, menghadap Tengku Kudin di Klang. Disembahkan surat kepada Tengku Kudin. Dan bila habis dibaca, faham. Maka titah Tengku Kudin, "sebaik-baiklah. Jika tiada upaya ayahanda itu maka bolehlah saya muafakat dengan Tuan Gabenor." Maka inilah sabdanya.

Maka di dalam pada itu, datanglah angkatan Tuan Gabenor Sir Andrew Clarke, tiga buah kapal perang. Maka apakala didengar oleh Sultan Abdul Samad anak-anak raja Selangor membunuh orang Melaka di laut Jugra, Tengku Kudin pergi bersama-sama Gabenor ke Langat. Tengku Kudin pergi membawa Sayyid Zain, Tuan Syeikh Muhammad Taib, Haji Muhammad Nor, Encik Embok, Encik Mat Saman.

Maka sampai ke Langat, lebih kurang bicara, Yang di-Pertuan membayar denda bahara timah. Selesai, balik ke Klang. Maka ditetapkan muafakat. Dengan permintaan Tengku Kudin kepada Tuan Gabenur, masukkan Gobermen British, perintahkan kerajaan Selangor. Tuan Davidson loyar jadi Residen. Maka Tuan Gabenor pun banyak suka dan menerima kasih kepada Tengku Kudin.

Maka Imam Perang Indera Gajah Pahang bersama Syeikh Kechik datang dari Pahang, dititahkan raja, menerima ketetapan kerajaan Selangor membayar tiap-tiap bulan enam bahara timah kepada Raja Pahang; dan serta menerima wang tunai sebanyak 30,000 yang telah dipinjam oleh Tengku Kudin, belanja peperangan. Kemudian daripada itu, Selangor pun amanlah sampai sekarang; ialah kerana pertolongan dan kebaktian Raja Pahang kepada Tengku Kudin. Sampailah kepada Gobermen Inggeris kebaktian Raja Pahang.

Kata sahibulhikayat itu, maka sekalian ketuaan yang menjaga daerah Selangor, senanglah perintahkan dengan hukuman Gobermen British. Syeikh Muhammad Taib di bandar Kanching, Haji Muhammad Nor Hulu Selangor, Encik Engku Da di bukit Kuala Selangor, perintahkan daerah Pasangan. Suka rialah sekalian.

Syahadan lagi, tersebut Orang Kaya Jelai, balik dari Selangor, membawa ringgit denda dan jenis rampasan dan orang-orang perempuan; satu tidak ia sembahkan kepada raja dan segala kepala-kepala yang bekerja. Ia tiada bagi khairat sekalian orang-orang. Kemudian, dengan segeranya dia mudik, balik ke Jelai.

Sebermula, tiada berapa lama, datanglah kehendak Allah taala kepadanya, dapat perkelahian dengan Wan Daud serta anaknya Wan Lingga, kerana berebutkan pangkat Tuk Raja Wan Idris.

Maka di dalam perkelahian itu, dengan titah raja, di dalam sulit, disuruh bantu tolong Wan Daud dan Wan Lingga itu pada Datuk Imam

Perang Indera (*hlm. 42*) Gajah Pahang. Maka berperanglah. Imam Perang menolongnya, berkubu di Batu Teriang.

Dengan beberapa lama, habislah Orang Kaya Muda sekalian wang denda rampasan dari Selangor itu, belanja peperangan. Dan bila dia tahu akan Imam Perang Indera Gajah Pahang menolong Wan Daud, serta ia pun datanglah bimbang di hatinya kepada Raja Pahang, kerana diketahuinya Imam Perang Indera Gajah Pahang itulah kepala bagi kesayangan kepada Raja Pahang; tak dapat tiada tentulah dengan kebenaran raja. Oleh itu berasa belas dan sayu hatinya. Apa boleh buat, pekerjaan sudah terlepas.

Di dalam pada itu, dengan titah raja, disuruh Imam Perang Indera Mahkota serta dengan Engku Andak, mudik dari Pekan, memohon jangan berkelahi; serta memanggil hilir Orang Kaya Muda dan Wan Lingga, ke Pekan. Maka seperti Orang Kaya Muda ditahan di Pulau Seberang, Pekan; dan Wan Lingga, di Pulau Keladi. Maka didenda kedua-duanya dengan banyak, kerana kesalahan membangkitkan pergaduhan di dalam negeri. Tetapi pihak Wan Lingga dipulangkan di dalam sulit.

Kemudian, Wan Lingga dilepaskan balik mudik, sebab gila. Sampai ke Lipis, tiada berapa lama, dibangkitkan pula pergaduhan dengan Tuk Kaya Lipis. Dibakarnya malam rumah Tuk Kaya. Kemudian, ditembak Tuk Kaya tengah keluar. Undur. Maka tiada lot; lalu Tuk Kaya undur. Kemudian, berbangkit sekalian anak-anak buah Tuk Kaya, menjadi satu peperangan besar. Dan bila didengar khabar pada raja di Pekan, maka dititahkan oleh raja pada Imam Indera Gajah Pahang, memanggil Tuk Kaya ke Pekan. Maka hilirlah keduanya. Mendapat kesalahan, Tuk Kaya kena pecat, lagi didenda. Dan Wan Lingga didenda juga.

Maka sebab pun Tuk Kaya banyak kesalahan yang telah lalu, menyalahi adat, disangkanya raja tiada boleh membuat kepadanya. Maka dengan sebab itulah Tuk Kaya duduk di suatu pulau juga. Qada Allah taala kepadanya.

Syahadan, Yang Mulia Raja telah menyerahkan pemerintahan zaman itu pada paduka adindanya, Tun Mansur yang telah diangkat gelaran Yang Mulia Engku Muda, yakni Bendahara Muda kerana sangat kasih sayang kepada saudaranya itu; dikurniakan hasil negeri, cukai cabut, keluar masuk yang dalam negeri. Encik Abdullah kerani telah dijadikan pemangku Engku Muda. Tambahan, Encik Abdullah itu orang muda yang bijaksana pada zaman, tiadalah sepertinya. Raja sangat kasih sayang kepadanya kerana sangat elok tingkah lakunya. Dan seorang orang Keling, bernama Nakhoda Marekan, diangkat gelaran Orang Kaya Bakti. Hari-harilah ia mengiring, mengerjakan raja, membuat istana dan perahu perniagaan, masukkan hasil. Ialah membuat bakti semuanya kepada raja. Dan raja pun sangatlah sayang kepadanya.

Syahadan lagi, di dalam masa itulah kematian Tuan Birch di Perak.

Adapun Haji Muhammad Nor dan Syeikh Muhammad Taib itu, bersama-sama Tuan Davidson, pergi ke Perak. Kemudian balik Selangor, masa kematian Tuan Birch itu.

Kemudian, dengan begitu lama, Haji Muhammad Nor pun balik ke Pahang, berniaga ke Hulu Tembeling. Dan bila hilir ke Pekan, selalu menghadap raja. Kemudian, raja pun menahan Haji Muhammad Nor, disuruh menjadi kerani bersama-sama dengan Encik Gaduh, iaitu jadi harapan suruh-sarah mana-mana titah raja.

Syahadan, dengan takdir Tuhan, di dalam berkasih-kasihan dengan paduka adinda Engku Muda, bersemayam di dalam kerajaan memerintahkan negeri, maka datanglah satu fikiran Engku Muda yang sangat-sangat silap; berangkat ke Johor Baharu, bersemayam di rumah Engku Lah Johor. Maka dijemput balik ke Pahang, tiada mahu balik.

## Pahang, Johor dan Terengganu

***Alkisah cetera tiga puluh dua,*** Maharaja Johor mengutus, menulis kepada Raja Pahang. Tersebut hendak berbaik-baik.

Maka surat itu dijawab. Dititahkan Haji Muhammad Nor pergi membawanya ke Johor. Kemudian Raja Johor balas, hendak menghadap Raja Pahang. Tiada berapa lama, dibalas lawatan itu. Datuk Bentara Johor datang ke Pahang, disambut dengan mulianya; menghadap raja; diterima; dikurniakan kepada Datuk Bentara itu. Kemudian dilepaskan balik. Disabdakan Haji Muhammad Nor dan Encik Abdul Rahman bersama-sama; disambut oleh kerajaan Maharaja Johor dengan istiadatnya.

Hadir sekalian bangsa di Tangga Batu. Dan sekalian perempuan anak raja-raja menyambut Raja Perempuan. Tiadalah dapat diperikan perbuatannya, dengan kemuliaan hormatnya. Cukuplah disediakan kota, istana, balairung tempat penghadapan dan sedia rumah tempat orang besar-besar. Laki-laki, perempuan mengiring raja, empat ratus orang. Sekalian itu ditanggung makan oleh Maharaja Johor. Pada tiap-tiap masa (*hlm.* 43) dan waktu, makan daging dan ayam dan penganan, zuadah yang lazat-lazat.

Tiga belas bulan lamanya yang demikian. Apatah lagi santapan raja-raja, Datuk-datuk menteri masa itu; mulianya Raja Pahang ke Singapura dan ke Johor; tiadalah berhenti dengan permainan. Dan Raja Pahang pun banyaklah membeli kuda kereta, berjenis-jenis macam kuda, pasang jori dan bugi lukut. Yang Maha Mulia Sultan Johor bersediakan beberapa jori dan Tengku Kudin dihadiahkan kuda sepasang, jori buatan Eropah, sangatlah cantik. Demikianlah kudanya, sukar bandingan.

Maka bermainlah raja di dalam bersuka-sukaan. Tuan Hitam dan Syeikh Kechil ketika itu sangatlah (di)kasih raja. Hari-harilah berjalan

di atas jori, dibawanya tiada berhenti. Aman dan makmurlah keduanya itu menjunjung kurnia.

Syahadan, Yang Mulia Sultan Johor, ada kepada satu hari, dia berdatang maklumkan dengan tulus ikhlas kepada Raja Pahang. Katanya, "saya ini ayah, diharapkan ayah mengambil nama Yang Mulia Sultan. Apa sebab? Ialah, kita sekarang menurut masa. Zaman sudah-sudah, ditinggalkan. Sebenarnya, kita dahulu ke Daik, tetapi cubalah lihat, kerajaan sudah diambil oleh Belanda." Maka jawab Raja Pahang, "ingatan Yamtuan itu ayah menerima kasih. Di dalam hal itu, sudahlah juga sekalian orang besar-besar ayah bermaklumkan. Tetapi ayah tahan lagi, kerana belum dibulatkan lagi. Maka ini dipersetujukan oleh Yamtuan, baiklah." Maka kata Sultan Johor, "di dalam perkara ini, saya harap ayah turutkan persembahan orang besar-besar ayah yang di Pahang itu."

Kemudian, tiada berapa lama, berangkatlah balik raja ke Pahang dengan sekalian orang besar-besar. Anak raja-raja Johor menghantar dengan hormatnya. Sekalian kuda kereta dihadiahkan kepada sekalian orang besar-besar dan anak raja-raja Johor.

Kemudian daripada itu, Sultan Johor berangkat ke Eropah. Dan Datuk Menteri Jaafar wakil menjaga negeri Johor.

Tiada berapa lamanya raja bersemayam di Pahang, maka Haji Muhammad Nor pun hilir, membawa emas, dipersembahkan dengan selamat; perniagaan banyak untungnya.

Kemudian, raja berangkat pula ke Singapura, bermain-main. Lebih kurang empat bulan, berangkat balik dan sekalian orang besar-besar menyambut.

Syahadan, dengan beberapa kelamaan, kerajaan Terengganu pun mengulangi hendak menyempurnakan wasiat baginda. Adapun wasiat baginda itu: pada masa ia berangkat ke Pahang dahulu, disambut oleh Raja Pahang dengan hormatnya, dibawa masuk ke dalam istana. Sekalian anak raja yang perempuan datangnya lima ratus orang. Tiap-tiap seorang semuanya dikurnia emas dan perak, laki-laki perempuan. Dan dihadiahkan kepada baginda emas sepuluh kati dan wang $2000 kerana membalas budi baginda. Maka dekat baginda hendak berangkat, titahnya dengan ikhlas, melafazkan, "hamba minta kepada Datuk Bendahara, dengan beberapa harap, anak Datuk Bendahara itu akan ditunangkan dengan cucu hamba ini, nama Zainal Abidin." Maka dijawab Datuk Bendahara, "baiklah."

Maka baginda pun berangkat balik ke Terengganu, langsung ke Singapura. Kemudian balik ke Terengganu. Maka pada masa ia gering lalu mangkat; berwasiatlah pada orang besar-besarnya. Maka ikutlah orang-orang besar hendak menyempurnakan wasiat itu. Maka dijawab oleh Raja Pahang, "menerimalah hamba akan wasiat itu. Sedia menanti adanya." Bersama-sama dengan Datuk Bentara sampai, ke Johor. Surat (di)sembahkan dengan hormatnya, seperti yang dahulu.

Maka Haji Muhammad Nor pun segera memohon balik serta membeli jenis kelengkapan, Maharaja hendak berangkat ke Pahang. Setelah ditetapkan, kemudian Haji Muhammad Nor dan Encik Abdul Rahman balik ke Pahang.

Sepuluh hari, Maharaja berangkat ke Pahang. Sampai, Haji Muhammad Nor sembahkanlah. Maka sekalian orang besar-besar membuat sambutan Maharaja datang. Setelah siap sekalian, datanglah dua buah kapal malam itu. Sekalian orang besar-besar, hilir, menyambut ke Kuala Pahang. Pagi-pagi air pasang, baharulah mudik, bersungsunglah dengan sambutan. Tiba bonda, anak raja-raja sekalian Puan Peninjua. Kemudian daripada itu, raja sendiri berangkat. Sampai ke dalam kapal, bersalam serta berpelok cium, dibawa ke dalam kenaikan. Maharaja dibawa mudik, terus dibawa ke dalam istana, sedia sekalian santapan.

Kemudian daripada itu, Cik Puan Bongsu dan Cik Puan Tengah dan segala anak raja-raja berhadir, kerana tanda tulus ikhlas, serta bercakap-cakaplah dengan paduka bonda sekaliannya. Selesai daripada itu, bersemayam di balai gambang besar.

Kalakian, santapan di dalam istana, menghantarkan jenis-jenis permainan. Orang berdikir tiap-tiap malam, dihadap oleh dayang-dayang. Kemudian daripada itu, bertitahlah (*hlm. 44*) Maharaja, "saya ini, ayah dan bonda, ke hadapan ini, sekiranya, jikalau ada tangga naik ke langit, sama-samalah kita. Tidak saya berniat yang kejahatan kepada negeri ayah. Jika mungkir demikian, dibinasakan Allah taala saya." Kadi Haji Abdul Rahman pun membaca doa selamat Maharaja bertitah itu, "saya menyilakan ayah dan bonda ke Johor bermain-main." Jawab Raja Pahang, "baiklah, nanti terbuka kuala."

Kemudian, berangkatlah turun, balik hilir dengan kapal. Sekalian menghantar, tembak meriam, terus belayar.

Dengan kelamaan, Raja Pahang berangkat mudik ke Pulau Tawar, bermain-main. Sekalian Datuk-datuk semuanya bersediakan balai, tiap-tiap tempat menghadap, mengadakan persembahan kerbau, kambing, sekalian makanan, dengan suka reda. Tambahan, raja berangkat mudik dengan membawa isteri, sekalian putera-puteranya. Sangatlah indah angkatan itu. Sekalian perahu kenaikan sampai ke Pulau Tawar. Maka disambut oleh Imam Perang Indera Gajah Pahang dengan sambut mulianya; disediakan dengan kota istana dan membuat jalan ke Kota Gelanggi. Berangkatlah raja membawa sekalian isteri-isteri dan putera-putera dan sekalian dayang-dayang, sebab tempat itu sangat cantik dan peliknya.

Dengan kelamaan, raja pun baiklah dengan Orang Kaya Jelai. Sekalian kesalahan(nya) diampunkan, kerana taat dan setianya. Maka digelarlah gelaran Yang Maha Mulia Maharaja Perba Jelai di balai Pulau Tawar, bagaimana istiadat orang besar-besar.

Syahadan, seperti Tuk Kaya Lipis yang dipecat itu, dilepaskan balik

duduk ke Lipis. Dan lagi, seperti perintahan Maharaja Perba Jelai itu, diambil balik dari Tir sampai di Kuala Cheka, dikurniakan kepada perintahan Panglima Garang Usop.

Maka tiada berapa lama, raja pun berangkat hilir. Tuk Kaya Chenor dan Panglima Garang mempersembahkan balai gambang besar, kenaikan raja. Datuk-datuk bersiapkan tuba, menuba Pahang. Tuk Kaya Chenor membelat Pahang, menuba Lubuk Paku. Maka sangatlah banyak dapat ikan mati. Raja terlalu suka menikam ikan, tiadalah dapat diperikan. Dengan kelamaan, sampailah ke Pekan, selamat sejahtera, adanya.

**Berangkat ke Johor**

***Alkisah cetera tiga puluh tiga,*** raja bersiap hendak berangkat ke Johor dengan angkatan. Setelah menulis kepada kerajaan Johor, maka Haji Muhammad Nor disabdakan mudik berniaga ke Hulu Tembeling, sembilan buah perahu besar, membawa sekalian jenis barang-barang. Pertama, apiun dan tembakau dan wang akan membeli emas di sungai yang tiga itu. Termaklum, perniagaan Haji Muhammad Nor. Maka berkuat-kuasalah ia di situ.

Maka di dalam hal yang demikian, telah sampailah kapal dari Johor (ber)nama Panti, pegawainya dan orang besar-besar, mengambil raja. Setelah berkemaslah, sekalian meninggalkan negeri. Tuan Ngah dan Encik Lambak Benta wakil ganti raja memerintahkan di dalam negeri.

Maka berangkatlah belayar; selamat sampai ke Singapura, disambut oleh Tuan Gabenur dengan mulianya. Ditembak meriam sebagaimana adat raja yang besar-besar; disediakan dengan istiadat dan santapan. Kemudian, berangkat ke Johor, lalu disambut oleh Maharaja Johor dengan kemuliaan.

**Pertabalan, Perkahwinan dan Berkhatan**

***Alkisah cetera tiga puluh empat,*** sekalian orang besar-besar di dalam negeri Pahang yang berhak, ke Kuantan, berhimpunlah di Pekan, menghadap raja. Sekalian itu berdatang sembah. Dengan permintaan Orang Besar Berempat serta dengan kedua Imam Perang Indera Gajah Pahang dan Imam Perang Indera Mahkota, hendak gelaran Yang Mulia itu, digelar Yang Mulia Sultan.

Maka telah dikabulkan persembahan itu kerana layak dan patutlah bagi negeri. Dua Imam Perang yang besar sekali dan empat orang bagi menteri mengenakan gelaran Sultan itu. Maka telah tetaplah pakatan itu, sekalian syarat-syarat, adat dan istiadat serta bakal Datuk Bendahara dan bakal Temenggung dan Bentara Kiri dan Kanan. Maka Datuk Syahbandar menyusunnya.

Maka mula bekerjalah dengan sedikit masa.

Ketika yang baik, berhimpunlah sekalian isi negeri, orang besar-besar daripada jajahan takluk semuanya; telah diangkatlah gelaran nama Yang Maha Mulia itu, iaitu Sultan Ahmad al-Muazzam Syah, Yang Dipertuan Negeri Pahang. Dan isteri Yang Mulia, Cik Puan Bongsu diangkat Yang Maha Mulia Tengku Ampuan dan serta putera-putera sekalian: (*hlm. 45*) diangkat gelaran Yang Mulia Tengku Long, Tengku Mahmud dan Tengku Ali dan Tengku Abdullah. Demikianlah sekalian putera-putera yang akan datang.

Kemudian, tiada berapa lama, Datuk Menteri Johor pun datang ke Pahang dititahkan oleh Raja Johor. Niatnya, hendak membuat peraturan negeri. Inilah tujuan Datuk Menteri yang dititahkan itu. Dengan kelamaan Datuk Menteri di Pahang, dikurniakan bini. Setahun lamanya Datuk Menteri di Pahang bermain-main, sangatlah kasih Raja Pahang. Kemudian, balik ke Johor.

Kemudian daripada itu, beberapa tahun, Yang Maha Mulia Sultan Pahang pun hendak bekerja akan putera(nya), Tengku Dalam, iaitu kahwin dengan Tun Ali dan khatan putera(nya), Tengku Mahmud.

Maka sekalian orang besar-besar hendak ditabalkan oleh Yang Maha Mulia itu. Fasal bertabal, maka bersetujulah segala orang besar-besar. Maka Yang Maha Mulia Tengku Ampuan telah membuatlah bagi kesiapan bagaimana istiadat tabal Sultan, sekalian jenis, menurut seperti di dalam sejarah.

Kemudian daripada itu, kemudian Yang Maha Mulia Sultan, dititahkan pada Tun Mahmud mudik, membawa surat cap kepada sekalian orang besar-besar semuanya kerana hendak bekerja. Maka sekalian hilir, membawa persembahan bermacam jenis.

Setelah tetap, ketika yang baik, dimulai digantung di atas balairung seri, di dalam istana dan di paseban, bagaimana istiadat Yang di-Pertuan: serba kuning, bendera putih, tembak meriam. Maka inilah kerja yang besar peraturannya, jenis alatan terlabuh daripada kerja; dan sekalian persembahan orang besar-besar itu cukup dengan balai gambang, tersangatlah besar dan panjangnya. Masa itu, tiada cukup dengan harga $3,000 sebuah. Apatah lagi persembahan yang di dalamnya, bermacam-macam anika jenis tersebut dalam alkisah cetera dua puluh sembilan itu. Demikianlah besarnya.

Pertama-tama mengarak naga; kedua, diarak khatan. Tidaklah dapat diperikan besarnya.

Maka telah sudahlah kesiapan sekalian jenis kenderaan tabal: pertama-tama, Tuk Kaya Chenor membuat panca persada sembilan tingkat dan seekor naga. Panglima Garang Usop seekor naga. Sekalian itu semua dengan tempat rumahnya yang bertakhta perhiasan yang mulia. Air turun dari mulut naga. Itulah yang dipersiramkan Yang Maha Mulia di atas takhta panca persada. Datuk Syahbandar, singgahsana Takhta Rawana. Sekalian jenis membuat keinderaan, alatan

yang mulia-mulia itu, semuanya di dalam istana; perbuatan yang telah dipatut oleh Yang Maha Mulia Tengku Ampuan sendiri, dengan segala bentaranya yang perempuan. Sangatlah elok pada pandangan. Sekalian itu tiadalah dapat sedikit dibandingkan.

Maka sesungguhnyalah Yang Maha Mulia Tengku Ampuan itu Raja Perempuan yang bijaksana dan setiawan. Sekalian yang dipatutnya itu semuanya kena. Istimewa pula di dalam istana. Sekalian jenis alat-alatan di dalam istana, membuat hidangan, semua Yang Maha Mulia itu memeriksa dan bertitah; memberi kehebatan di atas jenis yang diperbuat segala mereka. Itulah hemah Yang Maha Mulia itu. Tiadalah bandingnya pada zaman itu, Raja Perempuan, daripada kelebihan cantik, elok rupa paras, tingkah lakunya. Dan mana-mana yang dipatutnya itu tiada dapat dicacatkan.

Syahadan, setelah siap perhiasan panca persada, dandannya dan khemah semuanya kuning, maka hadirlah sekalian jawatan-jawatan laki-laki perempuan. Semuanya anak raja-raja yang berbangsa. Tetampan, wali, alatan kerajaan serba enam belas. Maka pada masa ketika yang baik, setelah berhias Yang Maha Mulia di dalam istana bagaimana istiadat bertabal laki isteri, disilakanlah berangkat ke atas takhta panca persada dengan tertib, daripada satu pangkat, naik ke satu pangkat.

Demikianlah, persiraman air yang turun dan semburan daripada mulut naga, air emas perak. Doa selamat, kemudian selesailah. Sudah daripada itu, berangkat turun daripada panca persada, ke dalam istana.

Adapun Datuk Bendahara Seri Maharaja Abdul Rahman dengan Datuk Temenggung Siwa Raja yang telah sudah digelar gelaran Yang Mulia, dahulu kepada ini. Telah hadirlah di balai dan sekalian orang besar-besar, Imam Perang Indera Mahkota, Imam Perang Indera Gajah Pahang, Orang Besar Berempat dan Delapan dan Enam Belas. Bentara Kanan hadir, kiam di sebelah kanan singgahsana. Dan Bentara Kiri hadir di sebelah kiri takhta singgahsana. Dan sekalian rakyat negeri hadir di tanah, sekeliling balairung seri yang agungnya. Semuanya dihukumkan kiam dengan tertibnya.

Kemudian, Duli Yang Maha Mulia pun disilakan berangkat ke atas balairung, bersemayam. Dengan seketika, disilakan oleh Bentara Kiri ke atas takhta singgahsana dengan tertibnya dan tamaninahnya, tegak tegun. Kemudian, berserulah Datuk Bentara Kiri (*hlm. 46*) dengan nyaring seru, "Yang Maha Mulia!" Perkataan yang awal tiada disebutkan di sini. Lafaznya berturut-turut tiga kali. Menyahutlah sekalian mereka mengatakan, "Daulat Tuanku!" Menerulah suara, naik ke udara seperti bunyi lebah terbang, serta mengangkat tangan ke dahi kepala, rukuk hingga lutut.

Selesai daripada itu, Yang Mulia Datuk Bendahara pun beredarlah, membawa kehebatan dengan tertibnya, menjunjung duli Yang Maha Mulia. Kemudian, Datuk Temenggung; kemudian, sekalian orang besar-

besar, mengikut masing-masing pangkat, serta Imam Perang Indera kedua itu dan orang besar-besar, mana-mana yang patut. Tuan Kadi pun membaca doa, nyaring suara bunyi dan panjang doanya; berseru-seru mendoakan Yang Maha Mulia Sultan Ahmad al-Muazzam Shah, empunya kerajaan Pahang, kekal peroleh di atas takhta kerajaan selama-lamanya serta zaman umurnya. Inilah serunya.

Kemudian daripada itu, santaplah nasi besar yang bertakhta bersetakona sembilan tingkat, bertatah intan mutu maknikam, bersunting, daunnya emas, batangnya perak, disebut Santapan Tabal. Datuk Meriam pun memasang meriam, enam belas berturut-turut.

Adapun pekerjaan Yang Mulia ditabalkan, telah selamat sempurnalah sekalian pekerjaan di dalam takhta keinderaan yang diperbuat bagaimana adat-istiadat, semuanya ikhsan. Selesailah daripada itu, diperhubungkan pekerjaan khatan puteranya dan kahwin segeranya, seperti yang di bawah ini.

Maka berarakIah, iaitu arakan putera yang pertama, Tengku Mahmud, di atas takhta usungan. Sangatlah cantik, manis dipandang mata. Dan Tun Ali, anak raja teruna yang diarak kahwin itu, tujuh kali keliling kota. Sekalian orang menghadap berpasukan, anak raja-raja, orang besar-besar.

Ada seorang putih nama Tuan Skib, bersama-sama anak Singapura, iaitu Haji Arsad dan Muhammad Tahir, dibawa berarak sama ia. Yang demikian banyak suka hati, tetapi merah padam warna mukanya, susah, melihatkan sekalian mereka membawa usungan dengan beratnya; rupa-rupa ia hendak tolong.

Di dalam itu, sampai tujuh kali keliling, masuklah ia ke dalam kota dengan tertibnya. Istiadat kerenah, menurut seperti kerajaan, kisah yang kedua puluh sembilan. Maka ditambah jenis keinderaan Yang di-Pertuan.

Syahadan, adalah pada masa itu, beradat hadir sekalian Datuk-datuk, orang besar-besar dengan segala jawatan. Setelah selesai daripada bersiram, berendam, khatan, naik darat, bagaimana istiadat di tempat yang sudah dihiaskan alatan kerajaan. Dua orang berdiri laki-laki yang hebat, memegang pedang bercabut, di belakang Tuk Mudin. Maka Tuk Mudin pun dengan tenangnya membuat kesiapan yang patut. Maka Tuk Mudin pun telah sempurnakan khatan itu dengan selamatnya.

Kemudian daripada itu, menurutlah bagaimana adat-istiadat. Adapun masa membasuh balai, joget bermain di atas balai, bagaimana istiadat di balairung seri itu. Sangatlah indah permainan joget itu. Tiadalah dapat dibandingkan keelokan peraturannya serta dinama menggebeng. Yang pertama berangkatlah menggebeng itu, Datuk Bendahara Seri Maharaja dari balai lintang; berjalan naik ke atas seri balai, berlenggang, membawa laku yang kehebatan. Bersemayam sebentar, datanglah joget menghampiri, dengan tarinya. Tiap-tiap seorang membawa batil emas, berbunga sekaki, sirih satu kapur;

diambil di dalam batil itu, baharulah diletakkan ringgit, ganti. Tiap-tiap seorang joget, empat puluh ringgit dengan tertibnya. Demikianlah juga Engku Temenggung Siwa Raja, tetapi menggebeng seratus ringgit.

Kemudian daripada itu, anak raja-raja, sekalian orang besar-besar, dengan tarafnya, diberi lapan sampai empat puluh. Dan orang-orang anak menderheka, ketuaan yang kecil-kecil, dari tiga puluh sampai sepuluh.

Dua malam berturut-turut, dari pukul tujuh sampai pukul empat pagi, Yang Maha Mulia laki isteri bersemayam di atas singgahsana balairung seri, melihat sekalian orang besar-besarnya menggebeng. Masing-masing dengan tarafnya. Sangatlah sukanya Yang Maha Mulia melihatkan tingkah laku sekalian, berjenis-jenis rupanya.

Syahadan, kemudian daripada itu, sekalian pihak perempuan pula menggebeng, iaitu Yang Mulia Cik Puan Tengah dan Besar dan Sokma dan Wan Mandak Kiri, engku, tengku serta tuan-tuan puteri dan encik-encik sekalian, lain-lain yang tersebut. Semalaman sahaja dapat tiga ribu, masing-masing tarafnya, sebagaimana istiadat orang bahagian orang perempuan menggebeng. Adapun pekerjaan itu, sepuluh bulan genap, berhentilah dengan selamat sempurnanya. (*hlm.* 47)

**Perkahwinan Sultan Terengganu di Pahang**

***Alkisah cetera tiga puluh lima,*** kerajaan Terengganu, lama dengan kelamaan, Yang Maha Mulia Tengku Ampuan, setelah siaplah alatan dan sekalian yang didandannya di dalam istana, jenis perhiasan, bagi istiadat dan menerima raja yang besar-besar. Berpikul-pikul emas ditempakan membuat jenis alatan.

Apakala siap, maka dipendekkan kisahnya, Yang Maha Mulia Sultan telah menitahkan Tuan Hitam menteri dan Encik Gaduh, pergi meminjam kapal kerajaan Johor, iaitu kapal Panti. Maka diberilah oleh kerajaan Johor, dibawa balik dengan segeranya. Maka kemudian dititahkan Tuan Mandak, Tuan Hitam pergi ke Terengganu dengan angkatan, membawa istiadat, mengambil Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Terengganu, kerana kahwin.

Sampai ke Terengganu, telah siap angkatan empat puluh buah perahu, besar kecil, pinis dan penyajap, dengan sekalian orang besar-besar, menteri, hulubalang, dan berlangkahlah. Yang di-Pertuan, kenaikan kapal Panti; banyak orang laki-laki dan perempuan, dua ribu lebih. Sampai ke Pahang, disambutlah bagaimana istiadat raja-raja yang besar-besar. Sekalian orang-orang, anak raja-raja sampai, cukup dengan rumahnya disediakan dan sekalian jenis makanan. Yang di-Pertuan bersemayam di Istana Rupa, yang telah dihiaskan dan didandankan istana itu.

Di dalam begitu, janji pertemuan Yang Maha Sultan Ahmad

Muazzam Syah, dengan izin Yang Maha Mulia Tengku Ampuan, beristerikan Tengku Besar Terengganu, janda Yang Maha Mulia baginda almarhum, dengan persetujuan Yang di-Pertuan Terengganu. Yang Maha Mulia Tengku Ampuan pun menghantar belanja seribu enam ratus, hantaran serba enam belas, kain baju, orang enam belas, laki-laki perempuan teruna, kahwin dengan selamat dan sejahteranya.

Telah selesai daripada itu, mulailah meletakkan kerja kahwin putera Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Terengganu, sekalian jenis gantungan. Setelah sudah, ialah pekerjaan menghantar belanja, bagaimana adat Yang di-Pertuan, menerima dan menghantar. Sangatlah besar pekerjaan, berdampar kerajaan Pahang dengan kerajaan Terengganu. Keduanya itu menteri yang bijaksana. Tambahan segala saudara Yang di-Pertuan, semuanya ada mendirikan persetujuan. Dengan kehendak Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang, bekerja besarlah.

Masuk tiga bulan, dengan takdir Allah wa taala, penyakit cacar pun datanglah. Banyak orang yang sudah kena. Maka Yang Maha Mulia pun dukacitalah kerana sekalian puteranya kena.

Maka diringkaskanlah pekerjaan oleh orang besar-besar, berarak bagaimana istiadat dan sempurnakan kahwin itu. Telah selamat sempurna, bersanding yang masuk pelamin dengan sejahteranya, maka dengan segera membasuh bali. Orang besar-besar di Hulu menggebeng joget, bertari di balai dengan ketakutan akan penyakit. Selesai daripada itu, segala orang besar-besar Hulu Pahang bermohonlah balik mudik.

Maka sekalian pekerjaan itu, sungguhpun pendek pekerjaan, cukuplah kerenahnya, seperti bersiram sampat itu; cukuplah bersuka-sukaan bagaimana istiadat.

Telah selamat sekalian, Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Terengganu bersemayamlah di dalam bersuka-sukaan suami isteri di atas takhta, berkasih-kasihan. Maka Yang Maha Mulia Seri Paduka ayahanda dan Seri Paduka bonda pun sangatlah limpah kesukaan melihatkan suami isteri itu; tiadalah boleh hendak disifatkan keduanya itu, laksana pinang dibelah dua.

Kemudian, dengan takdir Allah taala, di dalam dua puluh hari daripada itu, Yang Mulia Tengku Long pun geringlah, demam cacar; kemudian Yang Mulia Tengku Mahmud dan Yang Mulia Tengku Ali. Maka dukacitalah hal yang demikian. Dengan kurnia Tuhan *Rabbul-alamin*, baiklah putera Yang Maha Mulia itu. Dan Yang Maha Mulia Tengku Long pun sudah sihat.

Maka Yang di-Pertuan Terengganu hendak memohon balik kepada Seri Paduka ayahanda bonda; baliklah ke Terengganu melihat negeri; berangkat belayar, dihantar oleh segala orang besar-besar Pahang. Selamatlah sampai ke Terengganu, adanya.

Maka adalah kepada suatu masa, Yang Maha Mulia Sultan menitahkan Haji Muhammad Nor menghadap Sultan Johor,

menyerahkan puteranya, iaitu Tengku Mahmud. Telah disembahkan, maka jawab Sultan Johor, "maksud ayah itu bertuluslah kepada hati aku. Kelak aku mengadap sendiri ayah dan bonda ke Pahang." *(hlm. 48)*

**Triti Pahang–Inggeris**

***Alkisah cetera tiga puluh enam,*** kata sahibulhikayat, maka datanglah Tuan Swettenham dari Perak, masa ia menjadi Residen Perak, dengan angkatannya. Dua puluh empat sojar Sikh dibawanya. Sampai ke Pekan, disambut dengan hormat, berhenti di balai gambang.

Adapun ia menghadap Raja Pahang itu dengan kehendak Tuan Gabenor kerana hendak bersahabat, buat triti di antara Inggeris dengan Raja Pahang. Maka jawab raja, "perkara ini saya minta tempoh, muafakat dengan sekalian orang besar-besar." Maka Tuan Swettenham pun balik dengan kapal. Begitu juga, dengan segera Yang Maha Mulia memanggil sekalian orang besar-besar hilir ke Pekan, kerana hendak mesyuarat negeri.

Kemudian daripada itu, sampailah sekalian orang besar-besar yang berempat: Tuk Kaya Syahbandar, Tuk Maharaja Perba Jelai, Tuk Kaya Pahlawan Chenor, Tuk Kaya Segara Temerloh, Imam Perang Indera Gajah Pahang dan Imam Perang Indera Mahkota serta Orang Besar Delapan dan Enam Belas, mari menghadap Sultan. Lalulah Sultan bertanya, "apa-apa fikiran Datuk sekalian, fasal Tuan Gabenor ada menyuruh Tuan Swettenham, Residen Perak, berjumpa saya, kerana hendak bersahabat di antara dengan kita". Maka lalulah dijawab oleh sekalian orang besar-besar. Setengah menyembahkan, "lebih baik kita bersahabat dengan (nya)." Dan setengah orang besar menyembahkan, "jangan kita bersahabat, tiada memberi faedah." Kemudian kata setengah, "jikalau mengikut bagaimana triti Inggeris dengan Johor, bolehlah kita mengaku."

Kemudian, di dalam pada itu, kata sahibulhikayat, Engku Muda dapat sedikit nasihat segala kerabat yang di Singapura dan Johor, mencuba hendak membuat pergaduhan, serta dicampur oleh Raja Empeh dan Raja Ismail yang di Pahang anak-beranak, Wan Lingga dan dua orang saudara Tuan Mandak, bernama Nong Chik dan Tuan Lebar, akan datang ke Pahang, hendak menyerang, membangkitkan peperangan.

Maka hal ini telah diketahui oleh Sultan Ahmad. Maka segeralah dititahkan menyuruh tiga orang iaitu Tuan Mandak, Encik Abdullah Tulis, kerana lagi guru kepada Engku Muda dan Tuan Hitam Menteri, pergi memberi nasihat kepada Engku Muda di Johor. Maka tiadalah berapa didengarkan. Maka sembah Engku Mandak, "jikalau sekiranya kaus Engku berkehendakkan Endau atau Rompin itu, tentulah

dikurniakan oleh Paduka kakanda itu." Maka Engku Muda pun diam, titahnya, "nantilah dahulu, saya akan balik juga ke Pahang, menghadap sultan."

Kemudian, Tuan Mandak pun baliklah ke Pahang menghadap sultan, menyembahkan yang paduka adinda minta nanti sedikit hari, akan balik mengadap.

Kemudian daripada Tuan Mandak balik ke Pahang, maka Engku Muda pun belayar pergi di Kelang akan ke Pahang; siaplah dengan orang di Hulu Selangor. Dan Wan Lingga bersiap kubu di dalam Budu. Pada itu, dapatlah diketahui oleh Tuan Gabenor fasal Engku Muda itu. Maka lalulah segera dipanggil balik ke Singapura. Maka seperti Wan Lingga, Wan Selat dan Wan Raja Empeh di Raub itu, menanti sahaja.

Maka hal yang demikian, datanglah Imam Perang, melihatkan perbuatan Wan Lingga dan Wan Selat itu, serta diberi nasihat bermacam-macam. Kemudian, lalu menghadap Raja Empeh ke Raub, bertanya apa-apa hal. Maka jawab Raja Empeh, "saya ini Datuk, hendak mencari tanah galian timah dan emas. Kemudian bila dapat tempat, baharulah hilir menghadap sultan. Dan janganlah Datuk dengar apa-apa fitnah orang." Kemudian, Imam Perang Indera Gajah Pahang pun balik hilir bersama-sama dengan Pahlawan Gandut.

Syahadan, bila sampai, Engku Muda berjumpa Tuan Gabenor di Singapura, lalulah bermuafakat, "jangan Engku Muda buat gaduh. Saya boleh tolong minta Sultan Pahang memberi pencen Engku Muda dua ratus ringgit sebulan." Kemudian, Tuan Gabenor menyuruh Tuan Swettenham membawa Engku Muda balik ke Pahang, disuruh berdamai dengan Sultan Pahang. Maka Tuan Swettenham pun membawa Engku Muda masuk Pahang menghadap sultan, katanya, "tuan Raja, ini Engku Muda, Tuan Gabenor suruh saya bawa menghadap Tuan Raja kerana Tuan Gabenor banyak sayang sama Tuan Raja dan adik Tuan Raja. Dengan sebab itu, patutlah Tuan Raja maafkan apa-apa silap adik Tuan Raja."

Maka sultan pun jawab, "fasal saya tuan, sudah saya suruh panggil adik saya ini pada Tuan Mandak dan Tuan Hitam serta Encik Abdullah, gurunya. Jikalau dia berkehendakkan Sungai Endau atau Rompin, bolehlah saya bagi, kerana saya memandangkan kesusahan dia di Singapura itu. Maka sekarang, saya terima dengan ikhlas hati sebab adik saya banyak silap." Kemudian Tuan Swettenham pun balik ke Singapura dan Engku Muda (*hlm. 49*) tinggal di Pahang.

Maka terbuka kuala. Engku Muda menghadap paduka kakandanya, memohon hendak belayar ke Singapura sebentar, "Lebih kurang enam bulan adalah patik balik." Maka lalulah dibenarkan oleh sultan.

Kemudian, bila sampai masanya lebih kurang enam bulan, adalah balik Engku Muda bersama-sama dengan Tuan Hugh Clifford, ikut jalan Hulu Pahang, bermain-main di Lipis. Ada sebulan lebih kurang,

sampailah ia ke Pekan dengan rakit, balai gambang dan perahunya. Maka Engku Muda menghadap sultan membawa Tuan Hugh Clifford. Kemudian, ia memohonkan tanah di kuala Air Hitam. Maka dikurniakan oleh sultan kepada Engku Muda, lalulah ia membuat rumah. Dan Tuan Hugh Clifford balik ke Singapura. Kemudian, tiada berapa lama di Singapura, datanglah ia balik ke Pahang, duduk bersama-sama dengan Engku Muda; tersangatlah berkasih-kasihan, tulus ikhlasnya, bermain-main tiap-tiap hari.

Maka dengan kelamaan, Tuan Gabenor Weld pun datang ke Pahang dengan kapal *Sea Belle*, minta Yang Maha Mulia Sultan menyain triti di antara kerajaan Inggeris dengan kerajaan negeri Pahang. Maka kata sultan, "saya suka juga bersahabat dengan tuan, bertriti. Tetapi saya minta, macam mana triti dengan kerajaan Johor" Maka (kata) Tuan Gabenor, "serupa juga, hanyalah diubah sedikit sahaja, bagaimana yang tersebut di dalam triti Johor fasal yang ketujuh, ditambah."

Maka musykillah Sultan Pahang fasal itu; dinanti oleh Tuan Gabenor di Kuala Pahang; tujuh hari tiada naik ke darat; menyuruh Tuan Clifford dengan penolong-penolongnya. Dan pihak sultan, menitahkan orang besar-besarnya, Datuk-datuk, Orang Kaya Syahbandar dan Tuk Imam Perang Indera Gajah Pahang dan Datuk Orang Kaya Pahlawan Chenor, turun ke kapal, bercakap panjang, jangan diubahkan sebagaimana perjanjian Inggeris dengan kerajaan Johor. Demikianlah. Sultan kehendakkan mereka tulislah. Di antara kedua pihak tiada dapat betul; dengan Tuan Gabenor pun baliklah ke Singapura.

Dengan takdir Allah taala Sultan Ahmad pun menyuruhkan sekalian orang besar-besarnya menghadap Sultan (Johor), kerana perselisihan dengan Tuan Gabenor yang termaklum itu. Maka Sultan Johor pun lalulah memberi nasihat pada sekalian orang besar-besar Pahang; disuruh sembahkan pada Sultan Pahang, "lebih baiklah disain, kerana tiada apa-apa perbezaan di antara Johor dengan Pahang. Bersama-sama kita berharap di bawah naungan yang keadilan."

Maka sekalian orang besar-besar Pahang pun memohon balik ke Pahang; disembahkan sebagai titah Sultan Johor itu.

Maka dengan kerana nasihat itu, maka Sultan Pahang mengakulah hendak menyain serta menulis surat kepada Tuan Gabenor. Dititahkan membawa surat itu ialah Imam Perang kedua iaitu Imam Perang Indera Mahkota dan Imam Perang Indera Gajah Pahang, wakil ganti sultan, pada mengaku bersahabat; dan yang triti, kemudian. Lalulah sampai di Singapura, berjumpa dengan Tuan Gabenor; disambut dengan kehormatan bagai jeneral peperangan Pahang, membawa utusan, ganti sultan, pada jalan yang kebajikan.

Apakala sudah tetap lepas dari tujuan Tuan Gabenor kepadanya, kedua Imam Perang jeneral itu pergi (ke) Johor menghadap Sultan Johor, menyampaikan titah rajanya. Maka dengan persetujuan Gabenor dengan sultan, dihantarkan Datuk Johor serta dengan orang besar-besar

di pihak gobermen Inggeris. Dan Tuan Hugh Clifford ganti Tuan Gabenor datang ke Pahang kerana menyain di dalam surat perjanjian Pahang dengan gobermen Inggeris.

Maka telah disainlah oleh dua orang Imam Perang serta diiringi Datuk-datuk yang lain pihak sultan dan negeri Pahang, di atas balairung. Setelah sudah selesai, sekalian orang besar-besar Johor memohon balik ke Singapura. Dan Tuan Clifford dijadikan gobermen ejen di Pekan, Pahang, tanah kerajaan di Kota Biram, bagaimana yang tersebut di dalam triti fasal yang ketujuh itu.

Di dalam pada itu, Yang Maha Mulia pun masukkan kompeni, kerana ia suka mendatangkan hasil dan meramaikan negeri. Pertamanya, Kompeni Pahang *Corporation*; keduanya, Penjom *Mining Company*; ketiga, Selinsing Mining *Company*; keempat, Raub *Company*, Sayyid Muhammad al-Sagoff; kelimanya, Lubuk Belida *Company*; keenam, Sayyid Hassan al-Attas; ketujuh, China Tan Hsin; delapan, *Sawmill Company* Kuala Pahang. Maka segala kompeni yang tersebut itu semuanya Sultan Pahang memasukkannya.

Kata sahibulhikayat, Yang Maha Mulia Sultan memanggil sekalian orang besar-besarnya hilir ke Pekan, kerana mesyuarat, hendak berkhatan akan puteranya, Tengku Ali. Kemudian, hilir (*hlm. 50*) mari menghadap semuanya, mesyuarat. Telah tetap, masing balik kerana berkerah serta membawa persembahan datang. Kemudian, apakala siap pekerjaan masing-masing, dimulailah meletakkan kerja mengikut istiadat yang telah lalu, sekalian peraturan dan kerenahnya.

Maka tiada lama kerjanya, empat puluh hari sahaja. Maka sekalian peraturan macam kerja sepuluh bulan dahulu. Telah habislah pekerjaan, hatta sekalian orang besar-besar memohon balik masing-masing, adanya.

Syahadan, kemudian, lebih kurang masuk dua tahun gobermen ejen Tuan Clifford di dalam Pahang, datanglah takdir Allah taala, kematian seorang Cina, nama You Hui. Maka Tuan Clifford, gobermen ejen, dituduhnya, Cina (itu) diperbuat oleh orang Pahang dengan aniaya. Akan halnya, Cina itu jatuh terhempas, terkena pada batu, lalu mati. Maka oleh kuat tuduhan gobermen ejen, (di) repotnya pada Tuan Gabenur, mengatakan Cina itu terkena bunuh dengan zalim aniaya.

Kemudian datanglah Tuan Gabenor Smith, mendakwa Sultan Pahang. Maka masa itu, seketerinya, Tuan Swettenham, minta bela kematian orang British subjek yang mati terbunuh di dalam Pahang. Akan halnya, Cina itu bukan sekali-kali British subjek; ialah anak negeri Cina mari terus ke Pahang.

Kemudian, enam hari, Tuan Gabenor berlabuh kapal di Kuala Pahang. Tiap-tiap hari naik ke darat menghadap Raja Pahang. Petang-petang turun ke kapal. Maka katanya, jikalau tidak dapat sipembunuh Cina itu, dia minta taruh pegawai Inggeris, penjaga di dalam negeri Pahang. Masa itu untung besar negeri Pahang kerana Tengku Mahmud

sudah besar; masuk di dalam mesyuarat negeri pada memikir dan menimbangkan apa-apa hal yang telah jadi. Maka seperti Tuan Gabenor, tersangatlah akan diluluskan apa-apa kehendaknya, salah satu daripada kedua itu. Maka tidak, sultan sekali-kali tiada menerima gobermen British. Maka dengan begitu juga, Tuan Gabenor pun balik ke Singapura dengan kemusykilan hatinya kepada Sultan Pahang.

Bila sampai di Singapura, lalu ia berjumpa dengan Sultan Johor, bercakap fasal kematian seorang Cina yang telah dituduhnya teraniaya itu. Dan serta hendak memasukkan pegawai Inggeris, penjaga bagi keamanan negeri. Maka apakala sultan mendengarkan demikian hal, ia pun minta hendak pergi ke Pahang, kerana memberi nasihat kepada Sultan Pahang. Maka bersetujulah dengan Tuan Gabenor.

Kemudian, tiada berapa hari, berangkatlah Sultan Johor ke Pahang, diiringkan oleh Datuk Menteri Jaafar dan Datuk Amar Abdul Rahman. Sampai ke Pahang, menghadap sultan serta memberi bermacam-macam nasihat yang kebajikan. Dan serta dipanggil oleh Sultan Johor akan sekalian orang besar-besar Pahang, kerana mendengarkan mesyuarat di antara dia dengan Sultan Pahang.

Maka yang pertama, Sultan bersumpah menyebut nama Allah, "*wallahi wabillahi*, sekali-kali saya datang ini tiadalah berniat aniaya kepada ayah dan negeri ayah. Dan ialah saya mencari kebajikan semata-mata. Kita ikutlah kehendak Tuan Gabenor akan taruh pegawai Inggeris di dalam negeri Pahang. Apa-apa maksud, ayah nyatakan kepada saya, kita boleh buat perjanjian. Kemudian daripada itu, banyaklah kebajikan." Maka Sultan jawab, "adapun hal ini, nantilah, saya hendak mesyuarat dengan sekalian orang besar-besar saya dahulu. Dan silalah anakanda berangkat balik dahulu." Maka Sultan Johor pun baliklah ke Singapura, berjumpa Tuan Gabenor, mengatakan sultan hendak muafakat dahulu. Nantilah, di dalam tiga minggu itu dapatlah jawabnya.

Kemudian, bila sudah lepas balik Sultan Johor itu, lalulah Sultan Pahang memanggil sekalian orang besar-besarnya. Maka hadirlah Maharaja Perba Jelai, Orang Kaya Pahlawan Chenor, Imam Perang Indera Gajah Pahang, Orang Kaya Pahlawan Semantan, Imam Perang Indera Mahkota, Orang Kaya Segara Temerloh, Orang Kaya Syahbandar Benta dan serta sekalian orang besar-besar yang lain. Setelah semuanya datang mengadap sultan, maka lalulah sultan bertanya, "apakah fikiran yang baik kita buat, fasal Sultan Johor, dengan suruhan persetujuan Tuan Gabenor, mari memberi nasihat kepada saya. Disuruhnya saya mengikut kehendak Tuan Gabenor, masukkan orang Inggeris, penjaga negeri Pahang, kerana bela kematian seorang Cina itu. Maka inilah saya memberitahu (*hlm. 51*) sekalian Datuk-datuk."

Maka yang pertama sekali menjawab, Imam Perang Indera Mahkota, Imam Indera Gajah Pahang. Keduanya dengan semacam bunyi sembahnya, seperti orang sudah muafakat. Katanya, "ampun bersabda,

ampun, terlebih baiklah diterima dan diturut nasihat Sultan Johor itu, mudah-mudahan amanlah kita daripada sekalian seteru. Terlebih maklumlah gobermen Inggeris, orang yang kuat kuasanya. Di dalam pada itu, terpulanglah pada ke bawah duli semuanya."

Kemudian, baharulah datang persembahan daripada Orang Besar Berempat, mengangkat tangan, "ampun duli tuanku, patik semuanya sangatlah bersetuju bagaimana sembahnya patik Imam Perang kedua itu, kerana dialah jeneral peperangan; telah termaklum padanya. Di dalam pada itu, menjunjunglah apa-apa titah perintah."

Maka titah Sultan, "saya ini sangatlah tiada bersetuju kiranya di bawah naungan lain. Tetapi apa boleh buat, sudah takdir Tuhan di atas hamba-Nya; melainkan inilah saya memanggil sekalian Datuk-datuk. Jikalau sudah Datuk-datuk fikirkan begitu, saya pun menurutlah, kerana bukan lawannya kita dengannya. Maka kepada hari (ini), tetaplah di dalam mesyuarat kita, diikut kehendak Tuan Gabenor." Maka sultan pun bertitah pada Tuan Hitam, "buatlah surat; satu pada Tuan Gabenor dan satu pada Sultan Johor, bagaimana keputusan di dalam mesyuarat negeri ini."

Yang demikian, Tuan Hitam pun menulislah warkah rencana. Telah sudah, dibaca, bersetuju; lalulah dituliskan dengan segeranya. Bila sudah, lalu disain dan ditekap cap. Demikianlah bunyi surat itu, kemudian daripada pujian.

## Pahang dan J. P. Rodger

*Alkisah cetera tiga puluh tujuh,*. Sultan Johor berangkat balik. Sultan Pahang menghantar kuala Pahang ke kapal, serta diserahkan dua puteranya bersama-sama Sultan Johor, iaitu Tengku Mahmud dan Tengku Ali, sampai ke Singapura. Maka tiada berapa lama, surat Tuan Gabenur pun datanglah, menyatakan, "di belakang ini, akan dihantarlah satu tuan yang bijaksana, biasa dengan pemerintah Melayu, akan jadi British Residen kerajaan negeri Pahang."

Di dalam itu, sampailah Tuan J. P. Rodger ke Pahang. Empat buah kapal perang, kapitan memakai pakaian kerajaan, naik ke darat, menghantar Tuan Rodger menghadap Sultan Pahang; disambutlah di istana dengan hormatnya. Sultan sedia menanti, bersabda dengan tulus ikhlas. Demikian juga Tuan Rodger, sangatlah hormatnya kepada sultan serta minum teh, makan zuadah. Kapitan yang keempat pun menyilakanlah sultan berangkat ke kapal, bermain-main.

Maka kapitan turun dahulu, sultan berangkat bersama-sama Tuan Rodger serta sekalian orang besar-besar. Sebuah kapal api kecil angkatan, dekat dengan kapal perang, disambutnya oleh kapal yang keempat dengan meriam dan barisan; cukup hormatnya diperbuat oleh kapitan kapal. Kemudian, naiklah sultan ke kapal yang bernama *Orion*.

Bermacam-macam dicubanya buat kelakuan perang, sangatlah hebatnya.

Kemudian, sultan memberi ucapan terima kasih pada sekalian ofsir-ofsir, lalu berangkat balik, memberi selamat tinggal. Kemudian, kapitan membalas hormatnya. Meriam keempat buah kapal berbunyi bertalu-talu, tiadalah dapat hendak dikatakan; sangatlah dahsyat kepada orang yang tiada biasa, dan kehebatan pada telinga yang biasa mendengarkan meriam.

Maka Sultan sampai ke Pekan bersama-sama Tuan Rodger. Dan keesokan harinya, datanglah sekalian orang besar-besar negeri dipanggil sultan, kerana hendak menyerahkan pemerintahan serta berkenal-kenalan dengan Tuan Rodger. Maka datanglah semuanya, menghadap sultan berserta berkenal-kenal dengan Tuan Rodger.

Maka kemudian, Tuan Rodger pun memohon hendak balik sebentar di Singapura, kerana hendak membuat sekalian jenis *book* peraturan negeri yang akan dipakai, dijalankan di dalam kerajaan negeri Pahang. Lima belas hari, Tuan Rodger baliklah ke Pahang, membawa sekalian *book-book* dan undang-undang serta askar, mata-mata, supaya menjaga negeri Pahang.

Di dalam hal yang demikian, Tengku Mahmud dan (*hlm. 52*) Tengku Ali balik dengan selamatnya dari Singapura dan Johor, daripada mengiring Sultan Johor itu. Kemudian, titah sultan kepada puteranya Tengku Mahmud, menyerahkan kira negeri, bersama-sama menjalankan dengan Tuan Rodger itu. Maka kemudian, mesyuaratlah Tuan Rodger dengan Tengku Mahmud, hendak membuat *court* dan polis pada tiap-tiap daerahnya: Pekan, Kuantan, Rompin dan Temerloh, mula-mula dibangunkan peraturan negeri.

Adapun Tengku Mahmud itu tersangatlah bijaksana. Daripada sekalian peraturan undang-undang Inggeris yang hendak dijalankan oleh Tuan Rodger itu, semuanya cukup erti dan faham. Maka oleh tu, tersangatlah kasih Tuan Rodger kepadanya kerana tinggi fahamnya, tiadalah dapat dibandingkan di Semenanjung Tanah Melayu ini kepada akal cerdik.

Kemudian, tersebutlah sultan berangkat mudik ke Pulau Tawar, bermain-main serta menunggu seladang.

Maka bila sampai di Pulau Tawar, disambut oleh Imam Perang Indera Gajah Pahang. Kemudian, berangkatlah sultan naik ke darat, bersemayam di istana yang disediakan oleh Imam Perang Indera Gajah Pahang, dengan balai kelengkapannya. Kemudian, memanggil orang besar-besar semuanya, membuat kubu pagar, kerana menunggu seladang di Tanjung Balik Angin, di seberang makam Lubuk Pelang. Maka belum pernah zaman berzaman Raja-raja Pahang menunggu seladang; baharu itulah sultan membuat pekerjaan yang besar. Banyaklah belanja. Kemudian, dapatlah seladang, kecil besar, semuanya ada lapan belas ekor. Kemudian, dihantar seekor kepada Tuan Gabenor Singapura.

Dan seperti Tuan Rodger, selalu mudik hilir, melihatkan permainan sultan macam-macam. Tersangatlah suka tuan itu melihatnya.

Kemudian, disuruh sultan mengambil Yang Maha Mulia Tengku Ampuan ke Pekan, pindah ke Pulau Tawar semuanya, dan Yang Mulia Engku Bendahara Seri Maharaja. Maka jadi bandar besarlah di Pulau Tawar itu. Beribu-ribu orang laki-laki perempuan yang berpindah ke situ.

Darihal Yang Mulia Tengku Mahmud, menjalankan pekerjaan negeri bersama-sama Tuan Rodger di Pekan, banyaklah peraturan yang dibuat bagi kehasilan. Maka selalulah juga Yang Mulia Tengku Mahmud berangkat mudik, menghadap ayahandanya bersama-sama Tuan Rodger ke Pulau Tawar, berkenaan dengan pekerjaan yang besar-besar. Kadang-kadang dia seorang sahaja mudik, menghadap ayahandanya.

Syahadan, di dalam tahun 1889, ada dijalankan pemakanan: sultan $3,000 sebulan dan sekalian orang besar-besar $100 sebulan. Maka di dalam itu, Encik Bakar Penghulu Balai yang dititahkan sultan, menerangkan nama sekalian orang besar-besar yang patut mendapat lis pemakanan itu, bersama-sama Tuan Rodger. Sultan fikir dia seorang yang baik. Demikian juga Tuan Residen; tiadalah diketahuinya seorang yang hasad. Maka dialah tempat Residen mengambil nama. Maka mana-mana yang dibencinya, dilindungkannya. Maka adapun Encik Bakar itu, bapanya orang Kedah. Kerana itulah ingatannya tiada baik pada orang-orang Pahang.

Maka lis itu ditunjukkan pada Tengku Mahmud. Dilihatnya banyak orang tiada tersebut di dalamnya itu. Musykil rupanya. Hendak ditambah, ubah, segan pada Residen. Maka katanya, "tuan bawa mudik kepada sultan, siapa-siapa yang hendak ditambah, dimasukkan lagi." Maka Residen mudik, disembahkan lis itu, "inilah sudah dibuat. Silalah tetap, siapakah lagi tuanku hendak tambah dan hendak masuk orang tuanku dan orang-orang negeri." Jawab Sultan, "baiklah kemudian nanti saya hantar lis pada tuan."

Maka sangat silap hal itu; tuanku sudah lupa. Maka Residen pun menjalankan pemakanan pada awal tahun. Bukanlah kesilapan itu pada Residen dan Tengku Mahmud dan dianya tuan serta orang besar-besar juga.

Kemudian, masa di Pulau Tawar itulah zahir putera sultan, Tengku Omar. Bondanya Encik Zabedah, yang sangat (di)kasihi oleh sultan, kerana elok parasnya, sangat cantik, manis tingkah lakunya; serta pula setiawan dengan taat akan diri(nya) kepada sultan, dan tegur sapa pada rakyat negeri yang datang menghadapnya, serta budi bahasanya. Maka dikurniakan pada orang-orang menghadap serta menolong apa-apa kesusahan orang. Patutlah menjadi isteri raja besar.

Pada suatu masa, sultan menyerahkan kerja berkahwin puteranya, Tengku Ali dengan putera Engku Muda, kepada Yang Maha Mulia Tengku Ampuan. Kemudian, bersiap serta persembahkan hadiah,

menghantar belanja, didandan tabak sirih bertingkat, bersetakona, berjenis-jenis rupanya (*hlm. 53*) yang mulia. Keluar daripada Cik Sokma sembilan (tabak); daripada Cik Dayang, enam tabak; dan daripada Imam Perang Indera Gajah Pahang, dua tabak; dan daripada Encik Mat Ali bin Talib, satu tabak. Maka perbuatannya itu bertewas-tewasan satu dengan lain.

Maka sampai masa, berhimpunlah sekalian orang besar-besar; beraraklah menghantar belanja bagaimana istiadat.

Adapun tabak yang diarak itu dengan tepak dan puan yang bertajuk Sunting Gemala genap seratus; lain kepada syarat-syarat yang lain-lain. Beraraklah tiga kali keliling kota; disambut oleh Yang Maha Mulia Tengku Ampuan dengan sekalian jenis permainan dan bunyi-bunyiannya, berdampar kedua(nya). Sekalian tempik mereka ke atas udara. Suara tiadalah dapat diperikan. Sekalian arakan itu dibawa masuk ke dalam kota. Maka gong besar pun dipukul; cogan alamat terdiri.

Tiadalah dipanjangkan kisahnya. Bekerja di dalam empat puluh hari genap, selamat sempurnalah pekerjaan berkenduri akan puteranya.

## Kebangkitan Semantan

*Alkisah cetera tiga puluh lapan.* Maka Tuan Rodger pun mudik menghadap sultan ke Pulau Tawar, kerana dia dapat hukum, tukar, jadi Residen Selangor. Dan katanya Tuan Hugh Clifford akan ganti.

Maka tiada berapa lama, Tuan Rodger pergi ke Klang dan Tuan Clifford ganti. Maka orang-orang Pahang pun suka juga kepadanya, kerana dia sangat baik, tetapi, laksana tali, ada seringnya terlebih. Maklum orang muda.

Maka Tuan Clifford (pun) merintah. Masa inilah dapat perselisihan; satu pertengkaran di antara Majistret Kuala Semantan dengan Orang Kaya Pahlawan Semantan. Maka segala hukuman yang dijalankan oleh tuan itu, banyaklah Orang Kaya Pahlawan tiada menurut. Dan sekalian orang besar-besar yang lain menerima pemakanan. Maka Orang Kaya Pahlawan tiada mahu menerima lagi jikalau tidak $500 sebulan.

Maka hal itu kedengaranlah kepada sultan; dipanggil ke Pulau Tawar; diberi nasihat kepadanya sendiri, serta bertitah kepadanya, "nantilah dahulu, saya boleh berkira dengan Residen fasal pemakanan itu. Hal yang lain, hendaklah ikut apa-apa hukuman Majistret itu." Maka jawab Orang Kaya, "titah ke bawah duli itu patik junjunglah. Apa-apa hukuman Majistret tidaklah sekali patik tahan, tegah, jika sudah dengan titah perintah ke bawah duli. Tetapi, jikalau pemakanan sebanyak $50 itu tidaklah patik menerima, kerana tiada cukup dengan tanggungan patik, dan ngeranlah patik mencari ayapan sendiri." Maka titah sultan, "fasal pemakanan itu, janganlah gaduh, boleh

ditimbangkan; dapat macam taraf pemakanan Maharaja Perba Jelai." Kemudian, Orang Kaya Pahlawan pun memohonlah balik hilir, ke Semantan. Maka senyaplah.

Lebih kurang tiga empat bulan lamanya, ada sebuah perahu Orang Kaya Pahlawan, disuruh orangnya membawa hilir rotan. Maka bila sampai di Kuala Semantan, ditahan oleh Majistret di situ. Kemudian daripada itu, dan serta pula Majistret memberi hukum pada sarjan, mudik, memeriksa sekalian rotan-rotan di dalam Semantan, kerana Majistret ada menerima repot dari sarjan di Lubuk Terua, mengatakan orang-orang Orang Kaya Pahlawan tiada mengambil pas bekerja barang-barang hutan, seperti rotan dan berbahan membuat perahu. Lalulah mudik sarjan.

Sampai di Rantau Panjang, tampaklah sebuah rumah, penuh dengan rotan tanah. Bila ditanya, jawabnya, "datuk punya rotan." Maka sarjan itu pun dibawa(nya) tuan rumah itu hilir, ke Kuala Semantan, berjumpa Tuan Majistret. Kemudian, ditahan di rumah pasung.

Lepas itu, Tuan Majistret pun mudik dengan gopoh-gapah, hendak menunggu Orang Kaya Pahlawan. Adapun nama Majistret itu Tuan Desbara. Maka mudiklah. Maka khabarnya, masa itu Orang Kaya Pahlawan memanggil orangnya, hendak disuruh hilir, berjumpa dengan Tuan Desbara, hendak menjamin orang yang kena tahan itu. Di dalam berkira itulah Tuan Desbara tiba, lalu naik ke darat, hendak menangkap Orang Kaya itu. Dan bila berjumpa dengan Orang Kaya, dia pun tidak sabar lagi dengan gopoh-gapahnya. (*hlm. 54*) Maklumkan, orang muda-muda membawa hukuman kerajaan.

Maka lalu berkelahilah. Lebih kurang sedikit, tuan itu pun balik, turun ke perahunya; hilir dengan gopoh-gapah, lalu karam, terukup perahunya. Maka orang Sikh terjun ke dalam air, habis mati lemas. Ada satu tuan, luka. Maka lepaslah hilir Tuan Desbara (ke) Kuala Semantan.

Maka masa itulah, baliklah nama kerat pusat, iaitu Bahaman. Kemudian Bahaman hilir, menyerang Kuala Semantan. Maka Tuan Desbara dengan sekalian orang-orang Sikh tiada sabar lagi, datanglah takutnya. Inilah perangai pegawai yang muda-muda, tambahan belum mencuba perkelahian. Maka katanya, "nampak ketuaan Temerloh tiada boleh diharap. Haruslah mendatangkan bahaya."

Maka Tuan Desbara hilirlah, terus berhenti di Chenor. Maka Bahaman pun sampailah dengan angkatan membinasakan rumah pasung Kuala Semantan dan rumah-rumah kerajaan di situ. Banyak sekalian mereka serta dengan Bahaman. Maka tiada berapa lamanya, baliklah ia memudik ke Hulu Semantan.

Di dalam hal yang demikian, dapatlah perkhabaran itu kepada sultan di Pulau Tawar. Maka besarlah kemusykilan Duli Yang Maha Mulia memikirkan gopoh-gapah Tuan Desbara itu. Tiadalah patut pegawai memerintahkan negeri begitu buatan, takut jadi panjang

peperangan. Jikalau diketahui terlebih dahulu, tiada dapat perkelahian itu. Di dalam hal itu, sekalian mereka di dalam Semantan bulatlah ia dengan Bahaman; sampai ke Bentong, di segenap tempat ia membuat kubu. Maka segala jalan-jalan datang dari Selangor semuanya ditutup, jaga.

Syahadan, Tuan Rodger pun mudiklah dengan segeranya dari Pekan, membawa askar orang Sikh dan Datuk-datuk sekalian. Maka segala Datuk-datuk pun berkerahlah, dari Pekan sampai ke Chenor dan Temerloh, kerana hendak menyerang Bahaman ke dalam Semantan. Dan Yang Mulia Tengku Mahmud pun berangkatlah mudik dengan angkatan, membawa segala hulubalang panglimanya. Maka bersemayam di Kuala Semantan, memanggil segala ketuaan-ketuaan Temerloh dengan beberapa kemurkaannya (terhadap) segala ketuaan-ketuaan dengan sebab tiada cukup menjagakan pertolongan kepada Tuan Majistret Desbara (di) Kuala Semantan. Sebab itu Bahaman boleh melakukan keberaniannya.

Kemudian Tuan Hugh Clifford, Suprintenden Hulu Pahang, sampailah di Kuala Semantan; terus ia mudik bersama-sama dengan orang besar-besar, iaitu Tuk Kaya Chenor dan lain-lainnya, menyerang, melanggar akan Bahaman itu.

Maka adapun Bahaman itu bertahan pada satu tempat bernama Kemuning. Maka berperanglah sedikit di tempat itu; dan sangat kuat Bahaman melawannya. Ia membuat kubu bentengnya. Maka di dalam perkelahian itu, nampaknya kepada pandangan Tuan Hugh Clifford, tiada baik perbuatan orang besar-besar, kerana perlawanannya tiada betul. Sebab itu Tuan Hugh Clifford balik hilir Kuala Semantan. Dan orang besar-besar pun beredar dari tempat itu. Maka sangatlah garangnya Bahaman itu; disangkakan sekalian orang besar-besar takut kepadanya.

Maka sultan pun sampai dengan angkatan bersama-sama dengan Tuan Rodger dan kepalanya Cik Abdullah Bera, Sayyid Ali, Imam Perang Teh Sanggang dan Panglima Garang Usop dan lain. Maka sampailah sultan ke Batu Hampar. Dan di situ ada kubu Tuk Muda Bidin. Ialah kepala di bawah Bahaman. Maka mereka itu ditangkap; dua orang, langsung titah sultan kepada Encik Abdullah Bera, suruh bunuh keduanya itu, kerana menurut hukum Bahaman, yang derhaka. Maka matilah keduanya. Dan kubu, rumahnya dibakar. Dan segala harta dirampas.

Kemudian daripada itu, mudiklah, melanggar, hendak menangkap Bahaman; sampai Kuala Kelau, maka langsunglah ke Bentong. Maka Bahaman semuanya habis lari. Maka sekalian kubunya dihukumkan bakar semuanya. Dan mana yang tinggal mereka bersama-sama dengan Bahaman itu, diperintahkan dipunggah hilir ke Kuala Semantan.

Maka tiada berapa lama, Yang Maha Mulia bersemayam di Bentong, berangkatlah hilir dan melepaskan askar, mengikut Bahaman di dalam

hutan, ke mana-mana pergi. Dan menjaga Semantan diserahkan kepada Encik Abdullah Bera dengan Sayyid Ali, ditakutkan Bahaman balik di situ.

Maka Encik Abdullah pun membuat kubu dan membuat satu kepala, iaitu Imam Perang Bakar namanya, dengan senapang dan askar diberi. Maka sekalian mereka itu berkubulah di Lubuk Terua. Encik Abdullah hilir, mengiring bersama-sama dengan sultan, sampai ke Kuala Semantan.

Maka di dalam pada itu, Bahaman pun keluar, merampas Imam Perang Bakar, wakil Encik Abdullah Bera. Maka Encik Abdullah Bera pun mudiklah dengan angkatannya, (*hlm. 55*) menyerang Bahaman. Kemudian, Yang Mulia berangkat mudik sendiri, membawa hulubalang, hendak menangkap Bahaman itu, bersama-sama Tuan Rodger. Maka sekalian orang-orang bersama Bahaman pun lari, dan kubu-kubunya habis dibakar. Kemudian daripada itu, Tengku Mahmud pun berangkat balik hilir bersama-sama Tuan Rodger; dan tinggal wakil menjaga, Encik Abdullah Bera, bersama-sama dengan orang Tengku Mahmud. Dan bila sampai di Kuala Semantan, maka Tuan Rodger mudik ke Pulau Tawar sebentar.

Di dalam pada itu, Bahaman pun keluar, melanggar Encik Abdullah Bera dengan segala orang-orangnya. Maka tiada berapa lama berkelahi itu, dipintas oleh Bahaman di sebelah hilir. Maka tiadalah dapat orang-orang hendak menghantar belanja Encik Abdullah. Kemudian, Encik Abdullah pun undur hilir. Itu pun ditahan di jalan, ditembak orang-orang hilir itu. Maka Encik Abdullah pun sampai ke Semantan. Maka segala mereka yang menyerta Bahaman, yang ada di Kuala Semantan itu, diperintahkan, dihukum anak-bininya, menungkah mudik.

Kemudian daripada itu, Tengku Ali dititahkan sultan jadi kepala besar, pada melihatkan sekalian pekerjaan orang besar-besarnya. Maka berangkatlah mudik, sampai ke Sanggang. Niatnya ditetapkan sekalian. Sultan balik mudik ke Pulau Tawar. Dan Tuan Rodger balik hilir ke Pekan. Maka di dalam pada itu, hilir Encik Embok dari Pulau Tawar, membawa khabar, katanya, "tuk Raja ada balik dari Kelantan, hendak membangkitkan pergaduhan bersama-sama dengan Bahaman." Maka dengan begitu juga, sultan memberitahu kepada Tuan Rodger, tiada beri hilir; diajak mudik bersama-sama ke Pulau Tawar. Titahnya kepada Tuan Rodger, "jikalau sebenarnya perbuatan orang besar-besar saya begitu, tuan lihatlah, bercerailah saya dengan dia." Maka dengan gembiranya bertitah itu. Maka jawab Tuan Rodger, "baik."

Maka kemudian, mudik dengan segeranya bersama-sama Tuan Rodger. Dan begitu juga, sultan menyuruh orang memanggil Haji Muhammad Nor di Hulu Tembeling; hilir dengan segeranya ke Pulau Tawar.

Kemudian, dititahkan sultan pada Encik Gaduh, mudik ke Jelai, memeriksa hal Datuk Raja itu, betulkah hendak membangkitkan

pergaduhannya. Maka didapati tiada benar perkhabaran itu. Kemudian, Haji Muhammad Nor serta Encik Gaduh disuruh sultan berjumpa Tuan Rodger, mengatakan bohong perkhabaran Tuk Raja itu; tiada sekali-kali hendak menderhaka kepada kerajaan.

Tersebutlah fasal Muhammad Kilau mudik ke Budu itu. Katanya, dia dapat titah daripada Tengku Mahmud, disuruh mudik ke Budu, kerana berkerah orang-orang Budu. Titah itu masa di Kuala Semantan, dekat Tengku Mahmud berangkat hilir ke Pekan. Sebab pun disuruh berkerah itu, kerana hendak mencari Bahaman. Maka Muhammad Kilau pun mudiklah ke Budu, berkerah sekalian orang-orang Budu. Maka budak-budak raja, mana-mana yang suka, mengikut Mat Kilau mudik ke Budu itu. Maka tiada berapa lama, sekalian orang dikerah itu, dibawa hilir di Kuala Lipis, hendak mengamuk. Tuan Clifford disuruhlah muafakat dengan Tuk Raja Jelai.

Pada dua belas puasa, maka perkhabaran itu dapatlah tahu oleh sultan, lalulah dititahkan pada Encik Gaduh serta Haji Muhammad Nor, menahan Mat Kilau itu, jangan membuat pergaduhannya. Dan jikalau tidak dipakainya, bolehlah Encik Gaduh dengan Haji Muhammad Nor menolong Tuan Clifford, bersama-sama dengannya. Maka lalulah dibuat surat cap, kemudian dikurniakan tiga puluh senapang, orangnya sembilan puluh. Maka titah sultan, suruh berjumpa pada Tuan Rodger maklumkan hal itu. Maka Tuan Rodger pun benarkan dan beri sepucuk surat (kepada) Tuan Clifford.

Maka Encik Gaduh, Haji Muhammad Nor pun segeralah mudik jam itu juga, sebab tempohnya sehari semalam sahaja, akan dibuat oleh Mat Kilau itu.

Maka mudiklah, sampai ke Pulau Samas pukul dua belas malam. Hilir Haji Abdul Latif Pedah, mengatakan, "jangan mudik, pukul sepuluh besok, tetaplah Mat Kilau mengamuk Kuala Lipis; menantikan orang-orang Tuk Raja hilir sahaja." Maka Encik Gaduh serta Haji Muhammad Nor pun susahlah memikirkan. Maka bertawakal alallah. Mudiklah malam itu dengan beberapa segeranya; sampai pukul lima petang, dilihatnya orang bukan kepalang ramai. Dan orang-orang Mat Kilau mengambil barang-barang di dalam kedai-kedai apa ia punya suka. Maka tuan(nya) tiada berani hendak menahan.

Maka Muhammad Kilau pun datang menyungsung Haji Muhammad Nor dan Encik Gaduh, bertanya, "apa kerja mudik?" Maka jawab Haji Muhammad Nor, "hendak menyerta Mat Kilau. Tetapi ada satu cap kepada Datuk Raja dan surat orang besar-besar, sebarang-barang hendak diperbuat; kita berjumpa dengan Tuk Penghulu dahulu. Maka sekarang, saya hendak berjumpa dengan (*hlm. 56*) Tuan Clifford"; lebih kurang pukul lapan malam, dengan sepuluh orang pengiringnya.

Maka Tuan Clifford sedia menanti di rumahnya dengan Tuan Fleming dan dua orang Sikh *Guard*. Maka lalulah bercakap-cakap dengan Hugh Clifford, katanya "saya datang ini dengan titah sultan.

Jikalau sebenarnya Mat Kilau hendak mengamuk Kuala Lipis, beserta Lipis dengan Jelai, maka dititahkan saya seberapa kepandaian pada menahannya. Maka jikalau tiada ada dipakai juga, maka titahnya disuruh saya sama-sama masuk kubu tuan; bersama kita hidup dan mati. Kemudian lagi dititahnya, nanti dia berangkat sendiri menolong kita. Maka orang saya sekarang ada sembilan puluh orang, dan senapang tiga puluh serta dengan pelurunya." Maka jawab Tuan Clifford, "banyak menerima kasih datang Pak Haji ini, percaya menolong saya, dan baik."

Di dalam hal itu, Mat Kilau pun datang, lebih kurang seratus orang, masuk di dalam rumah Tuan Clifford, pedang bercabut, sundang, tombak, senapang dengan perkakas, laku yang bengis, rupa cemburu kepada Haji Muhammad Nor. Sekalian orang-orangnya berdiri dengan senjatanya. Tuan Clifford, Haji Muhammad Nor dan Mat Kilau duduk di atas kerusi, bercakap-cakap. Kata Haji Muhammad Nor pura-pura bercakap, "tuan sudahkah melihat keris saya ini?" Maka kata Tuan Clifford, "belum." Maka Haji Muhammad Nor pun cabut, diberi kepada Tuan Clifford, "inilah keris bernama Marhum Keraton, sangatlah bisanya, lok empat puluh, tujuh larangan. Marhum Keraton tiada boleh dipakai, melainkan musim gaduh."

Maka Tuan Clifford pun peganglah keris itu. Niat Haji Muhammad Nor memberi senjata (itu) kepada Tuan Clifford. Maka Haji Muhammad Nor ada sebilah sundang di tangannya.

Maka Tuan Clifford pun bercakaplah pura-pura, katanya dia dapat surat dari Penjom *Company*, "Mat Kilau hendak mengamuk saya malam ini atau pun pagi besok." Dengan merah padam mukanya ia berkata itu, "jikalau Mat Kilau mengamuk saya ini, saya pun tiada ramai orang Sikh, ada tiga puluh di dalam kubu. Tetapi saya mati, maka selagi ada kerajaan gobermen Inggeris, tentulah dibelanya." Maka Mat Kilau tiada menjawab, hitam mukanya.

Maka kata Haji Muhammad Nor, "saya mudik ini tuan, kerana inilah dititahkan oleh sultan. Ada pun Mat Kilau itu mudik berkerah orang-orang Budu, dititahkan Tengku Mahmud, disuruh mencari Bahaman. Maka haruslah juga pekerjaan yang baik jadi jahat. Dan yang jahat jadi baik."

Maka kata Tuan Clifford, "saya sedia menanti mana-mana yang didatangkan." Maka kata Haji Muhammad Nor kepada Mat Kilau, "Sebarang kira, kita mudik kepada Tuk Raja." Maka jawab Mat Kilau, "baiklah." Begitu juga, Mat Kilau (pun) turun dengan sekalian orangnya.

Maka Haji Muhammad Nor tinggal. Kemudian, menghabiskan cakap dan pakatan dengan Tuan Clifford. Maka Tuan Clifford pun benarkan Haji Muhammad Nor mudik kepada Tuk Raja. Kononnya, Tuan Clifford menyuruh empat orang mata-mata gelap melihat Haji Muhammad Nor mudik dengan Mat Kilau itu.

Maka kata sahibulhikayat ini, maka mudiklah Haji Muhammad Nor dengan Mat Kilau, sampailah kepada Tuk Raja. Segala orang-orang Jelai, Lipis semuanya sudah ada berhimpun di kampung Tuk Raja; rupanya sekalian itu hendak diperbuat oleh Mat Kilau. "Itu semuanya dengan titah," katanya. Maka Tuk Raja pun percayalah, dengan kerana bebalnya.

Maka sampai Haji Muhammad Nor membawa surat cap, dijunjungkan titah. Maka Tuk Raja pun dukacitalah, "ini titah, itu pun titah." Di dalam pada itu, rupanya laksana api, tiada boleh Haji Muhammad Nor memadamkan. "Sebaik-baiklah, Muhammad Kilau hilir dahulu, menanti di Kuala Lipis. Tetapi syaratnya, sebelum hilir Tuk Raja, sekali-kali jangan dibuat. Esok, tetap Tuk Raja sampai di Kuala Lipis." Maka Muhammad Kilau pun hilirlah.

Kemudian daripada itu, Haji Muhammad Nor pun bercakap panjanglah, masukkan nasihat kepada Tuk Raja, dengan titah sultan. Dan surat orang besar-besar pihak sebelah hilir diberikan kepada Tuk Raja. Tersebut di dalamnya: jangan sekali-kali campur pekerjaan Mat Kilau dan Bahaman itu, kerana sultan tiada reda sekali-kali. Jika diperbuat, derhaka kepada sultan. Maka Tuk Raja pun diamlah.

Kemudian, pagi-pagi, ia menyuruh dua orang kepala mengambil Mat Kilau, bawa mudik ke Bukit Bentong, kerana Tuk Raja dan Tuk Kaya hendak hilir ke Pulau Tawar, menghadap sultan.

Maka bila sampai suruhan Tuk Raja pada Mat Kilau itu, ia pun mudiklah dengan marahnya kepada Haji Muhammad Nor, kerana mengubahkan barang yang sudah ditetapkan. Maka di dalam pada itu, Haji Muhammad Nor pun hilirlah, ke Kuala Lipis, serta membawa dua (*hlm. 57*) surat daripada Tuk Raja: satu kepada sultan, satu kepada Tuan Rodger. Maka dilihatkan surat yang kepada sultan itu pada Tuan Clifford, serta dimaklumkan sekalian yang telah jadi dengan Tuk Raja itu.

Maka keesokan, pagi-pagi, hilirlah Tuk Raja dan Tuk Kaya Lipis sampai ke sini. Maka Tuan Clifford banyak terima kasih pada Haji Muhammad Nor; begitu, segera Tuan Clifford (memberi) sedikit beras dan belanja Tuk Raja, hilir. Maka keesokan, Tuk Raja dan Tuk Kaya Lipis pun sampailah, serta dengan orang-orangnya tujuh ratus. Tiada berapa lama di Kuala Lipis, berjumpa dengan Tuan Clifford, langsunglah hilir semuanya, bersama-sama dengan Haji Muhammad Nor.

Maka suatu hari dahulu Haji Muhammad Nor sampai ke Pulau Tawar, menghadap sultan, bermaklumkan pekerjaan yang telah dititahkan, menahan Mat Kilau dan Tuk Kaya. Semuanya selamat. Maka Tuk Raja dan Tuk Kaya dititahkan panggil hilir. Semua ada menghadap. Esok pagi, ia sampai. Maka berfikir Sultan sejurus. Kemudian, bertitahlah hendak mudik ke Lipis, kerana hendak membasuh pandangan segala mereka yang berniat hendak derhaka; ialah tulus

ikhlas dan kebulatan di antara sultan dengan pihak gobermen. Begitu juga, segera berpunggah sekalian perkakas kesiapan, berangkat mudik.

Syahadan, sultan pun bertitahlah, suruh Haji Muhammad Nor hilir ke Pekan berdua dengan Encik Gaduh kepada Tuan Rodger dan kepada Tengku Mahmud: Jikalau bersetuju kepada fikiran Tuan Rodger, teruslah belayar ke Singapura kepada Tuan Gabenor. Mana-mananya yang kebajikan telah diwakilkan kepada Encik Gaduh dan Haji Muhammad Nor. Sampai di Pekan, dimaklumkanlah kepada Tengku Mahmud dan pada Tuan Rodger.

Maka berbetulan masa itu kapitan kapal perang lima buah ada kelima orangnya. Maka Tuan Rodger pun muafakatlah dengan kapitan kelima itu, hendak menyuruh dua orang itu ke Singapura kepada Tuan Gabenor. Sungguhpun ia tiada membawa surat daripada sultan, tetapi pada adat Pahang itu, orang lebih kepada surat lagi. Maka begitu juga, kapitan kapal perang menurut fikiran Tuan Rodger, membenarkan itu orang pergi kepada Tuan Gabenor. Maka dengan segeranya memberi hukum kepada kapitan kapal kerajaan Johor membuat setem kerana menyuruhkan Haji Muhamamad Nor dan Encik Gaduh. Maka hukum Tuan Rodger, "apakala sampai ke Singapura, meski pukul satu malam, naik juga berjumpa Tuan Gabenor. Jikalau dia tidur, gerakkan."

Maka kedua itu belayar. Sampai Singapura malam, pukul dua, terus menghadap Gabenor. Maka lebih kurang bercakap, Tuan Gabenor suruh turun, balik. Dan pukul lapan pagi, boleh naik.

Maka sampai tempoh yang tersebut, hadirlah Encik Gaduh dan Haji Muhammad Nor. Maka Tuan Gabenor sedialah menanti dengan Tuan Kolonial Sekretari dan dua kerani, hadir. Maka Tuan Gabenor pun memeriksalah bagaimana sultan minta maklumkan tulus ikhlas dan kebenarannya. Maka habislah dimaklumkan dari awal datang ke akhirnya.

Syahadan, maka Tuan Gabenor soal kepada Encik Gaduh yang telah jadi pergaduhan di dalam Pahang yang dibangkit oleh Bahaman, satu daripada satu. Setengah daripadanya Tuan Gabenor tiada mengerti, seperti: sultan berangkat mudik ke Kuala Lipis; Tuk Raja, Tuk Kaya hilir dengan beribu-ribu orang, duduk di Pulau Tawar. Maka itu pun Tuan Gabenor tiada mengerti. Maka jawab Encik Gaduh, "adapun sultan berangkat mudik itu, hendak membasuh kepada pandangan segala mereka yang berniat hendak membangkitkan pergaduhan itu. Inilah kebulatan tulus ikhlas sultan dengan gobermen Inggeris. Dan lihatlah oleh sekalian mereka."

Maka ada pun kemudian daripada itu, soal Tuan Gabenor habislah dijawab olehnya dengan Haji Muhammad Nor, satu persatu, dan fahamlah.

Kemudian, Tuan Gabenor pun bercakap panjanglah di atas Sultan Pahang jalan kebajikan, lemah lembut bunyinya. Tambahan, Tuan Kolonial Sekretari Maxwell jadi jurubahasa, laghamnya Pulau Pinang

dibawanya; tuan yang bijaksana, sangatlah lemak manis bunyi perkataannya. Maka Encik Gaduh dan Haji Muhammad Nor tawaduk, hormatlah mendengar yang termadhkur.

Maka dijawab oleh Encik Gaduh dengan takzim, "sangatlah besar daulat raja saya, dan tinggi tuahnya daulat Yang Maha Mulia *Queen*, lagi maha besar. Dibangkitkan oleh Bahaman derhaka, pergaduhan; kelam-kabut di dalam negeri Pahang. Maka dengan takdirkan Allah, Tuhan *khaliqul alam*, Tuan Smith jadi Gabenor dan Tuan Rodger jadi Residen Pahang. Maka keduanya orang yang bijaksana dan berlembut serta setiawan dan sabar, cukup, lagi mengasihi kepada segala hamba Allah taala, dapatlah keselamatan bagi Sultan Pahang (*hlm. 58*) yang demikian. Sekiranya, lain tuan jadi Gabenor dan jadi Residen Pahang, haruslah kepada Allah taala, kepada akal, tentulah dapat kebinasaan negeri Pahang dan sultan, sebab perbuatan Bahaman itu. Tetapi dengan berkat kebenaran sultan serta bijaksana puteranya, Tengku Mahmud, dengan tulus ikhlas memerintahkan negeri bersama-sama gobermen British, selamat sejahteranya."

Kemudian daripada itu, maka jawab Tuan Gabenor, "saya banyak menerima kasih kepada kedua tuan, dan serta percaya saya sekalian yang dimaklumkan. Tetapi, saya banyak susah hati jikalau Imam Perang Indera Gajah Pahang masuk di sebelah pihak Bahaman. Nampaknya Tuk Gajah tiada baik, tentu jadi musuh." Maka (kata) Encik Gaduh kepada Tuan Gabenor, "di dalam perkara ini, tuan janganlah bimbang. Saya mengaku jadi kepala perang, kerana saya biasa dalam pekerjaan itu, kerapkali sudah."

Maka kata Tuan Gabenor, "Saya banyak menerima kasih dan suka mendengar. Ini hari juga Encik kedua balik ke Pahang seperti permintaan sultan; menghukumkan sekalian mereka yang membangkitkan derhaka itu, dengan orang Pahang juga menyelesaikan. Jangan askar bangsa lain masuk bantu. Maka itu saya kabulkan. Maka bermaklumkan kepada sultan, hukumlah segera mereka-mereka yang derhaka itu seperti hukum orang yang derhaka."

Maka Tuan Gabenor pun memberi sepucuk surat kepada sultan, pakatan yang ringkas. Maka Tuan Haji Muhammad Nor dan Encik Gaduh pun turunlah dari Gobermen Haus, pergi sebentar menghadap Sultan Johor. Lebih kurang bercakap, turun ke kapal, terus belayar. Sampai ke Pahang, berjumpa Tuan Rodger dan menghadap Tengku Mahmud, maklumkan yang telah jadi dengan Tuan Gabenor. Maka Tuan Rodger dengan Tengku Mahmud pun banyak suka.

## Kebangkitan Berterusan

***Alkisah cetera tiga puluh sembilan,*** tersebut Yang Mulia Tengku Mahmud dan Tuan Rodger, dengan kerapatan, membuat kubu di

Pekan, dari Sungai Mak Dulang dan kepala pulau sampai ke Tanjung Parit, cukup dengan alatan senjata, meriam. Maka sekalian mereka-mereka, sangkat Kuala Luit ke hilirnya, dihukumkan laki-laki perempuan pindah ke Pekan, masuk di dalam kubu, oleh sebab si derhaka Panglima Muda kedua. Pekerjaan Tengku Mahmud itu ialah menampakkan tulus ikhlas kerapatan dengan gobermen. Tiada sekali-kali syak dan waham Tengku Mahmud itu; siapa yang membuat derhaka kepada kerajaan, melainkan dibunuhnya.

Maka cukuplah pantas dan usahanya di dalam pergaduhan Pahang, mudik hilir bersama-sama dengan Tuan Rodger, tiada berhenti. Kemudian, dapat satu khabar yang tiada baik; berangkat dengan kapal perang, memeriksa; pergi balik dengan segeranya. Di dalam masa pergaduhan itu tiadalah hendak diperikan. Demikianlah Tuan Rodger.

Hatta suku-suku Tuan Mandak yang di dalam Parit, laki-laki perempuan, pindah ke Kuala Pahang di Tanjung Pak Kera, siap hendak belayar (ke) Kuantan, tiada harap lagi akan kebajikan. Tersalah fahamlah Tuan Mandak di situ; setia pun kurang. Tetapi dengan sungguhnya, tiadalah dapat setia macam Tuan Mandak. Dan beberapa orang di Singapura bercakap yang tiada baik atasnya, keluar kertas khabar bermacam-macam, tiada dipakainya. Ialah berpegangannya setia ia dengan sultan. Inilah suatu tuan yang teguh setianya. Sepatutnya-patut orang-orang Pahang banyak menerima kasih kepadanya.

Syahadan, Tuan Rodger pun mudiklah dengan angkatan. Encik Gaduh dan Haji Muhammad Nor bersama-sama mudik. 120 askar Sikh dibawa. Maka sampai tengah jalan, dapat khabar tiada berapa baik. Sekalian di Batu Hampar sudah dapat kepada Bahaman, tetapi sultan khabarnya ada di Kuala Semantan. Maka mudiklah.

Sampai di Kuala Jempol, nampak empat buah sampan dengan orangnya, masuk ke dalam Sungai Jempol. Maka fikiran Tuan Rodger, orang derhaka. Dihukumkan Haji Muhammad Nor, disuruh tembak. Maka begitu juga, Haji Muhammad Nor pun pergi; enam orang Melayu, lapan orang Sikh, serta Encik Gaduh, bersama-sama sampai kepada mereka itu. Ia terjun ke dalam air, minta nyawa semuanya; untung tiada ditembak. Kononnya, orang Chenor pergi mengambil padi. Maka Encik Gaduh pun balik, maklumkan kepada Tuan Rodger. Maka Tuan Rodger pun tertawa. Kemudian, mudik teruslah sampai di Temerloh. Maka Encik Gaduh dan Haji Muhammad Nor langsung menghadap sultan ke Pasir Bangau. Maka Tuan Rodger lalu ke rumah Kuala Semantan.

Maka sultan panggil Encik Gaduh dan Haji Muhammad Nor, bawa ke dalam sampan, berlabuh ke tengah sungai.

Maka sultan pun memeriksalah. Encik Gaduh dan Haji Muhammad Nor berdatang sembah bagaimana nasihat (*hlm. 59*) Tuan Gabenor, tulus ikhlas yang kebajikan. Dan surat Tuan Gabenor pun disembahkan. Dibuka surat. Pakatannya ringkas:

*...Utusan Seri Paduka sahabat kita kedua, iaitu Encik Gaduh dan Haji Muhammad Nor sampai. Tiada apa-apa surat Seri Paduka sahabat kita, hanyalah surat Tuan Rodger Residen sahaja, menyatakan dua orang itu pengharapan Seri Paduka sahabat kita. Maka sudahlah bercakap panjang dengan kita keduanya itu. Ia maklumkan hal yang kebajikan, tulus ikhlas Seri Paduka sahabat kita dengan gobermen Inggeris; tidak sekali-kali membenarkan perbuatan Bahaman itu atau lain-lain. Maka kita percayalah. Oleh yang demikian, haraplah Seri Paduka sahabat kita menyempurnakan dan menghukumkan mana-mana derhaka itu, seperti orang yang menderhaka.*

Maka begitu juga, berangkat balik ke kenaikan, berhiasan pakaian masa berperang, teruslah menyeberang, berangkat ke rumah Tuan Rodger. Maka Tuan Rodger pun sambutlah dengan hormatnya serta terperanjat melihatkan sultan. Maka kata Tuan Rodger, "elok benar pakaian tuanku ini, saya belum pernah lihat lagi. Inikah pakaian tuanku masa berperang?" Maka sultan pun tersenyum, bertitah kepada Tuan Rodger, "sekarang saya menyatakan kepada tuan, ke hadapan ini, siapa-siapa yang tiada mahu bekerja orang besar-besar saya, dan hendak menderhaka, menyerta Bahaman itu, saya hendak bunuh; tiada soal jawab kelak, jangan tuan gaduh," Maka Tuan Rodger, "elok benar tuanku. Boleh dikerjakan, tiada fikir apa-apa."

Kemudian daripada itu, pendeknya, begitu jugalah ditetapkan, melanggar Bahaman berkubu di Batu Hampar; tiga hari lagi, berlangkah dari Kuala Semantan ke Batu Hampar. Ditentukan, Haji Muhammad Nor kepala perang, dan Imam Perang Indera Gajah Pahang, masa itu, belum zahir apa-apa gerak-gerinya. Maka Tuan Rodger pun minta Imam Perang Indera Gajah Pahang pergi bersama-sama; jadi kepala perang besar, kerana ia yang terlebih pandai berperang Melayu. Dan Tengku Ali ialah ganti ayahanda(nya). Sultan mudik, melanggar Bahaman dan Imam (Perang). Sekalian orang besar-besar, hulubalang, semuanya telah siaplah sekalian. Maka berangkatlah mudik sampai ke Batu Hampar. Maka berhentilah kepada kubu orang-orang kita di situ. Kemudian, disuruh kakaplah sekalian kubu-kubu musuh. Ditentukan, pagi-pagi akan dilanggar.

Maka Tengku Ali pun berangkat sama-sama melanggar. Maka ditahan oleh Imam Perang Indera Gajah Pahang. Maka ia pun berhentilah. Sekalian juak-juaknya diserahkan kepada Imam Perang Indera Gajah Pahang, dibawa pergi melanggar. Dan Tengku Ali tinggal dengan Tuk Kaya Chenor. Maka berlangkahlah segala hulubalang, melanggar Bahaman. Ada sebentar, sampailah.

Maka ditembaklah kubu Bahaman itu serta dilingkung. Tiada berapa lama perang, maka Haji Muhammad Nor pandang bersalah-salahan segala orang-orang, (tiada) sedap hati, bercerai dengan Imam Perang Tuk Gajah. Maka Haji Muhammad Nor pukul kubu sebelah hilir; rupanya kubu anak Bahaman. Maka mereka di dalam kubu itu pun keluar berkelahi. Ia fikir seperti perbuatan Imam Perang Tuk Gajah

jua. Ada sebentar berdampar, anak Bahaman pun datang merapat. Maka ditembak oleh Haji Muhammad Nor, tumbang, mati. Datang abangnya, menolong. Ditembak oleh Tuan Ngah, tumbang juga. Ada lain, dua tiga orang yang luka. Maka ia pun undur lari.

Maka di situlah zahir Imam Perang Tuk Gajah, tiada mahu bekerja betul. Kemudian, mudik ikut sampai ke Lubuk Terua. Maka Bahaman bertanam akan anaknya yang mati di hulu Sungai Tereh; berjumpa dengan Haji Muhammad Nor dan Haji Mat Salleh Hulubalang. Maka berkelahi sebentar. Bahaman pun lari. Banyaklah dapat perkakas, tertinggal.

Kemudian daripada itu, sultan sampai dari Kuala Semantan ke Lubuk Terua, menitahkan Haji Muhammad Nor, suruh pergi melanggar Bahaman; khabarnya ia berkubu di Jergoh, sebab Haji Muhammad Nor sudah menembak anak Bahaman yang mati; tentulah ia sakit hatinya akan Haji Muhammad Nor. Ia hendak mengambil bela anaknya mati, supaya mudah berkelahi, boleh menang dapat. Maka Haji Muhammad Nor pun taatlah menjunjung titah, dengan suka hati, reda mengerjakan.

Di dalam pada itu, bersiap 12 orang ketuaannya, dikurniakan askar 500 orang. Imam Perang Teh Sanggang dan Tuk Kaya Temerloh dan Tuk Umbi dan Pahlawan Lawi, Tuk Jonit Chenor dan Encik Wan Ahmad Tembeling dan Panglima Raja Yaakub dan lain-lain, menurut Bahaman itu; berjalan dari Lubuk Terua, Semantan ke tempat Bahaman itu, bernama Jergoh. Maka berkelahi sedikit. Ia undur. Maka diturut; setengah ke hulu dan setengah ke hilir Tekai. Maka *(hlm. 60)* tiada berjumpa sampai ke Hulu Kerau. Di kaki Bukit Bongkok lalu berjumpa. Maka berkelahi pula sedikit, Bahaman pun undur. Maka Haji Muhammad Nor pun dengan orang-orangnya masuk ke Tanjung Besar.

Syahadan lagi, Clifford dan Tuan Kolonel Walker melanggar Mat Kilau. Adapun niat Tuan Clifford dan Tuan Kolonel Walker itu, sekali-kali tiada hendak dibinasakan Mat Kilau dan orang-orang Budu. Dan ialah hendak dipanggil, memasukkan nasihat, kerana kerajaan, kepada mereka itu sangat kasihan. Sebab itu dibawa Tuk Kaya Lipis bersama-sama. Sampai ke Budu, dipanggil Mat Kilau oleh Tuan Clifford; tiada mahu datang. Disuruhnya Muhammad Yusoff lima belas orang bercakap di antara Tuan Clifford dengan Mat Kilau, membawa percakapan yang sombong, gagah perkasa.

Tuan Clifford bertanya Tuk Kaya, "apa fikiran Datuk?" Maka kata Tuk Kaya, "ini orang derhaka, kita perang."

Tuan Kolonel Walker pun memberi hukum kepada sojarnya itu, menembaklah dengan barisan senapang dan meriam. Ada sejurus, banyaklah rumah-rumah yang terbakar kena meriam api. Dan ada melawan sedikit, lari; sebab itulah Kampung Budu binasa. Sekalian rumah terbakar. Segala kerbau, kambing habis kena tembak. Aniayalah segala mereka di Budu dengan perbuatan Mat Kilau. Tuan Clifford banyak sayang melihatkan kebinasaan Kampung Budu itu. Maka Tuan

Clifford pun serahkanlah Budu itu pada Tuk Kaya dan ketuaan. Ia turun balik ke Kuala Lipis serta Tuan Kolonel Walker.

Maka di dalam pada itu, Haji Muhammad Nor dengan angkatannya lalulah ke Budu. Niatnya, kalau ada perkelahian lagi, hendak menolong. Dilihatnya sudah selesai perkelahian, langsung hilir Kuala Lipis, berjumpa dengan Tuan Clifford dan Tuan Kolonel Walker, (berbincang) bagaimana istiadat di dalam masa perang. Kepala sama kepala bertemu, sama angkatan, bersuka-sukaanlah. Tuan Kolonel Walker mencuba menembak satu daripada satu, sangatlah kelebihannya. Tiadalah bandingannya alatan dan kepandaian orang Inggeris. Kesiapannya terutamalah ia kepada bangsa Eropah yang lain.

Syahadan, Tuan Kolonel Walker itu sebenarlah ia satu tuan yang berani, bijaksana. Pengetahuannya lebih, aturan peperangan. Tambahan, sangat menasabah ia dengan askar Sikh. Pakaian terbannya seperti orang Sikh. Itu pun memberi keindahan juga.

Di dalam pada itu, Tuan Hugh Clifford dan Engku Muda menyuruh Haji Muhammad Nor mudik kepada Tuk Raja. Sudah dua bulan, tiada dapat sekali-kali khabar sebelah Jelai, dan menyuruh mudik. Lain-lain orang, di tahannya. Ia berubat kampung, pantang. Maka dengan begitu juga, Haji Muhammad Nor mudik dengan segeranya. Sampai ke Batu, ditahan oleh orang-orang. Maka kata Haji Muhammad Nor, ia membawa titah perintah; mudik juga, tiada dipakainya. Mereka yang bertahan mengikut mudik, sampai di kampung Tuk Raja; kononnya sakit, tiada boleh berjumpa. Wakilnya sahaja datang.

Kata Tuan Haji Muhammad Nor, "tiadalah boleh sekali-kali, melainkan saya hendak berjumpa sendiri. Jikalau tidak, sekarang saya hilir. Apa-apa jadi tiada saya tahu kemudian. Tetapi, Tuk Raja dengan sultan dan kerajaan Pahang bercerailah." Di dalam yang demikian, orang pun menjemput Haji Muhammad Nor naik, terus ke dalam rumah. Maka dilihat sungguhlah Tuk Raja sakit; hadir sekalian orang-orang semuanya.

Maka Tuk Raja pun menangis, belas hati. Maka Haji Muhammad Nor pun bercakap panjang, memberi nasihat kepadanya dengan titah dan nasihat daripada Tuan Gabenor Smith: masuk ke Singapura jikalau hendak selamat. "Sudahlah yang sudah. Janganlah dipakai lagi perkataan orang derhaka yang tiada layak. Ia membangkitkan pergaduhan. Saya hilir ini, sultan hendak berangkat hilir, ke Pekan." Begitu jugalah, Tuk Raja menjawab, "taatlah saya menjunjung titah. Sudahlah, saya sudah mendengar perkataan orang-orang derhaka."

Begitu juga, dipanggil kerani, buat surat: satu kepada sultan, dan satu kepada Tuan Clifford. Tersebut di dalam tulisannya:

> *...Sekalian titah yang dibawa oleh Haji Muhammad Nor, taatlah. Tiada ingkar dan mungkir sekali-kali kepada sultan dan kepada kerajaan Pahang.*

Maka Haji Muhammad Nor pun hilir ke Kuala Lipis, berbetulan dengan Tuan Rodger mudik. Sampai ke Kuala Lipis, berjumpa. Tuan Rodger banyak suka. Di dalam dua hari, maka Tuan Rodger pun balik hilir bersama-sama dengan Haji Muhammad Nor; hilir sampai ke Kuala Tekai. Dan Tuan Rodger langsung ke Pekan. Haji Muhammad Nor tinggal bersama-sama dengan sultan, berangkat mudik ke Pulau Tawar.

Di dalam pada itu, mendengar khabar Bahaman di Hulu Cheka. Kemudian, naik Tuan Clifford dengan askarnya. Bahaman menanti di Bukit Berapit. Dengan keberanian Tuan Clifford, dilanggarnya juga. Mati seorang, nama Kelana. Di dalam (*hlm. 61*) itu, maka Bahaman pun lari menuju ke Kuala Cheka. Niatnya, hendak ke Tembeling.

Maka Tuan Clifford balik ke Kuala Lipis, memberi hukuman kepada Tuan Fleming dan Panglima Garang Usop, jaga di Kuala Cheka. Di dalam hal itu, sultan siap, hendak berangkat hilir. Tengku Mahmud dan Tuan Rodger menghantar perahu dari Pekan. Maka, mendengarkan hal demikian susah akan Bahaman pergi Tembeling, maka titahnya pada Haji Muhammad Nor, "pergi kepada Panglima Garang Usop dan Tuan Fleming serta langsung ke Tembeling, bersiap. Jangan orang derhaka mengacau orang Tembeling." Sampai kepada Tuan Fleming, berhenti satu hari, muafakat, hulu mudik ke Tembeling.

Kemudian, dua hari, Bahaman pun keluar, berkelahi dengan Panglima Garang Usop dan Tuan Fleming. Ada lebih kurang tiga jam, derhaka undur. Dua tiga orang yang luka. Ia pun lari ke hulu, dapat perahu. Ia menyeberang, lepas ke sebelah kanan semuanya.

Di dalam pada itu, sultan pun berangkatlah hilir bersama-sama dengan paduka anakanda Tengku Mahmud dan Tuan Rodger. Cakap Tuk Gajah, melainkan mengiringkan hilir bersama-sama anak-beranak. Tetapi adiknya, Khatib Haji Muhammad Amin, sudah lepas mudik, ke Tembeling.

Maka sultan bertolak hilir, berhenti di Makam Lubuk Pelang. Hari pun malam. Orang berkhabar Imam Perang Tuk Gajah sudah lari berjalan kaki, habis semuanya. Maka sultan pun masyghullah, "tiada patut sekali-sekali Imam Perang Tuk Gajah itu berubah setianya," demikianlah fikiran. Tuan Rodger langsung hilir sampai ke Kuala Bera, bersungsung dengan Tuan Kolonial Sekretari Maxwell. Datuk Menteri Johor menyilakan segera hilir bersama-sama, berlabuh di Pulau Tambang. Tuan Maxwell balik ke Singapura.

Maka di dalam hal yang demikian, Haji Muhammad Nor susah fikirannya; di dalam Tembeling, hilir, mengambil Tuan Clifford, bertemu di Kuala Tembeling; mudik bersama-sama dengan Haji Muhammad Nor ke Kampung Haji Mat Nor. Maka berhenti di rumah Haji Muhammad Nor. Dipanggil Panglima Raja dan segala ketuaan, muafakat. Maka fikiran Haji Muhammad Nor, "baik buat kubu di sini. Kelak datang Bahaman, susah segala orang Tembeling."

Jawab Tuan Clifford, "baik, segeralah kita membuat kubu." Maka Tuan Clifford, diperiksa ada berapa senapang. Kata Tuan Haji Muhammad Nor, "ada lima belas, maka diberi oleh Tuan Rodger." Maka kata Tuan Clifford, "boleh tahan, sementara datang bantu dari Kuala Tembeling."

Sudah selesai sekalian pakatan di rumah Tuan Haji Muhammad Nor. Dan Tuan Clifford pun turun, hilir. Tuan Haji Muhammad Nor menghantar, bimbang, takut berjumpa dengan Imam Perang Tuk Gajah. Maka separuh jalan, Tuan Clifford suruh balik. Maka Tuan Haji Muhammad Nor pun mudik, membuat kubu, siang malam. Sudahlah siap semuanya, seberang-menyeberang kubu; dipindahkan sekalian orang di dalam kubu.

Maka datang orang membawa cap titah sultan, panggil hilir. Maka dukacita Haji Muhammad Nor memikirkan sampai musuh, "nampaknya, orang Tembeling tiada boleh harap." Tetapi ada menantunya dan dengan orang-orangnya, tinggal akan gantinya.

Maka ia pun hilir. Taatlah, kerana titah. Sampai ke Kuala Tembeling, minta izin kepada tuan-tuan di situ, Tuan Wise dan Tuan Duff dan Panglima Garang Usop. Maka sekaliannya membenarkan, sebab titah hilir. Sampai ke Mahang. Berbetulan hari itu juga Gabenur sampai dari Singapura dan Sultan Johor dengan orang besar-besarnya, melawat sultan; selamat berangkat hilir ke Pekan dari Pulau Tawar. (*hlm. 62*)

## Menentang dan Memberantas Kebangkitan

***Alkisah cetera empat puluh***, Tuan Gabenor menyilakan Sultan Pahang ke kapal. Dan segala kapal perang ada hadir di Kuala Pahang. Maka sultan pun berangkatlah turun dengan ikhlas, bersama-sama dengan Sultan Johor dan Datuk Menteri dan Tuan Residen Pahang dan Tengku Mahmud dan Tengku Ali. Dan sekalian orang besar-besar mengiring semuanya: ialah Tuan Gabenor hendak menghabiskan tulus ikhlas dan membasuh perkataan yang cemar, pada masa dibangkitkan oleh derhaka pergaduhan di antara Sultan Pahang dengan gobermen Inggeris itu. Selamat sempurna, dengan bijaksana, setiawan Tuan Rodger, dan bijaksana pengetahuan Tengku Mahmud. Masa bertentang itu, bercakaplah Tuan Gabenor dengan ingatan yang baik, melafazkan tulus ikhlas serta nasihat di dalamnya. Demikian juga Sultan Johor dan Tuan Rodger dan Tengku Mahmud.

Lebih kurang, sultan pun diizinkanlah oleh Tuan Gabenor berangkat balik, naik. Ditetapkan, keesokan, Tuan Gabenor naik ke darat, di rumah Residen; akan menghabis sekalian membalas lawatan sultan.

Maka keesokan, pukul sepuluh, dipanggil sekalian isi negeri yang ada di dalam Pekan, masuk ke dalam pagar Tuan Residen. Maka sultan pun berangkat serta Sultan Johor dan Tengku Mahmud

dan Tengku Ali, hadir semuanya.

Maka Sultan Johor menyerahkan satu surat kepada Haji Muhammad Nor. Maka disambut dengan takzimnya, langsung dibaca dengan panjang titah-perintah di dalamnya. Ialah disebutkan ini sedikit sahaja:

> *...Sultan Pahang dan Tuan Gabenor dan Sultan Johor, bersama-sama Tuan Rodger Residen, telah mengampunkan dosa segala mereka yang membangkitkan pergaduhan. Semuanya diampun, derhaka. Maka Datuk Bendahara dipecat. Dan Datuk Syahbandar pun dipecat. Maka begitu juga, diampun dengan keadilan....*

Kemudian daripada itu, Sultan Johor bertitah sendiri, memberi ajaran kepada sekalian mereka, jangan berniat lagi. Maka begitu juga Tuan Rodger, bercakap panjang di dalam majlis itu, dengan lemah lembut lakunya, memberi ajaran dan nasihat kepada segala isi negeri.

Tetapi, tampaknya Tuan Rodger dengan Tengku Mahmud banyak musykil di dalam perkara itu. Laksana orang berniaga, jauhari banyak keuntungan, dari satu kepada satu yang terlebih. Benteng di dalam perniagaan itu ialah Tuan Rodger dengan Tengku Mahmud. Kemudian, sekalian pegawai-pegawai gobermen dan pegawai Pahang, yang sebenarnya tiada mendapat untung. Apa boleh buat, nasib. Syukurlah kepada *Rabbul Alamin*, selamat sempurna sultan, putera berputera, alhamdulillahi.

Malam sekarang, sultan menyilakan Tuan Gabenor dan Sultan (Johor) makan nasi di rumah Sayyid Hassan al-Attas di Ketapang. Cukuplah pertolongan dan budi Sayyid Hassan kepada sultan dengan hasad (dan) perbuatan. Selesai daripada santapan itu, bertetaplah Tuan Gabenor berangkat balik keesokannya. Minta Tuan Gabenor, dipersilakan sultan ke Singapura sebentar, ialah kerana memberi selamat *Queen*, Yang Maha Mulia lagi maha besar. Dan membasuh perkataan orang-orang Singapura yang tiada baik. Tujuh hari, balik.

Sultan banyak menerima kasih. Sultan Johor tinggal, menanti Sultan Pahang. Sampai tiga hari, langsunglah berangkat belayar sampai ke Singapura bersama-sama dengan Sultan Johor; naik di Gobermen House. Itu hari juga, memberi tali kawat kepada Yang Maha Mulia *Queen*, lagi maha besar. Kemudian daripada itu, malam keesokannya, Tuan Gabenor memberi santapan di Gobermen Hause. Kemudian daripada itu, banyaklah tuan-tuan menyilakan santap. Dan Sultan Johor menyilakan santap di Tarsil dengan segala orang besar-besar Pahang.

Syahadan, tersebutlah Imam Perang Indera Gajah Pahang. Bila dia lepas berjalan dari Pulau Tawar, teruslah dia mengikut jalan dari Jerantut ke Pasir Atas, di dalam Tembeling; maka dengan kerana mengikut adiknya Haji Khatib Muhammad Amin. Dan ia takut, kerana anaknya, Mat Kilau sudah buat silap di Budu itu. Pada fikirannya, tentulah dosa anaknya akan ditanggung kepada bapanya; pada ingatan, sebagaimana adat raja-raja Melayu. Dengan itulah, dia lari hendak

bersembunyi diri. Tiadalah ia mahu menderhaka. Tetapi, oleh kerana kemasghulan yang telah dimasyhurkan menderhaka itu, semata-mata muslihat negeri sahaja, dikembalikan balik nama Yang Mulia itu kepada nama asal, iaitu Rasu. Maka telah sampailah di dalam (*hlm. 63*) Tembeling.

Kemudian, sudah selesai daripada Tuan Clifford menurut Bahaman daerah Hulu Tanum, Jelai; sepanjang-panjang jalan berkelahi. Bahaman lari. Maka sekalian tuan-tuan yang berhimpun di Kuala Tembeling, Tuan Wise dan Tuan Duff dan Tuan Fleming dan Panglima Garang Usop, mudik sampai Kuala Atok, bersungsang dengan Mat Kilau dan Awang Nong serta segala derhaka.

Tuan-tuan tengah mudik, derhaka pun menembak serta ia memintas, setengah di sebelah hilir. Maka Panglima Garang Usop singgah di sebelah kiri, membawa orang Sikh naik ke darat. Musuh menembak di seberang kanan. Maka masa itu, di sebelah kiri, ada musuh menembak. Ia naik lepas pada cangkat yang tinggi, berperanglah hingga sampai malam; membuat kubu di Kuala Atok. Pukul dua belas malam, maka musuh pun undur, hendak masuk kubu Penghulu Raja, menantu Tuan Haji Muhammad Nor. Dan orang-orangnya ada di dalam kubu, bertahan; tiada diberi masuk kubu jika tuan berkelahi.

Maka sekalian musuh pun langsunglah lari, mudik ke atas jeram. Keesokannya, Panglima Garang Usop dan tuan ketiga itu pun mudiklah ke kampung Penghulu Raja, langsunglah tuan dan Panglima Garang Usop menurut. Sampai atas jeram, ber(jumpa) dengan Encik Wan Ahmad. Maka katanya, "sekalian musuh itu sudah lari ke Lebir, Hulu Kelantan." Panglima Garang Usop dan tuan-tuan pun baliklah hilir, langsung ke Kuala Tembeling. Kemudian daripada itu, dengan bebal Penghulu Raja, dan penakut, datang orang menakut-nakutkan. Habis lari. Tinggal anak-beranak Tuan Haji Muhammad Nor. Maka senyap-sunyilah di dalam Tembeling.

Hatta, Yang Maha Mulia Sultan pun berangkat balik dari Singapura. Sampai ke Pahang, disambutlah oleh Yang Mulia Tengku Ali dengan sambutan yang mulia. Kemudian daripada (itu), berangkatlah sekalian balik ke Pekan serta dibelakan segala istana; berangkatlah naik ke darat.

Maka tiada berapa lama Tuan Rodger memerintah, maka ia pun hendak balik ke Eropah, cuti. Tuan Egerton memangku British Residen Pahang. Di dalam hal ini, dengan persetujuan Tuan Gabenor dan Sultan Johor, disilakan Sultan Pahang. Niat yang pertama ialah hendak membaca doa selamat, kenduri akan puteranya, iaitu Tengku Mahmud dengan putera Yang Maha Mulia Sultan Johor, iaitu Tengku Mariam.

Maka Sultan Pahang pun berangkatlah dengan angkatan serta membawa isterinya, iaitu Yang Maha Mulia Tengku Ampuan dan gundik-gundik yang lain-lain. Maka sampailah ke Johor, maka muafakatlah. Satulah kerapatan dengan Sultan Johor. Sudah siap sekalian kelengkapan, balairung dan balai gambang, istana, sekalian

jenis alatan, tiadalah dapat hendak diperikan. Maklumlah, Sultan Johor semuanya kelebihan.

Syahadan, Sultan Johor pun menghadap Seri Paduka bondanya, iaitu Tengku Ampuan Pahang, titahnya, "saya menghadap bonda. Dalam pekerjaan ini, saya sembahkanlah kepada bonda. Saya hendak minta buat seperti adat-istiadat Melayu, bagaimana peraturan orang tua-tua dahulu kala." Maka jawab Yang Maha Mulia Tengku Ampuan, "baiklah Yang di-Pertuan, bolehlah bonda buatkan. Kita beradun entah pun sekali ini sahaja, harus kepada Allah taala." Maka Sultan Johor pun memohonlah balik dengan takzim kepada bondanya.

Maka Yang Maha Mulia Tengku Ampuan pun bersiaplah dengan segera sekalian jenis kelengkapan, hendak menghantar belanja: tabak, empat puluh sembilan tingkat, bersetakona, daun emas, batangnya perak, sekalian jenis mutu maknikam, tepak bertajuk Sunting Ula. Jumlahnya seratus tabak. Dan sekalian jenis alatan hantaran-hantaran serba enam belas. Empat puluh hari genap, sudah sekalian.

Pada masa ketika yang baik, berarakkan sekalian dengan arakan yang besar. Maka datanglah Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan menanti Yang Maha Mulia Sultan Johor. Hadir bersama-sama, Yang di-Pertuan Riau. Maka apakala berdampar kerajaan yang kedua itu, tiadalah dapat hendak diperikan. Segala jenis permainan, bunyi-bunyian, iaitu joget, mendora, makyong dan seni wayang, hingga bertalu bunyinya. Apatah lagi bunyi suara manusia.

Maka bertemu kedua pihak, disungsung oleh segala pegawai, disilakan rapat Yang Maha Mulia Sultan Pahang; diambil oleh Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Maka bersemayamlah sejurus, melihatkan jenis permainan, gong besar. Dan cogan alamat kedua kerajaan pun terdiri. Maka senyap-sunyilah manusia. Maka bersuara Datuk Menteri yang bijaksana, dengan nyaring (*hlm. 64*) suaranya dan manis tingkah lakunya:

> *... Daulat tuanku Syah Alam, dhulillahi fil Alam, patik hamba yang hina, merapakkan sembah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang kedua; harapkan diampun beribu-ribu ampun. Sembah patik, oleh sebab sangat-sangat kesukaan patik temasya pada hari ini, kepada fikiran patik, kecil kerajaan Turki terlebih besar kerajaan duli tuanku kedua.*

Maka titah Duli Yang Maha Mulia yang kedua, "seperti persembahan orang tua hamba itu, menerima kasihlah hamba." Jawab sekalian, "Tuanku!"

Maka sekalian perarakan itu disambut ambil dengan mulianya, dibawa masuk ke dalam Istana Zahrah.

Maka Yang Maha Mulia kedua masuk sejurus, disilakan oleh Datuk Setia Adat. Kemudian, disilakan ke balairung seri. Maka berangkatlah sekalian santapan penganan, zuadah yang lazat-lazat. Malam, santap

nasi dengan jamuan yang sangat besar di balairung dan balai gambang. Maka di dalam pada itu, niatnya tujuh hari, langsunglah kenduri kerja kahwin. Maka dengan takdir Allah taala, Tengku Mahmud gering. Maka menantikan sampai sihat.

Syahadan, di dalam antara itu, datanglah satu surat daripada Tuan Gabenor, yang sudah difikirkan bersama-sama Sultan Johor, Yang Maha Mulia Sultan Pahang, membayar lima puluh tujuh ribu ringgit, fasal membantu belanja pergaduhan Pahang. Maka jawab Yang Maha Mulia Sultan, "apa-apa yang sudah dipatutkan oleh gobermen Inggeris, taatlah, tiada musykil dan ghalat." Tetaplah Yang Maha Mulia membayar yang tersebut.

Maka selesai daripada itu, Yang Maha Mulia Tengku Mahmud tiada juga sihat. Maka berhentilah kahwin kepada tahun itu. Maka Yang Maha Mulia Sultan Pahang hendak berangkat dahulu, balik. Maka diizinkan oleh Sultan Johor dan Tuan Gabenor, dihantar oleh kapal kerajaan Johor dua buah, belayar. Sampai ke Pulau Keban, geringlah Encik Zabedah, kerana hendak bersalin. Maka kapal pun berlabuh. Tiada berapa lama gering, zahirlah seorang putera perempuan, dinamakan Yang Mulia Tengku Mariam. Kemudian daripada itu, belayarlah sampai ke Pahang dengan selamatnya.

Tiada berapa lamanya bersemayam di Pahang, maka kepada masa inilah dibangkitkan oleh derhaka, Mat Kilau, pergaduhan di Kuala Tembeling, dengan segala derhaka. Maka masa ia mengamuk kubu Kuala Tembeling, sekalian orang Sikh yang di dalam kubu itu habis mati. Kemudian, dua orang Sikh tengah mandi, itulah yang lepas lari. Dapat ia sebuah sampan, berhanyutlah; untung disebabkan Allah taala, Sikh itu sampai ke Pulau Tawar. Ia berteriak kepada Panglima Garang Usop, katanya, "Datuk! tolong saya. Maka apabila didengar oleh Panglima Garang begitu, segera pergi ia sendiri menghampiri. Dilihatnya, merah sekali darah di dalam perahu sampan itu. Maka Sikh itu pun banyak luka parah.

Maka bertanyalah Panglima Garang, "apa kena bai?"

Maka jawabnya, "Bahaman dan Mat Kilau mengamuk kubu Kuala Tembeling pukul lima tadi pagi."

Maka begitu juga, Panglima Garang menyuruh orang menghantar Sikh itu hilir dengan segeranya di Kuala Semantan. Ia pun berkerahlah dengan segeranya, memanggil orang-orang laki-laki perempuan, masuk kubu dan membuat kubu, bersiap alat senjata. Dengan segeranya mereka-mereka berhimpun. Maka masa itu, berbetulan Tuk Raja Perba Jelai ada di situ; dan untunglah sekalian. Kira jadi bulat di antara Panglima Garang dengan Tuk Raja. Maka di dalam pada itu, fikir Tuk Raja hendak mudik melihat Kuala Lipis; dibenarkan oleh Panglima Garang. Sampai ke Pedah. Untunglah orang-orang Tuk Raja ada hilir dahulu daripada derhaka. Berjumpa dengan mereka itu.

Tuk Raja pun balik ke Pulau Tawar, masuk kubu Panglima Garang.

Bertambah-tambah besar lagi hati Panglima Garang.

Maka hari pun malam. Musuh sekalian sudah ada berhampiran di Kedondong; dengan segeranya menyuruh kepada Panglima Garang dan Tuk Raja, hendak berjumpa. Maka jawab Panglima Garang, "tiada boleh." Demikian juga Tuk Raja, begitu juga; menyuruh ada tujuh lapan kali bertalu-talu, demikian juga. Jawab Panglima Garang akhirnya, dengan perkasa dan bengis, "jikalau hendak berjumpa juga, esok pagi-pagi pukul enam kita berjumpakan peluru sama peluru, lain kerja tiada."

Maka mereka yang disuruh akhir itu baliklah, tiada diberi datang lagi. Apakala datang, ditembak musuh. Mendengar demikian, begitu juga balik mudik ke Kuala Tembeling dengan segeranya. Sampai, merampas Cina-cina, habis. Mula, fikirnya hendak bertahan di Kuala Tembeling; hendak mengamuk Kuala Lipis, tiada hemat kepadanya; mudik, membuat kubu di Jeram *Fall*. Mamat Kelubi disuruh mengakap Kuala Lipis dua belas orang. Niatnya, suruh membakar kepada tempat-tempat mereka itu. Mudik; sombongnya, bukan mengakap. Ia menzahirkan dirinya, bercakap besar-besar: ialah hulubalang yang gagah perkasa dan berani. (*hlm. 65*)

Maka di dalam pada itu, Panglima Garang dan Tuk Raja mudik, mengambil Kuala Tembeling dengan angkatan di seberang menyeberang, membuat. Maka Panglima Garang sudah tahu Mamat Kelubi sudah lepas mudik di sebelah Jelai. Disuruhnya juga. Maka tiada berapa lama, Mamat Kelubi itu pun ada hilir. Segera mereka memberitahu kepada Panglima Garang dan Tuk Raja. Dan begitu juga, segera Panglima Garang dengan kesiapannya dengan orang-orangnya, bersama-sama menanti di sebelah Tembeling, di pangkal pokok Neram.

Kemudian, Mamat Kelubi pun betul di sebelah kiri, melalui di tepi pokok batang Neram. Ia tengah duduk bersila panggung, memegang payung. Apakala bertentang dengan Panglima Garang, lalu ditembaknya. Dan mereka-mereka pun menembak semuanya. Kemudian, Mamat Kelubi kena peluru, terjun ke dalam air semuanya. Maka diturut oleh Panglima Garang dengan sampan, seperti orang-orang menuba ikan. Ditikam mati semuanya. Lepas lari dua orang galahnya.

Maka Panglima Garang dan Tuk Raja mengukuhkan kubu serta memanggil sekalian orang-orang laki-laki.

Di dalam pada itu, Tuan Egerton sampailah dari Pekan, Pemangku British Residen, dengan angkatan dari Perak. Tuan Kolonel Walker dan angkatan dari Sungai Hujung, dan tuan-tuan yang di Pahang: Tuan Wise, Tuan Duff, semuanya sudah berhimpun di Kuala Tembeling, membetulkan pakatan, hendak melanggar derhaka itu; hendak dilingkung dari lepas. Sudah siap bulat sekalian, Tuk Raja dengan Tuan Egerton sekalian diangkat gelaran Panglima Garang Usop itu Imam Perang Setia Raja. Ialah bakti kepada raja kerajaan Pahang. Datuk Raja

menggelar seorang, Imam Perang Penghulu.

Selesai daripada itu, siaplah sekalian, berlangkahlah menyerang derhaka ke Jeram *Fall*. Kepala segala orang-orang Melayu, Imam Perang Setia dan Imam Perang Penghulu. Tuk Raja pun berangkat sama. Kepala segala askar pihak tuan-tuan itu, Tuan Kolonel Walker.

Tiada berapa lama, sampailah. Begitu juga, dipukul dengan keras. Ada sejurus, derhaka lari. Tetapi sayang, Tuan Wise mati kena peluru di tepi kubu musuh. Dan Kapitan Talbot luka, dan lain selamat. Segala mereka-mereka sebelah Mat Kilau ada juga yang mati. Derhaka yang lari itu diturut hingga sampai di sempadan Kelantan. Sekalian mereka yang menyerta di dalam Tembeling, dihukumkan macam-macam.

Di dalam hal yang demikian, Tuan Hugh Clifford pun datanglah dari Singapura, membawa surat daripada Tuan Gabenor, disilakan Yang Maha Mulia Sultan Pahang, dengan tulus ikhlas, ke Singapura. Maka Yang Mulia Tengku Mahmud tinggal di Pahang, menjaga sekalian, ganti Yang Maha Mulia Seri Paduka ayahandanya.

Syahadan, Tuan Clifford telah mendapat hukum, mengikut dan menyerang derhaka sampai kepada Kelantan dan Trengganu, sekalian jajahan negeri Melayu. Maka begitu juga, Yang Maha Mulia menyerahkan sekalian hulubalang, kepala-kepala mengikut Tuan Clifford. Masa dekat Tuan Clifford hendak berangkat, menyuruhkan Haji Muhammad Nor menghadap Yang Maha Mulia Sultan memohonkan pakaian Yang Maha Mulia masa berperang. Begitu juga, segeranya Yang Maha Mulia mengurniakan, suruh Tuan Haji Muhammad Nor memakaikan sendiri kepada tangan Tuan Clifford, di sebelah kanan. Sekalian buntat-buntat yang terkarang itu, terutama sekali Kulum Babi dan Buntat Ular, dan lain-lainnya yang sudah tampak khasiatnya; kena peluru tiada makan ataupun senjata. Tuan Clifford banyak menerima kasih dan takzim kepada Yang Maha Mulia Sultan. Ia pun berlangkahlah mudik. Yang Maha Mulia Sultan berangkat belayar ke Singapura.

Tuan Egerton sampai dari Tembeling. Tiada berapa lama, balik ke Singapura.

Tuan Clifford telah merapatkan pakatan dengan segala kepala-kepala. Pertama, Imam Perang Setia dan lain-lainnya, berjalanlah ikut Hulu Tembeling. Husin Kuala Tembeling dijadikan Panglima Kakap. Encik Wan Ahmad Tembeling dengan segala anak-anak raja Tembeling: Tuan Embong tiga beradik, iaitu Sayyid Husin dan Sayyid Seman, sampai ke Hulu Kelantan, Lebir. Mereka itu sudah lepas. Maka diturut, mengambil tiap-tiap hulu anak sungai.

Segala orang-orang Tuan Clifford hilir Kelantan, mencari rahsia, tiada dapat. Kemudian balik ke hulu, dapatlah khabar. Maka diikutlah menuju Kuala Trengganu; berikut-ikut di dalam hutan, berjumpa musuh menembak dahulu. Maka berkelahi sejurus. Musuh pun lari. Ada juga luka, mati. Orang-orang derhaka pun rapat dengan perkasa.

Dari situ, berikut-ikut hilir Sungai Trengganu; sampai ke kuala, tiada berjumpa. Ada orang sangka-sangka dikatakan Engku Sayyid Trengganu menaruhnya. Kemudian memeriksa, tiada juga. Maka terus Tuan Clifford mengadap Sultan Trengganu, bermaklumkan.

Maka Yamtuan pun berkerahlah menyuruh orang mencari, kononnya tiada berjumpa juga. Kapal *Sea Belle* mengambil Tuan Clifford dari Singapura. Tiada berapa lama Tuan Clifford di Singapura, menyuruh mengambil segala (*hlm. 66*) askar Pahang yang tinggal di dalam negeri Trengganu. Kepala-kepalanya dibawa ke Singapura, menghadap Tuan Gabenor. Maka banyaklah menerima kasih Tuan Gabenor kepada kepala-kepala yang mengikut Tuan Hugh Clifford. Tiada berapa lama, Tuan Clifford pun baliklah ke Pahang.

Pekerjaan mencari derhaka itu telah diaku oleh kerajaan Siam. Ialah mencarikan. Tiada berapa lama ia mencari, segala derhaka menyerahkan diri. Muhammad Kilau dibunuhnya; lain-lain dan Bahaman, ditaruh ke Hulu Siam. Dan Rasu tiada dapat. Dan khabarnya sudah mati, sakit di dalam Hulu Trengganu.

Syahadan, adapun Bahaman itu nasibnya baik. Kononnya, dapat pangkat daripada kerajaan Siam, dengan pemerintahan diberi pencen, lebih seribu kerab. Dan juga anak-anak Rasu, semuanya dapat juga pencen. Maka istirehat sekalian orang-orang Pahang yang bersama-sama Bahaman itu, adanya.

Adapun Clifford, selesai daripada itu, ia telah mendapat pangkat Pemangku British Residen negeri Pahang dengan beberapa kemuliaannya. Yang Maha Mulia Sultan Pahang telah berangkat balik dari Singapura ke Pahang; bersemayam di dalam takhta kerajaan dengan kesejahteraannya.

Adapun Encik Abdullah Bera, dibalikkan oleh Tuan Clifford pada memerintahkan Sungai Bera, kerana baktinya, mengikut Tuan Clifford mencari derhaka itu ke Trengganu dan Kelantan. Imam Perang Setia dinaikkan pangkat, ditambahkan gaji macam Tuk Raja. Panglima Kakap Husin diberi pangkat, ditambahkan gaji macam Tuk Raja. Panglima Kakap Husin diberi pangkat memerintahkan Kuala Tembeling. Encik Wan Ahmad memerintahkan Hulu Tembeling. Lain-lain daripada itu, Sayyid Osman, Sayyid Husin dan Tuan Embong diberi oleh Tuan Clifford kelapangan pencarian. Dan banyaklah budi Tuan Clifford kepada segala orang-orang Pahang.

Tiada berapa lama, Tuan Clifford dapatlah pangkat British Residen Pahang, adanya.

## Perlantikan Tengku Besar dan Perkahwinannya

***Alkisah cetera empat puluh satu,*** Yang Maha Mulia Sultan Ahmad al-Muazzam Shah hendak bekerja khatan puteranya, Tengku Abdullah.

Maka adalah kerjanya tiada berapa lama, empat puluh hari genap. Sekalian kerenahnya bagaimana pekerjaan yang telah sudah, di dalam fasal dua puluh lima. Demikianlah pekerjaannya.

Syahadan, dan lagi, Yang Maha Mulia Tengku Ampuan dukacitalah sepeninggalan almarhum Johor itu. Siaplah fasal perkara kahwin, memohon kepada Yang Maha Mulia Sultan, hendak menulis surat ke Johor; dibenarkanlah. Langsung dititahkan Tuan Haji Muhammad Nor membawa surat itu kepada Sultan Ibrahim Johor dan Datuk Menteri Besar Johor.

Maka bila sampai, bercakap panjanglah di dalam perkara itu. Suruh surat dibalas. Dan Tuan Haji Muhammad Nor balik ke Pahang. Dalam kiraan itu, Johor sedia menanti. Maka dimaklumkanlah kepada Yang Maha Mulia Sultan, laki isteri. Maka Yang Maha Mulia pun titahkan kepada Haji Muhammad Nor dan Encik Gaduh, menghadap paduka anakandanya, Yang Maha Mulia Tengku Mahmud; dimaklumkan hal itu. Maka dijawab Tengku Mahmud, "titah tuanku itu saya junjunglah. Tetapi, di dalam perkara ini, besok, saya turun ke rumah Habib Muhammad Amin. Pukul empat Tuan Haji Muhammad Nor dan Encik Gaduh datang ke rumah Habib Muhammad Amin, kita bercakap panjang."

Begitu juga, Haji Muhammad Nor dan Encik Gaduh hadir menghadap, pukul empat. Maka bercakap panjanglah di dalam ofis Habib Muhammad Amin, empat orang: Tengku Mahmud, Habib Muhammad Amin, Encik Gaduh dan Haji Muhammad Nor. Maka titah Tengku Mahmud, "Habib Muhammad Amin jadi saksi. Tuan Haji Muhammad Nor dan Encik Gaduh, awak dengar baik-baik; saksi sampai kepada Allah Taala. Saya bercakap, Maha Suci Tuhan, mendengar. Ada pun titah ayahanda kepada saya dibawa oleh Haji Muhammad Nor dan Encik Gaduh, menyempurnakan saya dengan Johor. Saya pun banyak suka titah itu. Tetapi sebenarnya, kepada saya, jikalau Haji Muhammad Nor dan Encik Gaduh tulus ikhlas hendak mengerjakan saya, bersihkan saya anak-beranak, adik-beradik, sebab Haji Muhammad Nor dan Encik Gaduh ini boleh berdatangkan sembah pada ayahanda saya. Maka boleh tuanku bulatkan dengan orang besar-besar Pahang ini. Nampaknya orang besar-besar tiada cukup ikhlas dan kebulatan. Dan fasal Johor itu, kepada fikiran saya; barang yang mudah."

Sembah Encik Gaduh dan Haji Muhammad Nor, "titah ke bawah duli itu taatlah patik berdua beradik menjunjungnya di atas batu kepala patik. Wajiblah dan fardulah kepada patik berdua ini berdatang sembah ke bawah duli Seri Paduka ayahanda; dan merapakkan pakatan dengan segala orang besar-besar, kerana patik tahu, di dalam perkara ini, Tuan Gabenur Smith sudah menulis surat kepada Seri Paduka ayahanda. Maka Seri Paduka Ayahanda menyerahkan kepada segala *(hlm. 67)* orang besar-besar. Sampai sekarang, belum ada ketetapannya."

Di dalam hal itu, Yang Mulia Tengku Mahmud pun berangkat balik. Maka Encik Gaduh dan Haji Muhammad Nor pun menghadaplah Yang Maha Mulia Sultan, berdatang sembah sebagaimana yang dititahkan oleh Tengku Mahmud dan juga hal orang besar-besar, dari satu kepada satu. Maka dititahkan menulis surat kepada Tok Raja, disuruh muafakat dengan Tuan Hugh Clifford, British Residen, di dalam beberapa kali, dengan sangat-sangat ia menyukakan hati di dalam perkara ini.

Dua bulan sepuluh hari genap, selesailah. Langsunglah membuat kelengkapan jenis alatan gelaran. Sampai masanya, bekerjalah dan kenduri, bagaimana istiadat dan kerja raja yang besar-besar bergelar. Maka surat gelaran itu, terlebih dahulu disain oleh gobermen British, Tuan Hugh Clifford.

Maka pada masa hari yang besar, di atas balairung, hadirlah sekalian datuk-datuk, orang besar dan Residen serta tuan-tuan pegawai yang lain. Maka cukup, surat gelaran itu dibawa oleh jawatan dengan tetampan-tetampan wali, diserahkan Yang Mulia Engku Muda, disambut, diberi dengan takzimnya, membawa tingkah laku yang hebat. Dibacalah dengan nyaring bunyi suaranya:

> ... Titah daripada Yang Maha Mulia Sultan Ahmad al-Muazzam Syah, Yang Dipertuan Pahang, telah bersetuju dengan Tuan Hugh Clifford, British Residen, mengangkat gelaran putera kita Tengku Mahmud itu gelaran Yang Mulia Tengku Besar."

Maka menyahutkan segala mereka-mereka, "Daulat Tuanku!".

Kemudian daripada itu, Encik Gaduh pun membaca surat ucapan segala orang besar-besar, yang panjang bacaannya. Sangatlah elok sekalian karangnya yang terhambur; persembahan orang besar-besar dan isi negeri. Dan Haji Muhammad Nor membaca surat ucapan Yang Maha Mulia, membalas ucapan orang besar-besar dengan limpah keadilannya.

Kemudian, berdiri Tuan Hugh Clifford, membalas ucapan yang kedua, dengan panjang percakapannya; tersangatlah pandai karang-mengarang, puji-memuji, dengan peraturan seperti ditulis di dalam hatinya, dengan tiada canggung atau gamam percakapan Melayu Pahang. Kemudian daripada itu, Habib Muhammad Amin pun membaca doa selamat. Disilakan Yang Maha Mulia Sultan berangkat masuk ke dalam istana. Diturunkan bendera Yang Maha Mulia. Dan dinaikkan bendera Tengku Besar.

Kemudian, putera Datuk Bendahara Siwa Maharaja dan putera-putera Datuk Temenggung Siwa, menjunjung duli Tengku Besar. Selesai daripada itu, disilakanlah Yang Mulia Tengku Besar berangkat masuk dan Tengku Muda, kerana Penghulu Balai hendak mengangkat jamuan ke atas balairung. Setelah terangkat, sekalian anak raja-raja pun santap. Dan Tuan Hugh Clifford pun makan bersama-sama anak raja-raja. Dan sekalian tuan-tuan pun makan semuanya. Selesai daripada itu, baliklah.

Lapan belas hari lapan belas malam, pekerjaan gelaran Tengku Besar itu pun selamatlah. Tiada apa-apa celanya.

Kemudian, Yang Maha Mulia Sultan disilakan oleh Tuan Gabenor ke Perak dan Yang Maha Mulia Tengku Besar, dengan ahli Mesyuarat Pahang, ialah kerana mesyuarat yang agung di Perak. Selesai daripada itu, berangkat balik, bersemayam di Singapura bersama-sama Tuan Gabenor Mitchell, minta menyempurnakan segera kenduri kahwin Yang Maha Mulia Tengku Besar. Maka bersetujulah dengan segeranya dengan Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dengan begitu, diangkat pekerjaannya. Sungguhpun tiada lama kerjanya, tiadalah dapat hendak diperikan.

Telah kahwinlah Yang Mulia Tengku Besar itu dengan putera Yang Maha Mulia Sultan Johor yang bernama Tengku Mariam. Selesai daripada bersanding di atas takhta peterakna, santaplah nasi tabak sembilan tingkat, yang bertatahkan intan berlian, mutu maknikam, bagaimana peraturan kahwin putera-putera sultan yang besar-besar. Maka begitu juga, Datuk Menteri Jaafar yang bijaksana, mengangkat gelaran Tengku Mariam, iaitu Yang Amat Mulia Tengku Puan Besar, isteri Yang Amat Mulia Tengku Besar. Selesai daripada itu, mendoa Tuan Kadi.

Dipendekkan kisah, selamat sempurnalah pekerjaan kahwin Yang Amat Mulia Tengku Besar. Tiada berapa lama, Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan berangkat balik ke Pahang. Yang Amat Mulia Tengku Besar bersemayam di Johor, berkasihan suami isteri. Lebih kurang empat bulan, berangkatlah balik ke Pahang membawa isterinya. Sampai ke Pahang, Pekan Lama, disambutlah dengan kemuliaan. Naiklah. Selamat sejahteranya bersemayam di dalam istana, berkasih-kasihan.

Kata sahibulhikayat itu, sungguhpun Yang (Mulia) Tengku Puan Besar itu putera sultan, zahirnya di negeri Johor, sangatlah bijak, menasabah dengan tingkah lakunya, halus manis bertitah. Apatah lagi pengetahuannya tulis-menulis Melayu; pandai mematutkan sekalian alatan adat-istiadat (*hlm. 68*), kira bicara. Sekiranya jikalau laki-laki, inilah ganti Seri Paduka ayahandanya, Almarhum Abu Bakar. Tetapi perempuan; menjadi pendapatan tuah negeri Pahang, dipertemukan Allah dengan Yang Amat Maha Mulia Tengku Besar, dengan Seri Paduka ayahanda yang keduanya. Maka berserulah sahibulhikayat ini, minta panjang usia umurnya, suami isteri di dalam kesukaan kerajaan, limpah keadilan, berkasih-kasihan suami isteri selama-lamanya.

Syahadan, dengan kelamaan, Yang Maha Mulia Sultan Pahang hendak mengangkat pekerjaan khatan puteranya, Yang Mulia Tengku Sulaiman dan Yang Mulia Tengku Yusoff dan Yang Mulia Tengku Omar dan tindik Tengku Mariam.

Maka Yang Maha Mulia telah meminta pertolongan kepada kerajaan. Maka telah diadakanlah dengan tilik pandang Tuan Gabenor dan *High Commissioner* Swettenham, G. C. M. G., dan pertolongan timbangan tuan

yang bijaksana dan setiawan itu, iaitu Tuan W. Treacher, *Residen-General*, K. C. M. G. bagi Negeri yang Bersekutuan. Maka banyaklah Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Pahang menerima kasih kepada kedua tuan yang tersebut itu. Tiadalah boleh dihargakan ikhsan itu, melainkan sepanjang-panjang masalah ingatan kasih mesra.

Adapun adat-istiadat Yang di-Pertuan Pahang bekerja: sekalian isi negeri, takluk daerah, menghantar persembahan masing-masing dengan tarafnya dan kadarnya. Dipanggil hadir menghadap sekalian ketuaan, menanggung pekerjaan. Ada pun pekerjaan yang telah ditolong oleh kerajaan kepada sekalian itu: telah dibenarkan segala isi negeri membawa persembahan yang patut. Sekalian ketuaan dipanggil semuanya, hadir, menanggung pekerjaan belaka, tiada ubahnya seperti dahulu juga. Maka Yang Maha Mulia Sultan pun telah menyerahkan pekerjaan itu kepada Yang Amat Mulia Tengku Besar dan Yang Mulia Tengku Muda dan Datuk Bendahara Seri Maharaja dan Tun Ngah dan Encik Gaduh serta Haji Muhammad Nor dan kepala yang lain-lain.

Maka dengan segeranya siaplah di dalam istana, membuat balairung dan paseban. Dengan segeranya sudah. Begitu juga, Yang Mulia Cik Zabedah membuat kesiapan jenis dandan, perhiasan di dalam istana, bagaimana peraturan yang terdahulu. Maka bolehlah dikatakan pengetahuan(nya) itu setengah daripada Yang Maha Mulia Tengku Ampuan; sesungguhnya, seorang perempuan yang bijaksana. Sekalian yang dipatutnya itu semuanya kena. Maka patutanlah isteri raja yang besar. Sekalian kehendaknya itu bersetuju kepada sekalian orang besar-besar dan datuk semuanya.

Setelah siaplah semua, segala orang besar-besar pun hadirlah, membawa persembahan, jenis dengan tarafnya, kadarnya. Tuan Sayyid Abdullah Jenerak mengadakan sebuah usungan perarakan. Dan Tuan Ngah Engku Temenggung membuat satu usungan perarakan, bersama-sama dengan Encik Gaduh membuatnya. Dan Engku Muda sebuah usungan. Ketiganya itu bertewa-tewasan. Elok semuanya. Dan pegawai kerajaan menolong membuat roda usungan kita. Maka sudahlah semuanya.

Pada masa ketika hari yang baik, dimulakanlah pekerjaan. Sekalian kerenahnya seperti yang tersebut pekerjaan di dalam kisahnya yang kedua puluh sembilan, jenis permainan arak-arakan. Maka tiadalah dipanjangkan kisahnya. Tiga bulan lebih, selamatlah sempurna pekerjaan Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Tiadalah cacat-celanya, dengan pertolongan Tuan Gabenor, gobermen.

Syahadan, tiada berapa lama kemudian daripada itu, tuan yang terhormat W. Treacher K. C. M. G., Residen-General Negeri Melayu yang Bersekutuan, membawa bintang dari Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King Edward, menganugerahkan kepada Yang Maha Mulia Sultan Ahmad al-Muadzam Shah, ialah bintang K. C. M. G. Maka Yang Maha Mulia banyaklah menerima kasih. Maka disambut, ambil, dengan

beberapa mulia dan hormat takzim kepada tuan-tuan yang membawa anugerahan bintang itu, di atas balairung seri.

Yang Maha Mulia Sultan hadirlah menyambut. Dan hadirlah sekalian pegawai-pegawai negeri, Yang Amat Mulia Tengku Besar dan lain-lain. Tetapi kata sahibulhikayat itu, nampaknya di dalam hal sambutan ini, Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Pahang macam tiada pada sehati, oleh kerana pegawai-pegawai yang di bawah Sultan Pahang itu membuat kerja dengan gopoh-gapah. Keduanya kebesaran hasad dengki sama sendiri; kerja raja tiada sempurna. Sayang, Yang Maha Mulia Tengku Ampuan berangkat sekerat jalan, balik, kerana mendengarkan bintang sudah disambut.

Maka niatnya yang Maha Mulia itu, adapun bintang yang dianugerahi itu oleh Yang Maha Mulia lagi Maha Besar itu, tiadalah dapat hendak disifatkan mulianya. Kerana itulah hendak diperbuat dengan tertibnya. Sudahlah didandan sambutan itu oleh Yang Maha Mulia Tengku Ampuan dan Yang Amat (*hlm. 69*) Mulia Tengku Besar dua pasukan. Dimulai sambutan dari rumah Residen ke balairung seri; hadir sekalian taraf. Disediakan dengan panjang ucapan sultan. Kemudian daripada itu, ucapan daripada sekalian orang besar-besar Pahang: ialah kesukaan rajanya telah menerima bintang daripada sahabatnya Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King Edward. Tambahan, negeri Pahang belumlah mendapat kemuliaan yang demikian.

Kedua pasukan sambutan, dari balairung ke dalam istana. Sambutan bagi raja-raja perempuan disediakan dengan bunyi-bunyian. Maka disilakan Tuan W. Treacher dan segala tuan-tuan membawa Yang Maha Mulia Sultan dengan adat Melayu Pahang. Ucapan bagi raja-raja perempuan pun telah disediakan dengan panjang, halus manis bunyi karangannya. Maka inilah yang telah ditetapkan.

Maka tiba-tibakan jadi yang demikian. Orang besar-besar Pahang pun habis naik ke atas balai, oleh kerana kesilapannya. Untunglah Tuan Treacher, *Residen-General* ini, seorang tuan yang bijaksana, setiawan. Tambahan, sangat-sangat pandai berkasih-kasihan dengan segala sahabat-handai, taulan karib *walbahid*. Tiadalah apa-apa kepadanya; hanyalah ikhsan semuanya.

Adapun Sultan Ahmad al-Muazzam Syah, ia zahir ke dunia kepada 5 al-Muharram, hari Ahad, pukul 12 siang 1252. Naik gelaran sultan pada 14 Syawal, 1298; ditabalkan kepada 7 Rabiulawal 1302. *Wallahualam bissawab wailaihil marjiu.*

| | |
|---|---|
| Zahir | sampai 1351 ini 99 tahun |
| naik gelaran | sampai 1351 ini 53 tahun |
| tabal | sampai 1351 ini 49 tahun |

Adapun Yang Maha Mulia mangkat di kota istana Pekan Lama pada 9 Mei, 1914, digantikan oleh Sultan Mahmud.

Yang Teramat Mulia Tengku Besar Pahang menerima bintang daripada Tuan Yang Teramat (Mulia) Gabenor Sir John Anderson. Pada bulan Oktober 1907, menyerahkan kuasa Yang Teramat Mulia Tengku Besar Pahang (Tengku Mahmud). Tertulis pada 3 April, 1909, bersamaan 12 Rabiulawal 1328.

Kahwin Tengku Nong bulan Jun 1909

Kahwin Tengku Mariam bulan Julai 1913

Yang Maha Mulia Sultan Mahmud mangkat di Kuala Pahang, di dalam rumah kerajaan pada malam 19 Jun, 1917.

Dilantikkan Sultan Abdullah, menerima bintang K. C. M. G. di Kuala Lumpur, diserahkan oleh Yang Teramat Mulia *Prince of Wales*, Tengku Mahkota England, pada 29 Mac, 1922. Dan Sultan Abdullah menggelar beberapa pangkat orang besar-besar. Yang Teramat Mulia Tengku Sulaiman telah dilantikkan yang Teramat Mulia Tengku Besar Pahang oleh Tuan Gabenor, Sir Laurence Guillemard, melawat Pekan. Pada petang, jamuan nasi di Istana Seri Terentang. Kemudian daripada jamuan itu, telah berdiri Tuan Gabenor melafazkan ucapan; dilantikkan menjadi Tengku Besar Pahang. Dan pada 1 Oktober, 1920 telah ditabalkan dengan sempurnanya di Istana Seri Terentang; menerima bintang daripada Tuan Gabenor Hugh Clifford pada 17 Jun, 1928; C. M. G.:

1. Tengku Long
2. Tengku Mahmud
3. Tengku Ali
4. Tengku Abdullah
5. Tengku Nong
6. Tengku Sulaiman
7. Yusoff
8. Tengku Kalthum
9. Tengku Omar
10. Tengku Mariam
11. Tengku Muhammad
12. ...............

| | | |
|---|---|---|
| 1. | 12 Jamadilawal | 1281 |
| 2. | 10 Syawal | 1284 |
| 3. | 14 Rejab | 1289 |
| 4. | Syawal | 1296 |

| | | |
|---|---|---|
| 5. | 27 Ramadan | 1299 |
| 6. | Jamadilakhir | 1301 |
| 7. | 15 Syawal | 1301 |
| 8. | ? | |
| 9. | 27 Rabiulawal | 1301 |
| 10. | ? | |
| 11. | 3 Jamadilawal | 1319 |

| | | |
|---|---|---|
| Mangkat almarhum Ali | pada 19 Julai | 1913 |
| Mangkat almarhum Abdullah | pada 22 Jun | 1932 |

Yang Maha Mulia Sultan Ahmad al-Muadzam Shah menyerahkan kuasa kepada paduka anakandanya yang Teramat Mulia Tengku Besar Pahang, seperti yang tersebut di bawah ini:

> Bahawasanya, maka adalah kita, Seri Paduka Duli Yang Maha Mulia Sultan Sir Ahmad al-Muadzam Shah K.C.M.G. yang mempunyai takhta kerajaan negeri Pahang serta dengan takluk jajahannya, telah mengurniakan titah akan menjadi kuasa kepada paduka anakanda kita, Yang Teramat Mulia Tengku Mahmud C. M. G., Tengku Besar Pahang.
>
> Ketahui olehmu sekalian, ada pun yang umur kita serta tua; tambahan badan pun telah uzur. Oleh yang demikian, kita hendak menyenangkan diri kita. Maka dengan akal fikiran kita yang sempurna, telah ditetapkan, paduka anakanda kita ini akan menjadi pemangkuan ganti kita sendiri, bermesyuarat dengan Tuan British Residen Pahang, pada menjalankan hukuman-hukuman dan aturan-aturan di dalam sekalian hal memerintahkan.
>
> Maka segala peraturan dan pekerjaan yang telah diadakannya, pada mengamankan dan mengaturkan adat-adat di dalam negeri, mengakulah kita, seperti perbuatan kita sendiri. Dan lagi, kita telah kurniakan titah kepada paduka anakanda kita ini, dengan sepenuh-penuh yang cukup kuat kuasanya. Maka hendaklah segala orang besar-besar dan penghulu-penghulu, istimewa lagi segala rakyat, bala tentera, dengan tiada boleh tidak, akan mengikut dan menurut apa-apa titah hukuman paduka anakanda kita ini, kerana segala titah hukumannya itu seperti keadaan kita sendiri.
>
> Sebagai lagi, adalah kita pada hari ini, dengan nasihat Tuan British Residen, serta kebenaran Tuan Yang Terutama *High Commissioner*, telah mengesahkan suatu undang darihal itu di dalam mesyuarat (Council), kerana membenarkan apa-apa yang telah kita atur ini, adanya.

Tertulis pada 3 hari bulan April, 1909, bersamaan dengan 12 hari bulan Rabiulawal, 1328.

**Gambar 4:** Teks Syair Tanah Melayu – hlm. 1 dan 2



**Sumber:** Perpustakaan School of Oriental and African Studies, Universiti London, England.

# BAB 4

## SYAIR TANAH MELAYU

### Syair Tanah Melayu atau Syair Raja Johor serta Pahang

*Hlm. 18* 201 Kisah nan tidak hamba panjangkan
ceritanya banyak lagi disebutkan
ini sekadar sahaya ringkaskan
kisah berperang pula diceterakan.

202 Adapun anakanda paduka ratu
sebelas orang jumbelah yang tentu
laki-laki perempuan sekaliannya itu
tua dan muda sama sekutu.

203 Putera laki-laki yang tuanya
ialah memangku paduka ayahandanya
perintah negeri terserah kepadanya
Bendahara Tun Tahir konon namanya.

204 Encik Engku Ahmad seorang anakanda
putera yang tengah raja berida
lima orang laki-laki paduka anakanda
sikapnya elok lakunya syahda.

205 Kata orang empunya peri
setelah mangkat Marhumnya Ali
itulah mulanya gaduh negeri
adik-beradik sama sendiri.

206 Hijrat nabi dibilang tentu
seribu dua ratus lima puluh satu
adik-beradik tiada setuju
masing-masing berhati mutu.

207 Selang tiada berapa antara
Encik Engku Ahmad keluar mengembara
pergi belayar ke Singapura
sambil menghiburkan hati yang lara.

*Hlm. 19* 208 Pelayaran tiada berapa lamanya
sampailah sudah konon dianya
di Kampung Gelam tempat berhentinya
di dalam kota tempat diamnya.

209 Duduk bersama putera sultan
Tengku Jaafar namanya tuan
itulah konon menjadi taulan
duduk di sana terlalu hewan.

210 Encik Engku Ahmad muda bestari
lalu mesyuarat sama sendiri
tiadalah kena demikiannya peri
hendak belayar ikhtiar dicari.

211 Adapun akan muda bangsawan
menyuruh bersiap perahu kenaikan
hadirlah sudah segala kelengkapan
harta benda lalu diturunkan.

212 Setelah siap sekaliannya rata
lalu bermohon muda yang pokta
telah selesai berkata-kata
langsung berjalan keluar kota.

213 Serta beriringkan teman dan kawan
ramai menghantar handai dan taulan
seketika sampai ke dalam kenaikan
lalu kembali mereka sekalian.

214 Sauh pun dibongkar dengan segera
belayarlah sudah muda perwira
ke sebelah barat mencari kira
pergi Kemaman kononnya cetera.

215 Kata orang empunya madah
ke dalam Kemaman sampailah sudah
di situlah berhenti muda dan indah
Sultan Terengganu empunya perintah.

216 Tiada berapa lama antara
sampai di Kemaman lalu berkira
dapatlah pakatan dengannya segera
hendak melanggar Pahang negara.

217 Telah muafakat sekaliannya rata
orang Kemaman habislah serta
hadir sekalian alat senjata
lembing dan tombak, perisai bergenta.

218 Segala senjata berbagai nika
meriam senapang lela rentaka
sekalian perahu berapil belaka
Dandan Lengkong kenaikan paduka.

219 Ramai berhimpun segala orang
hadirlah sudah kelengkapan perang
*Hlm. 20* serta dengan panglima hulubalang
riuh rendah gong dan gendang.

220 Setelah kena saat edaran
lalu belayar segala angkatan
tunggul bendera berkibar-kibaran
ke negeri Pahang menuju haluan.

221 Empat puluh perahu dibilang
penuh sesak bermuat orang
maklum sahaja angkatan perang
pengail penjabat lancang dan payang.

222 Selang tiada berapa hari
sampailah angkatan ke dalam negeri
dapatlah khabar kepada menteri
musuh nan datang menyerang ke mari.

223 Musuh yang datang terlalu ramainya
Encik Wan Ahmad nama rajanya
dari Kemaman datang dianya
di Pulau Jawa tempat berhentinya.

224 Di situlah berhenti muda perwira
dengan sekalian rakyat tentera
kubu dan benteng dibuat segera
sambil muafakat berkira-kira.

225 Engku Sayyid wazir yang pokta
rakyat dikerah tiadalah rata
mana yang jauh tiada berserta
musuh hampir istana kota.

226 Lalu disuruh dua orang pahlawan
membawa surat ia disuruhkan
terlalu keras bunyi perkataan
negeri Pahang hendak dimilikkan.

227 Adapun surat diberi dahulu
jangan dikata tidak kelulu
adat berperang sahaja begitu
supaya berkerah hilir dan hulu.

228 Adapun akan wazir bestari
pada utusan lalu berperi
fahamlah sudah surat diberi
baiklah pulang segeranya diri.

229 Adapun akan kedua utusan
telah selesai surat dihantarkan
lalu bermohon ia nan tuan
lalu menuju tempat perhentian.

230 Engku Sayyid menteri yang pita
setelah pulang utusan nyata
menyuruh berhadir sekaliannya rata
penuh sesak di dalamnya kota.

*Hlm. 21* 231 Berapa banyak hulubalang pahlawan
alat senjata hadir sekalian
anak raja-raja dan tuan-tuan
musuh yang datang disuruh berlawan.

232 Adapun akan wazir terbilang
sedikit tidak rupanya bimbang
serta dijamunya panglima hulubalang
sudah sedia alatnya perang.

233 Panglima Besar saudara Bendahara
gagah berani lagi perwira
ia merintah sekalian tentera
sedikit tidak gentarkan mara.

234 Bersaf-saf keluar ke medan
kedua pihak lalu berhadapan
hulubalang panglima berlompatan
seperti harimau lepas tangkapan.

235 Parang-memarang, tembak-menembak
bunyi gemuruh tempik dan sorak
belum beralah kedua pihak
rakyat tentera banyaklah rosak.

236 Adapun akan muda yang pokta
gagah berani jangan dikata
menyerbukan diri ke dalam senjata
ia sendiri melanggar kota.

237 Perangnya itu tiadalah berura .
tetak-menetak sekaliannya tentera
ada yang undur ada yang mara
tiadalah tentu sanak saudara.

238 Apabila terkena peluru senapang
ada yang mati ada yang tempang
peluru berdengung seperti kumbang
segala yang takut hatinya goyang.

239 Berbunuh-bunuhan bersungguh hati
hulubalang panglima beradu sakti
siang berperang malam berhenti
banyaklah rakyat luka dan mati.

240 Adapun perang menteri bangsawan
rakyat yang jauh tiada bersempatan
lawanya banyak tiadalah padan
keras langgarnya bukan buatan.

241 Kata orang empunya peri
selang tiada berapanya hari
pecahlah perang wazir bestari
dapatlah sudah kotanya negeri.

242 Bendera putih lalu dinaikkan
membuang senjata mereka sekalian
*Hlm. 22* sebelah yang menang sangat kesukaan
banyaklah dapat segala rampasan.

243 Emas dan perak ada belaka
apatah lagi perkakas tembaga
mendapat harta terlalu suka
tiadalah sedar mati dan luka.

244 Kain sutera tolok berantai
harta benda tidak ternilai
mereka yang dapat suka mengilai
ke atas bahu kain disibai.

245 Istana di Ganchong tersebut perkataan
cukup dengan segala perhiasan
harta benda banyak ditinggalkan
sukanya orang dapat rampasan.

246 Adapun Pahang zaman yang bahari
emas perak mudah dicari
banyaklah senang isi negeri
apatah lagi raja dan menteri.

247 Tersebut kisah raja negara
tatkala alah pekan pesara
mudik ke Chenor hulu negara
serta membawa sekalian putera.

248 Engku Sayyid wazir bestari
sudah keluar darinya negeri
membawa nasib badan sendiri
serta ikhtiar hendak dicari.

249 Berjalan darat konon perginya
ke Singapura tempat ditujunya
Tuan Embong nama anakandanya
pergi bersama dengan ayahandanya.

250 Adapun akan wazir bangsawan
tiada ramai perginya tuan
di dalam hal yang demikian
tiga empat orang teman dan kawan.

251 Encik Puan usul bestari
ia nan tinggal di dalam negeri
dengan putera Marhumnya Ali
Engku Sayyid empunya isteri.

252 Kota istananya di bandar Pekan
cukup lengkap segala alatan
Encik Wan Ahmad adindanya tuan
tiada siapa membuat olahan.

253 Sudah takdir Tuhan yang ghari
duduk berperang sama sendiri
di dalam Pahang negeri bahari
tiga kali perangnya negeri.

*Hlm. 23* 254 Encik Wan Ahmad tersebut perkataan
negeri Pahang sudah dimilikkan
duduklah ia bersuka-sukaan
dengan segala menteri pahlawan.

255 Adapun akan muda perwira
lalu bergelar Datuk Bendahara
bijaksana merintah negara
terlalu suka rakyat tentera.

256 Terlalu ramai di bandar Pekan
timur dan barat datang sekalian
berjenis nika segala dagangan
perahu yang masuk tiada berputusan.

257 Encik Wan Ahmad puteranya raja
umurnya itu sedang remaja
sekarang ia menjadi raja
bergelar Bendahara Siwa Raja.

258 Kata orang empunya madah
Engku Sayyid tersebutlah kisah
ke Teluk Belanga sampailah sudah
ia berjalan tiada berlengah.

259 Setelah sampai wazir berida
langsung menghadap Bendahara Muda
Engku Sayyid pangkat ayahanda
serta diceterakan perihal yang ada.

260 Habis sekalian diceterakannya
tatkala musuh melanggar dianya
Encik Wan Ahmad datang menyerangnya
orang Kemaman berserta semuanya.

261 Setelah didengar muda bestari
susahnya hati tidak terperi
memikirkan hal ayahanda sendiri
pergi merata membawa diri.

262 Engku Tanjung bijak laksana
muafakatlah sudah tiada lena
sudah putus bicara di sana
lalulah masuk ke dalam istana.

263 Lalu berkhabar kepada isteri
perkataan manis durja berseri,
"ayuhai adinda lela bestari,
kakanda nan hendak bermohon diri.

264 Jika ada apa kesalahan,
harap jua adinda maafkan,
kakanda nan balik menghadap lawan,
hendaklah dinda tolong doakan.

265 Dengan sebenar kakanda berperi,
jangan adinda berhati ngeri,
*Hlm. 24* jika ada hayat Allah memberi,
dengan segera kakanda nan mari."

266 Setelah didengar usul yang pita
berdebar lenyap di dalamnya cita
tunduk diam tiada berkata
berasa lemah sendi anggota.

267 Seketika diam lela bangsawan
lalu berkata dengan perlahan,
"Kakanda sendiri adinda pohonkan,
suruhkan sahaja hulubalang pahlawan."

268 Belasnya hati Bendahara Muda
mendengarkan madah paduka adinda,
"janganlah susah gerangan adinda,
tiada terbalas kasih yang ada.

269 Jika ada Tuhan yang memelihara,
lepas kakanda daripada mara,
bala dan seteru semua terpelihara,
kehendak Allah sekalian perkara."

270 Dengan isterinya lalu berkata,
"ayuhai tuan emas juita,
tinggallah tuan cahaya mata,
janganlah gundah di dalam cita."

271 Setelah selesai madah dan cetera
lalu berangkat muda perwira
selang tiada berapa antara
sampailah sudah ke dalam negara.

272 Seketika sampai muda yang syahda
serta diiringkan teman yang ada
lalu menghadap paduka ayahanda
pilu dan belas di dalam dada.

273 Adapun akan muda bangsawan
berdatang sembah lakunya rawan
Datuk Bendahara bersabdalah tuan
berbagai kisah yang diceterakan.

274 Demi didengar bunyi rencana
hatinya panas terlalu bena
mukanya merah gemilang warna
mengerahkan rakyat tiada lena.

275 Bendahara Muda tersebut perkataan
rakyat tentera sudah dihimpunkan
berapa banyak hulubalang pahlawan
hendak melanggar ke bandar Pekan.

276 Sudah siap kelengkapan perang
alat senjata tiadalah kurang
meriam senapang keris dan pedang
tombak dan lembing dipakai orang.

*Hlm. 25* 277 Setelah berhimpun sekaliannya rata
lalu berjamu muda yang pokta
Orang Besar Berempat masuk berserta
ramainya orang tiada menderita.

278 Di dalam tersebutlah kisah
segala mereka sudah dikerah
alat perang hadirlah sudah
di dalam kota riuh dan rendah.

279 Adapun akan Datuk Bendahara
Raja berani lagi perwira
musuh di hulu sudah ketara
menyuruh mudik hulubalang tentera.

280 Ramailah mudik orang sekalian
tunggul bendera nampak berkibaran
serta dengan panglima pilihan
musuh yang datang disuruh tahan.

281 Panglima Kumbang nama seorang
biasa menghadap perang
beraninya itu sudah terbilang
lakunya tidak membilangkan orang.

282 Empat orang kepala yang besar
gagah berani lagi pendekar
hatinya tetap tiadalah ghubar
ialah merintah segala asykar.

283 Panglima Kakap seorang namanya
Orang Kaya Pahlawan sekarang gelarnya
pantas tangkas konon orangnya
berani dan cerdik ada semuanya.

284 Sayyid Idrus orang bangsawan
Panglima Besar, gelarnya tuan
rupanya bengis dipandang roman
patutlah ia jadi pahlawan.

285 Tuan Kecik namanya itu
handal berani sama sekutu
bangsa Attas dianya itu
serta hebat dipandang laku.

286 Engku Tanjung muda yang syahda
Encik Wan Aman paduka adinda
serta adinda Encik Wan Da
lalu menghadap paduka ayahanda.

287 Berdatang sembah lakunya gembira,
"Ayahanda apa lagi bicara,
anakanda bermohon dengannya segera,
kalah menangnya belum ketara.

288 Malunya anakanda tiada terperi,
memikirkan hal demikian peri,
*Hlm. 26* jangan dipanjangkan lagi fikiri,
biarlah anakanda berperang sendiri."

289 Demi didengar raja berida
terlalu gundah di dalamnya dada
hendak melepaskan paduka anakanda
hilanglah akal mana yang ada.

290 Mengeluarkan sabda tertahan-tahan,
"jika sudah dengan keredaan,
kepada Allah ayahanda serahkan,
Ialah juga yang memeliharakan."

291 Sudah memakai ketiganya anakanda
lalu bermohon muda yang syahda
sujud menyembah paduka ayahanda
pilu dan belas di dalamnya dada.

292 Adapun pakaian muda bangsawan
serba hitam pakaian tuan
namanya itu Gagak Sekawan
mengerlipan cahayanya rupa pakaian.

293 Berkeris terapang bertatah mutia
tiga beradik sama sebaya
memegang pedang muda yang mulia
terlalu kena segah dan gaya.

294 Pakaian panglima berjenis bagai
berseluar sampak berbaju rantai
berkeris pendek bengkungnya cindai
songkok merah jambul berjurai.

295 Kepala perang demikian pakainya
keris di pinggang senapang dipegangnya
sebentuk pedang tersangkut di bahunya
sikap laki-laki rupa lakunya.

296 Segala pakaian berjenis nika
lima bertabur dipakai mereka
misai dan janggut berpantis belaka
sekaliannya memakai itu ketika.

297 Lalu berjalan muda bangsawan
diiringkan oleh teman dan kawan
serta dengan menteri pahlawan
duduk mengapit kiri dan kanan.

298 Segala pahlawan sama sekata
terlalu yakin di dalam cita
ilmu isyarat jangan dikata
sangat diharap muda yang pokta.

299 Panglima Mansu nama seorang
orang berani serta garang
sudah masyhur di dalam Pahang
jadi kepala lasykar hulubalang.

*Hlm. 27* 300 Encik Usuh seorang namanya
Panglima Dalam konon gelarnya
bengis juga rupa orangnya
cakapnya besar serta beraninya.

301 Muhammad Akil panglima pilihan
orangnya hebat tertib kelakuan
bahasanya halus rupanya tampan
kepala perang ia dijadikan.

302 Khatib Bahrin nama seorang
handalnya itu sudah terbilang
hatinya tetap tiada goyang
ia menjadi kepala perang.

303 Sayyid Deraman seorang namanya
jadi kepala juga ianya
terlalu berani konon orangnya
sikit tak indah akan lawannya.

304 Segala lasykar diatur mereka
Rawa Mendiling adalah belaka
besar angkatan putera paduka
rakyat tentera tiada terhingga.

305 Segala bendera berkibar-kibaran
bendera merah hulubalang pahlawan
bendera hitam muda bangsawan
pakaian Bendahara juga demikian.

306 Adapun akan Panglima Perang
ia dahulu daripada orang
sekalian tentera berbaris di belakang
kilat senjata rupa cemerlang.

307 Ramai orang berpasuk-pasukan
perahu yang hilir tiada berputusan
mengikat perang menteri pahlawan
memberi dahsyat orang sekalian.

308 Hilir angkatan darinya hulu
gendang perang bunyi bertalu
bunyi serunai mendayu-dayu
segala pahlawan berhati sayu.

309 Dalam antara hal demikian
lalu bertemu kedua angkatan
kedua pihak lalu berhadapan
lalu bertempuh beramuk-amukan.

310 Perangnya keras tiada terkira
banyaklah rakyat mati dan cedera
bukannya musuh lain negara
adik-beradik sanak saudara.

311 Kedua pihak sangat gembiranya
segala pahlawan mengadu saktinya
*Hlm. 28* masing-masing dengan lawannya
sebelah-menyebelah banyak cederanya.

312 Muhammad Akil pahlawan yang bisai
sebelah kiri memegang perisai
mengeratkan pedang terlalu pandai
jika terkena badan bercerai.

313 Segala pahlawan terlalu leta
masuk mengamuk ke dalam senjata
kedua pihak sama sekata
kalah menangnya belumlah nyata.

314 Encik Wan Aman muda yang garang
sambil menggeram mencabut pedang
hendak keluar ke medan perang
orang pun ramai datang memegang.

315 Encik Wan Da pula berperi
sambil berkata menggeram diri
mencabut sundang serta berlari
dipegangkan orang tiada diberi.

316 Berdatang sembah menteri pahlawan
pada kedua muda bangsawan,
"janganlah keluar dahulu tuan,
Masakan kurang rakyat sekalian.

317 Hamba sekalian taatlah pasti,
sedikit tidak walang di hati,
reda menanggung luka dan mati,
menjunjung sabda lela gusti."

318 Pada hari itu tiada beralahan
banyak rosak rakyat sekalian
hari pun petang surai perkelahian
masing-masing kembali ke tempat perhentian.

319 Duduk berperang bebilang hari
sorak dan tempik tiada terperi
tiada berhenti barang sehari
berapa lama demikian peri.

320 Panglima Komeng sangat beraninya
Pahlawan Mansu berlawan dianya
Panglima Kakap jadi kapitnya
sama mengerjakan tuan pengulunya.

321 Muhammad Akil mengamuk juga
Khatib Bahrin berserta belaka
banyaklah orang mati dan luka
keras perangnya tiada terhingga.

322 Bunuh-membunuh tiada terperi
tembak-menembak sehari-hari
tetak-menetak kanan dan kiri
ada yang mara ada yang lari.

*Hlm. 29* 323 Terlalu ramai datang angkatan
hilir melanggar ke bandar Pekan
di sebelah hilir tiada bantuan
alah padannya nyatalah tuan.

324 Keras langgarnya orang di hulu
di sebelah hilir tewas selalu
kalah padannya sudah tertentu
riuh soraknya di sebelah hulu.

325 Berkelahi juga tiada berselang
malam berhenti siang berperang
sehingga sampai di Pulau Kemahang
di situlah mati pahlawan seorang.

326 Orang diharap paduka ratu
banyak menaruh kaum dan suku
Tuan Kecik namanya itu
bangsa Sayyid sudah tertentu.

327 Encik Wan Aman bijak laksana
dia melanggar di Kampung Cina
perangnya tiada berapa lena
dapatlah sudah kota istana.

328 Demikianlah orang yang menceterakan
tatkala sampai musuh ke Pekan
Engku Bendahara undurlah tuan
berangkat turun ke dalam kenaikan.

329 Teman dan kawan mana yang ada
ramai mengiring tua dan muda
alat kelengkapan sekaliannya ada
kenaikan bernama Singa Geroda.

330 Kehendak Allah telah berlaku
dua kali perangnya itu
adat dunia sahaja begitu
kalah menangnya sudah tertentu.

331 Engku Bendahara raja yang indah
dari Pahang keluarlah sudah
ke negeri orang pergi berpindah
Sultan Terengganu empunya daerah.

332 Di sebelah barat bernama Paka
di situlah duduk raja paduka
ramai mengiring segala mereka
hulubalang panglima ada belaka.

333 Engku Tanjung tersebut kisah
di dalam Pahang dia memerintah
Bendahara Muda digelar sudah
bersuka-suka riuh dan rendah.

334 Encik Engku Aman nama adindanya
ia memangku paduka kakandanya
*Hlm. 30* rupanya hebat bengis lakunya
banyaklah takut orang akan dianya.

335 Terlalu ramai di bandar Pahang
bersuka-sukaan tiada berselang
apatah lagi menteri hulubalang
maklumlah orang menang berperang.

336 Kata orang empunya cetera
telah selesai berperang negara
selang tiada berapa antara
lalu bekerja Datuk Bendahara.

337 Orang bermain tepuk dan tari
silat pencak sehari-hari
kahwin anakandanya lela bestari
riuh rendah dalamnya negeri.

338 Encik Engku Chik nama anakandanya
Maharaja Johor nama suaminya
Sultan Abu Bakar sekarang gelarnya
di Johor Baharu tempat semayamnya.

339 Terlalu ramai itu ketika
bercengkerama bersuka-suka
Johor dan Pahang kerabatnya juga
dengan seperti dibuat paduka.

340 Adapun putera raja berida
sepuluh orang paduka anakanda
tiga orang perempuan konon anakandanya
elok majlis usulnya syahda.

341 Encik Engku Ngah seorang namanya
jadi isteri sultan utama
Engku Puan digelar nama
parasnya majlis muda kesuma.

342 Sedap manis tingkah dan laku
lemah lembut gayanya tentu
Sultan Mahmud suaminya itu
Riau dan Lingga perintah di situ.

343 Kerajaan Melayu namanya terbilang
cukup sekalian menteri hulubalang
Riau, Lingga, Johor dan Pahang
sekaliannya itu tiada berselang.

344 Tersebut pula takluk jajahan
pulau yang tujuh hamba nyatakan
Pulau Siantan, Pulau Bunguran
ketiga dengan Pulau Serasan.

345 Pulau Subi nama suatu
Pulau Jemaja nama sekutu
Pulau Laut akhirnya itu
banyak dagangan keluar di situ.

*Hlm. 31* 346 Igal Manda lagi daerah
Keteman dan Retih masuk jumlah
sekaliannya itu di bawah perintah
tiap-tiap tahun menghantar sembah.

347 Pulau Singkep ada suatu
dekat Daik pulaunya itu
galian timah banyak di situ
takluk baginda sekaliannya itu.

348 Berhenti perkataan duli khalifah
tersebut pula suatu kisah
Tuk Raja orang termegah
sehari-hari berhati susah.

349 Kata orang yang menceterakan
Encik Engku Aman empunya olahan
anaknya mai tiada ketahuan
Wan Embong namanya tuan.

350 Susahkan anaknya tiada terperi
lalu keluar membawa diri
berjalan antara berapa hari
sampailah ia ke desa negeri.

351 Ke negeri Terengganu sampailah sudah
Baginda Omar jadi khalifah
perintahnya adil makanan murah
hibur sedikit hati yang gundah.

352 Demikianlah konon akan ceteranya
masing-masing membawa anak bininya
Wan Muhammad nama anaknya
bergelar Tuk Raja sekarang ianya.

353 Setelah sampai ke sana belaka
sambil duduk berbega-bega
lalulah ia pergi ke Paka
duduk bersama dengan paduka.

354 Serta berkhabar segala cetera
perihal perbuatan raja negara
sampai keluar pergi mengembara
malu aib tiadalah terkira.

355 Telah didengar madah cerita
lalu dijawab muda yang pita
pada siapa hendak dikata
sudah takdir Tuhan semata.

356 Lalu bersabda paduka ratu
beta pun demikian juga begitu
adik-beradik tidak sekutu
kehendak Allah sekaliannya itu.

357 Tuk Raja orang bernama
Orang Besar Berempat yang pertama
*Hlm. 32* mengiring paduka bersama-sama
duduk di Paka ia nan lama.

358 Kata orang empunya hikayat
Engku Bendahara lalu mesyuarat
tetaplah sudah segala muafakat
dengan Tuk Raja sudah syarikat.

359 Tiada berapa lama antara
putuslah sudah sekalian bicara
lalu bermohon wazir perwira
kembali ke Pahang dengannya segera.

360 Selang antara berapa hari
sampailah ia ke hulu negeri
setelah sampai ke kampung sendiri
lalu muafakat serta berperi.

361 Maharaja Purba menteri pilihan
dapatlah sudah mencari pakatan
Jelai dan Lipis satu ikatan
muafakat elok bukan buatan.

362 Tuk Kaya Lipis disebut dia
Setia Perkasa gelaran dia
dengan Tuk Raja sudah bersetia
di dalam Lipis perintahan dia.

363 Orang Kaya Haji sama berserta
dengan Tuk Raja sudah sekata
pahlawan berani jangan dikata
segala kelengkapan hadirlah rata.

364 Tuan Mandak wazir perwira
sudah lama pergi berkira
tiga beradik tiada antara
sama berserta perang negara.

365 Tuan Embong seorang namanya
Nong Chik saudara mudanya
ia bertiga sangat muafakatnya
tiada bercerai barang di mananya.

366 Berkasih-kasihan tidak terkira
tulus ikhlas serta mesra
masuk bersama ke dalam tentera
sedikit tidak gentar mara.

367 Sayyid Yassin orang jauhari
bersama iparnya Tuan Hitam menteri
ia bersama perang negeri
keduanya itu pahlawan yang ghari.

368 Sayyid Mohsin nama Arabnya
al-Habsyi konon bangsanya
Sayyid Yassin demikian dianya
bin Yahaya nama bangsanya.

*Hlm. 33* 369 Tuan Kecut nama seorang
Panglima Kiri digelar orang
bangsa Jufri disebut orang
sikap pahlawan serta garang.

370 Besar angkatan muda bangsawan
Tuan-tuan Sayyid jadi pahlawan
taat belaka mereka sekalian
apatah lagi segala tambahan.

371 Engku Bendahara muda bakti
menaruh dendam di dalam hati
jika diizinkan *Rabbul Izzati*
hendak ke Pahang juga nan pasti.

372 Adapun akan raja paduka
hulubalang panglima hadir belaka
sudah berhimpun di dalam Paka
menantikan saat dengan ketika.

373 Beberapa orang yang handalan
ilmu isyarat jadi pahlawan
beberapa isim pula diamalkan
oleh panglima hulubalang sekalian.

374 Berhenti dahulu ini perkataan
tersebut kisah menteri pahlawan
hadirlah sudah alat kelengkapan
menyembahkan surat serta maklumkan.

375 Surat sepucuk dibawa mereka
pergilah ia orang bertiga
ia berjalan tiada leka
sampailah sudah ia ke Paka.

376 Seketika sampai dia ke sana
langsung menghadap tiadalah lena
serta disambut oleh perdana
lalu dibaca dengan sempurna.

377 Perkataan sedikit tiadalah panjang
siaplah sudah angkatan perang
ramai menanti segala hulubalang
terlalu suka muda terbilang.

378 Adapun akan muda bangsawan
telah kembali sudah utusan
pergi ke Terengganu menghadap sultan
serta diiringkan teman dan kawan.

379 Seketika sampai muda bestari
berdatang sembah merendahkan diri
baginda menegur durja berseri
marilah adinda hampir ke mari.

380 Berdatang sembah Engku Bendahara
patik bermohon ke Pahang negara
*Hlm. 34* putuslah sudah segenap perkara
hadir menanti rakyat tentera.

381 Telah didengar paduka sultan
baginda bertitah manis kelakuan
selamat sempurna adinda tuan
disampaikan Allah barang dihajatkan.

382 Setelah sudah berkata-kata
lalu bermohon muda yang pokta
lalu berjalan keluar kota
teman dan kawan mengiring serta.

383 Adapun akan muda yang ghana
balik ke Paka tiada lena
alat kelengkapan hadir di dana
lalu memakai dengan sempurna.

384 Sikapnya majlis muda dermawan
ramai diiringkan hulubalang pahlawan
duduk mengembari kiri dan kanan
dua orang menyandangkan kebesaran.

385 Tersebutlah perkataan paduka raja
sudah berjalan darinya Paka
perjalannya deras tiadalah leka
sampailah sudah sekalian belaka.

386 Setelah sampai Engku Bendahara
tempat perhimpunan segala tentera
berhenti seketika di hulu negara
sambil duduk berkira-kira.

387 Segala kelengkapan hadirlah rata
dengan sekalian alat senjata
hulubalang panglima jangan dikata
seperti laku gajah yang meta.

388 Terlalu ramai segala mereka
Rawa Mendiling adalah juga
ketuaan di hulu berserta belaka
ramainya angkatan tiada terhingga.

389 Berapa pula pahlawan pilihan
masing-masing dengan alat pakaian
tunggul bendera berkibar-kibaran
segala senjata berkilat-kilatan.

390 Pakaian hulubalang berjenis rut gembira
baju seluar kain bercempa
keempat pahlawan sama serupa
terapang emas baharu ditempa.

391 Segala pahlawan muda yang bisai
sapu tangan sandang suka memakai
ada memakai baju berantai
bengkungnya itu lima dan cindai.

*Hlm. 35* 392 Keris pendek dipakainya itu
sebilah seorang sudah tertentu
pakaian Melayu memang begitu
jadi pendua pedangnya satu.

393 Berapa pula hulubalang pilihan
lain daripada segala tambatan
Panglima Kumbang namanya tuan
kepala perang ia dijadikan

394 Panglima Tapuk nama seorang
misainya lebat rambutnya panjang
ia pun jadi kepala perang
memberi dahsyat orang memandang.

395 Imam Perang Mahkota seorang namanya
sikap pahlawan tertib lakunya
kepala perang juga dianya
Haji Abdul Halim nama Arabnya.

396 Panglima Laut seorang pula
jadi pahlawan sama setala
enam orang jadi kepala
orang-orang raja perintahnya segala.

397 Encik Talib nama yang tentu
serta baik tingkah dan laku
taat belaka sekaliannya itu
menjunjung sabda paduka ratu.

398 Panglima Dalam seorang lagi
sikap berani sama terpuji
sekarang sudah menjadi haji
terlalu yakin didalam kalbi.

399 Ali namanya disebut orang
gelarnya itu Panglima Garang
sudah biasa menghadap perang
lakunya tidak membilang orang.

400 Encik Hassan seorang dinamakan
Johan Perkasa nama gelaran
Imam Perang Mahkota saudaranya tuan
sekaliannya itu panglima pilihan.

401 Tetaplah sudah sekalian muafakat
ke bandar Pekan berkirim surat
menyerang negeri demikianlah adat
supaya dikerahnya segala rakyat.

402 Pergilah sudah tiga orang pahlawan
diperintahkan oleh wazir dermawan
membawa surat ia nan tuan
di bandar Pekan supaya ketahuan.

403 Adalah antara berapa hari
sampailah sudah ke bandar bahari
*Hlm. 36* masuk menghadap ke balairung seri
dibawa oleh perdana menteri.

404 Seketika duduk ketiga utusan
berdatang sembah tertib kelakuan
surat sepucuk lalu dimaklumkan
Engku Bendahara raja bangsawan.

405 Adapun akan raja negeri
kepada anakanda surat diberi
Bendahari Muda membaca sendiri
hatinya panas mendengarkan peri.

406 Surat dibaca habislah sudah
perkataannya itu fahamlah sudah
paduka anakanda tunduk menyembah
wajah yang manis tampak berubah.

407 Demikianlah bunyi madah cetera
datang nan hendak menyerang negara
ada berhimpun di hulu negara
terlalu ramai rakyat tentera.

408 Adapun akan raja berida
sedang dihadap menteri mamanda
hulubalang panglima sekaliannya ada
serta sekalian paduka anakanda.

409 Segala panglima mendengarkan cetera
lakunya itu sangat gembira
sedikit tidak gentarkan mara
menyuruhkan utusan pulang segera.

410 "Balik sersiap kamu nan gerang,
kedua pihak sudah bertunang,
bermain senjata di medan perang,
supaya ketahui laki-laki yang garang."

411 Telah utusan mendengar kata
berasa panas di dalam cita
mendengar perkataan terlalu leta
lalu bermohon sekaliannya rata.

412 Telah kembali utusan sudah
Encik Engku Aman lalu berkerah
disuruh panggil segala daerah
ramailah rakyat berhimpunnya sudah.

413 Serta sekalian adik dan kakak
mana yang ada datang belaka
ke Teluk Belanga mengutus juga
menantikan sampai saat ketika.

414 Terlalu suka Bendahara Muda
mendengar sembah paduka adinda
sudah dikerah mereka yang ada
alat senjata sekaliannya ada.

*Hlm 37* 415 Selang antara berapa hari
tibalah angkatan ke dalam negeri
ada berhimpun di kuala negeri
ramainya tidak lagi terperi.

416 Seketika sampai ke dalam negara
kenaikan berlabuh di Tanjung Pak Kera
Tuk Penghulu mendengarkan cetera
lalulah pergi dengannya segera.

417 Berkayuhlah ia bersungguh hati
menuju tempat angkatan berhenti
sampailah sudah dengannya pasti
lalu bertanya dengan diamati.

418 Telah didengar akannya warta
terlalu suka di dalamnya cita
dapatlah ia khabar yang nyata
lalulah ia kembali serta.

419 Adapun akan penghulu itu
mudik menghadap paduka ratu
tunduk menyembah tertibnya tentu
serta dimaklumkan perihalnya itu.

420 "Anakanda Maharaja menyuruh ke mari,
sampailah sudah ia nan mari,"
telah didengar raja negeri
terlalu suka mendengarkan peri.

421 Dari Teluk Belanga datangnya itu
disuruh ke mari datang membantu
dua kapalnya yang datang itu
sikap pahlawan sama sekutu.

422 Raja Kecik seorang namanya
Engku Ahmad jadi kapitnya
pangkatnya itu sama keduanya
saudara sepupu sama taranya.

423 Terlalu ramai membawa orang
berapa banyak perahu dan tongkang
serta *gunboat, skuner* perang
ada berjaga di Kuala Pahang.

424 Lasykarnya banyak tidak terperikan
Melayu dan Bugis ada sekalian
serta dengan hulubalang pahlawan
beberapa pula orang yang handalan.

425 Bendahara Muda lalu berperi
menyuruh berlengkap mamanda menteri,
"Raja Kecik datang ke mari!,
baiklah beta pergi sendiri".

426 Menteri sekalian berdatang sembah
sekalian orang sudah dikerah
*Hlm. 38* segala kelengkapan hadirlah sudah
lalu berangkat muda yang petah.

427 Terlalu ramai isinya negeri
pergi mengiring muda bestari
ramainya orang tiada terperi
serta dengan hulubalang menteri.

428 Adapun akan Bendahara Muda
bidar kenaikan tulis perada
serta sekalian paduka adinda
ada belaka tua dan muda.

429 Lancang Penjajab nama kenaikan
tunggul bendera nampak berkibaran
perahu mengiring tiada berputusan
gong gendang bunyi bersahutan.

430 Merangkuh dayung bersungguh hatinya
berserta dengan sorak tempeknya
ke Kuala Pahang tempat ditujunya
seketika hilir sampai dianya.

431 Raja Kecik orang terbilang
sedang ramai dihadap orang
lalu diteropongnya kelengkapan yang datang
bendera hitam gong dan topang.

432 Nyatalah sudah tampak kelihatan
rupanya itu perahu kenaikan
ramainya orang bukan buatan
tunggul bendera berkibar-kibaran.

433 Segala orangnya lalu dikerah
*skuner gunboat* dihiaskan sudah
kerusi dan meja diaturlah sudah
hadir belaka penganan juadah.

434 Adapun akan Bendahara Muda
naik ke *gunboat* muda yang syahda
dengan sekalian paduka adinda
serta diiring menteri mamanda.

435 Muda keduanya turunlah segera
menyambut tangan muda perwira
ia menegur lakunya mesra
duduk di kerusi sama setara.

436 Terlalu ramah muda kedua
madah rencana suka ketawa
perkataannya manis dengan sebahawa
menantikan perintah adinda semua.

437 Adinda Maharaja menyuruh ke mari
musuh nan datang menyerangnya negeri
dia mendengar terlalu ngeri
disuruhkan segera adinda nan mari.

*Hlm. 39* 438 Janganlah tuan berwalang hati
adinda semua bersamalah nanti
sakit sengsara hidup dan mati
demikianlah niat di dalamnya hati.

439 Bendahara Muda mendengarkan kata
terlalu suka di dalamnya cita
diam seketika muda yang pita
terlalu manis menjawab kata.

440 "Pekerti adinda tiada terbalas,
serta dengan tulus dan ikhlas,
kakanda menerima sudahlah jelas,
melainkan Allah juga membalas.

441 Tiadalah dapat kakanda perikan,
sudah dengan takdirnya Tuhan,
musuh itu sudah ketahuan,
adik-beradik menjadi lawan.

442 Di hulu negeri sekarang berhimpunnya,
terlalu ramai rakyat tenteranya,
Orang Besar Berempat berserta semuanya,
Rawa Mendiling habis sertanya".

443 Setelah berhenti madah perkataan
tambul dan halwa lalu diangkatkan
lalulah santap muda bangsawan
makan minum bersuka-sukaan.

444 Seketika selesai jamuan yang ada
lalu berkata Bendahara Muda,
"Salam daripada paduka ayahanda,"
disambut naik keduanya adinda.

445 Setelah sudah berkata-kata
lalu berangkat muda yang pita
muda keduanya naiklah serta
diiringkan orang sekaliannya rata.

446 Seketika mudik muda bestari
lalulah sampai ke bandar bahari
lalu menghadap rajanya negeri
serta sekalian hulubalang menteri.

447 Tunduk menyembah ayahanda nan tuan
lakunya tertib muda bangsawan
Engku menegur manis kelakuan
hampirlah ke mari anakanda sekalian.

448 Adapun akan muda yang pitah
halus manis menjawab madah
mengangkat tangan seraya menyembah,
"Anakanda sekalian menjunjung perintah.

449 Anakanda nan kedua mari bersama,
datang menghadap Paduka Utama,
*Hlm. 40* membawa angkatan serta bersama,
serta dengan hulubalang panglima.

450 Jikalau sudah ayahanda sabdakan,
sehabis upaya anakanda mengerjakan,
kalah menangnya tidak ditentukan,
kehendak Allah juga sekalian."

451 Engku Bendahara mendengar kata
terlalu suka dalamnya cita,
"ayuhai anakanda muda yang pita,
tiada terbalas budi yang nyata."

452 Adapun akan Paduka Ratu
terlalu suka rupanya itu
ramailah datang kaum dan suku
muafakatnya baik sama sekutu.

453 Kepada masa itu ketika
alat perjamuan hadir belaka
lalulah berjamu sekaliannya mereka
makan minum bersuka-suka.

454 Terlalulah ramai di bandar Pekan
segenap lorong berpasuk-pasukan
segala senjata nampak berkilatan
masing-masing rupa alat pakaian.

455 Alat kelengkapan jangan dikata
sekaliannya itu ada semata
senapang pemuras meriam kereta
tiadalah kurang alat senjata.

456 Kapal *gunboat skuner* perang
berapa puluh perahu dan tongkang
ia berjaga di Kuala Pahang
jikalah ada musuh yang datang.

457 Bendahara Muda lalu berkata,
"wahai adinda muda yang pokta,
siapkan segera sekaliannya rata,
supaya segera pekerjaan kita."

458 Encik Engku Aman paduka adinda
ia menjawab lakunya syahda
hadirlah sekalian mereka yang ada
menantikan perintah dengannya sabda.

459 Muda bangsawan terlalu sukanya
mendengarkan sembah paduka adindanya
lalu dijamu mereka sekaliannya
sehari-hari demikian lakunya.

460 Berhenti dahulu ini perkataan
tersebut kisah di bandar Pekan
rakyat tenteranya berhimpun sekalian
serta dengan hulubalang pahlawan.

*Hlm. 41* 461 Terlalu ramai isinya negeri
dengan segala perdana menteri
ramainya tidak lagi terperi
alatan perang hadir terdiri.

462 Setelah berhimpun segala mereka
Encik Engku Aman menghadap paduka
Engku Muda terlalu suka
lalu memakai muda ketiga.

463 Berseluar panjang ketiganya dia
baju berkancing permata mutia
bercincin intan sama sebaya
bertanjak sendeng serupa ia.

464 Setelah memakai ketiganya muda
lalu bermohon kepada ayahanda
dipeluk dicium raja berida
seluruh tubuh paduka anakanda.

465 Adapun akan raja negara
susahnya hati tidak terkira
yang datang itu nyatalah saudara
menjadi musuh sudah ketara.

466 Kata orang empunya peri
adik-beradik sama sendiri
sudah takdir Tuhan yang bahari
tiada dapat lagi difikiri.

467 Bendahara Ahmad paduka adinda
Bendahara Tun Tahir paduka kakanda
adik-beradik tiada berbeda
menjadi lawan sangat berbeza.

468 Setelah selesai sabda dan madah
sekalian anakanda sujud menyembah
lakunya tertib muda yang pitah
mohon ampun berkat yang limpah.

469 Lalu bersabda Engku Bendahara,
"pergilah anakanda bertiga saudara,
selamat sempurna dengan sejahtera,
dilepaskan Allah daripada mara."

470 Lalu menyembah muda yang pokta
sambil menyapu airnya mata,
"ayahanda nan jangan menaruh cinta,
doakan anakanda sekaliannya rata."

471 Segala kelengkapan hadir terdiri
lalu bermohon muda bestari
serta diiringkan hulubalang menteri
berangkat mudik ke hulu negeri.

472 Terlalu ramai konon angkatan
berapa pula perahu dan sampan
*Hlm. 42* mudik beratur kiri dan kanan
hulubalang panglima dahulu disuruhkan.

473 Keempat pahlawan yang sangat gahari
duduk mengembar kanan dan kiri
Panglima Mansu nama gelari
Khatib Bahrin di sebelah kiri.

474 Muhammad Akil duduk di hadapan
menyandangkan pedang muda bangsawan
sikapnya kena serta tampan
patutlah ia jadi pahlawan.

475 Saiyid Deraman seorang pula
ia di belakang muda terala
menyandang kebesaran duduk tersila
ia pahlawan sama setala.

476 Encik Embuk pahlawan yang garang
Panglima Kiri digelar orang
di dalam Pahang nama terbilang
berbaju rantai suasa bertuang.

477 Anak raja keduanya tersebut perkataan
gagah berani serta handalan
dengan segala hulubalang pahlawan
ia mengapitkan muda bangsawan.

478 Berapa pula panglima hulubalang
Encik Maali namanya seorang
wartanya itu disebut orang
Datuk Maali digelar sekarang.

479 Encik Awang seorang namanya
Panglima Perang konon gelarnya
pahlawan berani juga ianya
di Sungai Benut tempat diamnya.

480 Seorang bernama Penghulu Deraman
sikapnya kena lagi pahlawan
patut dengan usulnya badan
di Padang Muar tempatnya tuan.

481 Encik Sopok pahlawan seorang
Silawatang digelar orang
sudah biasa menghadap perang
serta berani ikhtiarnya panjang.

482 Pahlawan Hamid kononnya khabar
menghadap lawan sedikit tak gentar
rupanya bengis cakapnya besar
di Batu Pahat penghulu yang besar.

483 Terlalu ramai adi pahlawan
baris serdadu ada sekalian
berjenis rupa alat pakaian
segala senjata berkilat-kilatan.

*Hlm. 43* 484 Adapun pakaian segala baris
pedang senapang tiada berkeris
kisah menembak belajar habis
adat pakaian cara Inggeris.

485 Adalah antara berapa hari
sampailah sudah muda bestari
serta diiringkan isinya negeri
ramai angkatan tidak terperi.

486 Sampailah sudah angkatan ke situ
Lebak konon namanya itu
sekalian mereka berhenti di situ
masing-masing berebutkan kubu.

487 Telah dilihat oleh pahlawan
dari Pekan tiba angkatan
ia segera bersiap ke medan
masing-masing dengan ambilan.

488 Panglima Komeng orangnya garang
serta sampai musuh ke padang
lalu mengerahkan lasykar hulubalang
dengan segeranya mengikat perang.

489 Pahlawan keempat bertahan di situ
rakyat tenteranya beribu-ribu
hadir belakang benteng dan kubu
sorak dan tempik bunyi menderu.

490 Empat orang kepala yang besar
gagah berani serta pendekar
beberapa pula hulubalang pendekar
keempatnya itu orang bergelar.

491 Maharaja Perba yang pertamanya
Wan Deris nama tubuhnya
Orang Kaya Muda konon anaknya
bergelar Tuk Raja sekarang ianya.

492 Tuk Kaya Lepih namanya itu
Orang Kaya Haji sama sekutu
orang pilihan sekaliannya itu
banyak menaruh kaum dan suku.

493 Engku Bendahara bijak bestari
sedang dihadap hulubalang menteri
tahulah sudah khabar dan peri
hari ini hendak mengeluari.

494 Lasykar banyak tampak di sana
tempik dan sorak gemuruh bahana
tunggul bendera berbagai warna
mengikat perang di sebelah sana.

495 Setelah sampai ke tengahnya medan
dilihatnya musuh sudah berpadan
*Hlm. 44* kepala yang keempat di sebelah kanan
hulubalang panglima berlompatan.

496 Telah bertemu keduanya pihak
bunyi gempita tempik dan sorak
tembak-menembak tetak-menetak
perangnya tidak lagi beragak.

497 Perangnya tidak berura-ura
kedua pihak sangat gembira
keras perangnya tiada terkira
banyaklah rakyat mati dan cedera.

498 Adapun akan Orang Kaya Muda
terlalu panas di dalamnya dada
melihat perkelahian tampak berbeza
lalu mengerahkan pahlawan yang ada.

499 Imam Perang Rasu amat gembiranya
musuh melanggar. terlalu ramainya
tiada tersabar lagi hatinya
mara ke medan dengan segeranya.

500 Telah didengar Paduka Ratu
berdua pahlawan disuruh membantu
Imam Perang Endut namanya itu
Encik Hassan saudaranya satu.

501 Menyerbukan diri bersungguh hati
mengambil mayat pahlawan yang mati
banyaklah rakyat luka dan mati
segala panglima mengadu sakti.

502 Adapun mula pecah perangnya
di sebelah hulu tewas lakunya
terlalu keras datang langgarnya
lalulah mati dua panglimanya.

503 Muhammad Sabidi namanya itu
Awang Bidin keduanya itu
janji awal termaktub di situ
kena peluru kematiannya itu.

504 Pahlawan ketiga pendekar segala
masuk mengamuk mencari bela
tiada takut mati dan cela
di sebelah hilir tewaslah pula.

505 Kedua pihak terlalu meta
segala pahlawan sama sekata
sorak dan tempik jangan dikata
gemerencing bunyi senjata.

506 Seketika berperang hari pun petang
kedua pihak kembali pulang
di tengah medan dipandang terang
segala yang luka duduk mengerang.

*Hlm. 45* 507 Engku bersabda manis kelakuan
kepada Tuk Raja wazir pahlawan,
"apakah khabar rupa perkelahian,
harinya ini perang di medan?"

508 Telah didengar wazir berida
berdatang sembah lakunya syahda,
"ampun Engku bangsawan muda,
di sebelah musuh tampak berbeza."

509 Duduk berperang sebilang hari
tiada berhenti barang sehari
berapa lama demikian peri
mati dan luka setiap hari.

510 Telah dilihat Bendahara Muda
sangatlah marah di dalamnya dada
melihatkan rakyatnya banyak berbeza
segera mengerahkan pahlawan berida.

511 Panglima Mansu pahlawan gahari
Khatib Bahrin sama berlari
pahlawan kedua di medan terdiri
ke dalam tentera menyerbukan diri.

512 Segala pahlawan mengadu sakti
banyaklah rakyat luka dan mati
asyik berperang tiada berhenti
bunuh-membunuh bersungguh hati.

513 Setelah dilihat ketiga pahlawan
hulubalang kedua sangat handalan
lasykarnya itu tidak terlawan
luka dan mati berkawan-kawan.

514 Panglima Tapuk Pahlawan Ali
Panglima Kakap sama berlari
tetak-menetak kanan dan kiri
ada yang mati ada yang lari.

515 Pahlawan kedua sama gembira
marahnya tidak lagi terkira
bertetakkan pedang kedua perwira
keduanya sama tiada bermara.

516 Kedua pihak terlalu marahnya
sangatlah keras laku perangnya
mana yang hampir ditetaknya
di sebelah hilir tewas rupanya.

517 Mengadu sakti sesama pahlawan
bertahun-tahun perangnya tuan
dari hulu berarak ke Pekan
sudahnya rakyat tidak terperikan.

518 Perangnya besar jadi mudarat
dalam negeri terlalu gelorat
*Hlm. 46* banyaklah rosak segala rakyat
sehingga berperang laut dan darat.

519 Orang Kaya Muda sangat gembira
marahnya tidak lagi terkira
mara ke medan dengan segera
anak raja kedua dilawan setara.

520 Duduk berperang sebilang hari
sorak dan tempik tidak terperi
berkejar berhambat ke sana ke mari
ada yang mara ada yang lari.

521 Encik Maali namanya tuan
ia dahulu mara ke hadapan
orang berani lagi pahlawan
anak raja kedua punya harapan.

522 Keempat pahlawan sama sekata
Panglima Awang terlalu meta
Penghulu Deraman bersama serta
menyerbukan diri ke dalam senjata.

523 Anak raja-raja segala tuan-tuan
bersaf-saf keluar ke medan
setengah bergelar hulubalang pahlawan
masing-masing dengan lawan.

524 Tuan Empuk bin Yahaya
digelar orang Panglima Setia
sikap pahlawan pendekar sebaya
masing-masing berlawannya dia.

525 Tuan Embong sama berlari
masuk ke medan lawan dicari
Tuan Kecut Panglima Kiri
keduanya nama bangsa Jufri.

526 Tuan Hitam orang pilihan
mara ke medan mencari lawan
Sayyid Yassin jadi timbalan
keduanya itu sangat pahlawan.

527 Imam Perang Komeng terlalu garang
melihatkan musuh ramai di padang
usahkan gentar bertambah berang
masuk mengamuk parang-memarang.

528 Muhammad Akil orang handalan
Imam Perang Endut ia berlawan
sama berani kedua pahlawan
keduanya sama tiada beralahan.

529 Terlalu gemuruh bunyi soraknya
kedua pihak banyak matinya
terlalu keras laku perangnya
di sebelah hilir sukar lakunya.

*Hlm. 47* 530 Khatib Bahrin seorang pahlawan
Imam Perang Rasu ia berhadapan
seorang namanya Sayyid Deraman
masing-masing sudah berpadan.

531 Panglima Laut orangnya pokta
Panglima Dalam bersama serta
pahlawan kedua sama sekata
sedikit tak mahu nama yang leta.

532 Hulubalang pahlawan pendekar segala
masing-masing lawan ditala
lakunya seperti orang yang gila
tiadalah sedar mati dan cela.

533 Encik Embuk Panglima Kiri
di dalam tongkang ia berdiri
tanjaknya tinggi tampak terdiri
menembak musuh kanan dan kiri.

534 Adapun akan muda bangsawan
dilihatnya tewas sudah perkelahian
segala perempuan lalu diundurkan
di Kuala Pahang berhimpun sekalian.

535 Lamanya perang di dalam negara
ada setahun kepada kira
perangnya besar terlalu dura
susahnya rakyat tiada terkira.

536 Adapun akan Paduka Ratu
di Kuala Pahang undurnya itu
ramainya orang berhimpun ke situ
cukup sekalian benteng dan kubu.

537 Kata orang yang menceterakan
dari hulu sampai ke Pekan
perang di situ kira sebulan
pecahlah perang muda bangsawan.

538 Adapun akan rajanya negeri
lalu berpindah ke Tanjung Puteri
serta sekalian hulubalang menteri
ramai mengiring isinya negeri.

539 Tiadalah hamba panjangkan kisah
negeri Pahang termaklumlah sudah
Bendahara Ahmad jadi khalifah
namanya masyhur sudah termegah.

540 Engku Bendahara arif laksana
lalu berangkat ke dalam istana
serta diiringkan menteri perdana
datanglah rakyat hina dan dina.

541 Ramai menghadap isi negara
tunduk menyembah Engku Bendahara
*Hlm. 48* taat belaka rakyat tentera
sekaliannya itu menurut bicara.

542 Di dalam kota semayamnya tuan
makan minum bersuka-sukaan
ramai berhimpun menteri pahlawan
duduk menghadap usul bangsawan.

543 Kata orang yang menceterakannya
dua orang gundik yang bersamanya
Encik Ator konon namanya
Encik Besar nama gelarnya.

544 Encik Maimunah seorangnya nama
ialah gundik yang pertama
keduanya itu mengiring sama
masa berperang paduka utama.

545 Engku Bendahara raja terbilang
Sultan Ahmad ini sekarang
gagah berani bukan kepalang
dialah khalifah di negeri Pahang.

546 Berhenti perkataan raja negara
tersebut pula suatu cetera
Engku Tanjung ayahanda saudara
Marhum Koris empunya putera.

547 Tiga orang anakandanya tuan
dua laki-laki seorang perempuan
Encik Engku Besar anakanda dinamakan
parasnya majlis lela bangsawan.

548 Serta arif bijak laksana
tingkah lakunya semua pun kena
sifatnya elok sedang sederhana
budi bicaranya dengan sempurna.

549 Adapun anakanda yang tuanya itu
Encik Engku Ngah namanya tentu
Encik Engku Cik adindanya itu
ketiga saudara sama sekutu.

550 Adapun akan muda kesuma
ayahandanya mangkat sudahlah lama
tinggallah bonda kakandanya sama
bela pelihara bersama-sama.

551 Tiadalah di dalamnya negeri
sudah keluar membawa diri
diiringkan teman kawan sendiri
duduk di Endau jajahan negeri.

552 Adapun akan Engku Bendahara
lalu muafakat berkira-kira
selang tiada berapa antara
menyuruh pergi dengan segera.

*Hlm. 49* 553 Berhimpun sekalian hulubalang menteri
ramai menghadap di balairung seri
segala kelengkapan hadir terdiri
menantikan sabda muda bestari.

554 Lalu bersabda raja negara,
"Tuan Mandak wazir perwira,
pergilah mamanda dengannya segera,
cari muafakat jalan sejahtera."

555 Setelah didengar madah cerita
tunduk menyembah wazir yang pita
lalulah pergi sekaliannya rata
hulubalang panglima mengiringkan serta.

556 Ramai pergi jantan betina
segala bini menteri perdana
berjalanlah ia tiada lena
pergi menyambut lela mengerna.

557 Sampailah sudah menteri panglima
naik ke darat mereka semua
pergi menghadap sekaliannya sama
menyampaikan salam Paduka Utama.

558 Segera ditegur muda yang pita
hampir ke mari sekalian rata,
"apakah hajat di dalamnya cita
sangatlah hendak mendengar warta."

559 Berdatang sembah wazir yang pika,
"janganlah pula jadi murka,
hendak memohonkan sebuah mustika,
serta sabda kakanda paduka."

560 Tuan Mandak menteri budiman
terlalu manis bunyi perkataan
dipohonkan tulus dengan keredaan
ke dalam negeri hendak disilakan.

561 Demikianlah sabda Paduka Utama
niatnya hendak bersama-sama
harap apa jua akan diterima
ke dalam negeri bercengkerama.

562 Engku Ngah mendengar khabarnya pasti
kehendaknya itu sudah mengerti
terlalulah suka rasanya hati
sampailah sudah yang dihajati.

563 Telah sudah selesai bicara
Engku Ngah pun bersiap dengan segera
kembali balik ke dalam negara
membawa adindanya lela mengindera.

564 Perjalanan tiada hari
lalu sampai ke dalam negeri
*Hlm. 50* seketika sampai wazir bestari
masuk menghadap ke balairung seri.

565 Adapun akan menteri yang pitah
sangatlah tertib berdatang sembah
sekaliannya habis dimaklumkan sudah
serta memohonkan sabda dan titah.

566 Engku mendengar terlalu suka
disuruhnya pergi segala mereka
laki-laki perempuan ada belaka
hendak menyambut adinda paduka.

567 Segala bini menteri penghulu
datang belaka hilir dan hulu
orang yang datang bertalu-talu
hendak melihat junjungan ulu.

568 Segala orang lalu berjalan
tua dan muda ada sekalian
serta membawa alat kelengkapan
pergi menyambut muda bangsawan.

569 Ramainya orang jangan dikata
penuh sesak lorong dan kota
kecil besar ada semata
banyaknya tidak mendurita.

570 Seketika sampai bininya menteri
diiringkan dayang agus jauhari
lalu menghadap lela bestari
berdatang sembah seraya berperi.

571 "Ke dalam istana hendak dipersilakan,
janganlah tuan malu dan segan,"
diam seketika muda bangsawan
ia menegur manis kelakuan.

572 Lalu memakai usul jauhari
pakaian indah intan baiduri
elok majlis wajahnya berseri
sukar bandingnya di dalam negeri.

573 Sebagai dipujuk oleh kakandanya
terlalu belas di dalam dadanya
terlalu masyghul rupa lakunya
suatu pun tidak apa katanya.

574 Adapun akan wajah gemilang
ke dalam tandu dinaikkan orang
serta diiringkan inang dan dayang
di hadapan tandu payung terkembang.

575 Berjalanlah sudah lela mengerna
diarak orang menderu bahana
berjalan tiada berapa lena
dibawa langsung ke dalam istana.

*Hlm. 51* 576 Kata orang empunya cetera
setelah sampai lela mengindera
tiada berapa lena antara
hadirlah sudah di dalam negara.

577 Berhimpun belaka sekaliannya rata
balai istana dihiaskan serta
ramainya orang jangan dikata
penuh sesak istana dan kota.

578 Lalu bekerja di dalamnya negeri
orang bermain sebilang hari
riuh rendah tepuk dan tari
ada bermain catur dan cuki.

579 Disuruhkan orang-orang berjaga-jaga
makan minum bersuka-suka
sekadar mengambil selamat juga
menantikan sampai saat ketika.

580 Adapun akan usul yang pitah
dihiaskan orang keduanya sudah
dengan pakaian yang indah-indah
terlalu kena gaya dan segak.

581 Baju ditabur emas dikarang
berkancing zamrud intan diselang
berseluar setup dipakaikan orang
bertelepuk emas pahat berkarang.

582 Gelang dokoh sudah terkena
bersubang emas bertatah ratna
sudah memakai lela mengerna
parasnya majlis terlalu bina.

583 Kerja nan tidak lama
empat puluh hari adat yang lama
sampailah pertemuan dua utama
bulan Rejab hari kelima.

584 Beraturlah dayang-dayang tua dan muda
duduk menghadap lela yang syahda
segala bini menteri mamanda
duduk dekat tirai berenda.

585 Kadi pun hampir menikahkan
empat saksi yang mendengarkan
doa mustajab pula dibacakan
isi kahwin serta dinyatakan.

586 Setelah selesai nikahnya sudah
dibawa masuk muda yang indah
duduk di kanan usul yang pitah
keduanya sama rupanya indah.

587 Setelah sampai hari ketiga
disiramkan orang raja paduka
bersimbah-simbahan segala mereka
riuh rendah bersuka-suka.

*Hlm. 52* 588 Sangat berpatutan laki isteri
berdamailah sudah muda bestari
tiadalah hamba panjangkan peri
Encik Puan Bongsu nama gelari.

589 Kata orang yang menceterakan
lalu muafakat menteri pilihan
Engku Bendahara lalu ditabalkan
betapa adat paduka sultan.

590 Di dalam sejarah sudah dicari
asal keturunan raja yang bahari
patut menjadi mahkota negeri
turun-temurun memerintah negeri.

591 Sultan Ahmad ini sekarang
ialah memiliki negeri Pahang
cukup sekalian menteri hulubalang
wartanya masyhur disebut orang.

592 Adapun akan Encik Puan Bongsu
Tengku Ampuan gelarannya itu
dengan baginda saudara sepupu
muafakatnya elok sama sekutu.

593 Parasnya majlis lela bangsawan
sedap manis sebarang kelakuan
laki isteri berkasih-kasihan
sebarang katanya tiada dilalukan.

594 Encik Engku Ngah digelar Bendahara
terlalu baik budi bicara
Engku Ampuan empunya saudara
jadi sepupu sultan mengindera.

595 Encik Engku Mahmud Temenggung dijadikan
sikap berani lagi setiawan
Panglima Besar ayahandanya tuan
anakanda saudara Yang di-Pertuan.

596 Encik Engku Uda nama yang tentu
Menteri Pahlawan gelarnya itu
ia saudara duli tuanku
terlalu taat di dalam kalbu.

597 Kata orang yang menceterakan
Johor dan Pahang tersebut perkataan
dua kerajaan tiada berbetulan
berapa lama hal yang demikian.

598 Adapun sebab demikian peri
Johor membantu pergaduhan negeri
Pahang berperang itunya hari
adik-beradik sesama sendiri.

599 Patutlah juga dia membantu
kerana menantu dengan menantu
*Hlm. 53* adat bersemenda sengaja begitu
malu aib sama sekutu.

600 Sultan Abu Bakar tersebutlah cetera
bijak laksana sempurna bicara
lalu mesyuarat berkira-kira
menyuruh ke Pahang dengannya segera.

601 Datuk menteri wazir pilihan
dititahkan oleh paduka sultan
pergi ke Pahang ia nan tuan
mencari muafakat jalan kebajikan.

602 Datuk menteri orang mengerti
suka mencari jalan yang bakti
perkataannya manis melembutkan hati
bicaranya halus dengan seperti.

603 Adapun akan wazir pilihan
bijaksana lagi dermawan
kerja yang sukar dengan kemudahan
berdamailah sudah dua kerajaan.

604 Kata orang empunya cetera
Johor dan Pahang tiada antara
lagi kerabat sudah ketara
itulah sebab maka dikira.

605 Muafakat baik bukan buatan
pergi datang tiada berputusan
ramah mesra bersuka-sukaan
paduka anakandanya lalu ditunangkan.

606 Berhenti dahulu ini cetera
tersebut perkataan sultan mengindera
sudah berteriti di dalam negara
dengan *Queen* usul perwira.

607 Kepada hijrah Rasul yang indah
seribu tiga ratus sembilan jumlah
masuklah Residen sekarang sudah
sudah bertukar adat perintah.

608 Kedua kerajaan sudah syarikat
pekerjaan negeri sama muafakat
serta dihimpunkan ahli mesyuarat
lalu dijalankan hukum dan adat.

609 Telah muafakat sama sekutu
tiap-tiap perkara dimesyuaratkan itu
apabila tetap muafakatnya itu
lalu dibuatkan undang-undangnya satu.

610 Adapun akan paduka sultan
Hakim dan Mufti adalah sekalian
di dalam mahkamah bersama dititahkan
syarak dan adat serta dijalankan.

*Hlm. 54* 611 Bicaranya halus dengan tertibnya
usul periksa terlalu terangnya
timbangnya betul sama ratanya
isi negeri terlalu sukanya.

612 Tiadalah hamba panjangkan madah
tersebut pula suatu kisah
Sultan Ahmad Muazzam Syah
alat kelengkapan hadirlah sudah.

613 Adapun akan paduka sultan
hendak ke Johor baginda nan tuan
pekerjaan anakanda hendak disempurnakan
sambil duduk bersuka-sukaan.

614 Setelah sampai saat ketika
berangkatlah turun sultan paduka
anak isteri dibawa belaka
ramai menghantar segala mereka.

615 Hilirlah baginda raja bangsawan
di kuala negeri kapal kenaikan
seketika hilir sampailah tuan
serta dengan teman dan kawan.

616 Belayarlah sudah sultan mengindera
haluan menuju ke Johor negara
lalu bertiup angin utara
lajunya tidak lagi terkira.

617 Seketika belayar duli yang mulia
mereka yang menghantar pulanglah dia
sambil bercakap sesamanya dia
baginda berangkat bersuka ria.

618 Segala yang mengiring hatinya suka
wang duit dikurniakan belaka
boleh menghiburkan hati nan duka
kita yang tinggal duduk berjaga.

619 Belayarlah tiada berapa lamanya
ke Johor Baharu sampailah dianya
duli baginda terlalu sukanya
sampailah sudah dengan selamatnya.

620 Setelah sampai sultan yang ghana
ramailah turun jantan betina
serta sekalian bini perdana
naik ke kapal tiada lena.

621 Seketika sampai mereka sekalian
masuk menghadap Tengku Ampuan
tunduk menyembah tertib kelakuan
lalu tersenyum lela bangsawan.

622 Adapun akan permaisuri
dia menegur manis berseri
*Hlm. 55* menitahkan dayang agus jauhari
mengangkatkan puan bini menteri.

623 Berdatang sembah lakunya syahda
salam takzim paduka kakanda
Engku Besar raja berida.
disambut naik jangan tiada.

624 Lalu memakai usul bestari
parasnya majlis manis berseri
dengan pakaian intan baiduri
dihadap orang kanan dan kiri.

625 Alat kelengkapan sudah terkena
turunlah baginda sultan yang ghana
bersama adindanya lela mengerna
serta dengan menteri perdana.

626 Ramai mengiring segala orang
serta sekalian inang dan dayang
sekoci berdayang berselang-selang
kenaikan dahulu didayungkan orang.

627 Seketika berangkat duli khalifah
ke jambatan batu sampailah sudah
Sultan Abu Bakar raja yang indah
hadir menanti di situ sudah.

628 Memberi takzim sambil berdiri
tersenyum manis durja berseri
ramainya orang tidak terperi
serta sekalian hulubalang menteri.

629 Meriam berbunyi dipasang orang
enam belas pucuk adatnya gerang
menyambut baginda Yang di-Pertuan Pahang
zaman yang bahari diikut orang.

630 Usung dan kereta sudah dihadirkan
dinaikkan orang lela bangsawan
serta sekalian teman dan kawan
langsung ke istana berangkatnya tuan.

631 Seketika sampai usul paduka
ramai menyambut kaum keluarga
sekaliannya itu berhimpun belaka
makan minum bersuka-suka.

632 Adapun akan sultan bestari
kedua baginda berpimpin jari
serta diiringkan isi negeri
berangkat ke dewan duduk berperi.

633 Duduk bertentang keduanya baginda
di atas kerusi tulis perada
ramai menghadap menteri mamanda
serta sekalian saudara yang ada.

*Hlm. 56* 634 Kata orang menceterakannya
Sultan Abu Bakar terlalu hormatnya
Sultan Ahmad pangkat ayahandanya
berkasih-kasihan baginda keduanya.

635 Seketika semayam baginda tuan
segala nikmat pula diangkatkan
susu kahwa syarbat minuman
rupanya indah terlalu nyaman.

636 Setelah selesai jamuan yang ada
membaca doa kadi berida
Habib Muhammad alim yang syahda
terlalu yakin di dalam dada.

637 Doa dibaca hurufnya kena
tiada bertukar lafaz dan makna
setelah berhenti madah rencana
lalu berangkat ke dalam istana.

638 Rumah istana semua dihadirkan
oleh baginda paduka sultan
cukup lengkap segala alatan
pagi dan petang diangkat persantapan.

639 Adapun akan sultan paduka
duduk di Johor bersuka-suka
ramai mengiring segala mereka
serta sekalian anakanda paduka.

640 Perginya itu sepuak perinda
dengan sekalian menteri mamanda
segala dayang-dayang tua dan muda
mengiring baginda duli seripada.

641 Kata orang empunya cetera
tiada berapa lama antara
Tengku Ampuan lela mengindera
lalu berlengkap dengannya segera.

642 Betapa adat Yang di-Pertuan
siaplah sudah segala kelengkapan
emas dan perak sirih dibuatkan
adat patutnya lalu dihantarkan.

643 Rupanya indah aturannya kena
orang melihat lakunya lena
diarak orang langsung ke istana
ramai menonton jantan betina.

644 Perbuatannya elok dengan perpatutan
cukup dengan carang dan dahan
batang dan daun juga demikian
tukang China punya buatan.

645 Jambangan dua dibuatkan itu
emasnya satu peraknya satu
*Hlm. 57* pohon sirih terletak di situ
terlalu kena paduannya itu.

646 Enam belas tabak mengiring jambang
sirih bertebuk diletakkan orang
tiap-tiap tabak payung terkembang
telepuk perada cahayanya cemerlang.

647 Adatnya itu serba enam belas
berjenis kain cindai antelas
sekaliannya itu habislah jelas
apatah lagi intan dan emas.

648 Dibawa orang ke Istana Seri
baris diatur kanan dan kiri
gong gendang pencak dan tari
ramainya orang tidak terperi.

649 Adapun akan Seri Paduka
pergi bersama itu ketika
serta diiringkan oleh mereka
rupa baginda terlalu suka.

650 Adapun yang menghantar itu
isteri Bendahara Paduka Ratu
adat patutnya sempurna tentu
Encik Puan Tengah namanya itu.

651 Ramainya orang tua dan muda
laki-laki perempuan semua pun ada
serta bini menteri mamanda
mengiring Encik Puan saudara baginda.

652 Adapun akan sultan bestari
hadir menanti di balairung seri
Sultanah Khatijah Permaisuri
dengan sekalian bini menteri.

653 Orang berarak sampailah sudah
duli baginda lalu bertitah
menyuruh menyambut Encik Puan Tengah
bangkit berdiri sultanah.

654 Orang menyambut kiri dan kanan
anak raja-raja datin-datin sekalian
serta dimaklumkan paduka sultan
di atas meja jambang diletakkan.

655 Setelah sampai usul paduka
di balairung berhenti seketika
segala persalin dibalas belaka
kembali balik sekalian mereka.

656 Selap dan terapang sekalian diberi
betapa adat zaman yang bahari
berjenis pakaian intan baiduri
rupanya indah tidak terperi.

657 Adalah pula aral yang datang
sebab gering anakanda nan gerang
baginda pun berangkat balik ke Pahang
menantikan waktu.masa yang senang.

• • •

*Hlm. 65* 737 Negeri Pahang juga demikian
mana yang ada kerabat sekalian
perihalnya itu semua dimaklumkan
masanya itu pula ditentukan.

• • •

*Hlm. 66* 751 Banyaklah raja-raja itu ketika
Riau dan Lingga datang belaka
dari Pahang adalah juga
melawat jenazah Seri Paduka.

• • •

*Hlm. 69* 795 Berhenti perkataan sultan mengindera
tersebut pula suatu cetera
*Hlm. 70* Sultan Ahmad raja perwira
empunya perintah Pahang negara.

796 Adapun akan sultan bestari
keluar semayam ke balairung seri
ramai menghadap mamanda menteri
duduk mesyuarat fikir dicari.

797 Tetaplah sudah duli baginda
muafakat dengan menteri mamanda
akan pekerjaan paduka anakanda
hendak ke Johor duli seripada.

798 Adapun akan paduka sultan
hadirlah sudah segala kelengkapan
serta dengan alat kebesaran
menantikan saat yang berbetulan.

799 Tengah dalam berura-ura
datanglah surat dari Singapura
surat pun dibaca dengan segera
fahamlah baginda sekalian perkara.

800 Daripada gabenor paduka sahabat
mengajak belayar paduka hadrat
kehendaknya itu terlalu berat
pergi ke Perak kerja mesyuarat.

801 Tetaplah sudah alatnya itu
tiap-tiap tahun sudah tertentu
ramailah raja-raja berhimpun ke situ
mana yang bernaung pada *Queen* itu.

802 Lalu bertitah duli baginda
pada menteri wazir berida
tetaplah sudah bicara yang ada
rasanya musykil di dalam dada.

803 Telah didengar menteri yang pitah
mengangkat tangan tunduk menyembah
bicara anakanda muda yang indah
kepada gabenor termaklum sudah.

804 Baginda pun suka mendengarkan cetera
teranglah sudah sekalian perkara
lalu bertitah sultan mengindera
menyuruh berlengkap dengannya segera.

805 Telah didengar wazir berida
berdatang sembah lakunya syahda
menyuruh berlengkap menteri mamanda
mengerahkan orang tua dan muda.

806 Ramai berhimpun itu ketika
hulubalang menteri hadir belaka
serta dengan anakanda paduka
menghadap baginda Seri Paduka.

*Hlm. 71* 807 Penuh sesak di balai penghadapan
tiga orang puteranya muda bangsawan
serta dengan menteri pahlawan
sekaliannya itu nama disebutkan.

808 Adapun putera baginda itu
Tengku Mahmud namanya suatu
Tengku Besar gelarnya itu
kerjanya baginda ia memangku.

809 Anak yang kedua duli khalifah
bijaksana pandai merintah
sikapnya elok lagi bersegah
wartanya itu masyhurlah sudah.

810 Tengku Ali dinamakan anakanda
gelarnya itu Tengku Muda
rupanya majlis lakunya syahda
memangku Tengku Besar paduka kakanda.

811 Bijak dan pandai sudah pasti
suka mencari jalan yang bakti
serta pandai mengambil hati
tambahan pula budi pekerti.

812 Tengku Chik anakanda dinamakan
rupanya elok dipandang roman
serta tertib barang kelakuan
tiada banyak madah perkataan.

813 Putera yang muda raja negara
belum sampai budi bicara
fikirnya elok sudah ketara
suka mencari jalan sejahtera.

814 Bendahara tersebut pula
menteri baginda sultan terala
bicaranya elok sama setala
tiadalah dapat hendak dicela.

815 Ia sepupu baginda sultan
orangnya bijak lagi setiawan
mengiring baginda raja bangsawan
kalbunya yakin tiada olahan.

816 Engku Muda orangnya pita
saudara baginda duli mahkota
bijaksana jangan dikata
mengiring baginda bersama serta.

817 Dahulu ia memangku negara
diharap baginda sultan mengindera
menjadi menteri di dalam negara
ia merintah rakyat tentera.

818 Terlalu ramai mereka segala
Orang Besar Berempat tersebut pula
*Hlm.* 72 sekalian pegawai sultan terala
pangkatnya itu dinyatakan pula.

819 Tuan Hugh Clifford orang terbilang
menjadi Residen di negeri Pahang
bijaksana bukan kepalang
mengiring baginda ia nan gerang.

820 Tulis-menulis bahasa jawi
sekaliannya itu sudah diketahui
alang tak alang peranakan Jawi
seperti ia jarang mengetahui.

821 Berhenti dulu kisah Yang di-Pertuan
kisah pegawai tersebutlah tuan
setengah pergi setengah ditinggalkan
masing-masing dengan jawatan.

822 Tuan Alfin orang yang bisai
ia menjadi penghulu pegawai
orangnya bijak serta pandai
kerjanya elok dengan sumai.

823 Memangku jawatan di bandar Pekan
kerjanya banyak tiada berputusan
pekerjaan negeri terlalu hewan
terlalu halus menjalankan hukuman.

824 Maharaja Perba Setia Indera
bijak mengerti sempurna bicara
Orang Besar Berempat sama setara
wazir yang besar di dalam negara.

825 Di hulu negeri tempat diamnya
Jelai konon nama dianya
terlalu ramai daerah pegangannya
cukup sekalian hulubalang panglimanya.

826 Seorang bernama Indera Pahlawan
di hulu negeri Chenor dinamakan
daerah perintahnya juga demikian
menteri baginda paduka sultan.

827 Indera Segara nama gelarnya
Orang Besar Berempat juga ianya
di ulu negeri Temerloh tempatnya
Tuk Tahir konon namanya.

828 Tuk Syahbandar tersebut warta
Orang Besar Berempat sama sekata
kampungnya itu bernama Benta
dengan Pekan berhampirlah nyata.

829 Daerah perintah demikianlah ada
pangkatnya sama tiada berbeda
menjadi menteri duli baginda
taat menjunjungi titah dan sabda.

*Hlm. 73* 830 Tuan Mandak seorang namanya
Sayyid Ali nama Arabnya
wazir baginda juga dianya
al-Jufri konon bangsanya.

831 Tuan Mandak orang budiman
tambahan arif lagi budiman
perkataannya manis terlalu nyaman
serta sempurna akal fikiran.

832 Belum berhenti ceteranya itu
kisah pegawai baginda ratu
tiap-tiap seorang diberi tentu
supaya ketahui halnya itu.

833 Encik Endut orang yang pita
gelarnya itu Imam Perang Mahkota
bijaksana sudahlah nyata
bicaranya sempurna tiada leta.

834 Menjadi haji dia nan tuan
Abdul Halim pula dinamakan
Kitab dan Quran sudah ketahuan
menteri baginda Yang di-Pertuan.

835 Kisah Encik Gaduh tersebut itu
pegawai baginda duli tuanku
bijak dan pandai sudah tertentu
terlalu yakin di dalam kalbu.

836 Pangkatnya itu seperti menteri
diharap baginda sultan bestari
jalan yang bakti suka dicari
terlalu hewan pekerjaan negeri.

837 Haji Muhammad Noor tersebut perkataan
akalnya cerdik bijak setiawan
dengan tertib segala pekerjaan
patutlah ia pegawai sultan.

838 Seperti menteri pangkatnya itu
taat menjunjung titah tuanku
kerjanya banyak pula dipangku
bicaranya elok sempurna tentu.

839 Demikianlah orang menceterakan
tersebut pula Sayyid peranakan
Tuan Cheh namanya tuan
jadi penghulu di bandar Pekan.

840 Bangsa Habsyi konon dianya
terlalu ramai perintah ianya
adat memerintah terlalu pandainya
serta jaga akan kerjanya.

841 Tersebut kisah Encik Mat itu
orangnya tertib tingkah dan laku
*Hlm. 74* hukum dan adat sekaliannya tahu
Penghulu Balai gelarnya itu.

842 Ialah memerintah di balairung seri
memeriksa orang berperi-peri
demikianlah adat sehari-hari
masing-masing pangkat tempatnya diberi.

843 Haji Andak kononnya khabar
ia saudara Datuk Syahbandar
menjadi Hakim sultan muktabar
serta baik akal ikhtiar.

844 Syarak dan adat sudah mengerti
bicaranya elok dengan seperti
berbuat ibadat tiada berhenti
kepada Tuhan *Rabbul Izzati*.

845 Encik Maaris disebut orang
menjadi penghulu ia sekarang
terlalu ramai memerintah orang
bicaranya elok tiada berselang.

846 Pegawai negeri bukannya satu
besar dan kecil pangkatnya itu
masing-masing jawatan mereka itu
segenap daerah ada penghulu.

847 Banyak memegang rakyat tentera
orangnya pandai kira bicara
nama yang ghalat belum ketara
kerjanya elok dengan segera.

848 Syeikh Muhammad seorang namanya
Panglima Dalam digelar dianya
Syeikh Mubarak nama walidnya
peranakan Pahang konon ianya.

849 Akalnya baik fikir sempurna
jadi pegawai sultan maulana
kalbunya yakin terlalu bina
jadi ketuaan kota istana.

850 Tersebut pula suatu kisah
ada seorang peranakan Mekah
Habib Muhammad Amin orangnya pitah
jadi Mufti duli khalifah.

851 Orangnya alim serta salih
Kitab dan Quran terlalu fasih
bicaranya terang terlalu sahih
siasatnya halus tiada selisih.

852 Tuan Cheh tersebutlah ia
di ulu negeri tempatnya dia
bangsa Khair di kononnya dia
sekarang ia ganti Tuk Kaya.

*Hlm. 75* 853 Pegangan Tuk Kaya terserah kepadanya
ialah memerintah mereka sekaliannya
Jenderak nama kampungnya
bijaksana budi bicaranya.

854 Panglima Garang Yusof konon namanya
Imam Perang Setia digelar dianya
Indera Gajah Pahang ia gantinya
di Pulau Tawar tempat diamnya.

855 Ia menjadi kepala perang
gagah berani sudah terbilang
kepada masa ini sekarang
wartanya baik disebut orang.

856 Berhenti dahulu ini perkataan
tersebut kisah paduka sultan
belayarlah baginda raja bangsawan
ke Singapura menuju haluan.

857 Ramai mengiring duli baginda
serta dengan menteri mamanda
tiga orang putera muda yang syahda
teman dan kawan tua dan muda.

858 Tatkala berangkat sultan paduka
Orang Besar Berempat tinggal belaka
tiada mengiring seri paduka
kota istana ia menjaga.

859 Adapun akan baginda nan tuan
serta membawa alat kebesaran
jika dengan izinnya Tuhan
kerja anakanda hendak disempurnakan.

860 Akan anakanda muda yang pitah
dengan putera duli khalifah
Sultan Abu Bakar raja termegah
di Johor Baharu ia merintah.

861 Kata orang empunya cetera
belayarlah sudah sultan mengindera
tiada berapa lama antara
sampailah baginda ke Singapura.

862 Adapun akan paduka hadrat
sampailah sudah dengan selamat
lalu berangkat naik ke darat
berjumpa gabenor paduka sahabat.

863 Serta sampai sultan bestari
gabenor menegur hormat diberi
sambil berkata durja berseri,
"silakan sultan semayam ke mari."

864 Di atas kerusi bersemayam baginda
serta sekalian paduka anakanda
*Hlm. 76* bergoyang tangan mana yang ada
sudah sahabat tiada berbeda.

865 Seketika duduk duli mahkota
dengan gabenor lalu berkata
bicara anakandanya muda yang pita
sekaliannya itu dikhabarkan rata.

866 Setelah sudah baginda bercetera
gabenor menjawab lakunya mesra,
"janganlah susah itu perkara,
sudah selesai sekalian bicara."

867 "Akan pekerjaan anakanda yang pita,
sudah termaklum kepada kita,
sudah terkandung di dalam cita,
pekerjaan itu kita berserta."

868 Adapun akan raja bestari
lalu berfikir seorang diri
tuan gabenor orang jauhari
sangat perkenan mendengarkan peri.

869 Patutlah ia merintah negara
menjadi raja di Singapura
wakil *Queen* usul mengindera
jalan bakti sahaja dikira.

870 Gabenor Mitchell namanya itu
namanya masyhur sudah tertentu
terlalu meminatkan dagang piatu
bertambah makmur negerinya itu.

871 Telah selesai madah rencana
berangkatlah baginda sultan yang ghana
serta diiringkan menteri perdana
turun ke kapal tiada lena.

872 Setelah sampai saatnya hari
berangkat belayar sultan bestari
bersama gabenor raja negeri
pergi ke Perak negeri yang bahari.

873 Bernama *Sea-Belle* kapal kerajaan
terlalu laju kapal kenaikan
seketika belayar hilang daratan
kapalnya elok terlalu aman.

874 Kata orang empunya peri
pelayaran tiada berapa hari
sampailah baginda raja yang ghari
ke Teluk Anson pelabuhan negeri.

875 Telah sampai sudah pasti
di Teluk Anson kenaikan berhenti
keretapi di situ menanti
naiklah baginda raja yang sakti.

*Hlm. 77* 876 Serta diiringkan segala mereka
jalannya deras tiada leka
sampai di Ipoh Sultan Paduka
berhenti di situ pula ketika.

877 Kerana di situ hadir jamuan
tambul juadah serbat minuman
setelah selesai daripada jamuan
lalu berangkat sultan bangsawan

878 Seketika berangkat sultan bestari
lalulah sampai ke kota negeri
besar sambutan paduka seri
sekalian raja-raja hulubalang menteri.

879 Sultan Idris arif laksana
menyambut baginda sultan yang ghana
hormat takzim terlalu bena
alat kelengkapan dengan sempurna.

880 Serta dijamunya sultan paduka
berjenis nikmat diangkat mereka
terlalu ramai itu ketika
besar jamuan Seri Paduka.

881 Segala mereka mana yang datang
disediakan makanan pagi dan petang
tiap-tiap hari tiada berselang
cukup sekalian tiada berkurang.

882 Serta dengan rumah tangganya
masing-masing dengan pangkatnya
duli baginda di istana semayamnya
cukup sekalian kelengkapannya.

883 Kuda kereta ada belaka
disediakan oleh Seri Paduka
pergi berjalan bersuka-suka
supaya hibur hati yang duka.

884 Di negeri Perak suatu masa
berhimpunlah raja-raja segenap desa
kerja mesyuarat membuat jasa
bercampur dengan suka termasa.

885 Adapun akan paduka sultan
pandai mencari jalan kesukaan
menyukakan hati orang sekalian
disediakan pula dengan permainan.

886 Wayang bangsawan pandai menari
perempuan yang elok menjadi peri
suaranya merdu tidak terperi
langgam Parsi manis berseri.

887 Negeri Perak masa sekarang
wartanya masyhur disebut orang
*Hlm. 78* kelebihannya banyak sudahlah terang
jauh bezanya bukan kepalang.

888 Senang sentosa dalamnya negeri
wang duit mudah dicari
apatah lagi raja dan menteri
bersuka-sukaan sehari-hari.

889 Residen Jeneral tersebut kisah
wakil *Queen* usul yang pitah
baktinya banyak zahirlah sudah
pangkatnya besar sudah termegah.

890 Bijaksana lagi jauhari
terlalu manis madah dan peri
duduk di Perak negeri yang bahari
khabarnya masyhur ke sana ke mari.

891 Bahasa Melayu surat-menyurat
serta dengan kias ibarat
faham belaka sekalian maurat
madah rencana terlalu ghairat.

892 Pangkatnya besar nyatalah tuan
empat buah negeri termaklum sekalian
Selangor dan Perak, Negeri Sembilan
negeri Pahang juga demikian.

893 Adapun Perak negeri yang bahari
rajanya arif lagi jauhari
cukup sekalian hulubalang menteri
limpah makmur dalamnya negeri.

894 Temenggung, Bendahara menteri ratu
Syahbandar, Laksamana ada di situ
bicaranya elok sempurna tentu
taat belaka sekaliannya itu.

895 Adapun akan menteri mamanda
tersebut namanya mana yang ada
cukup pengetahuan di dalam dada
mengerti belaka tua dan muda.

896 Panglima Kinta seorang namanya
Tuk Muda Wahab pangkatnya sama
membuat jasa sudah ternama
akan baginda sultan utama.

897 Raja Chulan namanya itu
kerabat baginda paduka ratu
pekerjaan besar yang dipangku
bicaranya elok sempurna tentu.

898 Raja Mansur adinda paduka
memangku jawatan demikian juga
besar pangkatnya kedua belaka
Sultan Abdullah ayahanda paduka.

*Hlm. 79* 899 Wan Mat Salleh seorang dinamakan
Tuk Sendika Raja nama gelaran
pandai mengerti baik ingatan
serta tertib pula perkhabaran.

900 Encik Alang Ahmad namanya tuan
di negeri Perak memangku pekerjaan
orangnya bijak sempurna fikiran
kalbunya yakin lagi beriman.

901 Dengan dia sahaya biasa
di negeri Pahang suatu masa
sungguhpun duduk di lain desa
belumlah lupa kepada rasa.

902 Berhenti dahulu ini cetera
tersebut kisah sultan mengindera
telah selesai pekerjaan negara
berangkat balik dengan segera.

903 Belayarlah sudah Sultan Muazzam
tanah daratan nampaknya redam
habis siang berganti malam
gelombangnya besar air dalam.

904 Dari Perak negeri yang dura
haluan menuju ke Singapura
dua tiga hari lama antara
sampailah baginda dengan sejahtera.

905 Seketika sampai kapal kenaikan
berangkat naik paduka sultan
ramai mengiring mereka sekalian
di Rumah Johor bersemayamnya tuan.

906 Di Singapura berhenti baginda
dengan sekalian menteri mamanda
lalu muafakat duli seripada
akan pekerjaan paduka anakanda.

907 Tiada berapa lama antara
tiba baginda ke Singapura
tetaplah muafakatnya di dalam negara
putuslah sudah sekalian bicara.

908 Kata orang empunya peri
lalu datang datuk menteri
menghadap baginda raja bestari
serta maklumkan hal dan peri.

909 Adapun kerja paduka anakanda
putuslah sudah bicara yang ada
berdatang sembah lakunya syahda
lalu bermohon wazir berida.

910 Adapun akan sultan yang ghari
sangat perkenan mendengarkan peri
*Hlm. 80* baginda memuji datuk menteri
patutlah dia memangku negeri.

911 Lalu mesyuarat wazir yang syahda
dengan sekalian menteri mamanda
hendak menyempurnakan kerja yang ada
serta dimaklumkan sultan yang muda.

912 Telah didengar paduka sultan
akan persembahan wazir pilihan
lalu bertitah Duli Yang di-Pertuan
kerja nan baik disegerakan.

913 Setelah putus sekalian bicara
dititahkan kepada wazir perwira
tiada berapa lena antara
hadirlah sudah di dalam negara.

914 Isi negeri lalu dihimpunkan
balai istana serta dihiaskan
ramailah datang mereka sekalian
penuh sesak pasar dan pekan.

915 Setelah siap di dalam negara
lalu bertitah sultan putera
menyuruh pergi ke Singapura
menyilakan baginda ke Johor negara.

916 Engku Mut orang yang syahda
dititahkan oleh Sultan Muda
serta dengan menteri mamanda
ke Singapura menghadap baginda.

917 Pergilah ia tiada lena
sampailah sudah ia ke sana
langsung menghadap sultan yang ghana
memberi takzim dengan sempurna.

918 Lalu bertitah duli mahkota
terlalu manis mengeluarkan kata,
"hampir ke sini sekaliannya rata,
apakah gerangan pekerjaan cita."

919 Berdatang sembah seraya berperi,
"dititahkan candelela jauhari,
menyilakan tuanku mahkota negeri,
bersuka-suka ke dalam negeri.

920 Ampun tuanku seri paduka,
serta Tengku Besar anakanda paduka,"
Baginda bertitah lakunya suka,
"Hajatnya beta demikianlah juga."

921 Setelah selesai madah dan sabda
lalu berangkat duli baginda
serta diiringkan menteri mamanda
sampailah sudah duli seripada.

*Hlm. 81* 922 Seketika sampai sultan bangsawan
raja-raja menteri sekalian mentakzimkan
kota istana sudah dihadirkan
tempat semayam Duli Yang di-Pertuan.

923 Istana Pahang konon namanya
cukup lengkap segala alatnya
ramai menghadap sekalian menterinya
penuh sesak di penghadapannya.

924 Adapun akan Sultan Muda
hormat mulia lakunya syahda
Sultan Ahmad paduka ninda
tulus mesra di dalamnya dada.

925 Berhenti perkataan sultan yang ghari
lalu bekerja di dalam negeri
joget wayang tepuk dan tari
riuh-rendah sebilang hari.

926 Disuruhkan orang berjaga-jaga
makan minum bersuka-suka
sekadar mengambil selamat juga
menantikan sampai saat ketika.

927 Balai istana terang-benderang
kandil setiram dipasang terang
sudah diatur pelamin terbentang
emas intan cahayanya cemerlang.

928 Hamparan terbentang istana dan balai
segala perhiasan tidak ternilai
tabir kelambu terkenalah tirai
sunting dan tajuk intan berjurai.

929 Putera baginda duli khalifah
dihiasan orang keduanya sudah
dengan pakaian yang indah-indah
parasnya elok usul yang pitah.

930 Kerja nan sampai empat puluh hari
hari Khamis saat mustari
bulan Rabiul Awal empat belas hari
sampailah pertemuan Tengku Besar bestari.

931 Ramai beratur dayang-dayang sekalian
duduk menghadap kiri dan kanan
anak raja-raja datin-datin sekalian
duduknya menghadap dekat tirai berawan.

932 Tengku Mariam nama yang nyata
parasnya elok usul yang pita
sedikit tidak cela di mata
laki isteri patut setakhta.

*Hlm. 82* 933 Hampir kadi mendekati
membaca khutbah hurufnya pasti
belanja isi kahwin sudah dipasti
adat bahari yang diikuti.

934 Tengku Besar itu lekas lakunya
menjawab nikah terlalu fasihnya
empat saksi yang mendengarnya
tiada terlindung segala hurufnya.

935 Segala alat sudah terkena
didudukkan di atas singgahsana
menghadap nasi bersetakona
beraturlah segala anak perdana.

936 Telah sudah berkata-kata
lengkaplah sudah alatnya takhta
lalu berangkat sultan mahkota
baginda membawa Tengku Besar yang pita.

937 Serta dinaikkan ke atas usungan
segala penjawat kiri dan kanan
segala pawai sudah diaturkan
payung kebesaran lalu dikembangkan.

938 Lalu berarak keliling negeri
ramainya orang tiada terperi
baris diatur kanan dan kiri
riuh gegak di dalam negeri.

939 Emas dan perak pula dihamburkan
banyaklah dapat mereka sekalian
ramainya orang bukan buatan
penuh sesak pasar dan pekan.

940 Kecil besar tua dan muda
hina dan dina sekaliannya ada
segenap lorong berhiaslah ada
terlalu suka di dalamnya dada.

941 Lima buah usungan perarakan seri
lain usungan joget menari
sebuah usungan Tengku Besar sendiri
gegak parak di dalam negeri.

942 Adapun usungan puteranya ratu
serba kuning perhiasnya itu
segala penjawat duduk suatu
tempat alat kebesaran satu.

943 Perbuatannya itu rupanya indah
seperti kereta pula kaedah
mereka membawa tiadalah susah
ia berjalan terlalu mudah.

944 Gong gendang jangan dikata
riuh rendah tiada menderita
orang berarak bunyi gempita
seperti terangkat istana dan kota.

*Hlm. 83* 945 Tersebut kisah orang berarak
gemuruh dengan tempik dan sorak
bunyi-bunyian terlalu gegak
serta dengan joget dan tandak.

946 Setelah petang sudahlah hari
mempelai dibawa orang kembali
langsung dibawa ke Istana Zahri
disambut raja-raja kanan dan kiri.

947 Sampailah sudah muda teruna
serta diiringkan menteri perdana
lalu disambut sultan yang ghana
dibawa masuk ke dalam istana.

948 Setelah sampai ke istana seri
didudukkan orang di kanan isteri
sekalian raja-raja bini menteri
penuh sesak di dalam puri.

949 Segala anak menteri mamanda
menyelampai tetampan berkida-kida
berdatang sembah dayang berida
santaplah tuan dengan adinda.

950 Telah selesai di dalam puri
berangkat kembali sultan bestari
menjamu raja-raja hulubalang menteri
serta sekalian isinya negeri.

951 Terlalu ramai orang jemputan
tuan gabenor segala tuan-tuan
segala sahabat handai dan taulan
di Istana Laut mereka sekalian.

952 Tersebut alatan di meja itu
sekaliannya emas sudah tertentu
besar jamuan baginda ratu
dengan sempurna sekaliannya itu.

953 Kata orang empunya peri
sampailah sudah empat puluh hari
lalu disiramkan muda bestari
ke panca persada laki isteri.

954 Di atas peterakna didudukkan
segala penjawat diaturkan
kemudian lalu dilangirkan
tepung tawar pula diletakkan.

955 Dilabuhkan tirai antelas Belanda
lalulah hampir Sultan Muda
meletak tepung tawar duli baginda
lemah lembut lakunya syahda.

956 Lalu disiramkan lela bangsawan
betapa adat Duli yang di-Pertuan
*Hlm. 84* ramai menghadap dayang-dayang sekalian
duduk beratur kiri dan kanan.

957 Serta sekalian bini menteri
air bau-bauan keluar sendiri
baunya seperti ambar kasturi
bersuka-sukaan tidak terperi.

958 Habislah basah mereka sekalian
airnya keluar seperti hujan
ramainya orang bersimbah-simbahan
riuh-rendah dengan kesukaan.

959 Sudah bersiram muda teruna
diberi memakai dengan sempurna
didudukkan di atas singgahsana
santap nasi berastakona.

960 Tiadalah hamba panjangkan peri
berdamailah sudah usul bestari
berangkat balik ke istana sendiri
diiringkan oleh perdana menteri.

961 Sepuluh purnama dibilang nyata
lepas berkahwin Tengku Besar yang pita
di Johor Baharu bersukacita
dengan putera duli mahkota.

962 Tengku Puan Besar nama digelar
putera yang tua sultan muktabar
budi pekerti masyhurlah khabar
serta sempurna akal ikhtiar.

963 Tengku Puan bijak laksana
tingkah lakunya dengan sempurna
tutur katanya semuanya kena
patutlah putera sultan yang ghana.

964 Laki isteri berkasih-kasihan
duduk dengan bersuka-sukaan
muafakatnya baik bukan buatan
sedikit tidak ada olahan.

965 Adapun Tengku Besar bangsawan
sambil berkata dengan perlahan,
"wahai adinda lela dermawan,
kakanda nan hendak bermohon tuan.

966 Hati kakanda terlalu gundah,
meninggalkan negeri lamalah sudah,
tambahan pula menanggung perintah,
telah terjunjung sabda dan titah.

967 Ayuhai adinda emas tempawan,
dengan sebenarnya kakanda katakan,
jika ada hayat diberi Tuhan,
segera kembali kakanda nan tuan.

*Hlm. 85* 968 Niat kakanda di dalamnya cita,
barang di mana bersama serta,
dengan sungguhnya kakanda berkata,
keredaan adinda dipohonkan nyata."

969 Telah didengar madah dan sabda
berasa pilu di dalamnya dada
lalu berkata lela yang syahda,
"kasad adinda demikianlah ada."

970 "Marilah adinda usul pilihan,
menghadap adinda Yang di-Pertuan,
Sultan Ibrahim bijak dermawan,
oleh menentukan adinda tuan."

971 Diam seketika lela yang pitah
di dalam hati sangat ghalabah
durja yang manis tampak berubah
ke negeri sebuah hendak berpindah.

972 Setelah sudah berkata-kata
lalu menghadap sultan mahkota
dengan isterinya bersama serta
hendak bermohon kepada cita.

973 Serta sampai muda bestari
bersama-sama laki isteri
baginda menegur manis berseri,
"Silakan kakanda duduk ke mari."

974 Adapun akan paduka hadrat
dengan kakandanya terlalu hormat
pangkat yang tua sangatlah cermat
sudah dijamunya halwa dan nikmat.

975 Setelah selesai daripada jamuan
baginda bertitah tertahan-tahan
perihalnya juga adinda maklumkan,
"Baiklah kembali kakanda, silakan."

976 Setelah selesai berkata-kata
lalu bermohon muda yang pita
lalu berjalan keluar kota
berangkat naik ke dalam kereta.

977 Kata orang empunya cetera
lalu berangkat ke Singapura
bersama isterinya lela mengindera
berhenti di sana dahulu sementara.

978 Di Singapura berhenti paduka
teman dan kawan mengiring belaka
sementara menanti masa ketika
sambil duduk bersuka-suka.

979 Adapun akan Tengku Besar Putera
lama berhenti di Singapura
*Hlm. 86* ada enam bulan kepadanya kira
kepada gabenor pergi berkira.

980 Seketika duduk muda bestari
dengan gabenor ikhtiar dicari
hendak berangkat balik ke negeri
gabenor pun suka mendengarkan peri.

981 Tuan gabenor orang yang indah
sambil tersenyum menjawab madah,
"baiklah berangkat muda yang pitah,
meninggalkan negeri lamalah sudah."

982 Gabenor pun segera memberi hukuman
menyuruh bersiap kapal kenaikan
bernama *Sea Belle* kapal kerajaan
menghantar putera sultan bangsawan.

983 Setelah sampai saatnya hari
berangkat turun muda bestari
membawa isterinya lela jauhari
hari Khamis saat mustari.

984 Hari itulah yang ditentukan
sekadar menanti paduka sultan
dalam antara hal demikian
lalulah tiba Yang di-Pertuan.

985 Dari Johor berangkat baginda
serta diiringkan menteri mamanda
datang menghantar paduka kakanda
Tengku Puan Lela yang syahda.

986 Adapun akan duli khalifah
terlalu tertib berdatang sembah
berapa pula cetera dan madah
segala perkataan memberi faedah.

987 Telah didengar lela yang syahda
sangat perkenan di dalamnya dada
setelah selesai madah dan sabda
lalu bermohon Sultan Muda.

988 Adapun akan Yang di-Pertuan
dua orang besar yang dititahkan
disuruh bersama mengiringkan
pergi menghantar kakandanya tuan.

989 Datuk Barat seorang namanya
Datuk Hol jadi kapitnya
Engku Abdullah Pahang anak rajanya
dititahkan sultan juga dianya.

990 Datuk Hol orang setiawan
cerdik mengerti sempurna fikiran
sekaliannya itu orang pilihan
bicaranya elok sudah ketahuan.

*Hlm. 87* 991 Serta dayang-dayang tua dan muda
mengiring Tengku Puan putera baginda
pergi ke Pahang lela yang syahda
cukup lengkap harta dan benda.

992 Belayarlah sudah paras gemilang
teguhnya kena musim yang senang
di dalam lautan terlalu tenang
lajunya kenaikan bukan kepalang.

993 Haluan menuju mata utara
seketika hilang Bukit Bendera
pelayaran tiada berapa antara
sampailah sudah ke Pahang negara.

994 Setelah sampai muda bangsawan
ramailah hilir mereka sekalian
serta membawa alat kelengkapan
berkayuh menuju kapal kenaikan.

995 Seketika hilir sampailah sudah
di Tanjung Pebian kenaikan singgah
segala orang berhimpunlah sudah
sekadar menanti hukum perintah.

996 Segala kelengkapan sudah sempurna
berangkatlah mudik tiadalah lena
ramai mengiringi jantan betina
air pun pasang arusnya kena.

997 *Steam* lanca menunda perahu kenaikan
lajunya itu bukan buatan
seketika mudik sampailah tuan
dengan segala mereka sekalian.

998 Ke bandar Pekan sampailah sudah
di masjid lama kenaikan singgah
segala orang sudah dikerah
hendak menyambut usul yang pitah.

999 Adapun akan duli baginda
melihatkan datang keduanya anakanda
terlalu suka di dalamnya dada
ramai menyambut mereka yang ada.

1000 Duli baginda bersamalah juga
pergi menyambut anakanda paduka
Tengku Ampuan bonda paduka
tiada datang itu ketika.

1001 Tengku Long puteranya tuan
keduanya itu ada keuzuran
geringnya itu sudah ketahuan
berbulan-bulan hal yang demikian.

1002 Ramainya orang tua dan muda
laki-laki perempuan semua pun ada
*Hlm. 88* serta sekalian menteri mamanda
alat kelengkapan hadirlah ada.

1003 Setelah sampai Tengku Besar bestari
turunlah menghadap bini menteri
tunduk menyembah sepuluh jari,
"disilakan naik lela jauhari."

1004 Lalu berangkat lela bangsawan
diiringkan oleh mereka sekalian
dalam kereta tempat kenaikan
emas dan perak pula dihamburkan.

1005 Ramai mengiring isinya negeri
serta sekalian hulubalang menteri
langsung berjalan ke istana sendiri
Leban Layu nama gelari.

1006 Seketika berjalan muda bangsawan
lalulah sampai ke istananya tuan
orang menyambut kiri dan kanan
dibawa masuk usul pilihan.

1007 Lalu dibawa ke tengah istana
didudukkan di atas hamparan warna
segala bini menteri perdana
penuh sesak di dalam istana.

1008 Serta jamuan diangkat mereka
penganan juadah berjenis nika
dengan sekalian adik dan kakak
makan minum bersuka-suka.

1009 Adapun akan muda perwira
terlalu baik bela pelihara
akan adindanya lela mengindera
sedikit tidak diberinya cedera.

1010 Tengku Puan arif dermawan
muafakatnya elok bukan buatan
suaminya itu sangat dimuliakan
barang katanya tiada dilalukan.

1011 Bicaranya elok dengan sebahawa
terlalu minat pangkat yang tua
tingkah lakunya demikianlah jua
tiadalah ia dapat kecewa.

1012 Adapun akan paduka sultan
empat orang putera perempuan
Tengku Puteri seorang dinamakan
elok majlis muda bangsawan.

1013 Sudah bersuami konon dianya
Tengku Besar nama gelarnya
Raja Chik nama suaminya
Engku Abdul Rahman ayahandanya.

*Hlm. 89* 1014 Adapun putera baginda itu
dua orang anakandanya yang bongsu
Sultanah Khatijah bondanya itu
elok majlis usulnya tentu.

1015 Kata orang empunya cetera
tersebut kisah sultan putera
sudah beristeri sama setara
parasnya elok sempurna bicara.

1016 Engku Maimunah konon namanya
Tengku Ampuan digelar ianya
Engku Abdul Majid nama ayahandanya
dengan baginda sepupu dianya.

1017 Bijaksana lela jauhari
sedap manis madah dan peri
terlalu baik akal fikiri
menjadi raja permaisuri.

1018 Tersebut perkataan Yang di-Pertuan Pahang
baginda berputera sepuluh orang
kasih sayang tiada berselang
pakai patutnya tiadalah kurang.

1019 Putera yang tua duli baginda
Tengku Long dinamakan anakanda
pitah majlis usulnya syahda
terlalu kasih ayahanda dan bonda.

1020 Putera yang gahara ia nan tuan
bondanya itu Tengku Ampuan
sedap madah perkataan
budi bahasanya sukar dilawan.

1021 Adapun akan lela mengindera
hanya seorang tinggalnya putera
kasih dan sayang tidak terkira
menghilangkan akal budi bicara.

1022 Adapun akan sultan yang syahda
sepuluh orang paduka anakanda
laki-laki perempuan tua dan muda
sekarang ini jumlah yang ada.

1023 Tengku Sulaiman seorang anakanda
sikap majlis lakunya syahda
mengaji sembahyang tiada berbeda
terlalu yakin di dalam dada.

1024 Tengku Yusof seorang namanya
rupanya hebat kena keesanya
belum sampai akal bicaranya
tengah mengaji sekarang ianya.

*Hlm. 90* 1025 Tengku Umar usul yang manja
umurnya belum sampai rumaja
sedang elok dipandang durja
sebarang lakunya kena sahaja.

1026 Tiga orang putera yang bongsu
elok majlis parasnya itu
perempuan keduanya itu
terlalu kasih baginda ratu.

1027 Adapun putera padukan sultan
tiga orang tiada dizahirkan
hanya seorang hamba nyatakan
sudah bersuami ia nan tuan.

Bahawa ini

**SYAIR TANAH MELAYU**

iaitu

Cerita Perang Pahang dan Johor Baharu
yang telah dikarangkan oleh

**PERANAKAN LINGGA**

dan telah diregisterkan dalam negeri Singapura
kepada tahun Masehi
1900

**Gambar 5:** Feksimile Syair Tanah Melayu – hlm. akhir



**Sumber:** Perpustakaan Universiti Malaya Kuala Lumpur

# BAB 5

## HIKAYAT JOHOR SERTA PAHANG

### Mengenai Raja-raja Johor

Sebermula, maka adalah telah dapat diketahui, mula-mula Mahmud menjadi Sultan di Johor Lama, Abdul Jalil Bendaharanya dan seorang orang besar Sultan Mahmud, namanya Megat Sri Rama. Maka pada suatu hari, diperintah oleh Sultan Mahmud pergi melanggar Linggi. Pada masa itu, bininya tengah bunting. Lepas Megat Sri Rama belayar itu, bininya mengidam hendak makan nangka. Pada suatu hari, turun seorang dari darat, membawa buah nangka; dipanggil oleh bini Megat Sri Rama, katanya, "berapa hendak dijual?" Jawab orang yang membawa itu, "tiada hendak jual, kerana hendak dipersembahkan pada Raja." Dalam antara itu, diambil juga oleh bini Megat Sri Rama seulas, lalu dimakannya. Dan nangka itu pun dipersembahkan pada Sultan Mahmud. Maka didapati oleh Sultan Mahmud nangka itu sudah dicacat oleh orang di tengah jalan, lalu disuruh orang periksa, didapati bini Megat Sri Rama yang mengambilnya. Maka Sultan Mahmud murkalah, lalu disuruh bunuh bini Megat Sri Rama itu dan bini Megat Sri Rama pun matilah, kena bunuh.

Hatta, apakala Megat Sri Rama balik daripada melanggar Linggi itu, ia pun mendapat khabar, bininya telah mati, kena bunuh. Maka ia pun menghadap Bendahara Abdul Jalil, sembahnya, "Datuk, hamba ini hendak menderhaka." Jawab Bendahara, "sabar, kerana Raja kita." Maka Megat Sri Rama pun balik ke rumahnya. Dan Bendahara bercakap dengan adiknya, mengata Megat Sri Rama hendak menderhaka. Jawab adiknya, "betapa hal ia tidak hendak menderhaka, bininya dibunuh? Jikalau kita sekalipun, tiada tersabar juga." Dan kata Temenggung, "jika mati Raja itu, tiada lain orang yang boleh menjadi raja, hanyalah abang. Jika abang menjadi Raja, sahaya hendak menjadi (*hlm. 1*) Raja Muda." Dalam hal itu, datang pula Megat Sri Rama, menghadap Bendahara Abdul Jalil, sembahnya, "Datuk, sahaya hendak menderhaka." Jawabnya, "mana suka engkaulah." Maka sembah Megat Sri Rama, "jikalau Datuk hendak menolong sahaya, tolonglah jarakkan hulubalang yang menjaga Sultan itu."

Maka Bendahara pun tangkap hulubalang itu dan dibunuhnya dan

Megat Sri Rama pun bersiap. Pada suatu hari, Sultan Mahmud hendak berangkat bersiram, duduk di atas julangan, ditikam oleh Megat Sri Rama dengan keris panjang, Sultan Mahmud pun jatuh, lalu mangkat. Maka Megat Sri Rama pun diramai oleh orang, lalu mati pula. Sultan Mahmud itulah disebut orang, Sultan Mangkat Berjulang. Dan Abdul Jalil menjadi Sultan, adiknya menjadi Raja Muda dan anak-anaknya digelar Tengku.

Maka apakala Sultan Mahmud dimakamkan, Sultan Abdul Jalil pun menyuruh memeriksa di dalam istana, jikalau ada bunting anak Sultan Mahmud, disuruhnya buang, takut di belakang anak itu menuntut takhta. Dalam hal itu, ada seorang anak Laksamana, nama Che Mi, gundik Sultan Mahmud, tengah mengandung, diambil oleh Laksamana, diserahkannya pada Panglima Bebas, disuruhnya hantar ke Minangkabau.

Maka dalam masa Sultan Abdul Jalil memerintah itu, seorang bernama Wan Deraman digelar oleh Sultan Abdul Jalil, Megat Laksamana. Maka dengan sebab banyak baktinya, diangkat pula gelaran Paduka Raja. Dalam itu, banyaklah orang-orang yang sudah datangkan fitnah, diperbuatnya suatu muslihat, ditirunya saputangan gundik Sultan Abdul Jalil, diberi pada orang menjaga istana Sultan Abdul Jalil itu. Oleh orang yang menjaga istana itu, dipersembahkan pada Sultan Abdul Jalil, sembahnya "ampun tuanku, beribu ampun, harapkan diampuni sembah patik, semalam patik berjaga, didapati Paduka Raja bertarik-tarik setangan [sapu tangan] dengan seorang dayang, sekerat dapat kepada Paduka Raja dan sekerat (*hlm. 2*) dapat kepada dayang-dayang itu dan dibuangkannya, patik pun ambil. Maka ditengok oleh Sultan Abdul Jalil, sah gundiknya yang empunya. Maka titah Sultan Abdul Jalil, "buangkan Paduka Raja itu."

Maka pada masa itu, Paduka Raja di dalam perahu kerana hendak pergi melanggar Lukut. Maka orang yang dititahkan oleh Sultan Abdul Jalil itu pun datanglah ramai-ramai, hendak membuat Paduka Raja. Oleh Paduka Raja, dilawannya orang yang datang itu, lalu meriam dua, satu bernama Seri Johor dan satu bernama Seri Pasir dan ditembaknya pada orang yang datang itu. Meriam meletup, tetapi peluru tiada pergi. Maka berfikir Paduka Raja, 'barangkali aku ini menderhaka.' Maka ia pun lari dua buah perahu, dengan anaknya. Maka apakala sampai ke Bari, dalam jajahan Terengganu, berhentilah ia di situ. Maka apakala dapat khabar kepada Sultan Abdul Jalil, ada di Bari, ia pun menulis surat kepada orang besar di Terengganu, menyuruh tangkap Paduka Raja itu. Maka apakala orang besar Terengganu mendapat surat, lalulah ditangkap Paduka Raja itu dan dibawanya balik ke Terengganu. Kemudian, datang pula surat daripada Sultan Abdul Jalil, dengan kerisnya, disuruh habiskan Paduka Raja itu. Maka Paduka Raja pun dibunuh oranglah dan ditanam di Tanjung Luang. Dan meriam yang bernama Seri Pasir dan Seri Johor itu diambil oleh orang Terengganu,

ada sampai sekarang ini di Bukit Puteri, di Terengganu. Maka pada waktu Paduka Raja lari itu, Zainal Abidin, adik Sultan Abdul Jalil, ada di dalam perahu anak Paduka Raja. Bila Paduka Raja sudah mati, kata anak Paduka Raja, "anak Raja ini tiada patut kita bela. Bapa kita tiada satu salah dibunuh oleh abangnya, baiklah kita halaukan." Maka Raja itu pun dihalaukan oleh anak Paduka Raja. Maka keluarlah ia dari Terengganu. Apakala sampai ia ke Patani, diambil oleh seorang Raja perempuan, namanya Nang Cayang, diangkat menjadi anak. (*hlm. 3*)

Syahadan, pada suatu hari, Sultan Abdul Jalil bertanya akan adiknya, tiada nampak. Sembah orang-orang, "masa Paduka Raja lari, Zainal Abidin ada di dalam perahu anak Paduka Raja." Maka Sultan Abdul Jalil pun menyuruh seorang panglimanya, orang lanun, pergi mencari Zainal Abidin. Maka pergilah panglima itu mencari, hingga sampai ke Patani dan didapatnya khabar, mengatakan, Zainal Abidin telah menjadi anak angkat Nang Cayang, Raja Patani. Maka Panglima itu pun baliklah ke Johor dan dipersembahkan pada Sultan Abdul Jalil. Maka tiada berapa hari, Sultan Abdul Jalil berangkat ke Patani. Apakala sampai Sultan Abdul Jalil ke Patani, dapatlah khabar kepada Nang Cayang, lalu disuruhnya orang besar-besar menanti di Penarek.

Maka orang besar-besar itu pun berjumpalah dengan Sultan Abdul Jalil, lalu dipersilakan ke istana Nang Cayang. Sultan Abdul Jalil pun berjumpa dengan Zainal Abidin. Tiada berapa lamanya, Sultan Abdul Jalil pun berkahwin dengan Nang Cayang. Dalam Istana Nang Cayang itu, ada seorang penyanyi, namanya Dang Sirat, suaranya sangatlah merdu bunyinya. Maka asyiklah Sultan Abdul Jalil kepadanya itu. Maka pada suatu hari, dibawa oleh Sultan Abdul Jalil bergajah ke darat Patani. Maka apakala sampai pada suatu tempat, tersangkut oleh ranting kayu kepada sanggul Dang Sirat, lalu jatuh satu azimat daripada sanggul Dang Sirat, diambil oleh Sultan Abdul Jalil. Ia pun memandang kepada Dang Sirat, didapatinya, rupa Dang Sirat itu sangatlah hodohnya. Maka berfikirlah di dalam hati Sultan Abdul Jalil, 'kerana Dang Sirat inilah, aku mendapat malu,' lalu ia menghunus keris dan ditikamlah pada Dang Sirat itu. Maka Dang Sirat pun jatuh, lalu mati. Maka seketika itu juga, Sultan Abdul Jalil pun balik, lalu dibawanya Zainal Abidin. Ia pun tiada singgah kepada isterinya, Nang Cayang itu. Maka diperbuatkan nyanyi oleh orang, (*hlm. 4*)

> Zaman-zaman terkukur mati,
> Mati di bawah terbang perat;
> Zaman-zaman Raja Johor mari,
> Mari membunuh Dang Sirat.
>
> Dari Patani ke Tanjung Kandis,
> Ditiup angin selatan daya;
> Dari mula ianya manis;
> Rupanya Sultan kena perdaya.

Maka apakala sampai ke Terengganu, dijadikan oleh Sultan Abdul Jalil adiknya, Zainal Abidin itu, Bendahara. Dan Sultan Abdul Jalil balik ke Johor. Maka duduklah Zainal Abidin menjadi Bendahara di Terengganu itu. Mangkat Zainal Abidin, Mansur menjadi Raja; mangkat Mansur, Zainal Abidin menjadi Raja; mangkat Zainal Abidin; Ahmad menjadi Raja; mangkat Ahmad terpindah kepada Omar; Ahmad menjadi Sultan; mangkat Ahmad, Zainal Abidin menjadi Sultan yang ada sekarang ini. Dan pecahnya tiadalah disebutkan.

Sebermula, maka tersebutlah perkataan Che Mi. Apabila sampai ke Minangkabau, beranakkan seorang laki-laki, dinamakan Raja Kecil. Maka apakala Raja Kecil sudah besar, dapatlah ia ketahui dirinya anak Sultan Mahmud Johor. Dan diceritakan pula oleh ibunya, Che Mi itu. Maka ia pun berasa besar di dalam hatinya. Maka ia pun meminta bantu pada Raja Minangkabau, kerana ia hendak melanggar Johor. Oleh Raja Minangkabau, diberinya pertolongan.

Pada saat yang baik, pergilah Raja Kecil dengan rakyat bala tentera Minangkabau melanggar Johor. Apakala sampai ke Johor, orang-orang pun gemparlah, mengatakan musuh dari Minangkabau, lalu persembahkan pada Raja Muda. Maka pada waktu itu, Raja Muda sedang bercatur. Sembah orang, "musuh tuanku." Jawab Raja Muda, "apa gaduhkan musuh? Musuh di sini, lari ke sini." Maka dipersembahkan lagi, jawabnya begitu juga. Maka pada fikiran Raja Muda, musuh catur, bukannya musuh betul. Dalam antara itu, musuh Minangkabau pun sampailah ke dalam kota, baharulah Raja Muda sedarkan, musuh betul. Maka berfikir Raja Muda, "jika demikian, tiadalah tertahan oleh aku; baiklah aku bunuh anak gundik aku, supaya tiada ditawan oleh (*hlm. 5*) Minangkabau." Lalu ia masuk ke dalam istana, anak gundiknya di dalam itu. Dan ada seorang putera Raja Muda, bersembunyi. Maka pada fikiran Raja Muda, semua sudah mati, lalu ia turun ke tanah, melawan Minangkabau itu.

Di dalam berkelahi, Raja Muda pun matilah. Dan musuh pun sampai ke Kota Tinggi. Maka Sultan Abdul Jalil pun baharu tahukan, musuh. Titah Raja Kecil, "ya mamanda! Bukannya hamba ini hendakkan negeri Johor, ialah hamba hendakkan kerajaan ayahanda hamba." Maka Sultan Abdul Jalil pun menyerahkan kepada Raja Kecil. Dan ia pun balik ke tempatnya. Maka Raja Kecil pun duduklah memerintah di Johor dan bergelar Yang di-Pertuan Raja Kecil.

Alkisah, maka tersebutlah perkataan anak Raja Bugis, namanya Upu Daing Parani, belayar dari Negeri Bugis, singgah di negeri Johor. Apakala ia sampai di Johor, dipanggil oleh Sultan Abdul Jalil ke istananya. Tengah bercakap itu, kata Upu, "sayangnya negeri Johor ini, dengan mudahnya dialahkan oleh Minangkabau." Maka cakapan Upu Parani itu tiada siapa menjawabnya. Pada suatu hari, Sultan Abdul Jalil menjamu Upu Daing Parani. Tengah duduk di majlis itu, datang seorang anak Sultan Abdul Jalil, namanya Tengku Mandak,

ditanggalkannya subang daripada telinganya, lalu dicampakkannya di atas riba Upu Daing Parani, lalu ia berkata, "Kelana, tolonglah sapukan arang di muka. Jikalau Kelana sapukan arang di muka, ambil sahaya ini, perbuatkan hamba." Maka jawab Che Upu, "insya-Allah."

Di dalam hal itu, Sultan Abdul Jalil bermuafakat dengan Upu, minta bantu, kerana hendak melanggar Raja Kecil. Maka apakala sudah berteguh-teguh setia, Upu pun balik ke Bugis dan (*hlm. 6*) ia bertangguh setahun. Maka apabila sampai setahun, dinanti oleh Sultan Abdul Jalil, tiada juga Upu datang. Maka Sultan Abdul Jalil pun menulis surat kepada Upu ke Bugis. Maka apabila Upu menerima surat itu, ia pun berlengkap beberapa buah perahu, lalu menyerang Johor itu.

Maka berperanglah orang-orang Bugis dengan rakyat Raja Kecil. Beberapa lama perang itu, alah Raja Kecil, lalu ia lari keluar ke Siak. Dan Abdul Jalil menjadi sultan pula di negeri Johor. Dan Upu dikahwinkan oleh Sultan Abdul Jalil dengan puteranya yang bernama Tengku Mandak itu. Maka duduklah Upu di negeri itu. Maka tiada berapa lamanya, datang surat dari Bugis kepada Upu, mengatakan negeri Bugis hendak bergaduh. Maka Upu pun balik ke Bugis. Maka tiada berapa lama balik ke Bugis, datang pula Raja Kecil itu, melanggar Johor.

Di dalam berkelahi itu, alah Sultan Abdul Jalil, keluarlah ia dari Johor itu, lalu ke Pahang, duduk di sebelah hulu Kuala Pahang. Nama kampungnya, Teluk Kandang. Maka didapat ketahui oleh Raja Kecil. Maka ia pun menyuruh seorang panglimanya, nama Nakhoda Cek Sekam, menangkap Sultan Abdul Jalil itu, bawa balik ke Johor. Di belakang daripada Nakhoda Cek Sekam itu pergi, datang pula surat Raja Kecil pada Cek Sekam, suruh buangkan sekali Sultan Abdul Jalil itu. Dan anaknya itu dan anak-anaknya sekalian, suruh bawa balik ke Johor. Maka pada satu hari, Sultan Abdul Jalil tengah sembahyang, datang Nakhoda Cek Sekam, ditikam dari belakang Sultan Abdul Jalil. Maka ia pun matilah di atas tikar sembahyang dan dimakamkan sebelah hulu Sungai Pekan.

Maka sekalian anak-anak isterinya dibawa balik oleh Nakhoda Cek Sekam ke Johor. Maka seorang anak Sultan Abdul Jalil itu, bernama Tengku Kamariah, diperisterikan oleh Yang di-Pertuan Raja Kecil, dan yang lainnya itu dipeliharakan. Maka Tengku Mandak menulis surat pada Upu, menyatakan Raja Kecil sudah melanggar Johor, sudah didapat olehnya. Dan Sultan Abdul Jalil undur ke Pahang dan sudah pula ditikam (*hlm. 7*) oleh Nakhoda Cek Sekam. Maka apakala Upu mendengar surat itu, ia pun datang pula, serta dilanggar pula Raja Kecil itu.

Maka tiada berapa lama perang itu, alahlah pula Raja Kecil itu, lalu berundur ke Siak. Maka putera Sultan Abdul Jalil, bernama Tengku Sulaiman, ditabalkan Upu, dijadikan Sultan Johor. Maka Sultan

Sulaiman pun berkerajaanlah di Johor itu. Maka Upu Daing Parani pun balik ke Bugis, tinggal anaknya seorang di Johor, bernama Upu Daing Merewah. Oleh Sultan Sulaiman, diangkatnya menjadi anak. Dan tiada berapa lama, Sultan Sulaiman berpindah duduk ke Riau. Maka pada suatu masa, dilanggar pula oleh Raja Kecil, alah Sultan Sulaiman, undur ke Pahang, anak angkatnya, Upu Daing Merewah, undur ke Selangor.

Dalam hal itu, Upu Daing Merewah mengambil kayu di Linggi, hendak membuat kelong, dilarang oleh orang Linggi, tiada dipakainya dan dilawannya orang Linggi berkelahi. Maka orang Linggi pun persembah pada Raja Kecil di Riau, mengatakan Upu anak angkat Sultan Sulaiman membuat kacau di Linggi. Maka apakala Raja Kecil mendengar itu, ia pun pergi ke Linggi, lalu berjumpa dengan Upu di Laut Linggi, lalu berkelahi. Ketika berkelahi, Upu undur ke dalam Sungai Linggi, Raja Kecil pun menjaga di laut. Maka pada waktu tengah malam, Upu keluar, Raja Kecil tiada sedar. Ia pun lalu ke Riau, disadaikannya sekalian perahunya. Ia pun naik mengamuk Riau dan Riau pun dapatlah kepadanya. Maka isterinya Raja Kecil, yang bernama Tengku Kamariah, menulis surat kepada Raja Kecil, Riau sudah didapati oleh Upu Daing Merewah, serta dengan pantunnya;

Ada tiap-tiap ikan membang;
Riau mudik bergalah,
Tengku Kecik silalah pulang;
Linggi diserang Riau alah.

Maka apakala Raja Kecil mendapat surat itu, ia pun balik dengan segeranya. Apakala dekat dengan Riau, ditembak oleh Upu-upu. Raja Kecil pun tiada boleh hampir ke darat, lalu balik ke Siak. (*hlm. 8*)

Kalakian, Upu-upu pun datang ke Pahang, menghadap Sultan Sulaiman, mempersilakan balik ke Riau. Maka jawab Sultan Sulaiman, "aku tiada mahu balik jikalau tiada diambil kerajaan aku kepada Raja Kecil itu." Maka Upu-upu pun pergilah ke Siak, melanggar Raja Kecil. Raja Kecil pun alah dan sekalian alatan kerajaan itu pun semuanya dapat kepada Upu-upu. Raja Kecil pun lari ke hulu Siak, tiadalah ia melanggar lagi.

Maka Upu-upu pun balik ke Pahang, menghadap Sultan Sulaiman, mempersembahkan sekalian alat kerajaan. Maka Sultan Sulaiman pun balik ke Riau. Maka Upu pun hendak digelar juga Putera Jaya, anak laki-laki, dinamakannya Daing Abdul Majid [yang kemudian berkahwin dengan puteri yang bernama] Tun Khatijah. Dan Tun Khatijah dapat seorang anak laki-laki, dinamakan Daing Abdul Rahman. Hilang Daing Abdul Majid, Daing Abdul Rahman menjadi Temenggung. Anak Temenggung Abdul Rahman dua orang laki-laki, seorang bernama Ibrahim, yang seorang lagi tiadalah ketahui. Dan perempuan, Che Puan Sulung, Che Puan Isah dan Che Puan Engku Andak. Che Puan Sulung berkahwin dengan anak Raja Riau; Che Puan Isah berkahwin dengan

anak Raja Riau juga. Maka habis pertemuan, ia bercerai. Kemudian, Che Puan Isah berkahwin pula dengan Syed Jaafar, dapat dua orang anak laki-laki, namanya Syed Muhamad dan Syed Hussein. Anak Syed Muhamad, Tuan Sulung, Syed Jaafar, Syed Abdul Rahman dan Sharifah Aminah. Anak Syed Hussein yang laki-laki empat orang, Syed Abdullah, Syed Abdul Rahman, Syed Jaafar dan Syed Ahmad.

Hilang Temenggung Abdul Rahman, anaknya, Ibrahim menjadi Temenggung. Anak Temenggung Ibrahim, enam orang anak laki-laki. Yang pertama, tiadalah hamba mendapat ketahuinya nama. Yang laki-laki Che Wan Abu Bakar, Che Wan Muhamad, Che Wan Abdullah, Che' Wan Abdul Rahman, Che Wan Abdul Majid dan Che Wan (*hlm. 9*) Muhamad Khalid. Mangkat Temenggung Ibrahim, anaknya yang bernama Che Wan Abu Bakar menjadi Temenggung Seri Maharaja dan berpindah duduk di Tanjung Puteri, membuka negeri, dinamakan kepada negerinya, Johor Baharu. Temenggung Abu Bakar sangat-sangatlah tinggi hemahnya. Di dalam suatu masa, bergelar ia Sultan Abu Bakar. Maka diperbuat oleh orang Kampung Gelam pantun, demikian pantunnya.

Tanglung simpai rotan;
Kemuning sampir keris;
Temenggung menjadi Sultan;
Asalnya dari Raja Bugis.

Putera Sultan Abu Bakar tiga orang. Yang laki-laki, bernama Tengku Ibrahim. Yang perempuan, namanya Tengku Meriam dan Tengku Puteri. Sultan Abu Bakar itu sangatlah jaganya memerintah negeri dan cukup segala aturannya, sebab, negeri Johor itu berdekatan dengan negeri Singapura. Dan saudara-saudara Sultan Abu Bakar punya riwayatnya, tiadalah disebutkan, kerana tiadalah dapat tertib hendak dihuraikan. Mangkat Abu Bakar itu di negeri Eropah, dimakamkan di dalam negeri Johor, di Bukit Muhammadiah. Maka hendak diangkat jenazah itu, cukuplah adat istiadat yang telah diadatkan. Dan puteranya, Tengku Ibrahim, yang telah bergelar Tengku Mahkota, dilantikkan, dijadikan Sultan Johor. Ialah menggantikan ayahanda bagindanya. Dan seperti adat-adatnya itu, tiadalah disebutkan, sebab kerana tiadalah dapat tertib hendak dihuraikan. Mangkat Abu Bakar itu dan sekarang ini yang telah melihatnya, tambahan pula, dikeluarkan oleh orang Johor pemberitanya.

## Mengenai Bendahara dan Sultan Pahang

Alkisah, maka diceritakan oleh orang yang empunya cerita, ini asal Raja Pahang yang memerintah daripada zaman dahulu, hingga sekarang ini, yang telah dapat diceritakan separuh, ataupun sesuku,

kerana aturan ini bukannya didapat dengan tulisan, melainkan dapat diceritakan oleh orang-orang tua, mana-mana yang salah, ataupun silap, banyaklah hamba menerima kasih, dimintalah encik dan tuan-tuan (*hlm. 10*) yang membacanya, tolong betulkan.

Bahawa, maka adalah Raja Pahang ini, asal dari orang Johor Lama. Ialah daripada Bendahara Abdul Jamal, turun kepada Abdul Jalil. Daripada Abdul Jalil turun kepada Hassan. Daripada Hassan, turun kepada Tahir. Ialah mula-mula Bendahara Pahang; puteranya lima orang, laki-laki, namanya, Tun Abdul Majid, Tun Abdul Jamal, ialah menjadi Temenggung di Riau, Tun Muhamad, duduk di Terengganu, Tun Yusuf, duduk di Tembeling, Tun Abbas, duduk di Semantan.

Mengikut Tun Tahir, puteranya, Tun Abdul Majid, menjadi Bendahara Pahang, puteranya, laki-laki, Tun Abdul Mutalib, duduk di Pekan Seberang. Tun Muhammad, duduk di Chenor. Tun Koris, duduk di Endau, dan Deh, duduk di Pedah.

Arakian, pada suatu masa, Bendahara Abdul Majid pergi ke Riau, menghadap Sultan Sulaiman. Dan anaknya, Tun Abdul Mutalib, pergi bersama-sama. Pada suatu hari, Sultan Sulaiman santap nasi. Diajaknya Tun Abdul Mutalib makan sehidang dengannya. Dan anak Temenggung Abdul Jamal, yang bernama Daing Celak dan Daing Busu, menyelampai tetampan, menghadap Sultan Sulaiman santap itu. Oleh itu, menjadi musykil di hati Temenggung Abdul Jamal, anak-anaknya tiada makan bersama-sama. Dan menaruh dendamlah Temenggung Abdul Jamal itu. Adalah adat raja-raja zaman dahulu jikalau ia santap, maka anak Bendahara yang diajaknya santap sehidang dengannya, ialah akan menjadi bakal Bendahara. Demikian juga anak Temenggung, itulah akan menjadi bakal Temenggung.

Sekali persetua, Sultan Sulaiman berangkat ke Pahang dan Temenggung Abdul Jamal tiga beranak mengiring juga. Maka tiada berapa lama di Pahang, datanglah fikiran Temenggung Abdul Jamal yang tiada baik. Pada suatu malam, pergilah ia ke rumah Bendahara Abdul Majid, dinantinya pada pintu belakang. Tiada berapa lama, berjumpalah ia dengan (*hlm. 11*) anak Abdul Majid, yang bernama Tun Abdul Mutalib, lalu ditikamnya dengan tombaknya, kena arah rusuknya. Maka kata Tun Mutalib, "ayah Enggung [Temenggung], apa salahnya sahaya ini?" Ia pun lalu rebah. Tiada berapa lama, lalu mangkat. Seketika, orang-orang pun gemparlah, mengatakan Tun Abdul Mutalib sudah mangkat, kena tikam.

Temenggung Abdul Jamal, lepas ia menikam, ia larilah ke Padang Buluh. Pada malam itu juga, Sultan Sulaiman menurut Temenggung Abdul Jamal. Orang-orang pun menurutlah. Pada keesokan harinya, berjumpalah dengan Temenggung Abdul Jamal, di Padang Buluh. Maka kata Temenggung Abdul Jamal, "jangan dekat! Sahaya ini orang mati." Maka dijawab oleh seorang yang bernama Che Engku Yahya, katanya, "sahaya tiada peduli. Ini menjalankan titah," lalu ditangkapnya

Temenggung Abdul Jamal itu, lalu dibawanya turun ke Tanjung Parit dan disembahkan kepada Bendahara Abdul Majid.

Maka disuruh oleh Bendahara Abdul Majid, bawa naik ke balai dan disuruh orang membuang duri di kakinya. Maka seketika lagi, datanglah Tun Koris, hendak menikam Temenggung Abdul Jamal, tiada diberi oleh Bendahara Abdul Majid, "siapa ini? Bukankah bapa saudara? Orang gila." Maka Koris pun diamlah. Maka Temenggung Abdul Jamal pun minta bunuhlah, tiga beranak sekali. Maka tiadalah jadi dibunuh, lalu dititahkan oleh Sultan Sulaiman, "hantarkan balik ke Riau Temenggung Abdul Jamal ini." Orang pun membawa Temenggung Abdul Jamal hilir. Apakala bertentang dengan Kuala Air Hitam, Temenggung Abdul Jamal pun mencampakkan tombaknya ke air, iaitu tombak yang ditikamkan pada Tun Abdul Mutalib itu. Perahu pun hilirlah, sampai ke Kuala Pahang, lalu berlayar.

Maka apakala sampai dekat dengan Kuala Rompin, gundik Temenggung Abdul Jamal, namanya Bernas, hendak beranak. Lalu disuruhnya singgah di pantai laut dan Temenggung Abdul Jamal pun naik ke darat, membawa gundiknya berjalan. Apakala sampai dekat (*hlm. 12*) Sungai Rompin, Bernas pun beranak. Anaknya mati. Maka tempat itu dinamakan Pantai Bernas, hingga sampai sekarang ini. Maka perahu dilayarkan orang ke dalam Sungai Rompin. Dua tiga hari duduk di Rompin, ia pun keluar belayar. Apakala sampai di Penyusuk, berjumpalah dengan sekoci berlabuh. Maka Temenggung Abdul Jamal pun naik ke sekoci itu, lalu diamuknya orang sekoci itu. Setengah mati dibunuhnya, setengah terjun ke dalam air. Sekoci pun dapatlah kepadanya, lalu ditundanya dan dilayarnya ke Riau, demikian pantunnya,

> Besar hulat di buku kayu;
> Anak Belanda bermain sekopong;
> Besar daulat Raja Melayu;
> Sekoci ditunda dengan jongkong.

Maka apakala sampai di Riau, Temenggung pun masuk ke dalam kurung sekoci, menyuluh. Ditakdir Tuhan, jatuh api di tempat ubat bedil, lalu meletup. Temenggung Abdul Jamal pun mangkat berdua beranak, dengan Daing Busu. Daing Celak dimakan oleh api juga, tetapi mangkat kemudian sedikit.

Sebermula, maka kedengaranlah khabar kepada Tun Muhammad, di Chenor, saudaranya Tun Abdul Jamal. Ia pun hilirlah dengan segera, iaitu dengan empat puluh orang pertikaman. Tengah hilir itu, di Rantau Lepar, disuruhnya buang dapur, hendak sampai bangat. Maka apakala sampai ke Pekan, didapati Temenggung Abdul Jamal sudah balik ke Riau. Maka Tun Muhammad pun meminta ayahandanya, Bendahara Abdul Majid, hendak menurut ke Riau. Maka tiadalah dibenarkan oleh Bendahara Abdul Majid. Maka diturutnya juga. Apakala sampai di

Riau, didapati khabar oleh Tun Muhammad, Temenggung Abdul Jamal sudah mangkat, dua beranak sekali, dimakan oleh api ubat bedil. Maka tiadalah sampai hajat hati Tun Muhammad itu. Dan duduklah ia di Riau. Maka tiada berapa lamanya Tun Muhammad duduk di Riau itu, datanglah utusan dari Pahang, menyatakan Bendahara Abdul Majid (*hlm. 13*) sudah mangkat.

Maka Tun Muhammad pun digelarkan Sultan Sulaiman, Bendahara, menggantikan ayahandanya, Bendahara Abdul Majid, yang hilang itu. Maka tiada berapa lama lepas bergelar itu, ia pun balik ke Pahang. Apakala sampai ke Sedili, Bendahara Tun Muhammad pun menyeberang ke Tioman. Kemudian ia hendak menyeberang pula ke Endau. Maka datang sembah orang-orang tua di Tioman, tiada dibenar menyeberang. Maka tiada dipakai oleh Bendahara Muhammad. Ia menyeberang juga. Apakala sampai di laut Endau, perahu pun karam. Bendahara Muhammad pun mangkat, dalam kurung, berdua dengan gundiknya. Ialah disebut orang, marhum di laut. Maka orang lain, semuanya hidup. Baliklah ia. Apakala sampai, dibunuh oleh Tun Koris, sebab tiada hendak mati bersama dengan raja. Dan ditanam dua tiga, selubang. Di dalam empat puluh orang itu, dua sahaja yang tinggal, tiada dibunuhnya, iaitu Haji Zakri dan Lebai Rajab, sebab kerana lari ke rumah Tun Jambul. Adapun Tun Jambul itu, ia menjadi Menteri kepada Bendahara Tun Abdul Majid yang telah mangkat itu. Maka jenazah Tun Muhammad itu, tiadalah dapat di mana makamnya.

Anak Bendahara Tun Muhammad seorang, bernama Tun Abdul Kadir. Anak Tun Abdul Kadir empat orang, iaitu Wan Dagang Kelembak, Wan Aki, Wan Cik dan Wan Su.

Anak Wan Dagang tiga orang, Wan Mahmud, Wan Ali dan Wan Andak. Anak Wan Aki empat orang, Wan Sulung, Wan Endut, Wan Hitam dan Wan Kadir. Anak Wan Cik, bernama Wan Andak (Penghulu Kuantan). Anak Wan Su, bernama Wan Lingga.

Hilang Bendahara Tun Muhammad, adiknya, Tun Koris menjadi Bendahara Pahang pula, hingga sampai masa itu riwayat Bendahara Koris menjadi Raja dalam Pahang (1803–1806). Putera Bendahara Koris dua orang, Tun Ali dan Tun Muhammad. (*hlm. 14*)

Mangkat Bendahara Koris, Tun Ali menjadi Bendahara Pahang. Puteranya sebelas orang, Tahir, Ismail duduk di Chenor, Wak Siwa, bergelar Panglima Besar, Ahmad, duduk di Pahang Saberang, Mansur, di Kampung Marhum, Hasan, duduk di Beruas, Che Wan Sulung, Che Wan Teh, Che Isah dan Che Wan Andak.

Putera Tahir bin Ali sembilan orang, Tun Koris, Tun Osman, Tun Deh, Tun Abdullah, Tun Muhammad, Tun Abdul Rahman, Che Wan Ngah (Engku Puan), Che Wan Nit, Che Wan Cik, ialah berkahwin dengan Sultan Abu Bakar Johor.

Putera Ismail bin Ali lima orang, ialah Mahmud, ia bergelar Engku Temenggung Seri Maharaja Pahang, Che Wan Ali, Che Wan Empuk,

Che Wan Dalam dan Che Wan Nit.

Putera Ahmad bin Ali, Tengku Abdullah, Tengku Sulaiman, Tengku Yusuf, Tengku Omar, Tengku Muhamad, Tengku Lung, Tengku Dalam, Tengku Nung, Tengku Kelsum, Tengku Mariam dan yang mati kecil tiada disebutkan.

Putera Mansur bin Ali, Abdul Majid, Abdul Jamal, Che Engku Buruk, Che Engku Hawa, Che Engku Maimunah, Che Engku Yah dan Che Engku Zainab.

Hasan bin Ali tiada beranak beristeri, mangkat di Beruas.

Che Wan Sunit binti Ali berkahwin dengan Che Wan Abdullah, adik Abu Bakar Johor, Puteranya empat orang, Che Wan Abdul Jamal, Che Wan Ahmad, Che Wan Ali dan Che Wan Dara.

Che Wan Timah binti Ali, puteranya tiga orang, Che Wan Ali, Che Wan Cik dan Che Wan Bar.

Che Wan Andak binti Ali berkahwin dengan seorang Sayyid, namanya Engku Yusof, anaknya dua orang, Sayyid Abdul Rahman dan Sayyid Jaafar. *(hlm. 15)*

Putera Muhamad bin Koris tiga orang, Che Wan Ngah, Che Wan Cik dan Che Engku Besar. Putera Che Wan Ngah yang ada sekarang, Che Wan Endut, Che Engku Ali (sekarang menjadi Penghulu Penyur), Che Wan Tanjung, Che Engku.Muhamad (sekarang menjadi Penghulu Pekan), Che Wan Bar, Che Wan Dalam, berkahwin dengan Wan Char.

Putera Che Wan Cik yang ada sekarang dua orang, Che Wan Boh dan Che Wan Abdul Majid.

Puteri Engku Besar yang ada sekarang, seorang sahaja, iaitu Tengku Long.

Mangkat Bendahara Ali, puteranya yang bernama Wan Ahmad menjadi Bendahara Pahang. Dalam masa ia menjadi Bendahara itu, diangkat namanya sendiri, gelaran, menjadi Sultan Ahmad al-Muazzam Syah Pahang. Saudara sepupunya, Che Wan Ngah, diangkat gelaran Engku Bendahara Siwa [Sri Wak] Raja Pahang. Dan anak saudaranya, bernama Mahmud, diangkat gelaran Engku Temenggung Sri Maharaja. Dahulu diangkat gelaran Bendahara. Dan Temenggung, adiknya, bernama Mansur, telah diangkat gelaran Engku Muda.

Temenggung Mahmud, puteranya yang laki-laki tiga orang, Che Wan Ngah, Che Wan Muhamad Salleh, Che Wan Abdullah.

Lebih kurang 25 tahun lalu, Sultan Ahmad telah melantik dua orang puteranya, Tengku Mahmud, gelar Tengku Besar, Tengku Muda. Pada masa itu, residen British sudah ada di dalam Pahang ini.

Bahawa, dengan sesungguhnya, Bendahara itu ibarat tangan kanan Sultan; Temenggung itu ibarat tangan kiri Sultan. Di bawah itu, Orang Besar Berempat. Gelarannya seperti di bawah ini,

1. Orang Kaya Indera Syah Bandar, duduk di Benta.

2. Orang Kaya Indera Pahlawan, duduk di Cenur.
3. Orang Kaya Indera Segera, duduk di Temerloh.
4. Maharaja Purba, duduk di Jelai. (*hlm. 16*)

Inilah nama orang berempat yang telah dapat ketahui,
Ali bin Hussain bin Challidin bin Zainal.
Husain bin Kuin bin Adam bin Hassan.
Tahir Ahmad bin Hassan bin Aji bin Muhamad.
Muhamad bin Idris bin Muhamad bin Ismail.

Di bawah Orang Besar Berempat, Orang Besar Delapan,

1. Amar Segara, duduk di Setaka.
2. Dewa Hulubalang, duduk di Tanjung Belawan.
3. Dewa Pahlawan, duduk di Bangau.
4. Setia Perkasa, duduk di Lipat Kajang.
5. Setia Muda, duduk di Perlak.
6. Setia Wangsa, duduk di Lipis.

Dan ada Orang Besar Enam Belas dan Tiga Puluh Dua, tetapi gelarannya itu tiada dapat oleh hamba.

Arahan dalam masa almarhum Ahmad menjadi Bendahara di Pahang. Tuan Hitam, Menterinya; Koming, Imam Perangnya. Mati Koming, jatuh kepada Endut pangkat itu. Gelarannya, Imam Perang Mahkota. Hitam, Panglima Dalamnya; Muda, Panglima Balainya; Talib, Panglima Lautnya.

Sebermula, masa Sulaiman menjadi Sultan di Riau, Raja-raja Muda anak saudara Abdul Jalil, menjadi Raja Muda juga di Riau. Ia berkhutbah (?) dengan Bendahara Abbas. Maka Raja Muda undur ke Lingga. Maka dipanggil oleh Sultan Sulaiman, tiada hendak balik. Dan ia membuat kacau di Lingga. Maka Sultan Sulaiman muafakat dengan Holanda, minta halaukan Raja Muda itu dari Lingga. Maka dipukul oleh Holanda. Alah Raja Muda, tiadalah dapat ceritanya itu.

Dan Sultan Sulaiman pun menjadi Rajalah di Riau itu. Mati Sulaiman, digantikan oleh Mahmud menjadi Sultan di Riau, iaitu cucu kepada Sulaiman, anak Abdul Jalil. Mati Mahmud, anaknya, Abdul Rahman menjadi Sultan di Lingga. Ialah marhum Bukit Cangkit. Anak Abdul Rahman tiga orang, Muhamad, Husain, Sulaiman. Mati Abdul Rahman, Muhamad menjadi Sultan di Lingga (*hlm. 17*) ialah marhum Kedaton. Sulaiman menjadi Raja Muda di Lingga. Anak Muhamad banyak, ialah seorang namanya Mahmud, ditabalkan oleh Sultan Muhamad menjadi Sultan, gantinya. Bila Muhamad mati, Mahmudlah kerajaan di Lingga. Di dalam itu, Mahmud mendapat salah, dijatuhkan

oleh Holanda kerajaannya, dan diangkatkan Sulaiman menjadi Sultan. Bila mati Sulaiman, cucu saudaranya menjadi Sultan, iaitu anak Raja Muda di Riau, namanya Abdul Rahman. Maka sekarang, Sultan Abdul Rahman dipecat oleh Holanda.

Sekali persetua, pada suatu masa, tahun 1819, Tuan Raffles datang ke Singapura. Ia bertanya pada Che Salleh, "siapa raja di sini?" Jawabnya, "Temenggung Abdul Rahman." Maka kata Tuan Raffles, "bolehkah berjumpa dengannya?" Jawab Che Salleh, "nantilah, sahaya sembah kepadanya." Maka Che Salleh pun pergilah berjumpa. Jawab Temenggung. "Jika dengan baik, boleh juga aku berjumpa. Jika tiada baik, aku amuk." Maka Tuan Raffles, petang itu, berjumpalah dengan Temenggung, dan banyaklah hadiah-hadiah daripada Tuan Raffles. Maka Tuan Raffles pun bersahabatlah dengan Temenggung Abdul Rahman, lalu diminta oleh Tuan Raffles diperbuat pelabuhan di Singapura itu.

Maka tiada berapa hari, Tuan Raffles pun balik ke Eropah. Dan tiada berapa lama, datang pula ke Singapura. Dan ia hendak menjadikan Temenggung Abdul Rahman, Raja Singapura. Maka jawab Temenggung, "sahaya tiada boleh menjadi raja, sebab sahaya pangkat yang ketiga. Abang sahaya di Pahang, pangkat yang pertama, di Riau pangkat kedua, Rajanya di Daik." Maka jawab Tuan Raffles, "sahaya dengar Temenggung pun boleh juga menjadi Raja baka itu juga." Maka jawab Temenggung Abdul Rahman, "jika tuan hendak menjadikan raja juga ada seorang adik Sultan Abdul Rahman di Riau, Tengku Husain namanya." Maka kata Tuan Raffles, "bolehlah kita panggil ia ke mari?" Jawab Temenggung Abdul Rahman, "boleh," (*hlm. 18*) lalu ia menyuruhkan Che Engku Yahya, mendapatkan Che Abu Putih di Riau, menyilakan Tengku Husain ke Singapura, lalu berjumpa dengan Tuan Raffles.

Maka Tuan Raffles meminta semuanya dinaikkan bendera, dimasukkan meriam, lalu digelarnya Sultan Husain. Kemudian daripada itu, Temenggung Abdul Rahman menulis surat ke Pahang, menyatakan Tengku Husain telah bergelar Sultan. Maka jawab Bendahara Ali, "darihal itu tiadalah ia mencampuri, melainkan ia menyembah ke Daik juga, dan apa-apa hal dari Pahang, tiadalah singgah ke Singapura, melainkan terus ke Daik selalu."

Sebermula, daripada mula dilantik Tengku Mahmud itu, ia pun belayarlah dan menjalankan negara negeri. Maka daripada suatu masa kepada suatu masa, dipandang oleh seri paduka ayahandanya, bertambah-tambah baik sekalian pekerjanya dan sangatlah bersetuju kepada bangsa kulit putih. Pada masa itu, seri paduka ayahandanya telah uzur, kerana lanjut usianya, lalu ia berwakil kepada Tengku Besar, kerana ia hendak bersenang diri. Dahulu daripada seri paduka ayahandanya memberi wakil itu, Bendahara, Temenggung Engku Muda telah mangkat. Dan Orang Besar Berempat itu, Orang Kaya Indera

Pahlawan Chenor, Orang Kaya Indera Segara dan Orang Kaya Indera Syahbandar, telah mati. Tiap-tiap pangkat yang hilang itu, tiada gantinya, fasal, tiadalah diketahui.

Arakian, pada 13 Mei 1914, datanglah peredaran dunia, lebih kurang pukul 4.45 petang, Sultan Ahmad al-Muazzam Shah Pahang kembali ke rahmatullah taala, berpindah dari yang fana ke negeri yang baqa. Pada 15 Mei itu, jenazah dibawa hilir, dimakamkan di sebelah hulu Kuala Pahang, lebih kurang empat petang.

Bahawa, sesungguh pun tiada dilantik siapa-siapanya (*hlm. 19*) tetapi cenderung hati orang, Tengku Besar juga menjadi Sultan Pahang. Maka yang begitulah, telah menyalahkan adat dan resam yang terdahulu. Pada 29 Mei 1914, datang telegram, menyatakan pukul 3 petang ditembak meriam, alamat menzahirkan Yang Amat Mulia Tengku Besar, menjadi Sultan Negeri Pahang dan jajahannya. Daripada hari itu, Yang Maha Mulia Sultan Mahmud bertakhta di atas Kerajaan Negeri Pahang, sampai kepada 19 Jun 1917, datanglah peredaran negeri. Sultan Mahmud pun kembali ke rahmatullah taala, di Tanjung Kuala Pahang, di bawa ke Istana Seri Terentang pada 20 Jun, dimakamkan di sebelah hulu Kuala Pahang, dekat dengan makam seri paduka ayahandanya. Maka semasa hendak mengangkat jenazah Mahmud, dilantik Tengku Abdullah, menjadi sultan, menggantikan al-marhum itu. Sultan Mahmud mangkat, meninggalkan seorang isteri, namanya Tengku Mariam, gelaran Tengku Ampuan Besar Pahang. Al-marhum itu tiada zuriatnya. Tengku Ampuan Besar itu puteri Sultan Abu Bakar Johor.

## Mengenai Adat Istiadat Raja-raja Pahang dan Johor

### *Kebesaran Raja-raja: Pedang, Keris Panjang, Tombak, Cogan*

Alat Sultan serba 16, Bendahara serba 8. Adalah enam belas atau lapan itu iaitu meriam, kain dukung, dian besar, menjawat muka bantal, menjawat lampu dan pebaraan. Jika Sultan bekerja, alatan serba kuning, Bendahara bekerja, alatan serba cindai.

Jika raja-raja berangkat berjalan, didahulukan tombak, di belakang tombak, cogan, lepas itu raja. Di belakang raja, keris panjang, di kiri kanan raja, pedang. Di belakang itu, Orang Besar-besar, juak-juak dan orang ramai. Waktu raja tengah berangkat, jika, orang berjumpa dengannya, hendaklah duduk, hingga lepas raja itu, baharulah bangun. (*hlm. 20*) Jika berbandung tiga, dinamakan rumah tela. Rumah di belakang dinamakan penanggah. Dan jika didirikan sebuah lagi di hadapan, berhampiran dengan istana, itu dinamakan peseban. Itulah tempat raja bersemayam hari-hari. Dipantangkan orang kebanyakan membuat rumah limas, benduk madu muncung bilis, sayap layang-layang, pintu gerbang pagar, pada sekalian istana raja-raja, itulah dikatakan kota pintu. Pagar itu diperbuat sebuah rumah dan orang

boleh duduk di atasnya. Itulah dikatakan pintu gerbang.

Suatu lagi, sebuah balairung seri. Adapun balai itu, pada masa bekerja, telah beradat di dalam istana. Demikian juga di balai itu. Adat dijaga oleh Penghulu Balai. Di dalam kota, dijaga oleh Panglima Dalam. Masa orang bekerja itu, jika masuk ke dalam kota, atau dalam istana, ataupun naik ke balai, hendaklah memakai dengan tarafnya. Jika dapat panggil di balai, hendaklah duduk di mana-mana, diletakkan oleh Penghulu Balai. Perempuan yang masuk ke dalam istana dikehendaki memakai baju singkat, berlengan kecil lagi berbuah di lengan, leher bajunya tiada boleh dikancing. Dan rambut dikehendaki bersanggul lintang, dikecualikan anak raja-raja, bebas. Jika lelaki, boleh berseluar panjang, berbaju kurung, naik ke balai itu. Jika perempuan, boleh memakai baju labuh lengan besar.

### *Di mulai Meletakkan Pekerjaan Kahwin*

Meriam ditembak pukul enam pagi ataupun waktu matahari terbit. Bendera pun diangkat kemuncak tiang. Siang malam tiada turun. Tiap-tiap pagi dan petang, ditembak. Ke mana-mana pergi mempelai itu, diikuti oleh penjawat, dengan membawa kain dukung. Dian dipasang masa bersanding atau masa makan nasi tabak. Penjawat muka bantal dan penjawat tempat masa bersanding atau masa makan nasi tabak, ia hadir di situ. (*hlm. 21*)

### *Pakaian Mempelai*

Berseluar panjang, berbaju kurung, berkain lepas, bergelang tangan, berkeroncong kaki, berdokoh, berpending, kemudian memakai terapang atau terapang gabus, disangkut pula setangan sutera yang ada bergayut satu selepa, memakai pula destar, serban, bertanjak, memegang sirih lekat, di hadapan mukanya.

### *Pakaian Pengantin*

Berkain, berbaju, bergelang tangan, berkeroncong kaki, berdokoh, berpending, bergandik, bersunting dan bertanjak.

### *Adat Berjamu di Balairung Seri*

Di atas seri balai, hidangan Sultan, hidangan Bendahara, hidangan Temenggung, hidangan putera sultan, kemudian baharu hidangan anak raja-raja. Di bawah seri balai, hidangan Orang Besar-besar, anak baik-baik dan haji, jika raja belum berhenti.

### *Jika Mempelai Berarak*

Berarak, mempelai berarak. Dahulu sekali berjalan orang ramai, dengan bersorak, mencabut keris. Di belakang itu, orang memukul tetawak, gendang, serunai. Di belakang itu, orang membawa tombak. Di

belakang itu, orang membawa ketur, terenang, puan, bangkal kadut. Lepas itu, baharulah mempelai, seorang memegang kain pancung mempelai; dua orang menjadi ganding, di kiri kanan mempelai itu, pekerjaannya, mengipas. Di belakang itu, keris panjang dan pedang. Di belakangnya itu, orang membawa kain dukung, di belakang orang mengiring. Apakala mempelai sampai dekat tangga, orang rumah menabur dengan beras kunyit 'alamat selamat berarak'. Waktu hendak masuk ke dalam pintu, orang di rumah mengancing pintu. (*hlm.* 22) Orang yang membawa mempelai itu menyuruh membuka pintu. Orang di dalam rumah meminta tebus.

Apakala dicari tebus, pintu pun terbuka, masuklah mempelai, duduk di peterana, di kanan pengantin, di hadapannya satu tabak nasi. Kemudian, datanglah Orang Besar-besar ataupun orang tua-tua yang melayankan mempelai makan nasi tabak itu. Lepas makan, seorang ulamak meletakkan panca benca di atas kepala mempelai dan pengantin, serta dicucuhnya sedikit air mawar di kepala keduanya itu. Dan duduklah ia membaca doa. Selesai daripada membaca doa itu, mempelai dan pengantin dibawa masuk pelamin, ditanggalkan pakaiannya. Di dalam pelamin itu, nasi damai pula; disuruh orang tua mengintainya itu membasuhkan tangan mempelai. Biarkan ia. Lepas daripada itu, satu hari atau tiga hari, mandi sampat pula. Alatannya diperbuat daripada pucuk kelapa. Barang-barang benda perbuatnya, beringin sebabar [selebar?] tiga sebabar panjang; gambaran macam-macam perhiasan, daripada pucuk kelapa itu. Dan beberapa pula ternang, sangku, batil yang berisi bedak-bedak, air-air dan air rias. Jika raja yang mandi sampat itu, melainkan cukuplah adatnya.

Waktu mandi, banyaklah orang-orang bersimbahan, kecil besar, tua muda, laki-laki perempuan. Lepas mandi, datanglah tukang andam, dipasangkan dian, diambilnya cerimin [cermin], keduanya itu lalu dikeliling pada muka orang yang mandi sampat itu, tiga kali. Lepas itu, bersalin kain basahan, lalu berjalan. Sekarang, dibawa masuk ke dalam rumah. Laki-laki, perempuan memakai pula. Kedua-duanya diduduki di atas peterana pula. Laki-laki makan seorang. Lepas daripada makan itu, kedua-duanya turun, menyembah kepada ibu bapa dan mertua.

### *Jika Seorang Hendak Berahli*

Datanglah daripada pihak laki-laki kepada pihak (*hlm.* 23) perempuan. Adalah menjadi persetujuan di antara laki-laki dengan perempuan itu. Jika kabulkan oleh ibu bapa bagi pihak perempuan itu, ataupun warisnya, menjadi bertunanglah. Pihak laki-laki menghantar tandanya, kemudian menghantar belanja, ikut adat perempuan itu. Barang yang dihantar itu ringgit, kain, cincin dan tepak sirih. Waktu menghantar belanja itu, lebih kurang pukul tiga petang. Lepas berjamu, baharulah turun, pergi ke rumah pihak perempuan itu. Dua orang menjadi

kepalanya, seorang perempuan, seorang laki-laki. Apakala sampai dekat rumah perempuan, bagi pihak perempuan pun berpantun, demikian bunyi,

> Sangatlah cantik bunga membacang,
> Mari dikait dengan kekati,
> Ayuhai encik orang yang datang,
> Inilah air pembasuh kaki.

Dijawab oleh orang yang datang itu,

> Dari pauh ke permatang,
> Tetak cengal papan kemudi,
> Dari jauh sahaya datang,
> Mendengarkan tuan baik budi.

Dan banyaklah lagi berbalas pantun itu. Orang yang datang itu hampir dekat tangga. Orang di rumah pun menabur beras kunyit. Naiklah orang yang datang, lalu masuk ke dalam rumah. Laki-laki tinggal di salasar. Belanja dibawanya masuk ke dalam rumah perempuan yang datang bercakap di dalam rumah. Kemudian, ringgit, kain, cincin dihantarkan ke selasar itu. Apakala sudah diperiksa oleh pihak perempuan, dihantarkannya masuk ke dalam, cukup dan baik semuanya. Pihak perempuan menjamu orang yang datang. Balasan hantaran itu, seluar, baju, setangan kepala, ikat pinggang, setangan sirih, semuanya itu dipulangkan kepada (*hlm.* 24) pihak laki-laki.

### *Jika Seorang Bunting Sulung*

Apakala sampai tujuh bulan, menempah bidan dan berlenggang perut. Beberapa orang bidan yang hendak ditempahnya itu, disediakan bokor yang telah berisi dengan sirih pinang dan duit. Kemudian, dijemput bidan-bidan itu dan disediakan tujuh bangsa sulur-sulur bemban, mengkuang, lengkuas tepus dan lainnya. Perempuan yang mengandung itu memakai seperti pakaian pengantin, dan diambil oleh bidan, anak batu, dipakaikannya cara laki-laki, misalnya, oleh bidan laki-laki. Orang yang bunting duduk dekat di situ.

Bidan sudah berhimpun semuanya. Orang yang bunting itu, disuruh oleh bidan, baring. Bidan pun berganti-ganti melancar sulur itu di atas perut orang yang bunting itu, dari atas lalu ke bawah. Lepas itu, dimandikannya pula. Kain basah mandi itu disiat karungnya dan disuruh taruh hingga sampai beranak, baharu dipakai pula.

### *Jika Perempuan Hendak Beranak*

Diambil kekar alas, puntung damar, daun terung asam, duri mengkuang, digayutnya di bawah rumah pada tempat perempuan itu akan beranak. Di bawah tangga, di muka pintu, dibakar rabun. Jika

rumah itu bertingkat, diambilnya jala, diregangnya pada tingkat itu. Waktu beranak, bidan kepala menyambut, seorang menjabat, seorang mengurut.

Apakala selesai beranak, bidan kepala membela kanak-kanak. Lain-lain membela ibunya. Perempuan yang beranak itu, tiga hari, mandi bersiram. Lepas itu, tiga hari berurut. Tiap-tiap berurut, bertangas petang, pagi bersalai atau berdiang, hingga sampai empat puluh hari itu. Pantanglah pada sekalian. Kanak-kanak itu, apakala sampai tujuh hari umurnya, dicukurnyalah. Perkakas bercukur, tepung tawar, daun (*hlm.* 25) keladi, air kelapa, gunting, pisau penyukur. Tepung tawar itu direcikkan di kepala budak itu. Daun keladi alas kepala budak itu. Air kelapa tempat membubuh rambutnya. Banyak orang yang mengguntingkan, tiga orang ataupun tujuh orang. Pada hari itu juga, disediakan bedak langir, anak ayam. Bidan itu melangirkan di tempat beranak itu. Apakala habis pekerjaannya, anak ayam itu di-campakkannya ke tanah. Upah bidan pun diberi, dan basahan diberi kepada bidan. Dan nasi kunyit satu pinggan diberikan kepada bidan, dinamakan nasi kunyit itu 'nasi balas bidan'.

Dimisalkan kepada orang yang hendak beristeri hingga sampai berdamai. Orang yang disuruh itu, ibarat utusan. Perkara yang dibawanya itu, diibaratkan orang sudah berdendam. Pihak laki-laki pergi mengintai itu, diibaratkan mengaku musuh. Menghantar belanja itu, diibaratkan utusan yang besar sekali, ataupun memutuskan perkaranya. Menggantung, ataupun cuah di balai itu, diibaratkan membangunkan kubu. Pada masa itu, diibaratkan seumpama raja hendak melanggar sebuah negeri. Berarak, ataupun hendak pergi bersatu ke rumah perempuan itu, diibaratkan tengah melanggar musuh. Orang yang berarak itu, diibaratkan rakyat tenteranya. Apakala hampir ke rumah perempuan itu, diibaratkan musuh sudah sampai ke dalam kota. Orang di rumah mengancing pintu, diibaratkan orang melanggar kota. Disuruh buka pintu itu, diibaratkan orang menyuruh membuka pintu kota. Orang di dalam rumah meminta tebus, diibaratkan orang yang dalam sudah hendak belot dan meminta beri suap. Mempelai duduk di atas peterana, diibaratkan raja yang melanggar itu sudah menaklukkan negeri itu. Masuk ke dalam pelamin, diibaratkan raja melawat ke dalam istana negeri itu. Makan nasi damai itu, diibaratkan raja sudah mendapat seorang puteri. Mandi sampat itu diibaratkan (*hlm.* 26) mentadbirkan pada segala isi negeri. Duduk makan nasi hadapan, lepas mandi sampat itu, diibaratkan raja duduk di atas takhta kerajaan dan dihadap oleh sekalian hulubalang menteri. Menyembah mentua itu, diibaratkan meminta maaf.

### *Jika Mengangkat Raja Memerintah Negeri*

Bendera diturunkan hingga sampai ke pangkal sulur bayur (bayong?). Meriam pun tembak dialamatkan. Demikian adatnya.

### *Waktu Menyiramkan Mayat*

Mayat diriba oleh anak raja lima orang, ataupun tujuh pebaraan [perbara] enam belas, dian besar pandak enam belas dipasang dan orang menyelampai tetampan dan orang yang memandikan, orang yang menyirus layun [mayat?]. Jika ada orang abdi, disuruhkan duduk di bawah rumah tentang mayat itu. Orang itu dinamakan tapisan mandi. Orang tapisan mandi itu dilepaskan. Ia merdeheka. Selesai bersiram, meriam pun ditembak.

Jenazah sudah siap diangkat ke balairung. Waktu hendak mengangkat jenazah turun itu, siapa-siapa yang akan menjadi ganti raja itu, dipersilakan berdiri dekat jenazah itu. Bangunlah seorang, melafazkan ucapan berseru, melantikkan tengku anu menjadi sultan, menggantikan sultan anu yang telah hilang. Tengku yang dilantik itu menjawab, "kabullah," lalu ia menyuruh angkat jenazah itu. Apakala jenazah diangkat, ia pun menyusup di bawah jenazah itu juga, tiga kali; langsunglah jenazah diangkat, dibawa ke usungan yang dinamakan 'raja diraja' dan meriam ditembak pula.

Maka jika tiada dilantik seorang dijadikan raja, mengesahkan sekalian adat-adat dan tiadalah boleh dijalankan hukuman di dalam negeri itu, kerana tiada rajanya. Sebelum usungan 'raja diraja' diangkat, alat sudah disediakan. Di dahulu pebaraan di belakang dian, di belakang lagi tombak, lepas itu cogan. Di belakang cogan, usungan 'raja diraja' *(hlm. 27)* pada usungan itu. Di belakang itu, orang membawa kain dukung. Di atas usungan itu, orang membawa keris panjang dan pedang, bertih hambur-hambur. Di belakang usungan, orang membawa kain dukung.

Usungan jenazah itu dinamakan "raja diraja", diperbuat daripada kayu yang keras, ataupun batang pisang, dikembangkan payung ubur-ubur, enam belas. Di dalam usungan itu, diletakkan jenazah itu, dijawat oleh anak raja-raja, menyandang keris panjang dan pedang, menyelampai tetampan. Dan raja yang dilantik itu duduk di atas usungan, ataupun berjalan dahulu daripada usungan itu. Di atas usungan itu, dua orang menghamburkan bertih yang telah bercampur emas perak. Itulah dinamakan ambur-ambur.

Daripada mula diangkat usungan itu, hingga sampai ke kubur, dihambur ambur-ambur itu. Dan waktu mula diangkat jenazah itu juga, orang memakai perkabungan kain putih di kepalanya, hingga sampai empat puluh hari. Balik daripada memakam jenazah itu, orang-orang semuanya, iaitu laki-laki, bercukur kepalanya. Dan tiadalah boleh memakai apa-apa pakaian di kepalanya, melainkan kain perkabungan.

### *Aturan Bertabal*

Diperbuat suatu tempat bersiram, dinamakan Panca Persada, tujuh tingkat. Dan diperbuatnya empat ekor naga kayu, yang menyembur,

mengeluarkan air di atas tingkat-tingkat panca itu. Anak raja-raja perempuan duduk menjadi pejawat. Di atas tingkat yang ketujuh itulah tempat bersiram. Lepas daripada bersiram itu, berangkat naik ke balairung seri, bersemayam di atas takhta singgahsana.

Dua orang Bentara, daripada anak raja-raja, menyandang pedang bercabut, seorang di kiri dan seorang di kanan singgahsana itu. Sekalian rakyat bersaf-saf, berdiri di hadapan balairung itu. Seketika bersemayam itu, bangunlah Bendahara (*hlm. 28*) atau Temenggung, ataupun siapa-siapa yang layak melafazkan ucapan, demikian bunyinya,

> ...Ketahuilah sekalian yang hadir dan lainnya! Adalah pada waktu ini, di hadapan kita, Yang Maha Mulia Sultan anu, bertakhta di atas singgahsana, dihadapi oleh sekalian raja-raja, orang besar-besar, menteri hulubalang dan rakyat sekalian. Yang Maha Mulia inilah kita sekalian harapkan perintah, adil lagi murah, makmur dan sama timbangnya, di atas rakyat isi negerinya.

Dan sekalian telah mengatakan, 'Daulat tuanku', berturut-turut tiga kali, dengan menundukkan kepalanya, seperti orang rukuk. Maka seketika, raja yang di atas takhta itu pun bangunlah pula melafazkan ucapan,

> ...Adalah beta ini, bertakhta di atas singgahsana, telah diharapkan oleh sekalian raja-raja, menteri, orang besar-besar, suka berajakan beta dalam negeri ini. Sekarang, berikrarlah beta di hadapan Melayu yang ramai, daripada hari ini, hingga selama-lama hamba menjadi raja, wajiblah menjalankan sekalian adat dan hukuman yang keadilan, di dalam negeri ini. Dan beta harapkan pula, sekalian raja-raja, menteri yang besar, hulubalang rakyat sekaliannya, setia dan taat. Mudah-mudahan, Allah subhanahu wataala anugerahkan aman, senang, sentosa sekalian negeri kita ini.

Kemudian, Bendahara pula melafazkan ucapan,

> Daulat tuanku Syah Alam, sallallahufi alam, ampun tuanku beribu-ribu ampun, harapkan diampuni. Adalah patik sekalian ini, hamba dan rakyat ke bawah Duli Yang Maha Mulia, taat menjunjung titah perintah. Dan tiadalah niat menderhaka, ataupun hendak mendatangkan candakia. Maka jika ada niat, melainkan ditimpa oleh daulat ke bawah Duli Yang Maha Mulia.

Dan Bendahara pun lalu menyembah, menjunjung duli, jauh dua hasta daripada duli sultan itu. Lepas itu, Temenggung. Lepas Temenggung, Orang Besar-besar Berempat pula. Orang Besar itu menjunjung duli, jauhnya tiga hasta daripada duli sultan; masuk dan undur berlangkah serong. Tiada siapa boleh sampai (*hlm. 29*) ke duli sultan menjunjung duli itu. Jika sesiapa sampai ke duli sultan, dipancung oleh orang Bentara yang menyandang pedang itu. Apakala selesai menjunjung duli, tiada berapa antara, sultan berangkat naik ke

istana. Dan Bendahara pun bersabda, menyuruh Panglima Dalam edarkan segala jamuan ke balai. Telah selesai berjamu, masing-masing pun beredarlah.

***Surat Utusan***

Jika utusan datang dari mana-mana, dimaklumkan pada sultan ataupun kepada Bendahara. Orang yang menjadi utusan itu, diberi suatu rumah. Tiap-tiap pagi petang dihantar makanan. Surat utusan itu disuruh ambil dengan alat menyambut surat utusan itu, iaitu, seorang anak baik-baik membawa satu ceper, dengan tetampan di bahunya. Dan seorang membawa payung, diiringi oleh orang-orang ramai. Apakala surat diterima daripada utusan, diletakkan di dalam ceper, ditudung dengan kain kuning surat itu, dipayungkan, berjalan menuju ke balai, ataupun ke peseban.

Orang yang menjadi utusan itu berjalan bersama-sama. Sambil berjalan itu, ditembak beberapa das senapang. Apakala sampai ke tangga balai, disambut surat itu. Utusan pun disuruh duduk. Surat utusan itu, disuruh baca oleh raja kepada Bentara. Bentara pun bangun, berdiri, membaca surat itu. Apakala selesai membaca, lalu duduk. Dan surat itu pun diletak balik ke dalam ceper itu. Bila dibalas surat utusan itu, diserahkan sahaja pada utusan itu, serta dikurniakan persalinan kepadanya. *(hlm. 30)*

# BAHAGIAN DUA

## SEJARAH RINGKAS: DARI ZAMAN AWAL HINGGA 1930

## BAB 6

## PERKEMBANGAN SEJARAH PAHANG DARUL MAKMUR

### Zaman Awal Hingga Tahun 1880

PAHANG wujud sebagai sebuah entiti politik sejak berabad-abad lamanya. Berdasarkan rekod-rekod China abad ke-11, Pahang merupakan salah satu negeri jajahan Empayar Srivijaya. Seorang penulis Cina, bernama Choa-Ju-Kua, mencatatkan dalam rekodnya, **Chu-fan-chi** pada tahun 1225 bahawa antara beberapa negeri yang tunduk kepada San-fo-tsi, *Pen-Keng* merupakan salah satu daripadanya.[1] Begitu juga semasa pemerintahan Dinasti Ming, Pahang dikatakan mengakui keagungan China dan mendapat perlindungan daripadanya.[2] Hal ini dibuktikan apabila Maharaja Tajau dan Pa-la-mi-so-la-ta-lo-si-ni yang dikatakan memerintah Pahang antara tahun 1378 hingga 1416, telah menghantar utusan kepada Maharaja China. Tujuannya supaya China dapat mengiktiraf Pahang sebagai sebuah negeri naungan China.[3] Kunjungan Laksamana Cheng Ho yang dibuat berturut-turut antara tahun-tahun 1412 dan 1416 menunjukkan jaminan perlindungan China ini.

Selain itu, Prapanca menyatakan bahawa Pahang merupakan sebuah negeri naungan kerajaan Majapahit[4] berdasarkan hasil penulisannya, **Negarakertagama** (1365). Melalui bukti-bukti kesusasteraan pula, Pahang suatu masa dahulu pernah mengadakan hubungan politik dan ekonomi dengan empayar-empayar Srivijaya, China,[5] Majapahit dan Johor-Riau-Lingga. Hubungan Pahang dengan empayar-empayar tersebut banyak dipengaruhi oleh faktor kedudukan geografi Pahang dengan negeri-negeri tersebut.

Hasil-hasil penulisan daripada penulis-penulis Eropah berkenaan Pahang pula agak berlainan. Penulis-penulis Eropah ini tidak memberikan penekanan mengenai hubungan politik Pahang dan kesalingbergantungannya dengan empayar-empayar Srivijaya dan Majapahit. Penulis Portugis seperti Godinho de Eredia, menganggap Pahang sebagai kerajaan Melayu kedua menggantikan kerajaan Patani iaitu sebelum tertubuhnya kerajaan Melaka.[6] Selain itu, berdasarkan penulisan W. Linehan pula Pahang tidak dikaitkan dengan sebarang empayar, sebaliknya menganggap Pahang sebagai satu unit politik

**Peta 1:** Negeri Pahang Darul Makmur dan Negeri-negeri Tanah Melayu




**Sumber:** R. G. Cant, An Historical Geography of Pahang, *JMBRAS*, Monograf IV, 1973, hlm. 16

tersendiri yang beribu kota di Cini atau di Pulau Tawar.[7]

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa Pahang sememangnya mempunyai kepentingan politik yang nyata. Kepentingan politik ini bukan sahaja terlihat melalui perlindungan diri dengan empayar-empayar besar, juga mendapati Pahang sebagai suatu negeri yang bebas dan berdikari.

Abad ke-14 menyaksikan perubahan sejarah negeri Pahang. Apabila, Pahang diserang dan ditawan oleh Siam pada abad tersebut,[8] sejarah Pahang berkembang mengikut suatu kronologi peperangan sela-menyela yang terjadi di antara "kuasa-kuasa asing" dan pemerintah-pemerintah Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Siam terus menguasai Pahang sehinggalah abad ke-15 yang juga menandai kemunculan kerajaan Melaka yang semakin penting di rantau. Kepulauan Melayu. Keadaan ini telah mencabar kedaulatan Siam waktu itu. Kerajaan Melaka berkembang seterusnya membentuk suatu kuasa politik dan ekonomi yang unggul di Semenanjung Tanah Melayu[9] yang sekaligus juga menggugat kepentingan Siam sebagai kuasa utama. Hal ini ditambah pula dengan keengganan pemerintah Melaka, Sultan Muzaffar Shah (1445/46–1456)[10] mengakui kedaulatan Siam itu. Dengan ini, Siam telah menyerang Melaka pada tahun 1445 melalui Pahang tetapi serangan tersebut telah dapat dipatahkan oleh pemerintah Melaka.[11]

Pada tahun 1456, putera Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah[12] menaiki takhta Melaka. Semasa pemerintahan sultan inilah, Melaka mencapai puncak keagungannya. Dasar perluasan kuasa empayar Melaka yang diamalkan ketika itu, menyebabkan Melaka menyerang dan menawan Pahang yang masih merupakan negeri naungan Siam.[13] Kejayaan tersebut telah membebaskan Pahang daripada cengkaman Siam dan Pahang menjadi negeri naungan Melaka. Sebagai tanda penguasaan Melaka ke atas Pahang, Panglima Perang telah dilantik sebagai pemerintah Pahang dengan gelaran Seri Bija Diraja.[14] Dengan itu, Pahang merupakan negeri jajahan baru Melaka.

Sultan pertama Pahang daripada keturunan Melaka ialah Sultan Muhammad Shah, putera Sultan Mansur Shah. Berdasarkan catatan **Sejarah Melayu**, Sultan Muhammad Shah telah dirajakan di Pahang kerana peristiwa sepak raga.[15] Baginda ditabalkan oleh Seri Nara Diraja sebagai pemerintah Pahang pada tahun 1470. Penabalan tersebut telah dipersetujui oleh Sultan Mansur Shah dan kerajaan Pahang diisytiharkan meluas dari Sedili Besar hingga ke Terengganu.[16]

Bermula daripada pemerintahan Sultan Muhammad Shah (1470–1475) dan kemudiannya oleh pengganti-pengganti baginda, kerajaan Pahang sering terancam. Perjuangan-perjuangan untuk merebut kuasa di kalangan kerabat-kerabat diraja Pahang sering berlaku dan menggugat pemerintahan umumnya. Walaupun begitu, perjuangan dan keadilan tersebut tidak jelas tercatat, tetapi berdasarkan

**Peta 2:** Kepulauan Melayu Abad ke-14




**Sumber:** P. Wheatley, *The Golden Khersonese*, Universiti of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1961, hlm. 302

**Bustanus-Salatin**, keadaan ini sememangnya berlaku. Sultan Muhammad Shah telah digantikan oleh adindanya, Raja Ahmad pada tahun 1475 yang bergelar Sultan Ahmad Shah Pahang.[17] Raja Ahmad sepatutnya ditabalkan sebagai Raja Melaka tetapi kebolehan baginda telah disangsikan. Oleh itu, Raja Hussain, adinda tiri kepada Raja Ahmad dimahkotakan di Melaka dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah I (1477–1488).[18] Akibatnya, Sultan Ahmad Shah amat murka dengan perlantikan tersebut lalu menyerang Melaka. Namun begitu, serangan-serangan tersebut dapat dipatahkan oleh Melaka.

Sultan Ahmad telah dibantu oleh Bendahara Seri Amar Diraja dalam hal-hal pemerintahan. Namun begitu, baginda bukanlah seorang pemerintah yang berkebolehan. Tindakan-tindakan baginda yang kejam[19] telah menimbulkan persengketaan di kalangan rakyat dan hal ini telah membimbangkan Bendahara.[20] Kedudukan baginda di atas takhta turut terancam. Oleh itu, baginda turun takhta dan melantik putera baginda, Mansur[21] dengan gelaran Sultan Mansur. Malangnya, usia Sultan Mansur yang masih mentah, menggagalkan rancangan baginda untuk membaiki keadaan. Justeru itu, Sultan Mahmud Shah dari Melaka telah melantik Raja Jamil sebagai pemerintah Pahang yang baru pada tahun 1495.[22] Raja Jamil adalah putera Sultan Muhammad Shah I dari Pahang.

Raja Jamil merupakan seorang pemerintah yang lebih berpengalaman dan matang peribadinya. Hal ini mengatasi kebolehan Sultan Mansur yang masih muda untuk memerintah. Raja Jamil menggunakan gelaran Sultan Abdul Jamil Shah yang merupakan seorang pemerintah Pahang yang penting. Dalam pemerintahan baginda, satu polisi baru dimulakan. Baginda berusaha menjalin hubungan damai di antara Pahang dan Melaka. Pada waktu yang sama, orang-orang Siam yang telah diserang secara mengejut oleh Melaka pada abad ke-15, masih tidak dapat melupakan peristiwa tersebut. Pemerintah Siam bercadang untuk menyerang Pahang dan mengarahkan Raja Ligor menawan Pahang melalui Sungai Tembeling dan Sungai Kelantan.[23] Namun begitu, Sultan Abdul Jamil berjaya mengatur strategi pertahanan bersama Melaka yang membolehkan Pahang dipertahankan daripada serangan Raja Ligor tersebut. Kerjasama di antara Pahang dan Melaka ini telah menghalang Siam menawan Pahang yang sekaligus menunjukkan hubungan mesra dan persefahaman di antara kedua-dua buah negeri.[24] Matlamat utama Sultan Abdul Jamil ini sebenarnya bertujuan mempertahankan Pahang daripada serangan Siam yang berterusan. Oleh itu, baginda terpaksa mendapat sokongan daripada satu-satunya kuasa tempatan iaitu Melaka bagi melindungi Pahang daripada cengkaman Siam. Kekalahan Raja Ligor di Pahang juga menandakan tamatnya usaha-usaha Siam menawan Pahang.

Kekalahan Siam di Pahang ini malangnya, tidak menandakan tamatnya cita-cita politik asing di negeri-negeri Tanah Melayu amnya.

Kejatuhan Melaka kepada Portugis dalam tahun 1511 turut menamatkan usaha Pahang untuk terus mendapatkan perlindungan daripada kuasa pemerintahan tempatan. Kemenangan Portugis menyebabkan pemerintah Melaka, Sultan Mahmud dan puteranya, Raja Ahmad melarikan diri ke Muar dan kemudiannya ke Pahang[25] yang telah disambut mesra oleh Sultan Abdul Jamil. Bagi Pahang, hubungan politiknya dengan Portugis amat renggang.[26]

Bagi pihak Portugis pula, Pahang dianggap sebagai sebuah negeri naungan Melaka, lalu menuntut pembayaran ufti[27] daripada pemerintahnya, Sultan Mansur (1512–1519) yang memerintah menggantikan Sultan Abdul Jamil. Namun begitu bagi Portugis, ufti ini tidaklah membawa makna yang sama seperti yang diberikan oleh pemerintah Melayu pada masa lalu. Pembayaran ufti ini hanyalah bertujuan ekonomi iaitu sebagai satu sistem yang dapat menjamin monopoli perdagangannya di Selat Melaka.[28] Keengganan Sultan Mansur dan pengganti selepasnya, Sultan Mahmud (1519–1530)[29] untuk membayar ufti tahunan kepada Portugis mengakibatkan berlakunya peperangan di antara kedua-dua pihak.

Sultan Mahmud telah dibantu oleh sultan Mahmud Shah, bekas sultan Melaka yang berada di Bentan.[30] Mereka berjaya mengalahkan Portugis di Sungai Muar[31] tetapi kejayaan tersebut hanyalah satu kejayaan sementara. Portugis telah membuat serangan balas pada tahun 1526 dan menawan Bentan.

Sultan Mahmud Shah, bekas Sultan Melaka telah melarikan diri ke Kampar (Sumatera) dan mangkat di sana pada tahun 1528.[32] Almarhum telah digantikan oleh puteranya Sultan Alaudin Riayat Shah II yang telah berjaya memperkukuhkan dirinya sebagai pemerintah pertama di Johor daripada keturunan Melaka pada tahun 1530.[33]

Pengukuhan kuasa Sultan Alaudin di Johor telah menarik minat Pahang yang pada masa itu bercita-cita untuk menghalau Portugis daripada Tanah Melayu. Matlamat tersebut hanya akan tercapai sekiranya Pahang mendapat bantuan daripada "kuasa tempatan" terutamanya Johor yang dikatakan agak dominan ketika itu. Selain itu, selepas kedatangan Portugis, terdapat suatu peralihan pusat kekuasaan politik Melayu iaitu daripada Kesultanan Melaka kepada Kesultanan Johor yang turut memberi kuasa kepada Johor untuk menentukan pengganti sultan di Pahang.[34] Justeru itu, Pahang memilih untuk berpadu tenaga dengan Johor bagi menyingkirkan Portugis di perairan Selat Melaka. Gabungan tentera Johor–Pahang telah melakukan dua serangan ke atas Portugis iaitu pada tahun 1547 di Muar dan tahun 1551 di Melaka. Namun begitu, Portugis ternyata lebih hebat di segi ketenteraan kerana mempunyai senjata dan kapal perang yang lebih baik daripada tentera gabungan. Akibatnya, tentera gabungan telah mengalami kekalahan di dalam kedua-dua serangan tersebut dan terpaksa mengundurkan diri.[35]

Semasa pemerintahan Sultan Abdul Khadir Shah (m. 1590), pemerintah Pahang yang kesepuluh,[36] Pahang dikatakan telah menjalin satu hubungan harmoni dengan Portugis. Namun begitu, hubungan tersebut tidak berkekalan kerana pemerintah selepasnya, iaitu Raja Ahmad tidak berminat untuk meneruskan hubungan politik tersebut. Memandangkan usia Raja Ahmad yang masih muda, baginda turun takhta dan digantikan oleh Sultan Abdul Ghafar (1591–1614), pemerintah terakhir daripada keturunan Melaka, yang telah memulakan satu dasar luar Pahang yang baru. Pada waktu pemerintahan baginda, satu lagi kuasa Eropah cuba mencari tapak perdagangan yang baru di negeri-negeri Melayu. Kuasa Eropah itu ialah Belanda. Sultan Abdul Ghafar yang menyedari kepentingan Selat Melaka kepada Belanda juga membenci Portugis. Baginda memutuskan untuk menggulingkan kuasa Portugis di Melaka dan bertindak mencabar kehadiran Belanda di Selat Melaka. Namun begitu, strategi serampang dua mata yang dijalankan oleh Sultan Abdul Ghafar ini tidak berjaya sepenuhnya, malah pada tahun 1607, Pahang telah berkerjasama dengan Belanda[37] yang bermatlamat untuk menggulingkan kuasa Portugis di Semenanjung Tanah Melayu. Selari dengan matlamat itu, Sultan Abdul Ghafar telah berkali-kali cuba berunding dengan pemerintah Johor untuk membantu Belanda. Malangnya, kerjasama di antara Johor dan Pahang itu telah tergugat apabila berlakunya satu pertengkaran di antara kedua-dua pemerintah tempatan tersebut.[38] Akibatnya, Johor telah mengisytiharkan perang ke atas Pahang pada tahun 1612 yang menyebabkan Kampung Chini diserang dan dirompak. Serangan Johor ini hanya dapat dipatahkan pada tahun 1613, setelah campur tangan Raja Brunei. Sultan Abdul Ghafar memohon bantuan Raja Brunei apabila baginda tidak dapat mengawal lagi keadaan di Pahang ketika itu.[39]

Umumnya, kejatuhan Kesultanan Johor bukan hanya disebabkan oleh kejayaan serangan yang dibantu oleh Raja Brunei tetapi juga kerana kemunculan satu lagi kuasa tempatan iaitu Acheh. Pemerintah Acheh yang terkenal iaitu Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah memulakan siri serangan yang bertujuan untuk meluaskan pengaruh kuasa Acheh di Kepulauan Melayu. Pada bulan Jun 1613, Acheh telah menyerang Batu Sawar (Johor) dan pemerintahnya[40] dijadikan tawanan dan dibawa ke Acheh.[41] Baginda hanya dibenarkan kembali ke Johor pada pertengahan tahun 1614 dengan syarat bahawa Johor akan membantu Acheh dalam serangan-serangannya menentang Portugis dan tidak membenarkan Belanda berada di Johor. Sultan Alaudin berjanji untuk melakukan seperti yang disyaratkan oleh Acheh tetapi malangnya perjanjian itu telah diingkari.

Sultan Alaudin Riayat Shah III mempunyai hubungan yang akrab dengan Portugis. Pada tahun 1615, baginda telah memeterai suatu perjanjian dengan Portugis di Melaka. Sebagai balasan, Portugis melantik putera Sultan Alaudin, Raja Bujang sebagai pemerintah baru

di Pahang untuk menggantikan Sultan Abdul Ghafar.[42] Hal ini menyebabkan Acheh menyerang Johor sekali lagi dan menawan Sultan Alaudin. Baginda telah dibawa ke Acheh dan mangkat di sana pada tahun 1617. Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam kemudiannya melantik adinda tirinya, Raja Abdullah (Raja Bongsu) sebagai pemerintah baru di Johor. Raja Abdullah bergelar Sultan Abdullah Maayat Shah. Sementara itu, perlantikan Raja Bujang di Pahang tidak diiktiraf oleh pemerintah Acheh. Hal ini disebabkan Raja Bujang dilantik oleh Portugis. Oleh itu, Acheh telah menyerang Pahang dan Raja Bujang terpaksa melarikan diri ke Pulau Lingga. Baginda telah disertai kemudiannya oleh Sultan Abdullah Maayat Shah yang pada masa itu turut bermusuhan dengan Sultan Iskandar Mahkota Alam dari Acheh.[43] Acheh kemudiannya menyerang Pulau Lingga yang menyebabkan kedua-dua sultan melarikan diri ke Pulau Tambelani. Sultan Abdullah mangkat di Pulau Tambelani pada tahun 1628. Kemangkatan baginda membolehkan Raja Bujang diterima dan kemudian dilantik sebagai pemerintah baru bagi kerajaan Johor–Pahang. Raja Bujang ditabalkan dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Shah III[44] yang beribu kota di Makam Tauhid.

Kesungguhan Pahang untuk menyingkirkan kuasa Acheh dapat dilihat di antara tahun-tahun 1629–1635. Pahang sering mengubah dasar-dasar pemerintahannya mengikut kesesuaian Belanda dan Portugis. Pahang akan bertindak untuk membantu sama ada Belanda atau Portugis apabila mendapati bahawa bantuan itu akan memberi faedah kepada Pahang. Keadaan ini berterusan sehinggalah munculnya Iskandar Thani, putera Sultan Ahmad, bekas sultan Pahang, pada tahun 1637.[45] Iskandar Thani telah dilantik sebagai pemerintah Acheh yang baru dengan gelaran Sultan Iskandar Thani. Perlantikan anak raja Pahang ini telah membawa perubahan kepada suasana politik di Kepulauan Melayu. Satu perjanjian keamanan dimeterai oleh kedua-dua pihak yang bersengketa itu pada tahun 1637 di Pulau Bulang, di Kepulauan Riau–Lingga.[46]

Bagi Sultan Abdul Jalil Shah III pula, tahun 1637 ini juga amat bererti kepadanya. Baginda berjaya mengukuhkan dirinya sebagai pemerintah baru Johor-Pahang. Oleh itu, baginda memutuskan untuk memperkuatkan kawalannya ke atas Empayar Johor. Baginda bertindak mencabar segala tuntutan Acheh ke atas Pahang. Kemudiannya, pada tahun 1638, baginda telah menyerang Pahang. Baginda juga membantu pihak Belanda menyerang Portugis di Melaka.[47] Akhirnya, Melaka jatuh ke tangan Belanda pada tahun 1641.[48] Pada waktu yang sama, Acheh menggugurkan tuntutannya ke atas Pahang.[49] Ini bermakna, Johor kini bebas daripada ancaman-ancaman Acheh.

Kemerosotan kuasa Acheh membantu Johor memperluaskan kekuasaan dan kedaulatannya hampir ke seluruh Kepulauan Riau–Lingga, seperti Bengkalis, Siak dan Kampar. Sultan Abdul Jalil

Peta 3: Kepulauan Riau–Lingga




Sumber: L. Y. Andaya, *The Kingdom of Johor 1941–1728*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975, hlm. xiii

Shah III diberi pengiktirafan sebagai pemerintah Johor–Pahang, manakala Raja Bajau, putera almarhum Sultan Abdullah Maayat Shah pula dilantik sebagai Yam Tuan Muda (1641–1676). Pahang bertambah makmur dan memulakan hubungan perdagangan dengan negeri-negeri lain. Salah satu hubungan perdagangannya adalah dengan Jambi, sebuah pelabuhan yang penting di Sumatera. Namun begitu, hubungan perdagangan dengan Jambi itu telah ditamatkan apabila berlakunya satu krisis di antara kedua-dua pemerintah Pahang dan Jambi pada tahun 1664.[50] Hubungan perdagangan tersebut berakhir dan pada tahun 1673, Jambi telah menyerang Johor. Peperangan itu menyebabkan Sultan Abdul Jalil Shah III melarikan diri ke Pahang dan mangkat pada tahun 1677.[51] Yamtuan Muda, Raja Bajau juga mangkat pada tahun yang sama dan baginda telah digantikan oleh putera baginda Raja Ibrahim (1677–1685).[52] Baginda menguasai kerajaan Johor–Pahang tetapi beribu kota di Riau. Pemilihan Riau sebagai pusat pemerintahan berhubung rapat dengan faktor kedudukan Riau yang strategik. Oleh itu, di Johor, Tun Habib Abdul Majid telah menuntut jawatan Bendahara serta bergelar Bendahara Seri Maharaja.[53]

Apabila Raja Ibrahim di Riau mangkat pada tahun 1685, baginda telah digantikan oleh puteranya, Mahmud. Namun begitu, usia Mahmud yang masih kecil menyebabkan bondanya mengambil alih tampuk pemerintahan.[54] Baginda telah dibantu oleh ayahandanya, Tun Abdul Paduka Raja, yang sememangnya tidak disukai oleh rakyat tanah jajahannya. Justeru itu, empayar Johor–Pahang semakin lemah terutama di segi politik. Keadaan ini dipergunakan sepenuhnya oleh pembesar-pembesar negeri yang diketuai oleh Bendahara untuk memperkukuhkan kedudukan mereka di kalangan rakyat. Akibatnya, Bendahara Tun Habib Abdul Majid berjaya merampas kuasa dan menyingkirkan Tun Abdul Paduka Raja pada tahun 1688. Sultan Mahmud Shah II, pemerintah Johor–Pahang yang masih kecil itu pula dibawa ke Johor. Baginda telah ditabalkan sebagai Sultan Johor–Pahang[55] yang baru tetapi malangnya baginda pemerintah yang lemah. Sultan Mahmud lebih dikenali sebagai seorang raja yang tidak siuman. Baginda mangkat dibunuh pada tahun 1699 di Kota Tinggi, Johor. Kemangkatan baginda juga menandakan berakhirnya keturunan sultan daripada keluarga diraja Melaka di Johor.

Permulaan abad ke-17, memperlihatkan satu teraju kuasa yang berpusat kepada Bendahara. Golongan Bendahara berjaya menggunakan kuasa pemerintahan secara meluas dan berkesan. Kuasa sultan pula semakin berkurangan. Pada tahun 1699, Bendahara Tun Abdul Jalil menjadi sultan baru bagi kerajaan Johor–Pahang, menggantikan Sultan Mahmud II yang mangkat.[56] Baginda bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Perlantikan ini disokong sepenuhnya oleh para pembesar Johor. Mengikut perlembagaan, seseorang sultan yang mangkat tanpa pengganti atau waris, memberi hak kepada Bendahara untuk menerajui

pemerintahan.[57] Oleh itu, sebagai wakil mutlak,[58] Sultan Abdul Jalil bertindak menaikkan taraf serta kedudukan putera-puterinya daripada taraf Tun kepada Tengku untuk memberikan status diraja. Sultan Abdul Jalil juga melantik adindanya, Tun Mahmud sebagai Yamtuan Muda yang baru, Tun Mas Jiwa diangkat sebagai Temenggong yang kemudiannya menjadi Bendahara, bergelar Bendahara Seri Maharaja.[60] Pada tahun 1708, ibu negeri kerajaan Johor–Pahang dipindahkan ke Riau dari Panchor, mengikut nasihat Yamtuan Muda Tun Mahmud. Oleh itu, Riau menjadi pusat kekuasaan dan pentadbiran yang baru. Pada tahun 1716, Sultan Abdul Jalil kembali semula ke Panchor (Johor).[61] Kepulangan baginda disebabkan persaingan dan kekacauan hebat yang ditimbulkan oleh orang-orang Minangkabau di Riau. Namun begitu, kepulangan baginda ke Johor tidak memulihkan keadaan malah, antara tahun 1717–1718, Johor diserang bertubi-tubi oleh tentera Minangkabau yang diketuai oleh Raja Kechil. Menurut Raja Kechil, baginda adalah putera almarhum Sultan Mahmud Shah II daripada kerajaan Johor–Pahang.[62] Dakwaan ini menyebabkan Sultan Abdul Jalil IV menyerahkan takhta kepada Raja Kechil. Kemudian, Raja Kechil melantik dirinya sebagai pemerintah baru empayar Johor–Pahang–Riau. Raja Kechil bergelar Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah (1718–1722)[63] tetapi kedudukan tersebut tidak berkekalan.

Awal abad ke-18 juga menandakan suatu peringkat baru dalam sejarah Johor dengan kehadiran adik-beradik Bugis yang terkenal.[64] Adik-beradik Bugis tersebut telah berpihak kepada Sultan Abdul Jalil IV. Pemihakan Bugis ini amat penting bagi Sultan Abdul Jalil kerana bantuan ketenteraan Bugis dapat membantu baginda mencapai matlamatnya. Sultan Abdul Jalil bercadang mengusir orang-orang Minangkabau dari Johor. Selari dengan itu, Raja Suleiman, putera Sultan Abdul Jalil menandatangani suatu perjanjian dengan Bugis yang menyatakan persetujuan Bugis untuk menghalau orang-orang Minangkabau daripada empayar Johor–Pahang–Riau. Sebagai balasan, salah seorang adik-beradik Bugis akan dilantik menjadi Yamtuan Johor. Perjanjian sulit tersebut telah dipersetujui oleh Sultan Abdul Jalil IV.[65] Orang-orang Bugis itu kemudiannya memulakan beberapa serangan ke atas Johor antara tahun 1719–1722 sebelum berjaya menawannya. Serangan Bugis yang juga disokong oleh Raja Suleiman, berjaya mengusir Raja Kecil dari Riau. Kemenangan Bugis ini turut membawa beberapa pembaharuan dalam kerajaan Johor–Pahang–Riau. Raja Suleiman telah ditabalkan sebagai sultan yang baru bagi empayar Johor–Pahang–Riau oleh Bugis pada tahun 1722 manakala adinda baginda, Tun Abas pula dilantik sebagai Bendahara Seri Maharaja.

Berikutan perjanjian sulit di antara Raja Suleiman dan orang-orang Bugis, seorang Yamtuan Muda telah dilantik daripada kalangan Bugis. Daing Merewah, yang juga dikenali sebagai Upu Kelana Jaya Putera, adinda kepada Daing Parani telah dilantik sebagai Yamtuan Muda yang

pertama di empayar tersebut.[66] Bermula daripada saat tersebut orang-orang Bugis mulai bertapak dalam pemerintahan Johor.

Mulai tahun 1722, suasana politik di empayar Johor–Pahang–Riau mulai berubah. Orang-orang Bugis mempunyai pengaruh yang luas dalam pemerintahan. Jawatan Yamtuan Muda hanya terhad untuk keluarga Bugis sahaja[67] yang sekaligus memberi taraf dan kuasa politik dominan kepada Bugis dan kadangkala, melebihi sultan. Melalui perkahwinan, orang-orang Bugis berjaya meneguhkan lagi kedudukannya di Johor.

Penguasaan Bugis di dalam pemerintahan empayar Johor–Pahang–Riau ini tidaklah disenangi oleh para pembesar negeri. Perasaan anti-Bugis timbul kerana pengaruh Bugis yang meluas dalam pemerintahan. Yamtuan Muda jauh lebih berkuasa daripada sultan. Hal ini menimbulkan perasaan marah di kalangan pembesar tempatan. Kuasa dan kepentingan pembesar tempatan semakin pudar dan lemah. Orang Bugis juga dianggap sebagai perampas kuasa dan pengancam kedaulatan empayar tersebut. Persengketaan sering berlaku di antara pembesar-pembesar Melayu dan ketua-ketua Bugis. Keadaan permusuhan terhadap Bugis dan ketidaktenteraman dalam negeri menyebabkan pembesar tempatan mencari pertolongan daripada kuasa-kuasa Eropah seperti Belanda dan British.[68] Pada tahun 1755, Sultan Suleiman telah memohon bantuan Belanda untuk menghalau Bugis. Belanda telah bersetuju dan sebagai balasan Belanda dibenarkan berniaga di Johor dan mendapat kuasa monopoli perdagangan bijih di negeri-negeri Selangor, Klang dan Linggi. Belanda telah menyerang Bugis di Lingga pada tahun 1756 akibat serangan Bugis ke atas Melaka. Hal ini membawa kepada termeterinya perjanjian damai di antara Bugis dan Belanda pada tahun 1758. Orang-orang Bugis bersedia mengiktirafkan kuasa sultan ke atas Johor dan memberi kebebasan perdagangan kepada Belanda. Johor bebas daripada kuasa Bugis dan berada dalam keadaan aman. Namun begitu, keadaan ini tidak berpanjangan.

Sultan Suleiman mangkat pada tahun 1760. Almarhum telah digantikan oleh putera baginda, Raja Ahmad yang memerintah selama setahun. Apabila Raja Ahmad mangkat, adindanya, Sultan Mahmud Shah III ditabalkan menjadi Sultan Johor-Pahang-Riau yang baru. Oleh kerana Sultan Mahmud Shah III masih kecil, Daing Kemboja yang menjadi Yamtuan Muda mengambil alih pemerintahan. Keadaan ini membolehkan Bugis memulihkan semula kuasanya. Daing Kemboja dibantu oleh Raja Haji, pahlawan Bugis yang terkenal. Raja Haji bukan sahaja membantu memulihkan kuasa Yamtuan Muda tetapi juga berjaya mengawal semula negeri-negeri jajahan empayar Johor–Pahang–Riau. Selepas kemangkatan Daing Kemboja pada tahun 1777, Raja Haji telah melantik dirinya sebagai Yamtuan Muda. Kuasa pemerintahan Johor telah kembali semula kepada Bugis. Namun begitu, sikap permusuhan

antara pembesar Melayu dan Bugis terus berleluasa. Sikap anti-Belanda orang Bugis berterusan. Kemuncak permusuhan Bugis-Belanda ini tercetus apabila Bugis menyerang Melaka, yang membawa kepada kematian Yamtuan Muda, Raja Haji pada tahun 1784. Bermula saat itu, kuasa Bugis mulai lemah. Tentera Belanda telah menyerang Selangor yang menyebabkan pemerintah Selangor, Sultan Ibrahim melarikan diri ke Pahang. Belanda juga telah menyerang Riau yang menyebabkan Raja Ali (putera Daing Kemboja) lari ke Mempawah di Borneo Barat.[69] Kemenangan Belanda ini telah menghapuskan kuasa Bugis. Sultan Mahmud Shah III telah dilantik sebagai sultan di Riau, tetapi baginda berada dalam cengkaman Belanda.[70]

Sultan Mahmud Shah III yang dibantu oleh Bendahara Tun Abdul Majid[71] dari Pahang memutuskan untuk memeterai suatu perjanjian dengan Belanda pada bulan Februari 1787. Tujuan perjanjian tersebut adalah untuk memulihkan semula kedudukan baginda di dalam kerajaan. Baginda berharap untuk membebaskan diri daripada kawalan Raja Tua, Raja Bendahara, Raja Temenggong dan Raja Indera Bongsu. Sebagai balasan, Riau akan diserahkan kepada Belanda. Belanda dibenarkan mengutip cukai perdagangan daripada kapal-kapal perdagangan Cina tetapi baginda tidak memberi hak berdagang di Pahang.[72]

Perjanjian tersebut pada dasarnya tidak memberi faedah kepada Sultan Mahmud Shah III tetapi telah menunjukkan kekuasaan Belanda di perairan tempatan. Bendahara Tun Abdul Majid pula menyedari bahawa Pahang akan jatuh ke tangan Belanda. Oleh itu, beliau telah menyokong Sultan Mahmud yang berusaha mendapatkan bantuan daripada lanun[73] Tempasuk (Borneo Utara), untuk mengalahkan Belanda di Riau. Pada bulan Mei 1787, lanun Tempasuk telah menyerang kubu pertahanan Belanda di Riau. Residen Belanda di Riau, David Rhude dan pasukan tenteranya berundur ke Melaka. Sultan Mahmud yang bimbang akan kemungkinan diserang oleh Belanda telah memindahkan ibu negerinya ke Lingga dan cuba mendapatkan pertolongan British,[74] sementara Bendahara Tun Abdul Majid kembali ke Pahang. Ketiadaan Sultan Mahmud di Riau ternyata menyukarkan Belanda. Perkembangan perdagangan di Riau memerlukan sokongan Sultan Mahmud dan baginda mestilah berada di Riau. Oleh itu, Belanda telah memujuk Sultan Mahmud supaya kembali ke Riau. Namun begitu, Sultan Mahmud terus mendesak Belanda supaya memenuhi tuntutan baginda terlebih dahulu. Sultan Mahmud mahu Belanda mengembalikan kuasanya di Riau sekiranya Belanda mahu baginda pulang ke Riau. Baginda juga mahukan Belanda menyekat pemulihan kuasa Bugis dan bersedia membayar sejumlah wang bernilai $60,000 kepada Belanda.[75]

Belanda bersetuju dengan syarat-syarat tersebut. Namun begitu, Belanda tidak dapat melaksanakan permintaan Sultan Mahmud tersebut

kerana pada tahun 1795, British telah menduduki Melaka. Kehadiran British di Melaka disebabkan oleh peristiwa yang berlaku di Eropah. Pada tahun 1795, negara Belanda ditawan oleh pasukan revolusiner Perancis yang diketuai oleh Napoleon Bonaparte. Akibatnya, Putera William V of Orange yang memerintah secara oligarki sebelum ini, terpaksa menerima pemerintahan secara demokratik. Raja William V melarikan diri dan hidup dalam buangan di England. Baginda mengarahkan British supaya menduduki Melaka dan wilayah-wilayah Belanda yang lain di pantai barat Sumatera. Arahan ini dibuat kerana baginda merasa bimbang akan negeri-negeri jajahan Belanda di Timur yang berkemungkinan turut ditawan oleh Perancis. British berjanji untuk membantu Belanda dan mengembalikan semula koloni-koloni Belanda tersebut apabila peperangan tamat.[76]

Pemindahan kuasa Belanda–British ini membawa kesan yang besar kepada negeri-negeri di Kepulauan Melayu. Bagi Sultan Mahmud Shah III dan orang-orang Bugis, hal ini amat menguntungkan. Riau dikembalikan semula kepada Sultan Mahmud III. Baginda pulang ke Riau walaupun baginda lebih suka menetap di Lingga. Bagi Bugis pula, kekuasaan ke atas empayar Johor–Pahang–Riau gagal diperkukuhkan semula tetapi orang Bugis dibenarkan kembali ke Riau.

Engku Muda Muhammad (putera Temenggung Abdul Jamal) telah dilantik oleh Sultan Mahmud Shah III sebagai Yamtuan Muda Riau. Dalam tahun 1801, satu perbalahan telah berlaku yang menyebabkan Engku Muda Muhammad diusir oleh Raja Ali dari Riau.[77] Engku Muda Muhammad telah berpindah ke Bulang.[78] Perdamaian di antara kedua-dua Raja Ali dan Engku Muda Muhammad hanya tercapai pada tahun 1802 apabila Bendahara Tun Abdul Majid dari Pahang menyelesaikan masalah tersebut.

## Pemecahan Empayar Johor–Pahang–Riau–Lingga

Antara tahun 1801 hingga 1802, suatu perebutan kuasa berlaku di Pahang. Anak-anak Bendahara Tun Abdul Majid, Tun Abdul Mutalib, Tun Muhammad, Tun Kuris dan Tun Da sering bersengketa merebutkan jawatan Bendahara. Akibatnya, pada tahun 1802, Tun Abdul Mutalib mati dibunuh oleh bapa saudaranya, Temenggung Tun Abdul Jamal (adik Bendahara Tun Abdul Majid).[79] Kemudian Bendahara Tun Abdul Majid pula meninggal dunia pada tahun tersebut yang menyebabkan Tun Muhammad dilantik sebagai pengganti oleh Sultan Mahmud dari Riau–Lingga. Malangnya, sewaktu dalam perjalanan pulang dari Riau ke Pahang, Tun Muhammad mati lemas. Oleh itu, jawatan Bendahara jatuh kepada Tun Kuris,[80] seorang Bendahara yang paling kejam pernah memerintah Pahang.

Kuasa Bendahara semakin dominan di Pahang. Pada tahun 1806,

Sultan Mahmud Shah, pemerintah Riau–Lingga telah melantik Temenggung Abdul Rahman (putera Daing Kecil) sebagai Temenggung Seri Maharaja untuk memerintah Johor, Singapura dan pulau-pulau sekitarnya,[81] yang beribu negeri di Bulang.[82] Tun Ali yang menjadi Bendahara Seri Maharaja yang baru bagi Pahang pada tahun 1806, berjaya mengukuhkan lagi kuasa autonomi Bendahara. Perkembangan kuasa Bendahara di Pahang ini mengurangkan lagi kesetiaan pemerintah Pahang kepada sultan di Riau–Lingga. Mulai tahun tersebut, empayar Johor–Pahang–Riau–Lingga mulai menunjukkan tanda-tanda perpecahan.

Perbalahan terus berlaku di kalangan golongan pemerintah. Hal ini ditambah pula dengan pengenalan berbagai-bagai polisi perdagangan oleh kuasa Belanda dan British[83] yang secara tidak langsung menyumbang ke arah pemecahan empayar tersebut. Sultan Mahmud Shah yang berada di Riau cuba mengawal dan mengimbangi kuasa Bendahara Pahang ketika itu supaya setaraf dengan Yamtuan Muda Riau.[84] Walaupun begitu, rancangan baginda itu tidak berjaya. Pada tahun 1812, Sultan Mahmud Shah mangkat tanpa meninggalkan waris lelaki daripada golongan diraja. Baginda hanya mempunyai dua orang putera iaitu Abdul Rahman[85] dan Hussein daripada isteri-isteri kebanyakan. Keadaan ini menimbulkan perbalahan. Hal ini ditambah pula dengan keputusan Raja Jaafar, Yamtuan Muda ke-6[86] untuk mengambil alih pemerintahan di Riau. Raja Jaafar lalu melantik Abdul Rahman sebagai Sultan yang baru.[87] Perlantikan tersebut menyebabkan timbulnya perselisihan di antara Abdul Rahman dan Hussein kerana pada masa itu, Hussein berada di Pahang.[88] Keadaan perselisihan bagi merebut jawatan sultan ini berlanjutan sehingga tahun 1822. Hal ini berlanjutan kerana Tunku Putri[89] yang menyimpan alat-alat kebesaran diraja, enggan menyerahkannya kepada pengganti sultan. Mengikut adat, alat-alat kebesaran diraja sepatutnya diserahkan kepada pengganti sultan sewaktu kemangkatan ayahandanya, sebelum seseorang bakal sultan itu dapat diisytiharkan sebagai pemerintah baru. Justeru itu, berlakulah peperangan di antara kedua-dua adik-beradik tersebut. Hussein telah meminta bantuan Bendahara Ali dari Pahang, tetapi Bendahara Ali tidak mahu melibatkan dirinya dalam persengketaan di Riau–Lingga itu atas nasihat British.

Bagi Yamtuan Muda Raja Jaafar, keadaan persengketaan di antara kedua-dua bakal pengganti sultan tersebut menambahkan masalah kepada baginda. Peperangan Inggeris-Belanda yang memuncak bertujuan untuk merebut monopoli perdagangan di Riau, menyebabkan baginda tersepit di antara kedua-dua kuasa perdagangan tersebut. Pada bulan Julai 1818, Raja Jaafar menerima sepucuk surat daripada Stamford Raffles. Menurut Raffles, Belanda ingin menawan Johor dan menasihatkan baginda mendapatkan bantuan British. Justeru itu, Raja Jaafar menandatangani suatu perjanjian dengan British pada bulan Ogos

1818. Mengikut perjanjian tersebut, British diberi kebebasan untuk berdagang di seluruh empayar Johor-Pahang-Riau. Kemudian pada bulan November 1818, Raja Jaafar telah memeterai suatu perjanjian dengan Laksamana Belanda, Wolterback. Menurut perjanjian tersebut, Raja Jaafar membenarkan Riau dan Lingga menjadi pelabuhan bebas dan "semua pelabuhan lain dalam kerajaan sultan turut menjadi pelabuhan bebas hanya kepada Belanda dan kapal-kapal tempatan."[90] Keadaan ini membawa perubahan besar kepada British dan Raja Jaafar.

Satu pasukan tentera Belanda tiba di Riau untuk membantu Abdul Rahman merampas alat kebesaran diraja yang disimpan oleh Tunku Putri. Hanya pada bulan November 1812, alat kebesaran diraja tersebut diberi kepada Abdul Rahman sebelum ditabalkan sebagai sultan bagi Lingga.[91] Pertabalan Sultan Abdul Rahman ini telah disokong sepenuhnya oleh Bendahara Ali dan Temenggung Johor.

Empayar Johor-Pahang-Riau-Lingga menunjukkan tanda-tanda perpecahan yang nyata setelah termeterinya perjanjian di antara Temenggung Seri Maharaja Daing Abdul Rahman Johor dengan Raffles. Pada bulan Januari 1819, Temenggung telah memberi kebenaran kepada Raffles untuk menubuhkan sebuah penempatan British di Singapura. Penubuhan pusat perdagangan ini penting bagi British kerana Singapura boleh dijadikan sebagai pusat monopoli perdagangan Inggeris di antara China dan India di Kepulauan Melayu. British berjanji kepada Temenggung untuk melindunginya dan memberikan sejumlah $3,000 setiap tahun.[92] Pada mulanya, Raffles mengakui Sultan Abdul Rahman (Riau) sebagai sultan berdaulat bagi Johor, Pahang dan negeri-negeri naungannya; tetapi memandangkan Sultan Abdul Rahman dan Yamtuan Muda, Raja Jaafar di bawah telunjuk Belanda, Raffles memutuskan untuk mengiktiraf Hussein sebagai sultan baru empayar Johor-Pahang-Riau pada bulan Februari 1819.[93] Pengiktirafan ini turut menandakan permulaan kuasa British dan kawalan ke atas Singapura dan perairan Selat Melaka. British juga dibenarkan membina sebuah kilang di Singapura dan melantik Mejar Farquhar sebagai Residen Inggeris pertama di Singapura. Sejak itu, "semua orang diarahkan supaya mematuhi Mejar Farquhar, seperti yang diminta olehnya."[94] Sementara itu, percubaan Sultan Abdul Rahman untuk mendapatkan kembali Johor diawasi sepenuhnya oleh Inggeris. Perjanjian Inggeris-Belanda[95] yang ditandatangani pada bulan Mac 1824, umumnya telah dapat menghalang usaha-usaha Sultan Abdul Rahman untuk menguatkuasakan pengaruh baginda di Semenanjung Tanah Melayu kerana baginda dikehendaki tinggal di Pulau Riau-Lingga yang merupakan wilayah naungan Belanda.[96]

Pada tahun 1823, John Crawford, Residen Singapura antara tahun 1823-1826, telah menandatangani suatu perjanjian dengan Sultan Hussein dan Temenggung Daing Abdul Rahman. Dalam perjanjian tersebut Inggeris mendapat hak monopoli perdagangan dan

Singapura diserahkan kepada Inggeris secara sah.[97]

Melalui perjanjian Inggeris–Belanda pula empayar Johor–Pahang–Riau–Lingga, kini berpecah. Kawasan Kepulauan Melayu kini dibahagikan kepada dua bahagian. Seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan ke utara Selat Singapura, diletakkan di bawah pengaruh Inggeris, manakala seluruh gugusan pulau Melayu di selatan Selat Singapura pula di bawah pengaruh Belanda. Justeru itu pemerintah-pemerintah Melayu juga terpaksa menyesuaikan diri dengan pembahagian ini.

Pemerintah pertama di Tanah Melayu yang mengiktiraf Sultan Hussein sebagai pemerintah Johor yang sah adalah Bendahara Ali dari Pahang. Baginda cuba menyesuaikan keadaan pemecahan kuasa empayar Johor–Pahang–Riau–Lingga dengan memberi pengiktirafan kepada Sultan Hussein. Tindakan baginda ini menyebabkan pemerintah-pemerintah Melayu lain, menghormati kedudukan dan kejujuran baginda sebagai pemerintah berdaulat. Kemudian, pada tahun 1841, Bendahara Ali telah menabalkan anak Temenggung Abdul Rahman, Ibrahim sebagai Temenggung baru Johor, di Teluk Blangah.[98] Bendahara Ali kemudiannya memutuskan untuk mengukuhkan kuasa dan kawalannya di Pahang dan mengisytiharkan dirinya sebagai pemerintah bebas di Pahang.

## Pemerintahan Bendahara Ali di Pahang

Bendahara Ali merupakan pemerintah paling lama di empayar Johor–Pahang–Riau–Lingga. Langkah pertama yang diambilnya bagi mengukuhkan lagi kedudukannya, dengan menjalin suatu hubungan mesra dengan pemerintah-pemerintah lain yang berhampiran dengan Pahang. Justeru itu, baginda telah mengahwinkan puteranya, Wan Mutahir yang bergelar Engku Muda (pada tahun 1832)[99] dengan Tengku Cik, puteri Sultan Ahmad Terengganu.[100] Tindakan ini diambil untuk menjalin suatu hubungan harmoni dengan Sultan Muhammad Lingga.[101] Baginda juga menganugerahkan gelaran baru kepada anak-anak dan cucu-cucunya, yang bertujuan supaya baginda memperolehi keyakinan dan sokongan daripada semua pihak terutama penyokong-penyokongnya. Baginda menganugerahkan gelaran Engku Panglima Raja kepada Wan Ismail. Tun Kuris pula dilantik sebagai Panglima Perang, sementara Wan Aman dan Wan Suleiman dilantik sebagai pembesar-pembesar negeri. Langkah penganugerahan oleh Bendahara Ali ini sememangnya bertujuan untuk menjamin kestabilan politik di Pahang. Baginda tidak mahu perbalahan antara kerabat diraja melemahkan kerajaannya. Sewaktu pemerintahan baginda, terdapat beberapa pembesar negeri yang banyak membantu baginda mengekalkan keamanan di Pahang,[102] seperti Orang Kaya Indera Maharaja Perba dari Jelai dan Orang Kaya Indera Pahlawan dari

Chenor. Justeru itu, pemerintahan Bendahara Ali dikatakan sebagai pemerintahan yang bebas daripada kekacauan-kekacauan dalam negeri.[103]

## Perang Saudara di Pahang

Faktor kebijaksanaan Bendahara Ali memerintah menjadi faktor utama pengukuhan kuasa dan kedudukan baginda sebagai pemerintah Pahang. Pada tahun 1856, Bendahara Ali mangkat.[104] Kemangkatan baginda ini telah menyebabkan berlakunya suatu perang saudara di antara putera-puteranya, Wan Mutahir dan Wan Ahmad. Akibatnya, rakyat Pahang berpecah kepada dua puak. Perang saudara tersebut berpunca daripada surat wasiat Bendahara Ali.

Sebelum kemangkatannya, baginda telah menulis suatu surat wasiat yang menyatakan bahawa putera kesayangannya, Wan Ahmad akan diberi kuasa untuk memerintah Kuantan dan Sungai Endau. Malangnya, apabila Bendahara Wan Mutahir, saudara Wan Ahmad yang lebih tua, menaiki takhta Pahang pada tahun 1857, baginda tidak mengendahkan isi surat wasiat tersebut.[105] Hal ini menimbulkan kemarahan Wan Ahmad. Keadaan ini ditambah pula dengan kegagalan Bendahara Wan Mutahir menziarahi ayahandanya yang nazak di saat-saat akhir sebelum almarhum mangkat. Selain itu, faktor keturunan juga menjadi punca perbalahan kedua-dua adik-beradik tersebut. Bendahara Wan Mutahir adalah anak gundik, manakala Wan Ahmad pula, anak kepada isteri Bendahara Ali yang sah. Oleh itu, Wan Ahmad merasakan bahawa beliau lebih berhak menuntut dan menduduki takhta kerajaan Pahang daripada Bendahara Wan Mutahir. Berdasarkan sebab-sebab inilah, Wan Ahmad bertindak menentang saudaranya.

Wan Ahmad sememangnya amat bernasib baik. Sultan Mahmud Muzaffar Shah Lingga[106] telah menyokong Wan Ahmad menentang Bendahara Wan Mutahir. Sokongan baginda terhadap Wan Ahmad disebabkan kegagalan baginda untuk menjadi sultan di Pahang setelah diusir oleh Belanda pada tahun 1857. Bendahara Wan Mutahir juga menentang percubaan Sultan Mahmud untuk mengiktiraf dirinya sebagai sultan Pahang. Oleh itu, Sultan Mahmud menyokong Wan Ahmad. Begitu juga saudara Sultan Mahmud Shah iaitu, Sultan Baginda Omar dari Terengganu,[107] yang mempunyai motif tersendiri menyokong Wan Ahmad. Sejak awal tahun 1850-an lagi, Sultan Baginda Omar mahu menyekat penguasaan Temenggung Ibrahim dari Johor dalam hal-hal perdagangan.[108] Oleh itu, sokongan terhadap Wan Ahmad akan dijadikan alat menyekat penguasaan Temenggung Ibrahim tersebut. Pada waktu yang sama, Sultan Mahmud juga disokong oleh Siam yang mahu melantik baginda sebagai sultan Terengganu. Hasrat Siam ini disebabkan keengganan Sultan Baginda Omar memberi penghormatan

peribadi kepada Raja Siam dan seterusnya mengakui pertuanan Siam. Walaupun begitu, Terengganu tetap menghantar bunga emas sebagai ufti yang menjadi adat raja-raja Melayu. Sikap tersebut menyebabkan Siam memilih Sultan Mahmud sebagai sultan Terengganu.[109] Namun begitu, sokongan Siam terhadap Sultan Mahmud juga berlandaskan kepentingan politik tersendiri di Pahang.

Bagi Temenggung Ibrahim pula yang mengikuti dengan teliti perkembangan perang saudara di Pahang, bertindak menyokong Bendahara Wan Mutahir. Baginda menganggap Wan Ahmad sebagai penghalang untuk segala rancangan penguasaan terhadap Pahang. Selain itu, baginda juga bimbang dengan segala percubaan Sultan Mahmud yang ingin mendapatkan Johor dan Pahang. Campur tangan Siam di Pahang turut membimbangkan Temenggung Ibrahim kerana Siam mungkin menyekat kepentingan-kepentingan perdagangan Johor di Pahang. Oleh itu, baginda bertindak membantu Wan Mutahir yang lemah[110] dan sudah lanjut usianya.

Sokongan yang diterima oleh Wan Ahmad daripada pelbagai pihak telah mendorong beliau memulakan serangan ke atas Pahang. Pada bulan Julai 1857, Wan Ahmad telah menjadikan Pulau Tekong di Singapura sebagai pangkalan tenteranya untuk menyerang Pahang. Malangnya, hasrat penyerangan Pahang tersebut terhalang kerana Temenggung Ibrahim lebih cepat bertindak, memberitahu British berkenaan serangan Wan Ahmad tersebut. Tujuan Temenggung Ibrahim bertindak demikian, supaya Wan Ahmad tidak meneruskan rancangan tersebut. Walaupun begitu, Temenggung Ibrahim telah dinasihati oleh British supaya tidak campur tangan dalam hal-ehwal negeri Pahang.[111] British juga mengingatkannya bahawa sebarang campur tangan di negeri tersebut menyebabkan perlanggaran syarat-syarat perjanjian 1824. British juga tidak mahu campur tangan dalam apa jua persengketaan di kalangan penduduk tempatan ketika itu. Amaran British ini umumnya gagal menyekat usaha Wan Ahmad untuk memulakan serangan ke Pahang. Justeru itu, Temenggung Ibrahim terpaksa mencari ikhtiar lain untuk menentang Wan Ahmad.

Pada bulan Julai 1857, Temenggung Ibrahim berpindah ke Kemaman dan berjaya mengumpulkan orang untuk pasukan tenteranya. Hal ini menyebabkan Sultan Baginda Omar mengeluarkan perintah supaya para pembesarnya membantu Wan Ahmad,[112] jika tidak mahu dihukum gantung. Perintah tersebut menyebabkan jumlah tentera Temenggung Ibrahim berkurangan tetapi menambah jumlah tentera Wan Ahmad. Tentera yang ramai membolehkan Wan Ahmad melancarkan serangan laut ke atas Pahang pada bulan November 1857. Kemaman dijadikan sebagai pangkalan tentera Wan Ahmad. Serangan tersebut yang juga dikenali sebagai peperangan orang Kemaman,[113] membawa kemenangan kepada Wan Ahmad kerana beliau berjaya menawan Kampung Cina yang di bawah kekuasaan Engku Saiyid, saudara ipar Wan Mutahir.

Kejayaan tersebut menguatkan semangat Wan Ahmad dan turut mendorongnya menyerang Ganchong, kubu utama Wan Mutahir. Ganchong jatuh dengan mudah ke tangan Wan Ahmad lalu menyebabkan Wan Mutahir melarikan diri ke Chenor. Sehingga bulan Februari 1858, angkatan tentera Wan Ahmad mempunyai panglima yang handal seperti Inche Koming, Imam Perang Raja, Inche Endut, Panglima Raja, Inche Talib Panglima Laut, Hitam Pengasoh, Panglima Dalam, Panglima Kakap Bahaman, Panglima Tunggal, Panglima Hitam dan Panglima Muda. Bagi pasukan tentera Kemaman pula, mereka diketuai oleh Saiyid Idrus, Raja Muda dan Wan Dagang.

Sementara itu, Wan Mutahir, yang menyedari pasukan tenteranya yang semakin lemah dan kedudukan baginda yang semakin terancam, mengambil keputusan menguatkan angkatan tenteranya. Orang-orang baru diambil untuk pasukan tenteranya dan baginda menganugerahkan beberapa gelaran[114] yang bertujuan untuk meningkatkan keyakinan penyokong baginda dan seterusnya membaiki kedudukan baginda yang semakin lemah. Bendahara Wan Mutahir disokong oleh Maharaja Perba Tuk Jelai dan anak-anaknya, Wan Embong dan Wan Muhammad. Usaha Wan Mutahir menguatkan tenteranya itu membawa kemenangan kepada pasukannya dan Wan Ahmad telah dapat dikalahkan di Pulau Manis. Pasukan Wan Ahmad kemudiannya berundur ke Kemaman. Kekalahan Wan Ahmad ini juga menandakan berakhirnya usahanya mendapatkan jawatan Bendahara secara kekerasan. Kegagalan tersebut terutamanya disebabkan oleh ketiadaan disiplin di kalangan tenteranya yang lebih berminat terhadap harta rampasan di Ganchong daripada mempertahankan diri mereka. Namun begitu, kegagalan Wan Ahmad itu tidak melemahkan semangatnya untuk merebut jawatan Bendahara daripada Wan Mutahir.

Pada tahun 1858, Wan Embong (anak Maharaja Perba) telah berperang menentang Panglima Raja untuk mempertahankan Jelai. Hal ini menyebabkan persengketaan di antara Bendahara Wan Mutahir dan Maharaja Perba.[115] Panglima Raja berjaya menghasut Bendahara Wan Mutahir dengan mendakwa Wan Embong memberontak menentang Bendahara; yang akhirnya membawa kepada kematian Wan Embong. Kejadian ini tentulah menyebabkan kemarahan Maharaja Perba yang kemudiannya memutuskan untuk menyokong Wan Ahmad sebagai membalas dendamnya kepada Bendahara Wan Mutahir.

Kematian Wan Embong juga menimbulkan huru-hara di Jelai. Wan Abdul Rahman, adik Wan Embong bertindak mengenakan cukai ke atas penduduk Jelai, Lipis, Tembeling dan Semantan. Sesiapa yang gagal menjelaskan cukai yang dikenakan dijadikan hamba berhutang.[116] Kezaliman dan ketidakadilan yang berlaku menyebabkan penduduk di Jelai menyokong Wan Ahmad.

Wan Ahmad berada di Paka (Terengganu) sehingga bulan April 1861. Pada bulan Mac, Wan Ahmad bercadang melancarkan serangan

kedua ke atas Pahang. Beliau dibantu oleh Maharaja Perba Wan Idris, Datuk Setia Muda Wan Muhammad, Tun Mandak Imam Perang Raja, Panglima Raja, Panglima Kakap Bahaman dan Baginda Omar dari Terengganu. Ketika di Kuantan, Wan Ahmad telah menyerang dan merampas harta benda penduduk, melarikan dan menawan beberapa orang serta membina beberapa buah kubu di Endau, "negeri yang didakwa kepunyaannya seperti tertulis di dalam wasiat ayahandanya."[117] Penyerangan Wan Ahmad tersebut diberitahu kepada British dan Temenggung Ibrahim. Hal ini menyebabkan Gabenor Cavenagh menghantar notis amaran kepada Wan Ahmad dan mengarahkan supaya Wan Ahmad menghentikan serangan di Pahang dan segala masalahnya akan diuruskan sendiri oleh British. Bendahara Wan Mutahir bersetuju dengan keputusan pihak British tersebut yang membawa kepada termeterinya perjanjian di antara British dan Bendahara Wan Mutahir.[118] British berjanji menyelesaikan persengketaan di antara kedua-dua orang saudara tersebut dan memberi sejumlah wang sebagai nafkah hidup kepada Wan Ahmad. Wan Mutahir pula berjanji untuk mematuhi syarat-syarat British tersebut. Gabenor Cavenagh pergi ke Endau untuk berunding dengan Wan Ahmad. Malangnya, Wan Ahmad telah meninggalkan Endau dan kembali ke Kemaman. Oleh itu, Gabenor Cavenagh mengirimkan satu salinan perjanjian tersebut kepada Wan Ahmad. Namun begitu, Wan Ahmad masih meneruskan azamnya. Wan Ahmad menolak tawaran elaun nafkah yang diberikan oleh British. Beliau masih juga berpendirian bahawa Endau adalah miliknya dan berazam "menawan Pahang sama ada hidup ataupun mati."[119] Ketika itu Wan Ahmad mendapat perlindungan daripada sultan Terengganu. Sokongan juga diberikan oleh Sultan Mahmud dari Lingga[120] yang menetap di Terengganu. British meminta Sultan Baginda Omar (Terengganu) memujuk Wan Ahmad meninggalkan Kemaman. Sepucuk surat juga dikirimkan oleh British kepada Siam yang meminta Siam menghalau Sultan Mahmud dari Terengganu. British berharap supaya usaha-usaha yang telah dijalankannya itu dapat membaiki keadaan perang saudara di Pahang tetapi keadaan sebaliknya berlaku yang menyebabkan perang saudara tersebut berlanjutan.

Bendahara Wan Mutahir mula menyedari yang baginda akan mengalami kekalahan dalam perang saudara ini. Oleh itu, baginda mengambil keputusan untuk menyerahkan kerajaan kepada puteranya, Tun Kuris. Pertabalan Tun Kuris ini telah disokong daripada segi kewangan oleh William Patterson dari Singapura. Tun Kuris turut menandatangani suatu perjanjian dengan Patterson pada 5 November 1861 yang memberikan Patterson penguasaan melombong timah di Sungai Kuantan.[121]

Wan Ahmad pula mendapat sokongan orang-orang Rawa[122] dari Raub dan penduduk Jelai yang diketuai oleh Wan Daud dan Khatib

Rasu. Sokongan terhadap Wan Ahmad ini disebabkan oleh kematian Wan Embong, yang telah dibunuh oleh Wan Mutahir. Angkatan orang Rawa dan penduduk Jelai juga menangkap Tuk Busu Dollah, anak Orang Kaya Temerloh dan menawan Kuala Tembeling pada bulan Ogos 1861. Kemudian, angkatan tersebut turut menguasai Tebing Tinggi, Kuala Tekal dan Tanjung Batu, Kerdai. Angkatan Bendahara diketuai oleh Wan Aman. Orang Kaya Lipis yang amat bencikan orang-orang Rawa berpihak kepada Bendahara. Namun begitu, sokongan dan taat setia orang Jelai kepada Maharaja Perba dan Wan Ahmad umumnya telah menampakkan tanda-tanda kemenangan kepada Wan Ahmad. Oleh itu, satu perundingan telah diadakan di antara pembesar-pembesar Pahang. Para pembesar menyedari bahawa kepimpinan Tun Kuris dan adik-adiknya itu tidak dapat mengalahkan angkatan Wan Ahmad, lalu kepimpinan tersebut perlu digantikan segera. Para pembesar diwakili oleh Haji Hassan, Orang Kaya Temerloh dan Orang Kaya Shahbandar, pergi bertemu Wan Mutahir. Akhirnya, Wan Mutahir bersetuju dengan cadangan mereka.

Pembesar-pembesar di kawasan pedalaman Pahang juga mulai berpaling tadah kepada pembesar-pembesar Pahang dan menyertai Wan Ahmad. Orang Kaya Lipis telah berpihak kepada Tuk Raja Jelai manakala, Shahbandar dan Orang Kaya Temerloh pula menyertai Wan Ahmad. Keadaan ini menyebabkan angkatan Wan Ahmad menjadi bertambah kuat dan bersedia untuk menyerang Pahang secara besar-besaran, tetapi rancangan tersebut terpaksa ditunda sementara kerana kekurangan wang. Bagi mendapatkan wang, Wan Ahmad telah memasuki pertandingan-pertandingan sabung ayam di Kelantan.[123] Sultan Baginda Omar pula membekalkan beliau dengan kelengkapan senjata dan tentera. Kemudian, Wan Ahmad pergi ke Kemaman, untuk mendapatkan bekalan tenteranya dan menyeberang sempadan Ulu Tembeling pada bulan Ogos 1862. Setibanya di Pahang, angkatan Wan Ahmad telah disambut mesra oleh pengikutnya di Pahang seperti Tuk Raja, Wan Daud, Panglima Perang Raja dan Panglima Raja. Pakatan antara Sultan Baginda Omar dan Wan Ahmad ini bertentangan dengan polisi British. Amaran pihak British tidak diendahkan oleh Sultan Baginda Omar malah baginda terus membantu Wan Ahmad dengan bekalan tentera dan memenuhi permintaannya. Baginda juga menyekat bekalan beras ke Pahang dan terus melindungi Sultan Mahmud dari Lingga di Terengganu. Pada 3 November 1862, Gabenor Cavenagh memberi amaran terakhir kepada Sultan Terengganu tersebut berkenaan Wan Ahmad dan Sultan Mahmud. Namun begitu, Sultan Baginda Omar masih enggan mematuhi arahan British tersebut. Akibatnya, Kuala Terengganu telah dibom oleh British pada bulan Julai 1862.[124]

Pada waktu yang sama, Temenggung Abu Bakar (Johor) menaiki takhta menggantikan ayahandanya, Temenggung Ibrahim pada tahun 1862. Beliau berazam untuk mengalahkan Wan Ahmad. Tun Kuris pula

telah menandatangani suatu perjanjian dengan Temenggung Abu Bakar[125] yang bertujuan memperkukuhkan kedudukannya di Pahang. Mengikut perjanjian tersebut Temenggung Abu Bakar hendaklah membantu Tun Kuris dan para pengikutnya untuk mengalahkan Wan Ahmad. Pada bulan Januari 1862, British telah mengesahkan perjanjian tersebut. Pengesahan ini membolehkan Temenggung Abu Bakar terus menyokong Wan Mutahir dan pasukannya. Oleh itu, pada bulan Ogos 1862, Temenggung Abu Bakar mengisytiharkan bahawa Pahang telah diamanahkan kepadanya dan membuat tawaran hadiah berupa wang bernilai $500 kepada sesiapa sahaja yang dapat membawa kepala Wan Ahmad kepadanya.[126] Selain itu, Temenggung Abu Bakar juga berjaya mendapatkan bantuan tentera upahan Bugis bagi mempertahankan Temerloh. Kesungguhan Temenggung Abu Bakar ini, bertujuan menguatkan lagi angkatan tentera Pahang di bawah Wan Mutahir membimbangkan pembesar-pembesar di kawasan pedalaman Pahang. Justeru itu, kebanyakan pembesar mulai berpihak kepada Wan Ahmad seperti Tuk Tunggal dari Sa Gumpal dan anak-anaknya. Secara kasar, faktor-faktor yang mempengaruhi sokongan pembesar kepada Wan Ahmad ini berhubung rapat dengan rasa kurang percaya kepada Wan Mutahir dan juga kebencian terhadap Temenggung Abu Bakar.

Menjelang tahun 1863, Wan Ahmad telah berjaya menguasai kawasan-kawasan Wan Mutahir di Temerloh, Batu Gajah dan Chenor. Kebanyakan orang-orang Wan Mutahir telah menyertai Wan Ahmad dalam serangan-serangan yang dijalankan pada tahun tersebut kecuali Orang Kaya Chenor yang melarikan diri ke hulu Sungai Bera. Wan Ahmad turut dibantu oleh orang-orang Rembau yang berjaya mengalahkan angkatan Johor di Bera dan Tenai. Kejayaan tersebut mendorong Wan Ahmad untuk menyerang Pekan. Oleh itu, Wan Ahmad bersama Imam Perang Raja, Imam Perang Rasu, Panglima Raja, Panglima Kakap Bahaman dan Tuan Embong telah menyerang Pekan. Pekan tewas dengan mudah kepada angkatan Wan Ahmad yang sekaligus menggugat kedudukan Wan Mutahir di Tenai. Pada bulan Mei 1863, Wan Mutahir melarikan diri ke Kuala Sedili. Di sanalah, Wan Mutahir dan anaknya, Tun Kuris meninggal dunia. Shahbandar telah melantik Wan Aman sebagai Pemangku Bendahara manakala para pembesar Pahang pula telah melantik Wan Ahmad sebagai Bendahara Pahang dengan gelaran Bendahara Sewa Raja pada 10 Jun 1863.[127] Perlantikan tersebut juga menandakan tamatnya perang saudara Pahang yang berlangsung selama hampir tujuh tahun dan Bendahara Wan Ahmad disahkan sebagai pemerintah Pahang yang berdaulat.

## Pemerintahan Bendahara Wan Ahmad

Langkah pertama yang diambil oleh Bendahara Wan Ahmad untuk mengukuhkan kuasanya di Pahang ialah secara memberi

pengampunan[128] kepada pembesar-pembesar yang pernah memberi bantuan kepada musuhnya tatkala berlakunya perang saudara di Pahang. Bendahara Wan Ahmad turut melantik semula para pembesar, untuk memegang jawatan lama di samping memberikan semula gelaran mereka. Namun begitu, kuasa yang dipegang oleh para pembesar tersebut dihadkan. Tujuannya supaya semua rakyat Pahang taat kepadanya. Selain itu, Bendahara Wan Ahmad juga memberikan hak monopoli garam dan candu kepada para pedagang Cina yang telah memberi bantuan kewangan kepadanya.[129] Pada bulan October 1863, Gabenor Cavenagh dimaklumkan tentang kenaikan Bendahara Wan Ahmad ke atas takhta kerajaan Pahang. Memandangkan wujudnya keamanan di Pahang ketika itu, kerajaan British mengiktiraf Bendahara Wan Ahmad sebagai pemerintah *de facto* di Pahang.

Walaupun begitu, pertelingkahan antara Temenggung Abu Bakar dan Bendahara Wan Ahmad terus berlanjutan. Bendahara Wan Ahmad terus menolak untuk mengiktirafkan penyerahan Pulau Tioman dan pulau-pulau sekitarnya kepada Temenggung Abu Bakar dalam perjanjian sempadan yang dibuat pada tahun 1862. Akibatnya, Johor telah menyerang Pahang beberapa kali. Sultan Baginda Omar juga terus menggesa Bendahara Wan Ahmad supaya menerima cadangan Harry Ord pada tahun 1863 berkenaan masalah sempadan tersebut.[130]

Sultan Mahmud, bekas sultan Lingga cuba mendapatkan pertolongan Bendahara Wan Ahmad untuk membantunya menyerang Belanda yang menguasai Lingga. Bendahara telah menolak permintaan tersebut dengan alasan tidak mahu campur tangan dalam hal-ehwal luar negeri Pahang. Masalah ini hanya berakhir apabila Sultan Mahmud meninggal dunia pada tahun 1864 yang sekaligus dapat memperkukuhkan lagi kedudukan Wan Ahmad di Pahang. Namun begitu, perang saudara di Pahang belum benar-benar berakhir. Tanpa diketahui oleh Bendahara Wan Ahmad, anak-anak Bendahara Wan Mutahir, Wan Aman, Wan Da dan Wan Abdul Rahman merancang satu komplot untuk menggulingkannya. Rancangan tersebut dapat dipatahkan apabila Orang Kaya Temerloh dan pembesar Chenor bertindak mematahkan rancangan tersebut. Bendahara Wan Ahmad amat menghargai pertolongan kedua-dua pembesar tersebut dan melantik anak Orang Kaya Temerloh sebagai pengganti pembesar di Temerloh.

Kegagalan komplot anak-anak Wan Mutahir tersebut juga tidak melemahkan semangat mereka. Pada tahun 1868, Wan Da telah menyerang Raub. Beliau dibantu oleh Saiyid Deraman, Imam Perang Mat Aris dan Tuan Kechut.[131] Wan Da gagal menawan Raub kerana tentangan hebat orang-orang Rawa. Oleh itu, Wan Aman dan Wan Da berpindah ke Klang.

Pada waktu yang sama, satu perang saudara berlaku di antara Raja Abdullah dan Raja Mahadi di Selangor.[132] Pada mulanya anak-anak Wan Mutahir bertindak menyokong Raja Abdullah. Namun begitu,

akibat satu perbalahan di antara Raja Abdullah dan anak-anak Wan Mutahir, mereka mengalih sokongan. Raja Mahadi berjanji akan membantu anak-anak Wan Mutahir menawan Pahang tetapi rancangan tersebut tertunda akibat kekurangan sumber kewangan.[133] Hanya pada awal tahun 1870, satu serangan ke atas Pahang telah dibuat. Namun begitu, angkatan Raja Mahadi dapat dipatahkan oleh orang-orang Bendahara Wan Ahmad yang diketuai oleh Imam Perang Rasu. Peperangan tersebut berlanjutan selama tujuh bulan sebelum angkatan Wan Aman berundur ke Selangor. Pahang kembali aman.

Pada tahun 1868, Wan Aman telah mengubah sokongan dan berpihak kepada Tunku Dziaudin (Kudin)[134] yang berperang menentang Raja Mahadi. Hal ini kerana Wan Aman kurang berpuas hati dengan tindakan Raja Mahadi mengembalikannya ke atas takhta Pahang. Pada bulan November 1871, Wan Aman ditawan oleh Saiyid Mansur, seorang penyokong Raja Mahadi. Hal ini menyebabkan Wan Da berangkat ke Pahang dan menjalin perdamaian dengan Bendahara Wan Ahmad. Wan Da juga membawa bersamanya sepucuk surat daripada Tunku Kudin yang memohon pertolongan Pahang dalam peperangan saudara di Selangor. Bendahara Wan Ahmad bersetuju untuk membantu tetapi dengan syarat mendapat kebenaran British.

Wan Da pulang ke Klang diiringi oleh Muhammad Nor, Ketua Setiausaha Bendahara Wan Ahmad. Di Klang, Muhammad Nor pula menerima permintaan daripada Raja Asal, seorang pengikut Raja Mahadi yang juga memohon bantuan Bendahara Wan Ahmad. Beliau berjanji untuk membayar sejumlah wang bernilai $30,000 apabila menang kelak dan elaun $1,000 setiap bulan kepada Bendahara Wan Ahmad. Muhammad Nor turut memaklumkan Tunku Kudin akan tawaran Raja Asal tersebut. Di pihak Bendahara Wan Ahmad pula, beliau tidak keberatan untuk membantu Tunku Kudin kerana beliau mahu menghapuskan orang-orang Rawa dan Mendeling yang berterusan menyerang Pahang dari Selangor. Oleh itu, keamanan akan diperolehi di Pahang. Berasaskan alasan ini, kerajaan British menyetujui angkatan Pahang membantu Tunku Kudin.

Di Selangor, orang-orang Rawa dan Mendeling menyerang angkatan Tunku Kudin di Kuala Lumpur. Oleh itu, Tunku Kudin menggesa pemerintah Pahang supaya segera menyerang Selangor. Tunku Kudin berjanji menyerahkan pendapatan daerah Klang kepada Bendahara Wan Ahmad untuk bekalan senjata dan orang-orangnya. Angkatan Pahang dihantar dan setibanya di Ulu Klang berpecah kepada dua kumpulan. Satu kumpulan diketuai oleh Orang Kaya Chenor dan kumpulan yang lagi satu diketuai oleh Haji Muhammad Nor.[135] Kumpulan ini menuju ke Kuala Lumpur.

Satu lagi angkatan Pahang diketuai oleh Imam Perang Rasu yang telah menyerang Ulu Klang. Hal ini menimbulkan perpecahan dalam angkatan Pahang. Raja Mahadi berjaya menawan Kuala Lumpur tetapi

angkatan Pahang berjaya menawannya semula lalu menyebabkan Raja Mahadi melarikan diri ke Ulu Selangor pada bulan Mac 1873. Imam Perang Rasu pulang ke Pahang dan memberitahu Bendahara Wan Ahmad akan kemenangannya. Oleh itu, Bendahara Wan Ahmad menganugerahkan gelaran Orang Kaya Imam Perang Indera Gajah Pahang kepadanya yang turut memberinya kekuasaan di Pulau Tawar.[136] Orang Kaya Semantan pula terus berkuasa di Ulu Selangor, sementara Imam Perang Raja dianugerahkan gelaran Imam Perang Indera Mahkota. Orang-orang Rawa juga akhirnya tunduk kepada Haji Muhammad Nor. Peperangan Selangor berakhir pada bulan November 1873 dan angkatan Pahang pulang semula ke Pahang melainkan Haji Muhammad Nor yang ditinggalkan di Selangor untuk menjaga Ulu Selangor dan Orang Kaya Semantan yang berkuasa di Ulu Klang. Hal ini kerana Tunku Kudin telah terlebih dahulu berjanji dengan Bendahara Wan Ahmad untuk membenarkan Haji Muhammad Nor mengutip hasil-hasil di daerah Ulu Selangor.[137] Namun begitu, jumlah yang diperolehi oleh Bendahara Wan Ahmad untuk daerah Ulu Selangor ini amatlah sedikit. Keadaan ini menyebabkan Bendahara Wan Ahmad meminta Tunku Kudin menyerahkan $20,000 dan sebahagian hasil negeri Selangor kepadanya pada tahun 1875. Tunku Kudin meminta nasihat British sebelum bersetuju menghantar sebuah kapal berisi timah bernilai $30,000 dan enam bahara timah setiap bulan sehingga hutang peperangan di Selangor dijelaskan.[138] Frank Swettenham berjaya memujuk Bendahara Wan Ahmad menerima pemberian dan syarat tersebut.[139] British pada ketika ini mulai menunjukkan minat ke atas Pahang. British berjaya mengukuhkan dirinya di Perak, Selangor dan Sungai Ujong dan berminat untuk meluaskan kuasa di negeri-negeri Melayu lain.[140]

Bendahara Wan Ahmad berjaya mendapat kepercayaan rakyatnya setelah 16 tahun Pahang mengalami berbagai-bagai kekacauan politik. Campur tangan politik British diperlukan apabila pada bulan Ogos 1874, Temenggung Abu Bakar (Johor) mengadu kepada Gabenor Andrew Clarke tentang pembunuhan pembesarnya, Inche Jawa di Endau.[141] Bendahara Wan Ahmad juga masih enggan mengesahkan Perjanjian 1862 di antara Johor dan Pahang. Walau bagaimanapun, beliau bersetuju dengan penubuhan suruhanjaya penyiasatan berkenaan perkara tersebut yang diketuai oleh W. H. M. Read. Penyiasatan Read, tidak mendapati sebarang bukti pembabitan Pahang dalam pembunuhan tersebut.[142] Kemudian dalam tahun 1875, Gabenor William Jervois yang diiringi oleh Frank Swettenham dan Leftenan Mc Callum, melawat Pahang. Rombongan British itu telah disambut mesra oleh Bendahara Wan Ahmad yang turut menyatakan rasa puas hatinya tentang gantirugi Selangor. Pada ketika inilah British cuba memujuk Bendahara agar menerima penasihat British.[143] Malangnya, Bendahara menolak cadangan tersebut kerana belum bermesyuarat dengan para

pembesarnya. Oleh itu, pada peringkat ini British masih gagal untuk bertapak di Pahang.

**Permulaan Era Pergolakan di Pahang**

Pada awal tahun 1880-an, puncak kekuasaan Bendahara Wan Ahmad mulai menunjukkan tanda-tanda kemerosotan. Kedudukannya sebagai pemerintah yang berkuasa autonomi mulai terancam akibat pertelingkahan yang berlaku di kalangan pembesar-pembesarnya. Bendahara Wan Ahmad juga terlalu memberi kepercayaan kepada penasihat-penasihat baginda dan hal ini membawa kepada kelemahan kepimpinan politik pada akhir zaman pemerintahannya. Keadaan ini menyebabkan campur tangan orang asing dalam politik negeri Pahang.

Perang saudara yang tercetus antara tahun 1856 hingga 1863 dikatakan sebagai faktor penting timbulnya perselisihan di kalangan golongan pemerintah dan pembesar-pembesar daripada pelbagai kawasan. Pada dasarnya, perang saudara yang berlaku boleh dijadikan asas untuk peningkatan kedudukan orang-orang daripada golongan bawahan, tetapi keadaan tersebut secara tidak langsung turut menimbulkan perpecahan di kalangan para pembesar. Pada waktu tersebut pembesar di Pahang telah terbahagi kepada dua kumpulan, satu kumpulan masih menyokong Bendahara manakala kumpulan yang satu lagi menentangnya. Bagi golongan yang menentang Bendahara, menganggap kejatuhan martabat dan berkurangnya kuasa autonomi pembesar disebabkan oleh Bendahara. Justeru itu, timbulnya suasana permusuhan di istana. Keadaan ini tentulah memberi kesan terhadap sistem politik Pahang. Pemerintah menjadi lemah dan seorang ketua yang lebih dominan akan muncul di kalangan pembesar.[144]

Menjelang tahun 1880, Bendahara Wan Ahmad mulai menunjukkan kekuasaannya dalam pemerintahan. Hal ini kerana beberapa masalah yang timbul di antara Bendahara Wan Ahmad dan beberapa pembesar sebelum ini. Bendahara juga bertindak menghukum sesiapa sahaja yang engkar akan perintahnya secara menghantarnya ke medan perang ataupun dijatuhkan hukuman mati. Selain itu, orang yang melanggar perintahnya akan didenda. Keadaan ini menimbulkan kemarahan di kalangan kesemua penduduk di daerah-daerah Ulu Pahang. Ketegangan berlaku di kalangan pembesar-pembesar dan Bendahara Wan Ahmad kini semakin dibenci. Di antara pembesar yang bertindak menentang Bendahara Wan Ahmad adalah Tuk Raja dan Tuk Kaya yang merupakan pembesar-pembesar yang kuat pengaruhnya di kalangan istana.

Menjelang tahun 1881, Bendahara Wan Ahmad mulai menunjukkan hasratnya hendak menjadi sultan.[145] Tindakan itu membawa kesan yang besar kepada sejarah politik Pahang. Pada tahun 1881 juga, Bendahara

telah melawat daerah-daerah Ulu Pahang, bertujuan untuk memperkukuhkan dirinya sebagai sultan.[146] Hasrat Bendahara semakin kuat apabila beliau melawat Singapura pada tahun tersebut[147] dan sekembalinya ke Pahang, beliau memutuskan untuk ditabalkan sebagai sultan. Bendahara menyedari bahawa institusi kesultanan melambangkan kemerdekaan dan kedaulatan. Gelaran Bendahara cuma menunjukkan "tuan punya gelaran bertuankan seseorang lain yang berkuasa."[148] Bendahara Wan Ahmad bercita-cita untuk mempunyai pengaruh dan berkuasa. Institusi kesultanan juga bukanlah sesuatu yang asing baginya, walaupun beliau seorang yang buta huruf. Bendahara Wan Ahmad mulai mengkaji jurai keturunannya daripada zaman Sultan Abdul Jalil yang dikatakan mempunyai pertalian kerabat dengannya. Oleh itu, beliau berhak mewarisi takhta sebagai sultan.[149]

Langkah pertama yang diambil untuk mencapai maksud baginda, secara berbaik-baik dengan pembesar-pembesar yang memusuhinya. Tujuannya supaya pembesar-pembesar tersebut dapat memberi sokongan dan kepercayaan kepadanya. Namun begitu, langkah ini jelas menunjukkan keinginannya diiktiraf sebagai sultan. Oleh itu, pada 12 Disember 1884, Bendahara Wan Ahmad diisytiharkan oleh para pembesarnya sebagai Sultan Pahang dan bergelar Sultan Ahmad Muazzam Shah. Maharaja Perba Tuk Raja dari Jelai pula diiktirafkan sebagai wakil Sultan Ahmad. Kemudian, Sultan Ahmad telah melantik saudaranya Abdul Rahman sebagai Bendahara yang sekaligus menunjukkan kekuasaannya di negeri Pahang.[150]

Sebagai Sultan Pahang, baginda menghadapi beberapa masalah baru. Masalah pergolakan politik dalam negeri tidak dapat diselesaikan. Orang Kaya Lipis merasa tidak puas hati dengan pemilihan Tuk Gajah sebagai orang kanan sultan yang dianggap oleh Orang Kaya Lipis sebagai ancaman kepada kuasa autonomi dan kehormatannya. Sultan Ahmad juga memberikan kawasan Budu kepada Tuk Gajah yang merupakan milik Orang Kaya Lipis dan hal ini menyebabkan kemarahan Orang Besar tersebut. Beberapa kawasan lain juga diberikan kepada Tuk Gajah seperti Trusang[151] yang terletak di bawah kawalan Tuk Bakar (penghulu), seorang pengikut Orang Kaya Lipis. Selain daripada Tuk Bakar, kedudukan Imam Perang Penghulu juga tergugat. Imam Perang Penghulu merupakan 'tuan besar' di Kuala Lipis. Perlantikan Tuk Gajah[152] yang berkuasa di daerah Kuala Lipis turut tidak dipersetujuinya. Tuk Gajah muncul sebagai ketua yang penting dalam perebutan kuasa dan pentadbiran tersebut. Walaupun begitu, Tuk Gajah berjaya menarik ramai pengikut. Berdasarkan catatan Frank Swettenham pada tahun 1885, Tuk Gajah merupakan seorang pemimpin yang ditakuti di kalangan pembesar yang tidak berpuas hati terhadap Sultan Ahmad. Walaupun begitu, Tuk Gajah menjadi orang kepercayaan Sultan.

Kebanyakan pembesar baru yang dilantik oleh Sultan Ahmad tidak

disukai oleh pembesar-pembesar lama yang sememangnya membenci Tuk Gajah. Hal ini ditambah pula dengan sikap pilih kasih Sultan Ahmad terhadap pembesar-pembesar baru. Selain daripada Tuk Gajah, Sultan Ahmad juga menaruh sepenuh kepercayaan kepada Orang Kaya Semantan yang juga tidak disukai oleh pembesar.

Faktor kehilangan sumber pendapatan pembesar juga menjadi salah satu faktor penting berlakunya permusuhan di antara pembesar-pembesar. Pembesar tertentu kini mempunyai kawasan pungutan cukainya yang tersendiri manakala pembesar dahulu yang telah kehilangan sebahagian daerah turut mengalami kekurangan jumlah pendapatan. Selain itu, peraturan baru yang dikenakan oleh Sultan Ahmad yang mewajibkan sebahagian daripada pendapatan cukai supaya diserahkan kepada sultan di Pekan, memburukkan keadaan.

Masalah persengketaan di antara Sultan Ahmad dan adiknya Engku Muda Wan Mansur menambahkan isu pergolakan politik di Pahang. Engku Muda Wan Mansur turut menyatakan bahawa beliau berhak mewarisi takhta lalu mencabar kedudukan Sultan Ahmad. Wan Mansur berhak menjadi Sultan kerana beliau adalah saudara sebapa[153] Sultan Ahmad. Oleh itu, Wan Mansur telah menolak perlantikannya sebagai waris takhta. Keadaan penentangan Wan Mansur bertambah buruk apabila elaunnya dihentikan. Oleh itu, Sultan Ahmad telah melantik puteranya Tengku Mahmud sebagai pewaris takhta[154] lalu keadaan *volte face* ini memburukkan keadaan politik di Pahang. Perlantikan Tengku Mahmud dikatakan bertujuan memelihara keutuhan dan kedaulatan kuasa pemerintah Pahang. Justeru itu, Wan Mansur menggunakan pengaruhnya terhadap orang-orang yang tinggal di pedalaman supaya bangkit menentang sultan.

Wan Mansur telah memohon bantuan Johor dalam penentangannya, tetapi permintaan tersebut ditolak. Oleh itu, Wan Mansur cuba mendapatkan pertolongan daripada pihak British untuk mengembalikan kedudukannya sebagai waris takhta yang berhak.[155] Pada awal tahun 1884, Wan Mansur merancang menyerang Pahang dengan menjadikan Selangor sebagai kubunya. Namun begitu, rancangan tersebut dibatalkan atas nasihat Pemangku Gabenor, Cecil Smith.[156] Wan Mansur berkali-kali memberitahu pihak British bahawa serangan ke atas Pahang itu bertujuan untuk membebaskan rakyat Pahang daripada penindasan Sultan Ahmad dan melantik dirinya sebagai pemerintah Pahang. Walaupun begitu, British tidak menghiraukan permintaan Wan Mansur supaya campur tangan di Pahang. Pihak British memberi alasan bahawa British tidak campur tangan dalam hal-ehwal negeri Pahang kerana ketiadaan persetiaan tentangnya yang telah dibuat.[157] Gabenor Smith juga memberitahu Sultan Ahmad tentang niat Wan Mansur hendak menyerang Pahang.[158] Akhirnya, atas nasihat Smith, Wan Mansur memutuskan untuk pergi ke Singapura dan bersetuju pulang ke Pahang hanya apabila dijemput oleh Sultan Ahmad.[159]

**Gambar 6:** Sir Cecil Clementi Smith C. G. M. G. Gabenor Negeri-negeri Selat 1887–1893.



**Sumber:** Dengan ihsan Arkib Negara Malaysia

Pergolakan politik yang masih berterusan di Pahang menyebabkan Sultan Ahmad berada dalam keadaan serba salah. Kedudukannya yang tercabar, menarik perhatian British untuk campur tangan dalam hal-hal di Pahang. Oleh itu baginda cuba mendapatkan kepercayaan pihak British. Baginda berasa bimbang, pertelingkahan dalam negeri dijadikan alasan oleh pihak British untuk memasuki Pahang. Kejadian-kejadian yang berlaku di Perak dan Selangor umumnya, telah mendorong kemasukan pihak British ke negeri-negeri tersebut dan keadaan di Pahang memungkinkan British mengambil langkah yang sama.

Sebagai langkah mengelakkan campur tangan British, Sultan Ahmad bertindak membuka Pahang kepada pelabur-pelabur asing. Langkah ini

bertujuan untuk membolehkan British mengenalinya sebagai pemerintah bebas. Sultan Ahmad telah memberi kawasan-kawasan tanah yang luas kepada orang-orang Eropah[160] dan orang-orang lain tanpa mendapat nasihat daripada pembesar-pembesar dan rakyatnya. Pada tahun 1883 Sultan Ahmad memberikan sebidang tanah seluas 2,000 batu persegi kepada Lim Ah Sam dari Biliton, Ho Ah Yun, Go Sui dan Louis Dekkar dari Batavia untuk membentuk Syarikat Pahang.[161] Pada mulanya, syarikat tersebut telah berselisih faham dengan seorang Eropah bernama William Patterson yang diberi hak oleh Bendahara Wan Kuris untuk melombong di lembah Sungai Kuantan pada tahun 1862. Patterson telah kehilangan pemilikan kawasan tersebut dan masalah tersebut dapat diselesaikan apabila Patterson bersetuju menerima saham bernilai 5,000 daripada Syarikat Pahang. Kemudian Syarikat Pahang membentuk satu gabungan firma perdagangan yang dikenali sebagai Syarikat Perlombongan Pahang pada 27 April 1887. Pada 18 Disember 1889, Koperasi Pahang mengambil alih segala hak syarikat tersebut.[162]

Walau bagaimanapun, Sultan Ahmad tidak menyedari bahawa dasar ekonomi yang dijalankannya itu boleh menggugat kedudukan dan kepentingannya. Baginda ingin memperolehi faedah-faedah daripada pembayaran cukai dan royalti oleh pemegang-pemegang konsesi. Di segi politik, kehadiran pelabur asing dalam negeri diharapkan dapat menjamin kedudukannya daripada penguasaan British serta mendapat sokongan pemegang-pemegang konsesi. Namun demikian, kepentingan ekonomi dan politik Sultan Ahmad memburukkan lagi hubungannya dengan pembesar-pembesar. Kebanyakan pembesar merasa marah kepada Sultan Ahmad kerana tanah-tanah mereka diambil oleh orang asing. Justeru itu, kehidupan pembesar terancam dan penyelesaian dapat diperolehi jika keistimewaan-keistimewaan politik dan ekonomi yang dinikmati suatu ketika dahulu, dapat dikembalikan. Oleh itu, pembesar-pembesar cuba mendapatkan bantuan orang luar untuk mencapai cita-cita dan kedudukan dahulu. Kebanyakan pembesar mahu Sultan Ahmad digulingkan. Matlamat tersebut hampir berjaya dicapai apabila Wan Mansur menjadi pemimpin golongan penentang. Wan Mansur merayu kepada British untuk campur tangan dan mengembalikan suasana aman di Pahang. Justeru itu, pihak British menggunakan Wan Mansur sebagai alat untuk memasuki Pahang bagi mencapai tujuan-tujuan dan kepentingan British selanjutnya. Sultan Ahmad telah membuka peluang ekonomi dan peluang tersebut digunakan sepenuhnya oleh pihak British.

Sementara itu, Sultan Ahmad cuba menjalin semula hubungan baik dengan adiknya, Wan Mansur. Tujuannya supaya perang saudara dapat ditamatkan dan mengelakkan campur tangan British di Pahang. Oleh itu, Sultan Ahmad telah meminta bantuan British untuk memujuk Wan Mansur supaya kembali ke Pahang. Satu rundingan telah dibuat pada

tahun 1884[163]. Melalui rundingan tersebut, Sultan Ahmad bersetuju menerima Wan Mansur sebagai Engku Muda dan bayaran elaun sebanyak $200 sebulan.[164] Sultan Ahmad bersedia membaiki hubungan tersebut yang bertujuan menjaga kesempurnaan dan kedaulatan kuasa politiknya.

Sultan Ahmad tidak langsung mengesyaki bahawa segala bantuan yang diberikan oleh British mempunyai kepentingan yang tertentu. Hal ini terlihat semasa lawatan Swettenham ke Pahang pada tahun 1885. Pada dasarnya, lawatan tersebut bertujuan untuk mengembalikan kedudukan Wan Mansur dan menjalin semula hubungan baik di antara kedua-dua adik-beradik tersebut. Namun begitu, niat British yang sebenar, bertujuan melantik seorang penasihat British.[165] Walaupun begitu, Sultan Ahmad lebih berwaspada akan maksud British tersebut. Baginda telah menolak cadangan Swettenham untuk menerima seorang penasihat British.[166] Keengganan Sultan Ahmad dan jawapan kasar yang diberikan kepada Swettenham menunjukkan bahawa baginda langsung tidak akan menerima seorang residen secara paksa.[167]

**Gambar 7:** Sultan Ahmad dan para Penjawat di Pekan pada tahun 1885.



**Sumber:** Dengan ihsan Arkib Negara Malaysia

Pada tahun 1886, British sekali lagi mengemukakan cadangan melantik seorang penasihat British di Pahang. Namun begitu, Sultan Ahmad masih enggan menerimanya dan hal ini mengecewakan Gabenor Weld. Sultan cuba sedaya upaya untuk berbaik-baik dengan pihak British, tetapi baginda cuba menjauhkan diri daripada British. Segala rundingan mengenai perlantikan seorang ejen British ternyata gagal. Oleh itu, Gabenor Weld mulai menggunakan "cara-cara yang kasar" untuk memujuk Sultan Ahmad. Walaupun begitu, langkah tersebut masih tidak berjaya. Weld menjadikan isu-isu pencabulan dan kezaliman sebagai alat untuk mendesak Sultan Ahmad. Segala perbuatan baginda yang kurang bermoral didedahkan. Sultan Ahmad dituduh melarikan seorang perempuan Cina, Tan Lai Kim, yang juga isteri pedagang Cina bernama Yeo Pan.[168] Sifat kezaliman Sultan Ahmad diperbesar-besarkan kerana baginda dikatakan membunuh anak Tan Lai Kim dan Yeo Pan yang masih bayi dengan tangannya sendiri.[169] Weld mengatakan bahawa tindakan dan kekejaman Sultan Ahmad menjadi faktor penghalang kemasukan orang Cina ke Pahang. Menurut Weld lagi, ramai kuli Cina yang meninggalkan Singapura untuk pergi ke Pahang, terpaksa diberikan pampasan.[170] Sultan Ahmad telah memberikan beberapa alasan berkenaan tuduhan-tuduhan tersebut. Menurut Sultan Ahmad, isteri Yeo Pan tidak diculik tetapi datang secara sukarela dan menganuti agama Islam serta menukar namanya kepada Che Bedah.[171] Berkenaan dengan tuduhan-tuduhan tentang perbuatan-perbuatan kejam yang dilakukannya pula, Sultan Ahmad menyatakan bahawa baginda tidak berniat untuk bertindak kejam terhadap rakyatnya. Walaupun begitu, pihak British sedar bahawa isu tentang isteri Yeo Pan tidak boleh dijadikan alasan kukuh untuk mendesak Sultan Ahmad kerana Tan Lai Kim bukanlah seorang rakyat British.[172]

Wan Mansur pulang ke Pahang pada 18 Mac 1887 diiringi oleh Hugh Clifford. Walaupun begitu, pertelingkahan yang wujud di antara kedua-dua adik-beradik tersebut terus berlanjutan tanpa penyelesaian. Sultan Ahmad berpendapat; "biar putih tulang, jangan putih mata."[173]

## Campur Tangan British di Pahang

Kepulangan Engku Muda Wan Mansur menandakan satu fasa baru dalam hubungan antara Pahang dan British. Sultan Ahmad terpaksa menandatangani satu persetiaan dengan British. Sejak tahun 1885 lagi, pihak British telah cuba membuat persetiaan dengan Sultan Ahmad tetapi kedegilan baginda, menolak permintaan British itu. Kedegilan Sultan Ahmad terlihat jelas ketika Hugh Clifford cuba berunding mengenai satu persetiaan pada tahun 1887. Sultan Ahmad menegaskan bahawa Clifford harus kembali ke Singapura bersama sepucuk surat

persahabatan daripadanya tetapi kemudiannya Sultan Ahmad mengubah pendiriannya. Utusan Clifford menunjukkan tanda-tanda kegagalan tetapi perubahan sikap Sultan Ahmad terhadap British memberi peluang baru. Perkembangan dan kemajuan di dalam dan di luar negeri Pahang mempengaruhi baginda untuk mengamalkan satu dasar baru. Dasar tersebut sebenarnya membawa kesan buruk kepada Sultan Ahmad. Baginda bersetuju menandatangani satu perjanjian yang "serupa dengan Johor."[174] Agak mengejutkan juga, bagi seorang pemerintah yang menolak sebarang persetiaan sejak tahun 1887, kini memintanya pula. Keputusan Sultan Ahmad dipengaruhi oleh perkembangan-perkembangan politik di Johor. Pemerintah Johor telah menandatangani suatu perjanjian dengan British pada tahun 1885. Kerjasama yang erat antara Johor dan Pahang mendorong Sultan Ahmad mengikuti langkah yang diambil oleh Johor.

Selain itu, pemegang-pemegang konsesi juga perlukan perlindungan dan berharap memperolehi keuntungan dengan campur tangan British. Penentangan awal terhadap pemerintahan British kini telah hilang. Beberapa pemegang konsesi mahukan perlindungan British di Pahang, misalnya Encik William Fraser, pengurus Syarikat Perlombongan Pahang. Beliau memujuk Sultan Ahmad supaya menerima seorang Residen British dengan menyatakan faedah-faedah yang wujud dalam pemerintahan British kelak.[175]

Akhirnya Sultan Ahmad bersetuju menandatangani suatu perjanjian dengan British pada 10 April 1887. Baginda menghantar sepucuk surat kepada Gabenor Weld yang menyatakan, "kami ingin mengadakan satu perjanjian dengan kerajaan Inggeris sama seperti yang dibuat dengan Sultan Johor."[176]

Sultan Ahmad sebenarnya terus enggan menandatangani persetiaan tersebut kerana baginda sering bertengkar dengan British mengenai fasal-fasal dalam persetiaan. Kedegilan dan ketegasan baginda untuk menerima fasal pertama dalam Perjanjian Johor[177] melambatkan persetiaan ditandatangani. Baginda bertengkar dengan British mengenai satu artikel yang berbunyi, "... dan dalam pertahanan bersama bagi kawasan-kawasan ini daripada serangan luar ..." Sultan Ahmad mahu mengekalkan artikel tersebut dalam persetiaannya, tetapi tidak dipersetujui oleh British. Pihak British menukar artikel tersebut seperti berikut," ... dan dalam penempatan yang terdiri daripada penduduk yang aman damai dan dalam mengekalkan keamanan serta satu kerajaan yang tetap dalam kawasan-kawasan berkenaan ..."[178] Sultan Ahmad masih enggan menerima artikel baru tersebut dan bersikap degil dan keras hati. Baginda tetap mahukan artikel-artikel yang sama seperti di dalam persetiaan Johor.[179] Ketegasan Sultan Ahmad melambatkan secara tidak langsung proses pengambilalihan kuasa British di Pahang.

Sultan Ahmad kemudian mulai bersedia untuk berunding dengan

British mengenai fasal-fasal yang dicadangkan dalam perjanjian, di samping fasal satu. Baginda menyedari bahawa pihak British tidak akan menerima anaknya sebagai waris takhta. Oleh itu, baginda menuntut diberikan "... hak untuk melantik atau memecat ejen British yang tidak mahu mendengar sebarang pengaduan daripada orang-orang tempatan atau menasihati mereka dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan konsesi tanah dan hendaklah diberitahu kepada Sultan ..."[180] Semua pindaan yang diminta oleh Sultan Ahmad telah ditolak oleh British yang menyebabkan Sultan Ahmad menolak cadangan Weld.[181] Sultan Abu Bakar Johor memainkan peranan penting dalam membantu Sultan Ahmad membuat keputusan. Sultan Abu Bakar bertindak sebagai orang tengah dan menasihati Sultan Ahmad supaya meminta maaf dan patuh kepada tuntutan British.[182] Setelah diteliti, Sultan Ahmad mendapati baginda tidak mempunyai pilihan selain daripada menerima syarat-syarat Perjanjian Johor.

Pada waktu yang sama, Sultan Ahmad yang kalah dalam perang saudara, menerima nasihat tersebut secara senyap-senyap. Baginda menghantar pembesar-pembesarnya, Datuk Imam Perang Penghulu Balai dan Haji Muhammad Nor, bertemu Gabenor Weld pada 3 Oktober 1887 untuk menyerahkan sepucuk surat memohon maaf[183] daripadanya. Perjanjian Pahang-British ditandatangani pada 10 Oktober yang sekaligus menandakan penguasaan British di Pahang.

Hugh Clifford merupakan ejen British yang pertama di Pahang dan memulakan tugasnya pada tahun 1887, yang mempunyai tugas-tugas seperti pegawai konsul. Clifford berjanji tidak mengambil alih pentadbiran dalam negeri tersebut. Pada dasarnya, kedudukan politik Sultan Ahmad tidak dihapuskan secara menyeluruh. Berdasarkan fasal enam dalam Perjanjian 1887, Sultan Ahmad masih mempunyai keistimewaan dalam pemberian konsesi. Baginda juga boleh menyewakan tanah dan memberi konsesi tanpa persetujuan Gabenor (kecuali kepada orang Eropah yang bukan Inggeris). Keadaan politik yang baru ini membawa kepada corak pemerintahan yang berlainan.

Faktor ekonomi membawa masalah baru kepada Sultan Ahmad. Para pemegang konsesi yang dahulunya berpihak kepada baginda, mulai menentangnya. Sultan Ahmad berasa kesal atas pemberian konsesi-konsesi tersebut. Pemegang-pemegang konsesi merasa tidak puas hati akan segala sekatan yang dikenakan terhadap mereka, seperti yang berlaku di Lembah Kenabui. Sultan Ahmad telah memberikan pemilikan lembah tersebut kepada Lim Ah Sam pada tahun 1883. Kemudian pemilikan kawasan tersebut juga disatukan ke dalam sebuah syarikat iaitu Perbadanan Pahang. Pihak Perbadanan menganggap bahawa Lembah Kenabui menjadi miliknya berdasarkan kepada alasan," ... Sungai Kenabui dan daerah-daerah yang dilaluinya berada dalam kawasan Pahang ..."[184] Isu ini dibawa kepada perhatian pihak Kerajaan Negeri-negeri Selat oleh para peguam syarikat iaitu

Messrs. Rodyk dan Davidson. Menurut peguam-peguam tersebut Residen Sungai Ujong telah menjanjikan konsesi perlombongan kepada Encik Edwin Watson, seorang pemegang konsesi lain[185] di dalam kawasan Kenabui yang dimiliki oleh Perbadanan Pahang. Gabenor Smith pula menyatakan bahawa konsesi Watson adalah *ultra vires* berdasarkan Laporan 1885 yang tidak mengesahkan sebarang konsesi yang diperolehi daripada pemerintah Melayu yang bebas sebelum tahun tersebut. Oleh itu, pemilikan tersebut dikatakan tidak sah kerana laporan tersebut masih berkuatkuasa. Justeru itu, pihak perbadanan berusaha untuk mendapatkan nasihat daripada Pejabat Kolonial yang merasa simpati akan masalah yang dihadapi oleh perbadanan. Pihak Pejabat Kolonial bersedia untuk membantu Perbadanan Pahang dan hal ini membantu menyedarkan Sultan Ahmad akan masalah yang bakal dihadapinya. Beberapa pemegang konsesi yang lain juga membuat tuntutan akibat masalah sempadan. Sultan Ahmad yang berada dalam keadaan serba salah memutuskan untuk mengurangkan kuasa pemegang konsesi dan langkah ini memeranjatkan mereka. Perbadanan Pahang terus meminta hak-haknya yang menyebabkan Sultan Ahmad menyekat pihak Perbadanan daripada terus mendapat bantuan kolonial. Justeru itu, pada bulan April 1888, Sultan Ahmad mengambil keputusan membatalkan syarikat tersebut.[186]

Walaupun demikian, pemegang-pemegang konsesi Eropah yang lain juga menggesa Pejabat Kolonial supaya menghalang Sultan Ahmad daripada membatalkan lebih banyak konsesi. Pemberian konsesi oleh Sultan kepada orang-orang asing boleh menjejaskan kedudukan pemegang-pemegang konsesi yang asal dan hal ini membimbangkan mereka. Sikap curiga Sultan Ahmad terhadap kegiatan pemegang-pemegang konsesi, memaksa baginda mendapatkan bantuan daripada British. Langkah tersebut seakan-akan suatu ugutan kepada kepentingan Sultan Ahmad. British mungkin akan campur tangan dalam pentadbiran negeri. Dengan itu, kuasa politik dan ekonomi British dikurangkan. Kebimbangan Sultan Ahmad memuncak apabila pentadbiran awam negeri juga semakin merosot. Penindasan, pembunuhan dan kecurian semakin kerap berlaku. Keadaan ini memberi peluang kepada Pejabat Kolonial untuk mendapatkan kepentingannya. Hal ini kerana persetiaan tahun 1887 menyatakan bahawa sekiranya keselamatan ejen British terjejas ataupun rakyat British dibunuh,[187] Pahang terpaksa menerima Sistem Residen.

Peluang British untuk memasuki Pahang menjadi kenyataan apabila Go Hui, seorang rakyat British terbunuh pada bulan Februari 1888. Pembunuhan tersebut dijadikan sebagai *raison d'etre* ke arah pengenalan pemerintahan British, yang sekaligus mengakhiri kebebasan pemerintahan Sultan Ahmad. Walau bagaimanapun, baginda terus menentang British. Go Hui ditikam pada 4 Februari dan meninggal dunia pada 3 Mac.[188] British menuntut bayaran gantirugi daripada

Sultan Ahmad atas kematian rakyat British tersebut.[189] Sultan Ahmad walau bagaimanapun berjanji kepada British untuk membantu mengesan pembunuh-pembunuh tersebut dan menafikan sebarang pengetahuan mengenainya.[190] Kerajaan British pula menuduh Sultan Ahmad sebagai bertanggungjawab atas kematian Go Hui. Tuduhan itu dibuat kerana Sultan Ahmad dikatakan menyimpan perasaan terhadap isteri Go Hui, Ah Chu.

Pada akhir tahun 1880-an, isu pentadbiran buruk Sultan Ahmad muncul sekali lagi dengan kematian Su Kim pada bulan Januari 1888. Su Kim merupakan seorang rakyat British yang berhutang dengan Sultan Ahmad sebanyak $4,000 dan Orang Kaya Bakti sebanyak $1,200. Sultan Ahmad dituduh meracuni Su Kim. Orang Kaya Bakti pula menuntut segala harta benda yang dimiliki daripada isteri Su Kim untuk dibahagi-bahagikan di kalangan keluarga Su Kim.[191] Tetapi, harta benda itu telah dirampas sebagai bayaran hutang. Justeru itu, pihak British meminta gantirugi dan pembalasan yang setimpal bagi kedua-dua pembunuhan tersebut. Sultan Ahmad tidak menyukai segala tekanan yang dibuat oleh pihak British itu dan bertindak menyatakan bahawa Su Kim bukanlah rakyat British. Anggapan baginda tidak benar.[192] Oleh itu, baginda terpaksa mengakui kelemahan pentadbiran negeri dan menerima kebenaran bahawa pembunuhan-pembunuhan yang berlaku akibat "negeri saya masih tidak mempunyai kesemua jentera kerajaan."[193] Dengan itu, Sultan Ahmad mengambil keputusan untuk membayar gantirugi atas kedua-dua pembunuhan tersebut daripada menerima seorang Residen. Tindakan ini menunjukkan usaha-usahanya menghalang pemerintahan British di Pahang.

Sultan Ahmad semakin bimbang apabila British melantik seorang Residen. Baginda enggan menerima keputusan British sebelum berunding dengan pembesar-pembesarnya. Pada 29 Jun 1888, Gabenor Smith telah menghantar sepucuk surat yang memaksa Sultan Ahmad supaya mendapatkan nasihat Sultan Johor[194] yang ketika itu patuh kepada arahan-arahan British. Surat tersebut jelas menunjukkan sikap tegas Pejabat Kolonial dalam hal berkaitan perlantikan seorang Residen. Sultan Ahmad agak keberatan untuk menerima perjanjian tersebut tetapi akhirnya bersetuju. Keputusan baginda dipengaruhi oleh nasihat Sultan Johor dan keadaan yang wujud di negeri tersebut selepas menerima seorang penasihat British. Begitu juga keadaan di Perak dan Selangor yang lebih makmur selepas menerima seorang Residen dan keadaan ini meyakinkan baginda untuk menerimanya. Hanya pada 24 Ogos 1888, Sultan Ahmad telah mengutuskan sepucuk surat 'meminta' seorang residen Inggeris dihantar untuk menjalankan tugas-tugas pentadbiran di Pahang. Walaupun begitu, baginda tetap menegaskan pengekalan hak-hak keistimewaannya. Penerimaan seorang residen ini menandakan tamatnya kekuasaan dan kedaulatan Sultan Ahmad di Pahang dan bermulanya pemerintahan British. Justeru itu,

Sultan Ahmad mahu mencari jalan lain supaya boleh memelihara keunggulan politiknya. Kuasa mutlak yang diperolehinya dahulu telah digantikan oleh Residen.

**Perlaksanaan Sistem Residen di Pahang**

Pemerintahan British di Pahang bermula pada tahun 1888. Sistem pemerintahan yang baru ini membawa kesan yang besar terutama dalam struktur politiknya. Kesan pemerintahan British ini amat dirasai oleh Sultan Ahmad dan pembesar-pembesarnya justeru membawa berlakunya beberapa peristiwa penting.

John Pickersgill Rodger merupakan Residen pertama Pahang yang dilantik pada bulan Oktober 1888. Perlantikan tersebut membimbangkan Sultan Ahmad kerana kedudukan politiknya akan terancam. Baginda enggan bekerjasama dengan residen untuk menetapkan dasar-dasar pentadbiran. Persefahaman tidak wujud di antara pemerintah Melayu dengan orang Eropah tetapi keadaan ini bukanlah satu perkara baru di negeri-negeri Melayu.

Tanda-tanda awal perselisihan faham di antara Sultan Ahmad dan pihak British terlihat dalam aspek ekonomi. Di bawah sistem Residen, Sultan Ahmad akan menerima elaun tahunan sebanyak $18,000 seperti yang diterima oleh sultan-sultan di Perak dan Selangor. Selain daripada elaun, Sultan Ahmad juga menerima sejumlah wang sebagai pampasan daripada peperangan di Selangor dan juga bayaran-bayaran konsesi.[195] Pihak British mencadangkan supaya jumlah ini diserahkan kepada Perbendaharaan Negeri. Sultan Ahmad menentang cadangan tersebut kerana baginda akan menerima jumlah pendapatan sebanyak $29,520.[196] Baginda begitu marah apabila elaunnya dikurangkan. Melalui surat-surat rayuan yang dihantar kepada Gabenor, baginda enggan menerima jumlah elaun tersebut dan menuntut supaya dinaikkan kepada $2,000 sebulan. Tuntutan baginda ini berdasarkan kepada tanggungannya yang ramai dan jumlah tersebut tidak mencukupi.[197] Pihak British menganggap rayuan baginda itu sebagai satu bantahan. Hal ini ditambah pula dengan pengaruhnya yang kuat di kalangan pembesar-pembesar yang masih menganggap baginda sebagai paling berkuasa.[198] Oleh itu, baginda telah mempengaruhi pembesar-pembesar tersebut untuk tidak bekerjasama dengan pihak British dan menggagalkan sistem residen. Keadaan ini membimbangkan British. Oleh itu, British bersetuju untuk menambah elaun baginda menjadi $2,000 sebulan. Ancaman Sultan Ahmad yang berterusan menjadi satu 'alat' yang efektif menentang British tetapi kejayaan tersebut hanyalah bersifat sementara sahaja.

Pada 22 Julai 1889, Sultan Ahmad melantik dan mengisytiharkan Tengku Mahmud sebagai Putera Mahkota Pahang. Langkah tersebut

**Peta 4:** Negeri-negeri Tanah Melayu tahun 1888




**Sumber:** R. G. Cant, An Historical Geography of Pahang, *JMBRAS* 4, 1973, hlm. 27.

merupakan satu kesilapan besar dan sekaligus menjejaskan usaha untuk mengembalikan kuasa kepada Sultan Ahmad. Kekuasaan yang dimiliki oleh Sultan Ahmad kini berpindah milik kepada Tengku Mahmud, yang merupakan seorang pemerintah yang akur kepada pihak British. Tengku Mahmud berkeinginan untuk menjadi orang kesayangan British lalu menimbulkan persengketaan dengan ayahandanya. Suasana tegang di antara Sultan Ahmad dan anakandanya wujud sejak tahun 1887 lagi dan puncak ketegangan tersebut mencetuskan pergaduhan pada 8 Mei 1888 yang menyebabkan kematian seorang pengikut di kedua-dua pihak.[199] Ketegangan tersebut turut mendorong Tengku Mahmud untuk bekerjasama dengan pihak British. Tengku Mahmud juga mendapat pendidikan awal di Singapura dan telah lama bergaul di kalangan orang British di sana. Keadaan ini boleh menggugat kedudukan ayahandanya, Sultan Ahmad. Sokongan Tengku Mahmud terhadap British ini membolehkan pihak British menganggapnya sebagai seorang yang setia dan berkebolehan.[200] Justeru itu, British menaruh sepenuh kepercayaan terhadapnya.

Tengku Mahmud tidaklah bersikap seperti Sultan Ahmad. Beliau lebih cergas dan berazam untuk memajukan pentadbiran negeri. Hal ini menggembirakan Rodger kerana perlantikan Tengku Mahmud berjaya membantu British memperkembangkan kepentingan-kepentingan British. Namun begitu, di pihak ahli-ahli keluarga diraja dan Bendahara, keadaan sebaliknya berlaku. Sultan Ahmad semakin kehilangan kuasanya dan segala aktivitinya mendapat perhatian British.[201] Tengku Mahmud pula dianggap sebagai orang perantaraan antara British dan Sultan kerana segala urusan pentadbiran negeri perlulah mendapat persetujuan Sultan terlebih dahulu.

Sultan Ahmad juga kehilangan sokongan Bendahara. Hal ini berlaku kerana kedudukan Bendahara sebagai Pemangku Sultan kini telah diambil alih oleh Tengku Mahmud. Bendahara amat membenci Sultan Ahmad kerana perlantikan Tengku Mahmud yang menyebabkan beliau berpihak kepada British.[202] Perubahan sikap pegawai-pegawai penting istana ini hanyalah di peringkat awal tetapi telah cukup membimbangkan Sultan Ahmad dan para pembesar lain.

Corak pemerintahan British membawa perkembangan baru dalam pentadbiran. Sistem pentadbiran Barat cuba dijalankan untuk menggantikan sistem pentadbiran tradisi. Menjelang 1 Julai 1889, pentadbiran British mula menguasai pentadbiran di Pahang. Negeri Pahang dibahagikan kepada enam daerah pentadbiran: Pekan, Kuala Pahang, Kuantan, Rompin, Temerloh dan Ulu Pahang. Setiap daerah ini berada di bawah pentadbiran seorang pengutip cukai bangsa Eropah.[203] Oleh itu, kedudukan penghulu tradisi sebagai pemungut cukai terjejas kerana digantikan oleh pemungut cukai ini. Di daerah-daerah Tras dan Raub yang dahulunya di bawah kekuasaan pembesar Melayu dari Temerloh atau Semantan, kini dikawal oleh pegawai cukai

dari Ulu Pahang.[204] Kebanyakan penghulu tidak bekerjasama dengan pengutip cukai seperti yang disangkakan oleh Clifford. Hanya Maharaja Perba dari Jelai dan Wan Chad dari Ulu Kelantan sahaja dikatakan memberi bantuan kepada pengutip cukai pada tahun 1892.[205] Selain daripada kedua-dua pembesar tersebut, tiada seorang pun di kalangan pembesar-pembesar lain yang menunjukkan kerjasama dengan pengutip cukai British.

Pada tahun 1889, seorang Pegawai Daerah telah dilantik. Hal ini menimbulkan pertentangan awal terhadap British dengan Orang Kaya Maharaja Setia Raja dan Haji Wan Daud[206] di Kuala Lipis. Penubuhan sebuah Pejabat Daerah di Kuala Lipis ditentang kerana dikatakan milik pembesar-pembesar tersebut. Begitu juga dengan penubuhan sebuah Majlis Negeri pada tahun 1889 yang jelas merupakan satu ancaman politik kepada Sultan Ahmad dan pembesar-pembesarnya. Dengan pembentukan Majlis Negeri, kuasa dan keistimewaan Sultan dan para pembesarnya turut ditetapkan dan dikawal. Majlis Negeri Pahang diketuai oleh sultan. Ahli-ahli Majlis pula terdiri daripada Datuk Bandar, Datuk Raja, Orang Kaya Chenor, Tengku Mahmud, Raja Muda dan Imam Perang Indera Mahkota.[207] Residen pula bertindak sebagai penasihat Majlis tersebut.[208]

Kuasa dan fungsi Majlis Negeri memberi kesan yang mendalam terhadap Sultan Ahmad, pembesar-pembesar dan penduduk tempatan. Walaupun ahli-ahli Majlis Negeri terdiri daripada orang-orang tempatan, tetapi kuasa politik tidak diperolehi secara mutlak. Selepas sesi persidangan pertama Majlis Negeri, yang diadakan di Pekan pada bulan Disember 1889, Sultan Ahmad kini menyedari bahawa segala keistimewaan yang diperolehinya dahulu, kini semakin terhad. Majlis Negeri sememangnya diketuai oleh Sultan Ahmad tetapi baginda tidak dapat bersuara, malah undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Negeri lebih membahayakan kedudukannya sebagai Sultan. Di antara undang-undang yang telah diluluskan oleh Majlis Negeri adalah berkenaan kawasan perlombongan, perhambaan, buruh paksa dan perlindungan bagi imigran-imigran India. Kedudukan Sultan Ahmad tergugat terutama kerana dua isu sensitif – perhambaan dan buruh paksa. Dalam sistem kerajaan tradisional, kedua-dua faktor tersebut merupakan ukuran kekayaan individu dalam masyarakatnya. Justeru itu, pengenalan undang-undang memberi kesan negatif kepada sultan dan pembesar-pembesarnya.

Menurut undang-undang buruh paksa yang diluluskan oleh Majlis Negeri Pahang, tiada seorang pun boleh dipaksa bekerja lebih daripada satu atau dua bulan dalam setahun.[209] Rakyat berhak menerima bayaran harian sebanyak 10 sen ataupun makanan yang mencukupi, yang merupakan satu keistimewaan baru yang tidak pernah diperolehi oleh rakyat sebelum zaman kolonial. Selain itu, seseorang yang berhutang pula terpaksa membayar 20 sen sehari untuk menyelesaikan hutangnya.

Undang-undang tersebut perlu dipatuhi dan sesiapa yang melanggarnya akan dikenakan denda tidak lebih $25 atau penjara tiga bulan. Pembesar-pembesar sememangnya tidak bersetuju dalam hal pembayaran ini.[210]

Dalam undang-undang yang berkaitan dengan perhambaan pula, setiap abdi yang dibeli atau dijual akan menjadi hamba berhutang; iaitu untuk jumlah hutang yang tidak melebihi $100. Tujuan perlaksanaan peraturan ini, supaya pemilik hamba memberi layanan yang berpatutan kepada hamba-hambanya dan mencegah masalah hamba yang lari. Lagipun kesemua hamba akan dibebaskan, akhirnya.[211] Dalam kes anak-anak hamba dilindungi oleh pemilik hamba, British mencadangkan suatu pembayaran tetap diberikan oleh pemungut cukai British kepada pemilik hamba.[212]

Perlaksanaan undang-undang baru di Pahang secara umumnya, menggugat kekuasaan dan hak-hak yang dipegang oleh Sultan Ahmad dan para pembesarnya. Institusi hamba yang dahulunya menjadi lambang kekuasaan dan kekayaan golongan pemerintah cuba dihapuskan oleh British. Sultan Ahmad terpaksa menerima peraturan-peraturan baru tersebut. Baginda kini tidak memiliki hamba abdi tetapi hamba berhutang sahaja.[213]

Kejayaan pembaharuan yang dibuat oleh residen Pahang itu berhubung rapat dengan sokongan Tengku Mahmud dan Raja Muda. Sultan Ahmad juga menyedari bahawa penentangan terhadap British akan menggugat kedudukannya sendiri. British secara langsung cuba menghapuskan penindasan yang berlaku dalam pemerintahan Pahang. Pada 1 Julai 1889, beberapa cukai barangan dikurangkan. Cukai timah turun daripada 10 peratus kepada 8 peratus, manakala cukai emas berkurang daripada 10 peratus kepada 5 peratus sahaja.[214] Cukai bagi bahan-bahan seperti garam, tembakau, minyak, mancis dan kain pula dihapuskan[215] yang merupakan hasil pendapatan lumayan bagi pembesar-pembesar. Cukai ke atas ganja,[216] minuman keras, galian dan hasil hutan[217] pula masih dikekalkan. Undang-undang ini umumnya mengurangkan pendapatan pembesar. Dahulu cukai-cukai ini dikutip oleh pengutip cukai atas nama sultan tetapi kini cukai dikutip oleh Residen.[218] Oleh itu, Sultan Ahmad bertindak merampas cukai import dan eksport sebagai menambah pendapatan baginda.

Pada tahun 1888, Pahang buat pertama kali menerima satu angkatan polis yang terdiri daripada 50 orang Sikh dan 150 orang Melayu yang diketuai oleh Encik Syers.[219] Tujuannya untuk mengawasi keamanan di Pahang. Hal ini membingungkan Sultan Ahmad kerana dalam pentadbiran tradisi, terdapat sistem tertentu yang menjaga keamanan negeri. Sultan Ahmad merasakan kedudukannya benar-benar hilang apabila baginda tidak dilantik di dalam Majlis Tertinggi yang ditubuhkan dalam tahun 1888. Majlis Tertinggi terdiri daripada Tengku Mahmud, Bendahara, Temenggong dan Residen, yang merupakan

orang-orang yang menyokong British.[220] Sultan Ahmad bertambah kecewa apabila baginda kehilangan kedaulatan dirajanya *droit du seigneur*. Kemasukan British ke Pahang berjaya mengurangkan masalah masalah penculikan dan rampasan gadis-gadis dan wanita.[221]

Pengurangan hak-hak istimewa pembesar juga menimbulkan beberapa reaksi daripada pembesar. Hak keistimewaan yang pernah diberikan kepada pembesar sebelum zaman British, digantikan dengan bayaran pampasan yang kurang memuaskan.[222] Dalam mesyuarat kedua Majlis Negeri yang diadakan di Pekan pada 11 Disember 1890, masalah elaun yang sedikit itu telah dibincangkan. Para pembesar seperti Tuk Raja, Tuk Bandar, Tuk Gajah, Orang Kaya Temerloh, Chenor dan Lipis juga memberikan senarai nama penghulu-penghulu di daerahnya yang menerima jumlah elaun yang sedikit. Hugh Clifford yang mempengerusikan mesyuarat tersebut mencadangkan supaya dua orang penghulu yang penting sahaja di dalam sesebuah daerah, diberikan elaun. Cadangan beliau tidak dipersetujui oleh para pembesar kerana tindakan tersebut tidak adil tetapi saranan Clifford itu disokong oleh Tengku Mahmud.

Para pembesar dan penghulu terus merasa tidak puas hati mengenai jumlah elaun yang diberikan itu. Sentimen ini jelas terlihat kepada Orang Kaya Semantan. Beliau merupakan penentang utama pemerintahan Residen dan pembayaran pencen yang kecil itu. Orang Kaya Semantan ingin mengekalkan cara perolehan pendapatan yang diamalkannya sejak dahulu kerana membawa keuntungan kepadanya.[223] Cara perolehan pendapatan tersebut terhapus apabila undang-undang perlombongan dikeluarkan pada bulan Disember 1889, yang mewajibkan semua konsesi didaftarkan.[224]

Jumlah konsesi yang didaftarkan pada tahun 1890 sebanyak 12 konsesi[225] tetapi menjelang tahun 1892, jumlah konsesi yang didaftarkan bertambah menjadi 40 konsesi.[226] Pembesar-pembesar yang menyokong sultan menganggap Majlis Negeri dan residen sebagai ancaman pengekalan politik Melayu. Majlis Negeri dirujuk sebagai, "Majlis kamu"[227] kerana Residen mempunyai kuasa legislatif dan eksekutif utama dalam negeri. Kedudukan residen lebih tinggi daripada sultan dan pentadbiran dijalankan sendiri oleh residen. Kedaulatan sultan terhapus. Majlis Negeri yang dibentuk, walaupun mendapat persetujuan orang-orang tempatan tetapi penubuhannya berdasarkan kepentingan British semata-mata.

Pada tahun 1890, para pembesar seperti Tuk Raja, Tuk Gajah dan Encik Abdullah Bera menyatakan keengganan untuk mematuhi undang-undang yang diisytiharkan, melainkan jika undang-undang tersebut dikaji semula. Sebaliknya, pembesar-pembesar tersebut diugut akan dihukum sekiranya enggan mematuhi undang-undang baru itu. Orang Besar Berempat dan Orang Besar Berlapan pula berasa marah apabila British menghadkan sempadan kawasan kekuasaan dalam

mesyuarat kelima Majlis Negeri pada bulan Oktober 1891.[228] Kutipan sewa-sewa tanah juga tidak boleh dibuat sejak undang-undang mengenainya dikuatkuasakan pada 11 Januari 1891. Peranan penghulu pula terhapus dan digantikan dengan pegawai-pegawai British.[229] Bayaran konsesi yang dahulunya diberikan kepada Sultan Ahmad dan para pembesarnya, kini diambil oleh British. Pada tahun 1890, Pahang dikatakan sebagai kawasan perlombongan paling meyakinkan.[230] Walaupun begitu, pada tahun 1894 Sultan Ahmad berasa kecewa apabila British membatalkan semua konsesi perlombongan di Tras, Selensing dan Ulu Pahang. Menjelang tahun 1895, enam buah lombong sahaja yang diakui.

Sistem residen di Pahang menyebabkan kemerosotan ekonomi dan politik tradisi. Bagi Sultan Ahmad dan pembesar-pembesarnya, pentadbiran British juga menghapuskan asas politik dan ekonomi yang dinikmati sebelum ini. Walaupun begitu, sistem residen telah memberi manfaat kepada golongan penghulu dan ketua-ketua kampung. Pembinaan jalan raya memudahkan sistem perhubungan dan menghapuskan peranan sungai yang sebelum ini menjadi jalan pengangkutan utama yang sekaligus juga menjejaskan punca pendapatan pembesar yang mengutip cukai-cukai bagi perahu-perahu yang melalui kuala sungai.

Khabar angin tentang kekacauan-kekacauan yang akan berlaku mulai tersebar pada 1 Julai 1889. Sultan Ahmad telah menduga akan kejadian ini. Kedudukan baginda dan para pembesar terjejas akibat sistem politik, ekonomi dan sosial yang dibawa oleh pemerintahan residen. Usaha pengekalan kuasa cuba dicapai secara penentangan oleh para pengikut Sultan Ahmad. Pemerintahan asing ditentang oleh satu angkatan bersenjata untuk membolehkan pemerintah tempatan mengekalkan kepentingan yang semakin terancam. Justeru itu, Sultan Ahmad menghadapi satu krisis dalam negeri.

## Kebangkitan Pahang 1891–1895

Kemasukan British ke Pahang memberi kesan buruk kepada dasar-dasar tradisi sultan dan pembesar-pembesar. Kebencian Sultan Ahmad terhadap British terlihat daripada tindakan-tindakan pasif dan keengganan baginda bekerjasama dengan British. Bagi pembesar-pembesar pula, rasa tidak puas hati terhadap corak pemerintahan baru yang diperkenalkan oleh British mendorong berlakunya pemberontakan. Corak pemerintahan British dianggap sebagai satu ancaman politik, justeru itu, mendorong para pembesar menyokong sultan serta para pengikutnya. Kebanyakan pembesar berpendapat kuasa yang diperolehi dahulu hanya dapat dicapai dengan pengunduran pihak British. Oleh itu, satu penentangan hebat telah berlaku yang akhirnya melarat

menjadi satu pemberontakan. Kekerasan menjadi penyelesaian terakhir untuk mencapai objektif kuasa. Datuk Bahaman merupakan pembesar yang memulakan pemberontakan dan akibatnya, beliau telah dinaikkan ke kedudukan pembesar kelas kedua oleh Sultan Ahmad. Datuk Bahaman secara beransur-ansur mendapat sokongan pembesar-pembesar lain yang juga ingin menggulingkan elemen pemerintahan asing itu.[231]

Keengganan Datuk Bahaman mematuhi peraturan-peraturan perlombongan 1899 menunjukkan penentangannya terhadap pentadbiran British. Tindakan beliau mengenakan cukai secara haram kepada perahu-perahu yang lalu-lalang di sepanjang Sungai Semantan menunjukkan corak penentangannya. Walaupun begitu, tiada sebarang aduan yang dikemukakan tentang tindakannya itu. Kebanyakan perahu yang dikenakan cukai, terdiri daripada peniaga-peniaga kecil Cina dan Melayu, yang "enggan mendakwa seorang pembesar yang sangat 'berpengaruh' dan sangat ditaati."[232] Kemarahan Datuk Bahaman memuncak apabila British enggan menerima sebarang tuntutannya dan melarang beliau mengutip cukai. Oleh itu, beliau menulis sepucuk surat 'mengancam dan menghina'[233] kepada hakim di Temerloh (Encik Wise) menyatakan rasa tidak puas hatinya tentang balai polis di Lubuk Terua. Sepucuk surat yang lain ditulis kepada Encik W. E. Maxwell, residen Selangor. Di dalam surat tersebut, beliau meminta supaya daerahnya digabungkan dengan Selangor dan menambah elaun peribadinya. Beliau juga meminta supaya setiap penghulu kampung di Semantan diberi bayaran yang tinggi.[234]

Penduduk tempatan mulai tidak menghormati Datuk Bahaman kerana tindakannya itu. Perasaan tidak puas hati terhadap penubuhan balai polis di Lubuk Terua digunakan sebagai alasan untuk menguatkan tuntutannya sahaja. Apabila tuntutannya tidak diendahkan oleh British, beliau bertindak menindas rakyatnya yang sememangnya bertentangan dengan undang-undang British. Walaupun begitu, beliau sedar yang kedudukannya juga semakin terjejas.

Sultan Ahmad merasa kesal apabila diberitahu akan tindakan Datuk Bahaman. Pada mulanya baginda tidak mempercayai kesahihan surat-surat Datuk Bahaman itu tetapi apabila Datuk Bahaman melarikan diri dari Pulau Tawar ke dalam hutan, barulah baginda mempercayainya. Tindakan tersebut meyakinkan Sultan Ahmad akan kesalahan Datuk Bahaman. Maharaja Perba Tuk Raja Jelai serta-merta dihantar untuk membawa Datuk Bahaman ke Pulau Tawar pada Februari 1891. Walaupun begitu, utusan tersebut gagal mencapai matlamatnya. Datuk Bahaman melarikan diri ke Kelantan melalui Sungai Tembeling sebelum kembali semula ke Semantan. Beliau masih berkeras untuk menentang British. Seterusnya, Datuk Bahaman "...menghasut orang-orangnya untuk menentang peraturan-peraturan British dan mengancam akan mengenakan hukuman yang berat kepada sesiapa yang

mematuhinya."[235] Beliau juga menghalang pengiraan banci penduduk di Pahang pada tahun 1891. Datuk Bahaman terus berdegil dan enggan mematuhi arahan dan undang-undang British. Justeru itu, British bertindak mengarahkan Sultan Ahmad supaya melucutkan gelaran Datuk Bahaman sebagai langkah mengurangkan kuasa autoritinya.

Kegagalan Datuk Bahaman untuk mendapat perlindungan menyebabkan beliau melarikan diri ke Selangor dan memaksanya bertindak terhadap British dengan kekuatan senjata. Walaupun beliau hanya dilengkapi dengan suatu angkatan kecil yang mempunyai lebih kurang dua ratus orang sahaja, Datuk Bahaman bersedia menghadapi pertumpahan darah seperti yang berlaku pada 16 Disember 1891.[236] Kejadian itu bermula apabila tiga orang pengikut Datuk Bahaman yang sedang membawa hasil hutan seperti bijih timah, rotan dan kayu ditangkap oleh Encik Desborough, Pemangku Pemungut Cukai Temerloh, merangkap Inspektor Lombong bersama sekumpulan polis Sikh. Encik Desborough dan anggota polis Sikh ini, dalam perjalanan ke balai polis Lubuk Terua, untuk menjalankan tugas harian bagi menempatkan sepuluh orang polis Sikh dan tiga orang polis Melayu. Pihak British menyatakan bahawa ketiga-tiga pengikut Datuk Bahaman itu telah melakukan satu kesalahan kecil berhubung dengan hasil,[237] lalu membawa ketiga-tiga pengikut tersebut ke Lubuk Terua. Hal ini menyebabkan kemarahan Datuk Bahaman yang bertindak menentang British menggunakan kekuatan senjata.[238]

Bermula detik tersebut, penentangan yang sekian lama pasif bertukar menjadi rusuhan dan membentuk satu pemberontakan. Rusuhan pertama[239] terlihat sebagai suatu penentangan bersenjata akibat timbulnya rasa tidak puas hati. Serangan yang dibuat oleh Datuk Bahaman bukanlah disengajakan malah beliau tidak berniat memulakan serangan besar-besaran tetapi tindakan Britishlah yang menjadi pendorong pemberontakan. Dalam serangan pertama, pengikut-pengikut Datuk Bahaman bertambah apabila penyokong-penyokongnya dari Bentong menyertai angkatannya. Pada ketika itu, angkatan Datuk Bahaman menjadi lebih kurang enam ratus orang. Datuk Bahaman turut disokong oleh penduduk Asli (Sakai) yang menjadi pengintipnya.[240] Bilangan pengikut yang ramai ini, umumnya dapat membantu Datuk Bahaman membina kubu-kubu di sepanjang Sungai Semantan dan menyerang Temerloh yang menjadi pusat pentadbiran daerah tersebut. Para pemberontak bertindak ganas dengan melakukan rompakan dan pembunuhan. Lima orang awam terbunuh iaitu seorang ketua pekedai Cina di Temerloh, seorang kontraktor Tamil dan tiga orang lagi yang cuba melarikan diri melalui Sungai Pahang.[241]

Untuk mengekalkan keamanan, British mengambil keputusan mengekalkan Sultan Ahmad di atas takhta kerajaan. Hal ini bertujuan untuk menguji sama ada Sultan Ahmad menyokong pemberontak ataupun tidak. Keputusan British ini berhubung rapat dengan peranan

Sultan Ahmad sebagai pemerintah yang berdaulat dan tempat para pembesar dan rakyat taat setia. Oleh itu, menurut British,"... tidak sukar bagi baginda mendapatkan lima ribu orang pahlawan di Pahang."[242] Selain itu, kebanyakan penduduk kini menyedari keburukan pentadbiran British. Justeru itu, Sultan Ahmad perlu dikekalkan dalam pemerintahan. British seboleh-bolehnya cuba mengelakkan lebih ramai rakyat terlibat dengan pemberontakan.

Sultan Ahmad tiba di Temerloh pada 18 Januari 1892[243] tetapi tugasnya hanya dimulakan pada 22 Januari 1892. Baginda diiringi oleh Tengku Ali, Rodger, Panglima Garang Yusuf dan Encik Abdullah Bera. Angkatan Sultan Ahmad dianggarkan lebih kurang 500 orang dan kerjasama baginda amat mengembirakan British. Angkatan Sultan Ahmad dan Rodger tiba di Bentong pada 21 Januari 1892 dan memusnahkan 12 kubu yang menyebabkan Datuk Bahaman melarikan diri ke hutan. Sebagai seorang sultan yang berdaulat, Sultan Ahmad cuba mengelakkan dirinya daripada bekerjasama dengan British. Baginda tidak mengambil sebarang tindakan untuk menumpaskan pemberontakan sehinggalah baginda diminta berbuat demikian. Baginda menyokong syarat-syarat perjanjian 1891 di Pulau Tawar untuk menyenangkan hati pembesar-pembesarnya.[244] Pihak British pula, masih mengesyaki bahawa semua kekacauan yang timbul, disebabkan oleh hasutan Sultan Ahmad. Hal ini terbukti apabila Datuk Bahaman berjaya mengumpulkan orang-orang dengan menggunakan nama sultan untuk mendapat sokongan dan bekalan senjata daripada Tengku Ali. Matlamat utama para pemberontak di Pahang ketika itu hanyalah untuk mengembalikan kedaulatan dan kekuasaan politik Melayu yang telah dirampas oleh pentadbir kolonial. Justeru itu, Sultan Ahmad tidak berminat menghentikan penentangan yang dibuat oleh rakyatnya.

Para pemberontak memberikan sokongan dan bersatu hati apabila Sultan Ahmad menyatakan, "...British telah mengambil alih pemerintahan kerajaan daripadanya dan menyebabkan kucar-kacir dan bukanlah urusannya membantu mereka menyelesaikan masalah tersebut."[245] Sultan Ahmad berpura-pura mendengar dan mengikut arahan-arahan British seperti yang terlihat dalam pengisytiharan pengampunan untuk para pemberontak. Sultan Ahmad membuat perisytiharan tersebut atas nasihat Rodger. Mengikut syarat pengampunan, setiap pemberontak dikehendaki kembali ke kampung halaman dalam tempoh sebulan.[246] Tindakan ini menggembirakan British. Menjelang 2 Februari 1892, senarai nama ketua-ketua pemberontak diumumkan.[247] Suatu tawaran hadiah berupa wang bernilai $1,000 diumumkan sebagai hadiah penangkapan ketua pemberontak.[248] British berharap supaya tawaran tersebut dapat berfungsi sebagai galakan untuk menyerahkan ketua pemberontak kepadanya.[249]

Pembesar-pembesar tempatan menyokong Datuk Bahaman kerana

hendak menghalau British dari Pahang. Penentangan dijadikan sebagai alat untuk mencapai cita-cita tersebut yang sekaligus menunjukkan pergerakan anti-penjajah di kalangan rakyat tempatan. Beberapa orang pegawai Eropah telah dibunuh. Pada 5 April 1892, dua orang Eropah, Stewart dan Harris daripada Syarikat Penjelajahan Pahang di Sungai Duri, mati dibunuh oleh Panglima Jempol. Beberapa pembesar dituduh bertanggungjawab atas peristiwa tersebut. Namun begitu, kebanyakan orang percaya bahawa kejadian tersebut berlaku kerana ikrar Panglima Muda hendak menghalau orang Eropah dari Pahang.[250] Dalam laporan lain, pembunuhan tersebut berlaku kerana hasutan Tuk Gajah kepada Panglima Muda.[251]

Sultan Ahmad juga membenci orang-orang Sikh dan Eropah. Baginda berkeras menghalang orang-orang Sikh dan Eropah mengikutnya untuk menjejaki Datuk Bahaman dan orang-orangnya seperti yang berlaku dalam ekspedisi pertama.[252] Pada hakikatnya, Sultan Ahmad mahu membantu para pemberontak dan sekiranya perjalanannya disertai oleh orang-orang Sikh dan Eropah, berkemungkinan menggagalkan rancangannya. Oleh itu, baginda diiringi oleh Tengku Ali, Tuk Gajah, Orang Kaya Chenor dan Orang Kaya Temerloh, pergi ke Lubuk Terua. Di sanalah dikatakan bahawa Sultan Ahmad dan orang-orangnya memberikan bekalan makanan kepada Datuk Bahaman dan para pengikutnya.[253] Bermula daripada saat itu, Sultan Ahmad dikatakan menyokong pemberontakan di Pahang. Tuk Gajah pula telah berpakat dengan Mat Kilau. Oleh itu, British mahu menangkapnya tetapi Sultan Ahmad bertindak melindungi Tuk Gajah. Sultan Ahmad berjanji membawa Tuk Gajah ke Pekan dan kemudiannya menghantar ke Mekah. British bersetuju dengan cadangan Sultan Ahmad itu, tetapi sebenarnya memberi peluang kepada Tuk Gajah melarikan diri ke Kelantan melalui Sungai Tembeling. Tuk Gajah melarikan diri bersama Mat Kilau dan menyerang Kuala Atok sebelum melarikan diri ke Ulu Lebih iaitu di sempadan Kelantan dan Pahang.

Jangka masa di antara bulan April hingga Jun 1892, merupakan satu period kebangkitan seorang pahlawan Pahang yang penting, dikenali sebagai Mat Kilau.[254] Menurut ceritanya, Mat Kilau amat berlainan daripada anak-anak Tuk Gajah yang lain kerana dikatakan memiliki kuasa ghaib.[255] Semasa pemberontakannya, dia dibantu oleh Haji Ahmad, Tuk Muda Yusof, Haji Daud, Mat Aris Rofel dan Mat Saleh[256] yang bersamanya ketika menyerang Bera. Permusuhan Mat Kilau dan para pentadbir British bermula apabila daerahnya dibakar. Tindakan tersebut dibuat oleh British berikutan keengganan Mat Kilau mematuhi arahan British selepas peristiwa penembakan Dr. Little. Mat Kilau telah melarikan diri dan bergabung dengan Datuk Bahaman di Ulu Cheka sebelum mendapat bantuan Tuk Kaya Lipis dan Tuk Raja, yang hendak menyerang Kuala Lipis. Sejak itu, Mat Kilau tinggal di rumah Wan Tanjong, anak Tuk Raja di Bukit Betong.[257] Sultan Ahmad berusaha

mempengaruhi Mat Kilau untuk kembali ke Pulau Tawar.[258] Penentangan pembesar-pembesar di Pahang ketika ini masih tidak dapat menghalau British. Justeru itu, Sultan Ahmad mula memainkan peranan yang lebih dominan dan positif dalam jangka masa akhir fasa pertama pemberontakan tersebut.

**Gambar 8:** Mat Kilau bin Imam Rasul (Tuk Gajah). Dilahirkan di Pulau Tawar pada tahun 1847. Muncul semula pada 27 Disember 1969.



**Sumber:** Dengan ihsan Arkib Negara Malaysia

Sementara itu, pengunduran Tuk Gajah ke Tembeling kerana mengikut perintah Sultan Ahmad. Tujuan keberangkatan Tuk Gajah ke Kelantan sebenarnya untuk menghalang British menangkap salah seorang daripada beberapa penyokong kuat Sultan Ahmad. Justeru itu, kepulangan Sultan Ahmad ke Pekan dan pengunduran Tuk Gajah telah dirancang terlebih dahulu. Sikap pemberontak Sultan Ahmad terlihat jelas apabila baginda menyokong pembesar-pembesar yang menentang British menggunakan senjata. Bagi pihak British yang sememangnya berasa sangsi akan ketaatan Sultan Ahmad, menuduh baginda bersubahat dengan para pemberontak. Walaupun demikian Sultan Ahmad berjaya meyakinkan pihak British bahawa baginda tidak bertanggung jawab atas kejadian tersebut. Langkah-langkah positif yang dilakukan oleh Sultan Ahmad berjaya menunjukkan bahawa baginda tetap taat kepada British.[259] Sultan Ahmad kembali ke Pekan pada bulan Ogos 1892. Walaupun demikian British tetap bimbangkan Sultan Ahmad yang berkemungkinan kembali ke Pulau Tawar. Oleh itu, British telah membakar istana di Pulau Tawar yang menyebabkan baginda berpindah ke Lenyah.[260] Sejak itu, Sultan Ahmad menyedari bahawa baginda terpaksa menurut kehendak British.

Apabila baginda dikehendaki berangkat ke Singapura untuk satu perundingan, baginda bertindak menentang arahan British itu. Sultan Ahmad berangkat ke Pulau Tawar tetapi ketiadaan istana menyebabkan baginda berangkat pula ke Singapura pada bulan September 1892. Hal ini menunjukkan bahawa baginda terpaksa patuh kepada arahan British. Sultan Ahmad bersetuju untuk berunding dengan syarat dapat menuntut hak dan keistimewaannya. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa persetujuan Sultan Ahmad itu kerana pengaruh Sultan Abu Bakar Johor.[261] Di Singapura, Sultan Ahmad mengemukakan masalah-masalahnya berkaitan dengan ketidakcukupan elaun, pendudukan syarikat lombong di atas tanah para pembesar, khabar angin tentang penindasan petani dan juga sistem kerah. Rundingan damai tersebut telah digunakan oleh British untuk mempengaruhi Sultan Ahmad agar memberi pengampunan kepada semua pemberontak, kecuali kepada Panglima Perang Rasu, Tuk Gajah dan Datuk Bahaman. Satu pengisytiharan dibuat oleh Sultan Abu Bakar pada 24 Oktober 1892 mengenai pengampunan British itu. Walaupun begitu, kebanyakan pemberontak menganggap dingin sahaja pengisytiharan pengampunan itu. Pemberontak merasa bimbang, dikenakan hukuman mati. Mat Kilau dan Mat Lela serta anak-anak Datuk Bahaman juga enggan menyerah diri malah menjadi ketua pemberontakan. Hanya Panglima Rasu sahaja yang menunjukkan tanda-tanda akan kembali ke Pahang, setelah dinasihati oleh anaknya, Haji Abdul Rauf. Hasrat tersebut ditemui melalui surat-suratnya bertarikh 9 Januari dan 17 Februari 1893 kepada Tuk Raja.

Pada bulan Mei 1894, Tuk Raja telah merayu kepada para

pemberontak supaya kembali ke Pahang. Tuk Raja menghantar pengikutnya, Tuk Muda Mat Akhir dari Kampung Gua dan Tuk Muda Awang Tanggah dari Kechau ke Ulu Tembeling dan Ulu Lebir untuk menemui Datuk Bahaman dan Tuk Gajah. Malangnya, para pemberontak telah melarikan diri ke Terengganu. Oleh itu, utusan Tuk Raja gagal.[262] Di Terengganu, para pemberontak mendapat perlindungan politik[263] dan bertemu dengan seorang pemimpin agama yang bergelar Ungku Saiyid Paloh.[264] Pemberontakan di Pahang kini mempunyai pengaruh yang baru. Ungku Saiyid telah membenarkan Mat Kilau dan Datuk Bahaman menetap di Besut dan mengarahkan orang ramai membantu kedua-dua pemberontak tersebut.

Mat Kilau dan Datuk Bahaman berniat hendak menyerang Pahang. Sokongan Ungku Saiyid membolehkan kedua-dua pemberontak Pahang itu, mengumpulkan orang dan membentuk satu angkatan seramai 100 orang di Ulu Terengganu, Besut dan Lebir di Kelantan.[265] Serangan dibuat seperti perang Jihad (Perang Sabil) terhadap orang kafir. Corak penentangan ini berlandaskan agama, yang berjaya menyatukan penduduk tempatan menentang British. Matlamat utama pemberontakan ketika ini hanyalah menghapuskan pemerintahan asing

**Gambar 9:** Perang Pahang 1891–1895



**Sumber:** Dengan ehsan Arkib Negara Malaysia

melalui jalan agama.[266] Islam dijadikan sebagai pengikat umum yang meyakinkan pemberontak untuk terus terlibat dengan gerakan penentang. Para pemberontak menyedari bahawa kekuatan kuasa Islam memungkinkan pencapaian matlamat ini. Sebagai pelindung diri, para pemberontak diberi pelias (azimat melawan peluru) dan parang yang diukir surah-surah al-Quran di atasnya. Justeru itu, peringkat kedua pemberontakan Pahang berdasarkan konsep Islam. Agama telah digunakan sebagai punca dan helah untuk menentang penjajah dan melindungi sistem tradisi.

Pada 14 Jun 1894,[267] para pemberontak Pahang yang diketuai oleh Mat Kilau dan Datuk Bahaman menyerang Kuala Tembeling. Serangan yang dilakukan tidaklah sukar kerana kumpulan pemberontak berjaya mendapatkan senjata yang diseludup dari Singapura oleh Awang Ngah yang berasal dari Kelantan.[268] Kuala Tembeling dapat ditewaskan dengan kekuatan 140 orang pemberontak yang mempunyai hanya sebelas orang anggota polis Sikh.[269] Pemberontak berpakaian agama dan diketuai oleh Mat Kilau. Selain itu, Datuk Bahaman, Tuk Gajah dan Mat Kelubi juga turut serta.

Datuk Bahaman gagal mendapat sokongan para pembesar di daerah Ulu Pahang, justeru itu beliau membina kubu di Jeram Ampai yang terletak kira-kira empat batu dari Kuala Tembeling. Pihak British pula, menguatkan angkatannya untuk menyerang pemberontak di Jeram Ampai. Pasukan pemberontak yang tidak bersedia dan kelemahan pertahanan kubu memudahkan pihak British memusnahkan kubu tersebut.

Kejayaan British dalam serangan di Jeram Ampai berkait rapat dengan beberapa orang pemberi maklumat yang telah memaklumkan kepada British tentang rancangan pemberontak hendak menghapuskan British dari Pahang. Pemberi maklumat tersebut adalah Wee Lian Peh,[270] Imam Perang Kassim[271] dan Panglima Garang Yusof, yang memberi maklumat tentang kegiatan pemberontak. Kematian Mat Kelubi pada 17 Jun 1894, ketika beliau pergi ke Kampung Bandar, mungkin disebabkan oleh maklumat daripada pemberi-pemberi maklumat tersebut.[272] Oleh itu, British telah menyerang kubu pemberontak di Jeram Ampai pada 29 Jun 1894.[273] Serangan mengejut itu dipertahankan oleh Mat Kilau, Teh Ibrahim dan Awang Nong, tetapi kubu Jeram Ampai dapat dimusnahkan oleh British. Kemenangan ini juga disebabkan oleh adanya kumpulan panglima yang gagah berani. Namun begitu tidak semua penduduk tempatan menyokong British dalam serangan tersebut.

Kemenangan British di Jeram Ampai terlihat seperti kejayaan menghapuskan pemberontakan, tetapi keadaan ini tidak berlaku. Para pemberontak berjaya mendapat sokongan yang kuat walaupun pihak British berusaha untuk menghalang kemaraan pemberontak. Para pemberontak mendapat sokongan daripada penduduk tempatan yang

bersimpati.[274] Penduduk tempatan menganggap para pemberontak ini sebagai pejuang yang suatu waktu dahulu merupakan pembesar-pembesar yang memegang kuasa di Pahang. Kebanyakan pemberontak ini mempunyai hubungan persaudaraan dengan para penduduk tempatan bukan sahaja di Pahang tetapi juga di Kelantan dan Terengganu, malah kedua-dua pemerintah di Kelantan dan Terengganu turut membantu para pemberontak. Hal ini terlihat pada surat yang dihantar oleh Tuk Raja pada 12 September 1892, meminta bantuan Encik Harun dari Sungai Galas, Kelantan.

Kelantan dan Terengganu merupakan negeri-negeri di dalam kekuasaan Siam. Bantuan yang diberikan oleh kedua-dua pemerintah negeri tersebut kepada para pemberontak Pahang, menyebabkan British meminta pihak Siam membantunya.[275] Hal ini kerana, British tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya dan campur tangan dalam hal-ehwal di kedua-dua negeri tersebut. Kerajaan Siam berjanji membantu British dan menghalang kedua-dua negeri daripada terus membantu pemberontak di Pahang. Kerajaan Siam telah menghantar sebuah kapal perang ke Kelantan dan Terengganu. Putera Derawongse (Menteri Luar Siam), berjanji menghalang kedua-dua negeri menjadi pelindung para pemberontak.[276] Siam menghantar 120 orang tentera bersama sepucuk surat protes yang menyatakan kesanggupan membantu British.[277]

Dalam bahagian kedua pemberontakan Pahang ini, kesungguhan para pemberontak untuk menawan Pahang daripada British, jelas terlihat. Beberapa serangan dilakukan yang berpangkalan di Kelantan dan Terengganu. Kekalahan pemberontak di Jeram Ampai, membantutkan rancangan menentang British, yang kelihatan lebih berhati-hati selepas itu. Hugh Clifford telah pergi ke Kelantan dan Terengganu pada 17 Julai 1894.[278] Rombongannya disertai bersama oleh Imam Perang Panglima Kakap Husin, Tuk Pahlawan Nawi, Khatib Bakar Kelola, Tuk Mukim Mat Ali dari Budu, Che Dollah Bera dan Panglima Raja Mat Asin Jelai.[279] Para pemberontak mendapat maklumat tentang rombongan Clifford ini lalu meninggalkan Ulu Lebir dan berpindah ke Kuala Atok sebelum melarikan diri dan bersembunyi di hutan, di sepanjang Sungai Pertang.

Sementara itu, Sultan Zainal Abidin III (Terengganu) dan Sultan Mansor (Kelantan) berjanji membantu British, setelah diugut oleh Siam. Kedua-dua pemerintah mengisytiharkan penangkapan pemberontak-pemberontak sama ada hidup ataupun mati.[280] Kesanggupan kedua-dua pemerintah tersebut membantu British, walau bagaimanapun menimbulkan kesangsian kepada British kerana mengesyaki yang kedua-dua pemerintah memberi maklumat kepada pemberontak. Para pemberontak juga melihat penglibatan tentera Siam di dalam kedua-dua negeri.[281]

Sejak bulan April 1895, British menawarkan pengampunan percuma kepada pemberontak seandainya, para pemberontak menyerah diri

dalam tempoh enam bulan. Selepas tempoh tersebut, ganjaran pula diberikan kepada sesiapa sahaja yang berjaya menangkap para pemimpin pemberontak sama ada hidup ataupun mati. Namun begitu, makluman tersebut tidak membimbangkan pemberontak. Justeru itu, pihak British menggunakan taktik rasuah kepada penduduk tempatan,[282] untuk mengetahui tempat-tempat persembunyian pemberontak. Dua orang penduduk Arab Pahang, Saiyid Hussain dan Saiyid Saman (Uthman), telah memberi maklumat kepada Clifford tentang tempat-tempat persembunyian pemberontak di Sungai Kemia.

Pada 24 Mei, tujuh orang pemberontak iaitu Tuk Gajah, Mat Kilau, Awang Nong, Teh Ibrahim, dua orang budak lelaki dan seorang wanita dilaporkan menyerah diri di Pertang tetapi telah melarikan diri.[283] Hanya pada bulan Oktober hingga November 1895, barulah Datuk Bahaman, Awang Nong Yusof, Teh Ibrahim, Haji Mat Wahid dan Mat Lela ditawan oleh Pesuruhjaya Siam, Phya Dhib Kosa dan kesemua tawanan dibawa ke Chiengmai.[284] Para pemberontak tersebut menyerah diri kerana diberikan jaminan akan selama-lamanya berada di Chiengmai serta mendapat pakaian dan wang.[285] Mereka akan dibebaskan dengan syarat tidak melarikan diri dan dibenarkan bertemu isteri, anak-anak serta keluarga yang telah dibawa ke Bangkok pada tahun 1895.[286] Para pemberontak sedar bahawa mereka telah kalah dan faktor ini mempengaruhi sebab penyerahan diri.

Datuk Bahaman merupakan orang pertama yang menyerah diri,[287] manakala Panglima Rasu dan Mat Kilau dilaporkan meninggal dunia.[288] Kematian kedua-dua pemimpin pemberontak ini menamatkan pemberontakan Pahang. Para pemberontak yang tinggal di Siam pula, hanya kembali ke Pahang pada tahun 1913. Penawanan tersebut mungkin disebabkan oleh kerjasama Sultan Abidin III dari Terengganu. Baginda merasa kecewa dengan kesudahan pemberontakan di Pahang lalu menyerahkan cap kuasanya kepada British yang memberi kuasa menghukum para pemberontak tersebut. Walaupun begitu, baginda tetap merasa simpati terhadap para pemberontak Pahang.

Pemberontakan Pahang secara umum, menunjukkan tujuan dan matlamat utama Sultan Ahmad dan para pembesarnya. Pemberontakan berlaku kerana mahu mengekalkan hak dan kekuasaan tradisional yang menjadi ikutan zaman-berzaman. Walaupun begitu, matlamat pemberontakan ini gagal dicapai kerana berjaya dipatahkan oleh British. Melalui pemberontakan ini, British dapat melihat kebolehan penduduk tempatan menentangnya menggunakan senjata seperti yang berlaku sepanjang empat tahun iaitu antara tahun 1891 hingga 1894. Semangat nasionalisme yang ditunjukkan melalui pemberontakan tersebut secara tidak langsung menggambarkan kenyataan lama Confucious iaitu, "...jika rakyat tidak mempunyai kepercayaan terhadap kerajaan, negeri tersebut tidak boleh bertahan." Bagi Sultan Ahmad dan para pembesarnya, kegagalan pemberontakan menyebabkan mereka

memberi persetujuan untuk menggabungkan Pahang dengan negeri-negeri Melayu lain. Langkah ini diambil dengan harapan gabungan tersebut dapat mengekalkan hak dan kepentingan yang diperolehi suatu masa dahulu.

## Pahang Menyertai Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NMB)

Sistem politik Pahang dibentuk semula pada bulan Julai 1895. Pemberontakan yang berlaku, terutama dalam tempoh genting iaitu antara tahun 1891-1895, di samping melihat sifat nasionalisme tempatan turut memberi tamparan hebat kepada pentadbiran British. Pahang digabungkan dengan Perak, Selangor dan Sungai Ujong, lalu membentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu.[289] Sultan Ahmad yang menjadi pemerintah Pahang bersetuju dengan penyatuan ini terutamanya untuk mengekalkan kuasa autoriti dan autonomi dengan cara yang lebih diplomatik. Baginda berharap agar sultan-sultan lain dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NMB) mempunyai matlamat yang sama dengannya.

Masalah kewangan merupakan masalah utama di Pahang berbanding di Selangor dan Perak. Pihak British mengambil keputusan menyatukan negeri-negeri Melayu tersebut bagi memudahkan pentadbiran dan membaiki keadaan ekonomi di negeri-negeri yang kekurangan pendapatan. Berhubung dengan rancangan ini, Pejabat Koloni meminjam wang daripada negeri-negeri kaya seperti Perak dan Selangor bagi membiayai Pahang. Walau bagaimanapun rancangan ini tidak disokong oleh ahli-ahli tidak rasmi dalam Majlis Perundangan Negeri Selat. Kebanyakan ahli menolak pengenaan cukai bagi membantu membiayai Pahang. Langkah lain yang boleh dilakukan, secara menarik keluar para pentadbir British yang berkhidmat di Pahang dan mengembalikan semula sistem penasihat seperti yang telah dilakukan selepas Perjanjian Weld pada Oktober 1887. Cadangan untuk mengeluarkan pentadbir-pentadbir British secara beransur-ansur dari Pahang[290] telah dikemukakan sebagai salah satu alternatif tetapi pihak British tidak mahu melepaskan pentadbiran di Raub yang merupakan satu-satunya kawasan perlombongan yang dimiliki oleh orang Eropah dan paling berpotensi di Pahang. Oleh itu, British bercadang menggabungkan Raub dengan Selangor.[291]

Sultan Ahmad menyedari bahawa pihak British tidak akan meninggalkan Pahang apabila mengetahui tentang cadangan-cadangan British itu. Baginda tidak bersetuju menerima seorang penasihat British kerana langkah ini boleh menggagalkan matlamat pengekalan kuasa seperti sebelum kedatangan British. Tambahan pula, British menyatakan bahawa kedatangan dan campur tangannya di negeri-negeri Melayu bertujuan untuk membaiki kehidupan penduduk tempatan. Oleh itu,

British tidak mahu menyerahkan segala usaha yang telah dilakukan untuk membaiki kehidupan penduduk tempatan kepada pemerintah tempatan. Sultan Ahmad juga menyedari bahawa jumlah hutang Pahang kepada Kerajaan Negeri-negeri Selat menjelang penghujung tahun 1894 telah meningkat melebihi $1,000,000.[292] Sultan Ahmad juga mengetahui, jika British meninggalkan Pahang, pemberian elaun kepada para pembesar di Pahang juga akan dihentikan.[293]

Keadaan ekonomi Pahang yang semakin buruk sememangnya tidak dapat dibaiki oleh Sultan Ahmad. Tekanan ekonomi yang nyata datangnya daripada para pemilik konsesi. Pihak British bertindak membatalkan pemilikan konsesi[294] yang tidak disahkan oleh British sebelum 1896. Penduduk Cina juga enggan tinggal di Pahang kerana mereka lebih berminat untuk menetap di negeri-negeri Melayu kawasan pantai Barat. Sebarang cara untuk mengumpulkan penguasaan ekonomi di kalangan para pemilik konsesi adalah mustahil. Justeru itu, Sultan Ahmad menyedari keuntungan ekonomi hanya diperolehi melalui penyatuan iaitu pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Faktor ini sahajalah yang mendorong Sultan Ahmad menandatangani perjanjian tersebut. Namun begitu, Sultan Ahmad merasa ragu mengenai satu perkara, iaitu, "sama ada perjanjian tersebut menghalang baginda membuat sebarang hubungan terus kepada Gabenor ataupun Setiausaha negeri."[295] Baginda amat terkejut apabila F. A. Swettenham mengatakan bahawa Gabenor dan Setiausaha Negeri merupakan orang terakhir yang memberi persetujuan atas cadangan tersebut.

Sultan Ahmad juga merupakan pemerintah Melayu terakhir yang memberi persetujuan ke atas rancangan pembentukan NMB. Baginda meminta penjelasan lanjut berkenaan perkara tersebut tetapi akhirnya baginda bersetuju menandatangani apabila Swettenham memberi jaminan bahawa pemerintah-pemerintah Melayu tidak kehilangan kuasa dan hak-hak keistimewaan apabila NMB dibentuk. Para Sultan diberi kebebasan untuk membentuk kerajaan sendiri malah Swettenham juga menegaskan bahawa setiap negeri boleh meluluskan undang-undangnya sendiri. Perbendaharaan negeri yang berasingan juga dikekalkan. Kesemua negeri hanya perlu membayar sejumlah wang daripada pendapatan negeri untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran akibat perlaksanaan rancangan ini.

Perjanjian yang ditandatangani membawa implikasi yang baru dalam sistem politik di Pahang. Pada bulan Mac 1897, Tengku Mahmud telah menuntut elaun bulanan sebanyak $600 daripada pembayaran Klang yang dihentikan sewaktu kekacauan. Pembayaran ini merupakan pembayaran kepada Sultan Ahmad yang telah membantu Selangor ketika berlakunya perang saudara di Selangor. Pemberontakan Pahang yang berlaku antara tahun 1891 hingga 1895 menyebabkan perbelanjaan yang besar kepada Kerajaan Negeri-negeri Selat. Akibatnya, Sultan Ahmad terpaksa menyumbangkan sebahagian pendapatannya untuk

menumpaskan pemberontakan tersebut. Pembayaran Selangor ketika itu telah meliputi jumlah pembayaran selama lapan tahun. Oleh itu, British mengarahkan Sultan Ahmad memberikan pembayaran tersebut kepada Kerajaan Negeri-negeri Selat dalam satu pembayaran. Tengku Mahmud pula mendakwa bahawa beliau juga diberikan sebahagian daripada elaun Selangor oleh ayahandanya itu pada 23 Oktober 1891 dengan kebenaran Residen.[296] Tuntutan ini pada dasarnya menguji kebenaran perjanjian British yang dikatakan mahu menerima segala tuntutan penduduk tempatan apabila menjadi anggota NMB.

Tengku Mahmud berhak menerima sejumlah wang bernilai $35,100 daripada pembayaran Selangor selama 53 bulan iaitu mulai Januari 1893 hingga 1 Jun 1897. Bayaran ini juga berfungsi sebagai bayaran gantirugi kerana Sultan Ahmad yang enggan memberikan sebahagian elaun bulanan kepada anaknya. Tuntutan Tengku Mahmud mendapat perhatian Residen dan Residen Jeneral. Kedua-dua pentadbir British ini bersetuju menerima tuntutan Tengku Mahmud setelah dibincangkan. Kedua-dua pentadbir ini juga tidak bersetuju dengan cadangan pemotongan elaun bulanan sultan. Lagipun kegagalan ekonomi yang dialami oleh Tengku Mahmud menimbulkan rasa simpati kedua-dua pentadbir British tersebut. Oleh itu, pada 1 Jun 1897,[297] Tengku Mahmud berjaya dalam tuntutan elaun Selangor dan menerima wang sebanyak $600 setiap bulan. Pembayaran itu dibuat kerana beliau dapat menunjukkan dokumen penyerahan elaun tersebut yang bertarikh 23 Oktober 1891 sebagai bukti tuntutan.[298]

Sultan Ahmad merasa gembira dengan langkah-langkah positif British ini. Baginda menyangka objektifnya untuk menguasai ekonomi akan menjadi realiti dalam tempoh yang singkat. Mulai tahun 1889, Sultan Ahmad sengaja menggunakan Tengku Mahmud sebagai 'alat' untuk mencapai objektifnya. Baginda menyedari akan hubungan baik antara British dan Tengku Mahmud yang wujud sejak awal tahun 1880-an lagi. Oleh itu, langkah pertama Sultan Ahmad yang bertujuan untuk menjamin kedudukannya, secara menaikkan kedudukan Tengku Mahmud menjadi Tengku Besar Pahang pada tahun 1897.[299] Sultan Ahmad berharap British akan mengiktiraf dan menyokong Tengku Mahmud. Baginda juga bercadang melantik Tengku Ali sebagai Raja Muda.[300]

Kedudukan Tengku Besar diiktiraf oleh British sebagai pengganti sultan pada tahun 1891. Sekiranya Tengku Besar meninggal dunia tanpa mempunyai waris takhta, Raja Muda berhak menggantikannya. Dengan kedua-dua perlantikan tersebut, Sultan Ahmad berharap segala rancangannya akan dapat dilaksanakan. Namun begitu, perkembangan-perkembangan yang kurang menyenangkan telah berlaku.

Pada tahun 1899, Tengku Nong, puteri Sultan Ahmad dikahwinkan kepada Raja Alang Iskandar, putera kedua Sultan Idris dari Perak. Sultan Ahmad berharap agar perkahwinan politik dengan negeri-negeri

tempatan dapat mengeratkan perpaduan antara pemerintah-pemerintah Melayu lain. Walaupun begitu, baginda sedar bahawa rancangan itu boleh menimbulkan masalah dengan pemerintah Johor dan Terengganu.

Hubungan Johor dan Pahang tegang akibat isu tuntutan Pahang ke atas Pulau Aur yang diisytiharkan milik Johor. Soal sempadan Pahang-Johor seperti yang ditakrifkan pada 17 Jun 1862 oleh Gabenor Harry Ord menjadi punca persengketaan. Johor mendakwa bahawa Pulau Aur telah diberikan kepadanya oleh Che Wan Long sebelum Sultan Ahmad menjadi Bendahara Pahang dan penggubalan perjanjian 1862.[301] Sempadan Endau menyebabkan penduduk Johor menganggap Pulau Aur sebagai hak miliknya.

Dalam perjanjian sempadan 1862, Bendahara Wan Kuris telah memberikan sebahagian daripada wilayah Endau kepada Temenggung Johor. Walaupun begitu, penduduk Pulau Aur terus membayar cukai kepada pemerintah Pahang kerana menganggapkan mereka masih lagi rakyat Pahang. Apabila Johor menuntut cukai daripada penduduk Pulau Aur, penentangan berlaku. Penduduk Pulau Aur juga enggan bersetia kepada Johor. Keadaan ini terlihat ketika pengisytiharan Pulau Aur sebagai sebahagian negeri naungan Johor. Ramai penduduk Pulau Aur berpindah ke Pahang lalu menjadi rakyat Pahang.[302] Perbalahan tersebut berlanjutan yang mengakibatkan Sultan Ahmad meminta campur tangan British untuk menyelesaikan masalah tersebut. Hal ini juga menyedarkan Sultan Ahmad yang baginda tidak berupaya menyelesaikan sendiri perbalahan yang berlaku. Oleh itu, atas nasihat British, Sultan Ahmad bersetuju melantik Suruhanjaya Sempadan yang terdiri daripada Sir Cecil Smith dan seorang pendamai, iaitu sama ada F. A. Swettenham atau Encik Harvey. Johor juga melantik dua orang wakil ke suruhanjaya tersebut iaitu, Abdul Rahman dan Sir R. Herbert. Sultan Ahmad pula memberi copnya sebagai tanda persetujuan di atas perlantikan suruhanjaya ini.[303] Melalui penyiasatan, Suruhanjaya mengesahkan bahawa perjanjian sempadan seperti yang ditetapkan oleh Gabenor Ord pada tahun 1868 masih berkuatkuasa. Melalui laporan Suruhanjaya Sempadan, Johor diberikan hak penguasaan di kedua-dua buah sungai, iaitu hulu Sungai Endau dan Sungai Semberong manakala Pahang berhak ke atas kedua-dua kawasan di tebing Sungai Katong dan cawangannya Sungai Pukim.[304] Keputusan Suruhanjaya tersebut diterima oleh kedua-dua pemerintah Pahang dan Johor.

Pahang juga menghadapi masalah politik dengan Terengganu. Pada bulan Oktober 1897[305] hubungan Terengganu–Pahang semakin buruk. Seorang rakyat Pahang bernama Che Da, menerima kontrak untuk membekalkan kayu balak kepada seorang peniaga Terengganu, bernama Nakhoda Mammat pada tahun 1891. Che Da sepatutnya menerima wang pendahuluan sebanyak $150 tetapi tempat penyerahan wang itu tidak ditetapkan dalam perjanjian perniagaan tersebut. Oleh itu, penghantaran kayu balak tidak dibuat. Nakhoda Mammat

**Peta 5:** Kawasan sempadan wilayah Pahang dan Johor yang menjadi punca perbalahan.




**Sumber:** Residen Pahang kepada Residen Jeneral Singapura, 27 September 1897, lampiran dalam Residen Jeneral kepada Pesuruhjaya Tinggi, 5 Oktober 1897, *HCOF*, 843/97

menuntut supaya kayu balak dapat dikirimkan ke Kemaman tetapi Che Da enggan berbuat demikian. Pada tahun 1894, Che Da pergi ke Kemaman dan menjual kayu balak jenis lain dengan harga $200, tetapi dituntut oleh Nakhoda Mammat. Pada tahun 1897, Che Da telah melawat Kemaman sekali lagi tetapi beliau telah dipenjarakan. Saudara-mara Che Da terpaksa membayar $100 untuk membebaskan Che Da manakala pihak berkuasa Kemaman pula meminta $150 daripada saudara-mara Che Da atas sebab yang sama. Hal ini menimbulkan ketegangan di antara kedua-dua pihak yang bertelingkah. Residen Pahang, Hugh Clifford mengarahkan kerajaan Terengganu supaya membayar balik jumlah wang yang diambil daripada saudara-mara Che Da. Nakhoda Mammat pula bertindak menghantar surat saman

kepada Che Da di Mahkamah Keadilan Pahang sekiranya kerajaan Terengganu menuntut wang tersebut.

Masalah kedua timbul apabila Yusof, seorang rakyat Terengganu dituduh membunuh dan dibawa kepada pihak berkuasa Terengganu di Pahang. Beliau tidak dibicarakan tetapi dipenjarakan sementara menunggu pembayaran denda sebanyak $500. Yusof telah melarikan diri tetapi beliau tidak dapat ditangkap semula. Hal ini menunjukkan kesukaran untuk menjatuhkan hukuman terhadap seseorang penjenayah di Terengganu. Pahang juga bertindak tidak mahu menyerahkan penjenayah tersebut. Akibatnya, Siam telah juga diminta membantu untuk menyelesaikan masalah persengketaan itu walaupun perkara tersebut remeh-temeh. Campur tangan Siam diharapkan dapat membaiki hubungan perdagangan di antara kedua-dua negeri tersebut.

Sultan Zainal Abidin III dari Terengganu, diminta meyakinkan kerajaan Pahang bahawa kesemua banduan akan dibicarakan dengan baik dan segera pada masa hadapan. Kerajaan Terengganu juga berjanji untuk memastikan para pembunuh yang telah terbukti bersalah tidak terlepas lagi dan jumlah denda yang dikenakan akan dikurangkan. Kerajaan Pahang pula harus memastikan bahawa para penjenayah tidak diserahkan kepada pegawai-pegawai Terengganu di Pahang. Jaminan ini perlu untuk menstabilkan hubungan diplomatik di antara kedua-dua negeri tersebut.

Sultan Ahmad terpaksa menghadapi masalah baru. Hubungan baik dan akrab dengan Terengganu terjejas apabila persoalan tentang sempadan negeri timbul pada tahun 1900.[306] Siam dan Pahang bersetuju untuk menentukan sempadan berdasarkan batu tanda semula jadi, yang menandakan bahagian timur daripada Tanjung Gelugor sebagai sempadan kedua-dua negeri. Siam telah dijemput oleh British untuk melihat sempadan negeri yang ditandai dengan timbunan batu bersama dengan pegawai daerah Kuantan, H. W. Thomson. Pahang telah melantik Encik A. Butler, Residen British di Pahang sebagai Pesuruhjaya Pahang untuk menentukan sempadan sebelah timur di antara Pahang dan negeri-negeri naungan Siam.[307] Penyelesaian tidak dicapai di antara kedua-dua belah pihak lalu menyebabkan penangguhan penyelesaian.

Apabila pihak Pahang dan Terengganu bersetuju untuk mengkaji semula perletakan sempadan bagi kedua-dua negeri, Sultan Ahmad menjemput pihak berkuasa British dan Siam untuk menyelesaikan perselisihan. Masalah tersebut berpunca daripada keengganan Sultan Zainal Abidin III dari Terengganu menyetujui perjanjian 1902 dengan Siam[308] yang menganggap Terengganu sebagai negeri naungan Siam. Oleh itu, persoalan sempadan perlu diselesaikan di antara kedua-dua pemerintah Pahang dan Terengganu. Walaupun demikian, kedua-dua sultan Pahang dan Terengganu masih perlu mengambil kira perjanjian Inggeris-Siam yang dimeterai pada 29 November 1899.[309]

Sultan Ahmad tidak bersetuju dengan perubahan dan rundingan

yang dibuat dengan Paget, pegawai hal-ehwal dalam negeri yang telah merujuk kepada Imam Indera Mahkota tentang perkara tersebut. Imam Indera Mahkota telah lama menetap di Kemaman[310] tetapi beliau tidak dapat menyatakan sesuatu yang pasti tentang kawasan ulu Sungai Gabok. Pahang dan Terengganu bersetuju menetapkan sempadan negeri berdasarkan kepada Tanjung Gelugor Besar dan bukannya Tanjung Tengah sebagai sempadan. Menurut Encik Owen, pemangku pegawai daerah Kuantan, daerah Kemaman pada asalnya adalah sebahagian daripada negeri Pahang tetapi telah diserahkan kepada Terengganu sewaktu pemerintahan Bendahara Ali (1806–1857).[311] Keengganan Sultan Zainal Abidin III Terengganu untuk membuat sebarang tindakan terhadap pengubahsuaian sempadan berpunca daripada kebimbangannya atas tindakan Siam. Baginda merasakan tidak berhak untuk campur tangan dalam masalah perjanjian sempadan 1899, di antara British dan Siam. Baginda berpuas hati dengan keputusan perjanjian kerana tidak mahu melukakan hati kedua-dua kuasa asing tersebut.[312]

Sultan Ahmad menyetujui pembahagian sempadan itu dengan alasan tidak mahu lebih banyak kawasan milik Pahang diserahkan kepada Terengganu. Baginda menulis sepucuk surat kepada Sultan Zainal Abidin III untuk meminta kebenaran mendapatkan hak mengeksport balak ke Terengganu menerusi Sungai Kemaman yang bebas cukai. Sultan Abidin akhirnya bersetuju dengan pembahagian sempadan Pahang dan Terengganu iaitu "akan mengikut sepanjang kemuncak bukit-bukau yang membentuk tadahan utama di antara negeri Terengganu dan Pahang." Penyelesaian ini muktamad dan tidak boleh diubah lagi.[313]

Dalam rundingan-rundingan yang dibuat antara tahun 1900 hingga tahun 1906, Sultan Ahmad menunjukkan minatnya untuk menentukan semula sempadan negeri tetapi baginda mengelakkan dirinya daripada terlibat secara langsung.

Pemerintahan Sultan Ahmad di Pahang juga agak pasif jika dibandingkan ketika zaman peralihan tahun-tahun 1880-an. Keadaan ini disebabkan oleh peralihan tampuk kuasa pemerintahan kepada puteranya[314] dan British. Kebimbangan Sultan Ahmad berhubung dengan penglibatan British dalam hal-ehwal pemerintahan di Pahang mendorong baginda mengkaji semula syarat-syarat perjanjian 1888 yang ditandatanganinya. Tumpuannya kepada salah satu syarat perjanjian tersebut yang menyatakan, "kuasa dan tindakan tidak campur tangan dalam hal-hal berhubung dengan adat istiadat negeri dan agama." Baginda berasa bimbang akan kehilangan kuasa politik yang sekaligus boleh merintis kepada kehilangan kuasa tradisi dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama dan adat istiadat. Hal ini agak memeranjatkan bagi seorang pemerintah Melayu yang mahu mengkaji semula perjanjiannya setelah 12 tahun berlalu.

Dalam persidangan Durbar yang diadakan di Perak pada tahun 1897, pihak British menekankan bahawa pemerintah-pemerintah Melayu dalam negeri adalah pemerintah bebas dan kedudukan tersebut tidak akan terjejas.[315] Walaupun demikian, Sultan Ahmad terus berasa bimbang. Oleh itu, Sultan Ahmad meminta jaminan British, yang mereka tidak akan campur tangan dalam hal-hal yang melibatkan agama dan adat-istiadat. Pihak British memberi jaminan seperti yang diminta oleh Sultan Ahmad dengan syarat, negeri itu mempunyai sebuah kerajaan yang baik. Pada tahun 1900, Sultan Ahmad pergi ke Singapura.[316] Lawatan tersebut mengukuhkan lagi hubungan baginda dengan British. Sultan Ahmad bercadang pergi ke Eropah untuk mendapatkan rawatan tetapi keadaan baginda yang semakin uzur menghalang keberangkatannya ke Eropah pada tahun 1903.[317] Segala perbelanjaan perubatan Sultan Ahmad dibiayai oleh British yang bertujuan mengambil hatinya.

Sultan Ahmad juga telah diberikan penghormatan oleh British pada tahun 1902,[318] sebagai seorang Ahli Kehormat Kelas Kedua atau Panglima Kehormat Bintang Saint Michael dan Saint George (K. C. M. G.).[319] Anugerah yang diberikan oleh British kepada Sultan Ahmad ini bukan sahaja bertujuan untuk menghapuskan kegelisahan Sultan Ahmad tetapi turut menunjukkan rasa simpati British atas kehilangan kuasa mutlak Sultan Ahmad. Pemberian anugerah British ini sebagai satu taktik kawalan terhadap pemerintah-pemerintah Melayu yang hendak memulakan sebarang penentangan terhadap British.

Umur Sultan Ahmad ketika menerima anugerah tersebut sudah agak lanjut. Baginda amat menghargai anugerah tersebut[320] tanpa menyedari motif di sebalik pemberiannya. Sultan Ahmad terpaksa tunduk kepada segala arahan British. Hal ini menyukarkan Sultan Ahmad mendapatkan kembali kuasa politik, undang-undang dan pentadbiran negeri. Menjelang tahun 1904, sejumlah 102 enakmen diluluskan oleh keempat-empat Majlis Mesyuarat negeri. Majlis ini bertindak sebagai badan pendaftar dan penasihat[321] yang membincangkan satu-satu enakmen sebelum diluluskan. Sekiranya salah satu Majlis Mesyuarat Negeri mahu meminda satu-satu enakmen, pindaan tersebut dianggap sebagai pindaan enakmen dan kemudian digunakan di dalam keempat-empat buah negeri. Justeru itu, prosedur tersebut sukar dan mengambil masa yang lama.[322] Penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan kemudiannya pada tahun 1909 bertujuan memusatkan tugas-tugas pemerintahan di keempat-empat buah negeri Melayu,[323] berjaya memperkukuhkan lagi pentadbiran dan perundangan British, yang sekaligus turut menamatkan matlamat Sultan Ahmad.

Pada bulan Disember 1907, John Anderson, Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, mencadangkan penubuhan suatu Majlis Persekutuan bertujuan untuk melicinkan pentadbiran keempat-empat negeri dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Penubuhan majlis

tersebut juga dapat mempercepatkan lagi pengendalian perundangan dalam negeri kerana pertambahan penduduk di kalangan pedagang, pelombong dan penanam amat drastik di keempat-empat negeri. Selanjutnya, satu perjanjian pembentukan Majlis Mesyuarat Persekutuan digubal pada tahun 1909 dan ditandatangani oleh keempat-empat pemerintah. Majlis Mesyuarat Persekutuan terdiri daripada Pesuruhjaya Tinggi, Residen Jeneral, Sultan Perak, Sultan Selangor, Sultan Pahang, Yamtuan Negeri Sembilan, Residen Perak, Residen Selangor, Residen Pahang, Residen Negeri Sembilan dan empat orang ahli tidak rasmi.

Sultan-sultan Negeri-negeri Melayu Bersekutu menyetujui pembentukan Majlis Mesyuarat Persekutuan dengan syarat kuasa dan keistimewaan yang dinikmati melalui Majlis Mesyuarat Negeri tidak dirampas.[324] Para Sultan tidak mempunyai kuasa undang-undang kerana majlis dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi dan bukannya sultan. Selain itu, sultan juga tiada hak untuk mencalonkan ahli-ahli di dalam majlis dan tiada kuasa veto, kehadiran sultan di dalam mesyuarat juga tidak penting, malah sultan hanyalah ahli-ahli biasa dalam majlis perundangan pusat.

**Gambar 10:** Persidangan DURBAR yang pertama pada tahun 1897 di Istana Negara Kuala Kangsar Perak (14 – 17 Julai 1897)



**Sumber:** Dengan ihsan Arkib Negara Malaysia

Kedudukan dan kuasa Residen Jeneral dalam Majlis Persekutuan juga masih sama dan keutamaan masih diberikan kepada sultan-sultan. Justeru itu, gelaran Residen Jeneral ditukar kepada Ketua Setiausaha Kerajaan walaupun ditentang oleh ahli-ahli rasmi Majlis Mesyuarat Persekutuan.[325]

Menjelang tahun 1910, Sultan Ahmad mulai sedar bahawa kuasa dan hak yang dipegangnya semakin terhakis disebabkan oleh perubahan perlembagaan yang diperkenalkan oleh British. Sejak tahun 1898 sehingga tahun 1906, British tidak mengendahkan segala rungutan Sultan Ahmad berkenaan masalah kewangan. Sultan Ahmad tidak berjaya menguasai ekonomi di Pahang yang merupakan salah satu elemen penting untuknya mencapai kedudukan dan kuasa. Tuntutan baginda paling berjaya, didapati daripada Syarikat Penjum. Sejak permulaan sistem Residen di Pahang pada tahun 1888, pembayaran Syarikat Penjum kepada Sultan Ahmad dan Orang Kaya Lipis dianggap sebagai satu perjanjian sulit di antara kedua-dua pihak yang terlibat.[326] Oleh itu, bayarannya terus diambil oleh kedua-dua Sultan Ahmad dan Orang Kaya Lipis dan bukannya kepada Perbendaharaan Negeri. Pengenalan sistem penyewaan yang baru menyebabkan pembayaran tersebut perlu diserahkan kepada pemerintah British. Walaupun begitu, ketiadaan fasal tersebut di dalam perjanjian menyebabkan British terpaksa meneruskan pembayaran sewa tersebut. Akibatnya, apabila Sultan Ahmad membuat tuntutan berkenaan elaun, pihak British tidak mengendahkan tuntutan Sultan Ahmad, malah merujuk pembayaran sewa Syarikat Penjum sebagai alasan penolakan tuntutan baginda. British juga tidak berterus terang kepada Sultan Ahmad malah bersifat dingin terhadapnya. Keadaan ini menyedarkan Sultan Ahmad yang baginda tewas dalam perjuangannya mendapatkan kuasa. Usia baginda yang semakin lanjut menjadi faktor utama menghalang baginda terus aktif dalam perjuangan tersebut.

Pada usia 78 tahun, Sultan Ahmad adalah seorang sultan yang patuh, mudah menyerah, tidak dapat berjalan dan sangat uzur. Oleh kerana itu, baginda memutuskan untuk menyerahkan pemerintahan Pahang kepada puteranya, Tengku Mahmud. Pada 10 Disember 1909, Sultan Ahmad mengutuskan sepucuk surat kepada Residen Pahang yang menyatakan tentang penyerahan kuasa kerajaan kepada Tengku Mahmud dengan rasminya.[327] Pada 3 April 1909, Tengku Mahmud diisytiharkan sebagai Pemangku Raja oleh British.[328] Pengisytiharaan ini dibuat berdasarkan Enakmen Pemangku Raja yang telah diluluskan oleh British. Tindakan Sultan Ahmad ini merupakan usaha terakhir baginda untuk mengekalkan kuasa di Pahang. Tengku Mahmud telah diisytiharkan sebagai Pemangku Raja sejak tahun 1889 lagi, tetapi Sultan Ahmad mengambil masa selama hampir 20 tahun sebelum dapat menyerahkan kuasanya kepada Tengku Mahmud. Sepanjang tempoh 20 tahun tersebut, Sultan Ahmad terus berharap dan berusaha untuk

mendapatkan kembali kuasa autoritinya. Kedegilan baginda yang disebabkan matlamat tersebut turut menjadikan Tengku Mahmud sebagai 'umpan' mencapai cita-cita tersebut. Namun begitu, pada tahun-tahun akhir pemerintahannya, Sultan Ahmad sudah tua dan nyanyuk dan keadaan ini memaksa baginda untuk turun takhta. Penglibatan Sultan Ahmad dalam pentadbiran juga amat sedikit malah tugas tersebut telah diambil alih oleh Tengku Mahmud sepenuhnya.[329] Hal ini menguntungkan pihak British kerana Tengku Mahmud mempunyai hubungan yang erat dengan British. British menganggap Tengku Besar dan isterinya sebagai orang yang sangat setia kepada British dan "telah membiasakan dirinya bergaul di kalangan masyarakat Eropah."[330]

Berbeza dengan Sultan Ahmad, Tengku Mahmud merupakan seorang pemerintah yang pragmatik dan selalunya menyambut baik segala rancangan British. Justeru itu, British amat memberi perhatian di atas segala kehendak Tengku Mahmud. Keadaan ini terlihat semasa Tengku Mahmud hendak melawat Eropah. Tengku Mahmud telah meminta supaya Encik Wise mengiringinya.[331] Pihak British mencadangkan Encik Fleming sebagai pengiring Tengku Mahmud tetapi cadangan tersebut tidak dipersetujuinya.

Selain itu, Tengku Mahmud juga dianugerahkan Bintang Kehormat Saint Michael dan Saint George (C. M. G.) pada tahun 1907. Penganugerahan tersebut telah dilakukan oleh Pesuruhjaya Tinggi, John Anderson sewaktu lawatan ke Pahang.[332] Anugerah tersebut bertujuan meyakinkan Tengku Mahmud akan sokongan British.

Menjelang tahun 1912, Sultan Ahmad dilaporkan sangat tenat dan menderitai penyakit *bronchitis*, lelah dan *hernis* yang teruk.[333] Pada tahun akhir sebelum kemangkatan Sultan Ahmad, kebanyakan pembesar-pembesar yang berjuang bersama baginda juga telah meninggal dunia. Pada tahun 1900, Orang Kaya Setiawangsa Lipis meninggal dunia tanpa melantik pengganti.[334] Begitu juga apabila Ungku Andak dan Tuan Itam meninggal dunia pada tahun-tahun 1913 dan 1914.[335] Justeru itu, Sultan Ahmad tidak lagi mempunyai penasihat-penasihat yang boleh menjadi penasihat dalam perjuangannya mencari kuasa. Menjelang tahun 1914, keadaan kesihatan Sultan Ahmad semakin buruk. Masalah ketagihan candu menyebabkan keadaan baginda semakin tenat dan pada 10 Mei 1914, Sultan Ahmad mangkat. Ketika kemangkatannya baginda berusia 83 tahun.[336] Sultan Ahmad berjaya memerintah Pahang dalam satu jangka waktu yang panjang dan penuh dengan pergolakan. Tengku Mahmud yang juga Pemangku Raja ditabalkan sebagai Sultan Pahang yang baru pada 29 Mei 1914.[337] Dengan ini, bermulalah 'zaman keagungan' seorang pemerintah Pahang yang baru.

**Gambar 11:** Sultan Ahmad ibni Bendahara Ali (1914)



**Sumber:** Dengan ihsan Arkib Negara Malaysia

**Pahang Darul Makmur – sehingga tahun 1930-an**

Selepas kemangkatan Sultan Ahmad, pemerintah Pahang selepasnya, memerintah untuk jangka masa yang singkat. Sultan Ahmad digantikan oleh Tengku Mahmud sebagai sultan Pahang yang baru, yang juga diiktiraf oleh British sebagai seorang individu yang berkaliber, pintar dan mempunyai pengetahuan yang luas tentang hal-ehwal tempatan.[338] British juga menyedari bahawa pemerintah Pahang yang baru ini akan taat setia kepada British kerana Tengku Mahmud enggan dilantik sebagai sultan sewaktu berlakunya pemberontakan di Pahang pada tahun 1891–1892.[339]

Tengku Mahmud merupakan Pemangku Raja yang dilantik oleh ayahandanya, Sultan Ahmad sejak tahun 1899 lagi. Perlantikan tersebut dibuat memandangkan Tengku Mahmud mempunyai hubungan yang baik dengan pihak British dan berhubung rapat dengan matlamat Sultan Ahmad sendiri. Baginda berharap perlantikan Tengku Mahmud dapat mengekalkan kuasa autokratik baginda. Walaupun begitu, usaha-usaha Sultan Ahmad mendapatkan kuasa mutlak baginda selama lebih sedekad itu tidak berjaya juga akhirnya.

Hubungan Sultan Mahmud dan rakyatnya juga tidaklah begitu ketara. Walaupun begitu ketika Perang Dunia Pertama berlaku, terdapat laporan yang menyatakan bahawa Sultan Mahmud amat bersimpati dengan para tentera yang menyertai peperangan tersebut terutama anggota-anggota tentera dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Baginda dikatakan telah menghadiahkan pemetik api perak[340] kepada anggota-anggota tentera yang terlibat dalam peperangan tersebut melalui Sir William Taylor.

Secara umumnya, kejayaan pemerintahan Sultan Mahmud tidaklah begitu ketara. Keadaan ini berhubung rapat dengan usia pemerintahannya yang pendek. Kesihatan baginda yang sering terganggu justeru itu menghalangnya melibatkan diri secara aktif dalam hal-ehwal negeri sebelum baginda mangkat pada tahun 1917.

Apabila Sultan Mahmud mangkat, baginda telah digantikan oleh Tengku Abdullah yang juga merupakan putera Sultan Ahmad. Pengisytiharan Tengku Abdullah sebagai pengganti Sultan Mahmud telah dilakukan sebelum upacara pemakaman Sultan Mahmud.

Tengku Abdullah diisytiharkan dalam satu upacara mengikut adat-istiadat negeri Pahang yang turut dihadiri oleh ahli-ahli Majlis Negeri, pembesar-pembesar dan orang ramai. Upacara pertabalan pula dibuat pada 12 Mei 1919 di Pekan, yang dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Residen, pegawai-pegawai dan kesemua pembesar negeri.[341] Tengku Abdullah bergelar Sultan al-muktasam Billah Sultan Abdullah.

Kedudukan pembesar-pembesar Melayu juga semakin terhapus sejak penabalan Sultan Abdullah. Dua orang pembesar negeri dan dua orang

**Gambar 12:** Tengku Mahmud ibni Sultan Ahmad, Tengku Besar Pahang.



**Sumber:** Dengan ihsan Arkib Negara Malaysia

pembesar daerah iaitu Wan Mohammed bin Wan Idris, Datuk Maharaja Perba, pembesar Jelai dan seorang ahli Majlis Negeri, meninggal dunia pada 4 Januari 1919. Maharaja Perba yang amat berkuasa sebelum zaman kedatangan British, hilang kekuasaannya dengan perlaksanaan pentadbiran British. Apabila Maharaja Perba meninggal dunia, anaknya Wan Chik menjadi ahli Majlis Negeri dan menggantikan tempat ayahnya untuk beberapa hari. Wan Chik juga pernah menjadi pegawai kerajaan British sebagai penghulu di Batu Yon, daerah Lipis.[342]

Pada tahun 1920, Tengku Suleiman ibni almarhum Sultan Ahmad Muazzam Shah, adinda Tengku Abdullah, dilantik sebagai Tengku Besar.[343] Kedudukan tersebut telah dikosongkan oleh Tengku Abdullah yang telah ditabalkan sebagai sultan Pahang. Beliau dilantik sebagai Tengku Besar oleh Pesuruhjaya Tinggi NMB sewaktu membuat lawatan rasmi ke Pekan pada 27 Oktober 1920. Perlantikan Tengku Suleiman menggembirakan pihak British kerana beliau merupakan seorang pegawai Melayu paling baik di dalam pentadbiran di daerah Pekan. Menurut Residen British, W. D. Scott, jawatan yang dikosongkan oleh Tengku Suleiman tidak mudah untuk diisi oleh orang lain. Oleh itu, British menaruh keyakinan terhadap Tengku Suleiman sebagai seorang yang berupaya membantu Sultan Abdullah menjalankan pentadbiran negeri Pahang.

Menjelang tahun-tahun berikutnya, lebih ramai orang baru berkhidmat di dalam pentadbiran British menggantikan pegawai-pegawai lama yang telah meninggal dunia dan bersara. Pegawai-pegawai baru yang dilantik kebanyakannya pro-British. Pada bulan Januari 1922, Encik Usuf bin Che Tukang, Datuk Imam Perang Indera Setia Raja Pulau Tawar, meninggal dunia. British menganggap kematian tersebut sebagai suatu kehilangan besar kerana Encik Usuf merupakan pembesar yang amat dipercayai. British amat menghargai khidmat yang diberikan oleh Encik Usuf terutama ketika berlakunya Pemberontakan Pahang (1894) di Tembeling dan ketika peringkat awal pemerintahan kerajaan British di Pahang.[344] Beliau juga diingati kerana kegagahan dan penglibatannya yang aktif sebagai salah seorang ahli Majlis Mesyuarat Negeri. Kemudian pembantu penghulu Ulu Jelai, Che Buang bin Busu meninggal dunia. Penghulu Ulu Kelantan, Wan Majid bin Wan Andak dan pembantu penghulu Cheka, Che Man bin Rahmat, meletakkan jawatan atas alasan sudah lanjut usia. Kedua-dua penghulu tersebut meninggal dunia pada penghujung tahun tersebut. British tidak melantik pengganti jawatan tersebut tetapi meletakkan pentadbiran kedua-dua kawasan tersebut di bawah pentadbiran penghulu Kuala Kuantan. Menjelang tahun 1924, kebanyakan pembesar yang menjadi tokoh penting semasa pemberontakan di Pahang, telah meninggal dunia. Pada bulan September 1924, Raja Impeh bin Raja Abdullah dan Tengku Samat bin Tengku Muda meninggal dunia.[345] Raja Impeh yang mempunyai pertalian saudara dengan kerabat diraja Selangor, menetap

di Raub untuk beberapa tahun. British menghargai Raja Impeh kerana kesetiaan dan kesungguhannya mentadbir Raub sewaktu kekacauan Pahang pada tahun 1891, Tengku Isudin kemudiannya menggantikan Tengku Samat dan menjadi penghulu di Gali. Perlantikan ini selaras dengan polisi kerajaan NMB untuk mengambil lebih ramai orang Melayu, mentadbir daerah kecil dan mukim.[346]

**Gambar 13:** Sultan Abdullah al-Mutassim Bilah ibni Sultan Ahmad, Sultan Pahang antara tahun 1917 hingga 1932.



**Sumber:** Dengan ihsan Arkib Negara Malaysia

Semasa pemerintahan Sultan Abdullah, beberapa perubahan ekonomi dan sosial berlaku. Penghapusan sistem kerah berkuatkuasa melalui Perintah Majlis No. 5, tahun 1899.[347] Sultan Abdullah juga menasihatkan ketua-ketua kampung supaya membaiki keadaan kebersihan di kampung agar kesihatan penduduk kampung terjamin. Nasihat ini dibuat berdasarkan kepada laporan lawatan Pesuruhjaya Tinggi ke negeri tersebut.

Dari segi ekonomi, jumlah hasil pendapatan Pahang berbeza-beza mengikut jenis keluaran. Harga bijih timah yang menggalakkan menambah jumlah permohonan untuk membuka lebih banyak lombong bijih.[348] Kawasan penanaman padi bertambah mulai awal tahun 1919, tetapi hasil tuaiannya agak rendah, seterusnya menimbulkan kesusahan kepada para penanam padi di Pahang. Hasil padi merosot kerana masalah banjir dan kemarau yang berlaku di beberapa kawasan pengeluaran padi. Daerah Pekan dan Kuantan merupakan antara dua daerah yang mengalami masalah ini dan mengeluarkan hasil padi yang sedikit. Justeru itu, kerajaan NMB terpaksa mengawal harga jualan padi pada bulan Julai tahun 1919 bagi mengatasi masalah kekurangan hasil padi ini. Harga getah pula menurun menjelang akhir tahun tersebut. Keadaan ini menyebabkan berkurangnya permohonan untuk membuka lebih banyak kawasan penanaman getah.

Sultan Abdullah membuat satu lawatan rasmi ke Kuala Lipis dan Raub pada bulan September 1923. Lawatan tersebut dibuat bersempena pameran hasil-hasil pertanian yang dijalankan di daerah tersebut. Inilah kali pertama sejak beberapa tahun, penduduk di Ulu Pahang berpeluang bertemu Sultannya. Penduduk tempatan keluar beramai-ramai dan berkumpul di sepanjang jalan raya untuk menyambut baginda.[349] Kebanyakan penduduk berharap Sultan akan membuat lebih banyak lawatan seperti itu pada masa akan datang. Oleh itu, hubungan yang erat antara Sultan dan rakyat dapat diwujudkan.

Pada tahun 1919, kerajaan Persekutuan mengisytiharkan satu polisi pemilikan tanah yang dikenali sebagai Tanah Simpanan Melayu. Di Pahang, polisi ini pertama kali diperkenalkan di kawasan Pekan yang meliputi kawasan seluas 135,040 ekar (54,016 hektar) dan di kawasan Benus di Bentong dengan kawasan seluas 950 ekar (380 hektar). Pada tahun 1923 pula, dua buah kawasan Tanah Simpanan Melayu telah dibuka di Raub iaitu di Gali dan Dong. Di Temerloh, Tanah Simpanan Melayu Bera ditubuhkan.[350] Oleh itu, terbentuklah satu jaluran kawasan Tanah Simpanan Melayu dari Kuala Krau sehinggalah ke sempadan daerah Pekan. Cadangan juga dikemukakan untuk membuka satu kawasan petempatan baru di Bentong. Pada tahun 1927, suatu kawasan Tanah Simpanan Melayu telah dibentuk di Temerloh, yang dikenali sebagai kawasan Tanah Simpanan Melayu Semantan.[351] Begitu juga di daerah Lipis, sebuah Kampung Baru dan Tanah Simpanan Melayu Tempoian telah dibentuk. Pada dasarnya, pengenalan polisi Tanah

Simpanan Melayu ini berpunca atas kesedaran bahawa lebih banyak Tanah Simpanan Melayu perlu diisytiharkan oleh British sekiranya mahu mengekalkan pemilikan tanah di kalangan para penduduk tempatan di negeri tersebut.[352]

Walaupun pelbagai langkah diambil untuk mewujudkan kawasan Tanah Simpanan Melayu tetapi tidak semua kawasan di Pahang mendapat faedah melalui program tersebut. Beberapa daerah sering dilanda banjir lalu memisahkan kawasan tersebut daripada kawasan Tanah Simpanan Melayu yang lain. Pada tahun 1923, satu banjir besar berlaku di Pahang. Banjir tersebut memusnahkan kawasan tanah yang luas di daerah-daerah Lipis, Temerloh, Kuantan dan Pekan. Banjir terus berlaku sehingga tahun 1924 yang telah memutuskan sistem perhubungan antara Pekan dengan daerah-daerah lain. Malapetaka-malapetaka yang berlaku ini juga menyebabkan Pahang mengalami masalah kekurangan beras. Justeru itu, pihak British mengambil langkah membeli dan mengirim beras ke Mentakab dan seterusnya dihantar ke Pekan melalui jalanraya. Banjir yang berlaku pada tahun tersebut adalah yang terburuk pernah berlaku dan mengorbankan banyak nyawa terutama orang-orang yang tinggal di sepanjang Sungai Pahang di daerah Pekan. Pada penghujung tahun 1926, satu lagi banjir besar, dicatatkan berlaku.

Kejadian banjir besar yang berlaku memusnahkan hampir seluruh daerah di Pahang kecuali daerah Raub dan Bentong. Kebanyakan penduduk terpaksa dipindahkan ke kawasan-kawasan yang lebih tinggi. Sistem perhubungan jalan raya dan keretapi terganggu. Perkhidmatan telegraf dan telefon juga terputus dan kebanyakan stesen tidak dapat berfungsi sepenuhnya. Begitu juga kerosakan harta benda awam dan persendirian. Banyak rumah dimusnahkan oleh banjir dan apabila banjir surut, lumpur dan pasir tertinggal di kawasan-kawasan tertentu dan mengganggu kerja-kerja pertanian.[353] Di daerah Ulu Tembeling, mendapan sungai meliputi kawasan hampir 20 kaki tebalnya. Walaupun kerosakan dan kemusnahan yang dialami oleh penduduk tempatan maha hebat tetapi kebanyakan mereka masih tenang dan berusaha membantu pihak British untuk mengembalikan keadaan seperti sediakala.[354]

Kerja-kerja membaiki kerosakan mula dijalankan pada tahun 1927 berikutan timbulnya kebimbangan berlakunya banjir pada tahun tersebut. Justeru itu, kerajaan British mengambil langkah-langkah awal, untuk menghadapi banjir tersebut. Bekalan makanan disimpan dalam jumlah yang banyak. Banjir yang berlaku pada tahun-tahun sebelumnya, turut memusnahkan kawasan tanaman kelapa seluas 500 ekar (200 hektar) di daerah Kuantan.[355]

Perubahan politik dan pentadbiran berlaku pada penghujung tahun-tahun 1920-an. Tengku Suleiman dilantik menjadi ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan. Bilangan ahli bagi Majlis Mesyuarat Negeri ditambah pada

tahun 1928 dengan perlantikan Orang Kaya Indera Segara (Che Ungku) Abdul Jamal bin Ungku Muda dan pada tahun 1929, Tengku Panglima Perang, Tengku Yusuf ibni almarhum Sultan Ahmad pula dilantik, menganggotainya. Kemudian, pada tahun 1930, keahlian Majlis Mesyuarat Negeri ditambah lagi dengan perlantikan Tengku Mahkota Pahang dan Ketua Kadi Negeri.[356]

Beberapa jawatan baru juga dibentuk. Gelaran Tengku Mahkota mula digunakan pada tahun 1930. Selain itu, Setiausaha Kerajaan Negeri juga menyetujui penggunaan beberapa gelaran baru seperti Tengku Arif Bendahara, Tengku Arif Temenggong, Tengku Panglima Besar dan Ungku Muda. Dua gelaran yang pertama dipegang oleh putera kedua dan ketiga Sultan yang memerintah. Begitu juga dengan gelaran pembesar Delapan dan Enambelas, digunakan semula seperti sebelum kedatangan British.[357]

Beberapa undang-undang baru berhubung dengan pewaris takhta juga dibuat memandangkan Sultan Abdullah, yang sering sakit sejak bulan Julai tahun 1928. Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri Tanah Jajahan memutuskan bahawa pengganti Sultan haruslah seorang waris agnatik, iaitu, mempunyai pertalian darah dengan sultan. Oleh itu, gelaran Tengku Mahkota dikurniakan kepada putera sulung Sultan Abdullah iaitu Tengku Abu Bakar. Beliau dianugerahkan gelaran tersebut pada 10 Jun 1928 di Pekan, Pahang. Mulai bulan November tahun tersebut, Tengku Abu Bakar berpindah ke Temerloh.[358] Pada penghujung tahun 1928 juga, Tengku Abu Bakar dikurniakan seorang putera, lalu putera tersebut diiktirafkan sebagai pewaris Sultan. Pada bulan Mei 1930, Tengku Mahkota Abu Bakar melawat England dan berkesempatan menemui Raja dan Permaisuri England. Tengku Mahkota kembali ke Pekan pada bulan November 1930.

Menjelang tahun 1931, kesihatan Sultan Abdullah semakin buruk. Baginda sering jatuh sakit dan pada bulan Oktober 1930, Sultan Abdullah diserang penyakit demam yang teruk. Keadaan baginda ini bertambah buruk kerana baginda juga mengidap penyakit paru-paru. Walaupun penyakit baginda amat serius tetapi baginda tetap menghadiri persidangan Durbar pada bulan Ogos 1931 di Sri Menanti.[359]

Keadaan kesihatan Sultan Abdullah semakin buruk sebelum baginda mangkat pada 23 Jun 1932, setelah diberikan rawatan intensif. Pada saat kemangkatannya, Sultan Abdullah dikelilingi oleh ke semua kerabat diraja, pembesar-pembesar utama dan Residen British. Sultan Abdullah dimakamkan di tanah perkuburan diraja Pahang, setelah diisytiharkan oleh pewaris takhta, mengikut adat-istiadat pemakaman diraja dan diberikan penghormatan tentera.[360]

Kemangkatan Sultan Abdullah merupakan satu kehilangan besar kepada British. Almarhum merupakan seorang pemerintah Melayu yang sering bekerjasama dengan British dan melibatkan diri secara aktif

di dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis Mesyuarat Persekutuan semasa hidupnya. Sebagai tanda penghargaan, pihak British menganugerahkan baginda Darjah Panglima Komander Utama St. Michael dan St. George

**Gambar 14:** Sultan Abu Bakar Pahang. Gambar ini diambil pada tahun 1932.



**Sumber:** Dengan ihsan Arkib Negara Malaysia

pada tahun 1921, sempena hari Keputeraan King George di England. Pada bulan Mac 1922 pula, baginda telah dianugerahkan Darjah *Prince of Wales*[361] ketika King George melawat Kuala Lumpur.

Tengku Abu Bakar, putera sulung Sultan Abdullah menjadi Sultan Pahang selepas ayahandanya. Baginda ditabalkan pada 28 Mei 1933. Keadaan ekonomi di Pahang tidak memperlihatkan sebarang perubahan malah banjir besar terus berlaku di Pahang dan memusnahkan kawasan tanaman padi yang belum dituai dan tanah pertanian yang diusahakan. Semua kegiatan ekonomi yang baru juga tidak dapat dijalankan. Justeru itu, negeri Pahang terus mengalami masalah kewangan dan sekaligus melambatkan pertumbuhan ekonominya. Tanaman getah juga tidak banyak diusahakan. Para petani lebih berminat menanam padi dan tanaman makanan lain. Justeru itu, keadaan hidup penduduk tempatan, pada umumnya tidak jauh berubah selepas tahun 1931.[362]

Jangka waktu antara tahun 1915 sehingga pertabalan Sultan Abu Bakar mempunyai para pemerintah yang memerintah Pahang untuk jangka waktu yang singkat. Corak pemerintahan dalam jangka waktu ini lebih sederhana jika dibandingkan dengan pemerintahan Sultan Ahmad. Pemerintah-pemerintah Pahang dalam jangka waktu ini lebih memberi penekanan kepada perkembangan ekonomi dan sosial. Pembukaan kawasan pertanian baru, lombong-lombong bijih timah di samping pembinaan jalan raya, sistem perhubungan dan sekolah lebih diutamakan.

## NOTA

1. P. Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur, 1961, hlm. 70. Lihat, W. Linehan, "A History of Pahang", *JMBRAS*, 14, ii (1936) cetakan semula no. 2, 1973, hlm. 5
2. W. P. Groeneveldt, *Historical Notes on Indonesia and Malaya from Chinese Sources*, Djakarta, 1960, hlm. 136–137.
3. K. E. Southwood, "Lake Chini – A lost Settlement in Pahang", *Malaya in History*, Jilid 6, i (1960), hlm. 27. Pengiktirafan seperti ini merupakan satu adat yang biasa dilakukan oleh para pemerintah, untuk menjamin kedudukannya. Selalunya, pengiktirafan ini didapati daripada pemerintah kuasa-kuasa besar seperti China. Lihat, Wang Gangwu, "The Opening of Relations Between China and Malacca 1403–1405", Bastin and. Roolvink, ed, *Malayan and Indonesian Studies*, Great Britain, 1964, hlm. 87–104, Syed Muhammad Naquib al-Attas, "Note on the Opening of Relations Between China and Malacca 1403–1405", *JMBRAS* 38, i (1965), hlm. 260-264. Istilah Pala-mi-so-la-ta-lo-si-mi dikenal pasti sebagai istilah China untuk Parameswara Teluk Chini. Terdapat juga anggapan bahawa Maharaja Tajau dan Parameswara Teluk Chini merupakan pemerintah yang sama. Pendapat lain menyatakan bahawa kedua-dua pemerintah adalah berlainan dan memerintah di tempat yang berlainan. Lihat W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 5–6.
4. P. Wheatley, *op. cit.*, hlm. 301–302.

5. Pada abad ke-14, orang-orang Cina menganggap Pahang sebagai sebuah negeri yang mempunyai bekalan beras yang mencukupi. Pahang juga mengeksport hasil haruman hutan, kapur barus, kayu gaharu dan minyak wangi. Lihat R. G. Cant, "A Historical Geography of Pahang", hlm. 19.
6. Godinho de Eredia, "Report on the Golden Chersonese or Peninsula 1597–1690", J. V. Mills (terjemahan), *JMBRAS*, 8, i (1930) hlm. 233. Lihat W. Linehan, *op. cit.*, hlm. 7.
7. K. E. Southwood, *op. cit.*, hlm. 24. Terdapat beberapa cerita legenda tentang Cini. Lihat Godinho de Eredia, *ibid.*, hlm. 24–30.
8. Orang-orang Siam berpangkalan di Sukhotai dan memulakan siri perluasan kuasa di negeri-negeri Tanah Melayu pada tahun 1280. Lihat P. Wheatley, *op. cit.*, hlm. 301. Untuk maklumat lanjut tentang naungan kerajaan Ligor ke atas Pahang, lihat W. Linehan, *op. cit.*, hlm. 9–12.
9. Melaka merupakan pusat perdagangan yang diasaskan oleh orang-orang Melayu dari Palembang pada tahun 1400. Melaka kemudiannya berkembang menjadi sebuah empayar yang berkuasa dan pusat perdagangan antarabangsa. Maklumat lanjut tentang ekonomi dan politik di Melaka, lihat M. A. P. Meilink – Roelofsz, *Asian Trade and European Influence*, the Hague, 1962, hlm. 35–40. Lihat C. C. Brown, "Sejarah Melayu or the Malay Annals", *JMBRAS* 25, ii dan iii, (Oktober 1952), hlm. 58–59, R. J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", *JMBRAS* 13, ii (1935), hlm. 22–67. P. E. Josselyn de Jong dan H. C. A. Van Wijk, "The Malacca Sultanate", *JSEAH* 1, ii, 1960, hlm. 23–27.
10. Untuk maklumat lanjut tentang pemerintahannya, lihat R. O. Winstedt, "Sejarah Melayu", *JMBRAS* 16, iii, (Disember 1938), hlm. 92–93; R. J. Wilkinson, *op. cit.*, hlm. 37.
11. G. E. Marrison, "The Siamese Wars with Malacca during the Reign of Muzaffar Shah", *JMBRAS* 22, i, (Mac 1949), hlm. 62–63; C. C. Brown, *op. cit.*, hlm. 64–66; R. O. Winstedt, *ibid.*, hlm. 92–97.
12. R. O. Winstedt, "Malay Rulers of Malacca", *Malaya in History*, 7, ii, 1962, hlm. 6.
13. J. Anderson, "Political and Commercial Considerations relating the Malay Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca", *JMBRAS* 35, iv, (cetakan kedua 1962) hlm. 36–37. Lihat W. Shellabear (*ed*), *Sejarah Melayu*, Singapura, 1961, hlm. 99–102. Terdapat pelbagai versi berhubung dengan serangan Melaka ke atas Pahang. Berdasarkan naskah **Sejarah Melayu** yang disunting oleh R. O. Winstedt, menyatakan bahawa Mansur Shah telah melancarkan serangan ke Pahang, sewaktu dalam perjalanan pulang dari Majapahit. Lihat R. O. Winstedt, *op. cit.*, hlm. 98–100. W. Linehan pula menyatakan bahawa serangan tersebut berlaku pada tahun 1454, ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Shah. Lihat W. Linehan, *op. cit.*, hlm. 12. Menurut Shellabear, serangan tersebut dilakukan selepas kemangkatan Sultan Muzaffar Shah. Haji Buyong Adil pula menyokong pandangan Shellabear kerana Sultan Mansur Shah dibantu oleh rakyat Pahang yang telah diserang oleh Siam pada tahun 1445. Berdasarkan rekod-rekod Siam, Melaka mengalahkan Siam antara tahun 1457 dan 1459. Selepas kekalahan Siam itu, Puteri Orang Seri, yang merupakan puteri Maharaja Dewa Sura yang menjadi raja Siam, dikahwinkan kepada Sultan Mansur Shah. Lihat Haji Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 30.
14. Dia kemudiannya dipanggil pulang ke Melaka apabila Sultan Muhammad Shah menjadi sultan Pahang. R. O. Winstedt, *op. cit.*, Bab 11.
15. Lihat R. O. Winstedt, *ibid.*, Bab 11.
16. R. O. Winstedt, *ibid.*, hlm. 124–125; W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 14.

17. R. O. Winstedt, "The Geneology of Malacca's Kings from a Copy of the Bustanu Salatin", *JSBRAS*, 81, Mac 1920, hlm. 44. (Bustanu Salatin dirujuk sebagai Bustan-al-Salatin.)
18. W. Shellabear, (*ed*) *Sejarah Melayu*, hlm. 171. Lihat R. O. Winstedt, "Malay Rulers of Malacca, hlm. 6.
19. Baginda menyuruh seorang hulubalangnya bernama Seri Akar Raja, membunuh Telani dari Terengganu kerana bertaat setia dengan Sultan Alauddin Melaka. Lihat R. O. Winstedt, *Sejarah Melayu*, cetera 14, hlm. 141–142.
20. Tun Teja ialah anak perempuan Bendahara yang terkenal kerana kecantikannya. Sultan Mahmud Shah, sultan Melaka, berhajat untuk memperisterikannya. Baginda meminta bantuan Hang Nadim, seorang pembesar Melaka, untuk melarikan Tun Teja dan mengahwininya. Lihat W. Shellabear, *Sejarah Melayu*, cetera 29, hlm. 226–233.
21. R. O. Winstedt, "Bustan-al-Salatin", hlm. 44.
22. *Ibid*., hlm. 45; W. Linehan, *op. cit*., hlm. 17. Baginda memerintah Pahang sehingga tahun 1511.
23. R.J. Wilkinson, The Early Sultans of Pahang, *JMBRAS* 10, i,1932, hlm. 51.
24. R. O. Winstedt, "*Sejarah Melayu*", Bab 21, hlm. 180–181; J. Anderson, *op. cit*., hlm. 24.
25. Perbincangan yang mendalam tentang perjalanan kedua-dua pemerintah tersebut selepas penaklukan Portugis di Melaka pada tahun 1511, lihat I. A. Mac Gregor, "Johore Lama in the Sixteenth Century", *JMBRAS* 28, ii, 1955, hlm. 48–114. Sultan Mahmud akhirnya menetap di Bintan dan membunuh anaknya. Lihat R. O. Winstedt, *op. cit*., hlm. 193.
26. W. Linehan, *op. cit*., hlm. 19–24 dan lampiran 7, hlm. 252–256.
27. W. Linehan, *op. cit*., hlm. 19. Lihat I. A. Mac Gregor, "Notes on the Portuguese in Malaya", *JMBRAS* 28, ii, 1955, hlm. 36.
28. Kajian tentang minat Portugis di perairan selatan Tanah Melayu, lihat L. Y. Andaya, *The Kingdom of Johore 1641–1728*, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 20–28.
29. Kedua-dua pemerintah disyaki menyebelahi Portugis sehingga tahun 1522.
30. Baginda adalah bapa mertua Sultan Mahmud.
31. R. O. Winstedt, "Bustan-al-Salatin", hlm. 46.
32. R. O. Winstedt, "A History of Johore", *JMBRAS* 10, i, 1932, hlm. 13.
33. Ibu kota pemerintahan Sultan Alauddin tidaklah diketahui dengan tepat. Ibu kotanya mungkin di Pasir Raja, Batu Sawar, Makam Tauhid, Pekan Tua atau Sayong Pinang. Lihat R. O. Winstedt, *ibid*., hlm. 15–17. Pada tahun 1535, ibu kota Sultan Alauddin dikatakan di Sayong Pinang.
34. Pada tahun 1535, Sultan Muzaffar, putera Sultan Mahmud berangkat ke Sayong Pinang (Johor) untuk ditabalkan oleh Sultan Alaudin Johor.
35. R. O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 19–21.
36. R. O. Winstedt, "Bustan-al-Salatin", hlm. 46. Selepas kemangkatan Sultan Muzaffar pada tahun 1532, takhta kerajaan Johor dipegang oleh Sultan Zainal Abidin, Sultan Mansur Shah II, Sultan Abdul Jamal dan Sultan Abdul Kadir. Lihat R. O. Winstedt, *ibid*., hlm. 46–47. Maklumat lanjut tentang hubungan Melaka dan Portugis, lihat Godinho de Eredia, *op. cit*., hlm 234.
37. Laksamana Belanda Matelief meminta bantuan pemerintah Pahang pada tahun 1607. Lihat W. Linehan, *op. cit*., hlm. 30; J. G. Sheehan, "Seventeenth Century Visitors to the Malay Peninsula", *JMBRAS* 12, ii, 1934, hlm. 81–83.
38. Pada tahun 1612, Sultan Alaudin Shah III Johor menghadiri majlis perkahwinan seorang puteranya dengan puteri Sultan Abdul Ghafar di Pahang. Sewaktu jamuan, Sultan Johor berhajat memiliki sebentuk cincin

mutiara yang dipakai oleh Raja Brunei, menantu Sultan Abdul Ghafar. Raja Brunei tidak mahu menyerahkannya kepada Sultan Johor yang menyebabkan kemarahannya. Akibatnya, perkahwinan tersebut dibatalkan. Lihat H. R. Huges Hallet, "A Sketch of the History of Brunei", *JMBRAS*, 12, ii, (Ogos 1940), hlm. 31.

39. Dengan bantuan Raja Brunei, Sultan Abdul Ghafar berangkat ke Brunei dan akhirnya pulang ke Pahang pada tahun 1614.
40. Pemerintah Johor yang baru adalah Sultan Alauddin Riayat Shah III (1575–1616)
41. C. A. Gibson-Hill, "Johore Lama and other ancient sites", *JMBRAS* 28, ii, (Mei 1955), hlm. 157–158; C. A. Gibson-Hill, "On the alleged death of Sultan Alaudin of Johore in Acheh", *JMBRAS*, 29, i, 1956, hlm. 126; R. O. Winstedt, "A History of Malaya", *JMBRAS*, 13, i, 1935, hlm. 114; R. O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 34. Sultan Alaudin melarikan diri ke Bentan, manakala Raja Bongsu dibawa sebagai tebusan ke Acheh. Sultan Alaudin akhirnya ditawan oleh angkatan Sultan Iskandar Muda. Lihat C. A. Gibson-Hill, *op. cit.*, hlm. 157–158; C. A. Gibson-Hill, *op. cit.*, hlm 126–127. Keterangan lanjut tentang kekuasaan Acheh, lihat D. G. E. Hall, *A History of Southeast Asia*, London 1964, hlm. 321–326.
42. C. A. Gibson-Hill, "Johor Lama and other ancient sites," hlm. 145 dan 158; R. O. Winstedt, "A History of Malaya", hlm. 115.
43. C. A. Gibson-Hill, "On the alleged death of Sultan Alaudin of Johore in Acheh", hlm. 134. Sultan Abdullah menceraikan isterinya yang juga adinda kepada Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dari Acheh.
44. *Ibid.*, hlm. 135–136.
45. Baginda menggantikan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam Shah.
46. R. O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 39. Lihat R. O. Winstedt, "The Early Rulers of Perak, Pahang and Acheh", *JMBRAS*, 10, i, (1932), hlm. 38.
47. R. O. Winstedt, "A History of Malaya", hlm. 37.
48. R. O. Winstedt, *ibid.*, hlm. 117; R. O. Winstedt, "A History of Johore, hlm. 36; Mac Hobian (diterjemahkan) "The Siege and Capture of Malacca 1640–1641", *JMBRAS*, 14, i, (1936), hlm. 50.
49. Selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani, seorang wanita bergelar Taj-ul-Alam menggantikan takhta Acheh. Lihat R. O. Winstedt, "The Early Rulers of Perak, Pahang and Acheh", hlm. 39.
50. Yamtuan Muda Raja Bajau berhajat mengahwini seorang puteri Pangeran Jambi, tetapi perkahwinan tersebut ditentang oleh Sultan Abdul Jalil Johor. Pertunangan dibatalkan pada tahun 1664.
51. R. O. Winstedt, "A History of Malaya", hlm. 145; C. A. Gibson-Hill, "Johore Lama and other ancient sites", hlm. 159; R. O. Winstedt, "A History of Johore", hlm 43.
52. C. A. Gibson-Hill, *op.cit.*, hlm. 142, 145, 159; Anon, *Naskhah Hikayat Pahang*, hlm. 164; R. O. Winstedt, *ibid.*, hlm. 44–45.
53. Anon, *ibid*; R. O. Winstedt, *op. cit.*, hlm. 46; C. A. Gibson-Hill, *op. cit*, hlm. 159; R. O. Winstedt, "A Bendaharas and Temenggongs", *JMBRAS*, 10, i, (Januari 1932), hlm. 58.
54. R.O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 47, Anon, Naskhah *Hikayat Pahang*, hlm. 164; C. A. Gibson-Hill, "Johore Lama and other ancient sites", hlm. 45.
55. R. O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 47.
56. Apabila Bendahara Tun Habib Abdul Majid meninggal dunia, Tun Abdul Jalil telah diterima sebagai Bendahara Paduka Raja yang baru. Lihat R. J. Wilkinson, "Mahmud II and Abdul Jalil III, *JMBRAS* 9, i (1931), hlm. 29.

57. W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 45. Berdasarkan **Hikayat Pahang**, apabila Sultan Mahmud mangkat, Bendahara Abdul Jalil membunuh kesemua isteri-isteri Sultan Mahmud yang mengandung. Beliau kemudiannya mengambil alih kuasa dan melantik dirinya sebagai sultan yang baru. Lihat, Anon, *Hikayat Pahang*, hlm. 164.
58. 'Wakil Mutallak' bermakna 'wakil-wakil yang diiktiraf oleh Sultan.' Wakil ini boleh menjatuhkan hukuman berat dan diberikan kuasa yang sama seperti pembesar-pembesarnya. Lihat W. Linehan, *ibid.*, hlm. 53.
59. W. Linehan, "Royal Modes of Address in Pahang", *JMBRAS*, 4, iii (1926), hlm. 339.
60. R. G. Wilkinson, "Mahmud II and Abdul Jalil II", hlm. 32–33.
61. Pada tahun 1716, Bendahara Seri Maharaja Mas Jiwa meninggal dunia dan adiknya Temenggong Tun Abdul telah dilantik sebagai Bendahara baru, dia kemudiannya telah digantikan oleh Tun Abdul Jamal. Lihat R. G. Wilkinson, *ibid.*, hlm. 32.
62. Joao Tavares (diterjemahkan oleh D. T. Hudges), "A Portugese account of Johore", *JMBRAS* 13, ii, (Oktober 1935), hlm. 128; C. A. Gibson-Hill, "Johore Lama and other ancient sites", hlm. 163-164. Lihat juga L. Y. Andaya, "Raja Kecil and the Minangkabau Conquest of Johore in 1718", *JMBRAS*, 14, ii (1872), hlm. 51–75.
63. Joao Tavares, *op. cit.*, hlm. 111–139; C. A. Gibson-Hill, *op. cit.*, hlm. 163–166. Anon, *Hikayat Pahang*, hlm. 165, R. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 55; D. K. Bassett, "European influence in the Malay Peninsula, 1511–1786", *JMBRAS* 33, iii, (1960), hlm. 25; di Pahang, adik Sultan Abdul Jalil, Tun Jamal, berjaya menjadi Bendahara selepas Tun Abdullah. Untuk maklumat lanjut tentang keturunan Bendahara, lihat W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 47–49.
64. Menjelang akhir abad ke-17, Bugis telah mula mengukuhkan kuasanya di Semenanjung Tanah Melayu. Adik-beradik Bugis yang terkenal merupakan Daing Perani, Daing Menambun, Daing Merewah, Daing Chelak dan Daing Kemasi. Untuk maklumat lebih lanjut, lihat D. G. E. Hall, *op. cit.*, hlm. 328–329; R. O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 51–70; R. O. Winstedt, "A History of Selangor, *JMBRAS*, 12, iii (1934), hlm. 1–34, R. O. Winstedt, "A History of Malaya," hlm. 150–163.
65. R. O. Winstedt, "A History of Johore, hlm. 55–56. Perjanjian itu juga dikenali sebagai **"Atoran Setia Antara Melayu dan Bugis"**.
66. Untuk maklumat lanjut, lihat R. O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 56. Anon, *Hikayat Pahang*, hlm. 167–168.
67. Daing Merewah telah digantikan oleh Daing Chelak dan kemudiannya oleh Daing Kemboja dan Raja Haji.
68. Evolusi minat ekonomi dan perniagaan British dan Belanda di Hindia Timur telah dikaji dengan mendalam dan telah dikumpulkan. Bagi British, mereka cuba untuk mengelakkan komitmen politik dengan ketua sesuatu puak kerana objektif-objektif tersebut hanya diputus melalui perundingan Inggeris–Belanda di Eropah. Lihat N. Tarling, *Anglo-Dutch Rivalry in the Malay World 1780–1824*, Cambridge, 1962, hlm. 11-46 dan di bawah.
69. D. K. Basset, "Anglo-Malay Relations 1785–1795", *JMBRAS* 28, ii, (1965), hlm. 184. Basset menegaskan bahawa Raja Ali adalah anak Raja Haji tetapi menurut **Tuhfat-al-Nafis**, Raja Ali adalah anak Daing Kemboja. Lihat Ali bin Raja Haji, Ahmad, Raja Haji, *Tuhfat-al-Nafis* (dirumikan oleh Munir Ali) Singapura, 1965. Versi Jawi peranakan (*ed*) R. O. Winstedt "A History of Johore", hlm. 62. Sultan Ibrahim dan angkatan Pahang akhirnya berjaya menyingkirkan Belanda daripada kubu di Kuala Selangor pada bulan Jun 1785.
70. Anon, *Hikayat Pahang*, hlm. 169–170; untuk maklumat lanjut, lihat

R. O. Winstedt, "A History of Johore, hlm. 64–66.
71. Tun Abdul Majid, anak Tun Abbas ialah Bendahara Pahang pada tahun 1770. Dia menggantikan Tun Hassan, Bendahara Pahang antara tahun dari 1748–1770.
72. R. O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 66.
73. Untuk maklumat lanjut tentang lanun (*Ilanuns*) lihat N. Tarling, *Piracy and Politics in the Malay World*, Singapura, 1963, Bab 4.
74. Untuk maklumat lanjut, lihat D. K. Basset, "Anglo Malay Relations 1786–1795", hlm. 197–201. Lihat juga R. O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 68.
75. D. K. Basset, *op.cit.*, hlm. 203.
76. B. H. M. Vlekke, *Nusantara*, A History of Indonesia, the Hague, 1965, hlm. 233–237.
77. Raja Ali bin Raja Haji Ahmad, *Tuhfat-al-Nafis*, hlm. 236.
78. *Ibid.*, hlm. 245.
79. Tun Abdul Mutalib melawat Riau pada tahun 1802 dan beliau telah diraikan oleh Sultan Mahmud Shah dari Riau-Lingga. Mengikut adat tradisi empayar Johor Pahang-Riau-Lingga, anak seorang Bendahara yang telah diberikan sambutan mesra oleh Sultan akan diisytiharkan sebagai Pemangku Raja. Pada waktu Tun Abdul Mutalib melawat Riau, bapa saudaranya Tun Jamal turut hadir, tetapi beliau tidak mendapat sebarang perhatian dari pemerintah Riau, untuk maklumat lanjut lihat R. O. Winstedt, "Abdul Jamal, Sultan of Johore (1699-1719), Abdul Jalil Temenggong, (c. 1750) and Raffles Founding of Singapore", *JMBRAS*, 11, ii, (1933), hlm. 163–164.
80. W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 54–55.
81. Raja Ali bin Raja Ahmad, *Tuhfat-al-Nafis*, hlm. 259–266.
82. Beliau tinggal di Bulang sehingga tahun 1811 sebelum British mengambil alih Jawa dari Perancis-Belanda. Jawa kemudiannya diletakkan di bawah pemerintahan Leftenan Gabenor Stamford Raffles dan Syarikat Hindia Timur Inggeris. Untuk satu kajian tentang peristiwa-peristiwa yang merintis jalan kepada penguasaan Jawa oleh British dan sikap Lord Minto dan Raffles berhubung dengan perkara ini, lihat B. H. Vlekka, *Nusantara*, the Hague, 1965; H. J. Marks, *The First Conquest of Singapore 1819–1824*, the Hague, Emily Hanh, *Raffles of Singapore – a biography*, New York, 1946; C. E. Wortzburg, *Raffles of the Eastern Isles*, London, 1954; Sophia Raffles, *Memoir of the Life and Public Services of Sir Thomas Stamford Raffles*, London, 1830, jilid 1 dan 2; J. Bastin, "Sir Stamford Raffles and John Crawford's ideas of Colonizing the Malay Archipelago", *JMBRAS* 26, i, 1953. Sejak tahun 1811 hingga 1819, Temenggong Abdul Rahman menetap di sepanjang Sungai Singapura dan dari sini beliau menguatkuasakan kawalannya ke atas wilayah-wilayah naungannya. Beliau sering melawat Singapura tetapi tidak menetap di sana. Lihat R. O. Winstedt, "A History of Johore, hlm. 81. Lihat juga C. B. Buckley, *An Annectodal History of Old Times Singapore* 1819–1819, (dicetak semula) Kuala Lumpur 1965, hlm. 20.
83. Untuk satu kajian tentang polisi-polisi British dan Belanda, lihat N. Tarling, "British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824-1871", *JMBRAS* 30, ii (1957); N. Tarling, *Anglo Dutch Rivalry in the Malay World 1780–1824*, Cambridge, 1962; H. J. Marks, *The First Conquest for Singapore 1819–1824*, the Hague, 1959; D. K. Basset, "Anglo Malay Relations 1786–1785", *JMBRAS* 33, ii (1965).
84. Putera Mahmud Shah III, Tunku Hussein telah mengahwini Esah, salah seorang adik perempuan Bendahara Ali.
85. Ejaan-ejaan lain yang digunakan termasuklah Abdurrahman, tetapi

dalam kajian ini ejaan Abdul Rahman digunakan.

86. Beliau menggantikan Raja Ali pada tahun 1866.
87. R. O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 77.
88. Untuk maklumat lanjut tentang perselisihan takhta, lihat C. M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826–1867*, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 272–273. Lihat juga A. C. Baker, "Anglo-Dutch Relations in the East at the beginning of the Nineteenth Century, *JSBRAS*, 64, 1913, hlm. 50–54.
89. Tunku Putri Hamidah adalah isteri keempat Sultan Mahmud Shah III yang merupakan puteri Raja Haji.
90. R. O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 77.
91. *Ibid.*, hlm. 84; lihat juga M. C. Sheppard, "A Short History of Trengganu's, *JMBRAS* 22, ii, (Jun 1949), hlm. 24–25.
92. Jasa baik Raffles menimbulkan satu kontroversi besar dalam hubungan Inggeris-Belanda. Lihat H. J. Marks, *ibid.*, dan di bawah.
93. H. J. Marks, *ibid.*, hlm. 39-41, lihat juga L. A. Mills, *British Malaya 1824–1867*, Singapura, 1925, hlm. 58; T. S. Raffles, "The Founding of Singapore", *JSBRAS*, Vol. 2, (1878), hlm. 175–182.
94. C. D. Cowan, "Early Pahang and The Rise of Singapore 1805–1932", *JMBRAS* 23, ii (1950), hlm. 89–90.
95. L. A. Mills, *op. cit.*, hlm. 71–81. Untuk maklumat lanjut tentang syarat-syarat perjanjian 1824, lihat John Bastin dan Robin W. Winks (*ed*) *Malaysia, Selected Historical Readings*, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 133–136. Lihat juga H. J. Marks, *op. cit.*, hlm. 252–262.
96. Percubaan untuk menghidupkan kembali empayar Riau hanya dilakukan pada tahun 1850-an apabila Mahmud Shah IV menaiki takhta pemerintahan.
97. L. A. Mills, *op. cit.*, hlm. 66–67.
98. C. M. Turnbull, *op. cit.*, hlm. 275.
99. Pada tahun 1832 Sultan Muhammad dari Lingga telah melantik anaknya Raja Mahmud sebagai Tengku Besar. Bendahara Ali juga telah menganugerahkan gelaran Ungku Muda kepada anaknya Mutahir.
100. Untuk maklumat lanjut tentang keluarga Sultan Ahmad, lihat M. C. Sheppard "A Short History of Terengganu", hlm. 25–26.
101. Sultan Muhammad menggantikan ayahandanya Abdul Rahman dari Lingga yang mangkat pada tahun 1832. Sultan Muhammad menjadi pemerintah kedua kerajaan Riau–Lingga.
102. Untuk maklumat lanjut tentang pembesar-pembesar ini, lihat W. Linehan, "A History of Pahang", lampiran III, hlm. 188–200.
103. W. Linehan, "The Bendaharas of Pahang", *JMBRAS*, 4, iii, (1926), hlm. 336.
104. Kebanyakan sejarawan memberikan pelbagai tarikh berhubung dengan kemangkatan Bendahara Ali. Untuk maklumat lanjut berhubung kontroversi tersebut, lihat W. Linehan, "The Chronology of Pahang's, Bendaharas", *JMBRAS* 12: ii, (1934), hlm. 70.
105. Setiausaha Kerajaan India kepada Sir C. Wood, 8 Disember 1862, salinan surat-surat berkaitan dengan serangan ke atas Terengganu pada bulan November 1862 (dirujuk sebagai **Surat Keterangan Terengganu 1862**) *S.S.R.*, Pejabat India, 28 Julai 1863, hlm. 1.
106. Sultan Mahmud Shah menggantikan ayahandanya Sultan Muhammad Shah pada tahun 1841. Baginda bersikap kejam dan boros yang menyebabkan baginda dibenci oleh Belanda. Baginda cuba menegaskan tuntutannya ke atas Pahang. Hal ini melanggar undang-undang British dan syarat perjanjian 1824. Belanda menyingkirkan baginda pada tahun 1857. Lihat surat Kolonel Cavenagh kepada Setiausaha Kerajaan India, no. 121, 19 Julai 1861, lampiran dalam *Surat Keterangan Terengganu* 1862,

*S.S.R.*, Pejabat India, 28 Julai 1863, hlm. 4.
107. Baginda Omar merupakan bapa saudara sebelah ibu bagi Sultan Mahmud Shah dari Lingga.
108. Temenggung Ibrahim disokong oleh pihak pedagang kaya di Singapura. Untuk keterangan lanjut, lihat C. M. Turnbull, *op. cit* hlm. 276–290.
109. British merasa cemas dengan campur tangan Siam di Pahang dan Terengganu kerana hubungan politik di negeri-negeri Melayu Utara telah ditentukan oleh Perjanjian Burney antara Inggeris-Siam pada tahun 1826. Namun begitu, persetujuan dengan negeri Terengganu dan Kelantan agak kabur dan tidak didefinisikan dengan jelas. Sehingga tahun 1862 Siam tidak membuat sebarang serangan terbuka ke atas kemerdekaan Kelantan, Terengganu dan Pahang, "tetapi cuba mencapai matlamatnya melalui komplot sulit." Selepas tahun 1862, Siam menggugurkan polisi ini dalam percubaannya untuk mendapatkan kawalan ke atas Pahang dan Terengganu. British bertindak dan Gabenor Cavenagh yang melihat perjanjian 1826 dari satu perspektif yang berbeza terganggu apabila Siam mulai melibatkan diri dalam hal-ehwal politik Pahang dan Terengganu. Untuk maklumat lanjut tentang hubungan Inggeris-Siam di antara tahun 1824-1867, lihat L. A. Mills, *op. cit.*, hlm. 128–170.
110. Hubungan persahabatan diperteguhkan lagi apabila anak Wan Mutahir, Wan Kuris mengahwini anak perempuan Temenggung Ibrahim.
111. R. O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 94–95.
112. M. C. Sheppard, *op. cit.*, hlm. 31.
113. *Ibid.*, lihat juga W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 68.
114. *Ibid.*, hlm. 70.
115. Untuk maklumat lanjut, lihat, *ibid.*
116. *Ibid.*, hlm 73–74.
117. Setiausaha Kerajaan India kepada Sir C. Wood, 8 Disember 1862, *Surat Keterangan Terengganu*, 1860, *S.S.R.* Pejabat India, 28 Julai 1862, hlm. 3.
118. *Ibid.*, hlm. 2.
119. Menurut W. Linehan, persetujuan Wan Mutahir untuk memberikan Wan Ahmad elaun gantirugi daripada pendapatan Kuantan dan Endau tidak diimplementasikan melalui suatu persetujuan bertulis; oleh itu Gabenor tidak dapat mencapai suatu penyelesaian. Lihat W. Lineban, *op. cit.*, hlm. 75.
120. Sultan Mahmud dibantu oleh Siam untuk ditabalkan sebagai Sultan Terengganu.
121. Untuk maklumat lanjut tentang perjanjian berikut, lihat lampiran C. Lihat juga C. M. Turnbull. "The Origins of British Control in the Malay States before Colonial Rule", dalam John Bastin dan R. Roolvink, (*ed*), *Malayan and Indonesian Studies*, Great Britain, hlm. 176.
122. Untuk keterangan lanjut, lihat Messrs Patterson Simons dan Syarikat kepada Leftenan Kolonel Macpherson, Setiausaha kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 23 Oktober 1862 lampiran dalam *Surat Keterangan Terengganu* 1862, *S.S.R.*, Pejabat India, 28 Julai 1863, hlm. 28.
123. W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 82.
124. Untuk keterangan lanjut tentang serangan, lihat surat Leftenan J. M. Protheroe, Timbalan Setiausaha kepada Kerajaan Negeri-negeri Selat kepada Kolonel R. MacPherson Ahli Dewan Singapura, 3 November 1862, lampiran dalam *Surat Keterangan Terengganu*, 1862, *op. cit.*, hlm. 32–37, lihat juga C. M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826–1867*, hlm. 295.
125. Lihat hlm. 324–325
126. W. Linehan, *op. cit.*, hlm. 82-83, lihat juga R. O. Winstedt, "A History of Malaya", hlm. 227.
127. R. O. Winstedt, "A History of Johore", hlm. 105.

128. Surat-surat Maharaja Perba, Dokumen S, lampiran dalam W. Linehan, *op. cit.*, appendik 4, hlm. 213.
129. W. Linehan, "The Bendahara of Pahang", hlm. 338.
130. Untuk maklumat lanjut berhubung dengan perjanjian 1868, lihat lampiran D.
131. R. O. Winstedt, "A History of Malaya", hlm. 207–209.
132. Untuk maklumat lanjut tentang peperangan, lihat R. O. Winstedt, "A History of Selangor, *JMBRAS* 12, iii, (1934), hlm. 18–34.
133. S. M. Middlebrook, "Yap Ah Loy (1837–1885), *JMBRAS* 24, ii, (Julai 1951), hlm. 48.
134. *Ibid.*, hlm. 68.
135. *Ibid.*, hlm. 76.
136. W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 97; S. M. Middlebrook, "Yap Ah Loy", hlm. 81.
137. Untuk maklumat lanjut, lihat Sir W. J. Jervois kepada Earl of Carnarvon, 5 Jun 1875, *P.P.*, no. 36.
138. *Ibid.*, untuk keterangan lanjut lihat juga Anon, *Hikayat Pahang*, cerita 36; *Swettenham Papers*, catatan untuk 17 April 1875.
139. W. J. Jervois kepada Earl of Carnarvon, 5 Jun 1876, *P.P.*, No. 36. Lihat juga W. J. Jervois kepada Earl of Carnarvon, 23 Julai 1875, *P.P.*, no. 5.
140. Untuk maklumat mendalam tentang latar belakang campur tangan British di Negeri-negeri Melayu, lihat Khoo Kay Kim, "The Origins of British Administration in Malaya", *JMBRAS* 39, iii, (1966), hlm. 52–91. Lihat juga J. M. Gullick, *Malaya*, London, 1964, Bab 3; C. D. Cowan, *Nineteenth Century Malaya: The Origins of Political Control*, London, 1961; C. N. Parkinson, *British Intervantion in Malaya, 1867–1874*, Kuala Lumpur, 1964; W. D. MacIntyre, "Britain's Intervention in Malaya", *JSEAH*, 2, iii, Singapura 1961; E. Chew, "The reasons for British Intervention in Malaya: Review and Reconsideration", *JSEAH*, 6, i, 1965.
141. Gabenor Andrew Clarke kepada Earl of Carnarvon, 6 Oktober 1874, *P.P.*, no. 69.
142. C. N. Parkinson, *British Intervention in Malaya*, 1867–1874, Kuala Lumpur, 1964, hlm. 187.
143. W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 102.
144. Penganugerahan gelaran bukanlah faktor utama bagi pergeseran, tetapi konflik yang timbul disebabkan faedah ekonomi yang diperolehi dengan penghormatan yang dianugerahkan kepada ahli-ahli biasa. Temuduga dengan Datuk Zakaria Hitam, 16 Mei 1975, di Kuantan.
145. W. Linehan mencatatkan bahawa Bendahara Ahmad menyandang gelaran itu pada 6 Ogos 1882. Lihat W. Linehan, A History of Pahang, hlm. 104. Walau bagaimanapun dalam satu surat kepada Gabenor Weld, Bendahara Ahmad mengatakan bahawa dia dipilih sebagai Sultan oleh pembesar-pembesarnya pada 14 Oktober 1881. Lihat Sultan Ahmad Shah kepada Weld, salinan, 26 Oktober 1881. C. O. 273/113, *hlm.* 148. Mulai saat itu Wan Ahmad memperkenalkan dirinya sebagai Sultan, dalam semua urusannya dengan Pejabat Kolonial, tetapi pihak British tidak menerima gelàran tersebut sehingga 1887. Oleh yang demikian, British masih menganggap Sultan Ahmad, sebagai Bendahara.
146. Walaupun pendapat ini bertentangan dengan pendapat yang mengatakan bahawa baginda tidak ingin menyandang jawatan tersebut; tetapi tindakan tersebut dibuat atas permintaan pembesar-pembesar dan rakyatnya, yang boleh menyingkirkannya, apabila mereka tidak mahukannya lagi. Weld kepada Kimberley, sulit, 23 Januari 1882, C. O. 273/113, *hlm.* 131.
147. Weld kepada Kimberley, sulit, 19 April 1882, C. O. 273/114, *hlm.* 14.

148. Sultan Ahmad kepada Weld, salinan, 26 Oktober 1881, C. O. 273/113, *hlm.* 148.
149. *Ibid., hlm.* 150.
150. Weld kepada Granville, sulit, 15 Jun 1886, C. O. 273/140, *hlm.* 81.
151. F. A. Swettenham, "Journal kept during a journey across the Malay Peninsula," *JSBRAS*, 15, 1885, *hlm.* 6.
152. Clifford kepada Setiausaha Kolonial, laporan, 1 Oktober 1887, lampiran dalam Weld kepada Holland Bart, sulit, 15 Oktober 1887, C. O. 273/148, *hlm.* 246.
153. Rodger kepada Setiausaha Kolonial, laporan, 13 Oktober 1888, lampiran dalam Smith kepada Knutsford, sulit, 15 Oktober 1888, C. O. 273/155, *hlm.* 85. W. Linehan mengatakan bahawa Wan Mansur adalah adik kesayangan Sultan Ahmad. Lihat W. Linehan, *op. cit.*, hlm. 104.
154. Apabila Wan Ahmad berhasrat untuk menjadi Sultan, baginda melantik anak lelakinya, Tengku Mahmud, sebagai waris takhta dan mengumumkan keputusannya kepada pihak kolonial. Weld kepada Kimberley, sulit, 19 April 1882, C. O. 273/114, *hlm.* 146. Lihat juga Smith kepada Derby, 28 Jun 1884, C. O. 273/128, *hlm.* 159. Wan Mansur dipilih sebagai Raja Muda (Engku Muda) apabila Wan Ahmad menjadi Bendahara selepas perang saudara. Lihat Wan Mansur kepada W. H. M. Read, memoranda, 26 Mei 1884, lampiran dalam Smith kepada Derby, sulit, 23 Jun 1884, C. O. 273/128, *hlm.* 163–164.
155. Smith kepada Derby, sulit, 17 November 1884, C. O. 273/130, *hlm.* 361.
156. Dokumen 9, *Surat-surat Maharaja Perba*, lampiran dalam W. Linehan, *op. cit.*, hlm. 218.
157. Smith kepada Derby, sulit, 23 Jun 1884, C. O. 273/128, *hlm.* 157.
158. Dokumen 9, *Surat-surat Maharaja Perba, op. cit.*, hlm. 218.
159. Smith kepada Derby, sulit, 17 November 1884, C. O. 273/130, *hlm.* 360.
160. Smith kepada Derby, sulit, 1 Oktober 1884, C. O. 273/130, *hlm.* 11.
161. Untuk mengetahui syarat-syarat perjanjian tersebut lihat N. S. Maskelyne kepada Knutsford, laporan, 3 Mei 1887, C. O. 273/157; *hlm.* 346-350. Lihat juga salinan konsesi Kuantan, *B.R.O.F.* 1888, 5/88.
162. N. S. Maskelyne kepada Knutsford, laporan, 3 Mei 1887, C. O. 273/157, *hlm.* 375. Lihat juga William Fraser kepada Messrs. Rodyk dan Davidson, laporan tentang konsesi Kuantan 1888 - Koperasi Pahang Sendirian Bhd. *B.R.O.F.* 1889/1890.
163. Pemangku Setiausaha Kolonial, Negeri-negeri Selat kepada Pemangku Residen British, Selangor, 12 Januari 1885, *S.S.F.* 94/85. Lihat juga Bendahara Pahang kepada Smith, 6 November 1884, *S.S.F.* 746/85.
164. Elaun ini dicadangkan oleh Smith berikutan kepulangan Wan Mansur ke Singapura pada tahun 1884. Lihat Smith kepada Derby, sulit, 17 November 1884, C. O. 273/130, *hlm.* 360; lihat juga Raja Mansur kepada A. M. Skinner, 20 November 1885, *S.S.F.* 643/85; Bendahara Pahang kepada Smith, 6 November 1884, *S.S.F.* 746/85.
165. Swettenham berpeluang melawat Pahang apabila dijemput oleh Sultan Ahmad pada tahun 1881, ketika Sultan Ahmad melawat Singapura. Wan Mansur dijadikan alat utama untuk memperkukuhkan hubungan di antara British dengan Pahang dan menjadi motif utama dalam utusan Swettenham. Lihat Smith kepada Derby, sulit, 23 Mei 1885, C. O. 273/134, *hlm.* 287.
166. Swettenham mendapati bahawa kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku dalam negeri disebabkan pemerintahan Sultan Ahmad yang kurang cekap. Hal ini menyebabkan Swettenham membuat kesimpulan bahawa Pahang tidak akan maju mahupun mendapat pemerintahan yang

lebih baik tanpa nasihat dan bantuan British. Untuk maklumat lanjut, lihat F. A. Swettenham, "Journal kept during a journey across the Malay Peninsula", hlm. 7–16.

167. Weld kepada Derby, memorandam, 9 Julai 1885, C. O. 273/138, *hlm*. 361. Lihat juga Smith kepada Knutsford, sulit, 10 Oktober 1888, C. O. 273/155, *hlm*. 38.
168. Weld kepada Edward Stanhope, sulit, 3 Disember 1886, C. O. 273/141, *hlm*. 677–682.
169. Raja Pahang (Bendahara) kepada Residen Selangor, lampiran dalam Residen Selangor kepada Clifford, 7 Ogos 1887, *S.S.F* 1887, 1970/87.
170. Weld kepada Granville, sulit, 15 Jun 1886, C. O. 273/141, *hlm*. 686–690.
171. Weld kepada Edward Stanhope, sulit, 3 Disember 1886, C. O. 273/141, *hlm*. 149. Untuk keterangan-keterangan yang bertentangan, lihat Tan Lai Kim kepada Yeo Pan, 2 November 1886, lampiran dalam Yeo Pan kepada Weld, rayuan, Jun 1886, lampiran dalam Weld kepada Edward Stanhope, sulit, 6 Disember 1886, C. O. 273/141, *hlm*. 704.
172. Weld kepada Edward Stanhope; sulit, 6 Disember 1886, C. O. 273/141, *hlm*. 686.
173. *Hugh Clifford's Diary 1887*, catatan bagi hari Selasa, 22 Februari, hlm. 24. Lihat juga Smith kepada Knutsford, sulit, 15 Oktober 1888, C. O. 273/155, *hlm*. 85.
174. Granville kepada Meade, 18 Mei 1886, C. O. 273/142, *hlm*. 871; Abdul Rahman kepada Granville, 29 April 1886, C. O. 273/142, *hlm*. 873.
175. Fraser kepada Robeck, persendirian, 4 Mei 1887, C. O. 273/148, *hlm*. 248–255.
176. Sultan Ahmad kepada Weld, salinan, 12 April 1887, C. O. 273/144, *hlm*. 151.
177. Artikel satu dalam Perjanjian Pahang adalah seperti berikut:

    ... Kedua-dua kerajaan akan bekerjasama sepanjang masa dalam penempatan yang terdiri daripada penduduk yang aman damai di dalam kawasan-kawasan yang berkenaan dan mempertahankan bersama kawasan-kawasan itu daripada serangan luar dan dalam penyerahan bersama oleh orang-orang tertuduh atau melanggar undang-undang, dalam keadaan-keadaan sebegini seperti yang dirancang di antara kedua-dua kerajaan ...

    Untuk artikel-artikel lain, lihat W. G. Maxwell dan W. S. Gibson, *Treaties and Engagement Affecting the Malay States and Borneo*, London, 1924, hlm. 132.
178. Untuk keterangan pihak British mengenai fasal tersebut, lihat Weld kepada Clifford, arahan-arahan, 7 Ogos 1887, lampiran dalam Weld kepada Holland Bart, sulit, 9 Ogos 1887, C. O. 273/146, *hlm*. 128.
179. Weld kepada Holland Bart, sulit, 3 Ogos 1887, C. O. 273/146, *hlm*. 91.
180. Weld kepada Holland Bart, sulit, 3 Ogos 1887, C. O. 273/146, *hlm*. 89.
181. Untuk cadangan-cadangan Weld, lihat Weld kepada Holland Bart, sulit, 3 Ogos 1887, C. O. 273/146, *hlm*. 90–93.
182. Sultan Abu Bakar kepada Weld, 26 September 1887, *Maharaja's Letter Book 1885–1898, hlm*. 62.
183. Sultan Abu Bakar kepada Weld, 13 Oktober 1887, *ibid*.
184. Smith kepada Knutsford, sulit, 3 Februari 1888, C. O. 273/151, *hlm*. 24.
185. Messrs. Rodyk dan Davidson kepada Knutsford, 24 Ogos 1887, lampiran dalam Smith kepada Knutsford, sulit, 3 Februari 1888, C. O. 273/151, *hlm*. 461.
186. *Hugh Clifford's Diary 1888*, catatan bagi hari Sabtu, 31 Mac 1888.
187. Smith kepada Sultan Ahmad, 29 Jun 1888, lampiran dalam Smith kepada Knutsford, 3 Jun 1888, C. O. 273/154, *hlm*. 58.

188. *Hugh Clifford's Diary 1888*, catatan-catatan bagi 4 Februari dan 4 Mac. Clifford telah melawat Go Hui beberapa kali.
189. **Hikayat Pahang** menafikan bahawa Go Hui seorang rakyat British. Lihat Anon, *Hikayat Pahang*, hlm. 161.
190. Smith kepada Knutsford, laporan 22 Jun 1888, lampiran dalam Smith kepada Knutsford, sulit, 3 Julai 1888, C. O. 273/54, *hlm*. 30. Go Hui disyaki dibunuh oleh Tuan Muda, seorang Komander yang mengikut arahan-arahan Sultan Ahmad. Lihat W. Linehan, *op.cit*., hlm. 120.
191. Puah Tuan Neo kepada Smith, rayuan, 18 Jun 1888, lampiran dalam Smith kepada Knutsford, sulit, 3 Julai 1888, C. O. 273/154, *hlm*. 46–49.
192. Smith kepada Sultan Ahmad, 3 Ogos 1888, lampiran dalam Smith kepada Knutsford, sulit, 2 Ogos 1888, C. O. 293/154, *hlm*. 394.
193. Sultan Pahang kepada Smith, 22 Julai 1888, lampiran dalam Smith kepada Knutsford, sulit, 2 Ogos 1888, C. O. 283/154, *hlm*. 391.
194. Sultan Abu Bakar mengelakkan diri daripada turut campur tangan dalam hal-ehwal negeri Pahang kecuali apabila diminta. Lihat Abu Bakar kepada Smith, 21 November 1888, lampiran dalam Smith kepada Knutsford, sulit, 23 November, C. O. 273/154, *hlm*. 448.
195. Bayaran pampasan untuk Perang Selangor berjumlah lebih kurang $37,920, manakala bayaran-bayaran konsesi berjumlah $3,600.
196. Smith kepada Knutsford, sulit, 10 Jun 1889, C. O. 273/160, *hlm*. 340.
197. Smith kepada Knutsford, sulit, 5 Ogos 1889, C. O. 273/161, *hlm*. 210.
198. Berdasarkan Undang-undang Melaka pemerintah itu dianggap sebagai Tuhan. Walaupun terdapat pembesar-pembesar yang lebih tua dalam kumpulan ini yang tidak puas hati semasa zaman pra-kolonial, tetapi Sultan masih dianggap sebagai badan tunggal yang tertinggi.
199. W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 123.
200. Sultan Ahmad kepada Smith, 30 Julai 1889, lampiran dalam Smith kepada Knutsford, sulit, 12 Ogos 1889, C. O. 273/161, *hlm*. 251.
201. Berdasarkan **Hikayat Pahang**, Sultan Ahmad terpaksa mendapatkan kebenaran pihak British terlebih dahulu untuk memburu seladang (kerbau liar), yang menjadi salah satu kegemarannya. Lihat *ibid*.
202. Smith kepada Knutsford, sulit, 12 Ogos 1889, C. O. 273/161, *hlm*. 417.
203. *A.R.P.* 1889, hlm. 6. Perlantikan pegawai-pegawai Eropah di beberapa kawasan pungutan cukai adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| F. Belfield | – Pemangku Pemungut Cukai (Pekan) |
| W. C. Mitchell | – Pemangku Penguasa (Ulu Pahang) |
| A. H. Wall | – Pemangku Pemungut Cukai dan Majistret (Kuantan) |
| E. A. Wise | – Pemangku Pemungut Cukai dan Majistret (Temerloh) |
| G. F. Owen | – Pemangku Pemungut Cukai dan Majistret (Rompin) |
| W. W. Mitchell | – Pemangku Pemungut Cukai dan Majistret (Kuala Pahang) |

204. *A.R.P.* 1889, hlm. 6; *A.R.P.* 1890, hlm. 90.
205. Wan Chad menggantikan Wan Andah sebagai penghulu Ulu Kuantan semasa ketiadaan Wan Andah di daerah tersebut. Lihat Pemangku Pemungut Cukai dan Majistret, Ulu Kuantan kepada Rodger, 25 Januari 1893, *A.R.K.D.O.* 1893, K45/93.
206. Wan Daud merupakan adik sepupu Tuk Raja Jelai yang sentiasa menyokong Sultan Ahmad. Baginda mengurniakan kuasa pemerintahan Lembah Lipis kepadanya. Untuk maklumat lanjut, Lihat W. Linehan, *op. cit*., hlm. 130.
207. Selain daripada Sultan, hanya Tengku Mahmud dan Raja Muda sahaja yang dilantik daripada kalangan kerabat diraja. Orang Kaya Temerloh, Orang Kaya Chenor, Datuk Bandar serta Datuk Raja merupakan para pembesar utama dalam Majlis Berempat. Imam Perang Indera Mahkota

pula mempunyai perhubungan rapat dengan Sultan.

208. *A.R.P.* 1888, hlm. 1; lihat juga Smith kepada Knutsford, sulit, 28 Ogos 1889, C. O. 273/161, *hlm.* 423.
209. *A.R.P.* 1889, hlm. 7; lihat juga minit-minit mesyuarat Majlis Negeri, 31 Disember 1889, lampiran dalam Smith kepada Knutsford, sulit, 17 Januari 1890, C. O. 273/165, *hlm.* 89–100; Rodger kepada Knutsford, laporan, 8 Januari 1890, *K.D.O.F.* 1890, K. 153/90. Lihat juga *Undang-undang Pahang* yang diluluskan oleh Majlis Negeri antara 31 Disember 1889 dan 8 Januari 1896, Kuala Lumpur, hlm. 19.
210. Minit-minit mesyuarat Majlis Negeri, 31 Disember 1889, lampiran dalam Smith kepada Knutsford, sulit, 17 Januari 1890, C. O. 273/165, *hlm.* 98. Lihat juga Smith kepada Knutsford, sulit, 12 Ogos 1889, C. O. 273/161, *hlm.* 418.
211. Minit-minit mesyuarat Majlis Negeri, 31 Disember 1889, lampiran dalam Smith kepada Knutsford, sulit, 17 Januari 1890, C. O. 273/165, *hlm.* 89. Untuk maklumat lanjut tentang fasal-fasal lain, lihat *hlm.* 89–94. Terdapat juga satu fasal yang menentukan bahawa pembelian atau mendapatkan hamba abdi merupakan tindakan yang dilarang. Lihat Smith kepada Knutsford, sulit, 12 Ogos 1889, C. O. 273/161, *hlm.* 418.
212. Rodger kepada Pemangku Pemungut Cukai, Pekan, 25 Februari 1890, *K.D.O.F.* 1890, K. 186/90.
213. Smith kepada Knutsford, sulit, 17 January 1890, C. O. 273/165, *hlm.* 84.
214. *Ibid.*
215. *A.R.P.* 1889, hlm. 6.
216. Harga candu ditetapkan berharga $200 satu peti. Lihat Smith kepada Knutsford, sulit, 10 Jun 1889, C. O. 273/160, *hlm.* 344.
217. Cukai eksport ke atas semua bahan hutan seperti rotan, getah, kayu dan balak sebanyak 10%, cukai eksport ke atas hasil-hasil pertanian sebanyak 12%. Lihat Rodger kepada Wall, arahan-arahan, 24 Jun 1889, *B.R.O.F.* 491/1889. Pada tahun 1895, segala kerja-kerja berhubung dengan tanaman getah, telah dilarang. Lihat *Undang-undang Pahang*, hlm. 66.
218. *A.R.P.* 1888, hlm. 1.
219. Rodger kepada Setiausaha Kolonial, 17 Disember 1890, *K.D.O.F.* 1893, 294/93.
220. *A.R.P.* 1888, *op. cit.*
221. *A.R.P.* 1889, hlm. 10. Sejak tahun 1890, golongan "budak raja" tidak berperanan lagi dan mendapat perlindungan daripada Sultan di Pulau Tawar.
222. **Hikayat Pahang** mencatatkan tentang Penghulu Che Bakar dari Balai yang membuat senarai nama tersebut. Dia telah memasukkan nama kawannya dan mengeluarkan nama musuh-musuhnya. Pada mulanya Sultan Ahmad hendak menyemak senarai nama ini, tetapi terlupa untuk berbuat demikian. Senarai asal kemudiannya telah dipersetujui oleh Residen dan pencen telah diperuntukkan. Lihat Anon, *Hikayat Pahang*, cerita 37.
223. Meade kepada Butler, persendirian, 21 Mei 1892, C. O. 273/180, *hlm.* 381.
224. *A.R.P.* 1891, hlm. 86. Lihat juga, *Undang-undang Pahang 1889–1896*, hlm. 28-43.
225. *A.R.P.* 1890, hlm. 94.
226. *A.R.P.* 1892, hlm. 93.
227. W. Linehan, *op.cit.*, hlm. 134.
228. *A.R.P.* 1893, hlm. 97-98.
229. *A.R.P.* 1896, hlm. 3.
230. *A.R.P.* 1890, hlm. 101.
231. *A.R.P.* 1891, hlm. 94.
232. *A.R.P.* 1891. hlm. 93.

233. *Ibid.*
234. *Ibid.* Beliau menerima elaun bulanan sebanyak $72.00. Lihat Fail Hugh Clifford, *The Straits Times*, 3 Januari 1970.
235. *A.R.P.* 1891, hlm. 94.
236. Clifford menyatakan bahawa insiden tersebut berlaku pada 17 Disember 1891, lihat *Hugh Clifford Diary 1893*, catatan Ahad 17 Disember 1893. Jang Aisyah mengisytiharkan insiden ini sebagai punca *casus belli* untuk pemberontakan tersebut, tetapi pada fikiran saya *casus belli* tersebut bermula pada 8 Oktober 1891. Insiden Disember hanya memperhebatkan kelantangan Bahaman untuk menentang British dengan lebih hebat. Lihat Jang Aisyah Muttalib. *Pemberontakan Pahang 1891–1895*, Kelantan, 1974, hlm. 264. Untuk maklumat lanjut tentang ekpedisi yang dijalankan, lihat *A.R.P.* 1891, hlm. 94.
237. *Ibid.* Persidangan-persidangan Majlis Perundangan, 7 Januari 1892, lampiran dalam Smith kepada Knutsford, sulit, 12 Januari 1892, C. O. 273/17, *hlm.* 20–21, lihat juga Anon, *Hikayat Pahang*, cetera 38, hlm. 172.
238. Smith kepada Knutsford, sulit, 29 Mac 1892, C. O. 273/179, *hlm.* 556. Lihat juga Pemangku Pengutip Cukai Temerloh kepada Residen British Pahang, laporan, 30 April 1892, *T.D.O.F.* 154/92.
239. *J. H. M. Robson, Records and Recollections 1889–1934*, Kuala Lumpur, 1934, hlm. 154. Lihat juga Smith kepada Knutsford, sulit, 23 Mac 1892, C. O. 273/179, *hlm.* 495.
240. Terdapat lebih kurang seratus orang Asli. Lihat *A.R.P.* 1891, hlm. 95.
241. Berdasarkan Laporan Tahunan Pahang 1891, *ibid.*
242. W. Linehan, "A History of Pahang," *JMBRAS* 14, ii (1926), 143–144, lihat juga *A.R.P.*: 1891, hlm. 98. Pihak British berharap penangkapan pemberontak dapat mengurangkan belanja dan masalah.
243. Smith kepada Knutsford, sulit, 26 Januari, 1892. C. O. 273/179, *hlm.* 159–160.
244. Smith kepada Knutsford, sulit, 29 Ogos 1892, C. O. 273/182, *hlm.* 640.
245. Persidangan-persidangan Majlis Perundangan, 12 November 1892, lampiran dalam Smith kepada Ripon, sulit, 29 November 1892, C. O. 273/183, *hlm.* 76. Lihat juga Lucas kepada Fairfield, minit mesyuarat, 27 Julai 1892, C. O. 273/181, *hlm.* 426.
246. W. Linehan, *op.cit.*, hlm. 143; *A.R.P.* 1891, hlm. 96.
247. Rodger kepada Setiausaha Koloni, 7 Februari 1892, *B.R.O.S.U.F.* 1800–1896, Fail Sekretariat Negeri Sembilan, F235/92; Clifford kepada Setiausaha Koloni, 7 Februari 1892, *K.D.O.F.* 25/92. Lihat juga Residen Selangor kepada Setiausaha Koloni, 7 Februari 1892, *S.S.F.* 386/92.
248. Rodger kepada Pemangku Penguasa Polis dan Pegawai-pegawai Daerah, minit mesyuarat, 21 April 1892, *K.D.O.F.* 87/92.
249. *A.R.P.* 1891, hlm. 97.
250. Smith kepada Knutsford, sulit, 12 April 1892, C. O. 273/180, *hlm.* 34.
251. Maxwell kepada Smith, memorandum, Ogos 1892, lampiran dalam Smith kepada Knutsford, sulit, 29 Ogos 1892, C. O. 273/182, *hlm.* 661–662.
252. Smith kepada Ripon, sulit, 15 April 1893, C. O. 273/187, *hlm.* 383.
253. Smith kepada Fairfield, persendirian, 29 Jun 1892, C. O. 273/181, *hlm.* 441.
254. Mat Kilau merupakan anak Tuk Gajah dan dilahirkan pada tahun 1847. Semasa berlakunya pemberontakan, beliau berumur 44 tahun. Untuk keterangan lanjut tentang dirinya lihat Aebe Muara, *Mat Kilau – satu curat curit ke arah pengesahannya*, Singapura, 1970, hlm. 26; lihat juga *Berita Harian*, 29 Disember 1969.
255. Dia boleh membunuh orang dengan tangan, boleh mengangkat seekor lembu; boleh makan ikan dengan tulang-tulangnya sekali dan mampu

untuk minum air beracun. Sewaktu pemberontakan tersebut, dia menentang British dengan hanya menggunakan kayu dan batang buluh. Lihat, *Laporan Jawatankuasa Menyiasat Munculnya Mat Kilau*, hlm. 17. Aebe Muara, *op. cit.*, hlm. 44. Temuramah dengan Datuk Zakaria Hitam, Kuantan, 16 Mei 1975. Dia dihormati dan ditakuti oleh orang-orangnya kerana kebolehannya yang luar biasa. Lihat *Berita Harian*, 29 Disember 1969.

256. Walker kepada Pemangku Residen Selangor, laporan, 11 Jun 1895, lampiran dalam Pemangku Residen Selangor kepada Smith, 16 Jun 1892, *S.S.F.* 635/92.

257. Clifford kepada Walker, 30 Mei 1892, lampiran dalam Walker kepada Pemangku Residen Selangor, laporan, 4 Jun 1892, lampiran dalam Pemangku Residen Selangor kepada Smith, 9 Jun 1892, *S.S.F.* 616/92.

258. Ketua Hakim Kuala Lumpur kepada Setiausaha Koloni, telegram, 5 Mei 1892, lampiran dalam Clifford kepada Setiausaha Koloni, telegram, 3 Mei 1892, *S.S.F.* 453/92.

259. Rodger kepada Smith, 6 Ogos 1892, lampiran dalam Smith kepada Fairfield, persendirian, 16 Ogos 1892, C. O. 273/182, *hlm.* 669.

260. Harry Lake kepada Fielding, surat, 26 Ogos 1892, C. O. 273/183, *hlm.* 637.

261. Smith mengikut segala nasihat Sultan Abu Bakar. Sewaktu kunjungan Smith ke Pahang dalam bulan Ogos 1892, Sultan Abu Bakar bertanggung jawab membantu Smith menggariskan 4 perkara yang perlu dipatuhi oleh Sultan Ahmad. Untuk keterangan lanjut, lihat Smith kepada Knutsford, sulit, 29 Ogos 1892, C. O. 273/182, *hlm.* 639–645. Untuk kajian berhubung pengaruh Johor, lihat juga Fielding kepada Meade, 26 Ogos 1892, C. O. 273/182, *hlm.* 635–637.

262. Wise kepada Egerton, 10 Jun 1894, lampiran dalam Mitchell kepada Ripon, 19 Jun 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 279.

263. Smith kepada Ripon, sulit, 10 Oktober 1893, C. O. 273/183, *hlm.* 260; Lihat juga Pattrick Morrah, "A History of the Malayan Police", *JMBRAS* 36, ii, (1968), hlm. 83.

264. Sultan Terengganu kepada Mitchell, 3 Jun 1894, lampiran dalam Mitchell kepada Ripon, sulit, 26 Jun 1894, C. O. 273/196; *hlm.* 359.

265. H. Clifford, "Report on the Expedition", hlm. 8.

266. Untuk maklumat lanjut berhubung dengan peranan Islam dalam gerakan penentangan, lihat Antony Reid, "Nineteenth Century Pan-Islam in Indonesia and Malaysia," *Journal of Asian Studies*, 25, no. 2, Februari 1967, hlm. 267-283. Untuk maklumat mendalam tentang perkembangan dan pengaruh Islam di Malaysia, lihat Cesar Adib Majul, "Theories on the introduction and expansion of Islam in Malaysia," Persatuan Antarabangsa Sejarawan Asia, *Bienniel Conference Proceedings*, jilid 2, 1962, hlm. 339-397; S. Q. Fatimi, *ed* Shirle Gordon, *Islam Comes To Malaysia*, Singapura, 1963, hlm. 4–71.

267. Egerton kepada Setiausaha Koloni, Singapura, 16 Jun 1894, lampiran dalam Mitchell kepada Ripon, sulit, 9 Jun 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 264; Mitchell kepada Sultan Terengganu, 25 Jun 1896, lampiran dalam Mitchell kepada Ripon, sulit, 7 Julai 1896, C. O. 273/196, *hlm.* 504–509.

268. Wise kepada Egerton, laporan, 10 Jun 1894, lampiran dalam Mitchell kepada Ripon, sulit, 19 Jun 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 270–278.

269. Seorang Sikh bernama Ram Singh berjaya melarikan diri dan memberitahu Tuk Garang Yusof tentang serangan tersebut. Untuk maklumat lanjut tentang Ram Singh, lihat W. R. Roff, (*ed*) "The story of Ram Singh", *Stories by Hugh Clifford*, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 93-109. Untuk maklumat lanjut tentang serangan di Sungai Tembeling, lihat

Fleming kepada Egerton, 15 Jun 1894, lampiran dalam Mitchell kepada Ripon, sulit, 19 Jun 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 266. Panglima Garang Yusof Pulau Tawar kepada Fleming, lampiran dalam Mitchell kepada Ripon, sulit, 19 Jun 1894, C. O. 273/96, hlm. 269–270; Sultan Ahmad kepada Mitchell, 17 Jun, 1894, lampiran dalam Mitchell kepada Ripon, sulit, 19 Jun 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 271.

270. Wee Lian Peh merupakan seorang pekedai Cina, bangsa Hokkien yang mengadu dirompak pakaian serta wangnya sebanyak $700 oleh pemberontak di Tanjung Jelai. Lihat Wise kepada Egerton, 10 Jun 1894, lampiran 7 dalam Mitchell kepada Ripon, sulit, 19 Jun 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 28.

271. Imam Perang Kassim merupakan seorang ketua pekedai di Pulau Tawar yang melaporkan kepada British bahawa anaknya Ismail (sewaktu dia berada di Dungun), mendapat tahu tentang rancangan Datuk Bahaman dan Mat Kilau hendak menyerang Pahang dengan pasukan dari Kelantan dan Terengganu. Lihat Wise kepada Egerton, 10 Jun 1894, lampiran 6 dalam Mitchell kepada Ripon, 19 Jun 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 280.

272. Panglima Garang Yusof kepada Clifford, 17 Jun 1894, lampiran 2 dalam Mitchell kepada Ripon, sulit, 2 Julai 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 440.

273. Untuk maklumat lanjut tentang kegiatan angkatan British, lihat *A.R.P.*, 1894, hlm 75–76.

274. Mitchell kepada Ripon, sulit, 9 Julai 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 512.

275. Mitchell kepada Ripon, sulit, 17 Julai 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 456–457. Lihat juga J. G. Scott kepada Kimberley, 29 Jun 1894 *F.O.C.P.*, bahagian 4, no. 128, hlm. 152.

276. J. G. Scott kepada Kimberley, 20 Julai 1894, C. O. 273/200, *hlm.* 294; J. G. Scott kepada Gabenor, 31 Ogos 1894, lampiran dalam Mitchell kepada Ripon, sulit, 2 Oktober 1894, C. O. 273/198, *hlm.* 662. British akan menghantar angkatannya ke Kelantan dan Terengganu sekiranya Siam gagal untuk menawan para pemberontak.

277. J. G. Scott kepada Kimberley, 29 Julai 1894, *F. O. C. P.*, bahagian 5, no. 33, hlm. 44. Campur tangan Siam sebenarnya bukanlah untuk membantu British menumpaskan pemberontakan tetapi bertujuan untuk mempunyai satu *locus standi* yang lebih baik di Negeri-negeri Melayu Utara.

278. Mitchell kepada Ripon, 25 Mac 1895, C. O. 273/202; *hlm.* 647.

279. Clifford kepada Mitchell, laporan, 14 Ogos 1894, lampiran dalam Mitchell kepada Ripon, sulit, 28 Ogos 1894, C. O. 273/197, *hlm.* 306.

280. Lihat surat-menyurat di antara Mitchell kepada Sultan Terengganu, lampiran 26 Jun 1894, dalam Mitchell kepada Ripon, 26 Jun 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 356–358; Sultan Terengganu kepada Mitchell, 3 Jun 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 359–360; Sultan Terengganu kepada Mitchell, 18 Julai 1894, lampiran dalam Mitchell kepada Ripon, sulit, 25 Julai 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 752; W. E. Maxwell kepada Sultan Kelantan, 30 Jun 1894, lampiran dalam Mitchell kepada Ripon, 7 Julai 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 504–508.

281. Suruhanjaya Siam yang diketuai oleh Phya Dhip Kosa, telah menghantar Luang Visudh Panihar dan Luang Swasti Boorow untuk mengesahkan kemasukan Siam ke dalam wilayah kekuasaan Siam dan untuk membuktikan bahawa mereka menghalang kemaraan golongan pemberontak. Lihat Bunsen kepada Kimberley, 24 April 1895, C. O. 273/209, *hlm.* 176–177.

282. Wang sejumlah $500.00 diberi kepada pemberi maklumat. Lihat Duff kepada Clifford, 12 Mei 1895, lampiran dalam Mitchell kepada Ripon, sulit, 27 Mei 1895, C. O. 273/204, *hlm.* 129; H. Clifford "Report Expedition", hlm. 141-143. Ramai yang enggan memberi maklumat kerana

takut dikenakan hukuman dipotong hidung. Lihat Clifford kepada Setiausaha Koloni, 5 September 1895, lampiran dalam Mitchell Ripon, sulit, 9 September 1895, C. O. 273/206, *hlm.* 93; lihat juga Clifford kepada Setiausaha Koloni, 5 September 1895, lampiran no. 2 dalam R. H. Meade kepada Pejabat Luar Negeri, 10 Oktober 1895, *F.O.C.P.*, bahagian 7, no. 76, hlm. 213.

283. Pemangku Residen Selangor kepada Setiausaha Koloni, telegram. 1 Jun 1895, lampiran dalam Mitchell kepada Ripon, sulit, 3 Jun 1895, C. O. 273/204, *hlm.* 200. Lihat juga *Utusan Melayu*, 10 Januari, 1970.

284. *A.R.P.* 1895, hlm. 8, *The Free Press*, 22 Oktober 1895; lihat juga Timbalan Konsul Archer kepada Bunsen, 6 Mei 1896, lampiran 1 dalam Bunsen kepada Marquis of Salisbury, 30 Mei 1896, *F.O.C.P.*, bahagian 8, no. 99, hlm. 98.

285. Bunsen kepada Marquis dari Salisbury, 2 November 1895, C. O. 273/209, *hlm.* 500–501. Lihat juga Bunsen kepada Marquis of Salisbury, 28 Mei 1896, *F.O.C.P.*, bahagian 8, no. 95, hlm 98. Duff pula memberikan cerita yang berlainan iaitu para pemberontak ditangkap ketika menghadiri kenduri. Lihat Bunsen kepada Mitchell, lampiran 2 dalam R. H. Meade kepada Pejabat Hal-ehwal Luar, 30 Oktober 1896, *F.O.C.P.*, bahagian 8, no. 122, hlm. 144.

286. Bunsen kepada Marquis of Salisbury, 2 November 1895, C. O. 273/209, *hlm.* 500.

287. Persidangan-persidangan Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat, 25 November 1895, C. O. 273/222, *hlm.* 286. Beberapa orang pemberontak menyerah diri kepada Siam. Walau bagaimanapun, dipercayai bahawa Datuk Bahaman masih hidup. Sejak penyerahan diri kepada pihak Siam pada tahun 1895, tidak ada sebarang rekod tentang tempat persembunyiannya dan telah disimpulkan bahawa dia telah mati. Lihat *Berita Harian*, 3 Januari 1970. Namun begitu telah diketahui bahawa Tuk Guru Peramu yang tinggal di Kuantan adalah sebenarnya Tok Bahaman. Penyiasatan telah dijalankan untuk membuktikan kebenaran pendapat ini. Datuk Zakaria bin Hitam percaya (berdasarkan penyiasatannya sendiri) bahawa Tuk Guru sebenarnya Datuk Bahaman. Temuduga dengan Datuk Zakaria Hitam, Kuantan, 16 Mei 1975. Lihat juga *Hugh Clifford Files, The Sunday Mail*, 20 Februari 1972. Terdapat juga pandangan lain yang menyatakan bahawa Tuk Guru Peramu adalah Mat Kelubi. Lihat *Berita Harian*, 7 Januari 1970 dan kontroversi lanjutan dalam *Berita Harian*, 8 Januari 1970, 9 Januari 1970.

288. Mitchell kepada Chamberlain, sulit, 28 Oktober 1895, C. O. 273/206, *hlm.* 572; Bunsen kepada Mitchell, lampiran surat salinan dalam Mitchell kepada Chamberlain, sulit, 29 September 1891, C. O. 273/217, *hlm.* 435; *Berita Harian*, 28 Disember 1969; 30 Disember 1969; 11 Januari 1970. Keterangan tentang Tuk Gajah yang dikatakan masih hidup dan ditemui di Kuala Tembeling bersama Mat Kilau pada tahun 1896, tetapi menurut Fleming, Mat Kilau telah meninggal dunia. Lihat Fleming kepada Clifford, surat, 18 November 1895, C. O. 273/222, *hlm.* 281. Keterangan lain mengatakan yang Tuk Gajah meninggal dunia di Pak Nam Po, Thailand. Lihat *Berita Harian*, 12 Januari 1970. Terdapat dua versi tentang kematian Mat Kilau. Versi pertama mengatakan bahawa Mat Kilau meninggal dunia dalam suatu majlis di Kelantan. Lihat Bunsen kepada Mitchell, lampiran 2, dalam Pejabat Koloni di Jabatan Luar negeri, 30 Oktober 1896, *F.O.C.P.*, bahagian 8, no. 122, hlm. 144. Laporan lain mengatakan yang beliau meninggal dunia ketika dalam perjalanan ke pantai Kuala Reh. Lihat Bunsen kepada Marquis of Salisbury, 21 Oktober 1895, *F.O.C.P*, bahagian 7, no. 124, hlm. 251. W. Linehan mengatakan bahawa Mat Kilau

meninggal dunia di Terengganu. Lihat W. Linehan, *op. cit.*, hlm. 168. Pendapat ini digunakan oleh para sejarawan dan orang awam sehinggalah 26 Disember 1969, apabila Mat Kilau muncul semula di Pulau Tawar.

289. Aktiviti Majlis Persekutuan telah menjadi tajuk perbincangan utama di kalangan pentadbir British. Untuk maklumat lanjut tentang surat-menyurat dari bulan Mei 1892 hingga bulan Disember 1895, lihat Mitchell kepada Chamberlain, sulit, 16 Mac 1896, C. O. 273/213, *hlm.* 113–129. F. A. Swettenham mendakwa bahawa rancangan Persekutuan adalah idea beliau tetapi pelbagai pandangan telah dilahirkan oleh Residen-residen tertentu tentang kesahihan dakwaan ini. Lihat F. A. Swettenham, *Footprints in Malaya*, London, 1942, hlm. 106; F. A. Swettenham, *British Malaya*, London 1908, hlm. 363–364. Untuk maklumat lanjut tentang Gerakan Persekutuan lihat R. Emerson, *Malaysia, A Study on Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 135–138; Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896–1909*, Kuala Lumpur, 1964, hlm. 28–37; E. Thio, *British Policy in the Malay Peninsula 1880–1910*, jilid I, Kuala Lumpur, 1969, bab 5 dan 6; E. Chew, "Sir, Frank Swettenham and the Federation of the Malay States", *Modern Asian Studies*, 2, i (1968), hlm. 51–69, Khoo Kay Kim, "The Federation of 1896: It's Origin", *Peninjau Sejarah*, jilid I, no. ii, (1966), hlm. 6–23.

290. Edward Fairfield, Pembantu Penolong Setiausaha di Pejabat Koloni menyebelahi pendapat-pendapat berhubung penarikan keluar secara beransur-ansur pentadbir British, dari Pahang. Untuk pendapat yang pro dan kontra berkenaan pengunduran pentadbiran British dari Pahang, lihat E. Chew, "Swettenham and British Residential Rule in West Malaya", *JSEAH* jilid. 5, no. 2, September 1974, hlm. 166–178.

291. *Ibid.*, hlm. 173. Untuk pandangan-pandangan tentang cadangan Ripon supaya Pahang ditadbir oleh Selangor, lihat Ripon kepada Gabenor, 19 Mei 1893, *Straits Settlements Legislative Council Proceedings* 1893, C. O. 273/183, *hlm.* 463.

292. Mitchell kepada Ripon, laporan, 24 Jun 1895, C. O. 273/204, *hlm.* 415. Pemberontakan Pahang antara tahun 1891-1895 telah menambahkan hutang Pahang kepada Pejabat Koloni sehingga berjumlah $57,000 manakala $100,000 terpaksa dibayar balik kepada Selangor dan Perak untuk membiayai kos menghantar bantuan ke Pahang. Lihat E. Sadka, *The Protected Malay States, 1874–95*, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 336.

293. Minit mesyuarat Lucas, 14 Julai 1894, C. O. 273/196, *hlm.* 48.

294. E. Thio, *op. cit.*, hlm. 148, lihat juga E. Sadka, *op. cit.*, hlm. 368. Sydney Buxton seorang ahli parlimen bersetuju dengan pembatalan konsesi-konsesi tersebut. Lihat minit mesyuarat Buxton, 30 Januari 1893, C. O. 273/183, *hlm.* 468.

295. Frank Swettenham kepada Mitchell, laporan, 24 Jun 1895, disertakan dalam laporan Mitchell kepada Ripon, sulit, 24 Jun 1895, C. O. 273/204, *hlm.* 450.

296. Mitchell kepada Chamberlain, sulit, 9 Mac 1897, C. O. 273/228, *hlm.* 292–293. Lihat juga Residen Jeneral (Pejabat Perak) kepada Pesuruhjaya Tinggi, 24 Disember 1896, *H.C.O.F.* 686/96.

297. Chamberlain kepada Mitchell, 6 Ogos 1897, *H.C.O.F.* 704/97; Chamberlain kepada Mitchell, 11 Mei 1897, *H.C.O.F.* 454/97.

298. Oliver Marks kepada Pemangku Pesuruhjaya Tinggi, 21 Januari 1901, *H.C.O.F.* 139/1901. British berjanji memberikan Tengku Mahmud bayaran Klang sekiranya boleh menunjukkan dokumen perjanjian yang bertarikh 23 Oktober 1891.

299. F. A. Swettenham kepada Pesuruhjaya Tinggi, 15 April 1897, *H.C.O.F.* 327/97; Ungku Bendahara kepada Residen Pahang, laporan, 12 April 1897,

*T.D.O.F.* 164/97; *A. R. P.*, 1897, hlm. 22.

300. F. A. Swettenham kepada Pesuruhjaya Tinggi, 15 April 1897, *H.C.O.F.* 327/97.
301. H. Clifford kepada Residen Jeneral, 27 Oktober 1896, *H.C.O.F.* 575/96.
302. Residen Pahang dan Pegawai Daerah, Pekan kepada Residen Jeneral, laporan, 27 September 1897, lampiran Residen Jeneral kepada Pesuruhjaya Tinggi, 5 Oktober 1897, *H.C.O.F.* 843/97.
303. Cop Sultan Ahmad, lampiran dalam Setiausaha Negeri, London kepada Pesuruhjaya Tinggi, 21 Ogos 1897, *H.C.O.F.* 680/97.
304. Laporan Suruhanjaya Sempadan Johor 1898, 18 Februari 1898, *P.G.G.*, no. 133, hlm. 327–328. Keterangan lanjut tentang sempadan Muar, Johor dan Johol seperti yang diiktiraf oleh Johor, lihat Datuk Menteri Johor kepada Residen Pahang, 29 Jun 1893, *Maharaja's Letter Book 1885–98*, Sekretariat Negeri Johor, *hlm.* 209-210.
305. Residen Jeneral (Pejabat Selangor) kepada Pesuruhjaya Tinggi 15 Oktober 1897, *H.C.O.F.* 878/97.
306. Pemangku Residen Jeneral (Pejabat Selangor) kepada H. B. M. S. Pegawai pengganti Pesuruhjaya Tinggi, 8 September 1900, *H.C.O.F.* 1092/1900.
307. W. H. Treacher kepada Pemangku Pesuruhjaya Tinggi, 11 Disember 1900, *H.C.O.F.* 1851/1900.
308. F. H. Vilids kepada Penolong Setiausaha Negeri, Pejabat Koloni, sulit, 25 Julai 1904, C. O. 273/305, *hlm.* 176.
309. Untuk maklumat lanjut berhubung dengan Perjanjian Sempadan 1899, lihat J. Chandran, "*British Policy towards Siam 1893–1902*", (Tesis M.A. yang belum diterbitkan), bab IV. Lihat juga J. Chandran, "Three Agreements relating to the Northern Malay States concluded in 1896, 1897, 1899", *Peninjau Sejarah*, jilid 3, no. 2, September 1968, hlm. 52–62.
310. Treacher kepada Ripon, sulit, 10 September 1903, C. O. 273/296, *hlm.* 768.
311. Pemangku Pegawai Daerah, Kuantan kepada Pemangku Residen British 24 April 1896, *K.D.O.F.* 209/96. Sempadan Kuantan ditetapkan di antara Sungai Pahang Tua dan Penoh. Lihat Pemangku Pegawai Daerah, Kuantan kepada Pegawai Daerah, Pekan, minit mesyuarat, 19 Januari 1896, *K.D.O.F.* 10/97. Lihat juga *P. G. G.* no. 35, hlm. 56–57.
312. A. R. Venning kepada Pesuruhjaya Tinggi, 23 November 1906, lampiran dalam John Anderson kepada Earl of Elgin, sulit, 12 Disember 1906, C. O. 273/321, *hlm.* 536.
313. Sultan Terengganu kepada Sultan Pahang, lampiran 2 dalam John Anderson kepada Earl of Elgin, sulit, 12 Disember 1906, C. O. 273/321, *hlm.* 540.
314. Tengku Mahmud telah memberikan bantuan yang amat berharga kepada British. Lihat *A. R. P.* 1899, hlm. 28. Beliau juga seorang peserta yang aktif sewaktu persidangan Majlis Mesyuarat Negeri. Lihat *A. R. P.* 1910, hlm. 17.
315. *A. R. P.* 1897, hlm. 22.
316. Tengku Besar kepada F. A. Swettenham, 27 Oktober 1900, *H.C.O.D.*, no. 257.
317. H. Clifford kepada Lucas, 6 September 1903, C. O. 273/298, *hlm.* 65.
318. F. A. Swettenham kepada Joseph Chamberlain, sulit, 6 Oktober 1902, C. O. 273/284, *hlm.* 7–9.
319. Lihat F. A. Swettenham kepada Setiausaha Negeri, laporan, 9 Februari 1902, *H. C. O. D.* no. 50; F. A. Swettenham kepada Setiausaha Negeri, 8 April 1903, *H. C. O. D.* no. 194, F. A. Swettenham kepada Setiausaha Negeri, 27 April 1903, *H. C. O. D.* no. 217.
320. *A. R. P.* 1903, hlm. 13.
321. Untuk maklumat lanjut, lihat minit-minit mesyuarat trengkas,

mesyuarat Majlis Persekutuan, Sabtu 11 Disember 1909, hlm. 132.
322. John Anderson kepada Earl of Elgin, sulit, 26 Disember 1907, C. O. 273/331, *hlm.* 431.
323. Maklumat lanjut tentang hal ini, lihat John Anderson kepada Earl of Elgin, sulit, 26 Disember 1907, C. O. 273/381, *hlm.* 431–433. Lihat juga Pejabat Koloni kepada John Anderson, minit mesyuarat, 8 Januari 1909 C. O. 273/341, *hlm.* 639–640.
324. E. L. Brockman kepada John Anderson, 4 Disember 1907, lampiran dalam John Anderson kepada Earl of Elgin, 26 Disember 1907, C. O. 273/331, *hlm.* 435.
325. Minit-minit mesyuarat trengkas, mesyuarat-mesyuarat Majlis Persekutuan, Khamis, 19 Januari 1911, hlm. 83–89.
326. Hugh Clifford kepada Pemangku Pesuruhjaya Tinggi, 20 April 1900, *H. C. O. F.* 609/1900.
327. John Anderson kepada Earl of Crewe, 27 Januari 1909, C. O. 273/349 *hlm.* 116. Hugh Clifford kepada Pegawai Daerah Temerloh, minit mesyuarat, 26 April 1897, *T. D. O. F.* 174/97; *A. R. P.* 1909 hlm. 17.
328. Enakmen Pemangku Raja diluluskan pada tahun 1909. Lihat Residen British Pahang kepada Pegawai Daerah Kuantan, 1 Mei 1909, *K. D. O. F.* 421/1909. Untuk suatu keterangan tentang teks pengisytiharan dalam Jawi, lihat lampiran lihat juga minit-minit mesyuarat trengkas, mesyuarat-mesyuarat Majlis Persekutuan, Sabtu 11 Disember 1909, hlm. 81.
329. *A. R. P.* 1899, hlm. 28.
330. F. A. Swettenham kepada Setiausaha Negeri, 14 Mei 1903, *H.C.O.D.*, no. 257.
331. Sewaktu di Eropah, segala perbelanjaan baginda dibiayai oleh wakil Putera Mahkota dan kerajaan. Hal ini menyebabkan Pahang berhutang kepada British. *A. R. P.* 1903, hlm. 13, lihat juga Residen Jeneral kepada Pegawai Daerah, Kuantan, minit mesyuarat, 16 Mei 1902, *K. D. O. F.* 135/1902.
332. *A. R. P.* 1907, hlm. 19. Beberapa orang pembesar dari daerah-daerah ulu Pahang, telah menghadiri majlis tersebut. Lihat juga Tengku Mahmud kepada John Anderson, 1 Oktober 1907, *H. C. O. F.* 1644/1902. Severn kepada Pesuruhjaya Tinggi, 5 November 1907, *H. C. O. F.* 1644/1902.
333. F. B. Croucher kepada ketua Prinsipal Pegawai Perubatan, 24 Oktober 1912, *H. C. O. F.* 1490/1912. Lihat juga W. Gilmore kepada Setiausaha Koloni, 24 Oktober 1912, *H. C. O. F.* 1490/1912.
334. *A. R. P.*, 1900, hlm. 76.
335. *A. R. P.*, 1914, hlm. 32.
336. Arthur Young kepada Setiausaha Negeri, 14 Mei 1914, *H. C. O. F.* 695/1914 dan lampiran-lampiran berikutnya. Sultan Ahmad dikebumikan di Pahang, iaitu, di Kampung Merhun pada 10 Mei 1914. Pengkebumiannya dihadiri oleh ramai orang dan dijalankan dalam keadaan sepi. Orang-orang Melayu dari seluruh negeri telah memberi penghormatan terakhir kepadanya. Lihat *A. R. P.* 1914, hlm. 32. W. Linehan, walau bagaimanapun menyatakan bahawa Sultan Ahmad mangkat dalam usia 78 tahun. Lihat W. Linehan, "A History of Pahang", hlm. 68.
337. Residen British Pahang kepada Pegawai Daerah Temerloh, 29 Mei 1914, *K. D. O. F.* 488/1914.
338. *A. R. P.* 1917, hlm. 17
339. *Ibid.*
340. *A. R. P.* 1919, hlm. 30.
341. *Ibid.*
342. *Ibid.*

343. *A. R. P.* 1920, hlm. 18–19.
344. *A. R. P.* 1922, hlm. 11.
345. *Ibid.*
346. *Ibid.*
347. *A. R. P.* 1919, hlm. 30.
348. *Ibid.*
349. *A. R. P.* 1923, hlm. 3.
350. *Ibid.*
351. *A. R. P.* 1927, hlm. 12.
352. *A. R. P.* 1923, hlm. 3.
353. *A. R. P.* 1924, hlm. 5.
354. *Ibid*
355. *A. R. P.* 1927, hlm. 12.
356. *A. R. P.* 1930, hlm. 2.
357. *Ibid.*
358. *Ibid.*
359. *A. R. P.* 1931, hlm. 49.
360. *A. R. P.* 1932, hlm. 52
361. *A. R. P.* 1922, hlm. 11
362. *A. R. P.* 1932, hlm. 52

## EPILOG

PENULISAN suatu aspek sejarah yang bermakna, sebenarnya amat kompleks dan memerlukan pemerhatian yang tajam serta keperihatinan. Bilangan penulis sejarah pula sememangnya ramai, tetapi bilangan sejarawan amatlah sedikit. Kebanyakan orang boleh berbicara dan memperkatakan mengenai hal yang terjadi pada masa lalu, tetapi mereka yang dapat menganalisis dengan sempurna dan seimbang, seterusnya memberikan ertian yang objektif serta menghubungkan hal-hal lalu dengan masa kini, bertujuan untuk melihat dan mentelaah sesuatu mengenai masa akan datang pula, boleh dibilang dengan jari. Mungkin ini tugas ahli sains politik, tetapi sejarawan juga mampu berbuat demikian, malah kekuatan sejarawan berhubung rapat dengan kemahiran dan keperihatinan (kejujuran dan kebenaran) untuk menilai, mentafsir, mengendali dan mengguna sumber-sumber untuk penulisannya. Inilah yang dinamakan sebahagian daripada keseluruhan persoalan tentang persejarahan.

Tiap-tiap masyarakat itu mempunyai sistem nilai yang diamalkan mengikut cara dan kaedahnya sendiri. Nilai-nilai ini berbeza di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Nilai lebih bersangkut-paut dengan taraf minda dan yang berkaitan dengan fikiran, konsep dan tanggapan mengenai sesuatu aspek, di kalangan atau oleh sesuatu masyarakat.[1] Perbezaan nilai yang berlaku di kalangan masyarakat sepatutnya tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat-masyarakat lain. Memperkatakan sesuatu nilai masyarakat yang asing daripada masyarakat kita sendiri, tanpa menghayati dan memahami corak dan nilai masyarakat yang diperkatakan itu, sering menimbulkan bahaya-bahaya akademik. Kekeliruan mungkin berlaku lalu mencetuskan kesilapan tanggapan yang akhirnya membawa kesalahan atau *paradox* fakta. Apabila salah fakta, maka seluruh sejarah dan persejarahan masyarakat yang diperkatakan kelak menjadi kelam-kabut. Salah satu daripada aspek nilai ialah **sejarah**.

Sejarah mengandungi apa yang diertikan sebagai sejarah masyarakat berkenaan dan cara masyarakat tersebut mempersepsi, menilai, memanfaati dan menuliskan sejarah mereka. Nilai sejarah masyarakat Melayu tentulah berbeza daripada nilai sejarah masyarakat Inggeris, walaupun kedua-dua masyarakat ini hidup dalam masa dan zaman yang sama. Keadaan ini terbukti melalui pembahagian bab dalam buku

ini yang secara tidak langsung dibahagikan kepada dua bahagian. Lima bab yang pertama khusus membentangkan sumber-sumber sejarah peribumi Pahang berdasarkan tradisi hikayat dan syair. Jika diteliti, didapati bahawa kandungan sumber-sumber tradisi ini memancarkan sikap sejarah (*historical attitude*) dan kecondongan sejarah (*historical slant*) para sejarawannya. Kandungan dan penulisan sumber-sumber ini lebih bertumpu kepada *interplay of the personalities at the highest level of the society*. Sebaliknya, untuk memperolehi gambaran mengenai kehidupan rakyat jelata yang hidup luar daripada premis istana, amat sukar dicari.

Gambaran tentang keadaan dan kehidupan rakyat selalunya dialun oleh dua gelombang suasana, iaitu pertama yang berhubung dengan peristiwa sambutan adat-istiadat dan perayaan istana atau yang rapat hubungannya dengan istana. Keduanya, apabila meletusnya peperangan. Apabila dikisahkan mengenai kedua-dua hal ini, seluruh rakyat ditarik untuk sama-sama melibatkan diri ke dalamnya. Apakala raja dan kalangan istana mengadakan sesuatu perayaan kebesaran siang dan malam, orang ramai diceritakan berderetan di sepanjang jalan raya untuk memeriahkan lagi sesuatu perarakan diraja. Apabila peperangan meletus, rakyat jugalah yang menjadi tulang belakang malah sama-sama memikul senjata, untuk mempertahankan kalangan yang dipihaki dan memerangi pihak yang dimusuhi.

Barangkali, inilah yang dikatakan soal-soal remeh atau anekdot-anekdot ringan yang diminati oleh penulis-penulis sejarah Melayu lama. Soal-soal yang menjadi isu dan mencetuskan sesuatu permasalahan sejarah bukan menjadi hal yang mendasari penulisan mereka. Bagaimanapun, anekdot-anekdot ini ada kekuatannya tersendiri. Ia sebenarnya menjadi fakta-fakta asas perihal asal-usul, perkembangan dan penyudahan sesuatu peristiwa yang dianggap bertaraf dan bernilai sejarah. Pendek kata, penulisan-penulisan tradisi peribumi ini harus diukur dan dinilai daripada segi kebolehan pencapaian dan taraf pemikiran masyarakat tersebut. Begitu juga dengan matlamat penulisan tersebut dan yang penting ialah **makna** penulisan ini terhadap masyarakat yang dituliskan dan fungsi makna tersebut terhadap masyarakat berkenaan.

Hasil penulisan yang begitu coraknya, iaitu condong ke kalangan istana harus dirujuk kepada budaya politik dan pemikiran anggota masyarakat abad ke-19. Kesemua HP, HJP dan STM menunjukkan kecenderungan ke arah ini. HP contohnya, ditulis untuk membela, menegakkan karisme dan sekaligus secara literal dan dokumentasi, berusaha mempastikan kedaulatan Sultan Ahmad sebagai pemerintah dan Yang di-Pertuan Pahang yang sah bagi masyarakat Pahang. HJP serta STM yang kurang fungsionalnya dari segi makna dan fungsi kepengarangan, berbanding dengan HP, lebih merupakan dokumen sosial yang menerangkan rentetan peristiwa-peristiwa sejarah yang terjadi pada penghujung abad ke-19 dan menjelang awal abad ke-20

di samping memberikan fakta sejarah yang menarik.

Di dalam ruang untuk mengisi kecanggihan mengenai isu dan permasalahan sejarah yang terjadi sepanjang masa inilah, maklumat-maklumat lanjutan daripada sumber-sumber dan keterangan-keterangan dari luar penting untuk digembleng, dirujuk dan digunakan. Di dalam konteks inilah, laporan-laporan rasmi Kolonial Inggeris mengenai berbagai-bagai isu tentang Pahang diruntun untuk memainkan peranan.

Walaupun sumber dan laporan rasmi Inggeris ini mungkin mempunyai "citarasa" penulisan yang berlainan daripada sumber dan penulisan tradisi tempatan, namun sumber dan laporan ini haruslah digunakan secara "bahu-membahu" dengan sumber-sumber tempatan. Maksudnya, memandangkan penglibatan langsung para penulis tempatan Pahang mengenai hal-hal yang terjadi di Pahang (sebagai penglibat, pemerhati atau sekurang-kurangnya sebagai pendengar kepada peristiwa-peristiwa sejarah) dan secara langsung pula adalah *reflective* kepada hal-ehwal sejarah yang berlaku serta pemikiran tentang persejarahan yang dapat kita perhatikan.[2] Sumber-sumber tempatan ini harus menjadi wadah di dalam aspek penulisan sejarah Pahang supaya relevan dan mempunyai kaitan. Sementara sumber-sumber sejarah yang berdasarkan laporan-laporan Inggeris pula menjadi penyokong bagi memperkuatkan wadahan sumber peribumi ini.

Cara ini bukanlah bererti bahawa kita mengambil suatu pendekatan penulisan yang *inwardly* coraknya, tetapi suatu usaha mendekati penulisan sejarah tempatan dengan melihat keutamaan (*priority*) dalam penggunaan dan penggemblengan sumber. Sememangnyalah dalam apa jua aspek penulisan sejarah negeri dan negara ini, sumber-sumber tempatan haruslah menjadi pilihan dan pertimbangan utama, khususnya penulisan perihal sejarah masyarakat peribumi itu sendiri. Sumber-sumber ini dapat mewakili *weltanchaaung* dan memaparkan etos serta pandangan duniawi masyarakatnya. Betapa pun penulisan HP ini, kami yakin bahawa HP mempunyai *vision* budaya dan sejarah politik Pahang dari tahun 1800 sehinggalah menjelang awal abad ke-20. HP juga bukan ditulis,"*just for the sake of writing history only.*"

Seterusnya, melalui bab keenam kami cuba menampilkan keyakinan kami tentang hakikat ini. Apabila menulis sejarah Pahang antara tahun 1800 sehingga awal abad ke-20 secara umum, dengan memperkatakan peranan dan geraklaku persejarahan politik di peringkat atasan, sumber peribumi tempatan inilah menjadi "tetulang" untuk membina dan memperkukuh "otot, daging dan urat-urat" yang terbentuk daripada sumber-sumber rasmi dan laporan pentadbiran Inggeris bagi memperlengkapi suatu "badan" dan fizikal sejarah Pahang bagi periode tersebut.

Perkembangan sejarah Pahang ini dibuat secara kasar dan umum sahaja, iaitu melihat menerusi suatu perspektif, tetapi sekiranya diteliti secara pandangan panoramik, persejarahan Pahang selama lebih satu

abad sebenarnya amat kompleks.[3] Aspek-aspek sejarah lain berhubung dengan kegiatan manusia dan anasir-anasir alam Pahang, masih banyak yang belum dibahaskan. Antaranya termasuklah sistem kerajaan tempatan pada zaman kolonial dan selepasnya, sejarah tokoh-tokoh utama Pahang yang telah mencorakkan persejarahan negeri itu, kesinambungan dan perubahan dalam sistem pembesarnya daripada zaman Melaka abad ke-15 hingga kini, pelbagai aspek mengenai sejarah politik moden dan sejarah kebudayaannya dan lain-lain lagi.

Kesemua sumber ini, baik dari pihak tempatan yang berbahasa Melayu, mahupun dari pihak luar yang bukan berbahasa Melayu, adalah maklumat dan butiran sejarah yang wujud dalam bentuk manuskrip atau tercetak, yang cukup bernilai justeru untuk mengetahui keadaan masyarakat masa silam, bagi telahan dan penulisan sejarawan masa kini, seterusnya untuk pengetahuan dan rujukan generasi akan datang.

## Nota

1. Lihat J. Beattie, *Other Cultures*, Cohen and West, London, 1964, hlm. 37.
2. Lihat R. G. Collingwood, *The Idea of History*, London, 1963, hlm. 77–79
3. Khoo Kay Kim, *Persejarahan Malaysia*, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, Kuala Lumpur, 1975.

# LAMPIRAN A

## MUKADIMAH VERSI RUMI HIKAYAT PAHANG

Bismillah-hirrahman-nirrahim

A'lam, ketahui oleh mu adalah kepada zaman dahulu kala dan pada masa yang telah lalu, kata yang empunya hikayat ini, kepada suatu masa al-Marhum Koris Yang di-Pertuan Negeri Pahang, ibni al-Marhum Abdul Majid itu puteranya 3 orang, dua laki-laki iaitu Tun Ali dan Tun Muhammad, seorang perempuan iaitu Tun Meriam. Maka Tun Ali setelah diangkat gelaran Yang Mulia Datuk Bendahara Seri Maharaja Ali dan Tun Meriam diangkat gelaran Yang Mulia Engku Puan Besar. Adapun Datuk Bendahara Seri Maharaja Ali putera laki-laki enam orang iaitu Tun Tahir, Tun Buang, Tun Ahmad, Tun Hassan dan Tun Mansur, Engku Tanjung. Maka yang perempuannya enam orang juga, iaitu Tun Lung, Tun Teh, Tun Fatimah, Tun Andak, Tun Sonit dan Tun Esah. Maka adapun Tun Muhammad puteranya tiga orang, dua laki-laki, iaitu Tun Abdul Rahman dan Tun Cik; yang perempuan Tun Besar namanya.

Ketahui oleh mu adalah raja-raja negeri Pahang yang telah diceterakan oleh orang tua-tua empat keturunan raja-raja yang memerintah negeri Pahang seperti yang tersebut di bawah ini:

| | |
|---|---|
| Tahir (Bendahara Pahang I) | |
| Abdul Majid (Bendahara Pahang II) | Lari daripada kerajaan 1770 |
| Koris (Bendahara Pahang III) | Memerintah daripada 1803–1847 |
| Ali (Bendahara Pahang IV) | Memerintah daripada 1806–1847 |

Adalah Bendahara Koris berputera tiga orang, dua laki-laki, iaitu Tun Ali dan Tun Muhammad dan seorang perempuan iaitu Tun Maryam. Maka Tun Ali, setelah diangkat gelaran Yang Mulia Datuk Bendahara Seri Maharaja Ali dan Tun Maryam diangkat Yang Mulia Engku Puan Besar.

Adapun Tun Muhammad, putera tiga orang, dua laki-laki, iaitu Tun Abdul Rahman dan yang perempuan, Tun Besar namanya. Maka adapun Datuk Bendahara Ali, puteranya sebelas orang, iaitu raja

seperti yang disebutkan di bawah ini:-

| | | |
|---|---|---|
| (1)<br>Encik Engku Lung<br>(Cik Puan Engku Said) | (2)<br>Encik Engku Tahir<br>(Bendahara Tahir,<br>Engku Ganchung) | (3)<br>Encik Engku Buang<br>(Engku Panglima Besar) |
| (4)<br>Encik Engku Teh<br>(tiada meninggalkan<br>zuriat) | (5)<br>Encik EngkuAhmad<br>(Sultan I) | (6)<br>Encik Engku Fatimah<br>(Encik Puan Tengah) |
| (7)<br>Encik Engku Sonit | (8)<br>Encik Engku Hassan<br>(Tiada meninggalkan<br>zuriat) | (9)<br>Encik Engku Esyah |
| (10)<br>Encik Engku Andak | | (11)<br>Encik Engku Mansur |

## LAMPIRAN B

GAMBAR 12: MUKA SURAT AKHIR SYAIR TANAH MELAYU



## LAMPIRAN C

*Perjanjian yang ditandatangani oleh Datuk Bendahara Tun Koris, Pahang, yang dibuat di Pahang, pada tarikh pertama bulan Jamadilawal, tahun hijrah 1278 – (tarikh bersamaan dengan 5 November 1862).*

Manakala kami, Datuk Bendahara Tun Kuris, Sri Maharaja Pahang, berhasrat untuk memberikan Encik William Paterson, pedagang dari Singapura, kebenaran dan hak untuk mengusahakan timah di daerah kami yang berhampiran dengan Sungai Quantan dan kegiatan-kegiatan di sana yang menjadi milik kami. Kami dengan rela hati membenarkan Encik William Paterson melombong timah di sungai tersebut, kerana beliau pernah melakukan banyak jasa baik untuk kita dan untuk negara kita dan telah membawa keamanan kepada penduduk kita. Beliau juga telah meminjamkan wang kepada kita dan membolehkan kita menjelaskan suatu pinjaman yang dipinjamkan atas nama datuk, adik-adik dan kita sendiri kepada Tan Kim Seng dari Singapura, untuk sejumlah wang bernilai $11,800 bersama dengan bunga.

Encik William Paterson akan membayar kita duti 1/10 dari timah yang diperolehi di pelbagai kawasan di Quantan, sama ada dari bukit atau lembah dan duti ini tidak akan ditambah kemudiannya. Kami tetapkan duti yang sedikit ini pada mulanya, disebabkan oleh jasa baik Encik William Paterson terhadap kita dan keluarga kita; keduanya kerana kebanyakan timah di negeri Kuantan dijumpai dalam bentuk bungkah-bungkah batu.

Encik William Paterson akan membayar kita duti di atas, setiap enam bulan ke atas semua timah yang dihasilkan di daerah tersebut, sama ada dalam bentuk timah mahupun bijih timah sebanyak 1/10, dan jika beliau berhajat untuk menghentikan operasi di lombong-lombong ini di Sungai Quantan beliau mesti memberikan kita notis enam bulan lebih awal.

Sebarang peralatan jentera dan sebagainya yang Encik William Paterson mungkin tempatkan di daerah tersebut, begitu juga dengan orang ramai yang diambil bekerja di lombongnya, kami berjanji untuk membantu dan melindungi mereka dari sebarang bahaya.

Perjanjian ini menjamin Encik William Paterson atau rakan kongsinya kebebasan untuk mengusahakan kesemua lombong bijih timah di Sungai Quantan mulai sekarang dan buat selama-lamanya,

menurut syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan tidak ada orang lain akan dibenarkan untuk melombong timah di Sungai Kuantan, melainkan jika Encik William Paterson tidak mahu meneruskan kegiatannya di sana. Dalam keterangan bertulis ini kami telah membubuhkan cap kami dan tandatangan di sini.

Datu Bendahara
Tun Kuris dari Pahang

**Sumber:** *Perjanjian 5 November 1861 oleh Bendahara Kuris dari Pahang, lampiran dalam Paterson dan Simons kepada Gabenor, 23 Oktober 1862, salinan kertas-kertas keterangan bersabit dengan serangan ke atas Trengganu pada November 1862, S.S.R., Pejabat India, 28 Julai 1863, hlm. 29.*

## LAMPIRAN D

### PAHANG DAN JOHOR, 1868

*Keputusan yang dibuat oleh Gabenor Sir H. St. George Ord, di bawah peruntukan perjanjian di antara Pahang dan Johor, 17 Jun 1866.*

H. St. George Ord
Gabenor dan Panglima Tertinggi

Sedangkan menurut suatu perjanjian yang dimeteri pada 17 Jun 1862, di antara Yang Teramat Mulia Maharaja Johor dan Yang Teramat Mulia Bendahara Pahang dipersetujui di antara pihak yang bertelagah bahawa jika sekiranya muncul sebarang perselisihan atau salah faham di antara mereka atau pengganti-pengganti mereka pada sebarang waktu selepas itu sama ada berhubung dengan perjanjian yang telah dinyatakan atau perkara-perkara lain, sama ada bersifat nasional, politik atau peribadi, kesemuanya harus dirujuk kepada perantara persahabatan dan penyelesaian kerajaan British yang mana kebenaran dan keputusannya mengikut perjanjian yang disebutkan adalah mutlak dan sebaliknya jika salah faham timbul di antara pihak-pihak bertelagah seperti yang dinyatakan berhubung dengan sempadan di antara daerah masing-masing Johor dan Pahang dengan menghormati pemilihan pulau-pulau tertentu yang terletak di luar Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu dan sebaliknya salah faham yang dinyatakan, dimajukan, dan dirujukkan oleh pihak-pihak yang bertelagah kepada perantara persahabatan dan penyelesaian Yang Teramat Mulia Gabenor Negeri-negeri Selat.

Sekarang perkara-perkara ini akan dibawa kepada pengetahuan umum bahawa saya, Sir Harry St. George Ord, Gabenor yang telah mengambil pertimbangan dan menimbang dengan teliti dan matang bukti-bukti dan kenyataan-kenyataan yang dihadapkan kepada saya oleh kedua pihak yang bertelagah bersabit perselisihan masing-masing dan tuntutan, jadi di sini diberi keputusan dan diputuskan seperti berikut, bahawa untuk dinyatakan, pertama, bahawa Sungai Indow akan menjadi daratan utama di antara wilayah-wilayah yang Teramat

Mulia Maharaja Johor, dan Yang Teramat Mulia Bendahara Pahang, dan bahawa pulau-pulau Tioman, Aor, Pulo Tingy, Siribuat dan lain-lain yang terletak di luar Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu akan dibahagikan oleh suatu garisan lurus dari pusat muara Sungai Indow ke penghujung selatan Pulau Raban dan mulai itu ke Timur di sepanjang garisan utara garis lintang 2° 39' 20" dan kesemua pulau-pulau di utara garisan ini akan menjadi milik Pahang dan kesemua pulau-pulau di Selatan garisan ini ke Johor seperti yang tercatat di atas peta tertakluk kepada ketetapan ini.

Diberikan di Singapura, hari pertama September, 1868.
Oleh Yang Teramat Mulia Panglima: J.F.A. McNair
Pemangku Setiausaha Tanah Jajahan, S.S.

**Sumber:** *Lampiran VI dalam Hugh Clifford kepada Residen Jeneral Singapura, 27 September 1897, lampiran dalam Residen Jeneral Singapura kepada Pesuruhjaya Tinggi, 5 Oktober 1897,* **H.C.O.F.** *843/97.*

## LAMPIRAN E

...From the commencement and throughout the disturbances, the Sultan was the central point around which every intrigue revolved and in my opinion both the raid of the Panglima Muda of Jempul and the outbreak of Mat Kilau were intimately connected with the original outbreak of the ex-Orang Kaya of Semantan and all formed part of the general scheme of the ulu chiefs to compel the Sultan to join their league. By surrounding him with disturbances on every side they hope so to work upon the fears and suspicions common to every Malay Raja that he would finally consent either to avowedly assist them or by retiring to one of the ulu areas to at least tacitly countenance their proceedings and in either of the above cases I believe that they would openly proclaim a general rising in Pahang. Such rising although it could have had but one termination would have been a far graver matter than is generally realized but it was fortunately averted by the Sultan's recognition of his treaty obligations and his confidence in the good faith of the British Government...

**Sumber**: *Dikutip daripada* ***Laporan Tahunan 1892****, lampiran dalam Smith kepada Ripon, sulit, 15 April 1893, C. O. 273/187, hlm. 121–122.*

# LAMPIRAN F

## THE FEDERATION AGREEMENT 1895

Agreement between the Governor of the Straits Settlements, acting on behalf of the Government of Her Majesty the Queen, Empress of India and the Rulers of the following Malay States; that is to say, Perak Selangor, Pahang and the Negri Sembilan.

1. In confirmation of various previous Agreements, the Sultan of Perak, the Sultan of Selangor, the Sultan of Pahang and the chiefs of the States which form the territory known as the Negri Sembilan, hereby severally place themselves and their states under the protection of the British Government.
2. The above-named Rulers and chiefs of the respective states hereby agree to constitute their countries a Federation, to be known as the Protected Malay States, to be administered under the advice of the British Government.
3. It is to be understood that the arrangement hereby agreed upon does not imply that any one Ruler of Chief shall exercise any power or authority in respect of any state other than that which he now possesses in the state of which he is the recognized Ruler or chief.
4. The above-named Rulers agree to accept a British Officer to be styled the Resident-General as the agent and representative of the British Government under the Governor of the Straits Settlements. They undertake to provide him with suitable accommodation with such salary as is determined by Her Majesty's Government, and to follow his advice in all matters of administration other than those touching the Muhammedan religion. The appointment of the Resident General will not affect the obligations of the Malay Rulers towards the British Residents now existing or to be hereafter appointed to offices in the above-mentioned Protected States.
5. The above-named Rulers also agree to give those states in the Federation which require it such assistance in men, money, or other respects as the British Government, through its duly

appointed officers, may advice; and they further undertake, should war break out between Her Majesty's Government, and that of any other Power, to send, on the requisition of the Governor a body of armed and equipped Indian troops for service in the Strait Settlements.

6. Nothing in this Agreement is intended to curtail any of the powers or authority now held by any of the above-named Rulers in their respective states nor does it alter the relations now existing between any of the States named and the British Empire.

C. B. H. Mitchell
Governor and Commander
SEAL in-Chief
Straits Settlements.

21 June, 1895.

witness to the seal and signature of Sir C. B. H. Mitchell, Governor of the Straits Settlements, to the seal and signature of the Sultan of Perak; to the seals of the Sultans of Pahang and Selangor; to the seal and signature of the Yam Tuan Besar of Sri Menanti; to the seal of the Dato Klana of Sungei Ujong and signature of the Acting Dato Klana Ahmed; to the seal and signature of the Dato Bandar of Sungei Ujong, to the seal and signature of the Dato Penghulu of Jelebu; to the seal and signature of the Dato of Johol and the signature of Dato Baginda Tan Mas; to the seal of the Dato of Rembau and the signature of Dato Mentri Lela Perkasa and to the seal and signature of Tunku Dewa of Timpin.

F. A. Swettenham

26 July, 1895.

**Sumber**: *Mitchell kepada Joseph Chamberlain, sulit, 13 Ogos 1895, C. O. 273/205, hlm. 409–410.*

# LAMPIRAN G

Pengisytiharan Tengku Mahmud sebagai Pemangku Raja Pahang oleh Sultan Ahmad 1909.

Seal of H. H. the Sultan of Pahang

قول الحق.

---

بهواسن ماك اداله كيت سري ڤادوك دولي يڠ مها مليا سلطان سر احمد معظم شاه ابن المرحوم علي كى. سي. ام. جي. يڠ ممڤوڽاءي تختا كراجاءن نڬري ڤهڠ سرة دڠن تعلوق جاجهنڽ تله ممرينتهكن اكن منجاديكن كواس كڤد ڤادوك انقند كيت يڠ ترامت مليا تڠكو محمود سي. ام. جي. تڠكو بسر ڤهڠ.

كتاهويلah اوليهمو سكلين اداڤون يڠ عمر كيت سده لنجوت اداڤون بدن تله جوزر اوله سبب سكيت يڠ هندق منجاديكن كيت ملتيه دان عقل فكيران كيت تله برسوسه تله دتتڤكن ڤادوك انقند كيت اين اكن منجادي ممڠكو كونسي كيت سنديري برڤكرجاءن دڠن ڤنوه كواس دان ڤمرينته ڤد منجالنكن حكوم٢ دان اتوران٢ دالم سڬل حال ممرينتهكن نڬري. مك سڬل ڤراتوران دان ڤركارا يڠ تله دادكن ڤد معاملهكن دان ڤڠاجورن٢ دالم نڬري، سڤرتي كلاكوان كيت سنديري.

دان لاڬي كيت تله ممبريكن ڤرينته كڤد ڤادوك انقند كيت اين دڠن سڤنوه٢ ممڤوڽاءي ترتيب كواس ممبنتو سڬل اورڠ٢ بسر دان ڤڠهولو٢ سمواڽ لاڬي. سڬل رعيت٢ دڠن تياد بوليه تيدق اكن منوروت دان منوروت ڤرينته٢ حكوم ڤادوك انقند كيت اين كارن سڬل ڤرينته حكومڽ اياله سڤرتي كاتا كيت سنديري.

سبلاڬي اداله كيت ڤد هاري اين دڠن احتيماء اوان برڤوتوسن رسمي بوات كامو سكلين ڤنجاڬا لوان چاي كمڤنير تله منجمڠكن سوراة الدڠ٢ درڤد حال اين ددالم سورت (كاونسيل) كارن ممبريكن امر٢ ڤرينته كيت الوركن ايت اداي.

ترتوليس كڤد 3 هاريبولن اڤريل 1909.

برسامأن دڠن 12 هاريبولن ربيع الاول سنة ١٣٢٧.

**Sumber**: *Lampiran dalam Residen British Pahang kepada Pegawai Daerah Kuantan, 1 Mei 1909, KDOF, 421/1909.*

## LAMPIRAN H

*Perjanjian yang dibuat di antara Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, bertindak sebagai wakil bagi pihak Kerajaan Yang Maha Mulia Raja, Maharaja India dengan pemerintah-pemerintah Negeri-negeri Melayu Bersekutu Perak, Selangor, Pahang, dan Negeri Sembilan.*

Whereas by the Treaty entered into in July 1895 known as the Treaty of Federation the above named Rulers agreed to constitute their countries a Federation to be known as the Protected Malay States to be administered, under the advice of the British Goverment and whereas the above named Federation was duly constituted as provided in the above named Treaty and whereas the above named Rulers further desire that means should be provided for the joint arrangement of all matters of common interest to the Federation, or affecting more than one state and for the proper enactment of all laws intended to have force throughout the Federation or in more than one state, it is hereby agreed:

1. That on and after a date to be fixed by His Majesty, a Council shall be established to be known as the Federal Council of the Federated Malay States.
2. In the first instance the following shall be members of the Council. The High Commissioner, the Resident General, Sultan of Pahang, Yam Tuan of Negeri Sembilan, Resident of Perak, Resident of Selangor, Resident of Pahang, Resident of Negri Sembilan, four unofficial members to be nominated by the High Commissioner with the approval of His Majesty. The absence of any member shall not invalidate any proceedings of the Council at which he has not been present.
3. If hereafter it should in the opinion of the High Commissioner be desirable to add to the Council one or more of the heads of the various public departments, he may do so subject to the approval of His Majesty and may in such case also nominate not more than one additional unofficial member for every official member so added to the Council.

4. A head of a department who is nominated to the Council shall hold office so long as the High Commissioner thinks fit. Unofficial members shall hold office for three years.
5. The High Commissioner shall be President of the Council and in his absence the Resident General shall be President.
6. If any of the Rulers above named is unable to be present he may nominate one of the members of his State Council to represent him.
7. The Council shall meet at least once in every year at a place to be appointed from time to time by the High Commissioner.
8. Unless the High Commissioner shall certify in writing that it is a matter of urgency every law proposed to be enacted by the Council shall be published in the Government gazette at least one month before being submitted to the Council.
9. Laws passed or which may hereafter be passed by the State Councils shall continue to have full force and effect in the State except in so far as they maybe repugnant to the provisions of any law passed by the Federal Council and questions connected with the Mohammedan religion, mosques, political pensions, native chiefs and penghulus and any other questions which in the opinion of the High Commissioner affect the rights and prerogatives of any ofthe above named rulers or which for other reasons he considers should properly be dealt with only by the State Councils shall be exclusively reserved to the State Councils.
10. The draft estimates of revenue and expenditure of each state shall be considered by the Federal Council but shall immediately on publication be communicated to the State Councils.
11. The drafts of all laws intended and all resolutions or other business, proposed by the Government to be submitted to the Federal Council shall be considered previous to publication by an administrative Council consisting of the High Commissioner, the Resident General, the above named rulers and the British Resident in the several states and the draft Federal and State Estimates shall also be considered by this Council before publication.
12. Nothing in this Agreement is intended to curtail any of the powers or authority now held by any of the above named rulers in their respective states nor does it alter the relations now existing between any of the states named and the British empire as established by previous treaties.

**Sumber**: *J. Anderson kepada Earl of Elgin and Kincardine, sulit, 26 Disember 1907, C. O. 273/331, hlm. 440–443.*

# SALASILAH KESULTANAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

LAMPIRAN I



# BIBLIOGRAFI

## A. Manuskrip

Fail-fail Pejabat Pesuruhjaya Tinggi 1896–1917. (Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Surat-menyurat Pejabat Kolonial, Pejabat Rekod Awam, London, C. O. 273. Jilid C. O. 273/78 - C. O. 273/475 (salinan mikrofilem, Perpustakaan Universiti Malaya).

Surat-menyurat Pejabat Kolonial, Pejabat Rekod Awam, London, C.O. 717. Gulungan 59, 60 dan 61 (salinan mikrofilem, Perpustakaan Universiti Malaya).

Surat-menyurat Pejabat Pesuruhjaya Tinggi 1890–1914. (Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Laporan Tahunan Pahang 1888–1895 (salinan mikrofilem, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Buku Surat-surat Maharaja 1885–1898, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (salinan mikrofilem, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Warta Kerajaan Negeri-negeri Selat 1892 (salinan mikrofilem, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Fail-fail Pejabat Residen British 1888–1903 (Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Fail-fail Pejabat Residen British Sungai Ujong 1800–1896,

Fail-fail Pejabat Setiausaha Negeri Sembilan (Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Fail-fail Setiausaha Kerajaan Selangor 1879–1896 (Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Surat-surat Swettenham 1875 (Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Dairi Hugh Clifford 1887 (salinan simpanan Dato' Zakaria Hitam, Kuantan)

Dairi-dairi Hugh Clifford 1888 dan 1893 (Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Fail-fail Pejabat Daerah Temerloh 1890–1898 (Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Fail-fail Pejabat Daerah Kuantan 1890–1914 (Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Laporan-laporan Tahunan, fail-fail Pejabat Daerah Kuantan 1891–1894 (Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).

Kertas-kertas kerja Parlimen – *Correspondence relating to Affairs of certain native states of the Malay Peninsula 1872–1898* (salinan mikrofilem, Perpustakaan Universiti Malaya).

**B. Buku dan Artikel**

Abdul Talib bin Haji Ahmad, *Sejarah Dato Bahaman, Orang Kaya Semantan*, Pustaka Bahagia, Kuala Lumpur, 1959.
______________, *Seri Pahang*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1962.
Abdullah bin Abdul Kadir, Munshi, *Kesah Pelayaran Abdullah*, Malayan Publishing House, Singapura, 1961.
Aebe Muara, *Mat Kilau, Satu Curat-curit ke arah Pengesahannya*, International Arts Correspondence School, Singapura, 1970.
Ali bin Raja Haji Ahmad,"A Malay History of Riau and Johore (Tuhfat-al-Nafis)" *ed*, R.O. Winstedt, *JMBRAS*, 10, ii, 1932.
______________, *Tuhfat-al-Nafis* (dirumikan oleh Munir Ali), Malaysia Publications Ltd., Singapura, 1965.
Aminuddin Baki,"The Institution of Debt Slavery in Perak," *Peninjau Sejarah*, jilid I, i, 1966.
Andaya, L. Y., *The Kingdom of Johore 1641–1728*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975.
______________,"The Structure of Power in Seventeenth Century Johor – Pre-colonial State Systems in Southeast Asia," *JMBRAS*, monograf no. 6, 1975.
______________,"Raja Kechil and the Minangkabau Conquest of Johore in 1718," *JMBRAS*, jilid 14, ii, 1972.
Anderson, John,"Political and Commercial Considerations Relative to the Malay Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca", (pengenalan oleh J. S. Bastin), *JMBRAS*, 35, iv, 1962.
Baker, A. C.,"Anglo Dutch Relations in the East at the Beginning of the Nineteeth Century", *JSBRAS*, 64, 1913.
Basset, D. K.,"European Influence in the Malay Peninsula 1511–1786," *JMBRAS*, 33, iii, 1960.
______________,"Anglo Malay Relations 1786-1795", *JMBRAS*, 38, ii, 1965.
Bastin, J.,"Sir Stamford Raffles and John Crawford's Ideas of Colonizing the Malayan Archipelago", *JMBRAS*, 26, i, 1953.
______________ and Robin W. Winks, (*ed*), *Malaysia: Selected Historical Readings*, The Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1966.
______________ and Roolvink R., (*ed*), *Malayan and Indonesian Studies*, Oxford University Press, Great Britain, 1964.
Begbie, P. J., *The Malayan Peninsula embracing the history, manners and customs of the inhabitants, politics, natural history from its earliest records,*

Madras, 1834, Oxford University Press, diulang cetak, Kuala Lumpur, 1967.

Braddel, Roland, "Further Notes upon a Study of Ancient Times in the Malay Peninsula ", *JMBRAS*, 15, i, 1937.

Brown, C. C., "Commentary on the Sejarah Melayu", *JMBRAS*, 25, ii dan iii, Oktober 1952; diulang cetak oleh The Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970.

Buckley, C. B., *An Anectodal History of Old Times in Singapore 1819–1867*, diulang cetak, Kuala Lumpur, 1965.

Buyong bin Adil, Haji, *Sejarah Pahang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972.

Cant, R. G., "A Historical Geography of Pahang", *JMBRAS*, monograph 4, 1972.

Carr, E. H., *What is History?*, Macmillan, London, 1962.

Cesar Adib Majul, "Theories on the introduction and expansion of Islam in Malaysia", Persatuan Sejarawan Antarabangsa Asia, *Bienniel Conference Proceedings*, jilid 2, 1962.

Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896–1909*, The Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1964.

Chandran, J., "Three Agreements Relating to Siamese Malay States Signed in 1896, 1897 and 1899, *Peninjau Sejarah*, jilid 3, no. ii, September 1968.

______________, "Perjuangan Pahlawan Pahang: Satu Gambaran dari Sumber Inggeris", *Dewan Masyarakat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, jilid 10, no. 8, Ogos 1972.

______________, "Jatuhnya Kubu Jeram Ampai pada 1894: Satu Peristiwa Penting dalam Sejarah Pahang", *Malaysia in history*, jilid 15, no. 2, Disember 1972.

Chew, E., "Frank Swettenham and the Federation of the Malay States", *Modern Asian Studies*, jilid 2, no. i, 1968.

______________, "The first State Council in the Protected Malay States", *JMBRAS*, 39, i, 1966.

______________, "Swettenham and British Residential Rule in West Malaya", *Journal of Southeast Asian Studies*, jilid 5, no. ii, September 1974.

______________, "The Reasons for British Intervention in Malaya: Review and Reconsiderations", *JSEAH*, 6, i, 1965.

Clifford, H., *Bushwacking and other Asiatic tales and memories*, William Heinemann Ltd., London, 1929.

______________, *In Court and Kampong*, Grant Richards, London, 1927.

______________, *Malayan Monochromes*, John Murray, London, 1913.

______________, "A Journey through the Malay States of Terengganu and Kelantan",*The Geographical Journal*, jilid 9, no. i, Januari 1897.

______________, "Report on the Expedition recently led into Kelantan and Terengganu on the East Coast of the Malay Peninsula", *JMBRAS*, 34, i, 1961.

Coedes, G., *The Making of South East Asia*, London, Routledge and Kegan Paul Ltd., 1967.
______________, *The Indianized States of South East Asia*, The Universiti of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968.
Cowan, C. D., *Nineteenth Century Malaya*, The Oxford University Press, London, 1961.
Darus Ahmad, *Orang Kaya Bahaman, Orang Besar Tanah Ayer*, Siaran Brothers, Penang, 1958.
Emerson, Rupert., *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, The Universiti of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969.
Fatimi S. Q., *ed*, Shirle Gordon, "Islam comes to Malaysia", Malaysian Sociological Research Institute LTD., Singapura, 1963.
Gibson-Hill, C. A., "On the Alleged Death of Sultan Alaudin of Johore in Acheh",*JMBRAS*, 28, i, Mei 1956.
______________,"Johore Lama and other Ancient Sites", *JMBRAS*, 28, ii, Mei 1955.
Godinho de Eredia, "Reports on the Golden Chersonese or Peninsula, 1597-1600", diterjemahkan oleh J. V. Mills, *JMBRAS*, 8, i, 1930.
Gray C., "Journal of a route overland from Malacca to Pahang across the Malay Peninsula", *J. I. A.*, jilid 6, 1852.
Groeneveldt, W. P., *Historical Notes on Indonesia and Malaya from Chinese Sources*, C. V. Bharatara, Djakarta, 1960.
Gullick, J. M., *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, The Athlone Press, London, diulang cetak 1969.
______________, *Malaya*, Ernest Benn Ltd., London, 1964.
Hanh, Emily, *Raffles of Singapore, a biography*, Macmillan and Company, New York, 1946.
Hartoko, Dick, (terjemahan oleh C. A. van Peursen), *Strategi Kebudayaan*, Kanisius, Yogyakarta, 1979.
Howard, Joseph H., *Malay Manuscripts: A Bibliographical Guide*, Kuala Lumpur, 1966.
Hughes, D. T., (terjemahan), "A Portuguese Acount of Johore by Joao Tavarez, *JMBRAS*, 23, ii, 1955.
Ismail Hussein, Prof., *The Study of Traditional Malay Literature With A Selected Bibliography*, Kuala Lumpur, 1975
Jang Aisyah Muttalib, *Pemberontakan Pahang 1891–1895*, Pustaka Aman, Kelantan, 1975.
Josselyne De Jong, P. E. dan Van Wijk H. C. A.,"The Malacca Sultanate", *J. S. E. A. H.*, i dan ii, 1960.
Kalthum Jeran (*ed*), *Hikayat Pahang*, Kuala Lumpur, 1986.
Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850–1873*, The Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
______________, "The Federation of 1896: Its Origin", *Peninjau Sejarah*, jilid 1, no. ii, 1966.
______________, "The Origins of the British Administration in

Malaya", *JMBRAS*, 39, iii, 1966.
Krantz, E. U., (*ed*), *Peringatan Sejarah Negeri Johor: Eine Malaiische Quelle zur Geschicht Johors in 18 Jahrhundert*, Wiesbaden, 1973.
Linehan, W., "A History of Pahang", *JMBRAS*, 14, ii, Mei 1936.
_____________, "Marhum Muda Pahang", *JMBRAS*, 12, ii, Ogos 1934.
_____________, "The Sources, the Shellabear text of the Malay Annals", *JMBRAS*, 20, ii, 1949.
_____________, "The Prince of Chini", *JMBRAS*, 20, ii, Disember 1947.
_____________, "Notes on the Texts of the Malay Annals", *JMBRAS*, 20, ii, 1949.
_____________, "The Bendaharas of Pahang", *JMBRAS*, 4, iii, 1926.
_____________, "Chronology of Pahang's Bendaharas", *JMBRAS*, 12, ii, 1934.
_____________, "Royal Modes of Address in Pahang", *JMBRAS*, 4, iii, 1926.
Loh Fook Seng, *The Malay States 1877-1895*, Penerbitan Universiti Oxford, Kuala Lumpur, 1969.
MacGregor, I. A., "Notes on the Portuguese in Malaya", *JMBRAS*, 28, ii, Mei 1955.
Machobian (diterjemahkan), "The Siege and Capture of Malaccca 1640–1641, *JMBRAS*, 14, i, 1936.
MacIntyre W. D., "Britain's Intervention in Malaya", *JSEAH*, 2, iii, Singapura, 1961.
Mahmud bin Mat (Dato'), "The Passing of Slavery in East Pahang", *Malayan Historical Journal*, 1, i, Mei 1954.
Marks, H. J., *The First Conquest of Singapore 1819–1824*, The Hague, 1959.
Marrison, G. E., "The Siamese Wars with Malacca During the Reign of Sultan Muzaffar Shah", *JMBRAS*, 22, i, 1949.
Matheson, V., (*ed*), *Tuhfat Al-Nafis*, Kuala Lumpur, 1982.
Maxwell, W. E., "The Law Relating to Slavery among the Malays", *JSBRAS*, no. 22, Disember 1890.
Maxwell, W. G. dan Gibson W. S., *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, Suffolk Lane, Jes Truscott and Son Ltd, London, 1924.
Meilink Roelofsz M. A. P., *Asian Trade and European Influence*, The Hague, 1962.
Middlebrook, S. M.,"Yap Ah Loy 1837–1885", *JMBRAS*, 24, ii, Julai 1951.
Mills, L. A., "British Malaya 1824–1867", Methodist Publishing House, 1925. Diulang cetak sebagai *JMBRAS*, 3, ii,1925; diulang cetak, *JMBRAS*, 33, iii, 1960; diulang cetak oleh The Oxford University Press, 1966.
Mohd. Taib Osman, "Mythic Elements in Malay Historiography", *Tenggara*, jilid 2, 1968.
Morrah, Patrick, "A History of the Malayan Police", jilid 36, ii, 1968.
Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Penerbit Universiti Malaya Kuala Lumpur, 1989.

Muhammad Yusoff Hashim, *Persejarahan Melayu Nusantara*, Kuala Lumpur, 1988.

_____________, (ed), *Syair Sultan Maulana, Kajian Persejarahan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur, 1980.

Naguib al-Attas, "Note on the Opening of Relations between China and Malacca", *JMBRAS*, 38, i,1965.

Newbold, T. J., *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, jilid 1, John Murray, London, 1839.

Parkinson, C. N., *British Intervention in Malaya 1867–1877*, Universiti of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1964.

Pluvier, J. M., *Southeast Asia: From Colonialism to Independence*, The Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974.

Raffles, Sophia, *Memoir of the Life and Public Services of Sir Thomas Stamford Raffles*, jilid I dan II, James Duncan, London, 1835.

Raffles, T. S.,"The Founding of Singapore", *JSBRAS*, jilid 2, 1878.

Reid, A. J. S., "Nineteenth Century Pan-Islaminism in Indonesia and Malaysia", *Journal of Asian Studies*, jilid 26, no. 2, 1978.

Roff, W. R., *The Origins of Malaya Nationalism*, The Universiti of Malaya Press, 1974.

_____________, (ed), *Stories by Hugh Clifford*, The Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969.

Roolvink, R., (pengenalan), "The Variant Versions of the Malay Annals", dalam C. C. Brown, *Sejarah Melayu*, The Universiti of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1970.

Sadka, E., *The Protected Malay States 1874–1895*, The Universiti of Malaya Press, Kuala Lumpur.

Shellabear, W. B., *ed*, *Sejarah Melayu*, Malayan Publishing House Ltd., diulang cetak di Singapura, 1961.

Sheppard, M. C., "Clifford of Pahang", *Straits Times Annual*, 1956.

_____________, "A Short History of Terengganu", *JMBRAS*, 22, iii, 1949.

Sinclair, Keith, "Hobson and Lenin in Johore: Colonial Office Policy towards British Concessionaires and investors 1878–1907", *Modern Asian Studies*, jilid 1, iv, 1967.

Skeat, W. W., "Reminiscence of the Cambridge University Expdition to the North-eastern Malay States 1899–1900, *JMBRAS*, 26, iv, 1953.

Skinner, C., "Abdullah's Voyage to the East Coast", *JMBRAS*, 39, ii, 1966.

Swettenham, F. A., *Footprints in Malaya*, Hutchinson and Company Ltd., London, 1942.

_____________,*The Real Malay*, London, 1907.

_____________, *British Malaya*, George Allen and Unwin Ltd., London, 1908.

_____________, "Journal kept During a Journey Across the Malay Peninsula, *JSBRAS*, 15, 1885.

Swettenham, F. A., "A Malay Nautch", *JSBRAS*, 2, Disember 1898.
______________, "Some Account of the Independent Malay States of the Malay Peninsula", *JSBRAS*, 6, 1880.
Southwood, K. E., "Lake Cini: A Lost Settlement in Pahang", *Malaya in History*, 4, i, 1960.
Syed Husin Ali, *Malay Peasant Society and Leadership*, The Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975.
Tarling, N., "British South East Asian Interests in the Nineteenth century", *JSEAH*, 7, i, 1966.
______________, "British Policy in the Malay Peninsula and the Archipelago 1826-1871", *JMBRAS*, 30, iii, 1957.
______________, *Anglo-Dutch Rivalry in the Malay World 1780–1824*, Penerbitan Universiti Cambridge, 1962.
______________, *Piracy and Politics in the Malay World – a Study of British Imperialism in 19th Century Southeast Asia*, Donald Moore Gallery Ltd., Singapura 1963.
Tate, D. J. M., *The Making of Modern Southeast Asia*, jilid 1, The Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.
Tavares Joao, "A Portuguese Account of Johore" (diterjemahkan oleh D. T. Hughes), *JMBRAS*, 13, ii, Oktober 1935.
Teuku Iskandar,"Some Aspects Concerning the Work of Copyist of Malay Historical Writings", *Peninjau Sejarah*, ii dan iii, 1968.
Thio, Eunice, *British Policy in the Malay Peninsula 1880–1910*, jilid 1, The Universiti of Malaya Press, Singapura, 1969.
______________, "The Extension of British Control to Pahang", *JMBRAS*, 30, i, 1957.
Thomson, J. T., "Description of the Eastern Coast of Johore and Pahang and the Adjacent Islands", *JIA*, 5, 1851.
Tibbets, G. R., "The Malay Peninsula as known to the Arab Geographers", *The Malayan Journal of Tropical Geography*, jilid 9, Disember 1956.
Tregonning, K. G., *The British in Malaya*, Penerbitan Universiti Arizona, Tucson, 1965.
Turnbull, C. M., *The Straits Settlements 1826–1867*, The Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
______________, "The Origins of British Control in the Malay States between Colonial Rule", J. S. Bastin and R. Roolvink, (*ed*), *Malayan and Indonesian Studies*, The Oxford University Press, Great Britain, 1964.
Vlekke, B. H. M., "A History of Indonesia", *Nusantara*, The Hague, 1965.
Wavell, Stewart, *The Naga King's daughter*, George Allen and Unwin Ltd., London, 1964.
Wheatley, P., *The Golden Khersonese*, The Universiti of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1961.
______________, "The Malay Peninsula as known to the Chinese of the Third Century", *JMBRAS*, 28, i, 1955.

Wilkinson, R. J., "Mahmud II and Abdul Jalil III", *JMBRAS*, 9, i, Mei 1931.
_____________, "The Early Sultans of Pahang", *JMBRAS*, 10, i, 1932.
_____________, "The Malacca Sultanate", *JMBRAS*, 13, ii, 1935.
Winstedt, R. O., "An Outline of a Malay History of Riau", *JMBRAS*, 11, ii, 1933.
_____________, "The Bendaharas and Temenggongs", *JMBRAS*, 10, i, Januari 1932.
_____________, "The Early Rulers of Pahang, Perak and Acheh", *JMBRAS*, 10, i, 1932.
_____________, "A History of Johore (1673 – ca 1800 A.D.), dari Hikayat Negeri Johor (Jawi)", *JMBRAS*, 10, i, 1932.
_____________, "A History of Johore", *JMBRAS*, 10, iii, 1932.
_____________, "A History of Selangor", *JMBRAS*, 12, iii, 1934.
_____________, "A History of Malaya", *JMBRAS*, 13, i, 1935.
_____________, "Malay Rulers of Malacca", *Malaya in History*, 7, ii, 1962.
_____________, "Abdul Jalil Sultan of Johore 1699–1719; Abdul Jamal Temenggong and Raffles Founding of Singapore", *JMBRAS*, 11, ii, 1933.
_____________, "The Geneology of Malacca's King from a Copy of the Bustanu-Salatin", *JSBRAS*, 18, Mac 1920.
_____________, "Sejarah Melayu", *JMBRAS*, 16, iii, Disember 1938.
_____________, (*ed*), The Malay Annals, Raffles, MS. no. 18, *JMBRAS*, 16, iii, 1938.
Wright, A. dan Cartwright, H. A., *Twentieth Century Impressions of British Malaya*, London, 1908.

## C. Bahan Bercetak

*Federated Malay States, Annual Reports 1896–1917* (Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).
*Federal Council Proceedings 1909–1914* (Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).
*Straits Settlements Legislative Council 1891–1893* (Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).
*Pahang Government Gazettes 1898–1908* (Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).
*Hugh Clifford Files* (Perpustakaan Straits Times, Kuala Lumpur).
*Great Britain, Foreign Office, Further Correspondence Respecting the affairs of Siam, Confidential*. Dicetak untuk kegunaan Pejabat Luar negeri sahaja, bahagian IV hingga V (Perpustakaan Universiti Malaya).
*Great Britain, War Office Intelligence Division, Precis of Information concerning the Straits Settlements and Native States of the Malaya Peninsular*, London, 1892 (salinan mikrofilem, Perpustakaan Universiti Malaya).

*Pahang Laws passed by the State Council between 31 Disember 1889 and 8 Januari 1896*, Kuala Lumpur, Pejabat Percetakan Kerajaan Selangor, 1897.
Walker, R. S. F., *Further Report of the Disturbances in Pahang 1892*, Kuala Lumpur, Pejabat Percetakan Selangor 1892 (Perpustakaan Universiti Singapura).
*Treaties and other papers Connected with the Native States of the Malay Peninsula*, Singapura, Pejabat Percetakan Kerajaan, 1888 (salinan peribadi yang dimiliki oleh Datuk Zakaria Hitam, Kuantan).
Anon, *Hikayat Pahang* (versi Rumi, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur).
*Laporan Jawatankuasa Menyiasat Kemunculan Mat Kilau*. (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Kuantan).
*Straits Settlements Records, India Office 1862* (salinan peribadi yang dimiliki oleh Encik R. Bonney, Universiti Malaya).
Jurnal *Pahang dalam Sejarah*, Lembaga Muzium Negeri Pahang, bil. 1, 1982.

**D. Surat Khabar**

*The Straits Times* (Perpustakaan The Strait Times, Kuala Lumpur).
*The Sunday Times* (Perpustakaan The Straits Times, Kuala Lumpur).
*The Malay Mail* (Perpustakaan The Straits Times, Kuala Lumpur).
*The Sunday Mail* (Perpustakaan The Straits Times, Kuala Lumpur).
*Berita Harian, Berita Minggu, Utusan Melayu* (Kuala Lumpur), artikel-artikel yang telah dikumpulkan oleh Professor Chandran dari Universiti Malaya.
*The Free Press*, 22 October 1895, Perpustakaan Universiti Singapura.

# INDEKS


**A History of Malay Literature** 5
**A History of Classical Malay Literature** (1958) 5
Abbas, Bendahara 259
Abdul Ghafar, Sultan Pahang (1591 – 1614) 277 – 278
Abdul Halim, Haji 223
Abdul Halim, Haji, Imam Perang Mahkota, Haji 189
Abdul Jalil, Sultan Johor-Pahang 248 – 252
Abdul Jalil Shah III, Sultan Johor-Pahang 278 – 280
Abdul Jalil Riayat Shah IV, Sultan Johor-Pahang 280 – 281
*lihat* Tun Abdul Jalil, Bendahara
Abdul Jalil Rahmat Shah, Sultan
*lihat* Raja Kecil
Abdul Jalil, Tengku 34
Abdul Jamal, Temenggung 254 – 256
Abdul Jamil Shah, Sultan Pahang ke-10 275 – 276
Abdul Khadir Shah, Sultan Pahang ke-10 277
Abdul Majid, Che Wan 253
Abdul Majid, Engku 89, 244
Abdul Rahman, Bendahara Pahang 298
Abdul Rahman, Che Wan 253
Abdul Rahman, Datuk Temenggung Paduka Raja 51
Abdul Rahman, Engku 88, 243
Abdul Rahman, Haji 41
Abdul Rahman, Sultan Lingga 285 – 286
Abdul Rahman, Syed 253, 257
Abdul Rauf, Haji 320
Abdul Samad, Sultan Selangor 45
Abdul Syukur, Tuan al-Haji 52
Abdullah Bera, Encik 313, 317, 323
Abdullah, Che Wan 253, 257
Abdullah, Encik Engku 53, 86
Abdullah ibni Sultan Ahmad, Sultan 11, 12, 28, 47, 241, 337 – 341, 343 – 344
Abdullah Maayat Shah, Sultan Johor 278 – 280
Abdullah, Raja (Selangor) 44, 294 – 295
Abdullah, Sultan Perak 230
Abdullah, Syed 253
Abu Bakar, Maharaja, Sultan Johor 30, 35, 36,53, 56, 75, 212, 216, 226, 253, 256, 257, 260, 305, 320
  Che Wan 255
  gelaran 185
  kemangkatan 25, 28
  pemerintahan 27
  pengisytiharan pengampunan pemberontak 320
  puteri 25, 29
  Temenggung 92, 255, 292 – 294, 298
Abu Bakar, Sultan Pahang 344 – 345
Acheh 4, 6, 277 – 278
  pemerintah 6, 278
  Sultan 8
  kuasa 278
Abu Bakar, Tuk 40
adat istiadat
  kematian 12
  perkahwinan 12
  perkahwinan di antara Tengku Mahmud, Tengku Panglima Besar dengan Tengku Mariam 26
  pertabalan 12
  santap diraja 50
  tempatan 5
*advantage* 23
agung ugahari 22
Ah Chu 307

Ahli Kehormat Kelas Kedua 339
Ahmad al-Muazzam Shah, Sultan Pahang 7, 9, 12 - 15, 21, 29, 43-46, 126, 158, 162, 163, 165, 219, 255, 257, 260, 308 - 317, 320, 324 - 326, 331 - 335, 345
Ahmad bin Ali 257; *lihat* juga keturunan Tun Ali,
Ahmad Shah 275, 278
Bendahara 15, 21, 18
Bendahara Siwa Raja 16-18, 34 - 36, 40 - 41, 44, 59 - 61, 64, 66, 69, 85, 94-106, 174, 197, 205, 293 - 295
Bendahara Wan Ahmad 293 - 298
Encik Engku 37, 55, 57, 167, 169, 192
Encik Wan 13, 170, 174,
Engku Ahmad 33, 34
karisma 13
penyerahan kuasa 165
Tun (Wan) Ahmad 9 - 19, 21, 38 - 43, 84, 85, 257, 285 - 295
Ahmad bin Tun Ali; *lihat* keturunan Tun Ali, Bendahara; *lihat* Ahmad al-Muazzam Shah, Sultan Pahang
Ahmad Shah, Sultan Pahang 278
Ahmad, Bendahara Terengganu 250
Ahmad, Haji, 318
Ahmad, Raja 279
Ahmad, Raja Pahang ke-11 280
Ahmad, Raja, *lihat*, keturunan Sulaiman, Sultan Riau
Ahmad, Syed 253
akademik 4, 366
al-Habsyi 186
al-Jufri 187, 204, 223
al-Quran 322
Alang Ahmad, Encik 79, 231
Alang Iskandar, Raja 327
alat zerox 25
Alauddin Riayat Shah I (1477 - 1488), Sultan Johor 278
Alauddin Riayat Shah II Sultan Johor 279
Alauddin Riayat Shah III Sultan Johor 274
Alfin, Tuan 222
Ali bin Hussain bin Challidin bin Zainal 29, 258
Ali, Che Wan 256
Ali, Panglima Garang 42, 190
Ali, Sultan Johor 56
Ali, Tengku 221
Allah - 175, 178, 182, 185, 188, 194, 196, 198, 266
alternatif 325
Aman, Encik Engku 183, 184, 191, 196, 197, 36 - 39, 42, 43
Encik Wan 53, 197, 177, 180
Amar Segara 258
anak hamba 312
Andak, Che Wan 256
Andak, Haji 74
Anderson, John 164, 333 - 335
*anecdote* / anekdot 18, 19, 366
angkatan polis 312
**Annual Report Pahang** 22
anti-Belanda 283
anti-Bugis 282
anti-penjajah 318
antropologi 4
April 290, 301, 304, 306
Arab 186, 189, 223
Arab Pahang 324
Asal, Raja 295
Ator, Encik 206
Aturan Setia Bugis dengan Melayu 12
audience 26
aura 15
autokratik 337
autonomi, 12, 285, 297, 298, 325
autonomus 26
autoriti 315, 325, 335
Awang Bidin 201
Awang Din 41
Awang Ngah 322
Awang Nong Yusof 322, 324
Awang Tanggah, Tuk Muda 321
Awang, Encik 198
Awang, Panglima 204

*back-drop* 18
'badan' 368
Bahaman, Datuk 54, 98, 139 - 140, 145, 158, 315, 318, 321
kebangkitan 144 - 150
Orang Kaya Setia Pahlawan Semantan 18, 45, 46, 296, 313

Baginda Omar, Sultan Terengganu 37, 46, 186, 288, 294
Bahrin, Khatib 179, 181, 198, 202, 204
'bahu-membahu' 368
Bakar, Engku 45
Bakar Kelola, Khatib 323
Bangau 258
Bangau, Tuk 40
Bangkok 324
Barat, Datuk 242
Bari 248
Batavia 301
Batu Gajah 39, 293
Batu Hampar 46
Batu Pahat 199
Batu Sawar (Johor) 280
bayaran harian 311
Bebas, Panglima 248
Belanda
- bekerjasama dengan 277
- kebebasan perdagangan kepada 282
- menyerang Portugis di Melaka 281
- pegawai 4
- pejabat pemerintah 6
- pejabat-pejabat Kompeni 6
- pengaruh 287
- Perjanjian (1787) 286
- Perjanjian Inggeris–Belanda (1824) 289
- polisi perdagangan 285
- sumber Dagh-Register 30
- sumber Kolonial Archief 30
- sumber Kolonial Tijdschrift 30

Belanda–British 282
Bendahara of Pahang, The 6
Bendahara Seri Amar Diraja 275
Bendahara Seri Maharaja 14, 34, 280 – 281
Bengkalis 278
Benta 223, 257
Bentan 276
Bentara 266, 267
Bentong 316, 317, 341, 342
bentuk
- akademik 4
- naratif 4
- popular 4
- rumi 5
- syair 24

Bera 40, 293, 318
berkarismatik 10
Beruas 255, 256, 257
Besar, Panglima 34, 171, 177, 212, 256
bestari 23
Besut 321
bijak bestari 23
Biliton 301
Bintang K.C.M.G. 47
bintang kebesaran 47
Bit, Encik 38
Bintang Kehormat Saint Michael and Saint George(C.M.G.) 335
Birch, Tuan 119, 120
Borneo Barat 283
British 257, 282 – 286, 289 – 307
- arahan-arahan 317
- bertindak terhadap 316
- cukai 211
- keburukan pentadbiran 317
- pegawai kerajaan 339
- penasihat British 325
- pentadbiran 314, 325
- penyerahan cap kuasa Sultan Zainal Abidin 324
- tindakan 315
- undang-undang 314 – 315

bronchitis 335
Buang bin Busu, Che 339
Buang, Tun 53
Budu 298
Bugis 27, 37, 39, 250 – 252, 281 – 284
Bugis-Belanda 283
Bukit Bendera 241
Bukit Busut 38
Bukit Muhammadiah 253
Bukit Puteri 249
Bukit Sagumpal 140
Bulang 284
bunga emas 289
bunyi bahana 23
buruh paksa 308
Buruk, Encik 34
Bustanus-Salatin 6, 275
Butler, A. 329
Buyong Adil 6

canggih 368
Carr, E. H. 20

causal 10
Cavenagh, Gabenor 291, 292, 294
Ceh, Tuan 225
Che Abu Putih 259
Che Bedah 303
Che Salleh 259
Cheka 339
Cheh, Tuan 225, 226
Cheng Ho, Laksamana 271
Chenor 37, 39, 40, 42, 173, 222, 254, 255, 256, 258, 287, 290, 293, 294
Cherita Perang Pahang dengan Johor Baharu 23
Chiengmai 324
Chik Jenerak, Tuan 40
Chik, Encik Engku 35, 53, 183, 207
Chik, Raja 244
Chik, Tengku 222
China 271, 286
Choa-Ju-Kua 271
Chu-fan-Chi (1225) 271
Chulan, Raja Perak 231
Cik Engku Besar 36, 51
Cik Isteri 36
Cik Mik 21, 27
Cik Pong atau Cik Apong 21
Cik Puan Besar 45
Cik Puan Bongsu 43, 44, 46
Cik Puan Tengah 43
Cik Sokma 43
Cik Zabedah 45
Cik, Che Wan 256, 257
Cik, Tengku 52
Cina 43, 45, 132, 217, 283, 294, 303, 315, 326
    ketua pekedai Cina 316
    peniaga-peniaga kecil 315
Cini 276
'citarasa' 368
Clarke, Andrew, Gabenor 118, 296
Clifford, Hugh,Sir 45, 46, 130 – 132, 137, 139, 141 – 142, 148, 222, 303 – 305, 311, 313, 323, 324, 329
clue 28
colonial Office (Siri 273) 22
complexity 10
complimentery 25
composer 23
confucious 324
consistant 13
convenience 9
conventiona 120
court intrigue 10
Crawford, John 286
cukai barangan 312
cukai haram 315
cukai import dan eksport 312

Da
    Che Wan 53, 72, 106, 118, 180, 178, 328, 329
    Encik Engku 39, 43
    Tun 288
Dagh-Register 30
Daik 33, 259
Daing Abdul Majid 252
    *lihat juga* keturunan Daing Abdul Majid
Daing Abdul Rahman, Temenggung Seri Maharaja Johor 252, 285-287,
    *lihat juga* keturunan Daing Abdul Rahman
Daing Busu 254
Daing Celak 254, 255
Daing Kecil 285
Daing Kemboja 282, 283
Daing Merewah 281
Daing Parani 281
Daing Sirat 249
Dalam, Panglima 36, 39, 41, 179, 190, 205, 225, 290, 258, 261, 267
Dandan Lengkong 171
Darjah Panglima Komander Utama Saint Michael and Saint George 344
Darjah Prince of Wales 344
Datuk Bandar 311
Datuk Imam Perang Indera Setia Raja Pulau Tawar 339
    *lihat juga*, Usuf, Encik
Datuk Imam Perang Penghulu Balai 305
Datuk Raja 312
Datuk Syahbandar 116
Daud, Haji 318
Daud, Pak 37
'Daulat tuanku' 266
David Rhude 283
Davidson, Tuan 43, 106, 107, 118, 120, 306

de facto 294
Dekkar, Louis 301
delicate 6
demokratik 284
Deraman 35, 69 70, 78
Deraman, Encik 315
Deraman, Penghulu 204
Desawongse, Putera 323
Desbara, Majistret 47
Dewa Hulubalang 250
Dewan Pahlawan 258
Dinasti Ming 271
diplomatik 324
Disember 298, 301
dogmatic 20
dominan 276, 282, 284, 297, 319
dokumen penyerahan elaun
dokumentasi 366
Dong 341
droit du seigneur 319
Duff, Tuan 40, 151, 156
'duli yang ghana' 23
duniawi 368
Durian Raja 38

Egerton 46
ekonomi dan politik tradisi 314
eksekutif 313
ekspresif 17
elaun bulanan 326, 327
elaun peribadi 315
elaun Selangor 327
elaun tahunan 308
emas 312
Embuk, Encik 38, 39, 198
Embong, Tuan 35, 54, 58, 64, 173, 186, 204, 293
empayar Johor 278
empayar Johor-Pahang 280 – 283
empayar Johor-Pahang-Riau 281
    menghalau orang Minangkabau daripada 284
    pemecahan empayar 284 – 287
    penguasaan Bugis 285
    penyatuan empayar oleh Raja Haji 282
empayar Johor-Pahang-Riau-Lingga 281 – 287
empayar Johor-Riau-Lingga 12, 24
empayar Melaka 272
empayar Srivijaya 271
Empeh, Engku 45
Empuk bin Yahaya, Tuan Panglima Setia 204
Empuk, Che Wan 256
enakmen 332
Enakmen Pemangku Raja 335
Encik Besar 206
Encik Engku Besar 206
Encik Puan 173, 218
Encik Puan Bongsu 211
Encik Puan Tengah 219
Endau 36, 42, 94 – 95, 129, 206, 254, 256, 291, 296, 328
Endut, Encik 223, 258
Endut, Imam Perang 201, 258
Engku 195, 202, 208
Engku Ampuan 212
Engku Andak, Che Puan 253
Engku Bendahara 183, 186, 189, 191, 197, 199, 201, 207, 212
Engku Besar 216
Engku Maimunah 245
Engku Muda 43, 45, 197, 221, 257, 287
Engku Panglima Besar 38
Engku Panglima Raja 287
Engku Puan 183
Engku Saiyid 35-37, 41, 172, 174, 175
Engku Tanjung 176, 178, 184, 207
Engku Temenggung Sri Maharaja Pahang 256 – 257
Engku Temenggung Teluk Belanga 41, 43
Engku Yusof 256
entiti politik 271
episodic 11
Eropah 253, 259, 271, 277, 282, 284, 301, 305, 306, 310, 325, 332, 335
etos 368
expediencynya 10
extreme 12

fakta 368
Farquhar, Mejar 286
Februari 283, 286, 289, 306
filologi
    ahli 9
    anti- 9

dasar 9
ilmu 4
kajian 3, 8
Melayu 25
persoalan 8
fizikal 368
Fleming, Encik 150, 153, 335
Fraser, William, Encik 304
fungsional 366

Gabenor 46, 47, 305, 308, 326
Gabenor Inggeris 45
Gabenor Singapura 42, 45, 46
Gaduh, Encik 45, 224
Gagak Sekawan 178
Gali 340, 341
galian 312
Ganchung 33, 34, 53, 55, 58, 59, 173, 290
Engku 54
Pulau 52, 53
Tuk 52
ganja 312
garam 312
generasi 368
genre 5
Melayu 29
penulisan 15
sejarah 5
George, King England 343
geschiedenis 20
gharib 22
glorification 13
'Goa' 4
Gobermen British 118
Godinho de Eredia 271
Go Hui 306, 307
Go Sui 301
Gugusan Pulau Melayu 287
Gullimard, Lawrence, Sir 164
gunboat 193, 194, 196

Haji, Raja 285, 286
hakim 53, 73, 315
Habib Muhammad 56
Habib Muhammad Amin 74
Habsyi 73
hamba abdi 312
hamba berhutang 290, 312
Hamid, Pahlawan 199
Harun, Encik 323
Harun, Panglima 75
hasil hutan 312, 316
Hassan 254, 256
Hassan bin Ali 257
Hassan, Encik 191, 202
Hassan, Tuan Haji 34
Hassan Budu, Tuan Haji 40, 292
Harris 318
Harry, Encik 328
Herbert, R., Sir 328
hernis 335
High Commissioner 47
High Commissioner's Office Despatches 23
High Commissioner's Office Files 23
high society 22
hikayat 367
Hikayat Pahang 4, 5, 6, Bab 3
bab atau cetera 10
berada di tangan Winstedt 5
dua buah di Johor
dua buah di Kedah 5
dua buah di Kelantan 5
jumlah halaman 5
kalimat dan bahasa 6
kandungan naratif 6
kod MS. 937 6
magnum-opus masyarakat peribumi Pahang 4
mikrofilem no. 204 5
mitos 19
mukadimah 6
naskah berversi pendek 5
naskah tunggal 5
pemerintah Melayu di Perak, Pahang dan Acheh 5
penjilidan 8
periode sejarah 9
tarikh terakhir 5
tulisan jawi 5
ukuran mikrofilem 5
ukuran naskah 5
hint 29
historis 29, 30, 31
Hitam al-Habsyi, Tuan 40
Hitam Pengasoh 290
Historial attitude 367
Historial slant 367

Hitam, Panglima 290
Hitam, Tuan 186, 204, 258
Ho Ah Yun 301
Hol, Datuk 242
Holanda 258, 259
Howard, J. H. 5
Hubungan Pahang – Johor 24
  adat istiadat diraja 24
  penobatan 24
  perkahwinan kerabat 24
  perpecahan Empayar Johor-Riau -Lingga 24
  perprotokolan 24
  salasilah 24
  setting 24
Hulu Dungun 38
Hulu Selangor 43
Hulu Tekam 43
Hulu Tembeling 36
Husain 258, 259
Husin, Encik 42
Husin, Haji 38 – 41, 59 – 61, 70 – 72, 77, 80
Husin, Imam Perang Panglima Kakap 323
Husin Chenor, Tuk Kaya 42
Hussain, Saiyid 253, 324
Hussein 285, 286
Hussein, Sultan 259, 286, 287

Ibrahim 252, 253, 287
Ibrahim (1677 – 1685), Raja 280
Ibrahim, Datuk Temenggung 34, 54, 57, 253, 288 – 292
Ibrahim, Sultan 239, 283
Ibrahim, Tengku Mahkota 28
Idris, Sultan 229, 327
Igal Manda 184
ilmu, ilmuan
  sains sosial moden 5
  sejarah, kesusasteraan, filologi, antropologi, bahasa, undang-undang agama, metafizika, perubatan, perpawangan, kebudayaan 4
Imam Perang 258
Imam Perang Indera Mahkota 258, 296, 311, 331
Imam Perang Indera Gajah Pahang, *lihat* Rasu, Imam Perang
Imam Perang Penghulu 298
Imam Perang Raja 41, 43, 290, 293, 296
Impeh bin Raja Abdullah, Raja 339
implisit 289
Inggeris 43, 45, 46, 199, 286, 287, 305, 307, 365, 367
  catatan 23
  kuasa 12
  kuasa kolonial 18
  menentang/penentang 12
  penjajahan 12
  pihak 12
  politik 12
  proses politik 18
  Residen 22
Inspektor Lombong 316
institusi hamba 312
institusi kesultanan 298
intensif 5
*interplay* 17
*interplay of personalities on the highest level* 12
intrinsik 5
*inwardly* 368
Ipoh 228
Isah, Che Puan 253, 254
Ishak, Panglima Gagah 38
Iskandar Thani 278
Iskandar Muda Mahkota Alam, Sultan 277, 278
Islam 322
Ismail 256
Ismail bin Ali 256
Ismail, Raja 45
Ismail, Tengku 58
Istana Laut 236
Istana Nang Cayang 249
Istana Pahang 233
Istana Seri 218
Istana Seri Terentang 260
Istana Zahri 236
Istiadat
  berkhatan 124, 126, 158, 161, 162
  perkahwinan 123, 128, 137, 153, 161
  pertabalan 123
Isudin, Tengku 340

Jaafar, Tengku 170
Jaafar, Raja, Yam Tuan Muda 285, 286

Jaafar, Saiyid 253, 257
Jambi 280
Jamil, Raja 275
Jang Aisjah Muttalib 6
Januari 286, 293, 307
Jawa, Inche 296
Jenderak 225
Jeneral 229
Jelai 37, 38, 186, 222, 258, 287, 290, 291, 292, 298
Jeram Ampai 322, 323
Jervois, William, Gabenor 296
Jidin, Tuk Syahbandar 38
Johan Perkasa 190
Johor 4, 5, 9, 25, 29, 39-45, 212-214, 217, 219, 232, 240, 249-256, 271, 275, 280-289, 293, 296, 299, 304
- adat-istiadat 22
- campur tangan dalam hal ehwal politik Pahang 24
- dua buah Hikayat Pahang di 5
- hubungan Johor dan Pahang 24
- ikatan politik 12
- kakitangan pegawai kerajaan di 26
- kemajuan negeri 24
- kerabat 22
- masalah sempadan Pahang – Johor 328
- masyarakat tempatan 28
- Melayu 28
- merujuk ke 24
- orang-orang Bugis datang ke 22
- Pahang dan 24
- pemerintah Johor 328
- politik induk di 15
- Riau 15, 17, 28
- sempadan Johor 328
- sempadan wilayah Pahang dan Johor 328
- sultan 11, 28
- Sultan Abu Bakar 24
- Temenggung Johor 328

Johor Baharu 183, 214, 226, 253
Johor Lama 27, 247, 254
Johor – Pahang 278, 280, 304
Julai 285, 289, 292
Jun 293, 307

kain 312
kaedah kajibanding 21, 23
kafir 321
Kakap Bahaman, Panglima 38, 290, 291, 293
Kakap, Panglima 177, 181, 203
Kalthum Jeran 8
Kampar 278
Kampar (Sumatera) 276
Kampung Bandar 321
Kampung Baru Tempoian 341
Kampung Gelam 34, 169, 253
Kampung Gua 321
Kampung Marhum 256
Kampung Teh 36
Kangsa 38
kapal api 92
karisma 10, 367
Kassim, Imam Perang 321
kawasan perlombongan 311
kayu 316
Kebangkitan Pahang 314 – 325
Kechau 321
Kecik, Tuan 178, 183
Kechut, Tuan 187, 204, 294
Kedah
- dua buah Hikayat Pahang di 5
- masyarakat 4
- tradisi politik lama 11

kedaton 258
Kelana 251
Kelantan 36 – 38, 46, 292, 315, 318, 320, 323
- masyarakat 4
- Hikayat Pahang di 5

Kemajuan Negeri Pahang 260
Kemaman 34 – 36, 38, 56 – 57, 169 – 170, 289 – 290, 292, 329, 331
Kenabui 306
Kepulauan Melayu 277, 284, 285, 287
Kepulauan Riau–Lingga 27, 278
Kerajaan Johor–Pahang 271, 273, 276, 283
Kerajaan Johor–Pahang–Riau 281
Kerajaan Kesultanan Melaka 271, 273
Kerajaan: *Malayan Political Culture on the eve of Colonial Rule* 6
Kerajaan Negeri-negeri Selat 305, 326, 327
Kerajaan Patani 271

Kerajaan Pahang 273
  aman makmur 91
  diserang Encik Engku Aman dan Encik Da 89
  pemerintahan 88
Kerajaan Siam 48
keraton 50
Kesultanan Johor 277
Ketapang 34
Keteman 184
Ketua Setiausaha Bendahara 295
Ketua Setiausaha Kerajaan 334, 337
keturunan
  Abdul Rahman, Sultan Lingga 258
  Ahmad al-Muazzam Shah, Sultan
  Che Wan Abu Bakar, Temenggung Seri Maharaja, Sultan 253
  Daing Abdul Majid 252
  Daing Abdul Rahman, Temenggung 252 – 253
  Ibrahim Temenggung 253
  Mahmud, Engku Temenggung Sri Maharaja 257
  Sulaiman, Sultan Riau 258
  Tun Abdul Majid 255
  Tun Ali, Bendahara 256 – 257
  Tun Koris, Bendahara, Raja 256
  Tun Muhammad, Bendahara 256
  Tun Tahir 255
khair 225
khali 57
Khatib 291
Khatib Bahrain 41 – 43
Khatib Rasu, *lihat* Rasu, Imam Perang
Khatijah, Sultanah 219, 244
kitab 223, 225
Klang 285, 294, 295, 326
konsesi
  bayaran 314
  jumlah 313
  keistimewaan dalam pemberian 305
  masalah sempadan 306
  pembatalan 306, 326
  pemegang-pemegang 301, 304, 306, 325, 326
  pendaftaran 313
  perlombongan 306
kolofon 22
Kolonial Inggeris 368
Koloniaal Archief 30
Koloniaal Tijdschrift 30
Komeng, Panglima 58, 181, 200, 258
kompleks 366, 369
konsep 366
konsep komposisi 8
konsep Islam 322
konteks 368
kontraktor Tamil 316
Koming, Inche 290
kompeni
  Koperasi Pahang 301
  Komponei Pahang Corporation 132
  *Penjom Mining Company* 132
  *Selensing Mining Company* 132
  *Raub Company* 132
Kota Tinggi 250, 283
kreativiti1 3
  sastera Melayu 5
kronologi 273
Kuala Bera 42
Kuala Lui 42

Latiff, Tuk Imam 37
Laksamana 23
Laksamana Belanda 286
Lambak Benta, Encik 37, 38, 59, 96
Lamir 33, 53
lancang 50, 51
Lancang Penjajab 193
Langgar 35
Laut Tinggi 252
Lebak 200
Leban Layu 242
Lebir 321
legislatif 313
Lela, Tengku Puan 241
lembah Kenabui 305
Lenyah 320
Lepeh, Tuk Kaya 201
Liaw Yock Fang 5
Lim Ah Sam 301, 305
Linehan, W. 4 – 7, 9, 271
Lingga 33, 49, 50, 52, 49, 184, 219, 258, 282, 283, 287, 294
Linggi 247, 252, 282
Lipat Kajang 37, 186, 258
Lipis 290
  daerah 339 – 342

literal 369
litograf
  versi 6, 25
  bentuk 24, 25
Little, Dr. 318
Lode Brakel 10
Long, Che Wan 328
Long, Encik Engku 53
Long, Tengku 243, 245
Long, Tuan 53
Lubuk Terua 315, 318
Lukut 248

M. A. Ahmad Fauzi Basri 23
Maali, Datuk 200
Maali, Encik 44, 48
Maaris, Encik 74
Mac 286, 290, 296, 303, 306
*magnum-opus* 4
  persejarahan 4
Mahadi, Raja 44, 93, 294 – 296
maharaja 192, 194
Maharaja China 271
Maharaja Jelai 29
Maharaja Johor 44, 45, 183
Maharaja Perba 200
Maharaja Perba Setia Indera 222
Maharaja Perba Tuk Raja Jelai 200, 290, 298, 311, 315, 337
Maharaja Perba Wan Idris 34
Maharaja Purba 186, 258
Maharaja Tajau 271
Mahkamah Keadilan Pahang 329
Mahmud 247, 256, 257, 258, 260,
Mahmud, Encik Engku 56
Mahmud Muzaffar Syah, Sultan 51, 64, 89, 288-289
Mahmud, Sultan 164, 185, 247 – 250, 259, 260
Mahmud (1519 – 1530), Sultan Pahang 279, 284
Mahmud II, Sultan (Johor) 26, 27
Mahmud Syah, Sultan (Pahang) 28
Mahmud Shah II, Sultan 280, 281
Mahmud Shah III, Sultan 282,285
Mahmud, Tengku 326, 327
  anugerah bintang C.M.G. 335
  pengiring ke Eropah 335
  pengisytiharan Pemangku Raja 335
  penyerahan takhta ?35
  putera 334
  Tengku Besar Pahang 47, 327, 335
  Tengku Panglima Besar 27
Maimunah, Encik 50
Majapahit 271
Majistret Desbara 45
Mansur, Sultan Pahang (1512 – 1519) 279
Majlis Mesyuarat Negeri 332, 334
  tambahan bilangan ahli 342
Majlis Mesyuarat Negeri Pahang 311, 313
  ahli-ahli 311, 337, 339
  ancaman politik Sultan Ahmad 311
  dan residen 313
  Encik Usuf bin Cik Tukang 339
  kesan dan fungsi 311
  mesyuarat kedua 313
  mesyuarat kelima 314
  penasihat 311
  perlantikan Ketua Kadi Negeri 343
  perlantikan Tengku Mahkota Pahang 343
  sesi persidangan pertama 311
  Tengku Panglima Perang, Tengku Yusuf 343
  undang-undang yang diluluskan oleh 311
Majlis Mesyuarat Persekutuan 332, 334
  Tengku Sulaiman, ahli 342
Majlis Persekutuan 1907 332, 333
  ahli-ahli 333
  cadangan 323
  melicinkan pentabdiran NMB 333
Majis Perundangan Negeri Selat 325
Majlis Tertinggi 312
Makam Tauhid 278
Makam Tuan Sentang 39, 75
makna 366
*'malaicus'* 4, 5
*'Malay Histories'* 5
Malaysia 29, 30
Mamat Kelubi 156
Mamat, Nakhoda 328, 329
Man bin Rahmat, Che 339
Mancis 312
Mandak, Tuan 186, 207, 223
Mansur, Sultan 278

Mansu, Panglima 38, 39, 180, 199, 203
Mansur 250, 256, 257
Mansur bin Ali, Engku Muda 17, 290
Mansur, Saiyid 295
Mansur, Sultan (1512 – 1519) 279
manuskrip 4, 355
Marhum Keraton (keris) 142
Mat Akhir, Tuk Muda 321
Mat Akil, Encik 41, 43
Mat Ali, Haji 37
Mat Ali, Imam Perang 8
Mat Ali, Raja 38
Mat Ali, Tuk Mukim 323
Mat Aris, Imam Perang 294
Mat Aris Rofel 318
Mat Asin, Panglima Raja 323
Mat Kelubi 322
Mat Kilau bin Imam Rasul (Tuk Gajah) 46, 155 – 58, 318 – 322, 324
 kebangkitan 155 – 158
Mat Lela 320, 324
Mat Salleh 318
Mat Som 36
Mat Wahid, Haji 324
*matter of facts* 13, 27, 24, 28
Mat Zain, Imam Perang 40
Maulud 38
Maxwell, W.E. 315
Mc. Callum, Leftenan 296
Megat Laksamana 248
Megat Sri Rama 26, 247, 248
 isteri 27
Mei 286, 293
Mekah 225, 318
mekanisme 17
Melaka 29, 273, 275, 276, 277, 280, 282, 283, 284
Melayu 189, 193, 255, 266, 273 – 279, 286, 287, 315
 bahasa 4, 5, 20
 bangsawan 17
 bukan 11, 20
 filologi 25
 hasil-hasil penulisan 5, 13
 hasil penulisan peribumi di dalam bahasa 4
 Johor – Pahang 27
 Jawa, literator 12
 kebudayaan 4
 kedaulatan dan kekuasaan politik 317
 kedudukan pembesar-pembesar 337
 kerajaan 29
 kesusasteraan dan kebudayaan 4
 Melayu – Bugis 29
 Melayu – Minangkabau 27
 menggabungkan Pahang dengan negeri-negeri 324
 naskhah 5, 6, 25
 negeri 12, 15
 Orang-orang Kaya 17
 ortografi 6
 Pahang 9, 11, 16, 17
 pemerintah 26
 pengarang 14
 Perak 6
 polis Melayu 316
 sastera 5
 sumber 30
 tradisi persejarahan 12
memanipulasi 9
Mempawah 286
Mendeleng 36, 43, 295
'menggabungkan' 8
'mengkahwin' 8
Mentakab 342
Menteri 258
Menteri Luar Siam 323
mesin taip 25
Messrs. Rodyk 306
Mesyuarat Raja-raja Melayu 47
metafizika 4
mikrofilem
 ms. 937 dan bermikrofilem no. 204
 ukuran 6
Milner, A.C. 6, 32
Minangkabau 27, 248, 250, 284
minda 366
minuman keras 312
minyak 312
Misa Melayu 4
Mitchell, Gabenor 47, 161
mitos 12, 14, 16, 17, 18, 19
mitos legenda 27
*'modern works'* 5
monopoli perdagangan 279, 285, 285, 289
Mubarak, Sheikh 226

Muda 258
Muda, Engku 53, 54
Mufti 213, 225
Muhammad 258
Muhammad bin Idris bin Muhammad bin Ismail 29, 258
Muhammad bin Koris 257
Muhammad Hassan bin Haji Jan 23
Muhammad Khalid, Che Wan 253
Muhammad Kilau 141, 145, 148
Muhammad Lingga, Sultan 287
Muhammad Nor bin Haji Abdul Hamid, Haji 11, 14, 18, 37, 39, 41, 44, 45, 74, 120, 122, 123, 141, 142, 143, 146, 148, 151, 159,295, 296, 305,
Muhammad, Che Wan 253
Muhammad, Encik Engku 53
Muhammad, Engku Muda 284
Muhammad, Sheikh 226
Muhammad Sabidi 201
Muhammad Shah, Sultan Pahang (1470 – 1475) 273 – 275
Mut, Engku 80
Muzaffar Shah, Sultan Melaka (1445 – 1456) 273
Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang 6, 7, 8, 9, 25

Nakhoda Cek Sekam 251
Nakhoda Marekan, orang Keling 119
Nang Cayang 249
Napoleon Bonaparte 284
naratif 4, 6, 8, 18-21
naratif induk 9
naratif komposisi 10
naratif lisan 17
naratif mengenai adat istiadat 10
naratif syair 24
'nasi balas bidan' 264
nasionalisme 324
naskhah asal 7, 8, 26
naskhah bercorak sejarah 3, 4
naskhah bertulisan Jawi 6
naskhah bertulisan rumi 6
naskhah berversi pendek 5
naskhah-naskhah individu 9
naskhah Jawi 6
'naskhah lengkap' 8
naskhah salinan 9
naskhah salinan taip 7
naskhah tunggal HJP 25
Negarakertagama (1365) 271
Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NMB) 325
  Anderson, John, Pesuruhjaya 333
  Pahang menyertai 334
  tentera dari 337
Negeri-negeri Selat 326
Negeri Sembilan 11
Negeri-negeri Tanah Melayu 275
*ngarai* 17
Ngah, Che Wan 256 – 257
Ngah, Engku 51, 184, 208, 213
Nik, Cik Engku 53
Nit, Che Wan 256, 257
Nit, Encik 41, 184
Nong Chik 186
Nong, Tengku 327
November 286, 289, 291, 292, 295, 296
Nusantara 14
Nyak, Encik 40, 69, 70, 78

objektif 366
objektif-historis 23
objektif kuasa 314
Ogos 285, 292, 296, 307
Oktober 294, 305
oligarki 290
Omar 250
oral 29
  popular 30
  sumber 23
  tradisi 5, 4
Orang Besar-besar 53, 129, 133, 135, 143, 151, 260, 261
  Bentara Kanan 50
  Bentara Kiri 50
  Datuk Temenggung 50
  Laksamana 50
  Pegawai 50
Orang Besar Empat 176, 185, 195, 222, 257, 258, 259, 266, 313
Orang Besar Berlapan (Delapan) 258, 313
Orang Besar Enam Belas 258
Orang Besar Tiga Puluh Dua 258
Orang Bukit Segumpa 139
Orang-orang Bugis 72

Orang-orang Eropah 318
Orang Jelai 69
Orang Kaya Bakti 307
Orang Kaya Chenor 38, 293, 295, 311, 313, 318
Orang Kaya Haji 186, 200
Orang Kaya Imam Perang Indera Gajah Pahang 296
Orang Kaya Indera Maharaja Perba 287
Orang Kaya Indera Pahlawan 258, 260, 287
Orang Kaya Indera Segara (Che Ungku) 258, 260
Orang Kaya Indera Syah Bandar 257, 260
Orang Kaya Jelai 43, 44
Orang Kaya Lipis 292, 298, 313, 334
Orang Kaya Setiawangsa Lipis 335
Orang Kaya Shah Bandar 292
Orang Kaya Temerloh 292, 294, 313, 318
Orang Rawa dan Mendeleng 66, 67, 68, 73, 77, 116, 167
Orang-orang Sikh 318
Ord, Harry, Gabenor 107, 291, 328
Orion (kapal) 134
ortografi
  Melayu 5
  tangan 24, 27

Owen, Encik 331
Pahang Muar 199
Padang Buluh 254
Paget 331
Pahang, Pahang Darul Makmur
  adat-istiadat Johor dan 22, 27
  banci penduduk di 315
  Bendahara 254 – 257, 328
  campur tangan dalam hal-ehwal politik 24
  campur tangan Inggeris di 24
  generasi 19
  gua di 4
  *high society* 22
  hubungan Johor dan 328
  hubungan Terengganu – Pahang 328
  hubungan kekeluargaan Johor, Pahang dan Terengganu 22
  'perang sama sendiri' di 17
  hutang 326
  isu tuntutan ke atas Pulau Aur 328
  keberangkatan Sultan Pahang ke Perak 24
  kerabat 18, 21
  kerajaan dan pemerintahan 9
  masalah sempadan Pahang–Johor 328
  masalah sempadan Pahang dan Terengganu 329 – 330
  masyarakat peribumi 4
  memegang dan mentadbir hal-ehwal 12
  Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan 6
  naskhah-naskhah bercorak sejarah 5
  pemberontakan di 321 – 322, 337, 339
  Pemberontakan Pahang 326, 339
  pembesar-pembesar 6, 319
  pemegang dan penguasa politik 16
  pemerintah-pemerintah 6, 11, 12, 24, 325
  peranakan 7
  perang saudara di 24
  periode sejarah 9
  peristiwa politik dan kebudayaan yang terjadi di 14
  politik lama 10
  Raja 28
  rakyat Melayu 9, 16
  Residen Inggeris 10
  sempadan Kelantan dan 318
  sempadan Pahang 328
  sistem dan adat pembesar 29
Pahang Saberang 256
pahlawan 316
Paka 182, 185, 187, 188, 290
Pa-la-mi-so-la-ta-lo-si-ni 272
pampasan 308
Pancor 281
Panglima Balai 258
Panglima Garang Raja 190
Panglima Jempol 318
Panglima Kinta 230
Panglima Kiri 36
Panglima Kumbang 190
Panglima Laut 189, 205, 258
Panglima Muda 37, 290, 318
Panglima Perang 180, 275,
Panglima Perang Kiri 36

Panglima Perang Raja 37 – 40, 292
Panglima Raja 41, 292 – 293
Panglima Tapuk 190, 203
Pantai Beruas 255
paradox fakta 366
pararaton 12
Parit, Tuk 50, 51
Parsi, langgam 229
'pass' 46
Patterson, William 291, 301
Patani 249
Pedah 254
Pegawai Daerah 311
pegawai Eropah 318
pegawai konsul 305
Pejabat Daerah Kuala Lipis 311
Pejabat Koloni 306, 307, 325
Pekan Seberang 254
pelias 322
pemakanan 136, 137
Pemangku Bendahara 293
Pemangku Gabenor 299
Pemangku Pemungut Cukai Temerloh 316
Pemangku Sultan 310
pembantu Penghuju Cheka 339
pembantu Penghulu Ulu Jelai 339
pembesar Delapan 343
pembesar empat 31
pembesar enam belas 343
pembesar kelas kedua 315
pemerintah
  Acheh 278
  bebas 286
  Johor–Pahang 280, 283
  Melaka 273, 276
  Melayu 276
  Pahang 273, 275, 277, 293
  Siam 275
pemilik hamba 312
Pemungut Cukai Pekan 310, 312
Pen Keng 271
Penarek 249
Penasihat British 45, 325
pendapat historis 9
pendekatan textual interpretation 5
penghulu 314, 315, 339
Penghulu Balai 45, 74, 261
Penghulu Kemaman 34
Penghulu Kuala Kuantan 339
Penghulu Kuantan 256
Penghulu Pengur 257
penghulu tradisi 310
Penghulu Ulu Kelantan 339
pengisytiharan pengampunan 317, 320
Penjum, Syarikat 334
penyakit paru-paru 343
Penyusuk 255
peperangan 10
  di antara Wan Mutahir dengan Wan Ahmad 24
  di kuala Tembeling 66
  di Pulau Tamai 81 – 83
  Pemberontakan Pahang 1891 – 1893 6
  peperangan Inggeris–Belanda 284
  Perang Endau 65
  Perang Jihad (Sabil) 321
  Perang Kelang 105 – 117
  'perang sama sendiri' 17
  Perang Saudara (1857 – 1863) 10, 41 – 42, 288 – 289, 293 – 294, 297, 301
  Perang Saudara di Pahang 23
  siri-siri 10, 15
  Perang Selangor 10
Perak 47, 220, 228 – 231, 296, 300, 307 – 308, 325, 327 332
  keberangkatan Sultan Pahang ke 26
  pembesar 4
  pemerintah 6, 12
  politik lama 10
  Sultan 333
peranakan Lingga 24, 25
Perancis 287
Perbadanan Pahang 305, 306
Perbendaharaan Negeri 308, 326, 334
perhambaan 311
peribumi 366, 367
Peringatan Sejarah Negeri Johor 28
Perintah Majlis No. 5 – sistem kerah 341
Perjanjian
  Perjanjian (1826) 296
  Perjanjian (1887) 305
  Perjanjian Inggeris–Belanda 289, 287
  Perjanjian Inggeris–Siam (1899) 331
  Perjanjian Johor 304, 305
  Perjanjian Pahang–British 305

perjanjian perniagaan 328
Perjanjian Sempadan 2862, 328
Perjanjian Sultan Alauddin Riayat Shah III dan Portugis di Melaka 280
Perjanjian Terengganu-Siam (1902) 331
Perjanjian Weld 325
Perdana Menteri 190
perkahwinan kerabat 25
Perlak 258
perlombongan 311, 313
Perpustakaan Universiti Malaya 5, 6, 7, 24, 27
Perpustakaan Universiti Singapura 27
Persidangan DURBAR 332, 333, 343
Persidangan Majlis Raja-raja Melayu 25
perspektif 368
Pertang 324
pewaris takhta 343
Phya Dhib Kosa 324
pihak hilir
angkatan 9
perlanggaran pihak hulu dan 75
polis Sikh 316, 322
polisi 285, 292
*political and compositional slant* 14
polity 15
Portugis 271, 276 – 278
pragmatik 335
Prapanca 271
*preamble* 19
premis istana 367
*priority* 368
proses transisional 14
prosedur 332
protagonis 10, 13
tokoh 13, 19
induk 13
protegenya 21
protokol keistanaan 5
Pulau Aur 329
Pulau Bulang 281
Pulau Bunguran 184
Pulau Jawa 34, 170
Pulau Jawi 40
Pulau Jemaja 184
Pulau Kemahang 182
Pulau Kepayang 39, 75
Pulau Lebak 39
Pulau Lingga 281
Pulau Manis 40, 290
Pulau Pelak 39
Pulau Riau-Lingga 289
Pulau Rumput 39, 40
Pulau Serasan 184
Pulau Siantan 184
Pulau Singkep 184
Pulau Subi 184
Pulau Tambelani 281
Pulau Tawar 44, 226, 279, 296, 315, 317, 319, 320
Pulau Tekong 289
Pulau Temai 40, 41
Pulau Tioman 294
Putera Jaya 252
Putera Mahkota Pahang 308
Putera William V of Orange 288

Queen 213, 220, 227, 229
Queen Inggeris 47
Quran 6, 223, 225

Rabhul Izzati 187, 224
Raffles, Stamford 259, 285
*raison d'entre* 306
Raja 247, 249, 250, 255, 256, 258, 259
Raja Bendahara 28
Raja Bugis 250
Raja dan Permaisuri England 343
"raja diraja" 265
Raja Indera Bongsu 283
Raja Johor 249
Raja Kecil, Kecik 22, 192, 193, 250 – 252, 284
Raja Ligor 275
Raja Melaka 275
Raja Muda 247, 248, 250, 258, 259, 290, 311 – 312, 327
Raja Minangkabau 250
Raja Pahang 34, 35, 41, 44, 253, 254
Raja Patani 249
Raja Riau 252, 253
Raja Siam 288
Raja Singapura 259
Raja Temenggung 283
Raja Tua 283
Rajab, Lebai 256
Rantau Lepar 255

Rasiah, K. 8
Rasu, Panglima Perang 320, 324
Imam Perang 39 – 41, 45 – 46, 66, 68, 69, 83, 84, 91, 92, 96, 98, 100, 109, 119, 122, 123, 125, 129 – 130, 133, 152, 293 – 296
Khatib 38, 39, 68
Rasul 213
Raub 37, 291, 294, 325, 339, 341 – 342
Rawa 36, 37, 43, 291, 296
Rawa Mendeling 37, 179, 189, 195
Read, W. H. M. 296
realisme 18
*reflective* 368
Rejab 210
rekod-rekod kolonial 22
relevan 368
Rembau 42, 290
Rengka 37
reportasi 20
*representative* 30
Residen British 32, 43, 45, 46, 213, 222, 286, 302, 305, 307, 308, 311, 312
Butler, A. 329
Clifford, H. 329
cukai dikutip oleh 312
dengan kebenaran Sultan 327
penasihat Majlis Negeri Pahang 311
penasihat Sultan 333
penentang pemerintahan 313
Scott W. D. 337
Selangor 315
Sungai Ujong 306
Residen Jeneral 327, 330 – 334
Residen Jeneral Negeri-negeri Melayu Bersekutu 162 – 163
Retih 184
revolusiner 287
Riau 52, 184, 252, 254 – 259, 271, 286 – 289
Riau–Lingga 284, 285, 287
Rodger, John Pickersgill 10, 15, 47 – 53, 136, –138, 308, 310, 317
Rompin 255, 310
royalti 301
Rumah Johor 231

Sa Gumpal 293
Sakai (penduduk asli) 316
Salasiah Raja-raja Melayu 27
Saliwatang 39
Saman (Uthman), Sayid 324
San-fo-tsi 271
Sanat bin Tengku Muda, Tengku 339, 340
Sanggang 42
Sanggang, Tuan 53
santap 28
sastera, kesusasteraan
dan kebudayaan Melayu 4
hasil 4, 23
Melayu 5
pengarang Jawa 13
rakyat 4
sumber dan rekod rasmi Barat 4
Savarimuthu A. 9
Saiyid Deraman 43, 180, 199, 205, 294
Saiyid Hussain 324
Saiyid Idrus 178, 290
Saiyid Mokhsin 187
Saiyid Yassin 187, 205
Sayyid 182, 187, 224, 257
Sayyid, Engku 54, 58, 72, 85, 94
Scott, W.D. 339
Sea Belle (kapal) 131, 158, 228, 240
Sedili 256
Sedili Besar 273
sejarah
ahli-ahli 20
cara masyarakat setempat menutur dan menulis 5
episod 17
fungsi pemaklumatan 5
hasil-hasil penulisan Melayu bercorak 3, 5
Jawa 13
kebangkitan Pahang 12
lokal 32
naskhah-naskhah bercorak 5
objektif 22
penulisan bercorak 4
peperangan saudara 11
peribumi 31
peristiwa-peristiwa 5, 12
sumber 22
teks-teks 5
Sejarah Johor 26
Sejarah Kesusasteraann Melayu Klasik (1975) 23

Sejarah Melayu 6, 273
atau Sulalatus-Salatin 4
(dieja Sidjara Melajou) 6
teks-teks 4
Sejarawan 365, 368
Selangor 10, 42, 43, 91, 106 – 118, 252, 398, 315, 316, 325, 326
elaun 327
kerabat diraja 339
melarikan diri ke 316
pembayaran 326, 327
peperangan digabungkan dengan 315
Perang Saudara di 326
tradisi politik lama 10
Selat Melaka 276, 280, 279, 289
Selat Singapura 287
Selensing 314
Semantan 42, 137, 140, 254, 290, 310, 315
Semenanjung Tanah Melayu 276, 277, 289, 290
Senik Mulut Merah, Raja 36
sensitif 311
serampang dua mata 277
Seri Bija Diraja 273
Seri Johor 248
Seri Nara Diraja 273
Seri Paduka 218, 219, 228
Seri Pasir 248
Serting 40
Setaka 258
Setala 22
Setia Muda 258
Setia Perkasa 186, 258
Setiausaha Negeri 326, 343
Setia Wangsa 258
sewa tanah 313
Siak 251, 252, 281
Siam 35, 276, 278, 291, 294, 326, 333, 334
*significant* 20
Sikh 46
Silawatang 199
Silsilah Raja-raja Melayu dan Bugis 14
Singa Geroda 59, 182
Singapura 23, 34, 35, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 46, 52, 56, 58, 60, 120, 121, 123, 126, 129, 131, 132, 133, 144, 146, 150, 152, 153, 157, 158, 169, 173, 219, 226, 227, 231, 232, 239, 253, 259, 286, 289, 298, 299, 303, 309, 320, 322, 328, 332
dilitografikan di 22
Inggeris memasuki 21
Seripada 22
Setala 22
setting 22
syahda 22
sistem kerah 320, 341
sistem kerajaan tradisional 311
sistem residen 306 – 308
Inggeris 16
di Negeri Sembilan 11, 333
di Pahang 11, 25
di Perak 11
di Selangor 11
di Pahang 308, 314, 334
residen pertama Pahang 308
sistem pembesar 'empat lipatan' 29
sistem pentadbiran Barat 310
sistem pentadbiran kolonial 13
sistem pentadbiran tradisi3 10
Skuner 193, 194, 196
Smith, Sir Cecil 132, 145, 149, 159, 306 – 307, 328
Sopok, Encik 44
Sri Menanti 343
Srivijaya 271
steam 241
stemma 8
Steward 318
*straight forward* 28
stereotype 27
subjektiviti, subjektif 21
Su Kim 307
Sulaiman 258, 259
Sulaiman, Tengku 47, 245
Suleiman ibni almarhum Sultan Ahmad, Tengku 339
ahli majlis mesyuarat persekutuan 342
Tengku Besar Pahang 339
Suleiman, Sultan 252, 254 – 258, 281, 285
Suliwatang 7
Sultan Bangkahulu 43, 260, 261
Sultan Johor 42, 46, 251, 253, 307
Sultan Mangkat Berjulang 248
sultan Melaka 279
Sultan Pahang 44, 45, 46, 260, 298
Sultan Terengganu 44, 169, 182, 292

Sulung, Che Puan 252
Sulung, Che Wan 256
Sulung, Tuan 253
Sumatera 280, 287
sumber-sumber
  (dieja) Sidjara Melajou 6
  Dagh-Register 33
  dan rekod rasmi Barat 4
  kecondongan sejarah (historical slant)
  Koloniaal Archief 33
  Koloniaal Tijdschrift 33
  sikap sejarah (historical attitude)
  sumber-sumber tradisi 367
Sungai Bera 40, 41, 293
Sungai Duri 39, 318
Sungai Endau 288
Sungai Galas, Kelantan 323
Sungai Jelai 38
Sungai Katong 328
Sungai Kelantan 278
Sungai Kemaman 331
Sungai Kemia 324
Sungai Kenabui 305
Sungai Kuantan 291, 292
Sungai Linggi 252
Sungai Muar 279
Sungai Pahang 44, 316, 342
Sungai Pekan 251
Sungai Pertang 323
Sungai Pukim 328
Sungai Rompin 255
Sungai Semantan 315, 316
Sungai Semberong 328
Sungai Tembeling 278, 315, 318
Sungai Ujong 296, 325
surat
  Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad kepada Tengku Kudin 107
  Sultan Johor 152
  surat cap 34, 57
  surat Gelaran 160
  surat saman 329
  Tengku Diauddin kepada Datuk Bendahara Siwa Raja Ahmad 106
Suruhanjaya sempadan 328
Sultan Bangkahulu 116, 117
Sutan Garang 63
Swettenham, F. A. 45, 129, 130, 161, 296, 298, 302, 326, 328
syafaat 56
Syah Alam 266
Syahbandar 230
syair 367
Syair Tanah Melayu (STM) 24, Bab 4
Syariff Masyhur 43
Syarikat Pahang 301
Syarikat Penjelajahan Pahang 318
Syarikat Perlombongan Pahang 301, 304

tadbir-cum-penulis 4
Tahir 254, 256
Tahir Ahmad bin Hassan bin Aji bin Muhammad 258
Tahir bin Ali 256
Tahir, Tun 51
Talib 36, 258
Talib, Encik 191, 290
Tan Lai Kim 303
Tanah Melayu 276, 287
Tanah Simpanan Melayu 341, 342
Tanah Simpanan Melayu Bera 341
Tanah Simpanan Melayu Semantan 341
Tanah Simpanan Melayu Tampoian 341
Tangguk Bingkal Tembaga, Datuk 49, 50, 51
Tanjung Batu 37
Tanjung Batu, Kerdai 292
Tanjung Belawan 261
Tanjung Gelugor 329
Tanjung Gelugor Besar 331
Tanjung Kandis 249
Tanjung Kuala Pahang 260
Tanjung Luang 249
Tanjung Medang 35
Tanjung Pak Kera 192
Tanjung Parit 255
Tanjung Pebian 241
Tanjung Puteri 41, 205, 253
Tanjung Rengas 35
Tanjung Tembeling 35
Tanjung Tengah 331
Tebing Tinggi 292
Teh Ibrahim 322, 324
Teh, Che Wan 256
Teks-teks
  ***A History of Classical Malay Literature*** 5

*A History of Malay Literature* 5
Aturan Setia Bugis dengan Melayu 14, 29
Babad Grisek 14
Babad Ken Angrok 14
Babad Tanah Jawi 14
Bustanus-Salatin 9
Hikayat Banjar 14
Hikayat Johor 29, 30
Hikayat Johor serta Pahang 6, 22, 28 – 32, Bab 5
Hikayat Merong Mahawangsa 4
Hikayat Muhammad Hanafiyyah 10
Hikayat Pahang 4, 5, 6 – 25, Bab 3
Hikayat Patani 14
Hikayat Raja-raja Riau 29
Hikayat Seri Kelantan 4
Hikayat Siak 14, 29,
kaedah penyelenggaraan 10
Kerajaan: *Malayan Political Culture on the Eve of Colonial Rule* 6
Misa Melayu 4
Pararaton 14
Pemberontakan Pahang 1891–1895 6
Peringatan Sejarah Negeri Johor 29, 30
Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik 5
Sejarah Melayu atau Sulalatus-Salatin 4, 14,
Sejarah Pahang 6
Sidjara Melajou 6
Silsilah Raja-raja Melayu dan Bugis 14, 29
Syair Kisahnya Ungku Puteri 24
Syair Perang Johor 24
Syair Perang Johor 25
Syair Speelman 23, 25
Syair Sultan Abu Bakar 6
Syair Sultan Abu Bakar bin Sultan Ibrahim 6
Syair Sultan Abu Bakar ibni Sultan Ibrahim, Johor 6
Syair Sultan Maulana 25
Syair Tanah Melayu 6, 19, 22 – 27, Bab 4
Tuhfat al-Nafis 4, 29
telefon 342
telegraf 342
Teluk Anson 228
Teluk Belanga 34, 40, 174, 191, 192
Teluk Blangah 287
Teluk Kandang 251
tembakau 312
Tembeling 37, 254, 290, 339
Temenggung 15, 26, 28, 34, 230, 247, 252, 253, 254, 255, 257, 259, 261, 266, 281, 286, 287, 293, 294, 312, 328
Temenggung Engku Muda 259
Temenggung Johor 289
Temenggung Seri Maharaja 253
Temerloh 38, 258, 310, 315, 316, 317, 341, 342, 343
Tempasuk (Borneo Utara) 286
Tenai 293
Tengku Abdullah 257, 260
Tengku Ahmad, Tengku Panglima Besar 24, 29
Tengku Ali 134, 137
Tengku Ali, Raja Muda 317, 318, 327
Tengku Ampuan Besar Pahang 28, 260
Tengku Ampuan Pahang 44, 254
Tengku Arif Bendahara 343
Tengku Arif Temenggung 343
Tengku Bendahara 29
Tengku Besar 47, 220, 233, 234, 238, 242, 257, 259, 260
Tengku Chik 287
Tengku Besar Pahang 5, 8, 47
Tengku Besar Putera 240
Tengku Dalam 257
Tengku Diauddin (Tengku Kudin) 43, 106 – 108, 117, 118, 120, 295 – 296
Tengku Husin 259
Tengku Ibrahim 25
Tengku Kamariah 251, 252
Tengku Kelsum 257
Tengku Lung 257
Tengku Mahkota 27, 253, 343
Tengku Mahmud 134, 135, 140, 145, 146, 151, 153, 220, 257, 259, 299, 308, 310, 311, 312
ahli majlis Negeri Pahang 311
ahli Majlis Tertinggi 312
pemangku Raja 337
pendidikan awal di Singapura 310
pengganti Sultan Ahmad 337

pengisytiharan Pemangku Raja 335
perantaraan di antara British dan Sultan 310
putera Mahkota Pahang 308
saranan Clifford disokong oleh 313
sokongan terhadap British 312
Tengku Besar Pahang 327
Tengku Mandak 250 – 251
Tengku Mariam Johor 24, 28, 46, 47, 234, 257, 260
Tengku Muda 29, 222, 257
Tengku Muhammad 257
Tengku Nung 257
Tengku Omar 45, 47, 257
Tengku Panglima Besar 343
Tengku Puan Besar 47, 239, 242
Tengku Puteri 253
Tengku Safiah 35
Tengku Sulaiman 251, 257
Tengku Yusuf ibni almarhum Sultan Ahmad, Tengku Panglima Perang 343
Terengganu 10, 34, 36, 38, 44, 46, 56, 185, 186, 248, 249, 250, 254, 273, 288, 289, 291, 292, 321, 323, 328, 329
hubungan Terengganu – Pahang 328
kerajaan rakyat 327, 329
pemerintah 328
peniaga 328
'tetulang' 368
*textual interpretation* 3
Thomson, H.W. 329
Tioman 256
Tir 37
title page 23
tradisi
'pembeberan' peristiwa 13
bersyair 24
mitos 3
nilai 9
oral 3, 4, 26
pembesar Melaka 29
persejarahan 3, 12, 14, 16
persejarahan Johor-Pahang 27
polity Johor-Riau 14
sejarah Kesultanan Pahang 20
tulisan 3
transkripsi berkurung 8
transkripsi tidak berkurung 8
Tras 310, 314
Treacher, W 47, 298
Trusang 298
'tuan besar' 298
Tuhfat al-Nafis 27
Tuk Bakar 298
Tuk Bandar 313
Tuk Busu Dollah 292
Tuk Gajah 48, 215, 299, 324
Tuk Kaya 225, 297
Tuk Kaya Bangau 57
Tuk Kaya Chenur 57, 71, 116, 117, 123, 124, 139
Tuk Kaya Lipis 37, 39, 44, 69, 73, 92, 96 – 119, 122, 186, 318
Tuk Kaya Temerloh 37, 38, 39, 57, 60 – 68, 71, 75, 78 - 80, 116, 148
Tuk Lela 57
Tuk Raja 36, 185, 200, 202, 297, 318, 321, 323
Tuk Raja Jelai 292
Tuk Sandika Raja 234
Tuk Syahbandar 39
Tuk Tangguk Bingkal Tembaga 33
Tuk Tunggal 38, 39, 40, 70, 72, 293
tulisan
bentuk 6
Jawi 4, 5, 22, 26
ortografi tangan bertulisan rumi 26
rumi 4, 5, 25
tradisi 3
Tun Abas 254, 284
Tun Abdul Jalil, Bendahara 40, 283
Tun Abdul Jamal, Temenggung 287
Tun Abdul Kadir 28, 256
Tun Abdul Mutalib 287
Tun Abdul Paduka Raja 283
Tun Abdul Rahman 256
Tun Abdullah 28, 256
Tun Ali 43 – 45, 126, 257, 259, 331
Datuk Bendahara Seri Maharaja 35,40, 49, 51, 54
Bendahara 10, 16, 37
Tun Ali (putera Daing Kemboja) 286
Tun Buang 53
Tun Dalam 43, 44
Tun Deh 254, 256
Tun Fatimah 41

Tun Habib Abdul Majid, Bendahara 27, 283
Tun Jambul 256
Tun Khatijah 252
Tun Kuris 284, 287, 291, 292, 293
Tun Long 41, 43, 44
Tun Mahmud, Yam Tuan Muda 42, 44, 45, 124, 284
Tun Mandak, Imam Perang Raja 291
Tun Mansur 43, 119
Tun Mas Jiwa 284
Tun Muhammad 254 – 256, 287
Tun Muhammad bin Abdul Majid, Bendahara 28
Tun Mutahir
 Bendahara 9, 14, 16, 18, 19, 21
 Engku Muda 9, 14, 33, 34, 35, 36
 Wan 41, 42, 43, 82, 287, 288, 289, 290, 292, 293, 294, 295
Tun Osman 256
Tun Selamah 42
Tun Yusuf 254,
Tunggal, Panglima 290
Tunku Putri 288 – 289

Uda, Encik 41
Uda, Encik Engku 213
ufti 276, 289
*ultra vires* 306
Ulu Cheka 318
Ulu Jelai 339
Ulu Kelantan 311, 339
Ulu Klang 295
Ulu Lebih 318
Ulu Lebir 321, 323
Ulu Pahang 297, 298, 310, 311, 314, 322
Ulu Selangor 296
Ulu Sungai Endau 329
Ulu Sungai Gaboh 331
Ulu Tembeling 292, 321, 342
Ulu Terengganu 321
Umar, Tengku 246
Undang-undang British 315, 316
Undang-undang buruh paksa 311
Undang-undang perlombongan 313, 315
Ungku Andak 335
Ungku Muda 343
Ungku Saiyid Paloh 321

Upu Daing Merewah 252
Upu Daing Parani 250, 251, 252
Upu Kelana Jaya Putera 284
Usuf bin Che Tukang, Encik 339
Usuh, Encik 180

variasi 27
Van Peursen, C.A. 19
Versi jawi 6, 8, 9, 25
Versi litograf 22, 23
Versi ortografi 22, 23
Versi rumi 6, 8, 9, 25
veto 334
vision budaya 368
volte face 299

Wahab, Tuk Muda 231
Wak Siwa 256
Walker, Tuan Kolonel 46, 148, 149, 156
Wan Abdul Rahman 290, 294
Wan Abu Bakar, Johor, Encik 56
Wan Ali 28, 256
Wan Aman 287, 292, 293, 294, 295
Wan Andak 28
Wan Andak (Penghulu Kuantan) 28, 256
Wan Buang 36, 64
Wan Chad 311
Wan Char 257
Wan Cik 28, 60, 256, 339
Wan Da 294, 295
Wan Dagang 290
Wan Dagang Kelembak 28, 256
Wan Dagang Kemaman 59, 61
Wan Daud 36, 37, 39, 43, 66, 68, 69, 73, 118, 119, 291, 292
Wan Daud, Haji 311
Wan Deraman 248
Wan Deris 200
Wan Deris, Maharaja Perba 58
Wan Embong 35, 36, 184, 290, 292
Wan Endut 28, 256
Wan Hitam 28, 256
Wan Ismail 287
Wan Kadir 28, 256
Wan Majid bin Wan Andak 339
Wan Mansur, Engku Muda 299, 301, 302, 303
Wan Mat Salleh 231
Wan Mohammed bin Wan Idris 337

1 2 AUG. 1992

Wan Muhammad 185, 290
Wan Muhammad, Datuk Setia Muda 291
Wan Su 28, 256
Wan Suleiman 287
Wan Sulung 28, 256
Wan Tanjong 318
wang pendahuluan 328
wangkang 51
waris agnatik 349
watikah 47
Watson, Edwin 306
Wee Lian Peh 322
Weld, Tuan Gabenor 131, 303 - 305
*weltanchaaung* 368
*'who's who'* 10, 29
Winstedt, R. O. 4 - 6, 9
Wise, Encik 46, 315, 335
Wise, Tuan 151, 157
Wolterback, Laksamana Belanda 289
*world-view* 8, 9, 20
Yaakub 38
Yaakub Isa 23
Yahya 186
Yahya, Che Engku 254, 259
Yahya, Encik 39, 40
Yamtuan Johor 284
Yamtuan Muda (1641 - 1676) 280, 282 - 283, 286
Yamtuan Muda Riau 282, 283
Yamtuan Negeri Sembilan 333
Yap Ah Loy 43
Yeo Pan 303
You Hui 45
Yusof 329
Yusof, Tengku 47, 245
Yusuf, Panglima Garang 227, 317, 322
Yusuf, Tuk Muda 318

Zainal Abidin 249, 250
Zainal Abidin III, Sultan Terengganu 323, 324
Zakri, Haji 256
Zaman kolonial 369
Zaman Melaka 369